

# **DEWAN MAJLIS**

**LAPORAN PENUH  
(HANSARD)**

**MESYUARAT PERTAMA DARI  
MUSIM PERMESYUARATAN KESEBELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**PADA**

**HARI KHAMIS, SABTU, ISNIN, SELASA,  
RABU, KHAMIS, SABTU, ISNIN, SELASA, RABU,  
KHAMIS, SABTU DAN ISNIN, 14, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 25, 26,  
27, 28, 30 JAMADILAWAL DAN 2 JAMADILAKHIR 1436 HIJRAH  
BERSAMAAN 5, 7, 9, 10, 11, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 21,  
DAN 23 MAC 2015 MASIHI**

**BERTEMPAT  
DI DEWAN PERSIDANGAN,  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,  
DEWAN MAJLIS,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

## **JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia  
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,  
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,  
**Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar,  
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,  
**Jurutulis I (Pertama) Majlis Mesyuarat Negara.**

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.  
**Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.**

Yang Mulia Awang Omsarule bin Haji Awang Omar,  
**Pegawai Pentadbir Tingkat Khas.**

Yang Mulia Awang Haji Adanan bin Haji Manggong,  
SNB., SMB., PIKB., PKL.  
**Pegawai Tugas-Tugas Khas.**

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,  
**Penolong Jurutulis.**

## **PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)**

### **Bahagian Laporan**

Awang Haji Adam bin Haji Abdul Wahab, Ketua Pemberita Majlis (Ketua Penyunting)  
Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Penyunting).  
Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyusun).  
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis (Penyusun II).  
Awang Norhakimin bin Nordin (Pemberita Majlis).

### **Penyunting**

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir.  
Awang Haji Moxsin bin Haji Durahim

### **Pemberita Sambilan**

Dayang Rabayah binti Mohamad, Setiausaha Sulit.  
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit.  
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Rane, Setiausaha Sulit.  
Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit.  
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit.  
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit.  
Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit.  
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah, PPKT Tingkat II, (Penyusun I)  
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail, Pembantu Perpustakaan Tingkat I.  
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani.  
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani.  
Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani.

### **Bahagian Penjilidan**

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod.  
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II.  
Dayang Hajah Zaliha binti Dato Paduka Haji Mohd. Yassin.

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436H / 5 Mac 2015M</b>		
1.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	<b>PERKARA I</b> - Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	4
4.	<b>PERKARA II</b> - Mengesahkan Minit	5
5.	PERKARA III - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
<b>Hari Sabtu, 16 Jamadilawal 1436H / 7 Mac 2015M</b>		
6.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	10
7.	Doa Selamat	13
8.	<b>PERKARA IV - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2015 - SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2014 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	14
9.	<b>KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 2 TAHUN 2015 - ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2015/2016</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	14
10.	<b>PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	15
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	16
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	16
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	21
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	21

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	22
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	23
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	23
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	25
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	25
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	28
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	29
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	31
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	32
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	36
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	37
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	39
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	40
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	41
<b>11.</b>	<b>PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	45
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	52
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	53
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Haji Zainal	56
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	59
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	62
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	64

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	65
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	68
	<b>Hari Isnin, 18 Jamadilawal 1436H / 9 Mac 2015M</b>	
12.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	72
	Doa Selamat	75
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	76, 79
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	80
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	83
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	84
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	87
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	91
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	94
14.	<b>PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	97
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	128
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	129
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	132
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Haji Salbiah binti Haji Sulaiman	134
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	138
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	139
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	141

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
15.	<b>Bab 2, Ceraian (1), (2)</b>	143
	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
	<b>Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A dan Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	144
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	148
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	148
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	149
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	150
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	151
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	152
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	153
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	153
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	153
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	154
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	154
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	155
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Haji Zainal	156
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	157
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Karim	158
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulaiman	158
	<b>Hari Selasa, 19 Jamadilawal 1436H / 10 Mac 2015M</b>	
16.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	160
17.	Doa Selamat	163

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>		
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	164
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	164
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	166
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	166
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	168
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	169
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	170
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	171
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	172
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	173
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	174
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	174
<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>		
	<b>SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI</b>	177
	<b>Sambungan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A dan Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A</b>	177
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	177
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	181
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	188, 190
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	191
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	191
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	191
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	193



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	194
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	194
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	195
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	196
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	198
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	201
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	201
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	203
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Haji Salbiah binti Haji Sulaiman	204
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	205
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka	206
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	207
	Yang Berhormat Menteri Tenaga ( <i>Minister of Energy</i> )	216
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	224
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	226
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	228
18.	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>	
	<b>Tajuk SB - Kementerian Pertahanan</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	229
19.	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>	
	<b>Tajuk SD01A hingga Tajuk SD08A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	231

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Hari Rabu, 20 Jamadilawal 1436H / 11 Mac 2015M</b>		
20.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	237
21.	Doa Selamat	240
<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>		
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	241
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	242
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	243
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	244
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	245, 246
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	246, 247
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	247
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	248
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	249
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	250
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	250
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	253
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	253
<b>PERKARA VI (a) - SATU USUL YANG TIDAK DIBERI NOTIS</b>		
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	255
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	255

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015)</b>	
22.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>	
	<b>Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A</b>	257
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	257
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	262
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	263
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	264
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	264
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	265, 267
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	267
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	268
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	270
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	271
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	272
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	273
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	274
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	276
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	278
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	279
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	279
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	280
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	280
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	282

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	283
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	284
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	286
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	289
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	290
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	291
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	292
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	293
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	293
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	295
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	297
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	297
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	298
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	299
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	300
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	301
23.	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>	
	<b>Tajuk SF – Kementerian Pendidikan</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	302
	<b>Hari Khamis, 21 Jamadilawal 1436H / 12 Mac 2015M</b>	
24.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	310
25.	Doa Selamat	313

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>		
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	314
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	315
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	316
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	316
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	318
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	319
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	320
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	320
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	321
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	322
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	326
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	326
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Haji Salbiah binti Haji Sulaiman	326
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	327
<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>		
<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>		
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Haji Salbiah binti Haji Sulaiman	328
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	329
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	331
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	332
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	334, 335
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	335

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	337
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	340
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	341
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	342
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	343
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	345
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	346
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	346
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	347
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	349
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	350
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	351
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	352
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	353
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	355
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	357
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	358
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	358
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	358
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	359
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	360

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	362
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	363
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	364
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	365
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	366
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	367
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	369
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	369
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	370
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	370
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	371
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	371
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	372
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal	374
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	374
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	379
26.	<b>Hari Sabtu, 23 Jamadilawal 1436H / 14 Mac 2015M</b>	
27.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	381
	Doa Selamat	384

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	385
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	385
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	388
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	389, 397
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
28.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN</b>	398
	<b>Tajuk SC – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan</b>	398
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	398
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	399
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	400
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	400
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	401
29.	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>	
	<b>Tajuk SK01A hingga SK08A</b>	403
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	403
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	409
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	410
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	410
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	411
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	412
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	413
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	417
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	417



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Hari Isnin, 25 Jamadilawal 1436H / 16 Mac 2015M</b>		
30.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	420
31.	Doa Selamat	423
<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>		
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	424
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	424
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	427, 428
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	428
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	430
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	434
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	435
<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>		
<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>		
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	438
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	440
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	442
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	444
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	446
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	446
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	447
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	448
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	449
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	452

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	453
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	454
	<b>Hari Selasa, 26 Jamadilawal 1436H / 17 Mac 2015M</b>	
32.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	456
33.	Doa Selamat	459
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	460
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	460
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	462
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	462
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	464, 468
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	465, 469
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>	
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	471
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	473
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	477
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	478
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	479
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	480
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	482
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	485

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	487
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	489
<b>34.</b>	<b>KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA</b>	
	<b>Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	492
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	495
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	496
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	497
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	499
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	499
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	502
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	506
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	507
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	508
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	508
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	509
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	511
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	513
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	515
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	517
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	519
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	519
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	520

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	521
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	522
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	523
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	525
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	526
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	528
	<b>Hari Rabu, 27 Jamadilawal 1436H / 18 Mac 2015M</b>	
35.	Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	531
36.	Doa Selamat	534
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	535
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	535
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
	<b>SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	540
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>	
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	542
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	543
37.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>	
	<b>Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama</b>	543
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	544
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	546
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	548
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	549

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	550
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	552
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	552
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	553, 554
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	554
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	556
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	557
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	557
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	559
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	559
<b>38.</b>	<b>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN</b>	
	<b>Tajuk SL01A hingga Tajuk SLO6A</b>	<b>560</b>
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	560
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	567
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	570
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	571
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	572
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	574
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	575
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	576
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	577
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	577
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	578

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	578
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	579
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	580
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	581
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	582
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	583
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	585
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	585
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	585
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	586
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	587
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	588
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	589, 590
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	591
39.	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b>	
	<b>Tajuk SM - Kementerian Kesihatan</b>	593
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	593
	<b>Hari Khamis , 28 Jamadilawal 1436H / 19 Mac 2015</b>	
40.	Senarai nama Ahli-ahli Mesyuarat Negara	604
41.	Doa Selamat	607
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN</b>	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	608

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>	
	Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Ugama	610
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN KESIHATAN</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	621
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	622
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	622
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	623
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	624
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	624
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	625
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	627
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	628
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	629
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	630
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	631
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	632
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	633
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	634
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	635, 643
42.	<b>KEMENTERIAN PERHUBUNGAN</b>	
	<b>Tajuk SN01A hingga SN08A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	658
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	665

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	666
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah bin Haji Sulaiman	667
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	668
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	670
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	672
	<b>Hari Sabtu , 30 Jamadilawal 1436 / 21 Mac 2015M</b>	
43.	Senarai nama Ahli-ahli Mesyuarat Negara	674
44.	Doa Selamat	677
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2015) PERBEKALAN, 2015/2016</b>	
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN</b>	
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	678
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	679
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	681
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	683
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	687
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	689
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	691
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	692
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	694
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	697
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	698



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	699
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	700
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	700
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	700
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	701
45.	<b>KEMAJUAN</b>	
	<b>SPO1A – Kemajuan</b>	702
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	703
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	708
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	709
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	709
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	710
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	710
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	711
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	712
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	712
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	713
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	713
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	714
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	715
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	716
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	720
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	721

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
46.	<b>PERKARA VIII - KETETAPAN</b>	
	<b>SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2015/2016, DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG YANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	724
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	724
	<b>KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	725
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	726
47.	<b>KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGAL 136) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	727
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	728
	<b>PERKARA IX - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	729
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Hamid bin Bakal	732
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	735
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	740
	<b>Hari Isnin, 2 Jamadilakhir 1436H / 23 Mac 2015M</b>	
48.	Senarai nama Ahli-ahli Mesyuarat Negara	741
49.	Doa Selamat	744

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN PERKARA IX – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN</b>	
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	745
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	749
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	750
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	753
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	755
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	758
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	761
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	762
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	765
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	767
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	771
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	774
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	778
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	783
	Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	788

**DEWAN MAJLIS****Khamis, 14 Jamadilawal 1436H / 5 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
pada pukul 10.00 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar `Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada pagi ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu `Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia dan jujur sehingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, izinkanlah saya untuk merakamkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak terhingga atas lantikan saya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara ini.

Perkara ini adalah satu amanah yang cukup besar bagi saya dan mempunyai makna yang besar juga kepada saya dan keluarga saya. Saya hanya dapat berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga saya akan terus dikurniakan petunjuk dan hidayah-Nya dan segala tenaga serta kekuatan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan ini, insya-Allah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk meminta Ahli-ahli bagi memberikan kerjasama kepada saya dan pegawai-pegawai dewan ini seperti mana yang pernah diberikan dalam Mesyuarat Negara yang sudah-sudah bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini demi kepentingan negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas tahun ini akan membincangkan sembilan buah perkara utama termasuklah Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Saya penuh berharap semoga kita semua akan dapat

menyelesaikan perkara-perkara di hadapan kita ini dengan penuh kebijaksanaan tepat kepada waktunya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Perkara II, meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 13 hari bermula dari hari Khamis hingga Sabtu, Isnin hingga Sabtu, iaitu mulai 4 hingga 20 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan dengan 6 hingga 22 Mac 2014 Masihi bertempat di Dewan Persidangan, Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berharap dan saya penuh percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua telah berkesempatan untuk meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu dan saya sekarang mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada pindaan atau perubahan atau bantahan, saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyatakannya.

Oleh kerana nampaknya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang pembetulan atau pindaan kepada minit-minit yang telah diedarkan ini, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan minit-minit yang tersebut adalah teratur dan sudah dipersetujui, dengan itu saya luluskan minit-minit yang berkenaan itu.



Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan seperti biasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan yang demikian, Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan sementara kita menunggu dan menjunjung keberangkatan Baginda ke majlis ini. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## T I T A H

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEBELAS MAJLIS MEYUARAT NEGARA PADA HARI KHAMIS, 14 JAMADILAWAL, 1436H BERSAMAAN 5 MAC 2015M BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

**Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.**

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, di atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru.

Beta berharap Yang Di-Pertua Majlis akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebaik mungkin, demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara dalam melaksanakan peranannya sebagai

sebuah institusi penting dalam pembangunan negara.

Di kesempatan ini juga, Beta juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, di atas khidmat bakti tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkannya selama menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Mesyuarat Negara, tidak syak lagi, berperanan besar dalam memacu pembangunan negara.

Menyebut Majlis Mesyuarat Negara, dengan sendirinya, kita juga akan mahu tahu siapakah ahli-ahlinya. Mereka ini tentu saja tokoh-tokoh yang berkualiti, yang mampu untuk menengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan.

Di antara pendekatan itu ialah penyerapan '*positive mindset*' kepada rakyat, supaya mereka lebih matang bertindak, selaras dengan tuntutan zaman.

Ahli Majlis yang berpandangan jauh, kita yakin, akan dapat menghadirkan 'idea-idea besar' mereka untuk kemajuan negara.

Penghijrahan *mindset*, daripada semata-mata suka bergantung

kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha adalah suatu kelebihan yang perlu dihuraikan oleh Majlis ini.

Kita adalah dikehendaki peka dengan situasi yang ada hari ini, khasnya dalam perkara ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara, seperti harga minyak yang jauh merudum. Situasi ini sepatutnya akan menambahkan lagi keazaman kita untuk lebih memperkukuh asas-asas atau fundamental ekonomi negara.

Di antara usaha pengukuhan itu, termasuklah memperkasa sektor awam dengan menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti di dalam perkhidmatan untuk orang ramai. Demikian juga, ia sangat diperlukan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif.

Dari aspek kewangan, kita juga perlu mengekalkan dasar kestabilan fiskal atau '*fiscal stability*', terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan '*value for money*'. Dengan amalan seperti ini insya-Allah, akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan dan mampu untuk menabung lebih pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan di saat yang memerlukan.

**Perkara ini juga perlu berlaku dalam pengurusan perbelanjaan di peringkat individu dan keluarga.**

**Di bidang pekerjaan pula, perhatian perlulah bulat untuk menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada, kita mesti mengkaji dengan saksama, di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu? Di sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara, berapa banyak peluang atau jawatan penting yang masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing, sekalipun kita telah melalui masa yang begitu panjang. Ini semua, tidak patut dipandang dengan sebelah mata sahaja, tetapi perlu dipantau dan dimuhasabah.**

**Beta melihat, perkara ini juga turut memerlukan perhatian Majlis.**

**Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan. Ia mustahak seimbang dalam makna, ia tidak boleh diceburi hanya oleh segelintir pihak tertentu sahaja tetapi biarlah ramai, kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.**

**Para usahawan mesti bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing. Tanpa terhenti setakat tangga pertama**

**sahaja, tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak.**

**Semua ini Beta timbulkan ialah bagi menarik perhatian Majlis, supaya tetap fokus kepada perkara-perkara besar dan mencabar, bukannya yang membawa kita leka dan lemah.**

**Akhirnya, Beta menyeru kepada semua pihak yang berkenaan, supaya dalam memedulikan semua permasalahan rakyat dan penduduk, kita hendaklah mengambil perspektif yang benar-benar diyakini dapat menolong memajukan mereka.**

**Apa jua isu atau permasalahan, kita tangani ia dengan baik, melalui perundingan.**

**Sekian, Wabillahit Taufik  
Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi

oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua  
Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-  
pembesar negara).

**(Majlis Mesyuarat berehat  
sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang  
Berhormat, Alhamdulillah, Majlis  
Mesyuarat Pertama dari Musim  
Permesyuaratan Kesebelas Majlis  
Mesyuarat Negara telah pun selamat  
dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji  
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi  
Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam. Oleh yang  
demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat  
Negara pada hari ini saya tangguhkan  
dan akan bersidang semula pada hari  
Sabtu, insya-Allah, 16 Jamadilawal 1436  
Hijrah bersamaan 7 Mac 2015 Masihi  
pada jam 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalaamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Sabtu, 16 Jamadilawal 1436H / 7 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari kedua, Sabtu, 16 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 7 Mac 2015 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua maka kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang keduanya. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia dan jujur hingga ke akhir zaman.



Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada hari Khamis 5 Mac 2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah sempurna merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara kita ini. Baginda telah berkenan mengurniakan titah yang antara lainnya berbunyi perkara-perkara utama tentang Majlis Mesyuarat Negara yang mempunyai peranan yang besar dalam memacu pembangunan negara.

Antara pendekatan yang dapat dipetik dalam titah berkenaan ialah mengenai penghijrahan *mindset*, ekonomi global, kestabilan fiskal kewangan, pekerjaan industri dan keusahawanan. Saya percaya perkara-perkara ini akan dapat lebih lanjut lagi diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan lebih mendalam semasa kita nanti membincangkan Perkara VI, Usul-usul Yang Telah Diberi Notis dalam menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Perkara IV, kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja, kertas No. 1 Tahun 2015 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon keizinan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja kertas No. 1 Tahun 2015 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2014 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Kertas No. 2 Tahun 2015 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli

Yang Berhormat, saya dengan segala hormatnya memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja kertas No. 2 Tahun 2015 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Terima kasih.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:**

Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan No. 1 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Lebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberi kesempatan yang pertama kepada kaola bagi menyampaikan soalan kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Kementerian Kewangan.

Tabung Amanah Pekerja (TAP). Masalah Tabung Amanah Pekerja (TAP) dibangkitkan hampir tiap-tiap tahun di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dari semenjak Majlis Mesyuarat Negara ditubuhkan semula. Apabila perkhidmatan-perkhidmatan berpencen ditiadakan bagi mereka yang mula berkhidmat pada tahun 1993 dan digantikan dengan penubuhan caruman

Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi menjamin keselamatan sosial masyarakat selepas bersara dengan menabung lima peratus dari gaji bulanan mereka. Walau bagaimanapun, perkara ini berkali-kali diberi penerangan oleh pihak yang berkenaan tentang manfaatnya tetapi diperhatikan bahawa kebanyakan mereka yang bersara atau mencarum dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP) tidak dapat menjamin masa depan mereka selepas bersara terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dan adalah...

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat kita sekarang ke agenda mengenai Soalan No. 1 daripada Soalan-soalan Yang Diberi Notis dan Soalan No. 1 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim itu saya lihat dalam kertas yang ada pada saya ialah mengenai Isu Kemiskinan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** Maafkan saya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi, Kaola mengulang semula, terima kasih. Isu kemiskinan merupakan isu nasional yang perlu diberikan perhatian yang serius kerana menurut Banci Penduduk pada tahun 2013, menunjukkan jumlah penganggur sudah meningkat kepada seramai 18,000 orang. Bila disebut pengangguran ia sangat sinonim dengan isu kemiskinan. Walau beberapa agensi Kerajaan sudah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah ini, namun isu ini semakin tambah meruncing dan merisaukan. Jika dilihat daripada data pengangguran

pada bulan Julai 2014, jumlah pengangguran berkurangan kepada 6,028 orang dan tahniah diucapkan kepada agensi yang berwajib kerana telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran yang tersebut di atas. Pada beberapa tahun yang lalu, pihak yang berwajib telah menjalankan kaji selidik tentang isu kemiskinan.

Jadi, soalan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin tahu apakah hasil kaji selidik tersebut dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak yang berwajib mengenai hasil kaji selidik ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Itu satu soalan yang sudah pun dikemukakan Ahli Yang Berhormat dan ada reaksi daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat atas soalan yang telah diajukan di samping keprihatinan berterusan Yang Berhormat dalam isu tersebut. Sebenarnya, Isu Kemiskinan ini ada jawatankuasa yang menanganinya, iaitu Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh yang demikian, saya mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi

rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk memberikan penjelasan yang terperinci mengenai perkara ini, jika dipersetujui. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri  
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk memberikan jawapan kepada soalan bertulis yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai isu kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih atas soalan yang diajukan tadi dan saya ingin merujuk bahawa soalan yang dikemukakan itu juga pernah diajukan di Dewan yang mulia ini di musim permesyuaratan yang lalu, iaitu seperti yang terkandung dalam Laporan *Hansard* Jilid 1. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Tahun 2012, muka surat 116 hingga 119.

Laporan *Hansard* Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Tahun 2013 muka surat 692 hingga 694 dan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad semasa Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan Kesepuluh Tahun 2014 yang mana telah saya jawab secara

bertulis pada 20 Mei 2014 Masihi rujukan KKBS/KEM/17.1/6 PT/3. Saya memberikan penjelasan-penjelasan mengenai hasil atau dapatan hasil daripada kaji selidik berkenaan termasuklah punca kemiskinan, jenis kemiskinan iaitu kemiskinan relatif yang ada di Negara Brunei Darussalam dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berwajib dalam usaha pembasmian kemiskinan selaras dengan saranan ataupun rekomendasi kaji selidik berkenaan.

Walau bagaimanapun, memandangkan persoalan mengenai isu kemiskinan dibangkitkan semula dalam Dewan yang mulia ini, maka saya akan menyampaikan semula secara ringkas hasil utama kaji selidik berkenaan. Kaji selidik berkenaan mendefinisikan kemiskinan mengikut perspektif syariah termasuk cadangan perkiraan kos minimum keperluan asas berdasarkan keperluan asas bagi makanan, pakaian, tempat tinggal dan juga pengangkutan.

Menyediakan pangkalan data yang mengandungi maklumat yang terperinci seperti pendapatan, jumlah ahli keluarga, struktur keluarga, kesihatan, pelajaran dan ekonomi bagi 5,472 keluarga miskin dan cadangan penyediaan pelan tindakan kebangsaan yang menyeluruh dan bersepadu di peringkat individu, masyarakat dan Kerajaan termasuk penubuhan Agensi Kebangsaan Membasmi Kemiskinan (*NAPE*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai cadangan Agensi Kebangsaan

Membasmi Kemiskinan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membuat keputusan seperti yang berikut iaitu bagi proses yang sedia ada di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diperkukuhkan, memandangkan kementerian berkenaan mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang khusus dalam mengendalikan isu kemiskinan dan telah mempunyai koordinasi yang sudah terjalin dengan agensi-agensi lain dalam mengendalikan dan menyelenggarakan isu-isu kemiskinan di negara ini secara menyeluruh.

Tindakan-tindakan terkini yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak-pihak berwajib serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha pembasmian kemiskinan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jawatankuasa Khas Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah meningkatkan usaha untuk melaksanakan sepenuhnya Pelan Tindakan Isu Kemiskinan yang bertujuan mengatasi dan seterusnya membantu warga susah untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Pelan Tindakan Isu Kemiskinan ini bukan sahaja membantu orang-orang susah malah juga menumpukan perhatian kepada memperkasa golongan yang berisiko menghadapi kemiskinan seperti belia yang lemah pembelajaran, orang tua, orang berkeperluan khas dan cacat anggota, orang berpendidikan rendah, ketua-ketua keluarga besar dan ibu-ibu tunggal.

Ia terbahagi kepada beberapa tema seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan, latihan, perumahan dan keusahawanan.

Di samping itu, ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Isu Kemiskinan, Kementerian ini telah mula melaksanakan pemantauan pencapaian dengan menggunakan kaedah *Key Performance Indicators (KPI)*. Insya-Allah, pada tahun ini, kementerian ini juga akan melaksanakan Program Penganalisan Profil atau *profiling* dalam kalangan penerima-penerima bantuan di samping memastikan kesahihan maklumat berkaitan mereka yang dikategorikan sebagai miskin.

Ia juga bertujuan mengenal pasti demografi penerima-penerima bantuan dengan lebih terperinci agar program-program bantuan yang bersesuaian dapat disalurkan mengikut keadaan atau situasi masing-masing. Dengan pengagihan bantuan yang lebih tepat sama ada bentuk latihan kemahiran, bantuan keusahawanan, geran atau pinjaman untuk berjaja dan bantuan mendapatkan pekerjaan adalah diharap mereka boleh hidup berdikari tanpa kemiskinan setelah menerima bantuan-bantuan berkenaan.

Seperti mana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015 pada hari

Khamis, 5 Mac 2015 yang lalu, berhubung dengan penyerapan *positive mindset* kepada rakyat, alhamdulillah, salah satu usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam program transformasi bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan terutama kepada penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan supaya akan dapat berdikari dan tidak berterusan bergantung pada bantuan ialah Program Perkasa Komuniti. Program ini merupakan sebuah program kapasiti yang menawarkan latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemahiran perniagaan dan pembangunan diri.

Sejak program ini mula dilaksanakan pada 1 Oktober 2013, sehingga kini seramai 91 orang pelatih telah mengikuti latihan, baru-baru ini seramai 15 orang pelatih telah diberikan bantuan geran daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berupa peralatan dengan nilai sebanyak \$2,000.00 bagi mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Dalam usaha berterusan untuk membangun dan mengembangkan kapasiti belia-belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa meneliti kesesuaian jenis-jenis kursus dan latihan yang dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia dalam usaha memberikan latihan kemahiran yang mempunyai permintaan pasaran atau *market demand* yang akan membolehkan pelatih-pelatih lepasan Pusat Pembangunan Belia (PPB) untuk

mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan dan kemahiran yang mereka perolehi.

Alhamdulillah, setakat ini 90 peratus pelatih-pelatih lepasan Pusat Pembangunan Belia yang telah mengikuti kursus singkat Pemandu Jentera Berat dan *scaffolding* telah berjaya mendapatkan pekerjaan sebaik sahaja tamat kursus di Pusat Pembangunan Belia.

Saya, sukacita juga memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa salah satu terma rujukan Jawatankuasa Kerja Khas Menangani Pengangguran ialah menangani isu-isu sikap dan *mindset* belia dan masyarakat yang suka memilih pekerjaan dan tidak tahan lama bekerja dengan pihak swasta. Jawatankuasa Kerja Khas ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Menteri, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Untuk menjalankan terma-terma rujukan, Jawatankuasa Kerja Khas Menangani Pengangguran ini, sebanyak 7 *Focus Group* telah ditubuhkan iaitu di mana *Focus Group Mindset* yang dipengerusikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. *Focus Group Mindset* telah mengenal pasti tindakan perubahan *mindset* empat hala mengikut kumpulan sasaran iaitu peringkat kanak-kanak melalui pendidikan, peringkat remaja melalui pencari pekerjaan, peringkat ibu bapa

dan masyarakat dan peringkat majikan.

Selain itu Jawatankuasa Khas Mentaliti Masyarakat di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial juga sedang giat melaksanakan kaji selidik untuk mengenal pasti punca mentaliti kebergantungan (*dependency mentality*) masyarakat kepada bantuan Kerajaan. Melalui fasa pertama dan kedua kaji selidik berkenaan, antara dapatan awal ialah budaya kebergantungan (*culture of entitlement*) dan juga ketidakupayaan untuk membezakan keperluan (*needs*) dan kemahuan (*wants*) dalam kalangan penerima-penerima bantuan-bantuan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Khas Mentaliti Masyarakat untuk mempraktikkan cadangan dasar dan institusi (*policy institutional recommendation*) yang akan dicadangkan kelak.

Di samping itu, beberapa peruntukan telah pun disediakan yang antaranya ialah sebanyak \$100,000.00 bagi Program Latihan Kemahiran bagi memperkasa penerima bantuan dalam usaha menangani isu kemiskinan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sejumlah \$2.5 juta bagi Program Bantuan di Kementerian Pendidikan yang dikhususkan untuk membantu pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah termasuk bagi sekolah agama.

Peruntukan sebanyak \$14 juta bagi sewa kenderaan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada penuntut-penuntut yang memerlukan termasuk bagi anak-anak dari keluarga miskin. Peruntukan Program Bantuan sebanyak \$2.7 juta khusus bagi Pusat Pembangunan Belia termasuk pengambilan tenaga-tenaga pengajar tambahan yang berkemahiran di samping dalam menjalankan Program Perkasa Kemahiran Belia.

Dalam pelaksanaan pelan-pelan tindakan yang telah dirangka pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak lari daripada menghadapi cabaran-cabaran dalam memastikan *accessability* program-program jaminan sosial, pada misalnya Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan menggunakan profil warga susah bagi memastikan golongan yang memerlukan ini diberikan pemedulian dan keprihatinan yang sewajarnya secara lebih terperinci mengikut latar belakang dan keperluan masing-masing.

Dari segi *equitability* pula cabaran utama ialah bagi memastikan *equitability* bantuan kepada warga miskin. Pihak kementerian menghadapi permohonan-permohonan untuk mendapatkan bantuan yang lebih daripada bantuan yang ada, contohnya golongan miskin yang menghadapi ketidakupayaan fizikal seumur hidup juga memohon untuk bantuan penjagaan seumur hidup. Ini merupakan satu cabaran yang perlu ditangani dalam memberikan perhatian yang

sewajarnya kepada golongan ini dan ahli keluarganya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menghadapi dalam memastikan sejauh mana bantuan kebajikan dapat diberikan secara *sustainable* memandangkan terdapatnya peningkatan jumlah penerima bantuan dari semasa ke semasa. Berkaitan dengan ini, adalah sangat bertepatan sekali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyerapan *positive mindset* kepada rakyat supaya mereka lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman.

Titah Baginda perlu difahami dan diamati agar *crush mentality* dalam kalangan masyarakat dapat ditukar kepada yang lebih positif dan produktif.

Dengan dasar-dasar, skim-skim serta inisiatif-inisiatif yang telah disediakan, alhamdulillah, pihak Kerajaan telah dapat mewujudkan satu jaminan keselamatan sosial (*social safety need*) yang menyeluruh yang insya-Allah, akan dapat dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan di samping dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 2 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah

Rabbil'alameen.

Wassalaatu

Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan rakan-rakan Yang Berhormat.

Soalan kaola kepada Jabatan Perdana Menteri, iaitu Cuti Awam Hari Raya Aidiladha.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Hari Raya Aidiladha diraikan oleh umat Islam di seluruh dunia dan termasuk Negara Brunei Darussalam. Selain bersembahyang sunat, hari raya disambut dengan mengadakan majlis-majlis ibadah korban. Bagi menyambut Hari Raya Aidiladha ini, pihak Kerajaan hanya memberikan satu hari cuti awam kecuali jika ianya jatuh pada hari-hari cuti awam biasa. Dengan hanya cuti satu hari itu adalah tidak memadai bagi mereka mengadakan ibadah korban kerana terpaksa meninggalkan pejabat dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin tahu dapatkah pihak berkenaan mempertimbangkan untuk memanjangkan lagi cuti awam itu kepada dua hari untuk membolehkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan merayakan Hari Raya Aidiladha dalam suasana lebih meriah dan selesa. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai perkara ini dan terima kasih juga atas keprihatinan Yang Berhormat yang telah menyuarakan persoalan ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap tahun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengisytiharkan hari-hari kelepasan awam bagi Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2015 ini cuti awam kesemuanya berjumlah 16 hari dan ini termasuklah satu hari kelepasan awam bagi cuti Hari Raya Aidiladha pada setiap tanggal 10 Zulhijjah. Sebagaimana tuntutan agama kita, umat Islam di negara ini menjalankan ibadah korban pada hari pertama Hari Raya Aidiladha dan pada tiga hari tasyrik berikutnya.

Meskipun hari kelepasan awam bagi Hari Raya Aidiladha di negara ini hanyalah satu hari sahaja, namun ia tidak menghalang dan merumitkan masyarakat Islam di negara ini untuk memeriahkan Hari Raya Aidiladha dan menjalankan ibadah korban pada hari-



hari tasyrik yang pada lazimnya jatuh pada hari bekerja.

Kita sendiri telah pun menyaksikan melalui media-media, sama ada media cetak atau elektronik sambutan Hari Raya Aidiladha khususnya Majlis Ibadah Korban di hari-hari tasyrik telah disambut dengan meriah dan dijalankan semasa hari bekerja bukan saja oleh agensi-agensi Kerajaan tetapi juga pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan termasuk di peringkat mukim dan kampung.

Suasana ini telah dapat meningkatkan semangat dan budaya bergotong-royong dalam kalangan warga kerja dan juga penduduk-penduduk di peringkat mukim dan kampung di samping mengeratkan kesepaduan antara masyarakat sama ada jabatan-jabatan Kerajaan atau peringkat akar umbi.

Semogalah dengan ibadat dan usaha yang ikhlas tersebut, negara kita akan berterusan dikurniakan keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu, kita juga harus bersyukur bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peruan Negara Brunei Darussalam dengan amat murah hati telah mengurniakan titah bahawa mulai tahun 2012 cuti awam bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini ditambah satu hari lagi kepada tiga hari.

Tambahan cuti tersebut adalah bagi membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini untuk menyambut Hari

Raya Aidilfitri dengan meriah serta mendukung hasrat Baginda agar institusi keluarga di negara ini terus diperkukuhkan. Kita amatlah berharap kemudahan dan peluang-peluang seperti itu akan diraih dan dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk di negara ini bagi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian, terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan lisan seterusnya iaitu Soalan No. 3 daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan lisan yang kaola tujukan kepada Jabatan Perdana Menteri. Soalan lisan ini ditukar kepada soalan bertulis. Isi kandungan surat tersebut adalah isu yang sensitif, kaola juga ingin memohon dalam sesi persidangan kesebelas ini, kaola menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin telah meminta supaya soalan lisan No. 3 Yang Diberi Notis dalam agenda kita supaya ia tidak perlu dijawab secara lisan dan memadai dijawab secara bertulis. Maka, saya membenarkan permohonan Yang Berhormat itu, dan saya berharap supaya menteri yang berkenaan akan

dapat memberikan jawapannya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis nanti untuk disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan itu.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Soalan No. 4 ialah daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu projek tahunan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia ialah mengadakan sesi konsultasi di antara kedua-dua buah negara mengenai beberapa perkara. Dalam Sesi Konsultasi Ketujuh Belas antara kedua-dua buah negara ialah membincangkan penemuan kawasan baharu simpanan minyak yang terletak di sekitar perairan utara Sarawak, Negara Brunei Darussalam dan Sabah yang berpotensi besar untuk meningkatkan pengeluaran minyak dan gas yang diperlukan.

Beberapa persetujuan telah ditandatangani antara Petroleum-BRUNEI dengan Petronas seperti *Product Sharing Agreement* bagi kawasan luar pantai Negara Brunei Darussalam yang dipanggil *Block "N"*

dan *"Q"* secara sama rata iaitu 50-50. PetroleumBRUNEI juga melabur dengan Syarikat *Progress Energy Corporation Ltd. Canada* (milik Petronas di Kanada) dan PetroleumBRUNEI untuk membeli sebahagian pengeluaran gas dari syarikat berkenaan.

Langkah PetroleumBRUNEI bekerjasama dengan Petronas dalam penerokaan kawasan *Block "N"* dan *"Q"* dengan melibatkan negara ketiga seperti Kanada disambut baik. Demikian juga, kerjasama antara Petronas dan PetroleumBRUNEI melabur di Myanmar. Saya ingin tahu:

1. Dapatkah pihak yang berkenaan memberikan maklumat yang lebih lanjut tentang kerjasama ini dan adakah laporan tentang perkembangan (*progress reports*) dibuat tentang projek-projek ini?; dan
2. Berapakah jumlah pelaburan yang dibuat oleh PetroleumBRUNEI dalam projek ini dan anggaran pulangan pelaburan (*return of investments*) yang akan diterima?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*).

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*):**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu saya ingin menyampaikan

ucapan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan Yang Berhormat Pehin sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, saya seterusnya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan sebagai respons kepada perkara 1 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu perkembangan kerjasama antara PetroleumBRUNEI dan Petronas.

Sukacita saya memaklumkan bahawa sebagai dua buah negara yang berjiran dan mempunyai hubungan persahabatan sekian lamanya erat tidaklah menghairankan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia mempunyai kerjasama dalam berbagai-bagai bidang termasuklah dalam industri minyak dan gas.

Menyentuh mengenai kerjasama dalam industri minyak dan gas ini, negara juga menjalin hubungan yang erat dengan negara-negara yang lain, yang ditunjukkan melalui *multi-national companies* yang beroperasi baik di peringkat *upstream* dan *downstream* dalam industri minyak dan gas. Sebagai lanjutan kepada hubungan ini, kita juga mempunyai kerjasama dengan negara-negara sahabat ini untuk melabur di negara-negara ketiga.

Seperti mana juga syarikat-syarikat komersial yang lain, PetroleumBRUNEI mempunyai *governance* dan garis panduannya sendiri dalam pelaksanaan pelaburan. PetroleumBRUNEI juga mempunyai pakar-pakar dari dalam dan luar syarikat berkenaan yang

memberikan nasihat dalam berbagai-bagai perkara termasuk dalam hal-hal pelaburan-pelaburan tersebut.

Menyentuh mengenai perkara 2 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, iaitu berapakah jumlah pelaburan, pulangan, anggaran dan sebagainya, maklumat-maklumat ini adalah *privy* kepada kepentingan komersial syarikat berkenaan. Hal ini juga mempunyai hubungan dengan *Non-Disclosure* ataupun *Confidentiality Clauses* dalam *agreement* antara syarikat dan rakan-rakan perniagaannya.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, Petroleum BRUNEI dikehendaki memenuhi kriteria-kriteria yang *stringent* yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sendiri melalui Kementerian Kewangan termasuklah *rate of return* dalam pelaburan, baik yang dilaksanakan di dalam mahu pun di luar negara. Perlu juga disedari sebagai sebuah Syarikat Minyak Kebangsaan, pertimbangan-pertimbangan bagi penyertaan dalam berbagai-bagai aktiviti tidaklah semestinya terhad kepada kemanfaatan dari aspek *financial* sahaja.

Penjanaan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan jumlah pekerjaan penjanaan *spin-off industries* dan *business* juga perlu diambil kira. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian jua yang dapat saya sampaikan mengenai persoalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan seterusnya, Soalan No. 5 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ , Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Negara Brunei Darussalam bergantung sangat pada sumber minyak dan gas. Usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara kian dipertingkatkan terutama sekali di sektor pertanian dan pemakanan.

Baru-baru ini ada laporan dari Petroleum Brunei yang menyatakan simpanan minyak Negara Brunei Darussalam akan bertahan 22 tahun sahaja, kaola ingin tahu adakah laporan yang dinyatakan ini benar, jika benar apakah langkah-langkah dan tindakan pihak Kerajaan dan soalan kaola yang ke-2 adakah usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi yang sedang diusahakan sekarang ini telah nampak keberhasilannya? Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Minister of Energy):**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih

dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad atas perkara yang dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Majlis yang mulia ini, satu topik yang sememangnya sangat penting bagi kesejahteraan dan kedayatahan perekonomian negara bukan sahaja untuk masa ini malah bagi tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut, perkara ini telah pun disampaikan kepada pihak Petroleum Brunei dan syarikat berkenaan melaporkan bahawa laporan berkenaan adalah tidak benar dan Petroleum Brunei sendiri tidak pernah mengeluarkan laporan tersebut. Menyentuh tentang kedudukan *reserve* negara, alhamdulillah dan insya-Allah jua ia mampu bertahan untuk beberapa generasi yang akan datang.

Apa yang diperlukan ialah pelaksanaan berbagai-bagai langkah secara berterusan ke arah mengekalkan kedudukan dan menggunakan simpanan minyak dan gas dengan sebaik-baiknya agar ia akan terus berdaya tahan bagi tempoh masa yang berpanjangan dan dapat dinikmati bukan sahaja oleh generasi sekarang tetapi jua yang akan datang. Ini termasuklah meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti eksplorasi dan juga pengeluaran dengan penggunaan tatacara dan teknologi yang terbaik dan terkini.

Alhamdulillah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini sahaja negara telah dapat mengekalkan *Reserve Replacement Ratio* ataupun dalam bahasa Melayu Nisbah Penggantian Rizab yang melebihi daripada satu. Ia bererti bagi setiap tong minyak yang kita keluarkan pada masa ini, alhamdulillah kita telah berjaya menemui lebih daripada satu tong minyak yang baharu daripada aktiviti-aktiviti eksplorasi. Insya-Allah kejayaan dalam pelaksanaan usaha-usaha yang telah saya sampaikan tadi akan membawa kepada kedayatahan kepada industri minyak dan gas negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seterusnya menyentuh mengenai perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu sama ada usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi telah menunjukkan keberhasilannya. Jawapannya alhamdulillah, seperti mana juga kita semua maklum dasar mempelbagai perekonomian negara dari terus bergantung pada hasil sektor minyak dan gas adalah satu keutamaan atau prioriti Kerajaan.

Objektif dasar ini ialah untuk membangunkan ekonomi negara yang berdaya maju, berdaya tahan bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini secara berkesan. Oleh itu, usaha-usaha ke arah ini telah dirancang dan dilaksanakan secara berterusan dengan menyediakan dasar-dasar yang pro pertumbuhan dan pro perniagaan.

Melalui pelaksanaan projek atau program, dasar ini juga merangkumi usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing (*Foreign Direct Investment*) yang berkualiti ke negara ini. Saya mengambil maklum bahawa penerangan terperinci mengenai dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke arah menarik *Foreign Direct Investment* ke negara ini telah pun disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) semasa sesi taklimat bersama Ahli-ahli Yang Berhormat pada 29 Januari 2015 dan dengan itu tidaklah perlu saya menyampaikan lagi mengenainya di dalam Dewan Persidangan yang mulia ini.

Alhamdulillah, setakat ini *Foreign Direct Investment* juga menampakkan hasil menyokong usaha Kerajaan. Hasil daripada usaha-usaha tersebut, beberapa projek yang telah diusahakan dan sebahagiannya masih sedang dalam proses pelaksanaan ialah Projek Pembinaan Pengeluaran Kilang Ubat-Ubatan dan Projek Nutrisi Halal, dengan pelaburan sebanyak US\$18.5 juta yang telah mula beroperasi pada bulan September 2013 dan menyediakan pekerjaan seramai 34 orang anak tempatan.

Penubuhan CAE *Brunei Multi-purpose Training Centre* (Pusat Latihan Pelbagai Guna) dengan pelaburan sebanyak B\$182 juta yang telah mula beroperasi pada Ogos 2014 dan menyediakan

pekerjaan kepada seramai 19 orang anak tempatan.

Projek pembinaan, Pengeluaran Makanan Haiwan yang telah siap dibina dan pelaburan sebanyak USD 5 juta di tapak Perindustrian Serasa bagi pengeluaran produk makanan haiwan bagi pasaran eksport.

Projek Pembuatan Paip Keluli Karbon Berkimpal dengan pelaburan sebanyak USD 50 juta yang dijangka mampu menyediakan sebanyak 300 peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan Projek Produk dan Kilang Hana Soy and World (B) Sendirian Berhad, fasa pertama dengan pelaburan BND 2.6 juta yang mula beroperasi pada bulan Mei 2013 dan menyediakan pekerjaan kepada 20 orang anak tempatan.

Fasa kedua yang akan menggunakan Inovasi Koridor Bio masih di dalam perancangan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2018 dan pengeluaran produk kacang soya bagi pasaran eksport.

Di dalam industri minyak dan gas negara, fokus utama Kerajaan pula adalah untuk menyediakan pembangunan aktiviti-aktiviti yang mampu menambah nilai kemanfaatan yang kita perolehi pada masa ini dan melalui berbagai aktiviti yang terdapat di dalam industri berkenaan. Projek-projek yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan adalah seperti berikut:-

- i. Pada masa ini kita telah pun mempunyai Industri Hiliran dalam bentuk Projek Loji Methanol milik Syarikat Brunei Methanol yang kini beroperasi di Sungai Liang Industrial Park.
- ii. Projek Kilang Penapis Minyak dan Aromatics Cracker Bersepadu Hengyi di Pulau Muara Besar yang bernilai USD4 bilion yang dijangkakan menyediakan 800 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan secara langsung dan 1,200 pekerjaan lagi secara tidak langsung. Projek ini dijangka akan menyumbang kira-kira USD1.33 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).
- iii. Projek Kilang Sumitomo Oil Country Tubular Goods yang akan ditempatkan di Tapak Perindustrian Salambigar. Ini akan melibatkan pelaburan USD50 juta dan membuka peluang pekerjaan secara langsung sebanyak 100 orang dan 100 orang lagi secara tidak langsung dari perkhidmatan sokongan.

Sementara itu beberapa projek yang lain termasuklah Projek Urea dan Amonia yang dikendalikan oleh *Brunei Fertiliser Industry Sdn. Bhd.* dalam masa fasa kajian dan perundingan.

Pelaburan-pelaburan tersebut juga diharap akan dapat menyumbang kepada limpahan (*spin-off*) aktiviti-aktiviti perekonomian yang lain. Seperti penyediaan perkhidmatan pengangkutan, sewa harta tanah iaitu

ruang pejabat dan tempat penginapan, keperluan permakanan dan sebagainya yang akan dapat jua membuka peluang-peluang perniagaan, pekerjaan bagi anak-anak tempatan di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Selain dari itu Kementerian Kewangan juga telah mengambil langkah untuk mengukuhkan pengurusan syarikat-syarikat milik kerajaan GLC yang sedia ada agar dapat menyumbang secara langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar serta memberikan peluang pekerjaan yang bekualiti kepada anak-anak tempatan. Usaha ini telah bermula sejak tahun 2011, melalui penubuhan *Ministry of Finance Corporation*. Ke arah itu beberapa pengurusan GLC telah dapat dikukuhkan dan terdapat juga syarikat-syarikat yang ditutup disebabkan *commercial proposition* yang lemah.

Di samping itu, sejak akhir-akhir ini langkah konkrit telah diambil melalui agensi-agensi yang berkenaan dengan dorongan daripada Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri bagi memudah cara perniagaan dan pelaburan di negara ini di mana banyak inisiatif-inisiatif baru telah pun diperkenalkan. Ini termasuk pengenalan Lesen Perniagaan bagi menggantikan Lesen Rampaian Pendaftaran secara online, peningkatan keupayaan *National Single Window*, inisiatif-inisiatif percukaian dan lain-lain bagi mendorong inisiatif *Ease of Doing Business*.

Alhamdulillah, usaha-usaha Kerajaan setakat ini telah dapat menampakkan hasil yang memberangsangkan di mana sektor bukan minyak dan gas telah menunjukkan pertumbuhan positif sejak 5 tahun kebelakangan ini di antara 2.7 peratus hingga ke-4 peratus. Pihak Kerajaan insya-Allah akan terus melipat gandakan lagi usaha dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara melalui program-program dan projek-projek yang akan mendukung usaha Kerajaan untuk menyediakan iklim perniagaan dan pelaburan yang kondusif. Adalah diharapkan dengan usaha sepadu dan sokongan semua pihak, usaha Kerajaan untuk mewujudkan ekonomi Brunei Darussalam yang berdaya maju dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan 2035 akan dapat dicapai dengan jayanya, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian jua yang dapat saya sampaikan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 6 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan rakan-rakan sejawat yang dihormati sekalian. Sekali lagi kaola berdiri bagi menghadapi persoalan

kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) iaitu Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Masalah Simpanan Tabung Amanah Pekerja, dibangkitkan hampir pada setiap tahun di Majlis Persidangan Mesyuarat Negara dari semenjak Majlis Mesyuarat Negara ditubuhkan iaitu kira-kira beberapa tahun yang lalu. Apabila perkhidmatan-perkhidmatan berpencen ditiadakan bagi mereka yang mula berkhidmat pada tahun 1993 digantikan dengan penubuhan Caruman Simpanan Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi menjamin keselamatan sosial masyarakat selepas mereka bersara dengan menabung 5 peratus daripada gaji bulanan mereka. Walaupun perkara ini berkali-kali diberi penerangan oleh pihak-pihak yang berwajib tetapi masalahnya masih dapat dipersoalkan oleh masyarakat terutama mereka yang berpencen.

Adalah diperhatikan bahawa kebanyakan mereka yang bersara yang mencarum dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP) tidak dapat menjamin masa depan mereka selepas bersara terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Mereka yang berpendapatan rendah ini apabila bersara akan memohon bantuan, dan pemohon bantuan akan semakin bertambah pada setiap tahun.

Jadi, jumlah kemiskinan akan menjadi beban kepada negara kerana kebanyakan mereka yang bersara tidak akan dapat melakukan aktiviti ataupun

kerja-kerja bagi menambah pendapatan mereka.

Soalan kaola, saya ingin tahu apakah langkah-langkah Kerajaan di samping mengadakan Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk melindungi mereka terutama sekali yang berpendapatan rendah supaya hidup mereka pada hari tua akan terjamin dan terkeluar daripada kancan kemiskinan yang berterusan. Sekian, terima kasih. Yang Berhormat Yang Dipertua.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Yang Berhormat sendiri juga telah mengambil maklum terhadap penerangan-penerangan yang telah pun diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengenai manfaat langkah Kerajaan dalam perkara ini.

Dalam hubungan ini, kita amatlah mengharapkan kerjasama daripada semua pihak untuk sama-sama memberigakan dan memberikan maklumat yang tepat terutamanya manfaat dan matlamat skim ini dan skim-skim yang lain yang diwujudkan bagi menjamin keselamatan sosial rakyat dan penduduk negara ini seperti Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) dan lain-lain. Sebagaimana juga yang kita semua sedia maklum tujuan utama skim (TAP) ini diperkenalkan



ialah bagi mewujudkan skim keselamatan sosial bagi pesara-pesara yang pihak pekerja diwajibkan menabung caruman 5 peratus dan pihak majikan juga turut diwajibkan mencarum 5 peratus menjadikan keseluruhan caruman atau tabungan sebanyak 10 peratus dari gaji pekerja.

Perkara utama dalam pelaksanaan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) ini sebagai salah satu skim untuk mendukung jaminan keselamatan sosial di negara ini ialah keahliannya yang tidak hanya terhad kepada pekerja-pekerja dalam sektor Kerajaan tetapi juga turut dilaratkan kepada pekerja-pekerja sektor swasta yang pada masa ini bilangannya adalah melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan warga pekerja tempatan di negara ini.

Bagi mengukuhkan skim persaraan yang terdapat di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga telah memperkenalkan Skim Pecen Caruman Tambahan yang mula beroperasi pada 1 Januari 2010. Melalui Skim Pecen Caruman Tambahan ini yang juga dikenali sebagai *Supplemental Contributory Pension (SCP)* memberikan manfaat bukan sahaja kepada ahli-ahli sendiri tetapi juga kepada waris-waris ahli jika ahli meninggal dunia. Di bawah skim ini setiap pekerja dan majikan masing-masing adalah dikehendaki

mencarum 3.5 peratus menjadikan keseluruhan caruman bulanan bagi pekerja dan majikan bagi kedua-dua skim TAP dan SCP sebanyak 17 peratus sebulan.

Melalui Skim SCP ini setiap ahli akan menerima bayaran bulanan semasa persaraan pada usia 60 tahun jumlah sebenar yang diterima oleh pesara tertakluk kepada jumlah caruman setiap pekerja tersebut. Dalam menimbangkan keperluan jaminan keselamatan sosial, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan menyeluruh ataupun holistik agar manfaatnya akan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Ini dapat dilihat dari inisiatif dan skim-skim yang dilancarkan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk menyediakan keperluan asas dan meringankan kos sara hidup di negara ini terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah. Ini antaranya termasuklah:

1. Melanjutkan umur persaraan bagi pekerja-pekerja sektor Kerajaan dan pekerja-pekerja sektor swasta yang merupakan Ahli Tabung Amanah Pekerja dari umur 55 tahun kepada 60 tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 iaitu bersempena pengenalan Skim Persaraan Caruman Tambahan. Langkah ini dihasratkan untuk membantu meringankan keperluan kewangan bagi pekerja-pekerja yang terlibat selaras juga dengan amalan di negara-negara serantau dan antarabangsa; dan

2. Memperkenalkan Skim Tabungan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja pada 1 Ogos 2011 melalui skim ini dikhususkan kepada ahli-ahli TAP yang merupakan Warganegara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat penyertaan tertentu dengan memberikan manfaat-manfaat seperti berikut:

- i. Jaminan kadar pulangan dividen sebanyak 3 peratus mengikut tahun kewangan berkenaan bagi peserta-peserta yang menerima gaji pokok tidak melebihi \$6,000 sebulan; dan
- ii. Bantuan kewangan sehingga \$25,000 setiap peserta yang berkelayakan.
- iii. Penyediaan perumahan kos rendah di bawah Skim Perumahan Negara yang membolehkan rakyat di negara ini termasuk yang berkhidmat dalam sektor swasta untuk memiliki rumah sendiri. Dalam hal ini, Kerajaan juga bermurah hati untuk meminda tempoh bayaran ansuran bulanan di bawah Skim Perumahan Negara dari 15 tahun kepada 30 tahun sejak tahun 1994.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara-perkara yang kaola kongsiikan di atas merupakan sebahagian sahaja daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini secara

menyeluruh. Pihak Kerajaan insya-Allah akan berterusan meneliti dasar-dasar dan perancangan yang perlu dilaksanakan dalam memelihara kesejahteraan dan keselamatan sosial rakyat dan penduduk di negara ini secara keseluruhan dan berkesan agar ia juga akan nanti turut dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang. Sekian yang dapat saya sampaikan bagi menjawab persoalan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 7, daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiya' Walmursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٢٥) وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي (٢٦)  
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي (٢٧) يَفْقَهُوا قَوْلِي (٢٨)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat. Hadirin yang dirahmati Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Semakan gaji telah dibuat apabila Negara Brunei Darussalam telah

mengambil keseluruhan kuasanya daripada Kerajaan United Kingdom pada tahun 1984 yang lalu. Tetapi, dari sejak itu sudah mencapai 31 tahun Negara Brunei merdeka dan berdaulat. Seingat-ingat kaola belum ada semakan tangga gaji perkhidmatan awam secara menyeluruh. Memang diakui semakan gaji yang telah diadakan pada tahun 1984 itu lumayan.

Tetapi inflasi sejak itu dari tahun ke tahun semakin meningkat. Mata wang Brunei telah menurun dan kebanyakan mereka mengalami kesukaran untuk menseimbangkan keperluan harian dengan gaji yang mereka diterima. Apa yang diterima pada tahun 1984 itu, tidak sama dengan yang diterima pada hari ini. Jika perkara ini tidak dikaji semula memandangkan inflasi setiap tahun semakin meningkat dan tidak akan turun, ramailah orang-orang berpendapatan rendah merasa kehidupan mereka semakin terhimpit, apa lagi pada masa akan datang.

Saya ingin bertanya, adakah pihak berkenaan, akan menyemak semula tanggagaji Perkhidmatan Awam itu dan jika ada bila masanya? Jika tidak, apa sebabnya? Izinkan saya berpantun:

Empat belas panjar petani,  
Pisang emas masak di kebun,  
Tidak belas memandang kami,  
Siang berpanas malam berembun.

Wassalamualaikum Warahmatullahahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Inda payah dijawab pantunnya itu.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua,  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat tadi dan jua terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat, yang telah menyuarakan soalan ini. Kalau saya tidak silap, hampir setiap tahun penerangan-penerangan berkaitan juga telah pun saya berikan secara panjang lebar pada tahun-tahun yang berkenaan. Antaranya, termasuklah penerangan yang telah saya berikan bagi menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2014, iaitu pada tahun lepas.

Oleh itu, saya tidaklah berhasrat untuk mengulangi penerangan mengenai perkara ini lagi secara panjang lebar. Apa yang saya terangkan ini hanyalah sebagai perkongsian maklumat untuk kita sama-sama renungkan bersama dan bukanlah maksud saya untuk mengungkit-ungkit. Selain penerangan yang akan saya sampaikan ini, saya juga ingin menyarankan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat merujuk pada jawapan-jawapan yang sudah pernah diberikan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang terdahulu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sangat peka dan prihatin terhadap isu seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat sebentar tadi, terutamanya dalam meringankan kos sara hidup secara menyeluruh. Ke arah itulah semenjak tahun 1984 beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi menambah pendapatan secara langsung *di compare* mahupun secara tidak langsung untuk meringankan beban warga perkhidmatan awam di negara ini.

Antaranya termasuklah perkara-perkara yang berikut:

- i. Pemberian Elaun Kurnia Khas pada tahun 1987 yang jumlahnya telah *di revise* lagi pada tahun 1991.
- ii. Memperkenalkan Elaun Sara Hidup pada tahun 1998 yang jumlahnya juga ditingkatkan lagi pada tahun 2006.
- iii. Pengenalan *EB* Khas pada tahun 1996; dan
- iv. Kenaikan Mata Gaji Khas (*Accelerated Increment*) pada tahun 2006.

Semua usaha ini telah meningkatkan pendapatan secara langsung kepada para pegawai dan kakitangan di dalam perkhidmatan awam. Selain dari itu, perkhidmatan awam juga telah mengemaskinikan beberapa skim

perkhidmatan yang telah melibatkan penyelarasan dan semakan pada gaji dan juga elaun-elaun yang diterima dalam kalangan anggota perkhidmatan awam khususnya bagi beberapa jawatan tertentu seperti skim perkhidmatan bagi guru, jururawat, doktor, angkatan bersenjata, tenaga pengajar institusi pengajian tinggi dan lain-lain.

Perubahan kepada skim-skim perkhidmatan tersebut adalah bagi memenuhi keperluan semasa berdasarkan faktor-faktor, antara lainnya tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan, tarikan bagi pencari-pencari kerja yang berkecukupan yang berpotensi dan mengekalkan pegawai dan kakitangan yang produktif yang cemerlang.

Di samping itu, terdapat beberapa inisiatif Kerajaan dalam tempoh tersebut yang juga dapat meringankan beban kewangan bagi warga perkhidmatan awam. Satu daripadanya ialah yang berkaitan dalam pemilikan rumah dengan pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Antara inisiatif tersebut termasuklah:

1. Melanjutkan tempoh bayaran bagi kemudahan pinjaman kewangan untuk membina rumah dari 15 tahun ke 30 tahun. Perubahan dasar ini diperkenalkan sejak tahun 1993. Di samping itu, mulai tahun tersebut juga bayaran faedah sebanyak di antara 0.5 peratus hingga 3 peratus yang dikenakan ke atas baki pinjaman kemudahan

kewangan tersebut juga telah ditiadakan. Kedua-dua peraturan ini telah dapat meringankan beban pembayaran pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat;

2. Memperkenalkan Skim Tabungan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja mulai 1 Ogos 2012. Dalam Skim ini, Kerajaan akan memberikan bantuan kewangan sehingga \$25,000.00 bagi setiap peserta yang terdiri daripada ahli-ahli TAP Warganegara Brunei Darussalam, asalkan ia memenuhi syarat-syarat atau kelayakan yang telah ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 64 orang ahli TAP telah layak diberikan bantuan ini; dan
3. Sejak tahun 2012 pula jumlah pinjaman yang boleh dipohonkan untuk membina rumah telah ditambah daripada 4 tahun gaji kepada 5 tahun gaji.

Selain inisiatif-inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan di atas, kita juga bersyukur bahawa di Negara Brunei Darussalam, gaji yang diterima oleh penjawat awam dan swasta tidak dikenakan cukai pendapatan seperti mana di negara-negara lain yang setentunya mengurangkan lagi jumlah pendapatan bulanan sebenar yang diterima.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dari penerangan-penerangan yang saya huraikan tadi dan juga keterangan-keterangan yang pernah dikongsikan

terdahulu di dalam Dewan ini, saya ingin menekankan bahawa adalah tidak tepat rumusan dan fakta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang menyatakan bahawa sejak tahun 1984, iaitu sudah mencapai 31 tahun Negara Brunei Darussalam Merdeka, belum ada semakan atau *revision* tanggagaji bagi perkhidmatan awam secara menyeluruh pernah diadakan.

Di sini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya juga ingin mengongsikan bahawa dalam menimbangkan keperluan berhubung persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, pihak Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan secara holistik ataupun menyeluruh. Ini termasuklah dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti keutamaan menarik anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta, pembiayaan projek-projek sosioekonomi dan yang pentingnya keupayaan Kerajaan untuk membiayai bukan sahaja dalam waktu yang pendek tapi secara berterusan. Apatah lagi dengan keadaan ekonomi semasa yang amat mencabar pada ketika ini yang mana seperti dikeluarkan dalam Pembentangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini nanti bahawa dengan penurunan harga minyak di pasaran global pada masa ini, Kerajaan akan mengalami defisit belanjawan yang amat tinggi. Kedudukan ini setentunya memerlukan usaha bersepadu pihak Kerajaan untuk menangani keadaan ini, dengan berkesan melalui pengurusan kewangan yang berhemat. Ini terutama mengambil kira bahawa dengan pembekalan struktur pasaran dan

bekalan minyak dunia yang pada masa ini. Penganalisis meramalkan kedudukan harga minyak global akan terus berada di tahap yang rendah bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Dalam pada itu, faktor lain yang diberi tumpuan yang berkaitan dengan perkara ini ialah mengenai usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan anak-anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta. Matlamat dasar adalah juga bagi mendukung usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber aktiviti ekonomi Negara ini agar tidak bergantung sepenuhnya pada sektor minyak dan gas dan menjadikan ekonomi negara lebih *sustainable*.

Pihak *IMF* dalam misi tahunan konsultasi di bawah Artikel IV telah turut menimbulkan dan mengenal pasti bahawa antara cabaran utama negara untuk membangun sektor swasta di negara ini ialah jurang kemudahan dan faedah yang dihulurkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di sektor swasta awam yang amat lumayan ataupun *generous* berbanding pekerja-pekerja di sektor swasta.

Oleh itu, bagi mendukung usaha-usaha Kerajaan untuk membangun ekonomi negara secara *sustainable* dalam jangka masa sederhana dan panjang adalah perlu keseimbangan dicapai dalam mengurangkan jurang kemudahan dan faedah yang diterima oleh pekerja-pekerja Kerajaan dengan swasta. Di pihak Kerajaan beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan yang

memberikan manfaat yang menyeluruh kepada pekerja-pekerja sektor awam dan sektor swasta. Ini antara lain termasuklah:

- i. Memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pekerja pada tahun 1993 dan Persaraan Caruman Tambahan atau SCP pada tahun 2010.
- ii. Memperkenalkan Skim Tabungan Perumahan TAP seperti yang diterangkan lebih awal.
- iii. Menawarkan Elaun Pelajaran kepada ahli-ahli TAP sama ada yang bekerja di sektor awam atau swasta yang menghantar anak mereka mengikut pendidikan peringkat tertiar di institusi pendidikan swasta di negara ini dan menghulurkan bayaran gaji penuh kepada pekerja-pekerja di sektor swasta bagi tempoh 5 minggu selepas tempoh 8 minggu yang dibayar oleh majikan masing-masing bagi mereka yang Cuti Beranak.

Inisiatif yang dinyatakan tadi adalah sebagai usaha Kerajaan untuk menggalakkan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta. Usaha-usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa adanya kerjasama dari pihak majikan itu sendiri, ke arah itu saya ingin meminta kerjasama daripada pihak majikan di sektor swasta untuk sentiasa memberikan perhatian dan keutamaan kepada kebajikan dan kesejahteraan pekerja masing-masing, khususnya pekerja-pekerja tempatan dengan

menghulurkan gaji yang berpatutan serta kemudahan dan faedah yang bersesuaian dengan kelayakan serta tugas dan tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam meneliti dan menimbangkan keperluan bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Langkah-langkah bersesuaian sentiasa diambil untuk mengawal peningkatan kos sara hidup di negara ini. Ini termasuk dalam mengawal kos-kos barangan keperluan asas melalui subsidi dan kawalan harga barangan seperti minyak kenderaan, bekalan tenaga elektrik, beras, perkhidmatan kesihatan, kos perumahan rendah dan sebagainya.

Seperti mana jua penerangan-penerangan yang telah diberikan berhubung dengan perkara ini dalam apa jua yang perancangan dan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan sudah tentu ianya memerlukan pendekatan secara menyeluruh dan tidak hanya cenderung kepada pihak atau kumpulan yang tertentu saja. Di samping itu, ia juga perlu diukur dari segi keupayaan Kerajaan bagi membiayai program berkenaan dalam jangka panjang secara *sustainable* dan impaknya kepada produktiviti negara secara keseluruhan.

Oleh itu, mengambil kira huraian dan penjelasan-penjelasan yang telah diberikan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama mendukung usaha-

usaha Kerajaan untuk membangun dan mewujudkan ekonomi yang dinamik dan berdaya maju bagi kesejahteraan rakyat dan negara ini secara menyeluruh dan berterusan agar program-program pempelembagaan ekonomi dan peluasan asas pendapatan dapat dicapai, insya-Allah. Sekian yang dapat saya kongsi bagi menjawab soalan ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 8 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Saya membawa perkara yang berhubung kait dengan Insentif Kepada Pekerja-Pekerja Swasta.

Insentif-insentif yang dinikmati oleh pekerja di sektor awam dengan sektor swasta adalah sangat jauh bezanya, di mana pekerja sektor awam selain dari menerima gaji bulanan juga diberikan Elaun Sara Hidup, Elaun Kurnia Khas, Elaun Kenderaan, Elaun Tambang Keluar Negeri dan pinjaman-pinjaman membeli kenderaan dan membina rumah. Manakala di sektor swasta

hanya menerima gaji bulanan sahaja. Inilah yang menyebabkan mereka suka memilih untuk bekerja dengan sektor awam dan ada yang sudah mempunyai pekerjaan di sektor swasta kalau ada peluang akan berhenti dan berpindah kepada sektor awam. Inilah juga yang menjadi sungutan kepada sektor swasta kerana mereka telah pun mengeluarkan perbelanjaan untuk melatih pekerja-pekerja ini.

- i. Untuk membolehkan mereka bertahan bekerja di sektor swasta, adakah dalam perancangan Kerajaan untuk memberi insentif, kalau pun tidak sama jumlahnya sekurang-kurangnya ada kepada rakyat yang berkhidmat dengan sektor swasta?; dan
- ii. Adakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan peraturan yang boleh melindungi syarikat atau pengusaha dari menanggung kerugian disebabkan pekerja-pekerja yang sudah diberikan kursus atau latihan berhenti serta merta tanpa notis?

Sekian terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Berhubung dengan soalan yang ditimbulkan mengenai insentif kepada pekerja tempatan untuk berkhidmat

dengan sektor swasta, isu ini juga pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2014 dan penerangan mengenainya juga telah diberikan.

Dalam menimbangkan persoalan sama ada terdapat perancangan Kerajaan untuk memberikan insentif kepada rakyat yang berkhidmat dengan sektor swasta, adalah perlu kajian dan penelitian secara terperinci dibuat terutama mengenai keberkesanan cadangan seperti ini. Yang paling penting ialah Kerajaan juga perlu menilai implikasinya kepada keupayaan kewangan Kerajaan untuk membiayai program sedemikian secara jangka masa panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara yang berhubung kemudahan dan faedah yang dihulurkan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya juga oleh majikan-majikan di sektor swasta sendiri. Ini terutama dalam memberikan ganjaran dan imbalan yang setimpal dengan sumbangan tenaga dan khidmat bakti mereka dalam mengembangkan perniagaan atau perusahaan sesebuah syarikat berkenaan. Tidaklah juga dinafikan bahawa sebahagian majikan-majikan di sektor swasta ada yang telah memberikan perhatian yang baik terhadap kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerjanya. Malahan sebahagiannya ada yang telah memberikan kemudahan dan imbalan



yang lebih baik daripada yang dihulurkan dalam sektor awam, seperti bayaran bonus prestasi yang lebih tinggi, kemudahan tambang ke luar negara dan lain-lain kemudahan.

Walau bagaimanapun, di pihak Kerajaan berbagai inisiatif juga telah diperkenalkan yang antara lainnya bertujuan bagi mengimbangi dan memelihara kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan yang berkhidmat di sektor swasta. Antara inisiatif tersebut secara ringkasnya termasuklah;

- i. Memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pekerja sejak tahun 1993 dan Pencen Caruman Tambahan sejak Tahun 2010 yang juga melibatkan pekerja-pekerja swasta.
- ii. Melaratkan kemudahan Cuti Beranak kepada pekerja-pekerja sektor swasta.
- iii. Menghulurkan Elaun Pelajaran tertiar bagi ahli-ahli TAP; dan
- iv. Mewujudkan Skim Tabungan Perumahan TAP yang memberikan bantuan kewangan sehingga \$25,000.00 bagi membina atau membeli rumah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Di samping itu, pihak Kerajaan melalui Skim Perumahan Negara, turut memberikan peluang kepada pekerja-pekerja di sektor swasta untuk memiliki rumah-rumah yang disediakan dengan skim bayaran ansuran yang mudah

sebanding dengan kemudahan yang diberikan kepada warga perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan pekerja yang berhenti serta-merta tanpa notis. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, peraturan yang diguna pakai pada masa ini ialah, pekerja yang berhajat untuk berhenti dengan memberi notis dalam tempoh 30 hari akan dibayar sebulan gaji dan sebaliknya, jika pekerja berkenaan berhenti tanpa memberikan notis, pekerja berkenaan hendaklah membayar sejumlah sebulan gaji kepada majikan berkenaan.

Kaola rasa perkara ini boleh dihuraikan dengan lebih lanjut oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri nanti dalam perbahasan kita yang akan menyusul.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita meminta kejasama kepada para majikan di sektor swasta agar sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja syarikat masing-masing seperti menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, memberikan latihan-latihan yang perlu, menawarkan peluang pembangunan kerjaya atau *career development* yang telus dan sebagainya, agar pekerja-pekerja berkenaan akan lebih cenderung untuk kekal berkhidmat dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Sekianlah yang dapat kaola kongsiikan sebagai menjawab soalan yang dikemukakan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga  
(Minister of Energy):**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Izinkan saya untuk menambah lagi pandangan ini, iaitu pandangan daripada industri tenaga mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya ingin menerangkan bahawa pandangan dan maklumat ini adalah terhad kepada sektor tenaga swasta sahaja. Tidak dapat dinafikan terdapat cabaran untuk menarik rakyat tempatan bagi mengisikan pekerjaan di sektor swasta khususnya sektor tenaga terutama sekali bagi jawatan-jawatan di peringkat rendah.

Isu-isu seperti gaji dan elaun yang tidak memuaskan dan waktu kerja yang sangat mencabar serta perbezaan urbanisasi dengan sektor Kerajaan saling dibangkitkan mengenainya. Begitu juga terdapat kebimbangan mengenai kestabilan pekerja mereka di sektor tersebut. Sehubungan dengan usaha ke arah memberi galakan agar para pekerja ini terus kekal di dalam pekerjaan mereka di sektor swasta, berbagai-bagai langkah telah diambil berkaitan dengan perkara ini. Termasuklah melaksanakan garis panduan gaji berpatutan (*reasonable wage guideline*) bagi menurut jenis

pekerjaan. Misalnya, bagi pekerja di luar pantai, menetapkan gaji permulaan tidak kurang dari \$1,000 sebulan dan \$700 sebulan bagi pekerja teknikal di darat dan ini tidaklah termasuk elaun dan sebagainya.

Selain itu, pemindahan para pekerja tempatan secara *roll over* bagi pemegang kontrak yang sebelumnya kepada kontraktor yang baharu juga telah dapat memberikan sekuriti pekerjaan kepada mereka walaupun majikan lama tidak lagi mempunyai kontrak baharu. Bagi para pekerja tempatan lepasan Program Peningkatan Kemahiran *EICF* dan *BMA* yang berumur 30 tahun ke bawah terdapat Skim Latihan Perkhidmatan dan Pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi. Mereka ini akan diberikan Elaun Motivasi yang dibayar secara beransur sebanyak \$2,500 dalam masa dua tahun pertama perkhidmatan mereka serta membayar caruman TAP dan SCP bagi pihak pekerja bagi tahun pertama.

Sehubungan dengan persoalan sama ada Kerajaan akan membuat peraturan atau polisi bagi menghalang kerugian kepada para majikan dari masalah *job hoping* pekerjaan di sektor tenaga pada ketika ini, sektor tenaga Kerajaan tidak berhasrat untuk mengenalkan polisi bagi menghalang pekerja tempatan untuk berpindah ke syarikat lain dan terserahlah kepada syarikat-syarikat majikan berkenaan mengambil apa jua langkah ke arah menjaga kepentingan perusahaan mereka.

Apa yang perlu ditekankan ialah ia merupakan tanggungjawab syarikat berkenaan bagi memberikan laluan kerja yang tulus dan sistematik termasuklah pemberian latihan dan pendedahan kerja kepada kakitangan syarikat. Saya percaya jika ini dilaksanakan kejadian pemindahan kerja ini insya-Allah akan dapat ditangani, *loyalty* dan komitmen pekerja kepada syarikat akan terus kukuh sepanjang hayat perkhidmatan mereka.

Dalam kesempatan ini juga, Jabatan Tenaga ingin mengingatkan tenaga pekerja tempatan terutama mereka yang baru bekerja untuk meningkatkan usaha dalam industri yang mementingkan disiplin bagi memastikan operasi perniagaan yang selamat.

Di samping itu, kesetiaan, kerja keras dan fokus terhadap pekerjaan adalah antara ciri-ciri utama dalam membangunkan karier yang progresif di industri yang berdaya saing. Karier seorang tidak akan dapat dibangunkan secara progresif jika pekerja tersebut sentiasa berpindah dari satu syarikat ke syarikat yang lain.

Sehubungan dengan itu, pihak syarikat bolehlah menggunakan skim-skim yang sedia ada disediakan oleh Kerajaan seperti Skim Latihan Perkhidmatan dari JPKE yang dinyatakan tadi dan *tax rebate* dari Kementerian Kewangan dalam mengurangkan perbelanjaan syarikat bagi pembangunan tenaga pekerja tempatan. Syarikat-syarikat juga seharusnya mengambil peluang dengan bekerjasama dan mengenal pasti

serta membangunkan program-program peningkatan kemahiran anak-anak tempatan melalui program-program *Energy Industry Competency Frame Work* dan *Brunei Maritime Academy*. Latihan kemahiran ini juga telah disediakan dengan sokongan Skim Latihan Perkhidmatan dan Pekerjaan JPKE.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih atas peluang yang diberikan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 9, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid kepada Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Kenyataan akhbar baru-baru ini menyatakan bahawa *Darussalam Assets (DA)* tengah giat berusaha bagi mengukuhkan dan meningkatkan modal insan iaitu *human capital* dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan *Government Linked Company (GLC)* adalah dialu-alukan. Pada masa yang sama *Darussalam Assets (DA)* juga berusaha untuk memperkukuhkan *business fundamental* syarikat-syarikat berkenaan. Adalah diharapkan usaha-usaha berkenaan akan dapat membantu syarikat-syarikat seperti Penerbangan Diraja Brunei (*RB*), Telekom Brunei (*TelBru*) dan Syarikat *GLC* yang lain

untuk mempunyai kepimpinan korporat yang berkualiti yang terdiri daripada anak-anak tempatan dalam masa terdekat. Di samping itu, inisiatif-inisiatif beberapa kementerian untuk mengkorporatkan serta menswastakan beberapa agensi dan perkhidmatan Kerajaan seperti Jabatan Pelabuhan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Penerbangan Awam serta Jabatan Laut adalah dialu-alukan. Cabaran yang sudah tentunya akan dihadapi dan memerlukan tenaga kerja tempatan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

Soalan saya, apakah Kerajaan bercadang untuk membuat perancangan awal dan secara proaktif dalam penyediaan tenaga kerja bagi semua peringkat supaya ia nanti akan dapat diisikan oleh anak-anak tempatan iaitu apabila agensi-agensi berkenaan dikorporatkan atau diswastakan nanti.

Seterusnya, pada bulan Disember 2013 satu badan khas yang bertanggungjawab bagi menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia telah ditubuhkan.

Soalan saya, apakah status usaha badan khas berkenaan setakat ini dalam mengenal pasti keperluan sumber tenaga manusia negara bagi jangka pendek, sederhana dan panjang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengedarkan statistik-statistik perancangan kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti guru-guru kerjaya, para ibu bapa dan para

penuntut sendiri untuk memastikan *supplying and demand* yang seimbang bagi pasaran pekerjaan negara. Sekian, terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih diucapkan atas peluang yang diberikan untuk kaola menjawab soalan ini, dan terima kasih juga kaola ucapkan atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli mengenai perkara ini.

Secara keseluruhannya pihak Kerajaan menyedari mengenai terdapatnya jurang dalam kompetensi yang diperlukan dalam usaha untuk memperkukuhkan dan memperkembangkan sektor swasta di negara ini yang mana ianya amat perlu untuk diperbaiki dalam jangka masa pendek ini bagi memastikan perkembangan sektor swasta dapat diperkukuhkan. Dalam perkara ini, pihak Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menangani perkara ini secara holistik. Ini termasuklah dalam memastikan sistem pendidikan serta kandungan latihan dan kursus yang disediakan di institusi-institusi pendidikan di negara ini selaras dengan keperluan Negara, terutamanya yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan pada masa-masa akan datang.

Bagi menangani isu itu, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif yang bersesuaian seperti dalam menyediakan program latihan semula (*retraining*

*program*), menyediakan kemudahan-kemudahan latihan bagi belia yang mencari pekerjaan dan sebagainya.

Beralih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi, *Darussalam Asset* sebagai syarikat pemegang pelaburan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan (*Government Link Companies*) sedang giat untuk lebih dahulu mengukuhkan asas-asas perniagaannya seperti urus tadbir korporat (*Corporate Governance*), keupayaan pengurusan dan lain-lainnya. Usaha ini dilihat sebagai satu keutamaan untuk memastikan *viability* dan *sustainability* syarikat pada jangka masa panjang agar dapat menyumbang secara signifikan pada kegiatan ekonomi dan pendapatan negara. Selaras dengan usaha tersebut sudah setentunya keperluan sumber manusia dan peningkatan keupayaan modal insan juga diberikan perhatian serius bukan sahaja di tahap *Darussalam Asset* tetapi juga di peringkat anak-anak syarikat *Darussalam Asset*. Ke arah itu, berbagai inisiatif strategik telah dikenal pasti oleh *Darussalam Asset* untuk mengukuhkan *business fundamental* dan meningkatkan modal insan.

Antara inisiatif tersebut termasuklah mengwujudkan *Code of Corporate Governance* dan *Cooperate Governance manual* untuk diikuti oleh semua syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan; mengukuhkan strategi pembangunan modal insan secara komprehensif; Pelaksanaan dan mengguna pakai *International Financial Reporting*

*Standard (IFRS)* dalam penyediaan Penyata Kewangannya dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai status usaha Badan Khas yang juga disentuh oleh Yang Berhormat. Izinkan kaola lebih dahulu mengongsikan mengenai tanggungjawab Badan Khas ini. Secara khusus Badan Khas ini antara lain berperanan untuk menyediakan rangka kerja dan dasar perancangan sumber tenaga manusia bagi membantu pihak Kerajaan dan pihak berkepentingan dalam mengenal pasti permintaan dan bekalan unjuran dan hala tuju sumber tenaga manusia di negara ini. Melalui Badan Khas ini, ianya diharap akan dapat membantu pihak Kerajaan untuk membuat perancangan awal dan secara proaktif dalam menyediakan tenaga kerja di semua peringkat. Kepentingan *local business development* bagi agensi-agensi korporat juga ditekankan dalam dapatan Badan Khas ini. Secara ringkasnya antara usaha yang telah diambil oleh Badan Khas ini termasuklah:

1. Mendapatkan khidmat pakar konsultan dari firma antarabangsa untuk menjalankan kajian dan pengumpulan *baseline data* yang akan membantu dalam unjuran keperluan sumber manusia (*manpower focus*) di negara ini;
2. Berdasarkan dapatan awal dan maklumat yang dikumpulkan, bengkel pertama mengenai *manpower economic modeling* telah pun diadakan pada bulan Februari

2015 yang lepas yang turut melibatkan pelbagai agensi Kerajaan dan swasta;

3. Pada masa ini pihak konsultan sedang dalam proses menganalisis data yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang berkaitan bagi mengenal pasti permintaan dan bekalan sumber tenaga manusia di negara ini dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang sekali gus membantu dalam menyediakan *preliminary report*. Ini juga akan dapat membantu perancangan satu gambaran modal sumber tenaga manusia bagi Negara Brunei Darussalam; dan
4. Kajian yang dilaksanakan oleh konsultan ini nanti diharap akan memberikan hasil-hasil (*deliverable*) seperti berikut:
  - i. *Supply side analysis* dan unjuran bagi mengenal pasti keperluan kemahiran dan lain-lain keperluan dalam perancangan sumber tenaga manusia di negara ini; dan
  - ii. Melalui *economic model* dan *base line data* yang akan diwujudkan serta bengkel yang dijalankan ianya akan membolehkan *gap analysis* terhadap tenaga kerja dilaksanakan oleh pelbagai agensi dalam mengenal pasti isu-isu sumber tenaga manusia yang kritikal di negara ini dan membentangkan kepada *key*

*stakeholders* dan *socialization* mengenai dengan dapatan dan saranan-saranan strategik yang dihasilkan oleh pihak konsultan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Usaha ke arah memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di negara ini juga melibatkan kerjasama yang rapat antara agensi-agensi Kerajaan. Ini termasuk usaha antara Kementerian Pendidikan dan Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri yang mana melalui *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)*, ialah menyalurkan pelajar-pelajar melalui program dan kursus yang dikhaskan untuk membekalkan tenaga manusia tempatan yang memenuhi ataupun menepati kehendak pasaran khususnya kemahiran yang berkaitan dengan Industri Tenaga.

Insya-Allah dengan kerjasama rapat dan keazaman yang tinggi di kalangan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, perancangan sumber manusia di negara ini akan dapat diperkukuhkan dan disepadukan lagi dari masa ke semasa agar dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara ini secara signifikan.

Mengenai persoalan Ahli Yang Berhormat berhubung pengedaran statistik-statistik perancangan kepada pihak berkepentingan bagi memastikan *supply demand* yang seimbang bagi pasaran pekerjaan di negara ini, saya ingin menekankan bahawa pihak Kerajaan menyedari akan pentingnya data atau statistik dalam membantu perancangan dan seterusnya

melaksanakan sesuatu program yang dirancang dengan berkesan.

Dalam hal ini, saya ingin menerangkan bahawa mengenai status usaha yang dilaksanakan oleh Badan Khas yang ditubuhkan yang mana antara *deliverable* daripada pihak konsultant ialah untuk membentangkan kepada pihak-pihak berkepentingan dan *socialization* mengenai hasil kajian yang dijalankan termasuk *supply side* dan *gap analysis* berhubung sumber tenaga manusia di negara ini. Sudah setentunya data-data yang dikumpulkan akan dianalisis untuk membantu dalam perancangan-perancangan berkaitan pengurusan sumber manusia di negara ini.

Hasil penganalisan tersebut dan juga data-data yang berkenaan, insya-Allah akan dikongsikan dengan pihak-pihak yang berkepentingan agar semua pihak akan dapat sama-sama mendukung usaha Kerajaan untuk membangun sosioekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan. Sekianlah yang dapat kaola kongsikan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini telah bersidang dan membincangkan Perkara V Soalan-soalan Yang Diberi Notis dan kita telah pun mendengar 9 soalan besar dan soalan-soalan tersebut telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Oleh sebab kita perlu melaksanakan beberapa perkara yang seperlunya kita laksanakan demi menentukan kelancaran persidangan ini maka bagi membolehkan kita membuat persediaan-persediaan seperlunya, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 2.00 petang nanti dan kita akan mula membincangkan Usul-usul Yang Diberi Notis. Majlis ditangguhkan.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.00 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam persidangan kita yang telah diadakan pada pagi tadi, kita telah pun membincangkan beberapa soalan yang terkandung dalam Perkara V, Soalan-soalan Yang Diberi Notis. Sebanyak 9 soalan telah pun dikemukakan dan dijawab sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan. Manakala, Soalan-soalan Yang Diberi Notis selebihnya, saya mencadangkan supaya ianya kita bincangkan pada kemudian hari nanti untuk membolehkan pihak-pihak yang berkenaan meneruskan persidangan ini bagi melancarkan perjalanan pentadbiran kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara akan kita teruskan untuk membincangkan Perkara VI, Usul-usul Yang Diberi Notis iaitu dalam menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Perkara VI, Usul-usul Yang Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan.

### **Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi.

Terlebih dahulu, saya mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Abis kaola penuh percaya Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan dapat melaksanakan



amanah yang diberikan dengan kepimpinan yang tinggi lagi penuh bertanggungjawab demi menaikkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara, sebagaimana jua hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis ini menjunjung kasih setinggi-tingginya jua atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sesungguhnya padat dan bernas yang mengandungi nasihat dan peringatan, pengamatan tajam serta pandangan jauh, mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan Baginda dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara sentiasa terjamin apa lagi berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran masa ini.

Majlis ini menjunjung kasih atas titah Baginda dan atas pemerhatian dan pengamatan Baginda yang telah beberapa kali Baginda ingatkan, akan

peranan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi mengetengahkan pendekatan terbaik, berpandangan jauh dan seterusnya menghidangkan idea-idea besar dan bernas untuk kemajuan negara. Pendekatan kontekstual secara positif setentunya akan dapat membentuk minda yang sihat di kalangan rakyat secara amnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan itu, saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu Usul yang berbunyi: **"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi dan atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara Brunei

Darussalam, alhamdulillah sentiasa diberkati dengan kurnia kekayaan sumber aslinya termasuk minyak dan gas yang menjadi nadi kepada kestabilan ekonomi dan keharmonian sosial negara. Kita bagaimanapun, tidak dapat lari daripada cabaran politik, keselamatan dan kemelesetan kewangan yang dialami dunia. Alhamdulillah, kita sejauh ini telah dapat mengharungi badai cabaran seperti krisis Kewangan Asia 1997 dan krisis Kewangan Global 2008 dengan melaksanakan dasar kewangan berhemah yang telah memastikan kemajuan negara sentiasa dapat berdaya tahan.

Dengan trend harga minyak mentah dunia yang tidak menentu, kita sekali diuji. Pengalaman kita dalam menangani krisis terdahulu masih belum berjaya membudayakan kita dengan strategi-strategi yang mapan. Kita seharusnya menggunakan peluang ini bagi memastikan kita akan lebih bersedia dalam mengharungi apa jua cabaran-cabaran baru yang mungkin melanda. Sama-samalah kita berusaha mengambil iktibar daripada krisis dan keadaan ini.

Mungkin ramai yang memikirkan kita hanya berdepan dengan krisis harga minyak yang jauh merudum. Saya bagaimanapun berpendapat ada cabaran yang lebih besar daripada ini, iaitu kemampuan kita untuk bertindak balas dengan pantas dan bijak terhadap kejatuhan harga minyak dan merancang masa depan yang cerah untuk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini

dengan cara yang kukuh dan berdaya tahan.

Inilah sebenarnya takrifan pembentukan jati diri dan daya tahan bangsa. Krisis penurunan harga minyak ini bukanlah kali pertama dan sudah setentunya bukan yang terakhir. Bahkan cabaran di masa akan datang mungkin akan lebih kompleks dari ini. Oleh itu, kita perlu mengelakkan diri dari sikap leka atau *complacent* dan mempersiapkan diri kita semua dengan berusaha keras dan keluar daripada *comfort zone* demi menjamin masa depan negara yang berdaya tahan.

Pembentukan jati diri yang seiring dengan realiti baru dalam dunia masa ini memerlukan pendekatan yang bersepadu. Selain sikap yang positif kepada perubahan, kita memerlukan pengetahuan dan kemahiran. Dalam konteks ini, keupayaan kita untuk mempelbagaikan ekonomi perlulah menjadi agenda utama kita dalam mengenal pasti bidang-bidang keutamaan ekonomi atau *economic priorities* yang jelas. Di samping itu, pelaburan dalam sains dan teknologi adalah amat penting bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penyelidikan asas.

Dalam hubungan ini, kepimpinan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah amat jelas terpancar melalui aspirasi negara dalam Wawasan Negara 2035 yang memfokuskan kepada pembangunan sumber tenaga

manusia, ekonomi yang dinamik dan kualiti kehidupan tinggi. Wawasan ini adalah satu aspirasi yang menyatukan kita semua dalam menuju ke satu destinasi yang sama. Oleh itu, adalah amat penting bagi kita semua mempunyai pemahaman dan penghayatan yang sama dalam mencapai wawasan ini.

Penjana untuk menuju ke destinasi ini ialah rakyat negara ini sendiri. Kerana itulah pihak Kerajaan tidak kendur-kendur sentiasa komited untuk melabur dalam pembentukan sumber tenaga manusia yang berkemahiran terutamanya para belia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah agar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara akan mampu untuk mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan termasuklah penyerapan *positive mindset* kepada rakyat supaya mereka lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman.

Inilah peranan kita bagi sama-sama menyemai *mindset* yang positif. Kita sewajarnya menjunjung tinggi titah Baginda ini bagi membuat anjakan paradigma bagi mengubah *mindset* kita daripada budaya suka bergantung pada *mindset* berdikari dan berusaha.

Pengikisan sikap ini akan menjadi benih kepada budaya suka berjimat cermat. Kita haruslah menanam budaya

berbelanja dengan berhemah dan *value for money* di setiap peringkat masyarakat, bermula dari individu, keluarga sehinggalah kepada komuniti. Sama-samalah kita menggunakan budaya berhemah dari awal lagi di rumah agar ia menjadi budaya kita untuk berbelanja mengikut kemampuan dengan mengukur baju di badan sendiri. Penyerapan *positive mindset* ini juga berkait rapat dengan pemikiran keusahawanan atau *entrepreneurial mindset* di kedua-dua sektor awam dan swasta.

Adalah penting bagi pemikiran keusahawanan ini dipupuk sedari awal melalui pendidikan. Oleh itu, Agenda Keusahawanan Kebangsaan ataupun *National Entrepreneurship Agenda (NEA)* yang diungkuhkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Universiti Brunei Darussalam mulai April 2014, adalah bertujuan untuk memupuk minda keusahawanan dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Agenda ini meliputi tiga (3) tunggak iaitu pendidikan teras, pendidikan tinggi dan komuniti yang melibatkan masyarakat umum.

Ianya diharap akan memupuk nilai-nilai seperti berdikari, berdaya cipta, inovatif, berpandangan jauh, mampu melihat peluang, mengenal pasti risiko dan cara mengurangkannya mempunyai *sense of urgency* dan pandai berikhtiar atau *resourcefulness*.

Setakat ini seramai 1,222 orang pelajar telah terlibat dalam inisiatif ini dan beberapa *success stories* telah dapat

dicapai. Sebagai contoh, tujuh (7) buah syarikat telah ditubuhkan oleh para pelajar yang mana ada antaranya telah berjaya mendapat kontrak perkhidmatan. Ini membuktikan orang-orang kitani dapat berjaya dengan usaha dan cara mereka sendiri.

Harapan untuk negara melahirkan lebih ramai ahli perniagaan dalam kalangan anak tempatan telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas.

Bidang keusahawanan bukan hanya akan dapat melahirkan generasi yang tidak hanya bergantung pada bantuan pihak Kerajaan atau mempunyai sikap menanti-nanti malahan mempunyai sikap yang lebih *ambitious* dan kompetitif serta mampu mencari dan mengambil peluang bagi kemajuan diri dan masyarakat umum. Ini antara ciri-ciri yang akan membawa kita berjaya menembusi arena global dalam apa jua bidang yang diceburi.

Insyallah, ia juga akan dapat menjana perkembangan ekonomi negara. Justeru, penglibatan dan kerjasama semua pihak berkepentingan adalah mustahak bagi memastikan kemajuan yang signifikan akan dapat dicapai.

Ini juga bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi para usahawan yang sedia ada di negara ini untuk bergerak mengembangkan lagi perniagaan dan industri masing-masing dan tidak terhenti setakat tangga pertama sahaja. Perusahaan kecil dan sederhana ataupun *SME (Small Medium Enterprises)* khususnya perlu mengambil perhatian akan perkara ini dalam meningkatkan lagi sumbangan *SME* kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah bagi kita semua di Dewan yang mulia ini membincangkan usaha-usaha negara ke arah mengukuhkan asas-asas ekonomi negara, termasuk memperkasa sektor awam untuk lebih berkesan dan berkualiti dan dasar fiskal negara yang stabil, terutama dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara.

Pada masa yang sama, rakyat negara ini juga diseru untuk sentiasa berjimat cermat dalam pengurusan perbelanjaan. Perkara ini juga disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kali Ke-31 pada tahun ini.

Peranan Kerajaan dan sektor swasta adalah amat penting dalam memacu

pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan urus tadbir dalam Kerajaan dan perniagaan adalah amat penting. Pihak Kerajaan pada masa ini giat berusaha memperkukuhkan persekitaran sektor awam dan ekonomi agar lebih berkualiti dan kondusif bagi meningkatkan daya saing negara.

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah mengurangkan birokrasi, memperkemas dan memudahkan prosedur bagi menjalankan perkhidmatan awam dan perniagaan dan meningkatkan *sense of urgency* demi memastikan yang kita akan dapat memantau kemajuan yang berorientasikan hasil dan impak dalam mencapai hasrat Wawasan Negara 2035.

Sehubungan dengan itu, usaha PENGGERAK (*Piloting Exclusive National Goals, Gearing Excellent Results and KPIs*) di Jabatan Perdana Menteri ke arah mempertingkatkan daya saing dan tahap produktiviti negara ini amat dihargai. Antara usaha-usaha yang telah diambil ialah peningkatan *Ease of Doing Business* melalui penggantian Lesen Rampaian kepada Lesen Perniagaan bagi Lesen Perniagaan dapat diperolehi dalam tempoh satu hari sahaja. Permohonan dan kebenaran pendaftaran syarikat secara *online*, projek meningkatkan prestasi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan inisiatif yang lain sedang diusahakan.

Kita berharap dalam tempoh terdekat ini, kita akan dapat memperkasakan

sektor awam yang berkualiti dan berkesan. Sehubungan dengan itu juga, sektor-sektor lain juga perlu bergerak ke arah tujuan yang sama dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berkesan. Ini akan membantu mengubah imej negara selaras dengan wawasan untuk menjadikan ekonomi Brunei Darussalam antara yang teratas di dunia.

Namun begitu, masih banyak lagi yang perlu kita usahakan. Ia memerlukan usaha secara menyeluruh dan inklusif untuk memahami ekspektasi dan kebergantungan pelbagai pihak berkepentingan di negara ini, baik di sektor awam dan swasta, komuniti, masyarakat dan individu. Justeru itu, keperluan merentasi agensi untuk mengurangkan *silo* dan menambah sinergi untuk memanfaatkan kelebihan masing-masing adalah perlu apatah lagi dalam memastikan pensejajaran usaha dalam kita mendekati 2035.

Pendekatan secara menyeluruh dan inklusif akan memastikan kita membuat perancangan dan pelaksanaan sesuatu inisiatif itu secara holistik dan strategik. Matlamat inisiatif perlu dikenal pasti dan dikupas dengan lebih mendalam untuk memastikan pulangan pelaburan ataupun *return of investments (ROIs)* yang memuaskan, penggunaan sumber (*resources*) yang bijak, dan memberikan impak yang maksimum termasuklah pembawaan manfaat dan kesan berganda ataupun *multiplier effect* kepada sektor-sektor lain.

Sebagai contoh, transformasi pendidikan teknikal di Kementerian Pendidikan memberikan impak bukan sahaja kepada kualiti kurikulum, bahkan yang lebih utama ialah kerjasama erat dengan pihak industri atau agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan umpamanya Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (EDPMO) melalui *Energy Industry Competency Framework (EICF)* dalam memastikan peluang pekerjaan dapat dijamin.

Pensejajaran antara kursus yang ditawarkan dengan keperluan dari industri telah menarik ramai anak-anak tempatan untuk melanjutkan pengajian mereka dalam aliran Teknikal. Usaha ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menginginkan peluang pekerjaan dalam sektor industri dapat diisikan oleh ramai anak tempatan. Di sini, kita dapat lihat kejayaan *EICF* dalam membukakan peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Adalah diharapkan, model *EICF* ini akan dapat dilaratkan ke sektor ataupun industri lain seberapa segera dengan merangka *Industry Competency Framework (ICF)* masing-masing dalam memastikan jaminan sumber tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan pasaran dan industri. Sehubungan ini, kita menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memberi perhatian terhadap

peluang anak-anak tempatan memegang jawatan-jawatan penting di sektor swasta.

Ini sudah setentunya akan dapat memberikan keseimbangan dalam pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing di sektor swasta di negara ini, di samping menitikberatkan kepentingan perkembangan kerjaya atau *career progression* anak-anak tempatan. Oleh itu, marilah kita sama-sama menyediakan strategi-strategi yang akan dapat meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) anak-anak tempatan secara sistematik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kesebelas ini, marilah kita semua menggunakannya sebagai satu wadah untuk kita sama-sama membincangkan perencanaan langkah-langkah strategik untuk memantapkan lagi kaedah bagaimana kita di sektor awam dan swasta dapat memperolehi faedah maksimum daripada dasar, perkhidmatan, infrastruktur dan sumber yang sedang dan akan dirancangan.

Berdasarkan kepada apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua diseru agar memedulikan semua permasalahan rakyat dan penduduk dengan perlu sama-sama berganding bahu dan mengambil perspektif yang benar-benar diyakini dapat memajukan mereka.

Ini bermaksud, kita perlu mengkaji permasalahan dan mencari jalan penyelesaian dengan penuh masak dalam menangani sesuatu isu itu. Marilah kita sama-sama bermusyawarah dengan membuat perundingan secara baik. Inilah sebenarnya pendekatan yang dianjurkan oleh Islam yang selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), falsafah negara kita.

Mudah-mudahan dengan perbahasan yang matang dan berkualiti, kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab kita dalam sama-sama memartabatkan institusi Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi penting bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini saya penuh berharap dengan kepimpinan Yang Di-Pertua Majlis, perbincangan-perbincangan yang akan diadakan dalam beberapa hari akan datang ini diharap akan mampu membantu pihak Kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha dalam membangun negara yang sama-sama kita cintai ini.

Selari dengan pembangunan tersebut, kita akan terus mengekalkan identiti kita sebagai sebuah negara yang berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja yang rakyat dan penduduknya akan terus hidup dalam keamanan, ketenteraman serta kesejahteraan yang berterusan dan berkekalan, insya-Allah.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Wabillahit Taufik Walhidayah.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan saya ingin mengucapkan terima kasih atas ucap selamat yang telah dikemukakan dengan lantikan saya sebagai *Speaker*. Dengan itu, saya meminta adakah ahli yang ingin menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu.

**Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya Usul daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mencadangkan Satu Usul menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada hari Khamis, 5 Mac 2015.

Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Maka sekarang, usul ini saya bukannya untuk dibahas. Saya melihat bahawa ada 11 Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan untuk berucap dan berhujah bagi usul ini, dan sekarang dalam senarai saya yang pertama saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:**

Kaola dengan hormat mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang bercakap bagi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Kaola terlebih dahulu mengucapkan setinggi tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Pehin sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Ba'adu. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah di Dewan yang mulia ini pada hari Khamis yang lalu, menggariskan empat perkara yang perlu menjadi tumpuan sidang Majlis Mesyuarat Negara kali kesebelas ini, bagi memacu negara menghadapi suasana kelembapan ekonomi ke arah pembangunan dan kemajuan yang mapan.

Perkara-perkara tersebut termasuklah:

1. Memperkasa sektor awam;
2. Mengekalkan dasar kestabilan fiskal;
3. Menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan; dan
4. Bidang Keusahawanan.

Baginda bertitah supaya ada penghijrahan pemikiran daripada suka bergantung pada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha. Saya dalam ucapan ini hanya akan menyentuh soal



mengenai perkara berdikari dan berusaha.

Menyebut tentang perlunya berdikari dan berusaha, rakyat yang terdiri daripada masyarakat Islam khususnya di negara ini perlulah menyedari bahawa agama Islam bukan sahaja menggalakkan umatnya berdikari dan berusaha untuk mendapatkan perbelanjaan nafkah sara hidup bagi diri dan ahli keluarga masing-masing, bahkan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis Baginda telah bersabda yang bermaksud:

"berusaha dan bekerja bagi mendapatkan rezeki yang halal adalah suatu kewajipan fardhu".

Ini bererti bekerja dan berusaha bagi mendapatkan rezeki yang halal itu hukumnya fardhu atau wajib, bukan sunat dan bukan harus. Sesiapa dalam kalangan orang Islam yang tiada uzur syar'ie mengabaikan kewajipan berusaha dan bekerja ini akan berdosa dan orang yang melakukannya mendapat pahala.

Sikap sesetengah orang yang layak dan berdaya, berusaha dan bekerja yang lebih suka menganggur dan hanya mengharap bantuan-bantuan pihak Kerajaan atau pihak-pihak lain tidak selari dengan ajaran-ajaran agama Islam. Dalam satu hadis lain Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud:

"sesiapa yang pada waktu petangnya dalam keadaan letih disebabkan bekerja

untuk mendapatkan rezeki halal dari paginya nescaya dia mendapat keampunan dosanya pada petang itu".

Ini menunjukkan bahawa Islam memandang tinggi kepada orang-orang yang bekerja dan berusaha pada mendapatkan rezeki yang halal sehingga kepenatan disebabkan bekerja dan berusaha itu diberi nilai yang tinggi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengurniakan pengampunan dosa kepada orang itu disebabkan berusaha dan bekerja.

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah juga menerangkan bahawa orang yang berusaha dan bekerja untuk menyara dirinya, isterinya dan anak-anaknya yang lemah adalah beroleh pahala seperti pahala orang berjihad fisabilillah iaitu orang berjuang berperang bagi menegakkan agama Allah.

Melalui penerangan Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam itu, jelas kepada kita bahawa pahala bekerja dan berusaha untuk mendapatkan rezeki yang halal adalah sama pahala dengan pejuang fisabilillah.

Selain itu, golongan peniaga pula, adalah mendapat martabat yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang telah diterangkan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis, sabda Baginda yang bermaksud:

“peniaga yang lurus lagi jujur akan dihimpunkan di akhirat bersama nabi-nabi dan orang-orang siddiqin”.

Orang-orang siddiqin itu adalah orang-orang yang mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata’ala di akhirat yang akan ditempatkan bersama Nabi-nabi Alaihi Wasallam di akhirat. Tetapi perlu juga diingati bahawa seseorang yang hendak menceburkan diri dalam satu-satu pekerjaan atau perniagaan atau perusahaan hendaklah lebih dahulu mempelajari perkara-perkara perlu diketahui dari segi hukum agama mengenai bidang yang hendak diceburi itu supaya ia terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan hukum agama Islam.

Misalnya dalam bidang perniagaan, ia mestilah mempelajari hukum-hukum jual beli, riba, sewa beli dan sebagainya. Begitu juga ia hendaklah mempelajari etika sebenar berniaga secara lurus dan jujur, niatnya juga hendaklah baik, iaitu untuk mendapatkan nafkah dan sara hidup bagi diri dan orang-orang di bawah tanggungannya. Dia juga perlu berniat untuk menolong golongan miskin dan orang-orang daif jika pendapatannya melebihi daripada keperluannya dan keperluan orang-orang di bawah tanggungannya.

Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian oleh umat Islam yang menceburkan diri dalam suatu pekerjaan atau perniagaan ataupun perusahaan ialah tentang ibadat khusus kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Di samping menunaikan tugas bekerja dan berusaha dalam apa jua bidang pun hendaklah jangan dicuainya tugas beribadat kepada Allah, misalnya sembahyang lima fardhu pada waktunya dan lain-lain. Kewajipan ibadat khusus, jangan sampai dalam menjalankan kewajipan satu fardhu, misalnya, bekerja dan berusaha mendapatkan rezeki halal lalu kewajipan fardhu yang lain seperti sembahyang umpamanya diabaikan.

Jika ini berlaku sudah tentu akan mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata’ala. Semua ajaran agama Islam yang saya bentangkan tadi merupakan antara motivasi bagi merangsang umat Islam bekerja dan berusaha, membuang sikap malas dan berpada dengan bantuan-bantuan daripada pihak Kerajaan dan pihak-pihak lain atau suka meminta-minta kepada orang lain bagi keperluan sara hidupnya dan sara hidup ahli-ahli keluarganya.

Buanglah sikap negatif pada diri masing-masing supaya setiap orang hidup berdikari demi kebaikan hidup mereka di dunia dan juga di akhirat.

Sekian saja ucapan saya Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin

Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi dan titah kurnia Baginda dalam Istiadat Perasmian tersebut.

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda ada menyentuh perkara berhubung dengan penyerapan *positive mindset* kepada rakyat. Pentingnya *mindset* yang positif kerana ianya akan mempengaruhi segala tindak-tanduk seseorang itu dalam apa jua perkara.

Dari itu, dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis

yang lalu, menekankan hasrat Baginda untuk melihat perubahan kehidupan rakyat Baginda ke posisi yang lebih baik dan lebih matang dalam mengharungi kehidupan harian yang semakin mencabar.

Kita semua berperanan untuk menyerapkan nilai-nilai positif kepada rakyat dan penduduk negara ini. Tatacara penerimaan rakyat terhadap perubahan yang baik memerlukan perpaduan dari segenap penjur. Sebagai langkah pertama, kita mesti meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah agensi yang amat responsif terhadap aspirasi dan sangat prihatin terhadap keperluan rakyat.

Walau bagaimanapun, kita mesti mencari jalan untuk mengubah sifat rakyat yang terlalu bergantung pada pihak Kerajaan semata-mata dengan mengubah pemikiran rakyat terhadap Kerajaan sebagai agensi pemudah cara, bukannya menyediakan segala-galanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam menyentuh ekonomi negara, alhamdulillah rakyat dan penduduk negara ini menikmati kehidupan yang selesa, walau bagaimanapun adalah perlu bagi semua pihak untuk sama-sama menanamkan sikap seperti peribahasa "sediakan payung sebelum hujan". Sikap persediaan ini tidak begitu diambil berat oleh sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini kerana alpa dalam

keselesaian dan keharmonian negara kita.

Agensi-agensi yang berkenaan perlu bekerjasama dalam memberi pendedahan terhadap kepentingan siap siaga dalam semua hal. Maklumat yang ringkas, padat dan mudah difahami berhubung dengan pasang surut ekonomi negara perlu disuarakan kepada rakyat dari semasa ke semasa melalui pelbagai penyampaian sesuai dengan konsep dunia terbuka masa kini. Penghijrahan *mindset* ini juga perlu ditekankan kepada pihak majikan sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta kerana kejayaan bagi perubahan dalam organisasi amat bergantung pada cara penerimaan oleh orang bawahan. Mereka akan menerima dengan mudah jika segala justifikasi untuk perubahan itu berjaya meyakinkan mereka. Justeru peranan kepimpinan bagi setiap ketua dalam sektor awam dan swasta adalah penting kerana ia akan menentukan keberkesanan segala usaha yang diungkayahkan.

Pimpinan yang berwawasan, inovatif dan mahir merupakan faktor paling kritikal dan perlu dipandang serius dalam menggalakkan transformasi pengurusan sumber manusia di sektor awam dan juga di sektor swasta pada abad ini. Dalam pada itu, pihak sektor swasta juga perlu memainkan peranan menuju penghijrahan *mindset* yang positif dengan mengubah pemikiran dan menanamkan keyakinan mereka terhadap potensi warga tempatan dalam penggerak ekonomi negara.

Alasan warga tempatan tidak mempunyai pengalaman harus dihapuskan dalam kamus sektor swasta. Peluang haruslah diberikan kepada warga tempatan. Pengalaman hanya akan lahir setelah warga tempatan ini memulakan pekerjaan. Pihak majikan, seharusnya bersiap sedia dengan menyediakan berbagai-bagai pelan tindakan bagi mengasah kebolehan warga tempatan ini.

Dalam perkara yang sama, warga tempatan di negara ini seharusnya bersikap terbuka dan tidak bersandar pada pihak Kerajaan dalam mencari pekerjaan. Sikap yang suka memilih kerja dan menjadikan sektor swasta sebagai *part-time job* perlulah diubah. Kita mesti berkeyakinan tinggi bahawa kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merupakan agensi penggerak yang berkualiti setanding dengan luar negara dan mampu menggerakkan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik.

Wahai para usahawan sekalian yang saya hormati, abis kita mesti menggalakkan, mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing tanpa berhenti setakat peringkat pertama sahaja tetapi perlu mendekati dan mendakinya sehingga sampai ke puncak. Hasrat Baginda yang murni ini, ingin melihat rakyat Baginda maju dalam apa jua bidang, terutama bidang keusahawanan tanpa mengharapkan semata-mata bekerja dengan Kerajaan.

Pengusaha secara kecil-kecilan pada masa ini memang banyak, terutamanya

sekali kita akan dapat melihat bila ada perayaan-perayaan atau gerai-gerai pada bulan Ramadan.

Alhamdulillah, kebanyakannya ialah anak-anak tempatan yang terdiri daripada belia kitani. Mereka ini berniaga di gerai-gerai dan juga berniaga melalui secara *online*. Sayangnya mereka ini setakat itu sahaja, tidak melangkah pergi jauh untuk usaha yang lebih besar lagi. Seolah-olah mereka ini tidak ada arah tuju yang pasti untuk mereka meneruskan perniagaan yang lebih mencabar.

Pada pandangan saya, sesetengah pengusaha ini ibarat kanak-kanak yang merangkak tanpa dipandu dan dipimpin oleh indungunya. Tidak ada yang akan menarik jika mereka tergelincir atau rebah untuk mereka bangkit berdiri dengan tegak semula. Tidak ada tempat mereka untuk meminta nasihat dan tunjuk ajar. Tidak ada yang memberi semangat bila mereka ditimpa oleh masalah.

Memandangkan perkara seperti ini, maka saya mengusulkan di dalam Dewan yang mulia ini, agar ditubuhkan sebuah kementerian baru yang diberi nama Kementerian Pembangunan Keusahawanan, yang berfungsi khusus bagi memantau dan memberi bantuan pengurusan, kursus, dana, bimbingan dan juga sokongan dan galakan yang berterusan kepada usahawan bumiputera yang berminat untuk menceburi dalam keusahawanan yang kira dapat menyumbang ke arah

mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara selain industri minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Negara Brunei Darussalam sudah dikenali dengan produk halalhnya di rantau ini. Ini merupakan senjata *marketing* kita yang amat penting, seharusnya kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya. Saya berharap Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk memberikan peruntukan kewangan yang secukupnya bagi merealisasikan kejayaan projek ini kerana hasilnya adalah semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan negara ini juga. Kita boleh mengadakan kilang-kilang bagi memproses produk halal untuk kegunaan dalam negeri dan seterusnya boleh dieksport ke luar negeri. Contoh, kita boleh mengimport atau memasukkan buah-buahan dari negara jiran dan memproses pembungkusannya dan pemasarannya dengan menggunakan jenama Brunei Halal yang sedia ada.

Selain itu, perusahaan *Small Medium Enterprise (SME)* bermula dari industri kecil dan sederhana, seperti pengeluaran plastik, baja, *fibre-glass*, simen dan lain-lain yang dikira dapat menghasilkan berjenis-jenis barangan pengeluaran sendiri. Dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Keusahawanan ini secara langsung akan dapat membantu bumiputera yang mempunyai kredibiliti untuk memulakan sebarang perusahaan yang dirancang dan secara automatik akan dapat menyediakan beberapa kekosongan

pekerjaan dan jawatan untuk diisi oleh para belia lepasan sekolah atau universiti yang belum mempunyai sebarang pekerjaan.

Dalam masa yang sama sekurang-kurangnya akan dapat membantu menyelesaikan masalah pengangguran di negara ini. Marilah kita dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala berani maju ke hadapan bagi melaksanakan Industri Perkilangan (*Manufacturing*) untuk sama-sama menjayakan visi atau projek ini. Kerajaan seharusnya tidak akan membiarkan kementerian baru ini bersendirian mengungkayahkan malah kementerian-kementerian yang bersangkutan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dapat memberikan kerjasama kepada kementerian yang baru ditubuhkan ini, kalaulah ia diperkenankan insya-Allah.

Sebelum saya mengundur diri sekali lagi dengan hati yang tulus ikhlas saya merafak sembah menjunjung kasih atas pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencerminkan kewibawaan dan pandangan jauh Baginda sebagai pemimpin dan raja yang berjiwa rakyat yang senantiasa memikirkan kesejahteraan rakyat dan negara. Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul**

**Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen.  
Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Saya berdiri di Dewan yang mulia ini, mewakili Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik Dari Orang-Orang Yang Mencapai Kecemerlangan.

Saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Baginda bercemar Duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan

mengurniakan titah pada Hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberi rahmat nikmat keamanan dan kesejahteraan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Harapan tinggi Baginda yang diletakkan kepada peranan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik adalah amat disanjung tinggi sejak Majlis Mesyuarat Negara ini berjalan selama 11 tahun yang lalu dan adalah menjadi amanah yang perlu kita jalankan sebaik yang terdaya untuk menggalas tanggungjawab yang besar ini untuk sama-sama memacu pembangunan negara sesuai dengan bidang masing-masing.

Peranan *positive mindset* kepada rakyat supaya lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman adalah juga menjadi sukut-sukat dan asas bagi setiap cadangan atau pandangan yang kita utarakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti tahun-tahun sebelumnya pada tahun ini kita juga sangat berbesar hati dan berterima kasih kepada kementerian-kementerian, khususnya kepada menteri-menteri dan pegawai-pegawainya yang telah berkesudian mendengar persoalan-persoalan dan pandangan daripada kita semasa sesi permuzakarahannya diadakan.

Ini semata-mata supaya dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini nanti hanya perkara-perkara yang difikirkan menjadi fokus utama saja yang akan diketengahkan. Namun begitu, akan timbul juga persoalan-persoalan semasa untuk menjadi maklum balas dan informasi kepada orang ramai yang tidak kurang kepentingannya kepada keharmonian masyarakat di negara ini.

Sebagaimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memperkasa sektor awam supaya lebih berkesan dan berkualiti adalah bertepatan dengan situasi semasa yang memerlukan kitani bertindak lebih proaktif, produktif dan dinamik kerana sektor awam merupakan jentera pentadbiran yang melaksanakan dasar dan keputusan Kerajaan bagi mencapai matlamat negara. Harapan tinggi diletakkan kepada sektor awam oleh Kerajaan, rakyat dan juga pihak swasta.

Perubahan *mindset* dan sikap setiap warga perkhidmatan awam amat penting untuk menggerakkan perkhidmatan ke arah yang lebih cemerlang. Ekspektasi orang ramai semakin meningkat dan memerlukan sistem perkhidmatan awam yang lebih responsif, telus dan berkesan.

Memperkasa sektor awam tidak memerlukan banyak perubahan kerana yang terpilih di sektor awam memang sudah mempunyai kelulusan yang tinggi, hanya memerlukan satu *attitude*

bagi melaksanakan tanggungjawab yang sentiasa mempunyai *positive mindset* kepada stabiliti dan pemudah cara untuk maju ke hadapan bagi menjana ekonomi yang memerlukan tindakan yang positif bagi menggerakkan semua warga di sektor awam dan juga sektor swasta dengan pengenalan program-program negara bagi membantu peniaga-peniaga kecil dan sederhana dan pengusaha-pengusaha yang mahu maju ke hadapan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita menyokong penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai peluang-peluang pekerjaan untuk anak tempatan. Satu pemerhatian yang sangat disanjung tinggi daripada seorang ketua negara yang berpandangan jauh dan berwawasan. Maka, hal ini hendaklah kitani tangani dan laksanakan dengan segera kerana untuk mencapai matlamat Wawasan Negara 2035, sumber manusia dalam kalangan anak-anak tempatan yang berilmu dan berkualiti adalah pencapaian yang utama demi kelestarian pembangunan-pembangunan bangsa, agama dan negara, begitu juga dalam bidang industri dan swasta dalam kalangan anak-anak tempatan sudah ramai yang berkeelayakan, berpengalaman dan berkemahiran. Sudah tiba masanya mereka ini diberi peluang dan kesempatan untuk membuktikan kebolehan dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing dan sudah

setentunya penilaian dan pengetahuan dibuat untuk kita sama-sama mendapat hasil yang diharapkan.

Dasar dan Akta Pekerja Asing yang digubal oleh Kerajaan adalah satu langkah awal untuk melihat perkembangan ini, begitu juga dasar mendapatkan lesen perniagaan yang cepat adalah bukti kesungguhan Kerajaan untuk membantu rakyat dan penduduk dalam bidang perniagaan dan perekonomian mereka. Namun perkara ini juga memerlukan ketelusan dan pemantauan yang teliti supaya ianya benar-benar menepati tujuannya diadakan.

Sebagai Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik kita menyokong dan bersetuju dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk *diversify* ekonomi daripada minyak dan gas dan juga dilihat hasil pendapatan negara 90 peratus dari minyak telah turun kepada 50 peratus dan pengeluaran minyak telah turun kepada 40 peratus. Maka negara akan mendapat masalah dari fizikalnya. Sudah tiba masanya untuk mempelbagaikan ekonomi dan perniagaan daripada berharap pendapatan minyak dan gas. Ini boleh dilaksanakan dengan jayanya jika ada satu badan yang membimbing dan *monitoring* sesiapa yang berminat dalam perniagaan dengan program-program bantuan kewangan perlu diperkukuhkan daripada yang sedia ada seperti dari Lembaga Kemajuan Ekonomi,



Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Perubahan *mindset* untuk berdikari daripada hanya mengharap bantuan adalah satu idea bernas yang perlu dikembangkan kerana kitani secara teori dalam beberapa kajian yang dibuat sudah mendapati beberapa faktor penyebab kenapa masih ramai memerlukan bantuan. Kita masih boleh mengubah dengan cara mereka itu mestilah dibantu dan dibimbing untuk mengenal pasti potensi keberanian, kemahuan untuk orang-orang Brunei maju dalam apa juga bidang, insya-Allah. Kita ungkapkan ibarat pepatah Melayu, "kalau hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih."

Pada saat-saat ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara seperti harga minyak yang jauh turun, terutama sekali pendapatan negara lebih dari 90 peratus dari hasil minyak dan gas. Satu program jangka pendek perlu dilaksanakan seperti perbelanjaan yang tidak mustahak hendaklah diketepikan buat sementara dan jua mengawal pembelian aset rumah perseorangan. Percutian keluar negeri dan perbelanjaan di negeri jiran akan menambah kos bagi negara, membawa balik wang yang dibelanjakan di sana dan cara ini boleh mengurangkan *foreign exchange lost* dan *cost saving* dari segi *foreign transaction*. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan rakan-rakan. Lebih dahulu kaola mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada kaola.

Di samping itu juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya sama-sama menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam iaitu usul menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan dengan 5 Mac 2015 Masihi.

Semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas antara lain Baginda bertitah mengenai penghijrahan *mindset* ataupun pemikiran perlu juga mengubah sikap daripada semata-mata meminta, suka bergantung pada bantuan haruslah dikikis dan fikiran bertukar kepada lebih berdikari dan berusaha dalam mempelbagaikan jurusan seperti pertanian, perniagaan, nelayan, penternak. Semua usaha-usaha ini akan dapat dibantu oleh kementerian-kementerian seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kementerian-kementerian yang lain. Semoga perkara ini dapat menjamin masa hadapan yang cerah bagi mereka tersebut.

Mengenai ekonomi global yang sedang terjadi ini adalah penurunan ketara harga-harga minyak yang jauh menjunam. Dalam situasi ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan melaksanakan langkah-langkah untuk menambahkan lagi ke arah keazaman bagi menerokai lagi aset-aset ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu Baginda seterusnya bertitah supaya perlu mendekatkan dasar kestabilan fiskal terutamanya dalam perbelanjaan peruntukan kewangan, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan supaya memikirkan perbelanjaan-perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat dan mampu menabung lebih

perbelanjaan peruntukan tersebut bagi kegunaan yang lebih penting.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai perkara bagi anak-anak tempatan, Baginda menekankan perhatian perlulah bulat untuk membenarkan anak-anak tempatan dengan memberi peluang yang ada yang sudah sekian lamanya masih lagi dimonopli oleh pekerja-pekerja asing. Sehubungan dengan itu, anak-anak tempatan kita boleh mampu memegang jawatan-jawatan yang penting di sektor industri kerana mereka ini mempunyai kelulusan, kemahiran serta pengalaman. Dalam hubungan ini, adalah usaha kita mengurangkan pembaziran tenaga dan kewangan.

Dalam kesempatan ini, saya juga menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kesudian Baginda berangkat bercemar duli dan seterusnya menyerahkan pengagihan sebanyak 1,738 buah anak-anak kunci rumah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Mata-Mata, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Meragang, Rancangan Perpindahan Tanah Jambu, Rancangan Perpindahan Negara Mengkubau pada 3 Rabiulakhir 1436 Hijrah bersamaan dengan 24 Januari 2015 Masihi.

Sebelum mengakhiri titah, Baginda menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meneruskan dan

meningkatkan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk mahupun di dalam dan di luar bandar. Saya selaku Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara akan lebih berusaha dengan sepenuhnya bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin bergabung dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Isi petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2015 itu terdapat dua poin utama yang ingin saya sentuh:

1. Penghijrahan *mindset* daripada semata-mata suka bergantung pada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha adalah suatu kelebihan yang perlu dihuraikan oleh majlis ini; dan
2. Memberikan perhatian kepada bidang keusahawanan untuk merangsang iklim perniagaan, perekonomian yang lebih kondusif. Untuk mengurangkan masyarakat mengharap dan seterusnya merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif, Kerajaan perlu bertindak memberi pendedahan kepada masyarakat awam akan kelebihan *self employment* dan mengadakan program-program yang menyokong *self employment* seperti bidang keusahawanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprise*).

Selain itu, Kerajaan juga perlu meningkatkan pelaburan dalam *self employment programmes* melalui program-program yang berkesan, seperti kursus-kursus kemahiran, perniagaan dan sebagainya di samping mengadakan program yang menjana peningkatan *social capital* melalui program-program yang memberi inisiatif kepada lebih banyak perekonomian negara. Terutama bagi mereka yang menerima bantuan Kerajaan atau yang menceburi bidang keusahawanan mestilah dipantau dan seboleh-bolehnya diberikan pendidikan mengenai selok belok perniagaan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Ini bertujuan untuk membantu mereka yang mendapat bantuan Kerajaan dan juga *SME (Small and Medium Enterprise)* ini untuk lebih berdikari dan seterusnya mengurangkan kadar kegagalan dalam bidang keusahawanan. Mengikut kajian di negeri-negeri asing, institusi-institusi Kerajaan perlulah berganding bahu dengan sektor-sektor awam terutama dalam aspek pembangunan ekonomi negara. Untuk menangani masalah ini dengan lebih efektif, perlu ada pengukuhan pusat perancangan (*central planning*).

Untuk keberkesanan kerjasama daripada institusi-institusi Kerajaan dengan sektor awam, pusat perancangan ini bertujuan untuk mengadaptasi dan mengimplementasikan polisi-polisi makro ekonomi dan dasar-dasar yang menggalakkan pekerjaan dan pencapaian hasil pembangunan ekonomi rakyat. Terutama melalui program *self employment* dalam bidang keusahawanan.

Mengikut kajian di negeri-negeri asing, pendekatan ini mempunyai kesan langsung yang positif terhadap kebajikan rakyat yang mendapat penggalakkan penyertaan rakyat yang berkesan dalam ekonomi dan menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi negara. Terutamanya bagi mereka yang bergantung kepada *social welfare* atau bantuan dari Kerajaan.

Dengan bantuan kemahiran dan pembentukan modal sosial (*social capital*) yang berkesan, peningkatan

peluang pekerjaan yang produktif dalam kalangan *Small and Medium Enterprise* dan dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah adalah lebih kos efektif dan menjimatkan kos subsidi dalam jangka masa panjang, akan tetapi, pemantauan yang berkesan memerlukan program yang efisien dan diurus dengan baik dan kerap dinilai untuk memastikan ia memenuhi matlamat yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, cara yang kos efektif untuk mengelakkan pembaziran sumber kos. Sekian terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Lebih dahulu kaola, saya, sama-sama dengan rakan-rakan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah dilantik menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan taufik dan hidayah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita semua bertemu di Dewan yang mulia ini. Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berdiri di sini bagi mewakili kawasan Zon 4 Daerah Brunei dan Muara dengan sukacita menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara berlangsung pada 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi serta atas kurnia titah Baginda dalam istiadat tersebut.

Saya dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi

penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda yang sangat bernas dan menggambarkan betapa kasih sayang baginda kepada rakyat dan negara dengan menyediakan peruntukan belanjawan yang besar serta berhemah dengan hasrat bagi menjalankan aktiviti berbagai pembangunan negara.

Kurnia titah baginda itu ibarat mutiara yang sangat bernilai serta berharga. Kita juga bersyukur kerana Kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam cemerlang dengan melaksanakan projek mega yang bernilai tinggi untuk kesejahteraan rakyat. Baginda juga merakamkan titah penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Laila Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda juga merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Seri Laila Utama Haji Awang Ibrahim atas sumbangan dan khidmat bakti Yang Berhormat pada masa yang lampau.

Baginda penuh yakin Majlis Mesyuarat Negara sebagai platform untuk menjadi ejen yang mampu menjana kemajuan negara dengan ketokohan Ahli-ahli

Majlis Mesyuarat Negara dan juga Menteri-Menteri yang dihormati sekalian, baginda penuh mengharapkan kita semua akan membuat pelan strategik yang lebih mapan dan mantap, cara berfikir dan bertindak, rakyat hendaklah mengutamakan tindakan yang lebih menjurus kepada suasana dan pendekatan dunia yang sentiasa cepat berubah dan berkembang menurut arus perkembangan semasa.

Baginda menarik perhatian ahli-ahli majlis agar menumpukan fokus kepada penilaian dan idea yang tidak hanya memikirkan kepentingan jangka pendek tetapi perlu keluar daripada amalan tradisional seperti pengurusan yang kurang berkesan serta menukar sikap dan tabiat buruk yang tidak menguntungkan kepada negara. Maka ke arah itu kita hendaklah bersikap positif, aktif dan produktif dalam memikul setiap tanggungjawab yang diamanahkan demi kesejahteraan bangsa dan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Baginda seterusnya mengingatkan kita semua supaya berpindah daripada pemikiran yang suka menghitung, menunggu-nunggu dan berharap dengan sokongan dan bantuan tetapi perlu berkarih dan berjarih dengan keringat sendiri.

Ini dapat diterjemahkan bahawa Baginda ingin melihat rakyat dan penduduk negara ini bergiat aktif dalam semua bidang terutama sekali bidang perniagaan dan perekonomian yang perlu diambil alih oleh orang-orang kita

Brunei. Yang satu ketika dulu orang-orang Brunei merantau berniaga di seluruh Nusantara ini. Peringatan Baginda ini amat jelas dengan melihat ekonomi sejagat yang semakin merisaukan. Kita menyedari sumber terbesar ekonomi negara ialah minyak dan gas kerana maka dengan itu titah Baginda rakyat dan penduduk negara ini akan lebih bersedia untuk menjana pendapatan negara yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan dengan mempelbagaikan sumber yang sedia ada termasuk sumber tenaga manusia yang berpendidikan, berkualiti dan mempunyai ketahanan diri serta mampu berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Baginda ingin menjadikan sektor awam dapat meningkatkan urus tadbir yang efisien, jujur lagi amanah dengan niat ikhlas kerana Allah juga sementara rakyat dan penduduk negara ini harus menggunakan peluang *Ease of Doing Business* sebagai landasan untuk mengambil alih urus niaga yang banyak dimonopoli oleh orang-orang asing. Kita kikis stigma yang mengatakan orang Melayu tidak bijak mengurus perniagaan, hidangan telah disediakan cuma menunggu untuk dimakan, rebutlah peluang dengan persaingan yang sihat demi bangsa dan negara yang ingin mendaki puncak kejayaan. Apa yang baginda harapkan dari aspek kewangan dan dasar fiskal, penting diberikan perhatian dan yang paling penting agar setiap projek menepati piawaian yang dikehendaki dengan nilai yang diperuntukkan yang disediakan.

Maksud kualiti kerja berbaloi dengan *value for money*. Kerajaan dan rakyat diingatkan perlu berhemat dalam menguruskan kewangan dengan bijaksana seperti kata orang 'biar bijak pandai berjimat biar sebelum habis' dan 'biar cangkik jangan putus' dengan yang demikian mengelakkan pembaziran serta 'menyediakan payung sebelum hujan'. Semangat patriotik Baginda amat jelas ingin melihat anak watan akan merebut peluang dan ruang yang ada di bandar, di kampung dan di desa terutama di bidang industri perniagaan dan kedai runcit yang tumbuh seperti "cendawan tumbuh pada waktu hujan". Jangan sampai kita dan generasi yang akan datang menjadi penonton dan pengemis di negara sendiri.

Kita dituntut muhasabah dan merenung pada masa yang telah berlalu, sedang orang lain bergerak cepat menikmati kemudahan peluang yang sedia terhidang di depan mata, di sini Baginda mahu melihat kelibat kita Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ini memberikan perhatian, sokongan dan petunjuk bagi mereka, apa yang ingin mereka ceburi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *SME* atau Pengusaha Kecil dan Sederhana agar mereka mampu mendaki puncak seperti mana yang dititahkan hasrat dan harapan Baginda ini hanya akan menjadi kenyataan melalui usaha yang sepadu antara rakyat dan berbagai agensi supaya keadaan tidak akan tempang atau pincang untuk mencapai apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Amanat Baginda dalam titah Baginda yang sangat bernilai lagi berharga itu menekankan apa juga masalah ditangani dan dipedulikan dengan bijaksana. Apa yang penting tindakan penyelesaian berkesan seperti isu kemiskinan, pengangguran, kesejahteraan dan keselamatan dan tidak kurang pentingnya isu pendidikan dengan memberikan penekanan kepada ibu bapa supaya lebih peka terhadap Wawasan Negara 2035, yang ingin melihat rakyat yang berilmu berketerampilan, berdisiplin, berintegriti dan taat kepada hukum Allah, setia pada bangsa dan raja.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Saya dan rakan sejawat Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mewakili Daerah Belait serta rakyat di

Daerah Belait dengan penuh hormat dan takzim menyokong dan bersetuju atas cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini pada hari Khamis, 5 Mac 2015 yang baru lalu.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Pehin sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Saya penuh berkeyakinan Yang Berhormat Pehin mampu memikul dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim atas bimbingan, tunjuk ajar dan nasihatnya kepada kami semasa bertugas dahulu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya sangat menjunjung tinggi atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Baginda telah mengingatkan kita semua bahawa Majlis Mesyuarat Negara berperanan besar sebagai pemacu pembangunan negara.

Dalam hubungan ini, ada beberapa isu telah pun disampaikan dalam titah Baginda. Saya akan menyentuh secara ringkas, antaranya ialah pertama, penghijrahan *mindset* daripada terus bergantung pada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha. Tidak dinafikan bantuan-bantuan sering dihulurkan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan setelah dinilai keadaan individu dan keluarga tersebut, Tetapi ada kalanya penerima-penerima itu menerima bantuan lebih dari satu sumber.

Ini disebabkan ada dalam kalangan sektor awam yang berkenaan dalam memberikan bantuan terlepas pandang untuk berkomunikasi, berkoordinasi di kalangan mereka sehingga menyebabkan perkara itu berlaku. Kita perlu memantau keadaan ini dan mengemaskinikan peraturan kita supaya jangan sampai penerima bantuan merasa selesa dan kurang bersemangat untuk berusaha dan berdikari dalam mengharungi kehidupan masing-masing.

Kedua, memperkasa sektor awam dalam memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang ramai dan merangsang iklim perniagaan dan



perekonomian yang lebih kondusif. Pada pandangan saya, bagi memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan, kita hendaklah berusaha gigih untuk mengurangkan sungutan orang ramai terhadap sesetengah sektor awam. Antaranya ialah, layanan dan perkhidmatan yang diberikan tidak sejajar dengan apa yang dipaparkan di TPOR mereka.

Seterusnya, dalam bidang keusahawanan pula, Baginda mendapati tidak seimbang kerana diceburi dan diberi peluang kepada segelintir pihak tertentu sahaja. Sebagai satu contoh, di Negara Brunei Darussalam terdapat hanya dua syarikat yang mengendalikan pakej umrah dan haji. Kita harus membukakan kepada yang lain, biar ramai kerana ramai itu menandakan kemajuan, demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kos pakej umrah dan haji di Negara Brunei Darussalam lebih separuh mahal kalau dibandingkan kos mengerjakan haji dan umrah di negara-negara jiran. Kita perlu menyelidiki perkara ini jangan sampai ada yang mengaut keuntungan berlebih-lebihan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang isu di sektor industri di negara ini. Baginda menitahkan supaya anak-anak tempatan diberi peluang untuk menjawat jawatan penting dan jangan dibiarkan jawatan penting itu masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing. Saya mendapat maklum, bahawa terdapat hanya 35 peratus anak

tempatan yang memegang jawatan dalam kumpulan 3 ke atas di sektor industri yang menjadi nadi negara. Peratus ini menurun jika dibandingkan dengan 5 tahun sebelumnya bahawa hampir 50 peratus anak tempatan berada dalam kumpulan tersebut. Saya bersetuju, dengan titah Baginda supaya keadaan ini perlu dipantau dan dimuhasabahkan dari semasa ke semasa secara bersepadu.

Isu yang terakhir, mengekalkan dasar kestabilan fiskal terutama dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara dengan menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money*, sebagaimana titah Baginda. Kadang-kadang perbelanjaan kita tersasar dari apa yang dirancang dan yang diatur. Ada kalanya projek siap, tetapi tidak digunakan sepenuhnya dan lain-lain lagi. Mungkin penelitian awal dan penilaian kurang kemas dan sempurna.

Demikian saja yang dapat disampaikan dan saya berharap rundingan di Dewan yang mulia ini dapat sama-sama kita memanfaatkannya demi memberi perhatian sepenuhnya kepada permasalahan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya masih mempunyai beberapa orang lagi yang ingin untuk memberikan ucapan mengenai perkara yang kita bincangkan ini, iaitu Perkara VI Usul-usul Yang Diberi Notis. Oleh sebab pada malam ini kita ada Majlis Makan Malam, maka untuk membolehkan kita membuat persediaannya saya tangguhkan majlis ini dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 18 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 9 Mac 2015 Masihi pada pukul 9.30 pagi, insya-Allah.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 18 Jamadilawal 1436H / 9 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari ketiga, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua maka kita pada pagi ini dapat menyambung semula Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu hari yang ketiga.

Selawat serta salam ke atas Junjangan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut

Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Semalam sebagaimana yang kita ketahui, sebelum Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan, kita telah membincangkan Usul Yang Diberi Notis dan seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat telah pun membuat ucapan masing-masing. Pada kebiasaannya, sebelum kita membincangkan perkara-perkara lain, kita memulakan dengan membincangkan Soalan-soalan Yang Diberi Notis. Tetapi pada pagi ini kita terpaksa menangguhkan dahulu perkara berkenaan ini dan kita akan terus menyambung semula perbincangan Usul Yang Diberi Notis itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Apabila selesai perbincangan Usul Yang Diberi Notis, kita akan terus membincangkan Perkara VII Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Perkara ini, saya difahamkan perlu diselesaikan bagi bacaan pertama dan kedua pada hari ini juga nanti atau seakhir-akhirnya pada hari Selasa kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah memberi notis bahawa Yang Berhormat itu ada mempunyai komitmen rasmi yang mustahak di luar negara dan tidak akan hadir ke mesyuarat ini pada hari Rabu, 11 Mac 2015.

Dengan yang demikian, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berhujah seterusnya pada Usul Yang Diberi Notis supaya akan dapat

memendekkan ucapan masing-masing kepada 10 minit sahaja seorang untuk membolehkan perkara ini dapat berjalan dengan lancar. Insya-Allah saya akan memberikan peluang lebih lagi daripada ini sesudah perkara ini kita selesaikan nanti.

Sekarang saya bukakan perbincangan Usul Yang Diberi Notis. Pada sebelah petang hari Sabtu yang lepas, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang memberikan kenyataan untuk berucap. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wassalaatu Wasalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sesungguhnya kaola mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong tidak ketinggalan bersama-sama menyokong penuh cadangan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan. Maka dengan ini kaola mengambil kesempatan menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi.

Dalam kesempatan ini, kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Pehin atas pelantikan sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baharu. Semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua dapat memikul tugas yang berat ini demi memartabatkan dan mengangkat nama Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapat lagi kaola pada tahun ini menghadiri Mesyuarat Negara. Oleh itu, kaola akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti mana hasrat yang terkandung dalam titah Baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas yang menggambarkan kebijaksanaan dan pandangan ke hadapan Baginda semata-mata untuk kesejahteraan dan

kemakmuran rakyat dan penduduk serta negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Antara lain, Baginda menyentuh tentang peranan besar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara sebagai pemacu kepada pembangunan negara supaya menggunakan pendekatan yang terbaik kepada rakyat agar rakyat berupaya melakukan penghijrahan *mindset* supaya lebih matang bertindak sesuai dengan keadaan zaman.

Dalam perkara perubahan minda atau penghijrahan atau perubahan cara berfikir, kaola mengambil contoh mengenai sikap memilih kerjaya iaitu *trend commutational* yang perlu diubah. Sekarang ini masih banyak yang mahu bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan daripada bekerja di sektor swasta atau daripada menjalankan perusahaan sendiri. Ada juga yang menolak tawaran bekerja di sektor swasta kerana kononnya tidak sesuai dengan kelulusannya yang tinggi.

Oleh itu, adalah diharapkan generasi sekarang dan akan datang harus bersedia menghadapi perubahan dengan penghijrahan *mindset* iaitu menanam pemikiran terbaru bahawa kelulusan tinggi tidak lagi menjamin atau menjanjikan kedudukan atau status jawatan tinggi sama ada di sektor swasta atau di sektor awam. Kelulusan adalah sebagai penjana atau pemangkin kepada pembangunan diri atau bagi menghadapi apa juga bentuk kerjaya agar mereka boleh mengurus, mentadbir, kreatif, inovatif, berdaya



saing dan berkebolehan merancang dalam menjalankan perusahaan. Misalnya perusahaan dalam bidang pertanian, penternakan, pelancongan, perikanan, import eksport, bidang binaan, perkilangan dan lain-lain atau mungkin sudah berkesanggupan untuk bekerja di luar negara iaitu penghijrahan *mindset* supaya lebih matang bertindak sesuai dengan keadaan zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pemikiran sesetengah individu yang masih mahu bergantung pada bantuan-bantuan tanpa berusaha walaupun muda dan sihat adalah sangat penting diubah kepada pemikiran keusahawanan. Jadi, bagi merealisasikan hasrat ini, dukungan dan sokongan pihak berkenaan amat penting bagi membantu memberi kemahiran, pengalaman, pendidikan, keperluan asas dan pemantauan berterusan sehingga perusahaan mereka boleh berdiri sendiri.

Sehubungan dengan itu, peranan proaktif dan inovatif Kementerian Pendidikan yang memasukkan kemahiran teknikal dan vokasional serta kejuruteraan dan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di peringkat awal persekolahan adalah amat sesuai dan bertepatan sekali dengan sokongan agensi-agensi yang lain untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan di sektor swasta atau berdikari dengan perusahaan sendiri. Pihak berkenaan perlulah mempunyai kreativiti mencipta bagi mempelbagaikan produk atau perusahaan terbaharu dengan

mengundang pakar-pakar bagi mengajar anak tempatan, mengajar penduduk-penduduk mukim dan kampung menghasilkan ratusan jenis produk. Produk-produk yang terhasil hendaklah dipromosikan menerusi pameran dalam dan luar negara bagi menarik pengusaha membeli atau membuat pelaburan.

Peranan ejen-ejen pelancongan pula, membawa pelancong-pelancong ke destinasi produk mukim dan kampung yang negara kita mempunyai banyak sumber asli yang unik yang boleh diketengahkan. Negara kita digemari pelancong dari Jepun, Korea, Taiwan, China dan kini menarik perhatian pelancong-pelancong dari Eropah. Pelancong-pelancong ini lebih tertarik kepada kehijauan alam sekitar atau gaya hidup atau kebudayaan masyarakat daripada melawat gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan kerana gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan mereka juga ada dan lebih hebat lagi.

Selain itu, proses atau tatacara melaksanakan perusahaan dan perniagaan adalah sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang melambat atau menghalang harus diambil perhatian seperti mana titah Baginda sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-61 Tahun

pada 30 Jamadilakhir 1428 Hijrah bersamaan 15 Julai 2007 Masihi. Antaranya ialah: "mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalangi perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu dengan segeranya mengubah pandangan mereka."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkenaan pihak sektor swasta terutama Industri Mega hendaklah memberi peluang kepada anak-anak tempatan menjawat jawatan penting dan jawatan pertengahan supaya diganding bersama bekerja dengan pakar luar yang diberi masa yang terhad dan mencukupi untuk mengajar kemahiran dan memberi pengalaman bagi memberi laluan anak tempatan menggantikan memegang jawatan tersebut. Keprihatinan pihak sektor swasta dengan keadaan semasa perlu juga ada, iaitu tidak seharusnya sewenang-wenangnya memberhentikan anak tempatan tanpa mengkaji latar belakang dan masalah bekerja. Pemberhentian ini menyebabkan bertambahnya pengangguran dan akhirnya meminta-minta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Titah Baginda juga ada menyentuh mengenai negara perlu menjimatkan perbelanjaan dengan cara perbelanjaan berhemah dan *value for money*. Perkara ini juga perlu berlaku di peringkat individu dan keluarga dalam pengurusan perbelanjaan. Bagi bersama-sama

memikirkan permasalahan ini, adalah penting diadakan bengkel atau kursus celik kewangan oleh pihak institusi-institusi kewangan kepada semua peringkat penduduk mukim dan kampung, pelajar-pelajar, pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam atau sektor swasta. Dari itu, pegawai-pegawai atau kakitangan awam....

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat, sekiranya saya dapat mengganggu. Saya telah menyatakan bahawa kita mempunyai satu perkara yang penting yang harus kita selesaikan dan kita mulakan pada pagi ini, jadi saya minta kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat yang sedang bercakap ini untuk menghadkan ucapan itu tidak lebih daripada 10 minit. Nampaknya 10 minit bagi Yang Berhormat sudah sampai. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Selain itu, pegawai-pegawai atau kakitangan awam supaya bekerjasama dengan pihak Kerajaan yang tinggal jauh dari tempat bertugas supaya tidak memohon rumah-rumah persendirian untuk disewa oleh pihak Kerajaan yang terpaksa menanggung beban membayar sewa bulanan ribuan ringgit. Jika ia tidak dapat dielakkan juga, adalah lebih elok mereka ini dibayar elaun rumah atau elaun perjalanan yang berpatutan atau tinggal di rumah Kerajaan yang disediakan.

Akhirnya sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat Baginda beroleh kesejahteraan dan rahmat serta hidayah daripada Allah Subhanhu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Saya juga ingin mengingatkan supaya kita tetap kepada tempoh 10 minit yang kita nyatakan tadi.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah

Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Alhamdulillah, dengan bertawakal serta dipanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan hidayah-Nya serta dengan izin-Nya jua maka kaola dapat berucap di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini untuk menggabungkan

diri kaola dalam menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya Baginda mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, izinkan kaola di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat yang mulia ini untuk kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baharu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu di Dewan yang mulia ini, kaola dengan hati yang penuh tulus ikhlas sekali lagi menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Baginda telah memberi penuh kepercayaan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan negara dan kemakmuran rakyat.

Dalam pandangan jauh kurnia titah Baginda itu, Baginda telah menyentuh beberapa perkara dasar yang teramat signifikan dan relevan untuk dijadikan satu modal atau rujukan yang komprehensif ke arah pembangunan dan kemajuan negara serta rakyat Baginda dalam tuntutan zaman masa ini. Ke arah itu, tidak syak lagi bahawa Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara memainkan peranan yang besar untuk menanai dan menggalas hasrat murni Baginda.

Justeru, apa yang disentuh Baginda dalam titah Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas yang lepas adalah harapan Baginda dan sebagai suntikan kepada kewibawaan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk merancang dan bertindak bagi membawa Negara Brunei Darussalam dan rakyat Baginda melayari kehidupan pembangunan dan menghadapi cabaran global tanpa sempadan ini.

Penyerapan *positive mindset* dan pemindahan *mindset* pada pandangan kaola merupakan formula yang terbaik supaya pemikiran matang dan proaktif kepada keperluan negara dan supaya mereka ini tidak menjadikan bantuan

daripada pihak-pihak lain sebagai tempat bergantung hidup tanpa mahu berdikari. Adanya *positive mindset* yang Baginda harapkan ini menjadi milik rakyat Negara Brunei Darussalam. Apa jua cabaran, ujian, permasalahan, kelemahan dan hal-hal yang merugikan negara dan individu akan dapat ditangani negara secara profesional.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita juga kaola di Dewan yang mulia ini dalam menyambut baik akan titah Baginda, Baginda menyarankan sektor awam terus diperkasa untuk lebih berkesan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai sekali gus merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang kondusif.

Perkara yang sangat diambil perhatian tentang titah Baginda dan pandangan jauh Baginda itu sudah setentunya disambut baik oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini iaitu aspek pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Di mana sudah tiba masanya sektor awam diperkasa untuk bertindak secara matang, berkesan dan berkualiti selari dengan kehendak Wawasan Negara 2035 dan juga situasi global hari ini.

Memandangkan ekspektasi orang ramai semakin meningkat sesuai dengan peredaran zaman, segala kepincangan dan kelemahan yang ada perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, supaya perkhidmatan yang disampaikan dapat memenuhi kehendak orang ramai

mengikuti garis panduan yang ada dan bersesuaian pula dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan. Dengan yang demikian, perkhidmatan akan lebih berkesan dan sungutan orang ramai dapat dikurangkan sekalipun tidak dapat dihapuskan.

Dalam bidang keusahawanan, Baginda mengambil perhatian dalam perkara ini. Keusahawanan dilihat sebagai bidang yang sangat penting dan memberikan impak yang positif kepada kepelbagaian sumber perekonomian negara. Peluang-peluang dalam bidang keusahawanan seharusnya dapat direbut oleh anak-anak tempatan yang berpotensi. Ketika ini, kita dapati banyaknya peluang dalam bidang berkenaan yang boleh diterokai oleh mereka yang berkebolehan iaitu mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan dan kemahiran dalam bidang pengurusan, usaha niaga dan teknikal.

Antara bidang yang berpotensi ialah Industri Hiliran Minyak dan Gas, pembinaan, pelancongann, pengangkutan dan tidak kurang pentingnya ialah perusahaan dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada pandangan kaola semua ini mampu menyumbang kepada peningkatan sumber perekonomian negara dan menjana pendapatan supaya tidak hanya bergantung sepenuhnya pada sumber minyak dan gas. Untuk menggerakkan masyarakat supaya cenderung kepada bidang

keusahawanan ini, sudah setentunya memerlukan usaha gigih dan kerja keras pihak-pihak yang berkenaan untuk menyediakan laluan yang mudah kepada anak-anak tempatan. Dalam masa yang sama memberikan kemahiran serta bimbingan dan tunjuk ajar yang diperlukan sehingga mereka bergelar usahawanan atau peniaga yang berdaya maju.

Di samping itu, perusahaan dan industri juga perlu diperluaskan dengan membuka atau meneroka bidang-bidang yang baru dan berpotensi serta sesuai dengan arus pembangunan negara dan sudah seharusnya dapat dilaratkan di semua daerah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan yang mulia lagi indah ini, kaola sebagai wakil rakyat dan penduduk Daerah Temburong dalam arus perdana pembangunan negara yang sedang rancak dan giat dilaksanakan ketika ini, atas limpah rahmat dan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita dan negara dan dengan berkat daulat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang kita kasihi, abis koala bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bahawa Daerah Temburong tidak tertinggal.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji A.**

**Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. *يُسْمِعُ اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ*

Alhamdulillah Rabbil'alameen.

Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Wal Mursaleen, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.



Rabbi inni zalamtu nafsi wa aslamtu maal sulaimana Rabbil 'alameen.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Dalam ucapan menjunjung kasih, kaola menyokong penuh dengan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak syak lagi apa yang telah dihujahkan oleh Yang Behormat itu benar dan jitu yang disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan semangat yang progresif dan revolusional. Semuanya menuju ke arah Wawasan Negara 2035. Menyahut akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dititahkan Baginda pada 5 Mac 2015 Masihi bersamaan 14 Rabiulawal 1436 Hijrah, di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Baginda itu bak pantun:

Raja bertitah di Petarana,  
Memakai baju selempang beledu,  
Titah penuh dengan beribu makna,  
Kalau dijumlah bukan seribu.

Ini juga bertepatan dengan taklimat pegawai-pegawai di Jabatan Perdana Menteri yang telah ditaklimatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada 29 Januari 2015 yang menerangkan strategi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan ekonomi negara menghalal kepada Wawasan 2035. Pada hari itu kaola amat gembira mendengar bahawa pada tahun 2035 nanti, Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang maju dan berdaulat. Atas kegembiraan tersebut kaola terpanggil untuk berpantun:

Berjalan ke kota Batu,  
Berjalan berdua-dua,  
Bila mendengar taklimat itu,  
Saya yang tua terasa muda.

Bunga melur puputnya damit,  
Walaupun damit harum baunya,  
Walaupun Brunei negara damit,  
akan masyhur ke seluruh dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam titah Baginda itu perlu diambil kira oleh semua pihak terutama tokoh-tokoh korporat yang berkelibar dan berjiwa besar untuk memajukan negara yang mana titah baginda itu suatu cabaran yang besar kepada kita untuk orang-orang yang berkepentingan, kerana itu janganlah seperti bak pantun:

Sorong papan tarik papan,  
Buah keranji dalam perahu,  
Suruh makan kita tak makan,  
Suruh mengaji kita tak mahu.

Kita Berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga Brunei yang kita puja dan puji ini akan menjadi sebuah negara yang aman damai dan sejahtera tidak akan menjadi sebuah taman yang hanya diisi oleh batu-batu pejal airnya mengalir secara paksa dan bunganya hanya sekuntum. Kita terus berdoa semoga Negara Brunei Darussalam yang merdeka dan berdaulat ini dengan berpaksikan Melayu Islam Beraja akan terus menjadi sebuah negara  
*بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ*. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat itu pernah menjadi seorang guru dan nampaknya sifat keguruannya masih kental. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu kaola dengan hormatnya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ke atas peluang yang diberikan untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong sepenuhnya ke atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2015 dan seterusnya mengurniakan titah.

Sesungguhnya kurnia isi kandungan titah Baginda itu adalah sangat bertepatan dalam era di mana dunia masa kini menghadapi penurunan ekonomi global yang ketara seperti harga minyak yang menurun yang juga turut dirasai oleh negara kita. Titah Baginda ini perlu ditangani oleh semua pihak dengan penuh bijaksana dan matang secara holistik bukan sahaja untuk *survival* negara tetapi untuk memastikan negara terus berkembang maju ke hadapan ke arah pembangunan sosio-ekonomi yang lebih mapan dan *sustainable*.

Sebelum kaola meneruskan hujah di Dewan Majlis ini, dalam kesempatan ini kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin di atas kurnia pelantikan sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Kaola percaya dan penuh berkeyakinan dengan pengalaman dan kredibiliti Yang Berhormat Pehin akan dapat memimpin Majlis Mesyuarat Negara ini dengan lebih efisien, efektif dan berkesan sekali gus mampu mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara seperti mana hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perasmian Baginda.

Kaola dengan penuh hormatnya sangat-sangat menjunjung tinggi kurnia titah mengenai pentingnya penghijrahan *mindset* daripada semata-mata suka bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha.

Sehubungan dengan ini, di dalam permesyuaratan kali ini sewajarnya kita sama-sama bergabung tenaga dan berfikir berusaha menghuraikan dalam pelbagai perspektif dan kaedah bagaimana cara untuk mengubah atau mentransformasi *mindset* rakyat dan penduduk di negara ini dari bergantung semata-mata terhadap makan gaji kepada budaya berniaga yang lebih *industrious* dalam sama-sama merealisasikan titah Baginda yang sangat bijaksana, berwibawa lagi berpandangan jauh.

Ini juga adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bukan sahaja di Dewan Majlis ini malahan juga di sektor Kerajaan, sektor swasta, *NGO's* dan juga lapisan rakyat dan penduduk terutama sekali dalam sama-sama kita mendukung dan mewujudkan persekitaran yang kondusif yang berupaya memudahcara dan mempromosi perkembangan perniagaan dan perindustrian di negara ini. Ini termasuklah juga peranan keluarga untuk memberikan sokongan yang padu dan galakan di dalam sektor ini. Sektor industri adalah nadi penggerak negara yang memang terbukti mampu menjana dan memberi peluang banyak pekerjaan termasuk dalam mengembangmajukan lagi pelbagai aktiviti perekonomian yang berkaitan.

Dalam hal ini, seperti titah Baginda juga anak-anak tempatan haruslah diberi peluang dan diberikan keutamaan dalam mengisi jawatan penting bagi menggantikan pekerja-pekerja asing apatah lagi sekarang ini terdapatnya



peningkatan-peningkatan bilangan anak-anak tempatan bukan sahaja berkelulusan tetapi juga yang berkeelayakan yang juga dilengkapi dengan pelbagai profesionalisme dan kemahiran yang diperlukan.

Golongan ini juga perlu diberi kepercayaan untuk menggalas tugas dan tanggungjawab serta menunjukkan kredibiliti mereka sebagai anak jati Brunei yang taat lagi setia untuk menyumbang khidmat bakti kepada ughama, bangsa dan negara.

Dalam pada itu, kaola berpendapat sudah tiba masanya untuk kita bersama-sama mengikis sikap dan *mindset* negatif segelintir masyarakat yang semata-mata suka meminta-minta atau mengharapakan bantuan tanpa sebarang usaha untuk membaiki diri sendiri atau berdikari. Dalam perkara ini, sukacitalah juga kita sama-sama menghayati dan mengambil pedoman dari firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Ar-Rad, ayat 11 yang maksudnya:

"Sesungguhnya Allah Ta'ala tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka itu sendiri".

Oleh yang demikian, selaku rakyat dan penduduk di negara ini yang sihat dan berupaya, sepatutnyalah berusaha sedaya upaya berkarih, berjariah mencari rezeki di bumi yang bertuah di Negara Brunei Darussalam untuk sumber kehidupan yang halal lagi berkat serta menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan dengan bersungguh-

sungguh serta berinovasi sehingga berjaya menembusi pasaran global bagi meningkatkan sosio-ekonomi dan kehidupan yang lebih berkualiti. Seperti yang dititahkan Baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, hasrat murni Baginda ingin melihat lebih ramai lagi anak-anak tempatan untuk tampil ke hadapan untuk menyahut cabaran ini dalam melibatkan diri di pelbagai bidang keusahawanan yang lebih berdaya maju dan berdaya saing bagi bersama-sama mengembangmajukan kepelbagaian perekonomian negara ke arah yang lebih *sustainable*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menunjukkan keprihatinan tinggi Baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan negara untuk dinikmati secara berterusan di mana Baginda memperingatkan mengenai perlunya kita mengekalkan dasar kestabilan fiskal melalui kaedah pengurusan peruntukan kewangan dan pengamalan penjimatan perbelanjaan secara berhemah serta *value for money*. Kita semestinya bertanggungjawab mendukung dan melaksanakan dasar ini sepenuhnya di kesemua peringkat sama ada di sektor Kerajaan termasuk individu dan keluarga. Sikap berbelanja secara berhemah khususnya berjimat cermat dan suka menabung mengikut

kemampuan ini perlu kita sama-sama budayakan dan dijadikan sebagai amalan cara hidup bagi menjamin kelangsungan kehidupan yang sejahtera dan kemakmuran negara seterusnya bagi keperluan generasi akan datang. Apatah lagi amalan berjimat cermat dan menghindarkan sebarang pembaziran ini adalah nilai-nilai murni yang mulia dan sangat dituntut oleh agama Islam dan ini adalah bertepatan dengan negara kita sebagai Negara Melayu Islam Beraja.

Pada kesimpulannya, sesungguhnya intipati kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas ini amat mencerminkan kewibawaan dan kebijaksanaan Baginda sebagai raja yang berjiwa rakyat dan sangat mengambil berat dan pemeduliaan akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta keselamatan, kemakmuran, keamanan dan kemajuan negara maju ke hadapan malahan sebagai pemimpin yang berwawasan global.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhannahu Wata'ala semoga negara kita Brunei Darussalam yang kita cintai ini akan terus diredai, diberkati, dirahmati, dan di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah  
Rabbil'alameen. Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Wal  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Assalamu 'Ala  
Manittaba'el Huda. Terima kasih Yang  
Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola sukacita juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Pehin. Kaola turut mendoakan agar Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan sentiasa sihat sejahtera dan ceria.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menyertakan diri dalam menyembahkan sembah junjung kasih ini dengan memfokus kepada bidang pekerjaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perasmian Baginda telah menitahkan supaya perhatian perlu bulat untuk

mengerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada.

Tidak syak lagi bahawa dilihat daripada jumlah angka pengangguran yang sangat tinggi di negara ini, iaitu 9 peratus daripada jumlah penduduk yang dalam usia bekerja mengikut definisi kebangsaan kita, iaitu 18 hingga 59 tahun berbanding dengan negara-negara yang lain, maka adalah tepat titah Baginda bahawa kita mesti mengkaji pengisian peluang-peluang yang ada dengan saksama. Baginda mempersoalkan:

"...di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada...".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sehubungan dengan itu, kaola ingin menarik perhatian dalam dewan ini mengenai peluang-peluang pekerjaan dalam lima industri sektor perindustrian iaitu industri perdagangan, jual borong dan jual runcit, industri perhotelan, restoran, kedai kopi, industri pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, industri perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian dan industri perkhidmatan kewangan, insurans dan perundangan.

Kaola sengaja tidak menyentuh industri yang menjadi nadi ekonomi negara kita yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ristakan tentang beberapa banyak peluang atau jawatan penting

masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing sekalipun kita telah melalui masa yang begitu panjang.

Dalam lima industri yang kaola sebutkan tadi, ada sebanyak 3,545 buah syarikat dengan jumlah pekerja seramai 44,274 orang. Dari jumlah tersebut bilangan pekerja asing adalah seramai 28,857 orang iaitu 65 peratus, manakala selebihnya iaitu 15,417 orang dalam kadar 35 peratus adalah pekerja rakyat dan penduduk tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua menyedari bahawa bilangan rakyat dan penduduk tetap kita yang terhad tidak mungkin akan dapat memenuhi keperluan industri kepada tenaga kerja sepenuhnya. Kita memang memerlukan tenaga kerja asing.

Namun dalam yang masa sama, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sepenuhnya menjunjung kasih apabila Baginda menanyakan di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir, tidak diberikan kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu. Ertinya, industri hendaklah responsif kepada kenyataan bahawa bilangan pengangguran kita di negara ini adalah tinggi dan industri sebagai pembuka lapangan pekerjaan hendaklah mengutamakan anak-anak tempatan.

Untuk bersikap seimbang dan saksama, kaola dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak menutup pintu pengambilan pekerja asing dalam lima sektor industri itu. Kementerian

setakat mahu memastikan bahawa bilangan pekerja asing di negara ini adalah dalam jumlah dan saiz yang munasabah untuk memastikan peluang-peluang yang ada itu khasnya dalam lima sektor itu tidak dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing dengan mencirikan rakyat dan penduduk tempatan.

Oleh itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menguatkuasakan dasar baharu pengambilan pekerja-pekerja asing, terutama sekali dengan memotong kuota pengambilan pekerja asing yang telah diluluskan kepada syarikat-syarikat tetapi belum atau tidak digunakan iaitu *unused quota*. Dengan itu, ia merupakan *flood gate* bagi menyekat kemasukan pekerja asing ke negara ini semahu-mahu majikan tanpa mengambil kira tanggungjawab sosial mereka untuk membantu rakyat dan penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan.

Kaola ingin menyebut ulang di dewan ini, bilangan pekerja asing dalam semua industri termasuk industri pembinaan (*construction*) dan perkhidmatan rumah tangga dan persendirian yang sedia ada dalam negeri kita adalah 141,852 orang. Sementara bilangan yang dirancang oleh majikan-majikan untuk didatangkan melalui *unused quota* itu ada seramai 71,000 orang. Bayangkanlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, betapa bilangan penduduk negara ini akan segera meningkat hampir 500,000 dengan kehadiran pekerja asing menurut semahu-mahu majikan itu yang risikonya ialah bukan sahaja

memonopoli peluang pekerjaan bahkan mewujudkan keadaan polarisasi penduduk yang tidak seimbang antara rakyat negara ini dengan rakyat asing. Kaola ingin menegaskan bahawa dasar memotong *unused quota* itu tidaklah bertujuan menyekat pertumbuhan industri atau pengembangannya.

Kementerian bersedia menimbangkan rayuan syarikat-syarikat berdasarkan keperluan yang sebenarnya sambil meminta syarikat-syarikat merancang dalam masa tiga tahun secara berperingkat-peringkat menggantikan pekerja-pekerja asing itu dengan anak-anak tempatan atau syarikat-syarikat boleh mengekalkan dan menambah bilangan pekerja asing menurut pertumbuhan dan kemajuan syarikat, tetapi dalam masa yang sama syarikat-syarikat hendaklah juga mengambil dan menambah bilangan pekerja-pekerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan.

Pada umumnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam tempoh tiga tahun dan secara berperingkat-peringkat syarikat-syarikat dikehendaki merancang pengisian jawatan-jawatan dalam lima industri itu oleh anak-anak tempatan berpandukan pada kadar peratus yang ditentukan antara pekerja asing dengan pekerja tempatan menurut industri dan dan menurut zon beroperasinya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada seperti yang disebutkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu, sesetengah orang mencadangkan supaya ada suatu dasar yang jelas dan tegas dalam memastikan peluang-peluang pekerjaan yang sentiasa terbuka di negara ini untuk tidak dimonopoli oleh tenaga-tenaga kerja asing. Dasar itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebenarnya sudah ada yang antaranya ialah sebagaimana yang kaola bentangkan sebentar tadi.

Lanjutan daripada dasar-dasar yang sedia ada ialah memastikan tenaga kerja tempatan mempunyai kelayakan melalui keperluan industri. Hal ini sedang rancak dilakukan melalui pusat-pusat latihan, teknikal, kejuruteraan dan vokasional oleh pihak Kerajaan dan pihak swasta.

Kaola ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada syarikat-syarikat dan firma-firma yang telah bekerjasama dengan APKT dan Jabatan Buruh untuk menjayakan dasar baharu pengambilan pekerja asing yang antaranya ialah menjadi rakan strategik.

Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kejayaan sebanyak 1,231 buah syarikat dalam lima industri yang disebutkan tadi yang telah mencapai nisbah melebihi 50 peratus, malah ada yang mencapai seratus peratus pekerjanya terdiri daripada anak-anak tempatan. Namun jumlah tersebut baru sekadar 36 peratus dari jumlah syarikat-syarikat dari lima industri berkenaan.

Maknanya banyak syarikat lagi yang perlu berusaha meningkatkan pengambilan anak-anak tempatan dalam industri masing-masing. Majikan-majikan yang belum mencapai kadar 50 peratus atau lebih anak-anak tempatan dalam industri mereka, kebanyakan dalam industri perdagangan, pemborongan dan peruncitan iaitu sebanyak 1,386 buah syarikat. Tempat kedua terbanyak ialah industri perhotelan, restoran dan kedai kopi sebanyak 578 buah syarikat.

Maka kepada industri-industri yang belum mencapai kadar 50 peratus atau lebih nisbah mengambil pekerja anak-anak tempatan itu, kaola ingin mengajak supaya mereka segera merespons dengan penuh keinsafan akan tanggungjawab sosial mereka terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai bidang pekerjaan iaitu di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu.

Senada dengan seruan ini kaola juga menyeru dan merayu kepada sejumlah penduduk negara ini yang layak bekerja tetapi masih menganggur supaya tampil dan berusaha keras mendapatkan pekerjaan demi kebaikan awda dan keluarga awda. Banyak peluang-peluang pekerjaan dan latihan bagi memenuhi keperluan industri yang disediakan. Ayuh responslah secara positif titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan, awda jangan mencicirkan terus diri awda dalam bidang pekerjaan.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih dan dengan itu kaola menyokong Usul yang dibentangkan oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah Baginda dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen  
Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil  
Anbiya' Wal Mursaleen Sayyidina  
Muhammaddin Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya sukacita menggabungkan diri pada menyokong Usul Yang Diberi Notis oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, pada menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan titah Baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada 5 Mac 2015 yang lalu.

Titah Baginda itu merupakan sebiji mutiara, yang sangat bernilai yang di dalamnya mengandungi falsafah dan arah tuju *social engineering* ataupun pembentukan sosial yang mampu mengangkat dan membawa rakyat dan penduduk untuk membuka minda dan merubah *mindset*.

Titah Baginda mengenai perlunya penghijrahan *mindset* daripada semata-

mata suka bergantung pada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha, juga tepat pada maksud dan waktunya. Pada menjunjungnya, Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang dipengerusikan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan terus melipatgandakan usahanya dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Khas yang mengandungi unsur-unsur dan hala tuju seperti yang dihasratkan oleh Baginda.

Pelan-pelan tindakan yang telah disediakan dan dilaksanakan mempunyai beberapa matlamat strategik yang menekankan aspek *empowerment* melalui pendidikan, latihan, kemahiran, pekerjaan dan keusahawanan. Seajar dengan usaha matlamat pembangunan yang inklusif, penumpuan diberikan kepada mempersiapkan golongan yang tercicir dan menerima bantuan untuk berusaha dengan gigih bagi mendapatkan kemahiran yang mempunyai permintaan pasaran dan seterusnya memperoleh pekerjaan atau memulakan perniagaan yang dapat memberikan pendapatan.

Walau bagaimanapun pendekatan dan pelaksanaan ke arah *empowerment* dan perubahan *mindset* golongan masyarakat yang sangat bergantung pada bantuan memerlukan penglibatan semua pihak, sama ada di peringkat kepimpinan akar umbi, media tempatan, badan-badan bukan Kerajaan, persatuan-persatuan, pihak swasta dan individu.

Di samping simpati dan empati yang diberikan ke atas golongan yang memerlukan bantuan mereka perlu memberikan semangat perubahan minda dan memberikan jalan keluar golongan berkenaan daripada kemiskinan melalui usaha-usaha membangun diri dan berdikari. Adalah diharapkan pihak berkenaan bukan semata-mata menyaran, melapor dan menyuarakan agar bantuan-bantuan kewangan dan kebendaan atau lebih banyak subsidi untuk dihulurkan kepada golongan yang memerlukan bantuan, tetapi mereka juga berperanan sama pada memberikan panduan dan kesedaran kepada golongan berkenaan untuk bangun dan berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan dengan mempunyai perasaan tanggungjawab untuk memperbaiki dan merubah nasib hidup mereka dengan berusaha mencari pekerjaan dan memiliki kemahiran bagi memulakan perusahaan atau berniaga secara kecil-kecilan.

Lebih-lebih lagi dalam konteks ke arah mengurangkan penggantungan masyarakat secara berterusan kepada bantuan-bantuan kebajikan, cabaran yang dihadapi rata-ratanya ialah kebanyakan penerima bantuan bulanan tersebut yang mempunyai keupayaan fizikal dan mental, didapati mempunyai *mindset* yang negatif dan lemah, yang mereka sendiri perlu membuat perubahan dan penghijrahan. Ini sama seperti yang diungkapkan dalam satu pepatah Inggeris yang bermaksud "Kita boleh membawa seekor kuda ke sungai,

tetapi kita tidak boleh memaksanya meminum air”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menjayakan program memperkasa atau *empowerment* masyarakat untuk keluar dan terhindar daripada terjerumus dalam kepompong kemiskinan, kesedaran betapa pentingnya jati diri dan disiplin di samping pendidikan dan kemahiran dalam menjalani kehidupan perlu ditanamkan terutama sekali dalam kalangan belia.

Seperti mana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam titahkan sempena Hari Perkhidmatan Awam tahun 2010, bahawa Baginda bertitah:

“Tidak ada maknanya usaha dan ilmu, jika pemiliknya lemah jati diri seperti disiplin dan integriti”.

Daripada titah Baginda itu dapat kita mengambil iktibar, pengajaran serta peringatan di samping rakyat dan penduduk khususnya generasi muda itu mempunyai ilmu dan pengetahuan serta minda kelas pertama. Mereka juga perlu memiliki semangat berdaya saing, akhlak yang hebat, budaya kerja yang cemerlang, integriti yang tinggi, nilai dan harga diri yang murni, yang tentunya akan menjadikan mereka selaku penyumbang kepada pembangunan sosioekonomi bangsa dan negara.

Sehubungan dengan itu, semua program pembangunan modal insan

di bawah pengendalian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi golongan sasaran khususnya golongan belia, seperti Program Khidmat Bakti Negara, program latihan di Pusat Pembangunan Belia, Program Pembangunan Belia di bawah Jabatan Belia dan Sukan, sedikit sebanyak telah dimuatkan dengan unsur-unsur pembangunan jati diri dan penguatan disiplin dan minda.

Modal insan yang dibentuk dan dibangunkan bercirikan calak Brunei iaitu berasaskan kepada kerohanian, adat budaya dan warisan bangsa, yang akan dapat melahirkan generasi masa depan yang berupaya mendaulatkan raja, memelihara kesucian agama dan membela bangsa dan negara. Di samping itu, mereka ini juga dihasratkan mempunyai moral dan disiplin yang kuat serta daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, sebagai persediaan mereka menghadapi persaingan ekonomi global dan mendepani kecanggihan dan kepesatan teknologi dengan jayanya. Modal insan yang kita bangunkan, akan mempunyai ciri dan perwatakan yang dapat diungkapkan seperti berikut:

“Apa tandanya bangsa Brunei jati, syariat dan adat dibawa mati, Apa tandanya bangsa Brunei berdaulat, Raja dan bangsa dijulang rakyat”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi negara seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



Sultan dan Yang Di-Pertuan, satu lagi bidang yang mempunyai potensi membukakan peluang perniagaan terutama sekali kepada golongan belia ialah industri kreatif, yang usaha giat memperkembangkannya terus diusahakan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Dengan memanfaatkan teknologi, kebudayaan, kesenian, sejarah dan warisan bangsa boleh sahaja dipergunakan bagi menghasilkan berbagai-bagai perisian atau *content* dan produk yang mempunyai permintaan pasaran. Ke arah ini, selaras dengan titah Baginda melalui pewujudan iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif, pembangunan industri kreatif perlu diberikan perhatian dan diterokai oleh generasi muda. Mereka hanya perlu mempunyai sedikit modal dan idea-idea yang kreatif. Manakala pemasaran bagi industri kreatif tidak terhad kepada pasaran tempatan tetapi terbuka kepada pasaran serantau dan global melalui teknologi *cyber*.

Buat penutup, saya sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah Baginda yang jelas menekankan agar Dewan yang mulia ini akan tetap menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang besar dan mencabar dengan mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

#### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekaliannya. Segala puji bagi Allah pencipta sekalian alam selawat dan salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, para kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia hingga ke akhir zaman.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya atas pelantikan Yang Berhormat Pehin menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baharu. Pelantikan ini sudah tentu atas kelayakan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan pengalaman yang luas dalam pentadbiran negara. Insyaa-Allah, kita mohon ke hadrat Allah akan taufik dan hidayah-Nya dapat melaksanakan kewajipan yang diamanahkan sebaik-baiknya.

Kaola mengambil kesempatan yang terhad ini untuk menggabungkan diri menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan untuk menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015 yang berlangsung pada hari Khamis yang lepas.

Di dewan yang mulia ini atas titah Baginda yang sangat bernas dan sangat tinggi nilainya dengan pandangan yang jauh melihat situasi tempatan dan global, titah Baginda itu mengandungi motivasi yang kuat untuk memajukan negara ini dalam segala bidang khasnya perniagaan dan perindustrian. Baginda menasihatkan agar rakyat dan penduduk negara ini akan rajin berusaha secara bersungguh-sungguh sehingga mampu berdikari. Rakyat dan individu yang memiliki minda positif akan berupaya untuk membina kehidupan yang konstruktif, progresif, produktif dan optimistik. Apatah lagi, dalam keadaan ekonomi global yang menunjukkan penurunan ketara harga minyak, hal ini memerlukan kerjasama rakyat dan penduduk negara ini supaya

lebih matang berfikir dan bertindak selaras dengan keadaan semasa dan tuntutan zaman.

Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sama-sama kita berusaha semoga hasrat Baginda itu dan hasrat negara akan tercapai dan terlaksana dengan sebaik-baiknya. Antara yang dititahkan oleh Baginda ialah, penghijrahan *mindset* daripada semata-mata suka bergantung pada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha adalah satu kelebihan yang perlu dihuraikan oleh majlis ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa konsep berhijrah dalam Islam ialah berubah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik. Untuk merubah *mindset* memerlukan azam dan tekad yang kuat serta usaha yang bersungguh-sungguh untuk berubah. Ini tidak mustahil dilakukan kerana dalam melakukan perubahan itu, Allah akan bersama-sama kita. Allah tidak akan mengubah jika kita tidak mahu mencuba untuk berubah, tetapi jika kita mahu mencuba untuk berubah insya-Allah, Allah akan membantu kita sebagaimana firman-Nya dalam surah Ar-Ra'd ayat 11:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan apa yang ada pada sesuatu kaum sehinggalah mereka

merubah keadaan apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

Sesetengah kita yang suka bergantung pada bantuan semata-mata sebenarnya boleh mengubah nasib mereka kepada hidup berdikari yang lebih mendatangkan hasil jika ada semangat untuk bekerja dan berusaha yang setentunya menggunakan tenaga minda dan tulang empat kerat yang bermakna juga akan mengusir jauh-jauh rasa malas dan rasa selesa. Inilah yang digalakkan dalam Islam dan dipandang mulia di sisi Allah.

Perkara penghijrahan *mindset* atau sikap ini adalah kunci segala kejayaan. Sebagai misal, kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengendalikan program Propaz (Program Pengupayaan Asnaf Zakat) telah membolehkan sebahagian peserta program ini mendapat pekerjaan dan ada yang berusaha sendiri berniaga secara kecil-kecilan malah ada yang telah membuka syarikat sendiri. Ini membuktikan kebenaran peribahasa kita bahawa “Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.”

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menyentuh mengenai usaha menjimatkan perbelanjaan bukan sahaja di peringkat negara, malah juga di peringkat individu dan keluarga. Berbelanja mengikut kemampuan, berhemah dan bijaksana. Ini juga ada asasnya dalam agama kita yang

menyuruh kita berbelanja secara sederhana, tidak terlalu boros dan tidak juga terlalu kedekut. Sebagaimana firman Allah Ta’ala dalam surah Al-Isra’ ayat 29:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا  
كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bakhil) dan janganlah pula engkau menghulurkannya seluas-luas (boros) kerana akibatnya engkau akan jadi tercela dan menyesal.”

Dalam hal mencari rezeki ini, marilah kita kuatkan keyakinan dan pegangan kepada kekuasaan Allah Subhanahu Wata’ala yang mengawal rezeki kita, yang mengurniakan rezeki kepada kita sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-A’raaf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْفُرُجِ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “dan kalaulah penduduk sesebuah negara itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan Rasul Kami, lalu Kami menimpakan azab disebabkan apa yang telah mereka usahakan”.

Ini adalah janji Allah kepada orang-orang yang beriman dan bertakwa dan amaran keras Allah kepada orang-orang yang mendustakan hukum-hukum Allah.

Kita berharap dan berdoa semoga ciri-ciri utama bangsa kita ini, iaitu iman dan takwa di samping terus berusaha akan terus dihayati dan dipegang oleh generasi kita sekarang dan akan datang hingga bila-bila. Inilah ciri utama yang membawa keberkatan iaitu berupa kemakmuran, keselamatan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada bangsa dan negara kita.

Demikianlah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam senarai saya ini yang ingin untuk berhujah dalam Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Dengan itu, saya sekarang ingin membukakan supaya perkara ini kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Usul ini sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Nampaknya Usul ini telah diterima dengan sebulat suara oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Maka Usul ini diluluskan.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Perkara VII, Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan satu Rang Undang-undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, untuk bacaan kali pertama.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, bolehlah dibaca sekarang bagi kali yang pertama.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:**

Satu rang undang-undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari**

**Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”.**

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin bagi memaklumkan pada majlis ini bahawa kaola akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-undang yang bergelar **“Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”**, pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh sebab kaola bercadang hendak membawakan bacaan kedua dan ketiga akan Rang Undang-undang tersebut ini pada hari ini jua, maka kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan kaola ini semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat setelah saya mendengar alasan dan keterangan serta sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II

(Kedua) di Jabatan Perdana Menteri maka saya izinkan supaya Peraturan-peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-undang yang bergelar: **“Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”**, untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48 (3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bergelar: **“Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”**, untuk dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Alhamdulillah Rabbil'alameen.  
Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Wal Mursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.



Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola membentangkan Rang Undang-undang ini terlebih dahulu kaola mengambil kesempatan ini untuk menyekutukan diri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Pehin selaku Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan berdoa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan dikurniakan taufik dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam memimpin Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah **"Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah Enam Ribu, Empat Ratus Juta Ringgit Brunei (B\$6,400,000,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan, bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016, dan untuk memperuntukannya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual"**.

Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas mengenai perkembangan semasa dan unjuran ekonomi negara

dan global, cabaran-cabaran dan kesannya kepada hasil pendapatan Kerajaan dan ekonomi negara, sebagai asas kepada penyediaan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2015/2016.

2. Insya-Allah, kaola juga akan mengongsikan antara lainnya, keutamaan-keutamaan perbelanjaan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan, dan belanjawan yang akan disediakan dalam mendukung Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan nikmat keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan serta rezeki yang luas dan berterusan kepada negara ini. Dengan rahmat Allah ini, negara telah dapat memelihara kestabilan sosioekonomi dan meneruskan pelaksanaan rancangan pembangunan negara. Selaku rakyat dan penduduk Negara ini, kita amat beruntung kerana dapat merasai nikmat pembangunan dan taraf hidup yang tinggi ini. Semua ini semata-mata dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan atas kepimpinan bijaksana dan berwawasan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pembangunan yang kita kecapikan ini terbit daripada pelaksanaan berterusan dasar Kerajaan yang sentiasa menekankan kepada perancangan pembangunan negara yang inklusif, agar setiap lapisan masyarakat negara ini akan dapat menikmati taraf hidup yang sewajarnya, hasil daripada pelaksanaan program-program kemajuan Kerajaan.

4. Dalam memastikan Kerajaan dapat melaksanakan projek-projek pembangunan secara berterusan, Kerajaan perlu sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat agar kewangan negara sentiasa kukuh dan dapat menangani dan menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang sukar diramal. Bermula pada pertengahan Tahun 2014, dunia sekali lagi berdepan dengan cabaran harga minyak yang telah jatuh secara drastik. Berbanding keadaan penurunan harga minyak dunia pada tahun 2008, para penganalisis ekonomi meramalkan keadaan harga minyak dunia untuk berada di paras yang rendah bagi tempoh yang lebih lama. Seperti mana yang kita

saksikan, harga minyak dunia telah mengalami kejatuhan mendadak dan berterusan sejak bulan Jun 2014 lepas, dari paras harga USD\$113 setong ke paras hampir US\$45 setong pada bulan Januari 2015 yang lepas, iaitu pengurangan pada kadar melebihi 60 peratus.

Berikutan dengan itu, beberapa institusi antarabangsa telah mengemaskinikan ramalan masing-masing bagi harga minyak dunia dalam tahun 2015. *Energy Information Administration (EIA)*, Amerika Syarikat, pada bulan Januari 2015 telah menurunkan unjuran bagi tahun 2015 kepada US\$57.58 setong bagi Brent daripada US\$83.42 setong yang diunjurkan pada bulan November 2014. Manakala, beberapa penganalisis kewangan antarabangsa telah meramalkan harga minyak tahun 2015 adalah pada kadar di antara US\$40 hingga US\$55 setong berbanding US\$70 yang diramalkan lebih awal.

5. Penurunan mendadak harga minyak dunia ini telah mencorakkan ekonomi dunia dalam keadaan berwaspada. Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*) dalam Laporan *World Economic Outlook* keluaran bulan Januari 2015, telah menyemak semula dan menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia bagi

tahun 2015 kepada 3.5 peratus, berbanding unjuran awal yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2014, pada kadar 3.8 peratus.

Dalam pada itu, kejatuhan harga minyak yang berterusan juga telah menimbulkan kebimbangan deflasi dan kejatuhan nilai mata wang, yang sebaliknya boleh mencetuskan kembali kelembapan ekonomi global. Tapi yang pasti, kedudukan harga minyak dunia ini, akan memberikan impak yang signifikan dan tekanan secara langsung kepada ekonomi negara ini, dengan pengurangan hasil pendapatan syarikat-syarikat yang bergiat di Sektor Hidrokarbon dan juga dengan penurunan hasil pendapatan Kerajaan dari sektor paling utama ini.

6. Dalam pada itu, perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas terus merekodkan kemajuan yang menggalakkan hasil daripada usaha-usaha bersepadu semua pihak. Namun dari segi sumbangan keseluruhan, ia masih lagi di peringkat minimum dan perlu dilipatgandakan bagi mengimbangi tahap sumbangan Sektor Minyak dan Gas kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (*GDP*). Ke arah itu, usaha-usah perlu terus dipertingkatkan bagi mempelbagaikan aktiviti perekonomian agar

pertumbuhan negara akan lebih berdaya tahan dan berdaya maju.

7. Mengambil kira situasi masa kini, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, telah mengemas kini buat kali kedua dan menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi Negara kepada kadar negative 0.9 peratus bagi tahun 2014 dari unjuran sebelumnya sebanyak 1.1 peratus. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan Sektor Minyak dan Gas pada kadar negatif 6.7 peratus. Sebaliknya, Sektor Bukan Minyak dan Gas Negara pula dijangka mencatatkan perkembangan lebih kukuh dengan pertumbuhan dianggarkan pada kadar 3.4 peratus pada tahun 2014 berbanding 2.7 peratus pada tahun 2013. Pertumbuhan yang menggalakkan ini disumbangkan oleh sektor swasta yang dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar 3.9 peratus, manakala sektor Kerajaan pula dijangka berkembang pada kadar 2.5 peratus. Bagi tahun 2015, ekonomi Negara diunjurkan akan tumbuh pada kadar 1.4 peratus, insya-Allah.
8. Dengan prospek ekonomi global dan juga domestik seperti yang dibentangkan tadi, serta senario hasil pendapatan Kerajaan daripada Sumber Minyak dan Gas yang berasaskan harga dan pengeluaran minyak Negara yang dijangka akan menurun, Anggaran



Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 adalah diunjurkan berjumlah **B\$4,117,120,000.00** (Empat ribu satu ratus tujuh belas juta, satu ratus dua puluh ribu ringgit Brunei). Unjuran ini mengambil kira hasil daripada Sektor Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak \$3,212.00 juta (78.0 peratus) sahaja berbanding \$5,689.65 juta yang dianggarkan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak \$905.12 juta, iaitu 22.0 peratus daripada Anggaran Kutipan keseluruhan.

9. Alhamdulillah, walaupun negara berdepan dengan suasana ekonomi yang semakin mencabar, dasar berjimat cermat yang diamalkan oleh Kerajaan selama ini, telah membolehkan perancangan-perancangan pembangunan sosioekonomi negara terus dilaksanakan.
10. Oleh itu, dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal ini, langkah pengawalan perbelanjaan juga perlu diperkukuhkan bagi mengimbangi kesan langsung penurunan kutipan hasil pendapatan Kerajaan. Dalam perkara ini, setiap agensi Kerajaan akan mengambil langkah-langkah pengawalan perbelanjaan, yang antara lainnya termasuk:
  - i. Mengawal perbelanjaan utiliti, seperti penggunaan tenaga elektrik, air dan telefon, melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalaman;
  - ii. Memastikan acara-acara atau program-program yang dianjurkan adalah benar-benar perlu dan dibuat secara sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan membazir;
  - iii. Mengkaji semula kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan semasa bertugas atau mengikuti kursus di luar negara bagi mengelakkan pembaziran; dan
  - iv. Memastikan pengurusan, penyelenggaraan dan pembaikan aset Kerajaan seperti bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan lain dilaksanakan secara terancang, dengan memberi keutamaan kepada isu-isu keselamatan dan keutuhan struktur bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan jangka panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

11. Dalam usaha memastikan kewangan Kerajaan akan terus mantap dan mapan, usaha-usaha berterusan akan diambil untuk membangun persekitaran ekonomi yang mesra perniagaan dan pelaburan. Melalui usaha-usaha tersebut, ia diharap akan dapat meningkatkan aktiviti perekonomian, termasuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini. Kejayaan dalam usaha-usaha tersebut diharap akan membuka lebih banyak peluang-peluang perniagaan bagi *SME* atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini, yang akan dapat meningkatkan kadar pengeluaran negara, di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Langkah ini juga akan dapat meluaskan asas sumber pendapatan negara.

12. Di samping itu, dari aspek pengurusan kewangan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dikehendaki untuk melaksanakan perbelanjaan secara berhemat dengan mengutamakan hasil (*outcome*) dari perbelanjaan berkenaan; dan melipatgandakan usaha-usaha bagi menambahkan lagi hasil pendapatan Kerajaan, terutama dalam aspek

kecekapan pengurusan kutipan hasil. Dengan pendekatan ini, insya-Allah, pengurusan kewangan Kerajaan akan terus diperkukuhkan bagi menangani cabaran-cabaran ekonomi secara berkesan tanpa menjejaskan program-program pembangunan sosio ekonomi negara dan perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai.

13. Dalam konteks ini, Kerajaan perlu meningkatkan lagi usaha-usaha untuk mengukuhkan asas-asas atau *fundamental* ekonomi negara bagi mewujudkan pembangunan yang dinamik, seimbang dan *sustainable*. Dengan mengambil kira keperluan ini, maka cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini dirancang dengan tema: **“Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif”**. Modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan dinamik, akan dapat menyumbang kepada peningkatan tahap produktiviti sektor awam dan swasta. Dengan mengutamakan perkembangan ekonomi dan pembangunan insan, lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti yang akan dapat diwujudkan dan dapat diisikan oleh belia-belia tempatan. Tema ini dipilih sebagai kesinambungan dan mendukung Tema Belanjawan Tahun Kewangan sebelumnya, iaitu:

14. "Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

15. Berasaskan faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2015/2016, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak **enam ribu empat ratus juta ringgit Brunei (\$6,400,000,000.00)**. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak \$250 juta berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2014/2015. Pengurangan ini mengambil kira unjuran hasil pendapatan Kerajaan yang dijangka berkurangan bagi Tahun Kewangan berkenaan. Namun demikian, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan tersebut adalah masih jauh lebih tinggi berbanding anggaran hasil kerajaan yang dinyatakan tadi. Ini bermakna belanjawan yang dicadangkan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini akan mengakibatkan Kerajaan mengalami defisit belanjawan sebanyak **kira-kira \$2,282 juta (Dua ribu dua ratus lapan puluh dua juta ringgit Brunei) atau \$2.282 bilion (Dua perpuuhan dua lapan dua bilion ringgit Brunei)**.

Dalam pada itu, dengan trend harga minyak yang masih menurun dan tidak menentu, terdapat kemungkinan hasil pendapatan negara menurun daripada anggaran tersebut, yang setentunya jua akan meningkatkan lagi unjuran defisit bagi Tahun Kewangan berkenaan. Oleh itu, setiap agensi Kerajaan diperingatkan untuk mengambil langkah berjimat cermat dalam merancang belanjawan, untuk mengelak sebarang bentuk pembaziran atau perbelanjaan yang kurang perlu sehingga menjejaskan perbelanjaan yang mendukung keutamaan Kerajaan dan negara.

16. Dalam merancang belanjawan di atas, keutamaan akan terus ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif serta meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan sosioekonomi Negara ini. Peruntukan-peruntukan yang disediakan ini dihasratkan untuk mencapai beberapa matlamat utama antaranya meningkatkan pencapaian dalam bidang pendidikan; meningkatkan produktiviti dan efisiensi sektor awam; menekankan kepada membina kapasiti belia-belia; menyediakan dan menaik taraf infrastruktur perindustrian; memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); serta memudah cara dan mendukung

ekosistem perekonomian, perniagaan dan pelaburan di negara ini.

17. Oleh itu, selaras jua dengan tema belanjawan yang disebutkan tadi, tumpuan dan keutamaan perbelanjaan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini dijuruskan kepada meneruskan pelaksanaan empat fokus utama seperti berikut:

### 1. **Memperkasa Pendidikan dan Latihan.**

Fokus ini menekankan aspek pembangunan modal insan melalui Sistem Pendidikan Negara yang lebih mantap dan relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan. Ini adalah sebagai satu pelaburan yang utama untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi lagi beriman, untuk menyumbang kepada pembangunan negara yang *sustainable*. Fokus ini juga memberikan keutamaan kepada program-program latihan dan pembangunan kemahiran bagi belia-belia di pelbagai peringkat, termasuk melalui aliran sekolah teknikal dan vokasional atau melalui institusi-institusi berkaitan, seperti Pusat Pembangunan Belia, Pusat Pembangunan Usahawan dan sebagainya;

### 2. **Meningkatkan Produktiviti Negara dalam perkhidmatan**

awam dan sektor swasta sebagai asas kepada kerjasama yang mantap pada mendukung pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan berdaya tahan;

### 3. **Merangsang Kegiatan Pelaburan,**

bagi menarik dan menggalakkan lebih banyak aktiviti pelaburan termasuk oleh pelabur-pelabur asing yang akan turut membuka lebih banyak peluang perniagaan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana, dan juga peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan; dan

### 4. **Meningkatkan Kesejahteraan Awam**

bagi meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini, termasuk usaha ke arah membasmi kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

17. Izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan yang berkenaan.

### **Memperkasa Pendidikan dan Latihan.**

18. Pengukuhan Sistem Pendidikan Negara merupakan usaha berterusan bagi membina modal insan di negara ini sebagai satu pelaburan yang utama untuk melahirkan rakyat berpendidikan,

berkemahiran dan berakhlak mulia. Bagi maksud tersebut, beberapa peruntukan akan disediakan bagi menyediakan peluang-peluang pendidikan dan latihan yang pelbagai untuk membina kemahiran dan keupayaan yang diperkukuhkan bagi memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja tempatan.

19. Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan termasuklah:

i. Bagi Mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir Untuk Literasi (iaitu Bahasa Inggeris) dan Numerasi (iaitu Mata Pelajaran Matematik), sejumlah \$30 juta akan disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan dengan Harga Rancangan sebanyak \$220.1 juta;

ii. Peruntukan bagi Perkhidmatan Pendidikan disediakan sebanyak \$67.1 juta secara keseluruhan, antara lainnya bagi membiayai kos mendatangkan Pengetua dan Guru Besar luar negara di bawah Program Kepimpinan dan Pentadbiran Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah; membiayai Projek Keusahawanan Kebangsaan; dan pengambilan guru-guru di bawah *Centre for British Teachers (CfBT)* bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara;

iii. Peruntukan Biasiswa disediakan sebanyak \$39.6 juta, termasuk peruntukan bagi penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan berjumlah \$35 juta; manakala Elaun Penuntut pula disediakan sebanyak \$43.1 juta secara keseluruhan;

iv. Peruntukan sebanyak \$700,000.00 dengan Harga Rancangan sebanyak \$2.2 juta disediakan bagi Kementerian Pendidikan melaksanakan *Programme for International Student Assessment (PISA) Based Test for Schools (PBTS)*;

v. Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, peruntukan sebanyak \$4.4 juta disediakan bagi membiayai keperluan Biasiswa Kerajaan; dan \$2.7 juta sebagai peruntukan bagi Elaun Penuntut.

vi. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN), secara keseluruhan peruntukan sejumlah \$36.4 juta dengan Harga Projek \$595.9 juta disediakan bagi Sektor Pendidikan. Ini adalah untuk membiayai projek-projek pembinaan, penaiktarafan dan pengubahsuaian bagi sekolah-sekolah agama & persediaan

- arab sekolah-sekolah rendah; sekolah-sekolah menengah; sekolah-sekolah vokasional & maktab-maktab teknik; dan bagi institusi pengajian tinggi.
20. Sebagai tambahan kepada Skim Biasiswa yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan, sebagaimana jua yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Sambutan Ulang Tahun Baginda Ke-68 Tahun, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan. Skim ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada tahun pertama pelancarannya, seramai 141 pelajar telah dihulurkan skim kemudahan pendidikan ini bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama dalam pelbagai bidang, termasuk jurusan ugama dan Arab, selaras dengan keperluan negara.
21. Di samping itu, peruntukan bagi Dana Sumber Manusia di bawah Rancangan Kemajuan Negara juga akan disediakan sebanyak \$30 juta. Manakala, peruntukan sejumlah \$17.2 juta disediakan bagi Politeknik Brunei dan \$22.7 juta bagi Institut Teknologi Brunei bagi meneruskan usaha mempelbagaikan dan menambahkan lagi peluang belia-belia tempatan termasuk lepasan sekolah, untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional dalam bidang-bidang tertentu.
22. Beberapa inisiatif juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan, dalam menyediakan dan menerapkan budaya keusahawanan kepada pelajar-pelajar di pelbagai peringkat pendidikan. Usaha-usaha tersebut termasuklah memperkenalkan Agenda Keusahawanan Kebangsaan (*National Entrepreneurship Agenda*) untuk memupuk *entrepreneurial mindsets* kepada belia-belia tempatan. Setakat ini, seramai 1,222 penuntut telah mengikuti pelbagai program seperti *Success Weekends*, *Community Incubation Program*, *Summer Venture Program* dan *Co-Curriculum Student Activities*.
23. Di bawah Projek Keusahawanan Kebangsaan, peruntukan US\$1.5 juta telah disediakan dengan tempoh pelaksanaan selama dua tahun. Pelaksanaan projek ini dihasratkan untuk melahirkan lebih ramai belia-belia dan lepasan sekolah agar berminat dan berkeupayaan untuk

menceburi bidang perniagaan yang mendukung hasrat Kerajaan bagi mengukuhkan sektor swasta di negara ini. Untuk menjayakan program ini, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan *Entrepreneurship Village* melalui kerjasama padu bersama seorang Profesor Kunjungan dari *Babson College*, Amerika Syarikat.

24. Selain itu, dalam memacu ekonomi Negara kepada *Knowledge-Based Economy* berasaskan inovasi, Kementerian Pendidikan juga mengungkayahkan transformasi Sektor Pendidikan daripada *Knowledge Acquisition* kepada *Knowledge Creation* yang berasaskan falsafah Melayu Islam Beraja, selaras dengan sasaran dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21). Bagi mendukung usaha tersebut, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif antara lainnya seperti yang berikut:

i. Meningkatkan pengetahuan dalam Literasi dan Numerasi sebagai bidang yang diberikan tumpuan. Usaha ini dihasratkan sebagai asas untuk menjamin pencapaian kadar pembelajaran yang tinggi dalam kalangan pelajar dalam mata-mata pelajaran yang diambil;

ii. Melaksanakan Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bertujuan untuk memartabatkan pendidikan teknikal dan vokasional yang responsif dengan keperluan pasaran kerja, dan selari dengan tuntutan kemajuan teknologi dan ekonomi negara. Antara usaha yang diambil ialah dengan mengemaskinikan kurikulum yang berasaskan latihan kompetensi dengan memperluaskan program perintisan, peningkatan persekitaran latihan dan memperkenalkan skim perkhidmatan baharu;

iii. Memfokuskan kepada meningkatkan kualiti dan profesionalisme guru melalui pembangunan kompetensi guru-guru di negara ini. Tumpuan ini adalah selaras dengan dua bidang fokus strategik Kementerian Pendidikan iaitu Profesionalisme dan Akauntabiliti, dan Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran.

Inisiatif ini melibatkan penyediaan Kerangka Piawaian Guru-Guru Brunei (*Brunei Teachers Standard - BTS*) dan penubuhan Akademi Perguruan Brunei Darussalam (BDTA). Inisiatif ini juga

- mendukung Skim Perkhidmatan Guru (SPG) yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 dalam usaha melahirkan tenaga pengajar yang kompeten, profesional dan bermotivasi tinggi; dan
- iv. Memberikan tumpuan kepada Pembangunan *Kepimpinan (Leadership Development)* bagi meningkatkan kualiti dan prestasi para pemimpin sekolah dan prestasi sistem sekolah yang melibatkan penyediaan *Leadership Competency Standard*.
25. Dalam pada itu, Kerajaan melalui beberapa agensi sedang giat menyediakan latihan-latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan sektor-sektor tertentu, selaras dengan usaha untuk meningkatkan lagi kandungan tempatan (*local content*) dalam aktiviti perekonomian dalam sektor berkenaan. Antara usaha yang diambil ialah dalam mendukung keperluan Sektor Tenaga antaranya:
- i. Melalui Rangka Kerja Kecekapan Industri Tenaga (*Energy Industry Competency Framework*) Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, program-program kemahiran telah disediakan dalam bidang tertentu bagi memenuhi keperluan industri. Ini termasuk di bawah Kelayakan Kemahiran Industri (*Industrial Skill Qualification-ISQ*), kursus-kursus pengimpal, *scaffolders, marker / fitter* dan *riggers* yang antara lainnya telah mengeluarkan 24 orang pengimpal wanita buat pertama kalinya di negara ini. Setakat ini, seramai 1,218 orang pelajar telah mengikuti kursus-kursus yang disediakan, yang mana 761 orang telah tamat kursus tersebut dan telah diambil berkhidmat dalam syarikat-syarikat tertentu dalam Sektor Minyak dan Gas; dan
- ii. Penubuhan Akademi Maritim Brunei di Tapak Perindustrian Sungai Duhun yang melibatkan berbagai-bagai agensi Kerajaan, bertujuan bagi menghasilkan anak-anak tempatan sebagai tenaga kerja *professional maritime* dan *seafarers* yang diluluskan dan diiktiraf oleh *International Maritime Organisation*. Pada masa ini, seramai 215 peserta sedang menjalani kursus berkenaan.
26. Bagi membina kapasiti para belia secara holistik sebagaimana yang dihasratkan, usaha juga ditumpukan kepada menerapkan budaya membaca



dan mendukung program-program jati diri dan latihan kemahiran bagi belia. Ke arah itu, beberapa peruntukan khusus akan terus disediakan antaranya:

- i. Peruntukan sejumlah \$3 juta disediakan bagi mengendalikan Program Khidmat Bakti Negara, iaitu bertambah \$1 juta dari peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015;
  - ii. Sejumlah \$200,000.00 disediakan bagi mendukung program-program yang diuruskan kepada memupuk budaya berdikari dalam kalangan belia;
  - iii. Peruntukan Elaun sejumlah \$600,000.00 bagi menampung elaun tenaga pengajar bagi Kelas-Kelas Al-Quran dan Muqadam tambahan di bawah kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan
  - iv. Peruntukan-peruntukan bagi Pusat Pembangunan Belia, disediakan sebanyak \$900,000.00, termasuk bagi Mengubah suai dan Menaik taraf Pusat Pembangunan Belia.
27. Dengan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini, insya-Allah,

keupayaan belia-belia tempatan akan dapat dipertingkatkan bagi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara ini. Adalah juga menjadi hasrat negara, dengan peruntukan dan perbelanjaan besar yang disediakan bagi keperluan membina kapasiti dan modal insan ini, Negara akan dapat melahirkan ramai lagi pakar-pakar, profesional-profesional, usahawan-usahawan, dan pemimpin-pemimpin sekolah yang berjaya pada masa-masa hadapan, yang akan menyumbang kepada pembangunan negara secara inklusif dan *sustainable* insya-Allah. Di samping itu juga, melalui peluang-peluang pendidikan dan latihan-latihan yang disediakan, insya-Allah, ia akan dapat membantu menangani isu sosial seperti pengangguran dan kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

28. Fokus kedua dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2015/2016 ini ialah **Meningkatkan Produktiviti**. Bagi mencapai Wawasan Negara 2035, negara ini amat berkehendak kepada sumber tenaga kerja yang produktif dan inovatif, sama ada di sektor awam atau sektor swasta. Memandangkan kegiatan ekonomi negara ini masih lagi diterajui oleh sektor Kerajaan, peningkatan tahap produktiviti

perkhidmatan awam diharap akan dapat mendukung kepada mewujudkan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif, yang selanjutnya akan memberikan impak yang diharapkan dalam meningkatkan lagi produktiviti di sektor swasta, dan seterusnya kepada pendapatan Negara secara keseluruhannya.

29. Fokus bagi meningkatkan produktiviti ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-64 Tahun pada 15 Julai 2010, Baginda bertitah:

**"...Perkhidmatan Awam. Ia memerlukan peningkatan, baik di segi produktiviti mahu pun etika kerjanya. Beta mahu Perkhidmatan Awam itu, secara berterusan, akan menilai kekuatan dan kelemahannya berasaskan *Key Performance Indicators* yang telah ditetapkan.**

**Dengan cara ini, dapatlah kita menyukat setakat mana Perkhidmatan Awam itu dapat melaksanakan tanggungjawabnya pada memenuhi harapan negara dan orang ramai".**

30. Bagi mengukuhkan usaha ke arah ini, Kerajaan telah secara berterusan mengambil langkah-langkah perlu bagi meningkatkan tahap perkhidmatannya. Ini termasuk meningkatkan koordinasi bagi memantapkan perancangannya, dan pada masa yang sama melaksanakan pemantauan dan penilaian yang berterusan terhadap tahap perkhidmatan dan produktiviti di setiap peringkat agensi Kerajaan. Dalam hal ini, Unit PENGGERAK, di Jabatan Perdana Menteri sedang bekerjasama dengan beberapa buah kementerian bagi memastikan bidang-bidang utama yang telah dikenal pasti akan dilaksanakan secara berkesan dan menepati kualiti dan jadual yang ditetapkan.

31. Selaras dengan hasrat pada meningkatkan tahap produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam, beberapa inisiatif telah pun diambil antaranya:

- i. Memperkembangkan keupayaan dan penggunaan Sistem e-Kastam di bawah inisiatif *National Single Window* bagi memudah cara perdagangan;
- ii. Meningkatkan lagi keupayaan *Sistem Invoice Tracking* untuk membolehkan perkhidmatan *Email Notification* untuk dihantar kepada pemborong-

- pemborong bagi memaklumkan status pembayaran tuntutan yang mereka hadapkan ke jabatan-jabatan Kerajaan;
- iii. Menambah keupayaan Sistem *STARS (System for Tax Administration and Revenue Services)* untuk menerima pembayaran cukai secara *online* melalui *e-Payment Gateway* Jabatan Perbendaharaan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pembayar-pembayar cukai korporat untuk menggalakkan pematuhan;
- iv. Melaksanakan Projek Sistem Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (*E-Registry*) di bawah Kementerian Kewangan bagi membolehkan proses pendaftaran serta penubuhan syarikat dengan lebih cepat, mudah dan efisien. Melalui sistem ini, pendaftaran syarikat dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat; dan
- v. Inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, memansuhkan Akta Lesen Rampaian dan diganti dengan Akta Lesen Perniagaan yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015. Melalui perubahan ini, mana-mana permohonan yang memenuhi syarat-syarat tertentu, boleh diberikan Lesen Perniagaan sebaik-baik sahaja pendaftaran syarikat atau nama perniagaannya diluluskan. Proses bagi mendaftarkan syarikat dan seterusnya Lesen Perniagaan ini keseluruhannya hanya mengambil masa yang amat pendek, yang proses kebenarannya boleh didapatkan pada hari yang sama. Ini adalah bagi mendukung sasaran inisiatif untuk memendekkan tempoh yang diperlukan bagi memulakan perniagaan.
32. Di samping itu, peruntukan-peruntukan juga disediakan dalam mendukung inisiatif *ICT* oleh agensi-agensi Kerajaan, antaranya sebanyak \$95.6 juta bagi Program Teknologi Maklumat di kementerian-kementerian dan sebanyak \$43.6 juta lagi turut disediakan di bawah RKN untuk keperluan melaksanakan projek dan program berkaitan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi.
33. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah sebagai tambahan dan juga kesinambungan kepada langkah-langkah awal yang telah diambil bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kerajaan melalui teknologi *ICT*. Ini antaranya merangkumi *perkhidmatan E-Darussalam portal* yang

mbolehkan pengguna untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan *online* agensi-agensi Kerajaan; projek *E-Payment Gateway*; dan Projek *One Government Network* yang menggantikan *EG Bandwith*. Langkah-langkah tertentu akan terus diambil bagi menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat menawarkan pembayaran secara *online* sebagai usaha meningkatkan lagi tahap perkhidmatan Kerajaan.

34. Bagi mengukuhkan lagi inisiatif Kerajaan berkaitan ICT, satu entity yang dinamakan *Brunei Solutions Development Centre (BSDC)* telah pun ditubuhkan di bawah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan *Microsoft Corporation*. *BSDC* ini berperanan untuk membangunkan perisian bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan dan meningkatkan kualiti industri *ICT* tempatan, di samping akan menyediakan latihan bersama dan program pemindahan pengetahuan kepada graduan *IT* tempatan dan pembekal-pembekal perkhidmatan. Setakat ini, *BSDC* sedang bekerjasama dengan dua agensi Kerajaan dan 4 syarikat yang terlibat dalam *IT Vendor Program*.

35. Dalam pada itu, Kerajaan juga akan terus mengambil inisiatif bagi mendukung usaha dalam membina kapasiti dan produktiviti di sektor swasta. Antara usaha-usaha yang telah diambil termasuklah:

- i. Menyediakan peluang-peluang dan kemudahan bagi peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran kepada tenaga kerja tempatan, antaranya melalui bantuan biasiswa bagi mengikuti kursus, latihan atau melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara di bawah Program Dana Sumber Manusia, di bawah RKN;
- ii. Menyediakan program bersesuaian bagi mendukung keperluan *Research and Development*; Sains dan Teknologi; dan Inovasi dengan peruntukan sejumlah \$16.6 juta dengan Harga Rancangan \$212.3 juta akan disediakan di bawah RKN. Manakala melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, sejumlah \$5 juta disediakan bagi Skim Insentif Penyelidikan Brunei, untuk menarik kegiatan-kegiatan R&D syarikat antarabangsa ke negara ini, dengan matlamat untuk membangunkan kapasiti syarikat-syarikat tempatan dalam *R&D*;

- iii. Menubuhkan *Centre for Advanced Material and Energy Sciences* di bawah usaha sama Universiti Brunei Darussalam; Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri; dan pihak industri. Pusat ini berperanan dalam melaksanakan penyelidikan saintifik *inter-disciplinary* dalam bidang sains material dan tenaga bagi keperluan industri berteknologi tinggi; dan
- iv. Di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, peruntukan keseluruhan sebanyak \$400,000.00 disediakan antaranya bagi Pemeliharaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Akuakultur Telisai (*ARDC*); Pusat Penghasilan Induk Serasa (*BDC*); dan Projek Peningkatan Produktiviti Industri Perikanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

36. Fokus belanjawan yang Ketiga ialah **Merangsang Kegiatan Pelaburan**. Dasar mempelbagaian ekonomi negara akan terus diberikan keutamaan dalam perancangan perbelanjaan Kerajaan. Matlamat dasar ini adalah bagi memandu ke arah pembangunan negara yang lebih seimbang dan didukung oleh asas ekonomi yang lebih kukuh, luas

dan berdaya tahan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan. Ke arah itu, inisiatif-inisiatif telah dan akan terus diambil bagi memudah cara kegiatan perniagaan dan pelaburan di negara ini pada mendukung hasrat Negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

37. Dalam hal ini, pihak Kerajaan amat peka dengan penurunan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebanyak 3 anak tangga kepada kedudukan ke-101 dalam *Indeks Ease of Doing Business 2015* keluaran *The World Bank* mengikut skop dan metodologi baharu. Laporan tersebut, walau bagaimanapun, turut memberikan markah yang lebih baik kepada Negara Brunei Darussalam, berdasarkan *Distance to Frontiers (DTF)*, iaitu ukuran jauh kedudukan sesebuah negara berbanding negara-negara yang mengamalkan tatacara yang terbaik.

38. Rumusan dari laporan tersebut menghendaki agensi-agensi Kerajaan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembaikan di semua peringkat agar bukan sahaja akan dapat memperbaiki markah yang diperolehi, tetapi juga kedudukan indeks yang lebih baik berbanding negara-negara lain. Ini sudah setentunya memerlukan usaha dan sikap proaktif di samping daya inovasi

yang lebih tinggi dalam kalangan agensi-agensi Kerajaan bagi mewujudkan dasar, peraturan dan persekitaran yang *Pro-Business dan Pro-Investment*. Sebagai kesinambungan dalam usaha ini, Unit PENGGERAK dan Majlis Wawasan Negara 2035 telah mula melaksanakan penilaian terhadap pencapaian rancangan dan sasaran dalam Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (*Outline of Strategies and Policies for Development [OSPD]*).

39. Penilaian ini adalah bertujuan bagi mengukur keberkesanan dan impak inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah yang telah diambil kepada pihak sasaran, khususnya komuniti perniagaan dan para pelabur. Melalui hasil penilaian tersebut, ia akan dapat membantu dalam memperkukuhkan lagi kerjasama dan koordinasi di antara agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, yang akan membolehkan perancangan-perancangan dibuat secara bersepadu mengikut keutamaan bagi memastikan keberkesanan kepada *key stakeholders* yang disasarkan.

40. Salah satu tumpuan utama usaha Kerajaan dalam mendukung perkembangan sektor swasta ialah dengan menggalakkan perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ke arah itu, beberapa

langkah telah pun dikenal pasti bagi mencapai sasaran tersebut. Ini antaranya termasuklah:

- i. Mereviu bantuan-bantuan dan skim-skim yang disediakan bagi PKS bagi tujuan meningkatkan keberkesanan serta membantu pengusaha-pengusaha PKS dalam pengurusan perniagaan masing-masing dari segi urustadbir korporat (*corporate governance*), sumber tenaga manusia, dan penyediaan model bisnes;
- ii. Menyediakan dan memperkukuhkan dasar-dasar yang mendukung kemajuan PKS tempatan, serta penyediaan dan pemantauan *Key Performance Indicators* bagi semua skim PKS yang sedia ada;
- iii. Membina sikap dan menerapkan pro bisnes dalam perkhidmatan awam. Antaranya dengan menilai dan mengkaji sebarang isu yang terbit dari segi pelaksanaan dasar, peraturan atau proses yang boleh membantutkan perkembangan sektor swasta, serta meningkatkan penilaian terhadap pencapaian atau produktiviti agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan; dan

- iv. *Leveraging* Brunei Halal termasuk membantu PKS mendapatkan sijil antarabangsa dan sijil BruneiHalal, bagi membolehkan mereka berkembang ke pasaran serantau dan antarabangsa.
41. Penekanan terhadap pembangunan dan kemajuan PKS adalah juga bagi mendukung usaha perindustrian negara bagi meningkatkan keseimbangan dalam sumber pengeluaran dan hasil eksport yang pada masa ini terlalu bergantung pada Sektor Minyak dan Gas. Selaras dengan matlamat untuk mendukung pembangunan PKS ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan bagi langkah-langkah berikut:
- i. Bagi kadar Cukai pendapatan korporat bagi Syarikat-syarikat yang jualan kasar (*Gross Sales/Turnover*) tidak melebihi \$1 juta bagi Tahun Taksiran 2015 akan dikenakan pada kadar 0 peratus (tiada cukai pendapatan korporat akan dikenakan);
  - ii. Kadar '*Capital Allowance*' bagi pembelian *Plant and Machinery* akan diberikan pada kadar 150 peratus dari harga belian (*purchase price*), tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan; dan
  - iii. Kadar *industrial Building Allowance* juga diubah dengan menjadikan *Initial Allowance* sebanyak 10 peratus kepada 40 peratus; dan *Annual Allowance* sebanyak 4 peratus dinaikkan kepada 20 peratus. Melalui perubahan kepada *Capital Allowance* dan *Industrial Building Allowance* ini, ia akan membolehkan pengusaha dan pelabur-pelabur untuk mendapatkan kembali kos pelaburan mereka dengan lebih cepat.
42. Di samping itu, usaha ini juga dihasratkan untuk menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan tetap khususnya untuk belia-belia tempatan dalam sektor-sektor tertentu. Selaras dengan matlamat tersebut, beberapa langkah dan usaha telah dan sedang giat dilaksanakan bagi pengambilan anak-anak tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang terdapat di sektor swasta, antaranya termasuklah:
- i. Bagi industri minyak dan gas, Kerangka Kerja Pembangunan Perniagaan Tempatan (*Local Business Development - LBD*) telah

- diwujudkan antara lain untuk meningkatkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan di sektor perkhidmatan minyak dan gas. Selaras dengan inisiatif tersebut, penganjuran Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas setiap tahun sejak tahun 2012 hingga 2014 telah berjaya menyediakan pekerjaan tetap kepada seramai 6,403 anak tempatan berbanding sasaran 5,600 pekerjaan. Melalui Kerangka *LBD* ini juga, sebanyak 27 syarikat tempatan telah ditawarkan untuk melaksanakan kontrak bernilai keseluruhannya sebanyak \$770 juta;
- ii. Di bawah Rangka Kerja Kompetensi Dalam Industri Tenaga (*Energy Industry Competency Framework-EICF*) yang telah dilancarkan pada bulan Julai 2013, sebanyak 746 tawaran kerja bersyarat (*conditional offers of employment*) telah diberikan kepada para pelatih untuk dihulurkan pekerjaan dengan syarat lulus program yang diikuti. Manakala, 244 bekas pelatih telah memulakan pekerjaan setelah tamat program latihan. Rangka kerja ini diwujudkan bagi memastikan program-program kemahiran yang disediakan akan dapat memenuhi keperluan sebenar industri dan sektor berkenaan; dan
- iii. Melaksanakan kaji selidik mengenai keperluan sumber tenaga manusia bagi jangka masa sederhana dan panjang di semua sektor di negara ini bagi tujuan pemetaan (*mapping*) untuk membantu perancangan mengenai keperluan kursus dan latihan yang perlu disediakan oleh agensi-agensi yang berkenaan.
43. Kerajaan juga akan berterusan mengenal pasti keperluan-keperluan pembangunan negara dan peluang-peluang pekerjaan masa hadapan yang berkaitan, yang bakal diwujudkan. Selaras dengan usaha-usaha yang dirancang, peruntukan-peruntukan yang disediakan bagi memperkembangkan sektor swasta termasuk PKS antaranya:
- i. Projek Pemeliharaan dan Peningkatan Infrastruktur Tapak-tapak Industri sebanyak \$2.5 juta di bawah Fokus Perbelanjaan;
- ii. Projek Peningkatan Infrastruktur Tapak-tapak Industri Perikanan diperuntukkan sejumlah \$1.5 juta; dan Peningkatan Infrastruktur Kompleks dan Jeti-jeti Jabatan Perikanan sejumlah \$300,000.00 di bawah Kementerian



- Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;
- iii. Peruntukan sejumlah \$1.5 juta disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi Perkembangan Perdagangan;
  - iv. Peruntukan sebanyak \$300,000.00 bagi Projek Menaik taraf Infrastruktur dan Kemudahan Kawasan Kemajuan Pertanian dan Stesen-stesen Jabatan di Seluruh Daerah; dan
  - v. Peruntukan bagi *Tourism Product Development and Marketing* sejumlah \$300,000.00 disediakan di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi projek-projek promosi, pemasaran dan juga perkembangan produk pelancongan;
44. Sementara itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat merancang bagi penubuhan sebuah badan pusat yang akan bertanggungjawab dalam pembangunan dan perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi menyelaraskan perancangan dan tindakan dalam mendukung perkembangan PMKS ini secara bersepadu. Ini termasuk dalam menyelaraskan skim-skim atau program yang sedia ada atau yang akan diwujudkan bagi PMKS. Bagi mendukung pelaksanaan program Pembangunan Kemajuan PMKS, peruntukan baru sejumlah \$1.5 juta akan disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan.
45. Di samping itu, di bawah peruntukan RKN, sebanyak \$5.0 juta dengan Harga Rancangan \$74.2 juta akan disediakan di bawah Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Selain itu, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei juga menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:
- i. Program pembiayaan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana dengan peruntukan sebanyak \$9 juta dengan Harga Rancangan \$60 juta.
  - ii. *Future Fund* dengan peruntukan sebanyak \$1.8 juta;
  - iii. Skim Bantuan Teknikal Perusahaan (*Enterprise Technical Assistance Scheme [ETAS]*) dengan peruntukan sebanyak \$3.0 juta yang menyediakan bantuan kewangan sehingga \$300,000.00; dan
  - iv. Skim Kemajuan Syarikat Tempatan yang Berpotensi

dengan peruntukan sejumlah \$15 juta.

46. Sebagai usaha untuk menjana lebih banyak aktiviti perekonomian di negara ini, perancangan dan usaha-usaha juga diambil untuk menggalakkan peningkatan permintaan (*domestic consumption*). Ke arah itu, peruntukan-peruntukan akan disediakan bagi memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur-infrastruktur yang dapat menarik penduduk di negara ini untuk berbelanja di negara sendiri. Pada masa yang sama, langkah ini akan jua dapat meningkatkan lagi kemudahan bagi orang ramai dan pelancong-pelancong asing di negara ini yang akan juga turut menyumbang kepada peningkatan kepada permintaan tempatan. Antara peruntukan yang disediakan termasuklah bagi menaik taraf dan mencantikkan kawasan dan kemudahan-kemudahan awam serta prasarana perniagaan di bawah pengendalian Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Tutong dan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, seperti menaik taraf dan membaik pulih beberapa bahagian di Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera Bandar Seri Begawan dan tempat-tempat perniagaan tempatan di Daerah Belait.

47. Dalam pada itu, perkembangan-perkembangan terhadap usaha gigih Kerajaan dalam menarik Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, alhamdulillah, telah mula menampakkan hasilnya, yang telah dapat mendukung usaha Kerajaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan serta menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Perkembangan dalam usaha-usaha tersebut antaranya:

- i. Beroperasinya Kilang Pengeluar Ubat-ubatan dan Produk Nutrisi Halal dengan pelaburan sebanyak kira-kira US\$18.5 juta di Tapak Perindustrian Salambigar iaitu hasil usaha sama beberapa pihak di negara ini dengan *Viva Pharmaceutical* dari *Canada*. Setakat ini, seramai 34 orang anak tempatan telah diambil bekerja. Baru-baru ini, syarikat berkenaan telah mendapat Lesen Tapak Asing dari pihak berkuasa Kesihatan Kanada, yang mana telah membolehkan syarikat tersebut memulakan aktiviti pengeksportan;
- ii. Penubuhan *CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre* iaitu projek usaha sama Kementerian Kewangan dan *CAE, Canada* dengan nilai pelaburan B\$182 juta. Pusat ini dilengkapi dengan kemudahan latihan simulator

- bertaraf dunia sebagai usaha memperkembangkan sektor aeroangkasa di negara ini. Projek ini menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang setakat ini 33 anak tempatan telah diambil bekerja secara langsung;
- iii. Projek Kilang Penapis Minyak dan Petrokimia Hengyi, Pulau Muara Besar, yang dijangka membukakan 800 pekerjaan secara langsung dan 1,200 pekerjaan secara tidak langsung bagi anak-anak tempatan. Projek ini disasarkan akan dapat menyumbang kepada *GDP* sejumlah US\$1.33 bilion apabila ia beroperasi sepenuhnya nanti;
- iv. Projek Amonia dan Urea *Syarikat Brunei Fertiliser Industries* dengan nilai pelaburan sebanyak US\$1.1 bilion, yang mampu menjana sebanyak 200 pekerjaan secara langsung bagi anak-anak tempatan;
- v. Projek *Margarine Plant* yang masih dalam perancangan dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2016. Projek ini disasarkan akan berupaya menyumbang kepada pendapatan jualan tahunan sebanyak US\$54.3 juta menjelang tahun 2018 dan membuka kira-kira 80 peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan; dan
- vi. Penubuhkan Loji Pembuat Ulir Paip (*Threading Plant*) bagi penyediaan bekalan barangan tiub minyak di negara ini. Inisiatif ini bukan saja membawa pelaburan dan pewujudan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, bahkan juga membolehkan pemindahan teknologi dan pengetahuan dari Jepun.
48. Pada tahun 2014, beberapa inisiatif baru juga telah dilaksanakan bagi memperkembangkan lagi usaha dalam menyediakan iklim pelaburan dan perniagaan yang kondusif bagi memperkembangkan lagi sektor swasta di negara ini termasuk dalam menarik Pelaburan Langsung Asing. Antara inisiatif yang telah dilancarkan termasuk:
- i. Penubuhan Pusat Timbang Tara Negara Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam Arbitration Centre*), yang menyediakan kemudahan perkhidmatan dan pentadbiran timbang tara dan *mediation* bagi memenuhi keperluan pengguna domestik dan antarabangsa dalam

menangani sebarang isu dan pertikaian komersil;

- ii. Pelancaran Biro Kredit oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam. Penubuhan Biro Kredit ini akan dapat membantu memudahkan bank-bank dan institusi-institusi kewangan tempatan dalam melaksanakan pengurusan risiko kredit mereka, yang diharap akan menggalakkan proses pemberian kemudahan pinjaman kepada sektor swasta di negara ini. Selain itu, penubuhan Biro Kredit ini adalah juga bertujuan bagi membangun infrastruktur kewangan yang lebih kukuh dan dalam masa yang sama menyumbang ke arah kestabilan kewangan di negara ini;
- iii. Membuat beberapa pindaan kepada Akta Syarikat, antaranya meniadakan keperluan kepada *Statutory Declaration, Common Seal* dan pengecualian pengauditan bagi syarikat-syarikat yang pendapatannya pada tahun berkenaan tidak melebihi \$1 juta. Inisiatif ini adalah sebagai tambahan kepada inisiatif terdahulu dalam usaha untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pendaftaran syarikat-

syarikat dan pengurangan kos perniagaan;

- iv. Pejabat Harta Intelek Brunei (BrulPO) di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah melaksanakan sistem pendaftaran antarabangsa untuk paten dan reka bentuk perindustrian. Sejak pelaksanaan sistem paten pada tahun 2012 untuk menyokong ekosistem inovasi negara, BruIPO telah menerima sebanyak 30 permohonan paten dari Universiti Brunei Darussalam dan 21 permohonan dari PKS dan pereka-pereka tempatan;
- v. Pengenalan *Code of Corporate Governance*, Brunei Darussalam di bawah Akta Syarikat-Syarikat. Pada peringkat ini, kod tersebut dihasratkan sebagai satu panduan yang boleh diguna pakai dan dirujuk oleh syarikat-syarikat di negara ini bagi mengukuhkan lagi urus tadbir operasi syarikat-syarikat berkenaan mengikut amalan terbaik antarabangsa; dan
- vi. Bagi merangsang persekitaran aktiviti perekonomian dan pelaburan negara yang lebih kondusif, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah memperkenalkan bagi Perintah Persaingan (*Competition Law*) untuk dikeluarkan.

49. Dengan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dan inisiatif-inisiatif yang telah dibentangkan, adalah diharapkan perkembangan aktiviti pelaburan di negara ini akan dapat dipergiatkan, dilipatgandakan dan diperkesankan. Pada masa yang sama, usaha bersepadu dari semua agensi kerajaan adalah juga perlu dalam memudah cara perniagaan dan pelaburan di negara ini, dengan memastikan proses-proses yang diperlukan bagi membolehkan perniagaan dijalankan untuk dipermudahkan dan dipercepatkan.

Dalam pada itu, para peniaga dan pengusaha di negara ini perlulah mengambil peluang untuk mengembangkan perniagaan atau perusahaan mereka di negara ini agar menjadi sebuah perniagaan yang mantap dan berdayatahan. Bagi mendukung usaha tersebut, peranan sumber manusia perlulah diberikan penekanan sewajarnya. Oleh itu, para majikan di sektor swasta perlulah memberikan perhatian yang tinggi terhadap hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan warga pekerja dengan menyediakan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif, serta menghulurkan gaji dan kemudahan serta faedah kerja

yang berpatutan sesuai dengan kelayakan, serta tugas dan tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

50. Keutamaan belanjawan yang Keempat ialah **Meningkatkan Kesejahteraan Awam**. Dasar Kerajaan ialah untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini untuk dapat menikmati kesejahteraan dan taraf hidup yang sewajarnya. Ke arah itu, Kerajaan secara berterusan sentiasa memberikan perhatian terhadap hal ehwal kebajikan rakyat dan penduduk sebagai asas bagi pembangunan masyarakat yang inklusif, di samping untuk mendukung usaha dalam mewujudkan masyarakat Brunei yang progresif lagi dinamik.

51. Alhamdulillah, melalui Laporan *Human Development Report 2014* keluaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*), kedudukan negara dalam Indeks Kemajuan Insan (*Human Development Index*) masih kekal di tangga ke-30. Kedudukan dalam kategori *Very High Human Development* ini dicapai hasil dari perancangan dan usaha berterusan Kerajaan yang sentiasa menitikberatkan hal ehwal rakyat dan penduduk

negara ini. Ke arah itu, penyediaan kemudahan-kemudahan dan keperluan asas seperti kemudahan pendidikan percuma, penyediaan perkhidmatan perubatan berkualiti, pemberian subsidi bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, insya-Allah, akan terus dihulurkan. Kerajaan, melalui agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan akan terus menghulurkan bantuan-bantuan kebajikan kepada rakyat dan penduduk negara ini yang berkelayakan sebagai sebahagian dari usaha untuk membasmi kemiskinan.

52. Selaras dengan matlamat tersebut, peruntukan-peruntukan bersesuaian akan terus disediakan dan diberikan keutamaan. Antaranya dari aspek kesihatan awam, peruntukan-peruntukan disediakan termasuklah bagi Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan sebanyak \$31.9 juta; sebanyak \$30 juta bagi Perkhidmatan Rawatan Sakit Jantung di JPMC, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre*; dan \$700,000.00 bagi Promosi Kesihatan. Manakala bagi menangani bencana alam dan wabak penyakit, peruntukan keseluruhannya berjumlah \$17 juta telah disediakan bagi keperluan agensi-agensi yang berkenaan.

53. Dalam pada itu, beberapa projek utama juga dikenal pasti dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan keselamatan awam. Antaranya ialah Projek Penyelarasan Sistem Pengesan Negara Brunei Darussalam dan Projek Pangkalan Data *DNA* Kebangsaan dengan peruntukan sebanyak \$15.0 juta.

54. Kerajaan juga akan terus memastikan infrastruktur-infrastruktur asas dan kemudahan-kemudahan awam di negara ini dipertingkatkan dan diberikan pemeliharaan yang sewajarnya. Ke arah itu, peruntukan-peruntukan tertentu disediakan antara lainnya:

- i. Penambahan peruntukan kemudahan awam dan infrastruktur sebanyak \$20 juta kepada \$70 juta di Jabatan Kerja Raya;
- ii. Peruntukan sebanyak \$5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air dan \$5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan pembetulan termasuk bagi pencegahan banjir setempat; dan
- iii. Peruntukan sebanyak \$400,000.00 bagi membina jambatan/jalan kecil di bawah pengendalian Pejabat Daerah

Brunei dan Muara,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri.

55. Peruntukan juga terus disediakan bagi menaik taraf sistem bekalan tenaga elektrik negara ini. Antara peruntukan yang disediakan ialah \$9 juta bagi membiayai projek-projek Peningkatan Taraf Sistem Bekalan Elektrik dan projek *Maintenance of Gas Turbine Generator* dan sejumlah \$132.1 juta bagi disediakan secara keseluruhannya di bawah Sektor Elektrik, di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

56. Peruntukan bagi menyediakan perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana akan terus disediakan. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara, peruntukan Perumahan Negara akan disediakan sebanyak \$78.7 juta dengan Harga Rancangan \$741.6 juta, bagi membiayai beberapa projek di bawah Skim Perpindahan dan Perumahan Negara; dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di ke semua Daerah. Manakala sebanyak \$15.0 juta disediakan di bawah RKN bagi meneruskan pelaksanaan Projek Perumahan Negara yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

57. Bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti masyarakat dan pada

mengukuhkan lagi dan memupuk kesepaduan serta kerjasama dalam kalangan masyarakat serta penduduk di peringkat mukim dan kampung, peruntukan-peruntukan berikut akan terus disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:

i. Peruntukan bagi Aktiviti Perekonomian Mukim dan Kampung sebanyak \$700,000.00; dan

ii. Bagi aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan disediakan peruntukan sebanyak \$630,000.00.

58. Langkah-langkah berterusan juga diambil oleh Kerajaan bagi memastikan isu kemiskinan ditangani secara berkesan. Antara peruntukan-peruntukan disediakan termasuk sejumlah \$2.5 juta bagi Program Bantuan di Kementerian Pendidikan yang dikhususkan untuk membantu pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan rendah termasuk bagi sekolah agama; dan sebanyak \$100,000.00 bagi Program Latihan Kemahiran bagi Memperkasa Penerima Bantuan Dalam Usaha Menangani Isu Kemiskinan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

59. Kerajaan akan terus menyediakan perancangan dan program-program bersesuaian yang diperlukan bagi mencapai hasrat dan sasaran yang dihuraikan dalam belanjawan yang dibentangkan ini. Perancangan perbelanjaan jabatan dan kementerian perlulah bersandarkan kepada prinsip menggunakan sumber secara lebih berhemat melalui perbelanjaan yang lebih efisien, berkesan dan produktif, merangsang pertumbuhan ekonomi yang *sustainable* dan inklusif, *value for money*, menggunakan konsep guna-sama (*shared facilities*) dan mengelakkan pembaziran. Selaras dengan prinsip ini, perancangan belanjawan terus berteraskan kepada dasar ***Fiscal Sustainability*** dan ***Fiscal Consolidation***. Ianya juga perlu bersandarkan kepada keutamaan Belanjawan Negara, mencapai *outcome* yang disasarkan serta berasaskan keperluan sebenar yang realistik.

60. Walau bagaimanapun, keperluan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan memastikan kedayatahan fiskal serta kestabilan makroekonomi bagi jangka panjang akan terus diberi penekanan. Selaras dengan penekanan tersebut, Kerajaan akan terus memantau

perkembangan harga minyak dunia yang telah menunjukkan penurunan yang drastik sejak pertengahan Tahun 2014 Masihi. Jika terdapat keperluan, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah lanjut dalam memastikan perbelanjaan kerajaan akan sentiasa dalam kemampuan kewangannya dan *sustainable* bagi jangka masa panjang.

Sebagai langkah beringat-ingat dan berwaspada, tindakan-tindakan tertentu juga diambil bagi mengawal keperluan perbelanjaan Kerajaan pada masa akan datang. Langkah ini adalah sebagai tindak balas atau respons kepada realiti perubahan struktur ekonomi global yang baharu yang majoritinya meramalkan harga minyak dunia akan mencapai kestabilan pada kadar harga yang lebih rendah, berbanding harga yang dicapai pada beberapa tahun kebelakangan ini.

Dari itu, selain melaksanakan perancangan perbelanjaan yang mendukung keutamaan-keutamaan Kerajaan, kementerian dan jabatan yang dipertanggungjawabkan hendaklah juga memastikan pengutipan-pengutipan hasil Kerajaan di bawah pengendalian masing-masing diperkesankan dan dipertingkatkan. Ke arah itu juga, semua pihak perlulah memberikan



kerjasama dalam membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menambahkan lagi hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas, misalnya dengan menjelaskan tunggakan-tunggakan hutang orang ramai dan sektor swasta kepada agensi-agensi Kerajaan yang pada masa ini keseluruhannya berjumlah sekitar \$435 juta.

61. Dengan kesan langsung harga minyak dunia kepada hasil pendapatan Kerajaan, sudah setentunya keupayaan Kerajaan untuk membiayai program-program pembangunan yang dirancang turut terjejas. Walau bagaimanapun, kita juga percaya akan hikmah yang terkandung di sebalik cabaran ekonomi masa kini. Kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini setentunya amat bersyukur terhadap nikmat yang telah kita kecapai selama ini yang rakyat dan penduduk negara ini di semua peringkat, telah berterusan dapat menikmati pembangunan dan peningkatan taraf hidup dalam suasana aman damai dan harmoni. Cabaran dari kejatuhan harga minyak ini, juga boleh dimanfaatkan sebagai satu suntikan baharu dalam usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti negara, sama ada di sektor awam atau sector swasta dan jua bagi mempergiatkan usaha untuk mempelbagaikan lagi

aktiviti-aktiviti perekonomian negara agar tidak terlalu bergantung pada Sektor Minyak dan Gas; dan untuk menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dengan lebih berhemat, efisien dan optimum.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

62. Dengan agenda mempelbagaian pembangunan negara yang beralih dan memfokus kepada memajukan Sektor Bukan Minyak dan Gas, antara lainnya melalui peningkatan keupayaan dan efisiensi, pengukuhan Sektor Swasta Bukan Minyak dan Gas khususnya PKS, serta lonjakan pelaburan domestik dan asing, sebagai faktor-faktor untuk menjana pertumbuhan yang berkualiti dan *sustainable*, maka pelaburan dalam modal insan amatlah perlu bagi menghasilkan tenaga kerja yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan hasil pendapatan Negara secara signifikan dan berkesan. Sektor swasta juga perlu sama-sama membantu dalam mengenal pasti keperluan kemahiran dan kompetensi modal insan belia-belia tempatan, supaya ianya akan dapat memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja tempatan dan menyumbang dengan penuh bermakna kepada masyarakat dan pembangunan ekonomi.

63. Dari sudut perkhidmatan awam, etika kerja yang sihat dan kompetitif, yang menekankan kepada prestasi dan akauntabiliti, amat perlu dijadikan sebagai budaya kerja bagi membolehkan semua usaha-usaha yang dirancang mencapai matlamatnya dalam mendukung keutamaan dan fokus Belanjawan Negara. Membina Modal Insan yang progresif dan dinamik adalah juga bertepatan pada menyahut dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei Tahun 2013 yang mana Baginda mengingatkan bahawa:

***"...kecemerlangan individu itu bukan diukur dari pencapaian dalam bidang pendidikan sahaja tetapi juga turut diukur dari sudut pembangunan insan secara holistik. Kerana itu, di samping meraih kejayaan dalam pendidikan, para graduan juga perlu melengkapkan diri dengan komponen-komponen modal insan yang membolehkan mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan".***

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

64. Melalui perancangan dan usaha-usaha Kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif, sumbangan pihak swasta, sama ada pengusaha tempatan atau pelabur asing, amatlah diperlukan dan dihargai dalam melipatgandakan lagi usaha-usaha untuk mengembang-majukan perniagaan mereka. Melalui peningkatan pencapaian perniagaan mereka, ia akan dapat mendukung hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan sektor swasta kepada pembangunan ekonomi dan pendapatan negara secara *sustainable* dan dalam masa yang sama akan membukakan peluang-peluang pekerjaan tetap kepada belia-belia tempatan.

65. Oleh itu, adalah menjadi harapan kita agar semua program, projek dan inisiatif yang dirancang, dan dengan sokongan serta kesepaduan sektor awam, swasta dan rakyat serta penduduk negara ini, dalam masa sama-sama mengharungi cabaran masa kini, insya-Allah, ianya akan dapat memberikan hasil serta manfaat yang dihasratkan dengan memperolehi berkat dan limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala sesuai dengan hajat kita semua untuk melihat Negara ini sebagai sebuah negara **بلد طيبة ورب غفور** iaitu negara yang aman makmur, dengan mendapat keredaan

daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang maha pengampun.

Oleh itu, adalah penting supaya Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun 2015/2016.

Sekian Wabillahit taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya akan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan, 2015/2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah dibaca oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II

(Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum perkara ini kita bahaskan ataupun dibuka untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli dan memandangkan bahawa waktu kita sekarang sudah pukul 12.15 tengah hari, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat. Kita akan bersidang semula lagi insya-Allah pada pukul 2.30 petang untuk meneruskan perbincangan kita. Sekian, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Mesuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada persidangan kita yang telah diadakan pada pagi tadi, kita telah meluluskan Usul yang telah diberi notis dan kita sedang membincangkan Rang Undang-undang yang bergelar **Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah Wang dari Kumpulanwang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu** yang telah dibaca dan dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sekarang tibalah masanya pula bagi saya untuk membuka majlis ini untuk perbincangan terhadap Rang Undang-Undang tersebut. Sebelum itu saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbincangan ini hendaklah dijalankan dan ditumpukan kepada kelayakan atau *merit* dan asas Rang Undang-undang sahaja. Sekian terima kasih.

Sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memulakan perbincangan, saya persilakan. Silakan Yang Berhormat Datin.

### **Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas pembentangan yang terperinci mengenai Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dengan tema perbelanjaan pada tahun ini adalah Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif.

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang terus melimpahkan rahmat-Nya, mengurniakan nikmat keamanan, keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penghuraian Rang Undang-undang Perbekalan menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terus-menerus berusaha untuk melaksanakan projek program di setiap kementerian demi kestabilan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Tema peruntukan pada kali ini amat signifikan dengan keadaan semasa yang memerlukan ketahanan diri manusia yang seluruhnya untuk menghadapi kecanggihan dunia tanpa sempadan, dunia yang terbuka luas boleh saja berada di dalam satu ruang yang sempit melalui kecanggihan media baru yang pelbagai namanya yang dilayari oleh seawal usia anak damit hinggalah warga emas. Yang baik, yang kurang baik, yang buruk dan bahaya terpaksa ditapis oleh kita manusia yang diberi pilihan dan ikhtiar oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Modal insan berkualiti adalah impian kita semua untuk generasi kita masa kini dan akan datang yang merupakan aset tenaga yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Menggubal dasar dan strategi pendidikan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat adalah untuk memastikan kita dapat menyediakan modal insan yang berkualiti, berkeayakan tinggi, berkemahiran bagi memastikan kemapanan pertumbuhan dan daya saing ekonomi dan kesejahteraan negara seutuhnya.

Pendidikan dan pembangunan sumber manusia merupakan kunci kepada peningkatan daya saing negara. Sistem pendidikan yang efisien mampu memenuhi kehendak negara dengan menghasilkan tenaga kerja yang berupaya dan bersifat inovatif, proaktif dan berkemahiran.

Malah bukan itu sahaja, ianya juga mencakupi keperibadian fizikal dan rohani, mempunyai pegangan hidup dan hala tuju yang jelas, tahu adat dan menghayati amalan ugama, berintegriti dan mampu menolak sebarang anasir negatif dan inilah impian bahawa modal insan berkualiti bakal mewarisi dan menerajui pengurusan dan pentadbiran negara di masa akan datang.

Pelaburan Kerajaan dalam merangsang pencapaian dan kejayaan sistem pendidikan negara adalah amat besar, malah ianya merupakan bukti kesungguhan dan komitmen Kerajaan terhadap pentingnya pendidikan untuk melahirkan modal insan yang diharapkan. Seperti perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk membina prasarana bangunan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan yang moden dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan teknologi yang canggih.

Kerajaan juga melalui Kementerian Pendidikan menyediakan peruntukan untuk program dan projek pendidikan dan latihan termasuk program membantu golongan pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik di sekolah-sekolah rendah dengan menggembling tenaga para guru untuk meraih kejayaan mereka ke peringkat seterusnya. Menyediakan peruntukan khusus bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dan mengadakan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan kepada yang memerlukan.

Pelaburan besar dalam bidang pendidikan oleh Kerajaan ini untuk melahirkan modal insan berkualiti melalui proses pembelajaran di sekolah-sekolah juga memerlukan dukungan para guru yang benar-benar terlatih dengan ikhtisas perguruan kerana gurulah pemangkin utama yang menjadi tonggak dalam memastikan segala hasrat Kerajaan tercapai melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Skim Perkhidmatan Perguruan yang telah diperkenalkan di Kementerian Pendidikan telah menyuntik semangat para pendidik apabila ianya dihasratkan antaranya untuk menaik taraf profesionalisme perguruan meskipun belum menyeluruh namun usaha murni itu tetap disyukuri. Maka begitu juga diharapkan skim seumpama itu dilaratkan kepada para guru dan pendidik yang ada di Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana mereka semua adalah pendidik bangsa yang akan mewarnai kegemilangan negara di masa hadapan.

Latihan perguruan yang sekian lama pernah diadakan di negara ini dan telah menghasilkan para guru yang cemerlang, perlu dinilai semula dengan mengambil kira semua aspek yang boleh menyokong dan memastikan bahawa profesion ini adalah antara pilihan generasi kita dan bukan pilihan terakhir untuk berkerjaya.

Satu kajian tentang tugas dan beban kerja para guru dan pendidik di sekolah-sekolah perlu diadakan sebagai satu lagi

usaha untuk meningkatkan prestasi pendidikan kerana yang tahu suasana dan alam persekitaran pembelajaran yang faham prestasi anak-anak murid dan apa yang mereka perlukan adalah para guru dan pendidik sendiri. Manakala di peringkat pengurusan bidang tersebut yang akan memasak ramuan hasil kajian dan saranan dari para guru yang mana sudah setentunya para guru juga perlu menyediakan maklumat yang betul, telus dan jujur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Strategi dan inisiatif Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional juga merupakan satu lagi usaha berterusan untuk melihat negara kita melahirkan tenaga mahir dan berkejuruan dalam pelbagai bidang selaras dengan kemahiran abad ke-21 dan memenuhi keperluan semasa. Sudah setentunya pelaburan mendidik sumber manusia yang sangat besar ini akan sentiasa dikaji, dinilai impak program dan projek dan dipantau pelaksanaannya seperti melalui petunjuk prestasi utama iaitu *key performance indicator*.

Perlu juga diamati bahawa pendidikan sepanjang hayat dalam membentuk dan menanam nilai-nilai murni bukanlah suatu proses yang mudah dan boleh dilakukan dalam tempoh yang singkat, bermula hanya dari tadika sekolah rendah, menengah dan seterusnya pusat pengajian tinggi.

Adapun proses pembentukan sumber manusia yang berkualiti seharusnya

bermula sejak dari kandungan, dilahirkan dan berterusan dari peringkat kanak-kanak, remaja dan dewasa, sebagai suatu proses pendidikan sepanjang hayat yang inklusif tanpa meminggirkan golongan yang kurang bernasib baik dan kurang upaya dengan menyediakan peruntukan dan prasarana yang bersesuaian. Mudah-mudahan peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 ini akan dapat mencapai sasaran dan tujuannya. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk berucap. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkpli bin Haji Abdul Hamid:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua Kerajaan dapat meneruskan belanjawan yang mapan yang mengutamakan pengukuhan kestabilan fiskal negara.

Kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pembentangan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) awal tadi. Walaupun dengan

harga minyak yang merudum, yang memberi tekanan fiskal kepada negara-negara pengeluar minyak termasuk Negara Brunei Darussalam. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus mengutamakan pembangunan modal insan dan usaha untuk meningkatkan kapasiti dalam memperkembangkan ekonomi serta memperkukuhkan sektor swasta demi untuk kesejahteraan rakyat seterusnya. Ini adalah bersesuaian dengan tema belanjawan iaitu Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif.

Antara fokus fiskal 2015/2016 ialah:

1. Memperkasa modal insan;
2. Meningkatkan pelaburan;
3. Meningkatkan produktiviti; dan
4. Meningkatkan kesejahteraan awam.

Kaola mengalu-alukan komitmen Kerajaan selain dari meningkatkan kapasiti modal insan melalui pendidikan dan latihan dan meningkatkan pelaburan asing dan juga menjadikan negara sebagai tarikan perniagaan. Kaola mengalu-alukan skim-skim yang dibentangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pagi tadi, iaitu untuk memperkasa sektor awam dan menjadikannya lebih berkesan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian. Ini termasuk pembaikan proses pendaftaran syarikat-syarikat, pemansuhan Akta Lesen Rampaian, peniadaan cukai dan laporan audit bagi syarikat-syarikat kecil yang mempunyai

*turnover* kurang dari satu juta ringgit, penubuhan sebuah badan pusat bertanggungjawab menyelaras perancangan dalam mendukung perkembangan perusahaan mikro kecil dan sederhana.

Kaola yakin komuniti perniagaan terutama peniaga kecil dan sederhana menyambut baik akan inisiatif-inisiatif, dalam sama-sama menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya akan menambahkan lagi keazaman untuk memperkukuhkan asas-asas atau fundamental ekonomi negara. Pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara tahun ini, Baginda juga bertitah supaya berhemah dalam peringkat pengurusan perbelanjaan individu dan keluarga.

Dalam membudayakan perbelanjaan berhemah ini, bagi individu dan keluarga kaola ingin menyentuh dari aspek *corporate social responsibility*. Kaola cadangkan agar institusi-institusi kewangan komersial, seperti bank dan syarikat pinjaman kewangan digalakkan untuk membuat *self-regulations* mengenai amalan-amalan terbaik dalam mempromosi produk-produk kewangan syarikat-syarikat berkenaan. Perkataan *Dream Big* yang selalu digunakan dalam mempromosi produk kewangan pada masa ini, hendaklah diubah menjadi perkataan yang lebih berhemah seperti *Plan Ahead*. Promosi-promosi seperti

*Interest Free Purchases* hendaklah diberi penerangan akan implikasinya.

Disarankan juga supaya setiap institusi kewangan membuat *corporate social responsibility* programnya yang khusus bagi meningkatkan kefahaman celik kewangan bagi pelanggan masing-masing dan masyarakat amnya. Institusi berkenaan bolehlah bekerjasama dengan institusi pendidikan bagi menjalankan program-program untuk mempromosi kefahaman mengenainya di kalangan penuntut dan generasi muda iaitu seperti menggunakan *online games* dan sebagainya.

Dalam perniagaan seperti jualan produk konsumer dan kereta pula, kita sering mendengar promosi-promosi seperti *Midnight Crazy Sale, Buy One Free One, Win A House, Free Five Months Installments* dan bermacam-macam promosi yang bertujuan untuk menggalakkan pembelian-pembelian barangan produk syarikat-syarikat masing-masing. Walaupun pada hakikatnya pembelian adalah pilihan bijak oleh para pelanggan sendiri, akan tetapi jika tidak terkawal mungkin akan menggalakkan pembelian yang bukan berdasarkan keperluan. Ke arah ini saya sarankan pihak berwajib untuk membuat penilaian akan kepentingan pelanggan-pelanggan dalam memberi kebenaran bagi promosi-promosi seperti itu.

Akhir sekali sama-sama kita berdoa semoga semua usaha yang kita buat ini



akan diberkati dan mencapai tujuannya seperti yang dihasratkan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Dalam mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang (2015) Perbekalan Tahun Kewangan 2015/2016, kaola dengan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan penuh hormat serta takzim menyembahkan berbanyak menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga sebagai Menteri Kewangan, kerana bermurah hati mengurniakan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas pembentangan kertas cadangan tersebut.

Bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini, kita telah dimaklumkan anggaran hasil tahunan telah menurun kepada empat ribu seratus tujuh belas juta, seratus dua puluh ribu ringgit iaitu penurunan

sejumlah yang besar kira-kira 38.6 peratus berikutan daripada penurunan hasil minyak dan gas. Walaupun negara mengalami belanjawan defisit dan berada dalam keadaan berjimat cermat, Alhamdulillah Kerajaan hanya menurunkan anggaran perbelanjaan biasa sebanyak kira-kira 2.7 peratus dan sementara anggaran perbelanjaan perbekalan turun sebanyak 4.7 peratus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tema belanjawan yang berbunyi Modal Insan Berkualiti Mendukung Pembangunan Inklusif ini mendorong kaola untuk mengambil kesempatan memberikan sedikit pandangan umum mengenainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, adalah menjadi impian semua insan untuk menjadi insan yang berkualiti, dan kaola percaya tidak ada orang yang mahu berada dalam kemiskinan. Bagaimanapun realitinya terdapat sebilangan insan yang tidak mempunyai pilihan, lahir ke dunia dengan kurang upaya dan terdapat juga anak-anak yang lahir di dalam keluarga yang serba susah dan dalam kemiskinan.

Mungkin ibu bapa mereka mempunyai pilihan kerana mereka telah diberikan peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka, akan tetapi anak-anak mereka yang lahir dalam keluarga tersebut tidak mempunyai pilihan sama sekali. Kita juga tidak menafikan dan sentiasa bersyukur yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang

percuma seperti pendidikan dan perubatan. Mana lagi subsidi-subsidi ke atas barang-barang keperluan harian seperti yang telah dihuraikan sebelum ini.

Akan tetapi kenyataannya, terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak dapat diselamatkan oleh jaringan keselamatan sosial yang telah disediakan ini. Memang diakui masalah kemiskinan telah berulang-ulang kali ditimbulkan di dewan ini dan semuanya juga telah diberikan jawapan. Walaupun huraian demi huraian telah diberikan ke atas program-program yang telah dijalankan, kenyataannya kita masih belum mendengar berapa orangkah yang telah berjaya dibantu keluar dari kemiskinan.

Pada masa ini, kita dimaklumkan jumlah yang berada dalam kemiskinan telah meningkat kepada 5,472 keluarga, dan tidak salah kalau kaola mengatakan, yang jumlah ini akan melonjak tinggi dalam masa yang terdekat ini apabila kakitangan Kerajaan mula bersara di bawah skim TAP dan SCP, ini disebabkan kerana masalah kemiskinan akan terus berulang-ulang kali ditimbulkan di dewan ini.

Dan mungkinlah juga ini disebabkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengatakan supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara berpandangan jauh dalam mengutarakan idea-idea bagi kemajuan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menurut laporan *Millennium Development Goal Post 2015*, MDG telah berjaya mengurangkan 50 peratus penduduk dunia daripada *extreme poverty* dan kejayaan ini dicapai 5 tahun lebih awal daripada sasaran. Kejayaan sebeginilah yang ditunggu-tunggu oleh negara. Kejayaan untuk mengurangkan kemiskinan yang dikatakan hanyalah sebagai *relative poverty*. Kaola fikir *success story* yang ditunggu-tunggu bukan hanya berapa ramai yang mengikuti program-program yang disediakan, akan tetapi berapa ramai yang telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan.

Apabila kaola mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perlunya majlis ini menghuraikan penghijrahan *mindset* daripada semata-mata suka bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari, kaola berpendapat perkara ini adalah bertepatan sekali.

Kerana hanya dengan cara ini program membasmi kemiskinan dapat bertahan dan berjaya. Bagaimanapun dalam hal ini, kaola juga berpendapat bagi penghijrahan *positive mindset* di kalangan penerima-penerima bantuan ini berlaku, ianya perlu terlebih dahulu memerlukan penghijrahan *mindset* di kalangan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat mengendalikan program-program bantuan.

Kerana selagi agensi Kerajaan mempunyai *negative mindset* dan prejudis ke atas penerima-penerima bantuan selagi itu mereka tidak akan dapat memahami secara mendalam *psychology* penerima-penerima bantuan ini dan seterusnya menjadikan mereka kurang fokus dalam merangka strategi-strategi yang tepat dan berkesan. Selama ini dengan *mindset* yang ada pada kita, kita beranggapan dengan hanya memberikan bantuan kewangan dalam \$200 atau \$300 sebulan, dengan memberikan mereka latihan-latihan kemahiran, maka mereka ini sepatutnya sudah boleh keluar daripada kemiskinan.

Mungkin kaedah sedemikian, mencukupi bagi mereka yang mempunyai kuat semangat untuk keluar daripada kemiskinan. Akan tetapi bagi segolongan besar yang telah hidup bertahun-tahun di dalam negara yang terkenal sebagai *welfare state*, keadaan tersebut hanyalah bersifat *superficial*. Tidak keterlaluan jika kaola katakan, *negative mindset* di kalangan mereka yang lemah untuk berdikari ini merupakan satu *psychology* dalaman yang memerlukan pendekatan dan penyelesaian secara profesional.

Pada pandangan kaola, apa yang sepatutnya diberikan perhatian ialah pembaikan yang dibuat secara berterusan ke atas program-program yang sepatutnya bersifat inovatif yang boleh *empower* penerima-penerima bantuan dan yang paling mustahak dan wajib dilakukan ialah supaya mereka ini diberikan bimbingan dan pengawasan

profesional yang dibuat secara berterusan oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu.

Dari itu terdapat keperluan untuk mengadakan pasukan *social workers* yang terlatih dan berkemahiran profesional. Bukannya dikenali sebagai *social worker* dari segi penggunaan nama jawatan sahaja. Jika dilihat dari perspektif tahap antarabangsa, tunggak dan nadi perkhidmatan kebajikan masyarakat adalah *social worker* yang terlatih dan bertauliah. Bagaimanapun perkara ini telah pun jua disuarakan sebelum ini.

Dalam masa yang sama, sebagai sebuah negara Islam, program-program bantuan juga sepatutnya mengandungi program-program keagamaan sebagai misalan adakah mereka yang menerima bantuan ini telah dibimbing untuk melaksanakan sembahyang fardhu lima waktu yang boleh menguatkan spiritual mereka dan hubungan mereka dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, penurunan hasil dari minyak dan gas memang sesuatu perkara yang membimbangkan kepada semua pihak. Apabila ekonomi berkeadaan lembab, golongan yang mudah terjejas ialah golongan bawahan yang hidup di pinggiran iaitu insan-insan yang sukar untuk hidup berdikari, orang yang kurang berupaya, orang tua yang hidup terbiar dan kanak-kanak dari keluarga miskin.

Bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini alhamdulillah, Kerajaan nampaknya berupaya mengekalkan peruntukan kewangan bagi program-program yang melibatkan bantuan kepada golongan-golongan ini. Kecuali program bantuan di bawah Kementerian Pendidikan yang dikurangkan jumlahnya sebanyak \$500,000.00. Bagaimanapun kaola fikir masalah kewangan bukanlah merupakan masalah yang sangat besar. Sebab kalau diteliti peruntukan perbelanjaan yang telah diluluskan sejak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhubung kemiskinan sifar (*zero poverty*) pada tahun 2008, Baginda telah mengurniakan dan meningkatkan peruntukan kewangan bagi isu-isu kesejahteraan, sosial dan pembasmian kemiskinan.

Di mana pada tahun 2011, peruntukan kewangan bagi isu-isu ini telah dinaikkan sebanyak lima kali ganda dari \$320 juta pada tahun 2010 kepada \$1,730 juta pada tahun 2011. Kaola berpendapat jika agensi-agensi Kerajaan benar-benar mahu menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya memedulikan semua permasalahan rakyat dan penduduk dengan mengambil perspektif yang benar-benar diyakini dapat menolong memajukan mereka maka kaola mencadangkan supaya agensi Kerajaan mengkaji semula segala dasar strategi dan tindakan yang telah dijalankan selama ini.

Strategi yang mana bantuan hanya diberikan apabila seorang memohon perlu juga direviu semula kerana terdapat insan-insan yang benar-benar memerlukan bantuan yang hidup terbiar, terlepas pandang oleh pihak Kerajaan dan hanya dapat dikesan melalui pendedahan media.

Kaola memang menyedari isu kemiskinan merupakan isu cabaran yang serius dan kompleks, apatah lagi untuk membuat penghijrahan *mindset*. Akan tetapi kegagalan untuk menyelesaikannya akan menimbulkan beban kos lebih tinggi dari segi kewangan untuk membiayai program-program kemiskinan, kos dari segi sosial seperti meningkatnya golongan lemah untuk berdikari, masalah sosial remaja, anak-anak yang terbiar, *school drop out*, pengangguran dan kos dari segi keselamatan seperti jenayah.

Dari itu sebagai penutup, kaola mencadangkan supaya agensi Kerajaan melakukan muhasabah diri agar di tahun-tahun akan datang, kita tidak akan mengatakan penghijrahan *mindset* ini. Mungkin di tahun-tahun hadapan, kita akan dapat melihat pusat-pusat perkhidmatan pemedulian sosial di merata kawasan seperti yang terdapat di negara-negara lain dan sama seperti pendekatan yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan menubuhkan pusat-pusat kesihatan semata-mata untuk mendekati atau memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan yang diberikan dan bukan sebaliknya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil fokus utama yang keempat, yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada sebelah pagi tadi iaitu meningkat kesejahteraan awam bagi meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini termasuklah usaha ke arah membasmi kemiskinan. Tajuknya ialah sara hidup. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, walaupun perkara ini telah dibangkitkan dan dapat jawapan tetapi oleh kerana tugas saya untuk membawa ke Majlis Mesyuarat Negara ini oleh rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga. Dengan nama dan tajuknya saja umum dan kita memahami akan tujuan atau konsep bantuan tersebut diberi nama. Sebagai contoh:

- i. Diberikan kepada mereka yang kurang berkemampuan dari segi pendapatan bulanan;
- ii. Diberikan kepada kakitangan Kerajaan yang berpendapatan kurang daripada \$3,000 sebulan. Tolong betulkan jika saya tersilap, termasuk mereka yang bersara;

iii. Diberikan kepada mereka yang kurang upaya (OKU); dan

iv. Bagi mengimbangi harga barangan keperluan harian yang bertambah dan tidak dapat dikawal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk makluman, ada kakitangan Kerajaan yang wajib bersara setelah berkhidmat lebih 30 tahun dan setelah mencapai umur 55 tahun tetapi mereka ini tidak mendapat wang pencen bulanan dan juga tidak mendapat sara hidup seperti guru-guru perempuan, perempuan yang telah berkahwin, pekerja-pekerja *open vote* dan pekerja-pekerja bergaji hari dan mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di sini, nampak ketara perbezaan yang patut diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya rezeki yang dilimpahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada rakyat dan negara ini akan diampit-ampiti kepada golongan yang telah pun menabur jasa khidmat bakti mereka kepada negara dan rakyat. Seperti kata pepatah "Hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicacah". Saranan ini adalah selaras dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja) dan Negara Zikir dan ada tertara dalam kitab suci Al-Quran dalam Surah An-Nisa ayat 39:

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللَّهُ

وَكَانَ اللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾

Yang bermaksud: 'Dan apakah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan

hari Akhirat serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka? Dan (ingatlah) Allah sentiasa mengetahui akan keadaan mereka”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan ini, maklumlah dalam dewan ini bahawa sama ada disedari atau tidak, saya kurang pasti ianya telah berlaku sejak Skim Sara Hidup ini diperkenalkan. Sebagai contoh ada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang bersara dan berkhidmat semula dengan kerajaan. Mereka ini ada setengahnya menerima Elaun Sara Hidup kerana bersara dan menerima Elaun Sara Hidup kerana menerima gaji di bawah \$3,000 sebulan. Bererti dua Elaun Sara Hidup yang diterimanya dalam satu bulan.

Oleh itu, saya ingin menyarankan Skim Bantuan Sara Hidup ini dikaji semula supaya semua rakyat yang kurang bernasib baik akan mendapat bahagian mengikut selayaknya, terutama sekali mereka yang tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap dan juga rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta yang berpendapatan kurang daripada \$2,000 sebulan, kerana saya berpendapat, mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta juga semuanya menyumbang khidmat bakti untuk membangun negara ke arah kemajuan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan seterusnya datangnya dari kalangan

rakyat yang menemui dan membuat panggilan telefon kepada saya supaya masalah sara hidup ini dapat dibawa ke Majlis Mesyuarat Negara. Tugas saya ialah untuk menyampaikan hajat dan hasrat mereka, yang mana satu ketika dulu kita sama-sama berkorban kepada bangsa dan negara demi kepentingan negara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang akan berucap? Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 telah dibentangkan selama lebih kurang 1 jam 30 minit. Ini adalah merupakan laporan yang sangat komprehensif dan menyeluruh dan menggambarkan komitmen Kerajaan memedulikan dan mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Banyak perkara yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan dan perubahan yang telah dapat dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk negara ini melalui Rang Undang-undang tersebut. Dan yang sangat penting ialah menjana modal insan yang berkualiti melalui transformasi pendidikan yang mapan. Yang mana Kementerian Pendidikan adalah merupakan agen atau pun kilang yang akan melahirkan modal insan yang

dimaksudkan sebagai modal untuk pembangunan Negara. Adalah amat penting menyediakan rakyat yang berilmu dan mempunyai jati diri yang tinggi untuk memikul tanggungjawab negara di masa yang akan datang.

Walaupun keadaan ekonomi negara dalam keadaan defisit namun kita masih mampu meneruskan agenda pembangunan negara dengan tidak ada noktahnya. Ini semua kerana negara kita telah mempunyai aset yang mantap hasil usaha Kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu iaitu dengan berjimat cermat melalui perbelanjaan berhemah. Dan juga seperti kata pepatah "*sebelum hujan telah menyediakan payung*".

Ahli-ahli korporat adalah diharapkan menyambut baik usaha pihak Kerajaan kerana kita telah melihat beberapa perubahan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan seperti penurunan cukai dan ada setengahnya peniadaan cukai yang langsung tidak dikenakan kepada perbelanjaan ataupun pendapatan yang hanya mencapai sejuta. Ini dapat menaikkan semangat ahli-ahli perniagaan yang ingin mendaki puncak seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Apa yang sangat menggembirakan ialah usaha mendatangkan pakar yang berkebolehan yang dapat meningkatkan pencapaian guru-guru dan juga penuntut-penuntut dijangka ianya akan dapat memberikan sumbangan yang

besar kepada pembangunan negara untuk kita melihat bukan dalam jangka masa pendek tetapi untuk jangka masa yang panjang. Kerana melalui pendidikan yang berkualiti yang dirancang dengan begitu sempurna melalui pendidikan ataupun SPN21 telah berjaya menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada penduduk dan rakyat negara ini dan ianya akan dapat menjadi satu landasan kepada negara untuk maju terus berkembang melalui rakyat yang berkualiti, berilmu pengetahuan, berketerampilan dan juga mempunyai jati diri yang tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam memperkasa sektor awam, pekerjaan ataupun anak-anak tempatan yang ingin bekerja di sektor awam patut diberikan juga perhatian, iaitu dengan memberikan sedikit kemudahan yang dapat memberikan mereka keselesaan.

Adalah dicadangkan supaya pihak Kerajaan akan dapat memberikan sedikit kemudahan berupa kewangan ala kadar dan juga mengikut kemampuan supaya anak-anak kita yang bekerja di sektor awam ini akan sepenuhnya dapat menumpukan perhatian dan juga akan dapat bertahan lama di sektor awam itu.

Kerana kita melihat banyak sebenarnya belia-belie ingin bekerja di sektor awam tetapi pemantauan daripada pihak-pihak berkenaan itu adalah perlu. Umpamanya dari segi keselesaan, kesejahteraan dan sebagainya. Seperti mana yang dicadangkan ini supaya mereka yang bekerja di sektor swasta itu diberikan

elaun sedikit, ala kadar oleh pihak Kerajaan agar mereka dapat bertahan lama bekerja. Kalau kita perhatikan di gedung-gedung perniagaan, banyak anak-anak tempatan yang bekerja di sana tetapi apa yang mendukacitakan kepada mereka, kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua telah membuat sedikit kajian *random* mengenai dengan pekerja-pekerja di sektor swasta ini. Jadi mereka mengatakan kerja sehingga pukul 12.00 tengah malam pun ada. Ini perlu diberikan perhatian kerana memang Jabatan Buruh telah menetapkan peraturan-peraturan kerja di sektor swasta tetapi ada setengahnya dari sektor swasta itu tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sebagai misalan, umpamanya pekerja-pekerja yang melayan di stesen minyak. Oleh kerana mereka ini diberikan jadual kerja mengikut syif atau jadual masing-masing, mereka ini dapat bertahan. Kalau pekerja-pekerja di kedai-kedai runcit umpamanya, mereka terpaksa mengikut arahan daripada majikannya supaya kadang-kadang balik akhir sehingga pukul 12.00 tengah malam ataupun 10.00 malam. Perkara ini haruslah diberikan perhatian agar orang-orang kita tidak memilih pekerjaan.

Sebenarnya pekerja-pekerja di sektor swasta seperti di gedung-gedung perniagaan dan juga restoran-restoran yang bertaraf, ianya lebih suka kerana mereka ada sedikit *privacy* atau keistimewaan yang diberikan. Perkara ini harus dilihat supaya negara kita akan

membangun dan juga sektor swasta ini akan dapat dimajukan. Kita juga harus memikirkan bahawasanya sektor swasta itu memainkan peranan yang sangat penting dan harus mengambil pekerja-pekerja tempatan dengan gaji yang berpatutan yang dapat disediakan oleh sektor swasta.

Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat disampaikan. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada lagi yang mahu bercakap. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Kaola dalam menyokong penuh pembentangan kertas cadangan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri sebelah pagi tadi untuk dijadikan satu Undang-undang Perbekalan Negara sepanjang Tahun 2015/2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di negara ini setentunya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala khususnya masyarakat dan penduduk Daerah Temburong atas limpah rahmat



dan nikmat rezeki yang dikurniakan kepada kita dan negara dan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan Baginda kepada rakyat Baginda dalam meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Peruntukan berjumlah \$6,400 juta, kaola dengan ikhlas juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri yang bekerja keras dalam menyediakan dan membentangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang komprehensif berasaskan tema "Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif". Pembentangan peruntukan bagi Tahun 2015/2016 telah menggariskan 4 teras utama seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri iaitu:-

1. Memperkasa pendidikan dan latihan;
2. Meningkatkan produktiviti;
3. Merangsang kegiatan pelaburan; dan
4. Meningkatkan kesejahteraan awam.

Peruntukan Kewangan Tahun 2015/2016 sebanyak \$6,400 juta disediakan bagi menampung perbelanjaan Tahun Kewangan

2015/2016. Kaola tidak lupa menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih sekali lagi kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan Baginda memberikan peruntukan sebanyak \$700,000 (Tujuh ratus ribu ringgit) diperuntukkan bagi aktiviti perekonomian mukim dan kampung dan peruntukan sejumlah \$630,000 (Enam ratus tiga puluh ribu ringgit) bagi aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Peruntukan-peruntukan tersebut akan terus dikendalikan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Peruntukan yang disediakan adalah bagi aktiviti-aktiviti masyarakat pada mengukuhkan lagi dalam memupuk persepaduan serta kerjasama dalam kalangan masyarakat serta penduduk di mukim dan kampung. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini adakah yang mahu bercakap lagi ataupun tidak. Jika tidak, ada yang mahu bercakap lagi maka perbahasan ini bolehlah ditutup mengenai Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali keduanya, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Suatu Rang Undang-undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Suatu Rang Undang-undang yang bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut bagi maksud-maksud tertentu telah pun selesai dibahaskan dan ia telah pun dibaca untuk kali kedua. Maka bagi membolehkan bagi Rang Undang-undang ini dibincangkan satu persatu maka persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan Majlis akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bab 2 (1) dan (2).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Bab 2 Ceraian 1 dan 2. Silakan jika ada Ahli-ahli yang ingin membahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat jika tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membahaskan Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini akan saya undi. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju Bab 2 Ceraian (1) dan (2) sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan  
bersetuju)**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bab 2 Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kita membincangkan Tajuk-Tajuk di Jadual seterusnya. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita hanya membincangkan tajuk-tajuk di jadual ini berdasarkan kepada kementerian-kementerian dan tidak lagi melalui jabatan-jabatan. Walau bagaimanapun oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai 25 buah jabatan di bawahnya maka perbincangan di Tajuk ini akan dibahagikan kepada 2 bahagian.

Iaitu Tajuk SA01A hingga SA12A dan Tajuk SA014A hingga Tajuk SA25A. Sekarang kita mulakan dengan Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri sehingga Tajuk SA014A Pasukan Polis

Diraja Brunei. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, sebelum jawatankuasa ini membincangkan bajet perkhidmatan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola bagi mewakili Jabatan Perdana Menteri mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini.

Perkara ini adalah semata-mata untuk memandu perbincangan supaya ia lebih menjurus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal perbelanjaan yang akan dibincangkan dengan beberapa prinsip yang menjadi asas di Jabatan Perdana Menteri dalam merangka cadangan belanjawan akan dikongsikan. Perkara-perkara tersebut termasuklah:

1. Jabatan Perdana Menteri selaku agensi peneraju Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang di bawahnya juga terdapat sebanyak 23 Jabatan yang melaksanakan berbagai-bagai dasar dan fungsi yang amat kritikal kepada negara akan terus mendukung dasar pemeduliaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Dasar tersebut akan diperkukuhkan, khususnya dalam memastikan dasar-dasar sosioekonomi negara termasuk dalam penyediaan kemudahan-kemudahan asasi kepada masyarakat dapat dilaksanakan dengan efisien dan berkesan. Setiap aktiviti Jabatan Perdana Menteri akan menjurus kepada meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk di negara ini secara inklusif.

2. Cadangan peruntukan ini didasari oleh visi, misi dan perancangan-perancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang Jabatan Perdana Menteri dan negara, khususnya Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan strategi-strategi Wawasan Negara 2035, yang berteraskan kepada 3 matlamat iaitu melahirkan tenaga manusia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, setaraf dengan piawai antarabangsa ke arah mencapai kualiti kehidupan di tahap kesepuluh terbaik dunia dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan bagi mencapai pendapatan per kapita di tahap kesepuluh teratas dunia.
3. Jabatan Perdana Menteri sentiasa bertindak selaku peneraju dan pendukung utama tadbir urus yang baik iaitu *good governance*. Ia akan sentiasa memastikan jentera pentadbiran negara sentiasa berkesan dan berintegriti. Undang-

- undang dan peraturan sentiasa dikuatkuasakan dengan berkesan dan adil agar ia dihormati dan integritinya dipelihara. Keupayaan terus dipertingkatkan bagi menangani gejala-gejala negatif seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan rasuah. Ke arah ini juga warga perkhidmatan awam selaku nadi penggerak jentera Kerajaan terus dilengkapi dengan nilai-nilai murni dan jati diri yang kukuh dalam melaksanakan tugas dengan tangkas dan amanah serta berdisiplin.
4. Dalam mendukung hasrat bagi meningkatkan produktiviti negara yang akan menyumbang pada pertumbuhan ekonomi negara berbagai-bagai program dan usaha akan diteruskan sama ada di peringkat kementerian mahupun di peringkat jabatan-jabatan di bawahnya. Peningkatan produktiviti juga perlu dijana di sektor awam dan swasta melalui peningkatan tahap pendidikan penggunaan teknologi terkini dan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (*research and development*). Melalui penyelidikan dan inovasi, idea-idea dan pemikiran baharu akan dapat dikembangkan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menyediakan dana bagi meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia yang akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara.
  5. Bagi mensejajarkan dengan tema keutamaan perbelanjaan Tahun Kewangan 2015/2016 iaitu "Ke arah Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif" melalui pembangunan keupayaan *capacity building*, Jabatan Perdana Menteri juga akan meneruskan usaha bagi membangun dan mengembangkan sumber tenaga manusia agar lebih dinamik, berdaya maju, berwibawa, inovatif, kreatif dan berkemahiran. Tenaga kerja yang berkemahiran dan beretika akan memberikan mereka keupayaan untuk menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang dibawa oleh arus perubahan secara berkesan dari semasa ke semasa. Ke arah itu pelbagai peruntukan akan terus disediakan bagi membolehkan anggota perkhidmatan awam dapat mengikuti latihan dan kursus jangka masa pendek atau jangka masa panjang.
  6. Bagi menjunjung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terdahulu dan semasa Baginda berkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara beberapa hari yang lalu, Baginda menekankan pengurusan kewangan yang kukuh dan *value for money* serta amalan berjimat cermat. Jabatan Perdana Menteri berusaha keras untuk menseimbangkan

peruntukan termasuk mengurangkan perbelanjaan agar memenuhi *functionality* yang bersesuaian dengan keperluan sebenar bagi mengelak sebarang perbelanjaan yang kurang perlu dan pembaziran. Ini terbukti dengan adanya beberapa pengurangan peruntukan dalam jumlah yang agak tinggi di samping mengekalkan serta menambah peruntukan dalam jumlah yang berpatutan bagi kepentingan jangka panjang. Jabatan Perdana Menteri sentiasa memastikan pembahagian dan penggunaan peruntukan di antara agensi di bawahnya dibuat secara optimum, terarah, penuh disiplin dan berhemah serta memastikan peningkatan *deliverables* dalam sektor-sektor perbelanjaan.

7. Jabatan Perdana Menteri juga amat prihatin terhadap proses pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan kepuasan hati pelanggan (*customer satisfaction*). Oleh yang demikian, Jabatan Perdana Menteri akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kelambatan dalam proses Kerajaan dengan memperkasa penggunaan teknologi maklumat dan kaedah *online*. Ini termasuklah dengan pengisian jawatan kosong melalui *online recruitment* yang dilancarkan beberapa hari yang lalu. Penggunaan meluas *GEMS*, pemakaian *Judiciary Management System* dan sebagainya. Bagi memastikan peralatan komputer sentiasa berfungsi dengan baik,

pemeliharaan peralatan komputer akan disediakan peruntukan yang mencukupi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada prinsip-prinsip di atas, dengan ini bagi Tahun Kewangan 2015/2016, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$634,817,690.00 (Enam ratus tiga puluh empat juta, lapan ratus tujuh belas ribu dan enam ratus sembilan puluh ringgit). Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak kira-kira 2 peratus dari peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015. Pada Tahun Kewangan 2015/2016, Jabatan Perdana Menteri akan menumpukan aktiviti-aktiviti kepada beberapa keutamaan:

1. Meningkatkan keupayaan kepimpinan dalam pengurusan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, khusus dalam menambah baik perkhidmatan awam melalui pengurusan infrastruktur sumber tenaga manusia, sistem urus tadbir yang baik agar sektor perkhidmatan awam akan lebih produktif dan berkesan terutama dalam pemberian perkhidmatan serta pelaksanaan projek-projek Kerajaan dengan lebih cekap dan berkualiti.
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan keupayaan sektor penguatkuasaan dan keselamatan demi mengekalkan kesejahteraan

- dan keselamatan orang awam dan kakitangan Kerajaan.
3. Meningkatkan keupayaan dan kapasiti perkhidmatan dalam melaksanakan dan mencapai objektif projek-projek yang dirancang dan diluluskan.
  4. Mendukung ke arah penghasilan iklim pro bisnes dengan membantu menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang menarik dalam sektor swasta, menjurus kepada mempelbagaikan ekonomi termasuk mempertingkatkan usaha kepada penarikan pelaburan langsung asing dan penghasilan dasar persaingan.
  5. Meneruskan lagi usaha untuk memperbaiki integriti dan reliabiliti sistem pembekalan tenaga elektrik di seluruh negeri iaitu kerja-kerja yang dirancang di dalam belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015 bagi mendukung pencapaian sasaran *Key Performance Indicator (KPI)* di tahun 2014 dan akan datang. Gaji kakitangan secara keseluruhan disediakan sebanyak \$334,620,480.00 (Tiga ratus tiga puluh empat juta, enam ratus dua puluh ribu dan empat ratus lapan puluh ringgit). Bagi kategori ini, perbelanjaan ini terdapat tambahan bersih sebanyak 25 jawatan.
  6. Perbelanjaan berulang-ulang diperuntukkan sebanyak \$282,239,257.00 (Dua ratus lapan puluh dua juta, dua ratus tiga puluh Sembilan ribu dan dua ratus lima puluh tujuh ringgit) iaitu berlebihan sebanyak 0.9 peratus dari peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015. Ini antara lainnya ialah disebabkan oleh penambahan peruntukan pemeliharaan sistem komputer, sejumlah \$7.4 juta kepada \$15.1 juta bagi membiayai kos pemeliharaan tahunan dan langganan rangkaian projek penyelarasan sistem pengesan, sistem pengawalan video induk di Jabatan Perdana Menteri.
  7. Peningkatan peruntukan kemahiran dan kapasiti sejumlah \$300,000.00 (Tiga ratus ribu ringgit) pada \$2.3 juta dan pengwujudan akaun baru Perbelanjaan Operasi sejumlah \$200,000.00 (Dua ratus ribu ringgit) di Bahagian Pengurusan Hasil, Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Bagi Perbelanjaan Khas sebanyak \$17,951,953.00 (Tujuh belas juta, sembilan ratus lima puluh satu ribu dan sembilan ratus lima puluh tiga ringgit) telah diperuntukkan. Peruntukan ini ialah bagi melaksanakan 18 projek pembelian baru berjumlah \$30.075 juta termasuk 5 projek dengan harga rancangan \$10.4 juta dan 23 projek pengambilan semula berjumlah \$14,876,993.00 termasuk 20 projek dengan harga rancangan \$190,769,871.00.
- Projek-projek yang akan dilaksanakan antara lainnya termasuk *Implementation of Data Protection System* di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan

peruntukan bagi menaik taraf sistem bekalan elektrik, pemasangan lampu di seluruh negara dan *Long-Term Service Agreement for the Maintenance of Gas Turbine Generator at the Department of Electrical Services Power Station.*

Sekianlah saja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini dan kalau ada keizinan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola juga ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Pencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini adalah berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara yang mana isu-isu yang akan dibincangkan mungkin adalah perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pehin Pengerusi supaya bajet-bajet jabatan-jabatan ini tidak perlu dibincangkan.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin memaklumkan bahawa apa juga soalan dan kemusykilan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan isu-isu Jabatan

Perdana Menteri juga akan turut dijawab dan diterangkan oleh rakan sejawat kaola, Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri khususnya terhadap isu-isu yang di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada yang mahu bertanya? Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mahu bertanya?

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya mengenai isu di bawah Bahagian Undang-undang?

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kita semasa ini membincangkan Tajuk SA01A hingga SA12A. Selepas itu, baharulah membincangkan mengenai peruntukan di bawah Bahagian Undang-undang.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab ada di antaranya jabatan-jabatan yang tidak boleh disentuh dan secara tertutup, maka kaola hanya dapat menyentuh dua jabatan sahaja iaitu Tajuk SA09A iaitu Jabatan Penerangan dan Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei.

Jabatan Penerangan antara lain berfungsi memberi penerangan dan penjelasan berkaitan dasar-dasar, falsafah dan wawasan negara selain dari itu, Jabatan Penerangan juga mengurus isu dan maklum balas awam sebagai *input* kepada perancangan kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan. Soalan saya adakah perancangan Jabatan Penerangan untuk melaksanakan permuzakarah dengan penduduk-penduduk mukim bersama beberapa agensi-agensi Kerajaan yang sering menjadi tumpuan orang awam yang membangkitkan isu-isu semasa seperti mana pernah dilaksanakan pada tahun-tahun 80-an agar segala maklum balas awam dapat dijelaskan secara langsung untuk menjadi *input* perancangan jabatan-jabatan Kerajaan.

Sekarang kaola beralih kepada SA12A iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei. Jumlah rumah perpindahan di Kampong Bukit Beruang yang lama adalah sebanyak 530 buah. Jumlah yang baru sebanyak 1500 unit yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEED*) dan sebanyak 750 unit dikendalikan oleh Jabatan Perumahan dan jumlah rumah penduduk asal 40 buah jadi jumlah keseluruhannya 2,820 buah termasuk rumah teres, rumah kembar dan rumah persendirian.

Jadi dengan jumlah rumah yang bertambah dan penduduk yang melebihi 10 ribu orang maka pada pandangan kaola, adalah perlu dibina sebuah Balai Polis di Kampong Bukit Beruang Mukim Telisai kerana mengambil kira sebab-sebab berikut:

1. Kawasan Mukim Telisai adalah kawasan perangkaan tinggi dalam statistik berlakunya jenayah termasuknya kesalahan akta dadah;
2. Pentadbiran kawasan penyiasatan Balai Polis ini nanti boleh dilaratkan ke Kampong Telisai dan Kampong Danau; dan
3. Jarak Balai Polis Daerah Tutong dari Kampong Danau, Kampong Telisai dan Bukit Beruang adalah jaraknya 12 hingga 21 kilometer yang mengambil masa bertindak (*respond time*) kira-kira 20 minit hingga 35 minit, tergantung kepada keadaan lalulintas tetapi dengan adanya Balai Polis baru ini akan mempercepatkan masa bertindak kira-kira 7 minit hingga 15 minit saja sampai ke Kampong Danau.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*):**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih atas beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit wakil daripada Daerah Tutong tentang fungsi Jabatan Penerangan. Memanglah pernah juga diadakan permuzakarah ini dan dibawa juga bersama-sama wakil-wakil dari kementerian-kementerian yang lain. Pada tahun 2015 ini memang ada dirancangan dan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah



satu saranan yang baik. Insya-Allah ianya akan dilaksanakan Yang Berhormat Pengerusi.

Bagi Pasukan Polis Diraja Brunei, memang banyak masa ini masalahnya ialah untuk mereviu balik semua kawasan-kawasan perpindahan yang baharu ianya bukan saja 1,000 ke 2,000 buah ada yang melebihi 2,000 ke 3,000 buah. Memanglah ada perancangan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk merancang dan seterusnya sentiasa dibuat dari semasa ke semasa tentang reviu, penilaian dan keadaan keselamatan bukan saja di kampung-kampung perpindahan malahan di seluruh Negara Brunei Darussalam, dan penempatan pondok-pondok polis ini akan selalu mengikut keperluan semasa. Jadi terima kasih juga atas saranan tadi Yang Berhormat, insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan secepat mana yang boleh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab ada beberapa jabatan tidak dibenarkan untuk dibahaskan atas alasan sensitif kaola minta kelonggaran sedikit untuk bercakap Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei kaola akan bercakap yang positif sahaja. Peruntukan Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Tahun 2015 seperti yang tertera berjumlah sebanyak \$137.5 juta iaitu peruntukan yang terbesar di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya

berharap, peruntukan ini akan digunakan sebaiknya bagi memastikan keselamatan negara.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menyuarakan tentang inisiatif pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dalam mengaktifkan kembali Pengawasan Kejiranan Kampung yang mana telah mendapat sambutan yang positif daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara. Kita mengucapkan tahniah kepada Pasukan Polis Diraja Brunei kerana telah berusaha gigih untuk mendapatkan kepercayaan penduduk-penduduk mukim dan kampung seluruh negara. Saya penuh berharap Pasukan Polis Diraja Brunei akan terus mempertahankan momentum yang sungguh menggalakkan ini dan akan terus berusaha tidak jemu-jemu untuk mempertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Dalam beberapa perjumpaan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan Pasukan Polis Diraja Brunei di seluruh negara, ada beberapa isu dan cadangan telah dikemukakan. Antara perkara yang disuarakan itu ialah:

1. Mengadakan taklimat-taklimat terhadap tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung;
2. Insurans keselamatan ketika menjalankan pengawasan pada waktu malam bersama-sama

anggota Pasukan Polis Diraja Brunei; dan

3. Tidak ketinggalan ada yang menyuarakan tentang insentif-insentif untuk dipertimbangkan bagi Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung.

Adalah diharapkan Pasukan Polis Diraja Brunei akan dapat meneliti lebih mendalam lagi akan perkara-perkara yang saya sebutkan di atas tadi, semata-mata sebagai satu penghargaan kepada Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung atas sumbangan mereka terhadap keselamatan negara yang tercinta ini bersama-sama Pasukan Polis Diraja Brunei.

Yang kedua, saya ingin menyuarakan tentang kawalan Pasukan Polis Diraja Brunei terutamanya yang berkawal di pintu keluar masuk Sungai Tujuh atau Kuala Lurah harus diperketatkan bagi mengelak kereta yang dicuri dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam. Adalah dicadangkan, supaya setiap kereta yang dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam hendaklah juga diperiksa oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang berada di pos-pos kawalan seperti Pos Kawalan di Sungai Tujuh dan Kuala Lurah. Selain diperiksa oleh Pegawai Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*):** Yang Berhormat Pengerusi, sebagai respons kepada

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi, ada baiknya saya mengongsikan data-data tentang pengawasan kejiranan kampung. Setakat ini, jumlah Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung seramai 1,162 orang iaitu 60 buah kampung dari Daerah Brunei Muara, 7 buah kampung dari Daerah Tutong, 14 buah kampung dari Daerah Belait dan 13 buah kampung dari Daerah Temburong. Keseluruhannya sebanyak 94 buah kampung daripada 166 buah yang ada di Brunei ini ikut serta dalam Pengawasan Kejiranan Kampung ini yang mula-mula diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, terima kasih. Pengawasan Kejiranan Kampung ini hanya akan berjaya dengan kerjasama Penghulu dan Ketua-ketua kampung. Alhamdulillah, setakat ini, Institusi Penghulu dan Ketua Kampung telah banyak memberi bantuan dan kerjasama kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dalam melaksanakan Pengawasan Kejiranan Kampung.

Sebagai inisiatif pertama, insentif yang diberikan masa ini merupakan *in kind* seperti bajet operasi, logistik, jamuan dan pakaian. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu dalam bentuk insurans dan imbalan seterusnya akan difikirkan bersama dengan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung. sama-sama kita akan memikirkan adakah kita akan mendidik dari segi insentif ini dengan mengeluarkan wang sahaja ataupun didikan dengan kita membentuk ketaatsetiaan sebagai jati

diri untuk negara kepada ahli-ahli yang lain. Sama-samalah kita nanti dari Institusi Penghulu dan Ketua Kampung dan Pasukan Polis Diraja Brunei sama-sama memikirkannya.

Soalan yang kedua, menyentuh tentang kereta curi. Usaha yang pertama, pada masa ini ialah daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Ada borang kereta yang akan diisikan dimasukkan nombor chasis kereta, jika pun ia kereta curi, dari sanalah salah satu daripada *frontline* kita untuk mengatasi kereta curi ini.

Insyallah dalam sedikit masa lagi *CCTV* yang ada *capability* tentang *number recognizing system*, insyallah, akan dapat menjadi salah satu daripada *tools* menyampaikan hasrat supaya kereta curi ini tidak senang dibawa ke luar negeri. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang ini ada yang akan bertanya, beberapa senarai sudah dikemukakan. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyampaikan mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam usaha mengukuhkan, merakyatkan dan memartabatkan tulisan Jawi di negara ini adalah tidak memadai jika tulisan ini cuma dipaparkan di kain-kain rentang, papan-papan tanda perniagaan dan iklan serta aktiviti-aktiviti di sekolah

dan di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jika tidak ada usaha bersepadu menyeluruh terutama daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai punggur ke hadapan dalam usaha mencerahkan tulisan Jawi di negara ini.

Terima kasih atas usaha gigih Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memelihara, mengekalkan dan mengembangkan tulisan Jawi di negara ini. Oleh yang demikian, sesuai dengan kedudukan tulisan Jawi sebagai tulisan Al-Quran, tulisan utama di negara ini dan pentingnya melaksanakan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kedudukan tulisan Jawi di negara ini, adalah disarankan apa-apa jua surat rasmi Kerajaan hendaklah ditulis dalam tulisan Jawi di samping tulisan Rumi.

Saranan ini adalah praktikal dalam suasana kedudukan tulisan Jawi ketika ini, iaitu dalam usaha negara mengekalkan tulisan Jawi supaya tidak pupus. Kaedah ini merangkumi aspek kemahiran membaca, mengeja dan menulis berbanding jika tulisan jawi itu cuma dipaparkan di papan-papan tanda, kain-kain rentang serta iklan. Situasinya cuma dipandang sepintas lalu, kosong penghayatan. Maka, pihak-pihak yang berkaitan supaya akan dapat merangka saranan ini demi kelangsungan tulisan jawi di negara ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Barangkali dapat kita minta mereka

menyoal dulu, baru menjawab, banyak orang mahu bertanya. Kalau dapat barangkali dicatat dahulu apa yang ditanyakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola, adalah mengenai dengan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sebagaimana kita maklum, merujuk kepada Anggaran Peruntukan Belanjawan 2014/2015 bagi Pasukan Polis Diraja Brunei, terdapat peruntukan untuk membina Pos-pos Polis di Kampong Ayer sebanyak 3 buah. Salah satu ialah di Mukim Tamoi. Kaola ingin mengetahui, bagaimanakah perancangan pondok polis yang dirancang tersebut, misalnya di Mukim Kampong Tamoi, bilakah ia akan dilaksanakan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Saya mengalu-alukan penjelasan Yang

Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai Jabatan Perdana Menteri sebagai peneraju utama, mendukung dasar pemedulian kepada rakyat. Antara tumpuan dan fokus utama Jabatan Perdana Menteri ialah bertindak sebagai tadbir urus yang berkesan.

Saya ingin bercakap mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam. Terdapat masih ramai pegawai-pegawai yang menjalankan tugas sebagai Ketua atau Penolong Ketua Jabatan ataupun Bahagian yang berstatus memangku dalam jangka masa yang agak lama. Penetapan jawatan atau lantikan seseorang adalah juga bergantung kepada penilaian prestasi, kelamaan memegang jawatan sekarang harus mengikut skim perkhidmatan bagi jawatan berkenaan adalah dimaklumi.

Soalan saya. Adakah pencapaian-pencapaian yang berjaya dicapai oleh jabatan-jabatan di mana pegawai memangku itu bertugas. Belum memadai untuk pegawai itu ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai laluan cepat ataupun *fast track*. Kerana antara faktor kejayaan yang dicapai oleh sesebuah jabatan atau organisasi itu adalah jua dengan adanya ciri-ciri kepimpinan yang baik oleh seorang Ketua Jabatan atau pun Bahagian. Dan juga adanya kewibawaan dan kesungguhan mereka dalam menerajui sesebuah jabatan atau bahagian masing-masing.

Masih berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam

perancangan penggantian pegawai-pegawai, khususnya Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Adakah perancangan penggantian yang dibuat oleh setiap kementerian sentiasa dipantau dan dirujuk oleh Jabatan Perkhidmatan Awam apabila berlaku penamatan jawatan oleh pegawai yang bersara dan ketika cadangan lantikan baru dibuat.

Adakah pengambilan semula pegawai-pegawai yang telah bersara untuk memegang jawatan yang sama, tidak akan memberi impak kepada usaha Kerajaan dalam amalan perbelanjaan kewangan yang berjimat cermat dan berhemah juga untuk memberi laluan kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai yang sedang dan masih berkhidmat. Seterusnya memberi peluang kepada para graduan yang berkelayakan yang masih mencari pekerjaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Terlebih dahulu diucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Atas permintaan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, kaola tidak akan menimbulkan soalan berhubung operasi Pasukan Polis Diraja Brunei. Kaola

hanya ingin merakamkan ucapan syabas kepada Pasukan Polis Diraja Brunei kerana telah dilaporkan berjaya mendapatkan semula sejumlah 1,477 barang dan harta benda yang telah dicuri yang dianggarkan bernilai \$150,000.00 dan berjaya menangkap 8 orang penduduk tempatan yang disyaki terlibat.

Kaola juga ingin menyuarakan kebimbangan berhubung meningkatnya kes-kes rogol dan kes-kes curi termasuk yang melibatkan penggunaan senjata serta kecurian yang melibatkan kerugian kewangan yang besar seperti 30 kes curi dan percubaan mencuri ke atas kabel-kabel telekom seperti yang telah dilaporkan baru-baru ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Kaola ingin menyuarakan isu mengenai Bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong. Kaola difahami bahawa bangunan yang sedia ada tidak dapat memenuhi kerja-kerja pols sepenuhnya disebabkan ruang kerja yang tidak selesa dan sempit. Kaola telah pun menyuarakan dalam Majlis Mesyuarat Negara dalam Tahun 2013/2014, mencadangkan supaya pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan dan penilaian ke atas keadaan suasana ruang kerja yang membolehkan

pegawai-pegawai dari peringkat rendah yang bertugas lebih selesa dan dapat membuat kerja mereka lebih sempurna dan jika keadaan yang ada pada masa ini kurang kondusif untuk melakukan kerja-kerja mereka.

Bangunan yang baru itu nanti, perlu dibangunkan atas tapak yang luas dengan menamakan Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong yang baharu dan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak semasa yang boleh menampung beberapa jabatan dan bahagian-bahagian serta unit-unit dalam pasukan.

Kemudahan-kemudahan yang lain, seperti perumahan pegawai-pegawai dan flat peringkat rendah, dewan serba guna, padang kawat, padang permainan serta padang balapan. Dengan berdirinya bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong yang baharu ini nanti ianya dapat memberi keyakinan kepada masyarakat antara Polis Diraja Brunei yang berwawasan dan berintegriti sehubungan dengan menyahut Wawasan Brunei 2035.

Keperluan bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong yang baharu itu juga, berdasarkan pertumbuhan keramaian penduduk yang masa ini sudah menjangkau 44,000 orang. Adalah dijangka dalam masa 10 tahun akan datang, mencapai kepada 54,000 orang. Dengan mengambil kira pertumbuhan penduduk Daerah Tutong, 2 peratus setahun.

Yang Kedua. Projek Polis Akademi di Daerah Tutong. Kaola telahpun difahami bahawa Projek Polis Akademi telah diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Yang Ke-9, yang mana pembinaan projek ini telah ditangguh hingga sekarang. Harga rancangan peruntukan sudah diluluskan, tapak dan tanah keluasan 100 ekar sudah pun diluluskan terletak di Kampong Telisai, Daerah Tutong.

Reka bentuk bangunan dan master plan telahpun disediakan oleh Arkitek Perunding Alam Reka. Penduduk Daerah Tutong sangat mengalu-alukan serta mengharapkan supaya Projek Polis Akademi dipercepatkan pembinaannya. Kaola juga berharap dengan terbinanya Polis Akademi dapat merancang, mengurus dan memenuhi keperluan-keperluan latihan pegawai-pegawai serta peringkat rendah dengan cara yang sistematik. Di samping itu juga, berusaha untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang positif kepada semua pelajar polis akademi dan dibukakan kepada semua agensi penguat kuasa di negara ini dan luar negara mengikut latihan dan pelajaran akademi ini nanti dan secara tidak langsung menaikkan taraf Pasukan Polis Diraja Brunei di mata *ASEAN*. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. Kaola ingin menyoal dalam Tajuk Pasukan Polis Diraja Brunei juga tetapi kaola bukan menyentuh peruntukannya.

Projek Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah pun berjaya diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kita telah sama-sama menyaksikan aksi-aksi mereka (pelatih-pelatih) dalam perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-31 yang baru lalu. Tidak dinafikan kebolehan pelatih-pelatih ini seakan-akan pasukan yang berpakaian seragam (*uniform*) yang telah lama menjalani latihan baik dari segi kawat mahupun disiplin. Mereka nampaknya bergaya dan berpotensi.

Oleh sebab projek ini merupakan projek Kerajaan dan bertujuan untuk membimbing belia demi kebaikan penghidupan mereka pada masa akan datang, maka tentulah ada matlamat yang akan menjamin kehidupan mereka setelah tamat latihan, walaupun ia tidak menjamin pada peringkat awal (tidak ada perjanjian dengan pihak yang mengendalikannya).

Oleh sebab Kerajaan telah memperuntukkan wang berjuta-juta ringgit bagi mengendalikan latihan tersebut maka melalui Majlis Mesyuarat Negara ini khasnya kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, saya sarankan supaya mengambil sebahagian mereka ini sebagai anggota Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu bagi mereka yang berminat untuk berkhidmat dalam pasukan tersebut. Ini secara tidak langsung membantu pencari-pencari kerja atau

rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sedang mencari kerja dan sekurang-kurangnya mengurangkan bilangan pencar-pencari kerja. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berharap kaola yang akan mengakhiri persoalan mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei ini, *CP (Commissioner of Police)* yang berada di belakang ini mungkin marah sudah mengenainya.

Persoalan yang diajukan oleh orang ramai kepada kaola ini ialah terutamanya perairan di negara kita ini, jika boleh, akan dijaga seketat-ketatnya. Persoalannya ialah laut adalah sebagai tempat sumber perekonomian mereka.

Adakah rancangan pihak berkenaan untuk mengembangkan peranan Bahagian Polis Marin menjadikan satu jabatan yang penuh iaitu tugasnya seharian ialah pengawalan di perairan Brunei sahaja? Kerana mengawal dan memantau perairan negara terutama di kawasan-kawasan zon ekonomi

eksklusif negara. Jadi, adakah langkah-langkah telah dilakukan bagi menangani kes-kes pencerobohan dan penangkapan ikan haram oleh nelayan-nelayan negara luar seperti yang banyak dilaporkan oleh nelayan-nelayan tempatan yang setentunya akan menjejaskan sumber perekonomian negara?.

Satu lagi masalahnya ialah tentang penyeludupan petrol (minyak) berlaku di perairan di negara kita, bukan sahaja dilakukan di darat tetapi ada juga dilakukan di perairan kita di ke empat-empat daerah ini. Jadi kalaulah, Polis Marin ini dijadikan satu jabatan yang penuh maka dapatlah mereka akan mengawal seterusnya siang dan malam untuk menangkap ataupun mengambil tindakan kepada orang-orang yang melakukan apa jua kesalahan jenayah mengikut undang-undang. Terutama sekali tentang penyeludupan petrol yang dilakukan oleh nelayan-nelayan daripada luar negara yang menceroboh masuk ke dalam zon-zon negara kita yang dihaskan untuk nelayan Brunei menangkap ikan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kaola serahkan perkara itu kemudian kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dari Jabatan Perdana Menteri tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, sekiranya perkara tersebut menyentuh mengenai dasar (*operational*) yang mungkin agak sensitif untuk dibincangkan maka

kemungkinannya perkara itu ada baiknya dibincangkan dalam satu *level* lain daripada dalam Majlis Mesyuarat ini. Walau bagaimanapun, kaola serahkan kepada yang berkenaan untuk mempertimbangkannya.

Kita beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA09A dan SA10A.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk SA09A, kaola memaklumkan bahawa Pejabat Penerangan Cawangan Daerah Temburong yang ditempatkan di Bangunan Kerajaan Jabatan Daerah Temburong sejak 27 tahun perlu dinaik taraf. Adakah dalam perancangan dan cadangan pihak jabatan berkenaan bagi Pejabat Penerangan Cawangan Daerah Temburong dinaik taraf untuk mempunyai bangunannya sendiri bagi memberi lebih keselesaan kepada pegawai dan kakitangan dan sesuai dengan fungsinya untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai?.

Perkara yang kedua, Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengisikan kekosongan jawatan khususnya bagi jawatan gunasama di Daerah Temburong. Adalah dipohonkan supaya dapat diberikan keutamaan kepada penduduk Daerah Temburong. Ini akan mengurangkan masalah perumahan dan pengangkutan jika



pekerja itu tinggal di luar Daerah Temburong. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Jumat bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kes jenayah seperti pecah rumah, curi kereta dan harta-benda Kerajaan dan juga pecah *ATM* yang pernah berlaku, semua ini merupakan satu cabaran kepada kita semua terutama sekali penguatkuasa undang-undang. Peningkatan jenayah ini perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berwajib dengan melipatgandakan usaha pada menyediakan peruntukan yang bersesuaian seperti menyediakan *CCTV* di tempat-tempat awam dan tempat-tempat yang strategik. Kaola mencadangkan supaya rondaan-rondaan Pasukan Polis Diraja Brunei akan sentiasa diperkemaskan dan diperhebatkan.

Soalan yang kedua Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pemantauan sempadan di perbatasan perlu ditingkatkan. Kawasan sempadan Kampong Bebuluh umpamanya dan juga Kampung Junjungan serta kawasan lain perlu diberikan perhatian kerana banyak kegiatan-kegiatan negatif berlaku di kawasan tersebut seperti penyeludupan, kegiatan sosial yang tidak sihat yang terdapat di perbatasan

yang kadangkala menarik perhatian orang untuk berada di kawasan tersebut dan ini merupakan perkara yang tidak diamalkan di negara kita.

Jadi cadangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, supaya kawasan di perbatasan itu diperbanyakkan pasukan keselamatan sepertinya Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Keselamatan Dalam Negeri (KDN) dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengemukakan sedikit pandangan sahaja iaitu mengenai dengan Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik. Walaupun jabatan ini merupakan satu jabatan yang tertutup, hanya kaola akan menyebutkan yang merupakan beberapa pandangan sahaja.

Alhamdulillah, seperti mana yang kitani sama-sama maklumi beberapa pekerjaan yang drastik telah dihasilkan oleh kakitangan jabatan ini dalam usaha membentaras penyalahgunaan dadah atau narkotik di negara ini dengan tertangkapnya pesalah-pesalah yang memakannya termasuk juga pembekalnya. Setelah mengenalpasti kawasan tempat-tempat yang digunakan bagi kegiatan menyalahgunakan dadah dan menyebarkan bahan tersebut iaitu

seperti di berek-berek kosong yang terbiar. Oleh itu, kaola berharap supaya usaha sedemikian dapat dipertingkatkan lagi dengan menambah kakitangan yang ada dan memberi latihan yang secukupnya kepada kakitangan yang berkenaan.

Menyentuh dengan bekas residen yang pernah menjalani pemulihan supaya kehidupan mereka ini tidak tersisih daripada masyarakat, mereka ini supaya dapat ditawarkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan dan kebolehan mereka masing-masing. Kerana seperti mana yang kitani ketahui pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, kebanyakan bekas-bekas residen ini tidak bekerja maka akan menimbulkan lagi semula tabiat-tabiati mereka yang telah pernah mereka lakukan sebelum ini.

Akhirnya kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih dan tahniah atas usaha-usaha yang telah dibuat oleh jabatan yang berkenaan ke arah langkah-langkah untuk memberi kesedaran dan bimbingan kepada masyarakat tentang betapa bahayanya penyalahgunaan dadah kepada masyarakat setempat di negara ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan Tajuk Jabatan Perdana Menteri, S01A sehingga SA12A ini, maka saya kira ada baiknya kalau Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Peringkat  
Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya masa sudah tiba untuk kita berehat. Maka saya cadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Selasa, pukul 9.30 pagi. Insyallah.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 19 Jamadilawal 1436H / 10 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir )**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari Keempat, hari Selasa, 19 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 10 Mac 2015, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua maka kita pada pagi ini dapat berkumpul lagi untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu hari keempat.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut

Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada pagi ini saya bercadang untuk memulakan mesyuarat kita di antara 30 ke 40 minit bagi menyambung semula Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis yang mana telah kita tangguhkan tempoh hari bagi membolehkan kita memulakan Usul yang berkenaan. Saya mulakan persidangan pada pagi ini dengan Soalan Yang Diberi Notis. Dalam perkara ini, iaitu Perkara V kita telah pun mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan dijawab oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri.

**Yang Dimulakan Jurutulis I:** Soalan No. 10 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Adalah diakui bahawa Pengusaha Kecil dan Sederhana (*SME*) adalah penyumbang atau penjana kepada ekonomi negara dan perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan imej mereka. Saya ingin bertanya:

1. Sejauh manakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama berusaha bagi meningkatkan imej pengusaha kecil dan sederhana dan adakah pihak kementerian sudah membuat kajian

bagaimanakah cara meningkatkan imej mereka sehingga menjadi usahawan yang berjaya?; dan

2. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk menubuhkan sebuah pusat keusahawanan bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil dalam bidang pemberian modal, kepakaran, nasihat dan bantuan-bantuan lain yang diperlukan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber**

**Utama:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola buat pertama kali berucap di Dewan Majlis yang mulia ini mengambil peluang ini terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin atas pelantikan Yang Berhormat Pehin sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baharu. Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim atas khidmat bakti, tenaga dan

buah fikiran yang telah disumbangkan oleh Yang Berhormat Pehin semasa menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam perkara yang berkaitan dengan meningkatkan imej Pengusaha Kecil dan Sederhana, kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah memperkenalkan beberapa bentuk penganugerahan dan pengiktirafan kepada PKS dengan tujuan asas untuk meningkatkan imej mereka di mata masyarakat, komuniti peniaga-peniaga dan juga pelabur-pelabur.

Pada misalnya, bersempena dengan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, penganugerahan-penganugerahan seperti Anugerah Peladang, Petani, Penternak Berdaya Maju, Anugerah Peladang, Petani, Penternak Inovatif, Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya, Anugerah Penternak dan Nelayan Berdaya Maju dan Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif adalah satu usaha untuk mengangkat imej PKS dalam sektor-sektor tertentu iaitu pertanian, penternak dan perikanan.

Penganugerahan seperti ini adalah sebagai penghargaan ke atas pencapaian cemerlang mereka dalam menyumbang kepada perkembangan sektor-sektor berkenaan dan juga perkembangan sosioekonomi negara. Selain itu, pencapaian pengusaha-pengusaha dalam mendapatkan persijilan seperti *Good Agricultural Practice (GAP)* dan persijilan *Hazard Analysis And Critical Control Point*

(*HACCP*) dalam perusahaan yang diceburi juga dilihat sebagai bukan sahaja perakuan tentang amalan terbaik dalam perusahaan yang dijalankan bahkan menjadi landasan untuk mengangkat imej PKS di negara ini.

Bagi mengukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan imej PKS di negara ini, satu perkara asas yang dilihat penting pada ketika ini ialah untuk membangunkan pangkalan data PKS ataupun *SME database*. Dengan adanya *SME database* ini, data dan maklumat ke semua PKS yang ada di negara ini akan dapat dikumpulkan dan disusun secara teratur, komprehensif, terkini, telus dan dapat diakses.

Dengan cara sedemikian data dan maklumat PKS dalam aspek-aspek seperti profil syarikat, jenis perniagaan dan perusahaan, aset, keramaian pekerja, skala perusahaan, pelaburan, pendapatan, eksport, pinjaman dan lain-lain maklumat adalah tersimpan dan terkumpul di dalam pangkalan data PKS.

Untuk itu data dan maklumat tersebut akan dapat digunakan serta menjadi antara parameter sebagai sukat-sukat pihak tertentu dalam menilai pencapaian kecemerlangan, kedayasaingan, kedayatahanan, kualiti dan kompetensi PKS yang akan layak dicalonkan untuk pengiktirafan dan penganugerahan.

Justeru itu, di pihak agensi-agensi berkepentingan dalam mengumpul dan menyusun data maklumat PKS kerjasama dan penyelarasan padu adalah sangat penting. Sementara di



pihak PKS kerjasama dalam membekalkan maklumat-maklumat perusahaan mereka sama juga pentingnya.

Bagi soalan No. 2 ini, saya akan menjawab bersama dengan soalan mengenai penubuhan badan atau pusat untuk menangani PKS yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, yang berkisar tentang badan khas PKS. Itu saja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 11 juga daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan kaola, *Ease of Doing Business* dengan kemudahan menjalankan bisnes ataupun perniagaan. Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 November 2014 yang lalu, mengenai penurunan indeks *Ease of Doing Business*, mengikut penilaian baru-baru ini yang dibuat oleh Bank Dunia, kedudukan negara didapati jatuh dari tangga 98 pada tahun 2013 kepada 101 pada tahun 2014.

Kaola ingin bertanya:

1. Apakah yang menyebabkan penurunan ini berlaku?; dan

2. Adakah pelabur luar negeri tidak berminat untuk melabur di negara ini disebabkan syarat-syarat yang ketat, sebagai misalan dimestikan mengambil pekerja tempatan ataupun proses untuk mendapatkan kebenaran terlalu lambat?

Sekian, itu saja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat

Yang Di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai pertanyaan *Ease of Doing Business*. Menyentuh soalan tentang penurunan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam indeks *Ease of Doing Business* dari tangga 98 pada tahun 2013 kepada 101 pada tahun 2014, ianya disebabkan oleh beberapa perkara.

Pertama, perubahan beberapa tatacara dan metodologi perkiraan. Tatacara perkiraan yang baharu telah diperkenalkan iaitu daripada sistem ordinal ataupun sistem susunan ataupun urutan kepada sistem *cardinal matrix* yang perkiraannya adalah berdasarkan jauhnya dari pengamal-pengamal yang terbaik yang dikenali sebagai *Distance to Frontier* ataupun *DTF*. Melalui tatacara baharu ini akan nampak jurang ataupun *gap* sesebuah ekonomi dengan *Best Performer* ataupun *Best Practices*.

Dalam Laporan *Ease of Doing Business* 2015, walaupun Negara Brunei

Darussalam berada dalam kedudukan 101, dari segi *score* atau pemarkahan *DTF*, ianya menunjukkan peningkatan daripada 54.25 peratus pada tahun 2007 kepada 61.26 peratus pada tahun 2014. Dalam erti kata lain, persekitaran dan perundangan bisnes di negara ini bertambah baik dari setahun ke setahun.

Bagaimanapun, proses penambahbaikan persekitaran dan perundangan bisnes di negara ini, masih perlahan berbanding dengan ekonomi ataupun negara lain. Justeru itu, adalah penting bagi negara ini untuk melaksanakan reformasi yang meluas dengan memasukkan asas-asas kemodenan dan piawai antarabangsa ke dalam perundangan dan tatacara mentadbir dan mengurus bisnes.

Kedua ialah, perubahan skop dan metodologi yang lebih memfokus kepada kecekapan dan kualiti infrastruktur undang-undang dan peraturan-peraturan dalam sesebuah ekonomi termasuklah kecekapan pelaksanaan proses dan prosedur.

Justeru itu, adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam dalam mula menilai kualiti peraturan-peraturan dalam skop-skop dalam *Ease of Doing Business* iaitu:

- i. *Dealing with constructions permits;*
- ii. *Getting Electricity;*
- iii. *Registering Property;*
- iv. *Getting Credit;*
- v. *Protecting Minority Investors*
- vi. *Paying Taxes*

- vii. *Enforcing Contracts;* dan
- viii. *Resolving Insolvency.*

Dalam kaitan ini, kita seterusnya menjelaskan bahawa metodologi dan petunjuk dalam *Ease of Doing Business* dikaji oleh Bank Dunia ini akan diubah dari semasa ke semasa mengikut perkembangan dan pemodenan dalam tatacara proses dan prosedur dalam pengurusan bisnes. Kita perlu mengambil iktibar dalam pembaharuan-pembaharuan ini, dan untuk itu, kita perlu sentiasa berada beberapa langkah ke hadapan bagi mempersiapkan diri kepada perubahan-perubahan penilaian kajian *Ease of Doing Business*.

Kita juga perlu sentiasa peka dalam persekitaran luaran dengan membuat pemantauan, analisis dan *scanning* terutama dalam *emerging trends* yang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi lain untuk memperbaiki *Ease of Doing Business* masing-masing. Kita juga perlu mengubah dan menanamkan mentaliti bahawa budaya kerja *doing business as usual* tidak lagi relevan dalam keadaan dunia yang semakin kompetitif pada masa ini. Dan akhirnya kebersaingan adalah kelebihan yang paling kritikal yang perlu kita jana bagi memastikan ekonomi yang berdaya saing terutama dalam usaha untuk meningkatkan aliran pelaburan langsung asing ke negara ini.

Seterusnya soalan pelabur luar negeri tidak berminat untuk melabur di negara ini disebabkan oleh syarat-syarat yang ketat dan proses untuk mendapatkan terlalu lambat, saya rasa ada juga

kebenarannya. Dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* melalui Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* atas kerjasama rapat dan intensif dengan agensi-agensi berkepentingan dalam kerajaan (*champion group*) dan juga sokongan padu dari Jawatankuasa Pandu PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri, beberapa usaha sedang dilaksanakan.

Pertama, untuk membuat *intersion* atau interversi yang kritikal terhadap perundangan prosedur dan proses-proses bagi membantu mendorong dalam pelaksanaan reformasi-reformasi untuk memperbaiki indeks *Ease of Doing Business* dan seterusnya iklim pelaburan sebagai contoh ialah pindaan undang-undang yang dilaksanakan baru-baru ini; dan

Kedua, memberigakan reformasi-reformasi yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan daripada *stakeholders* dan orang ramai daripada komuniti di negara ini melalui kempen *Reformed Socialization*. Ini bertujuan untuk memastikan orang ramai mengetahui pengetahuan negara dalam perundangan, prosedur dan proses bisnes yang baharu diguna pakai oleh agensi kerajaan.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Soalan No. 12 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat

Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tajuk yang akan saya persoalkan ialah kawasan-kawasan penanaman padi.

Pada tahun 1970-an, kerajaan telah melantik Konsultan *Hunting Technical Survey* bagi mengkaji kesesuaian tanah di Negara Brunei Darussalam untuk bertanam padi. Daripada hasil kaji selidik tersebut, beberapa kawasan telah didapati sesuai untuk bertanam padi di keempat-empat daerah. Sebagai misalan, di Daerah Tutong yang antaranya, di Kampong Luagan Dudok, Sinaut, Lamunin, Birau, Layong, Bukit Sulang, Rambai, Kuala Ungar, Pancong, Benutan, Mapol dan Bedawan, yang dianggarkan luasannya kira-kira 20,000 ekar. Sebahagian daripada kawasan ini, iaitu kurang lebih 300 ekar, sudah diusahakan sejak tahun 1972 dengan diberi bantuan pam air yang diambil dari Sungai Layong, tetapi projek ini terpaksa dihentikan disebabkan kerajaan telah membuat empangan dan pam air bagi keperluan Daerah Tutong dan Daerah Brunei Muara, yang kebetulan empangan ini dibuat di laut Kuala Sungai Layong.

Antara sebab projek penanaman padi di Kampong Rambai dan Pancong ini terpaksa dihentikan dan tidak dapat diperluaskan kerana kekurangan air, dan dikhuatiri kesan penggunaan racun kimia untuk tanaman padi akan mendatangkan kesan pada air yang

dipam bagi kegunaan penduduk-penduduk Daerah Tutong dan Daerah Brunei Muara tersebut.

Saya ingin tahu, bolehkah kementerian yang berkenaan membuat perancangan dan mengkaji supaya kawasan yang luas ini dapat digunakan bagi penanaman padi dengan sebaik-baiknya untuk menampung 60 peratus pada keperluan sara diri ketahanan makanan (*food security*) di negara ini? Sekian.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:**

Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Konsultan *Hunting Technical Survey*, telah menyediakan laporan akhir pada Februari 1969 dan mengenal pasti kawasan yang boleh digunakan untuk aktiviti pertanian seperti tanaman padi. Hasil kajian konsultan tersebut hanya menyebut kawasan di Jalan Kampong Lamunin sesuai untuk bertanam padi iaitu seluas 15,400 hektar dan diklasifikasikan sebagai kelas IV iaitu klasifikasi kesesuaian tanah ini seperti yang telah dibuat kajian mengikut '*classification of land use*'. Tanah dalam kelas IV boleh digunakan untuk bercucuk tanam secara marginal atau tipis ataupun kecil sahaja.

Manakala, *classification 'W'* dalam *classification* awal tadi pula menandakan kawasan ini mudah mengalami banjir yang berpanjangan dan paras muka air yang tinggi dalam tanah (*water table*) yang tinggi. Bagi memajukan kawasan

dalam kelas ini, perlu dilengkapi dengan perlindungan banjir atau pun *flood protection* untuk mengatasi kawasan yang mudah dibanjiri pada musim hujan bagi mengurangkan kerugian kepada kerajaan dan para peladang yang memajukan kawasan tersebut.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, projek penanaman padi Kampong Rambai dan Kampong Pancong terpaksa diberhentikan disebabkan kawasan tersebut termasuk dalam kawasan tadahan Sungai Tutong yang menjadi sumber air domestik bagi penduduk di Daerah Tutong dan juga seluruh negara. Jika kawasan ini diusahakan dengan tanaman padi secara komersial, dikhuatiri penggunaan baja dan racun kimia yang berlebihan dan berpanjangan akan membawa kesan pencemaran kepada Sungai Tutong tersebut. Ini mendatangkan kemudaratan pada kesihatan penduduk dalam jangka masa panjang. Kawasan di atas juga termasuk dataran banjir ataupun *flood plain* yang mudah banjir di musim hujan yang boleh menjejaskan hasil padi dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan para peladang yang memajukan kawasan tersebut.

Bagi mendukung usaha kerajaan untuk mencapai 60 peratus keperluan sara diri, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengkaji semula kesesuaian beberapa kawasan. Ini termasuklah beberapa kawasan di Daerah Tutong seperti mukim-mukim Keriam, Kiudang, Tanjong Maya dan Kampong Rambai. Setelah penilaian kawasan dan kajian tanah dibuat, didapati pembangunan

kawasan padi secara komersial di kawasan-kawasan tersebut adalah terhad disebabkan beberapa faktor termasuklah jenis tanah gambut ataupun *peat swamp* yang tidak sesuai bagi penggunaan peralatan mesin. Masalah tanah masam dan masin ataupun *acid sulfate soil* yang melampau dan masalah kekurangan air bagi sumber pengairan bagi penanaman padi secara komersial.

Tanah yang sangat sesuai bagi penanaman padi secara komersial ialah tanah liat (*clayey soil*) kerana tanah tersebut tidak banyak terdapat di Daerah Tutong. Buat masa ini, kawasan-kawasan yang diusahakan untuk tanaman padi di Daerah Tutong adalah seluas 146 hektar dan akan ditambah sebanyak 306 hektar di kawasan Mukim Kiudang. Walau bagaimanapun, kawasan ini belum dapat diusahakan secara komersial disebabkan masalah kekurangan air. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuka tawaran satu *feasibility study* untuk mencari sumber air dan teknik pengairan kawasan Lubuk Gusi, Mukim Kiudang, Daerah Tutong. Hasil kajian ini nanti boleh digunakan untuk merancang dan memperbaiki sistem pengairan dan seterusnya memajukan kawasan tersebut bagi bertanam padi secara komersial termasuk penanaman *variety* padi penghasilan tinggi ataupun *higher yielding variety*.

Jenis tidak peka foto kala atau *non-photo sensitive* yang berpandukan pada cahaya matahari dan boleh ditanam dua kali setahun ataupun *double cropping*.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah membuat penyediaan untuk *feasibility study* bagi kawasan-kawasan baharu bagi mengenal pasti kesesuaian tanah, sumber air dan sistem pengairan termasuklah penilaian kesan alam sekitar ataupun *environmental impact assesment* bagi kawasan tanaman padi di seluruh negara bagi meningkatkan hasil padi untuk mencapai 60 peratus sara diri penghasilan beras tempatan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Soalan No. 13 juga daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertanyaan saya kali ini ialah tanaman pokok rumbia. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada Majlis Mesyuarat Negara Kesepuluh yang telah bersidang pada bulan Mac 2014 Masihi, saya telah dimaklumkan bahawa tanaman pokok rumbia semakin berkurangan dan jika tidak ada usaha-usaha yang berkesan ada kemungkinan ia akan pupus, walhal pasaran sagu telah pun mendapat sambutan yang baik dan sudah menembusi restoran-restoran yang ternama dan hotel-hotel antarabangsa di negara ini.

Untuk mengelakkan kepupusan pokok rumbia ini, satu langkah drastik patut dibuat. Sebagai misalan, bagi tanah yang gerannya bersyarat pokok rumbia hendaklah ditanam semula dengan diberi bantuan seperti projek

penanaman pokok getah pada tahun 1955.

Diberi kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit dan tali air. Pokok-pokok tua yang telah mendatangkan hasil di tanah-tanah kerajaan ditanam semula dengan pokok rumbia, dipelihara dan diawasi oleh jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun diagih-agihkan kepada peladang-peladang yang berdaftar bagi penjagaannya. Soalan saya:

1. Apakah langkah-langkah pihak yang berwajib untuk mengatasi kepupusan pokok-pokok rumbia di negara ini?; dan
2. Adakah pihak yang berwajib bercadang untuk mengadakan skim penanaman semula atau membuka ladang-ladang baharu bagi penanaman pokok rumbia terutama sekali di kawasan-kawasan yang sesuai seperti Kampong Panapar, Kampong Sungai Damit Pamadang, Kampong Ukong, Kampong Layong dan Kampong Bang Pagan supaya pengeluaran hasilnya berterusan pada masa yang akan datang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Bagi soalan No. 1, saya akan menerangkan sedikit sebanyak tentang penanaman pokok

rumbia. Tanaman rumbia atau pokok sagu merupakan jenis tanaman hutan hujan atau *tropical rainforest* dan ia mudah tumbuh dalam keadaan dan iklim negara ini. Tanaman ini juga terdapat di negara-negara jiran seperti Sarawak, Indonesia dan Papua New Guinea.

Tempoh kematangan tanaman ini bergantung pada kesuburan dan kesesuaian tanah dan secara purata pokok rumbia ini boleh dituai atau ditebang untuk penghasilan tepung sagu apabila menjangkau umur 12 ke 13 tahun ataupun lebih. Pokok rumbia sesuai ditanam di tanah yang mengandungi bahan galian yang tinggi ataupun mineral dengan paras air muka yang tinggi serta tanaman ini memerlukan banyak air untuk tumbuh besar.

Di negara kita, tanaman ini banyak didapati tumbuh terbiar di kawasan rendah dan tebing-tebing sungai, di kampung-kampung dan pedalaman serta mengeluarkan sulur atau tunas dan buah atau biji sagu. Kedua-dua bahan ini telah digunakan sebagai sumber benih untuk penanaman di ladang.

Di negara kita ini hasil proses tempatan dari tanaman rumbia pada tahun 2014 Masihi mencapai 27.2 tan metrik yang bernilai kira-kira \$60,044.00. Hasil ini dinilai dan masih lagi pada tahap yang minimum dan menurun, memandangkan setakat ini pengusaha yang terlibat dalam perusahaan ini juga tidak banyak berbanding dengan perusahaan dari

sektor tanaman yang lain. Salah satu punca kepada tahap penghasilan rendah ini ialah disebabkan oleh jangka masa penuaian yang terlalu lama dan sistem penebangan atau penuaian yang tidak bersistem dan tidak lestari.

Negara Brunei Darussalam pada masa ini tidak memiliki kapasiti dan kemampuan yang mencukupi untuk membangunkan perladangan tanaman rumbia secara komersial. Ladang tanaman rumbia memerlukan kawasan yang luas dan memerlukan kepakaran dalam biologi rumbia.

Walau bagaimanapun, pembangunan produk sagu yang ditambah nilai ataupun *divalue added*, adalah digalakkan dengan erti kata lain bahan sagu boleh didatangkan ataupun diimport dari luar negara dan diproses di negara ini sebagai produk hiliran ataupun *downstream product*. Perusahaan pemrosesan rumbia ini adalah digalakkan sebagai salah satu daripada produk agrimakanan.

Sebagai langkah awal, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan merancang untuk membuat kerjasama dengan negara jiran dalam beberapa bidang tertentu yang difikirkan bersesuaian. Ini termasuklah dalam bidang perkongsian maklumat, teknologi, penyelidikan dan pembangunan mengenai tanaman rumbia ini. Melalui kerjasama ini kita berharap akan dapat mempelajari tentang teknologi penanaman serta kaedah penuaian yang terkawal dan sistematik yang boleh diterapkan

kepada pengusaha tanaman rumbia di negara ini.

Beberapa pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuat lawatan ke Negeri Sarawak bagi meninjau perkembangan industri tanaman rumbia serta sebagai memulakan penerokaan pembangunan produk rumbia secara komersial.

Bagi soalan No. 2, dalam perkara ini berdasarkan penjelasan di atas tentang tahap pengeluaran dan cabaran-cabaran penanamannya, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan setakat ini tidak ada skim khas atau skim khusus yang berkaitan untuk diberikan kepada penanam-penanam pokok rumbia untuk membuka ladang-ladang baharu ataupun penanaman semula. Walau bagaimanapun, bagi penanaman yang ada pada masa ini tidaklah dilarang. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Soalan No. 14 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

Berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baharu Masihi 2015, menitahkan seperti berikut:

“Mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi pula sebagai usaha berterusan untuk memperkasa Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS), kerajaan, melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, sedang giat merancang satu badan khas bagi membantu usahawan-usahawan tempatan kita. Badan ini akan berperanan membina kapasiti Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana supaya usahawan-usahawan tempatan boleh berkembang dan bersaing dalam pasaran, di dalam mahupun di luar negara”.

Begitu juga ada kaitan dengan soalan saya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 16 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 18 Mac 2014 Masihi mengenai isu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Negara Brunei Darussalam.

Soalan saya, apakah persediaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mencapai usaha memperkasakan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana dari aspek sumber tenaga manusia yang berkepakaran dan kolaborasi dengan agensi-agensi awam dan swasta di negara ini? Adakah badan yang dirancang tersebut suatu masa nanti akan menjadi satu badan peringkat kebangsaan yang boleh berdiri sendiri? Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang

Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Bagi soalan No. 1 iaitu tentang persediaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mencapai usaha memperkasakan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana dari aspek sumber tenaga manusia yang berkepakaran dan berkolaborasi dengan agensi-agensi awam dan swasta di negara ini dan soalan No. 2 iaitu rancangan mengadakan satu badan, izinkan saya untuk menjawabnya secara menyeluruh.

Memperkasakan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana di negara ini sangat berkaitan langsung dengan agenda kepelbagaian ekonomi. Oleh yang demikian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat dalam pembentukan satu badan khas bagi membantu usahawan tempatan ini. Ini termasuklah melibatkan sama *stakeholders* yang berkepentingan iaitu agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan bagi memikirkan bersama corak Badan Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana yang akan dibentuk nanti dari segi aspek yang berikut:

1. Penyelarasan dengan agensi-agensi berkepentingan dalam pembangunan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana;
2. Menyesuaikan keseragaman peranan, fungsi dan tanggungjawab badan ini;



3. Struktur dan sumber-sumber yang diperlukan sebagai jentera pentadbiran badan; dan
4. Penyelarasan program-program pembangunan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana.

Pada masa ini satu draf perundangan bagi penubuhannya sedang disediakan melalui perundangan tersebut. Badan khas ini akan diberi kuasa-kuasa tertentu dari segi undang-undang, kewangan dan pengambilan kakitangan sendiri.

Perintah penubuhan Badan Kebangsaan akan memberikan kuasa kepada badan khas ini untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*) dan juga pegawai-pegawai kakitangan yang berkelayakan, berpengalaman, berkeupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan langsung dengan pembangunan perusahaan mikro kecil dan sederhana. Perintah penubuhan Badan Kebangsaan juga memberikan kuasa kepada badan khas ini untuk membuat usaha sama ataupun perjanjian dengan institusi dan organisasi sama ada tempatan ataupun antarabangsa bagi maksud menggalakkan, memudahkan dan membangunkan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana di negara ini.

Itu saja yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai soalan yang telah ditimbulkan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 15 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Dalam Pelan Induk Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, tumpuan penuh telah ditekankan kepada aset semula jadi, kesenian dan kebudayaan. Sasaran pertambahan pelancongan melawat Negara Brunei Darussalam pada tahun 2014 Masihi ialah sebanyak 8 peratus. Saya ingin mengetahui:

1. Adakah sasaran tersebut telah tercapai?
2. Berapa peratuskah sasaran yang akan dijangka pada tahun 2015 ini?; dan
3. Apakah sasaran dan usaha pihak Jabatan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi memenuhi sasaran tersebut?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee

bin Ahmad. Bagi menjawab soalan No. 1 dan No. 2 apakah sasaran tersebut telah tercapai dan sasaran bagi tahun 2015. Mengikut perangkaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam tiga tahun kebelakangan ini, bilangan pelancong yang datang ke negara ini telah mencapai lebih daripada 3 juta orang setiap tahun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun lepas, lebih 3.8 juta orang pelancong dicatatkan. Dari jumlah tersebut 95 peratus adalah pelancong-pelancong yang masuk melalui sempadan, 4 peratus melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan 1 peratus melalui kapal persiaran. Jumlah pelancong yang diikutkan adalah melebihi bilangan yang disasarkan iaitu seramai 3.5 juta orang.

Bagi tahun 2015 Jabatan Kemajuan Pelancongan menasaskan pertumbuhan sebanyak 3 peratus kedatangan melalui udara, 8 peratus melalui perjalanan darat dan 10 peratus bagi kapal persiaran. Sebagai maklumat tambahan sebelum menjawab soalan No. 3, pelancong-pelancong yang telah dicatatkan ini, bentuk dan ciri pelancong-pelancong itu adalah seperti yang berikut:

1. Bagi Pelancong yang masuk melalui sempadan. Kemasukan mereka bertujuan sama ada dikategorikan sebagai *U-turn* ertinya membaharui visa pekerjaan, mencari pekerjaan ataupun melawat keluarga serta sahabat (*visiting friends and relatives-VFR*).

2. Bagi pelancong yang tiba melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Terdiri daripada pelancong sama ada untuk bercuti, berniaga, melawat keluarga serta sahabat (*visiting friends and relatives-VFR*) dan persinggahan (*transit*).
3. Bagi pelancong yang datang melalui kapal persiaran kebiasaannya hanya akan berada di negara ini tidak melebihi 1 hari. Pada kebiasaannya jadual kapal yang singgah di negara ini adalah pada awal tahun dan akhir tahun sahaja.

Bagi soalan No. 3, izinkan saya mengaitkan dengan fokus Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usaha untuk membangunkan industri pelancongan di negara ini:

1. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin memposisikan dan menjenamakan Negara Brunei Darussalam kepada para pelancong sebagai sebuah negara yang berprestij, bersih dan sentiasa memelihara alam sekitar, alam semula jadi bagi mengimbangi kepesatan pembangunan negara.
2. Menasaskan segmen pasaran pelancong-pelancong yang mencari ketenteraman, ketenangan dan gaya hidup sihat dari segmen para pesara, warga emas berkeluarga, pencinta alam, pencinta warisan budaya dan sejarah.

3. Memfokuskan kepada beberapa *cluster* industri pelancongan yang strategik serta mempunyai kelebihan berbanding ataupun *comparative advantage* serta faktor kekuatan bagi Negara Brunei Darussalam. *Cluster* tersebut ialah Alam Semulajadi (*Nature*) dan Islam Budaya dan Warisan (*Islamic Culture and Heritage*). Dari aspek strategi dan program untuk memajukan industri ini dalam tempoh terdekat dan sederhana, penekanan adalah ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menaikkan produk-produk pelancongan yang sedia ada.

Meningkatkan khidmat pelancongan dan membangunkan produk-produk pelancongan. Dalam jangka masa panjang adalah ditumpukan kepada usaha-usaha untuk memaksimumkan potensi Negara Brunei Darussalam melalui Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) yang akan melibatkan *strategic alliance* dengan agensi-agensi lain untuk menarik pelabur-pelabur berkualiti dari syarikat-syarikat *multinational* bagi sama-sama memajukan industri pelancongan di negara ini. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita telah pun mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah dijawab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Maka dengan itu, saya berpendapat adalah

lebih baiknya kita tangguhkan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis ini dan kita sekarang berpindah semula kepada Susunan Kerja seterusnya.

Pada persidangan yang telah diadakan petang semalam, persidangan telah mendengar kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan Rang Undang-Undang yang bergelar, "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015 / 2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**", dan mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pada petang semalam telah membincangkan tajuk-tajuk di Bawah Jabatan Perdana Menteri, maka bagi membolehkan Jawatankuasa ini bersidang semula saya sekarang tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan (2015 / 2016), satu persatu sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Pada mesyuarat kita yang telah diadakan sebagai Jawatankuasa pada petang semalam, kita masih lagi membincangkan Tajuk SA014 – Jabatan Perdana Menteri sehingga Tajuk SA012A Polis Diraja Brunei. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengajukan beberapa soalan terhadap tajuk-tajuk yang berkenaan itu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan itu. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola akan menjawab 6 soalan yang dipertanggungjawabkan kepada kaola yang dikemukakan oleh 4 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking dan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang menyentuh beberapa isu seperti tulisan Jawi, Kenaikan Pangkat Laluan Laju, Rancangan Penggantian Pengambilan Semula Setelah Bersara, Isu Pecen Bulanan dan Elaun Sara Hidup dan juga Jawatan Gunasama yang kaola lebih dahulu mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Mula-mula kaola akan menjawab mengenai dengan cadangan tulisan Jawi. Sejauh ini banyak sudah usaha kerajaan yang telah disediakan bagi kefahaman dan kebolehan menulis Jawi melalui pendidikan khususnya dalam kurikulum di sekolah-sekolah yang tulisan Jawi diajarkan bermula dari peringkat sekolah rendah. Dewan Bahasa dan Pustaka secara berterusan juga ada menyediakan langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan tulisan Jawi yang bersesuaian di semua peringkat masyarakat termasuk melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Sementara itu, Jabatan Penerangan mempunyai satu ruang khas dalam akhbar *Pelita Brunei* yang memuatkan rencana dalam tulisan Jawi. Dari aspek perkhidmatan awam tulisan Jawi digunakan dalam *letter head* dan persuratan rasmi tertentu kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menganjurkan Bengkel Seni Khat Jawi bagi pegawai-pegawai kerajaan.

Setentunya usaha-usaha akan terus dilaksanakan di pihak kerajaan untuk memperkasa tulisan-tulisan jawi dan mengenai penggunaan tulisan Jawi secara menyeluruh setiap persuratan rasmi cadangan tersebut insya-Allah akan diteliti kesesuaiannya dari segi *practicality* dan sebagainya.

Kaola beralih mengenai isu Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat

Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Sebenarnya Kenaikan Pangkat Lualan Laju adalah satu kaedah bagi membolehkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam Bahagian II dan ke atas yang dikategorikan sebagai *high flyer* yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih tinggi secara lebih cepat dari tempoh biasa dalam peraturan biasa.

KPLL ini adalah diasaskan pada memenuhi beberapa kriteria khas yang menunjukkan antara lain pegawai berkenaan telah cukup terdedah kepada pengalaman yang diperlukan yang mempunyai dan menunjukkan kapasiti untuk membuat keputusan yang berwibawa, mempunyai dan menunjukkan kebolehan dan kompetensi yang berkaitan, yang diperlukan oleh tugas dan mendapat pengiktirafan mengenai kejayaan dalam kerjanya.

Sememangnya mengikut kaedah KPLL ini seorang pegawai yang memangku jawatan dan terbukti memenuhi kriteria-kriteria kaedah ini, boleh dinaikkan pangkat dengan menetakannya dalam jawatan yang dipangkunya sungguhpun tempoh ia memangku kurang dari tempoh biasa. Oleh sebab kaedah ini baru diperkenalkan pada bulan Ogos 2012 permanfaatannya untuk berkesan memerlukan sedikit masa waktu dan pemantauan yang rapi. Setakat ini terdapat kumpulan pegawai yang dikenal pasti menunjukkan potensi sebagai *high flyer* untuk didedahkan pada program kemajuan di bawah kaedah ini. Jabatan Perkhidmatan Awam

(JPA) akan memastikan perjalanan program kemajuan ini berjalan seperti yang dihasratkan untuk mencapai sasaran kaedah ini.

Mengenai rancangan penggantian, sememangnya rancangan penggantian yang bertujuan untuk menyediakan pegawai-pegawai pelapis yang kompeten untuk menjawat jawatan penting dalam perkhidmatan awam adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam. Tanggungjawab ini untuk memastikan setiap kementerian mempunyai perancangan penggantian mereka masing-masing.

Ke arah itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun mengeluarkan buku Garis Panduan dan mengadakan jerayawara mengenai rancangan penggantian. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) giat mengadakan bengkel rancangan penggantian untuk pegawai-pegawai dari setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Sumber Tenaga Manusia termasuk rancangan penggantian.

Jabatan Perkhidmatan Awam secara berterusan insya-Allah akan memantau kemajuan setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam menyediakan rancangan berkenaan dan perjalanannya untuk menepati sasaran.

Kaola sekarang ingin menjawab soalan yang dibukakan mengenai pengambilan semula setelah bersara juga dan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin

Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Bilangan pegawai yang sudah bersara yang diambil berkhidmat semula sebenarnya tidaklah begitu ramai.

Pengambilan selepas bersara ini dibuat mengikut kriteria-kriteria tertentu. Antaranya keperluan bidang yang belum dapat dipenuhi sepenuhnya pada misalnya memandangkan bilangan terhad guru-guru dalam mata pelajaran Inggeris, latihan jasmani, lukisan dan tukang kayu yang sebahagian daripada guru-guru ini telah bersara dan diambil semula berasaskan kemahuan mereka dan prestasi yang melayakkan mereka.

Ini adalah semata-mata untuk tidak menjejaskan pembelajaran akibat tidak mempunyai guru. Kriteria seterusnya ialah untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pakar ataupun pengurusan yang diperlukan oleh sesebuah organisasi untuk kemantapan perjalanannya sementara untuk mendapatkan calon penggantian. Dalam mempertimbangkan pengambilan semula pegawai selepas bersara JPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam membuat penelitian mengikut sokongan berkenaan antara lainya untuk memastikan soalan-soalan yang sebenar tidak terdapat pegawai-pegawai yang sudah layak untuk diberikan tanggungjawab dan menentukan tempoh bersesuaian untuk tidak menjejaskan kenaikan pangkat pegawai yang sudah layak. Untuk itu JPA dan SPA mengasaskan pertimbangan mereka kepada kedudukan rancangan penggantian yang dihadapi oleh pihak yang membuat sokongan.

Mengenai isu pencen bulanan dan Elaun Sara Hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Memang sebelum ini terdapat beberapa jawatan dalam perkhidmatan kerajaan bukan jawatan berpencen.

Ini berdasarkan peraturan-peraturan yang berjalan pada ketika itu, yang mana adalah juga sama seperti kebanyakan mereka bekerja di sektor swasta yang tidak dihulurkan sebarang manfaat pencen. Antara lantikan dalam perkhidmatan awam yang bukan jawatan berpencen termasuklah pegawai kakitangan wanita yang berkahwin yang akan ditukar jawatan mereka dari jawatan tetap kepada *month to month* apabila mereka berkahwin, jawatan bergaji hari dan jawatan '*open vote*'.

Walau bagaimanapun, mereka ini ada dihulurkan faedah persaraan dalam bentuk bayaran baksis atau bagi pegawai perempuan yang berkahwin akan dihulurkan bayaran baksis apabila lantikan mereka ditukar dari jawatan tetap iaitu mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Kemudahan-kemudahan ini merupakan satu pakej yang telah ditetapkan dan dimaklumi oleh pegawai-pegawai berkenaan semasa memohon jawatan-jawatan tersebut. Mulai 13 Disember 2008, lantikan perkhidmatan pegawai dan kakitangan perempuan yang berkahwin dalam Bahagian V ke atas telah pun ditiadakan dan ditukar kepada Jawatan Tetap.

Sehingga pertengahan bulan Januari 2015, seramai 10,273 orang pegawai dan kakitangan wanita dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan telah pun ditukar ke perkhidmatan tetap. Perubahan ini dengan sendirinya telah memberikan kemudahan tambahan kepada pegawai-pegawai berkenaan, antara lain termasuklah mendapatkan Elaun Cuti Tambang bagi dirinya, suami dan 4 orang anak di bawah 18 tahun.

Mengenai pemberian Elaun Sara Hidup dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan mereka yang berpencen, peraturan yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 12/1998, menetapkan bahawa Elaun Sara Hidup akan dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, kecuali pegawai yang menerima gaji pokok melebihi \$6,800.00 sebulan. Penerima-penerima pencen perkhidmatan juga dihulurkan bayaran Elaun Sara Hidup mengikut kadar-kadar yang ditetapkan berdasarkan jumlah pencen bulanan yang diterima mereka.

Dalam hubungan ini, bagi pegawai-pegawai yang diambil berkhidmat semula setelah bersara merupakan sebahagian daripada faedah yang ditetapkan untuk mereka terima selain dari gaji pokok bulanan menurut peraturan yang berjalan pada masa ini, dan setentunya adalah tidak sesuai untuk membezakan pembayaran dan kemudahan yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab

yang sama, hanya disebabkan mereka telah berpencen.

Yang terakhir, iaitu mengenai cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, untuk memberikan keutamaan kepada penduduk Daerah Temburong untuk mengisikan jawatan guna sama yang kosong di daerah tersebut.

Untuk makluman jua, sebarang jawatan kosong untuk diisikan akan diiklankan mengikut peraturan-peraturan tertentu. Pemohon-pemohon yang memenuhi syarat kelayakan tidak kira daerah mana mereka bermastautin, boleh menghadapkan permohonannya.

Salah satu syarat setiap permohonan mendapatkan pekerjaan ialah setiap pemohon membuat pengakuan untuk bersedia ditempatkan di mana-mana daerah yang memerlukannya. Ini untuk memastikan peluang terbuka luas kepada pemohon di semua daerah, asalkan ia layak.

Berdasarkan Peraturan Am ini, dari segi penempatan pekerja Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab untuk menilai kedudukan pemohon yang berjaya yang tertakluk kepada bilangan jawatan di daerah tertentu dalam mengutamakan penempatan pemohon di mana ia bermastautin selagi tidak menjejaskan kepentingan pemohon-pemohon lain.

Jadi, itulah yang dapat kaola kongsi sebagai menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

semalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Minister of Energy):**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola, ingin menjawab yang selebihnya daripada 9 orang Ahli Yang Berhormat. Soalan-soalan ini berkaitan dengan Jabatan Penerangan dulu diikuti oleh Biro Kawalan Narkotik dan akhirnya Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kaola terlebih dahulu ingin menyentuh mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit wakil dari Daerah Tutong mengenai cadangan bagi Jabatan Penerangan menganjurkan semula sesi per muzakarah bersama para penghulu dan ketua kampung seperti mana yang pernah dilaksanakan oleh jabatan berkenaan di beberapa tahun yang lalu. Walaupun soalan ini sudah kaola jawab kelmarin, kaola ingin menambah saja lagi fakta-faktanya.

Sesi-sesi per muzakarah dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung ini memang pernah dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun dalam 2 ke 3 tahun kebelakangan ini, penganjuran sesi-sesi ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Insyallah, abis kaola akan mempertimbangkan bagi pelaksanaan dan penyelarasan sesi per muzakarah seperti ini melalui Jabatan Perdana Menteri.

Ke arah itu, Jabatan Perdana Menteri akan berbincang dengan pihak-

pihak yang berkenaan termasuklah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Abis kaola sentiasa mengalu-alukan saranan yang baik dan seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas saranan yang telah diberikan mengenai perkara ini.

Kaola seterusnya menyentuh soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong, mengenai kedudukan Jabatan Penerangan di Daerah Temburong. Kaola sukacita menyampaikan bahawa Jabatan Penerangan sememangnya mempunyai rancangan untuk membina bangunannya sendiri di Daerah Temburong.

Ke arah perancangan ini, pihak jabatan sedang meninjau tapak-tapak tanah yang sesuai mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada dan dihasratkan projek ini untuk dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, yang akan bermula pada tahun 2017 Masihi.

Kaola seterusnya ingin berpindah kepada soalan yang berkaitan dengan Biro Kawalan Narkotik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin, wakil dari Daerah Belait mengenai dengan penambahan kakitangan dan juga bantuan kepada bekas-bekas penyalah guna dadah dan bahan terkawal.



Mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kakitangan dan pemberian latihan, memadai di sini kaola nyatakan bahawa perkara-perkara ini sentiasa diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan matlamat menyediakan satu agensi keselamatan dan pengawalan yang berkesan dan efektif.

Seterusnya mengenai bantuan yang diberikan kepada bekas residen Pusat Al-Islah. Perkara ini telah pun dibangkitkan semasa Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, namun begitu sebagai makluman bersama, kaola ingin sekali lagi menyampaikan beberapa maklumat mengenainya. Terdapat sebuah jawatankuasa yang dikenali Jawatankuasa Penasihat Rumah Al-Islah yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil pihak kerajaan dan swasta.

Jawatankuasa ini antara lain dipertanggungjawabkan untuk memastikan berbagai aspek kebajikan bekas residen terus diberikan perhatian yang sewajarnya, selain dari itu berbagai langkah secara usaha sama di antara Pusat Al-Islah bersama agensi-agensi kerajaan juga telah diambil.

Ianya termasuklah memperkenalkan program yang dipanggil Asy-Syifa dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan. Program yang khusus bagi residen Al-Islah ini memberikan peluang kepada residen di fasa Ke-4 iaitu pra bebas untuk mempelajari kemahiran vokasional. Seramai 15 orang residen dan 2 orang pegawai vokasional mengikuti program ini misalnya 3 orang daripada residen ini telah pun berjaya diterima di syarikat swasta.

Residen juga melibatkan menghadiri Pameran *Job Fair* di Bridex dan juga usaha sama dengan Agensi Pekerjaan dan Pembangunan Tenaga Kerja (*APPTK*) seramai 14 orang residen telah mendaftarkan diri dengan agensi berkenaan. Penyambungan pembelajaran residen di peringkat institusi pengajian tinggi seramai 3 orang telah pun menyambung semula pengajian mereka di peringkat institut pengajian bagi tahun 2013 / 2014 dan penyambungan semula pekerjaan dengan agensi kerajaan. Alhamdulillah, setakat ini seramai 6 orang telah pun diterima semula untuk berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Usahasama Lembaga Ekonomi Pembangunan Brunei (*Brunei Economic Development Board*) pada tahun 2014 seramai 3 orang residen telah pun mengikuti Skim *Small Medium Enterprise* untuk mempelajari cara-cara menjalankan perniagaan dengan menggunakan bantuan bagi pembelian alat perniagaan sebanyak \$2,000.00.

Selari dengan dasar bantuan kepada bekas-bekas penyalah guna dadah dan bahan terkawal ini, Biro Kawalan Narkotik akan terus berusaha

untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada bekas-bekas penyalahgunaan dadah tersebut, ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang bebas dari dadah, Biro Kawalan Narkotik sentiasa mengalu-galukan kerjasama sepadu dari semua lapisan masyarakat di negara ini.

Penyaluran maklumat yang berterusan, terutama dari pemimpin akar umbi iaitu penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung adalah sangat diperlukan. Ini termasuklah memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang berwajib jika kalau terdapat anak-anak kampung mereka balik semula ke tabiat lama atau ada masalah di dalam pencarian pekerjaan. Di sini sukacita kaola menyarankan agar pihak penghulu dan ketua kampung akan dapat mengadakan pemuzakaran dengan pihak Biro Kawalan Narkotik dari masa ke semasa bagi memberikan makluman balas dan bertukar-tukar fikiran mengenai isu sebegini.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola seterusnya menyentuh dengan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Pasukan Polis Diraja Brunei. Kaola insya-Allah akan menjawab soalan-soalan ini mengikut giliran yang dibangkitkan dalam pemesyuaratan jawatankuasa kelmarin.

Kaola ingin menyentuh dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim wakil dari Daerah Brunei Muara iaitu mengenai dengan progres

rancangan pembinaan Pos Polis, di Kampong Tamoi.

Sehubungan dengan perkara ini, sukacita kaola maklumkan maklumat berikut mengenainya. Seawalnya sebanyak 3 pos polis telah dirancang sebagai strategik untuk meningkatkan keberadaan polis atau *police visibility* di kawasan Kampong Ayer. Walau bagaimanapun peruntukan yang telah diluluskan untuk pembinaan 3 buah pos polis berkenaan adalah tidak mencukupi untuk membiayai pembinaan keseluruhan projek tersebut.

Kebenaran telah diterima untuk menukar kebenaran untuk mencantumkan 3 pos polis yang dirancang kepada pembinaan satu pos polis sahaja. Harga rancangan baru bagi pembinaan pos polis di Kampong Tamoi telah meningkat kepada \$1.2 juta. Ini adalah selaras dengan harga pecahan perbelanjaan yang telah disokong oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Setelah tawaran pertama dibuka, 3 buah syarikat yang terdahulu tidak bersanggupan untuk melaksanakan projek tersebut dan projek ini dibatalkan dan ditawarkan semula dan insya-Allah keputusannya akan dibuat dalam beberapa waktu yang terdekat dan projek Pos Polis Kampong Tamoi ini insya-Allah akan siap pada tahun 2016.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola seterusnya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Kaola bagi pihak Polis Diraja

Brunei terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah dari Ahli Yang Berhormat kepada pihak Polis Diraja Brunei mengenai kejayaan menyelesaikan kes-kes kecurian yang bernilai B\$150 ribu baru-baru ini. Kaola juga ingin menekankan bahawa kejayaan ini adalah hasil operasi bersepadu agensi-agensi keselamatan termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan pihak orang ramai sendiri.

Sehubungan dengan kes rogol yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sememangnya rogol merupakan satu jenayah yang serius, lebih-lebih lagi dari segi impaknya kepada mangsa bukan sahaja secara fizikal malahan dari *psychology*. Dari statistik yang dikumpulkan oleh pihak polis terdapat penurunan 30 peratus kalau dibandingkan di antara tahun 2014 dan 2013. Insya-Allah, kaola bersedia akan membincangkan *detail* mengenai laporan-laporan ini dengan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat ke atas jenayah rogol, seksual dan lainnya, beberapa langkah telah pun diambil dengan secara berterusan termasuklah pemberian taklimat ke institusi-institusi pendidikan, mengadakan *road show* dan sebagainya. Ini termasuklah memberikan penerangan mengenai hak-hak wanita dan kanak-kanak dan undang-undang yang sedia ada bagi menjaga kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola seterusnya ingin berpindah kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu mengenai dengan Ibu Pejabat Polis Tutong yang dianggap tidak selesa dan memerlukan pembaharuan termasuklah pembinaan semula ke atas tapak yang luas bagi menampung keperluan berbagai pejabat, bahagian dan unit di dalam pasukan berkenaan.

Sehubungan dengan ini, Pasukan Polis Diraja Brunei sememangnya mempunyai perancangan yang berterusan ke arah memastikan prasarana-prasarana dan kelengkapan yang sedia ada di dalam keadaan-keadaan yang memenuhi keperluan dan operasi pasukan dengan memberi keutamaan kepada pemberian perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada masyarakat.

Menyentuh dengan bangunan Ibu Pejabat Polis Tutong, terdapat perancangan untuk melaksanakan penaiktarafan bangunan yang sedia ada. Perlaksanaan rancangan ini akan dibuat mengikut prioriti iaitu dengan mengambil kira keperluan, operasi, kakitangan dan masyarakat.

Ia antara lain akan melibatkan pembesaran bangunan balai untuk digunakan sebagai ruang pejabat tambahan dan menempatkan berbagai-bagai kemudahan balai. Pihak abiskaola juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas saranan supaya Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong ini didirikan atas tapak baharu yang

lebih luas dan dilengkapi dengan fasiliti-fasiliti seperti padang sukan dan sebagainya.

Dalam hal ini, memandangkan adanya perancangan bagi menempatkan Akademi Polis di kawasan Telisai yang hanya kira-kira 7 minit dari Pekan Tutong, maka adalah lebih sesuai dan kos fasiliti-fasiliti yang akan dibina di Akademi Polis nanti digunakannya oleh anggota dan pegawai yang berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah Tutong beserta keluarga mereka.

Kaola seterusnya ingin menyentuh mengenai perkara No. 2 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Rancangan Kemajuan Ekonomi bagi pembinaan Akademi Polis yang telah diluluskan pada Tahun 2009. Akademi Polis adalah satu projek Pasukan Polis Diraja Brunei di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 iaitu bagi Tahun 2012 sehingga Tahun 2017. Selaras dengan perancangan strategik Pasukan Polis Diraja Brunei Tahun 2007 hingga Tahun 2016 satu tapak di Telisai, Daerah Tutong dengan keluasan 100 hektar telah dikenal pasti untuk pembinaan akademi ini.

Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*) telah memohon persetujuan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mengambil tapak tersebut yang termasuk dalam perancangan Tapak Industri *ABI*, *BEDB* di Mukim Telisai Daerah Tutong dan Mukim Sungai Liang, Daerah Belait. Dari itu, satu tapak baharu yang keluasanya lebih

kurang 60 hektar di Kampong Sungai Paku, Mukim Telisai, Daerah Tutong telah dikenal pasti sebagai tapak gantian dan telah menerima kebenaran daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Pasukan Polis Diraja Brunei telah menghadapkan permohonan ke Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, untuk kerja-kerja *feasibility study* dan *environment effect assessment* serta *topographical study* dan *soil investigation* dan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei juga telah pun menghadapkan cadangan ke Jabatan Perdana Menteri untuk pelantikan pakar perunding iaitu *specialist consultant* yang akan menyediakan analisis keperluan latihan *training analysis* ke arah memastikan reka bentuk infrastruktur adalah sejajar dengan kehendak keperluan latihan.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola seterusnya berpindah kepada cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking agar lepasan daripada Program Khidmat Bakti Negara (*PKBN*) diambil dan diserapkan ke dalam Pasukan Polis Diraja Brunei bagi antara lain mengurangkan pengangguran (*unemployment*).

Seperti mana jua Ahli Yang Berhormat, kaola bersependapat bahawa Skim *PKBN* adalah satu program yang berkesan terutamanya dalam menyediakan anggota-anggota masyarakat terutama sekali dalam

belia yang penuh berdisiplin dan berwibawa.

Menyentuh saranan bagi lepasan daripada program ini diserapkan ke dalam Pasukan Polis Diraja Brunei, sukacita dimaklumkan Pasukan Polis Diraja Brunei mempunyai kriteria-kriteria bagi pengambilan anggota dan pegawai pasukan berkenaan, termasuklah dari segi kelulusan akademik dan tahap kesihatan. Kaola difahamkan pengalaman mengikuti program-program tertentu seperti PKBN, kadet polis dan kadet-kadet beruniform, kadet tentera dan bomba dan sebagainya adalah antara faktor-faktor juga yang diambil kira dan dipertimbangkan sebagai salah satu kelebihan dalam proses pemilihan semasa pengambilan rekrut dan pegawai.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola seterusnya menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu mengenai kawalan perairan di negara ini.

Sehubungan dengan perkara itu, sukacita kaola menyampaikan perkara-perkara yang berikut mengenainya:

Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Polis Marin berperanan penting menjaga keselamatan di kawasan perairan negara daripada kegiatan pencerobohan seperti kegiatan penyeludupan barang

tegahan, penangkapan ikan di kawasan larangan dan lain-lain di lingkungan perairan wilayah 12 batu nautika daripada persisiran pantai. Sebanyak 78 operasi sungai dan 73 operasi luar pantai telah dijalankan oleh Polis Marin pada tahun 2014. Bilangan ini belumlah termasuk 70 operasi bersepadu yang telah dijalankan secara bersama dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang dan keselamatan lain.

Daripada operasi-operasi ini, Polis Marin telah merekodkan sebanyak 7,391 penahanan dan pemeriksaan, sementara sebanyak 7 siasatan lanjut telah pun dibuat dalam kesalahan-kesalahan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, 7 kes berkaitan dengan kapal-kapal perdagangan dan 7 kes lagi berkaitan dengan penangkapan ikan. Kes Penangkapan ikan ini termasuklah penangkapan 39 warga asing yang menjalankan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan tanpa lesen di perairan negara. Strategi penahanan dan pemeriksaan berjadual operasi akan diteruskan oleh Polis Marin bersama dengan agensi-agensi penguat kuasa dan keselamatan lain bagi mencegah dan membanteras jenayah pencerobohan di perairan negara ini.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Polis Marin dari segi keupayaan kapasiti juga diteliti termasuklah penambahan aset-aset seperti kapal dan bot ronda serta anggota-anggotanya, latihan-latihan asas dan kepakaran juga dirancang bagi mempersiapkan anggotanya dengan pengetahuan

terkini. Mengenai saranan menubuhkan Polis Marin sebagai salah satu jabatan, Polis Marin sudah pun tertubuh sebagai sebuah institusi di bawah Jabatan Gerakan yang sebanding dengan kebanyakan negara-negara ASEAN.

Kaola akhir sekali ingin menyentuh mengenai isu keberadaan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sempadan iaitu seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Abis kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian Yang Berhormat berkenaan dengan isu-isu keselamatan yang juga membabitkan pencegahan sebagai aktiviti-aktiviti jenayah termasuklah penyeludupan barang-barang terkawal.

Sehubungan dengan perkara itu, ke arah menjaga kepentingan dan keselamatan negara berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan dalam meningkatkan keberadaan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi keselamatan yang lainnya. Ini termasuklah melalui operasi-operasi bersepadu dengan penglibatan berbagai-bagai agensi termasuklah agensi seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian jua yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah kita mendengar kenyataan atau jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh 2 orang menteri yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri, maka Tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A ini, sekarang kita undi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk-tajuk ini dimasukkan dalam ke dalam Jadual, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, nampaknya semua Ahli-ahli bersetuju.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Mesyuarat Jawatankuasa akan membincangkan Tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membincangkan Tajuk-tajuk yang berkenaan ini, dalam senarai saya ada 13 orang. Jadi sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola, ditujukan kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, iaitu ada 3 soalan berangkai. Boleh diteruskan ataupun Jabatan Tenaga dulu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan, teruskan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih. Ada 3 soalan yang ingin dirungkai ataupun ditimbulkan dalam satu masa. Pertama, menarik pelabur kepada kegiatan ekonomi negara. Yang kedua, strategi menambah hasil untuk meningkatkan ekonomi, menambah kegiatan perekonomian penduduk miskin supaya produktif. Yang ketiga, apakah perancangan khusus bagi memenuhi kapasiti orang Brunei?

Strategi dan perancangan untuk menarik pelabur dalam kegiatan ekonomi tertentu dan terarah. Tidak dipersoalkan bahawa Negara Brunei Darussalam, bumi bertuah yang memang prinsip MIB berkemampuan untuk maju dan membangun industri sendiri. Kekayaan Negara Brunei Darussalam terbilang di peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh itu, dikemukakan soalan. Apakah keutamaan dalam perancangan menarik pelabur asing ke negara kitani, kalau keutamaan diberikan kepada meningkatkan pengeluaran...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, tajuk manakah Yang Berhormat?

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Kaola teruskan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Apakah keutamaan dalam perancangan dalam menarik pelabur asing ke negara kitani, kalau keutamaan diberikan kepada meningkatkan pengeluaran untuk menambah pendapatan negara, adakah bermakna kepentingan memberi pekerjaan menjadi keutamaan? Tidakkah keutamaan boleh diberikan kepada menyediakan pekerjaan untuk rakyat dan penduduk negara kita ini? Jika keutamaan ini ialah pekerjaan, apakah kitani perlu menarik pelaburan dan membawa masuk industri yang memang bergiat dan berkait rapat dengan industri pemakanan halal pada misalannya sekiranya industri makanan halal dijadikan pilihan?

Dengan adanya nama dan imej Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kuat amalan Islamnya, kita boleh mengambil kesempatan mengembangkan kepakaran,

menghasilkan makanan halal. Industri ini boleh melibatkan pihak-pihak yang berpengalaman yang pada masa ini terlibat dengan penghasilan produk makanan halal, sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri dan juga rakyat dengan cara menjual saham kepada setiap penduduk terutama kepada pekerja-pekerja kilang.

Persoalan untung rugi harus difikirkan semula, sama ada keuntungan untuk pekerja ataupun dikira dari sudut pendapatan negara sahaja. Jika dikira dari segi pekerjaan, maka keuntungan harus dinilai dari segi jumlah rakyat yang bekerja dan pendapatan yang mereka bawa pulang setiap bulan. Walaupun pendapatan negara tidak banyak meningkat, namun keuntungan negara ialah dari beberapa sudut.

1. Mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan pengangguran;
2. Memberi pendapatan dan menghidupkan budaya bekerja;
3. Meringankan beban kerajaan dari segi memberi bantuan;
4. Menghidupkan dan menguatkan sifat bertanggungjawab; dan
5. Menghapuskan kemiskinan.

Setiap negara akan merancang untuk menarik pelaburan terutama yang sesuai bagi penduduk selain untuk menambah pendapatan ekonomi negara. Bagi kita Negara Brunei Darussalam umumnya, yang dasar

pendidikan memang cukup sempurna dan menyeluruh, maka rakyat dan penduduk berkebolehan untuk berbagai-bagai industri. Kitani ingin tahu, apakah yang sudah dirumuskan oleh *BEDB*, JPKE dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama? Kita juga ingin tahu, kejayaan yang sudah kita pastikan setakat ini dan hasil dari segi pekerjaan untuk rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam perkiraan pelabur asing, kita memahami bahawa pelabur asing akan datang sekiranya mereka menilai bahawa keuntungan lumayan tersaji jika mereka melabur di satu-satu negara dalam kepakaran tertentu di negara tersebut. Sebagai contohnya, Yang Berhormat Pengerusi, Singapura ataupun Indonesia, Filipina, Thailand dan lain-lain. Pelabur akan melabur di negara yang akan menjanjikan keuntungan.

Pendeknya, apakah jenis industri yang kitani boleh menjamin keuntungan kepada para pelabur asing dan keuntungan kepada rakyat dan penduduk negara ini? Apakah kapasiti rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam? Apakah kelemahan dan kekuatan rakyat dan penduduk negara ini yang boleh diperolehi supaya industri dan perniagaan dapat dikembangmajukan? Mengikut catatan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kelahiran di Negara Brunei Darussalam 20 tahun yang lalu ialah lebih 5,000 orang.



Ini bermakna, merekalah yang mencari pekerjaan pada masa ini, termasuk mereka yang sudah lulus mendapat ijazah yang sudah berumur lebih 20 tahun dan mereka yang melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Yang Berhormat Pengerusi, kita dapat menyaksikan berbagai-bagai usaha dibuat untuk mengenal bakat-bakat dan mengembangkan keupayaan seperti Anugerah Cipta Pengiran Muda Mahkota, Anugerah Sains Muda Alam Semula Jadi Puteri Rashidah, kita juga menyaksikan industri boleh berkembang dalam kalangan rakyat dan penduduk kita yang berjaya menghasilkan sambal dalam botol, telur itik, minyak kelapa dara, perubatan herba dan lain-lain yang boleh dipercayai dikembangkan sekiranya pihak yang berwajib memberi dukungan yang khusus.

Dukungan yang saya maksudkan bukanlah setakat memberi bantuan kewangan tetapi juga membawa keupayaan pakar menyediakan botol-botol tertentu dan bersesuaian bagi mengelakkan pengusaha gagal untuk memasarkan perusahaan mereka.

Langkah yang diambil oleh Jabatan Buruh memberi keutamaan kepada anak tempatan dalam pekerjaan adalah sangat baik. Walau bagaimanapun....

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat telah membincangkan dengan panjang lebar beberapa topik dalam Tajuk SA17A Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Apakah itu

sebagai pertanyaan atau apa? Saya lebih cenderung Yang Berhormat, sekiranya pertanyaan ditimbulkan secara spesifik apakah perkara-perkara yang ditanya atau dituntut dalam tajuk-tajuk bajet yang berkenaan. Sekiranya kita berpanjang lebar untuk berdebat, maka kita terkeluar daripada susunan perjalanan perbincangan kita.

Jadi, untuk menjimatkan masa dan bagi menentukan bahawa perjalanan perbincangan kita lebih efisien, saya minta sekiranya boleh, Ahli-ahli Yang Berhormat secara spesifik bertanya apakah yang dimaksudkan dan apakah pertanyaan-pertanyaan itu, bagi lebih memudahkan untuk diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

### **Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, secara ringkasnya pertanyaan saya ialah:

1. Menarik pelabur asing kepada ekonomi negara;
2. Strategi menambah hasil untuk meningkatkan ekonomi, menambah kegiatan perekonomian penduduk miskin supaya produktif; dan
3. Apakah perancangan khusus bagi memenuhi kapasiti kita orang-orang Brunei?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), hendak menjawab sekarang ataupun menunggu soalan-soalan daripada yang lain?

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Tunggulah semua soalan-soalan lain, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola mengenai tajuk Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi iaitu apakah yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memantau kedai-kedai yang masih lagi mengenakan *service charge* tiga peratus kepada pengguna-pengguna yang menggunakan kad kredit?

Soalan kedua mengenai tajuk Jabatan Percetakan. Yang Berhormat Pengerusi, dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Kelapan pada tahun 2012, kaola menimbulkan tentang mereviu penubuhan Jabatan Percetakan Kerajaan dalam Surat Keliling Setiausaha Kerajaan Bilangan: 14/1976 bertarikh 19 Mei 1976 yang masih lagi berkuat kuasa sehingga sekarang.

Kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang telah dibuat berhubung dengannya? Perkara ini kaola timbulkan semula memandangkan defisit bajet lebih \$2 bilion dan seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) untuk berjimat cermat daripada pembaziran memandangkan perkhidmatan Jabatan Percetakan Kerajaan sudah disediakan, langkah-langkah setengah-setengah agensi kerajaan masih cenderung menggunakan percetakan swasta. Ini salah satu pembaziran.

Soalan seterusnya dalam tajuk Jabatan Percetakan Kerajaan. Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Kesepuluh tahun 2014 Masihi, kaola ada menimbulkan tentang penerbitan muka surat Mushaf Brunei Darussalam Edisi Kecil yang tidak tercetak telah pun tersebar luas melalui media massa ataupun *WhatsApp*. Oleh itu, kaola ingin mengetahui adakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Percetakan Kerajaan amnya atau Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengatasi perkara ini supaya tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang.

Media sosial hanyalah satu platform atau *medium* untuk menyampaikan mesej atau pesanan kepada pihak yang disasarkan. Melihat kepada penyalahgunaan media sosial yang tidak berkesudahan, selain dari tindakan undang-undang, maka pendekatan pendidikan adalah merupakan jalan terbaik untuk mendidik rakyat dan penduduk menjadi seorang pengguna media sosial yang berhemah. Mudah-mudahan Kementerian Pendidikan sudah melaksanakan pendidikan ini.

Bagi media sosial, mereka perlu faham bahawa jangkauan media sosial cukup luas dan boleh diakses di seluruh dunia, apabila disalahgunakan, boleh menggugat keselamatan. Dari aspek perundangan pula, pengguna media sosial perlu bersedia berhadapan dengan tindakan Undang-undang sekiranya mereka memuat naik sesuatu komen atau bahan yang menyalahi undang-undang.

Kaola ingin tahu, sejauh manakah tindakan undang-undang telah dilaksanakan terhadap individu-individu yang menyalahgunakan media sosial? Dan apakah bentuk tindakan berkenaan?

Seterusnya kaola mengemukakan Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pengenalan tarif elektrik baharu pada 1 Januari 2012, menunjukkan perkembangan positif bagi sektor perumahan. Catatan tahun 2012 menunjukkan penjimatan keseluruhan dianggarkan sebanyak

\$30 juta dan mengurangkan tunggakan dengan adanya pengenalan Prabayar.

Bagi pengguna yang biasa menggunakan tenaga elektrik 1,000 atau 1,500 unit ke bawah, tarif baharu ini membayar sama seperti tarif lama malah lebih murah lagi bagi pemakaian 600 unit dengan hanya membayar \$6.00 sahaja.

Golongan ini tidak ramai tetapi yang ramai penggunanya ialah yang memakai 1,500 unit ke atas maka mereka inilah yang menyuarakan keluhan kerana membayar lebih tinggi dari sebelumnya dan pengusaha-pengusaha yang menggunakan tenaga elektrik, misalnya membuat kuih-muih, menggunakan keseluruhan peralatan elektrik menyebabkan terjejasnya pendapatan iaitu jika diteruskan cara pemakaian lama, bayaran elektrik tinggi dan jika dikurangkan pemakaiannya maka pengeluaran pengusahaannya akan berkurang.

Soalan kaola, adakah pemikiran untuk mengkaji semula tarif baharu ini supaya pembayarannya dapat dikurangkan atau bersesuaian dengan pembayaran tarif lama kepada pengguna 1,500 unit ke atas ini? Kita menyokong penuh penggunaan prabayar untuk mengelakkan tunggakan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyoalkan kurang lebih sama dengan Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit tetapi untuk kegunaan lain, Yang Berhormat Pengerusi kalau kaola dibenarkan. Bercerita dulu Yang Berhormat Pengerusi.

Pada 1 Januari 2012, caj baharu bagi penggunaan elektrik telah pun diperkenalkan dan ia memberi ganjaran bagi pemakaian yang rendah daripada apa yang dibayar sebelum caj baharu ini dikenakan dan disebaliknya bagi pemakaian yang tinggi kilowatt akan didenda 70 peratus lebih mahal.

Empat contoh yang diberikan untuk memudahkan memahami caj baharu ini:

1. Pemakaian 500 kilowatt sebulan, caj lama \$30.00 dan caj baharu hanya membayar \$5.00 ataupun 83.83 peratus kurang;
2. Pemakaian 1500 kilowatt sebulan, caj lama \$90.00, caj baharu \$85.00 ataupun diskaun 5.5 peratus;
3. Pemakaian 3000 kilowatt sebulan, bayaran lama \$180.00 sebulan, caj yang baharu \$265.00 ataupun lebih 47.2 peratus lebih mahal; dan
4. Pemakaian 4000 kilowatt sebulan, caj bayaran lama \$270.00, caj baharu menjadi \$460.00 dan akan

dikenakan denda sebanyak 70.30 peratus lebih mahal.

Kebanyakan ahli keluarga di Brunei tinggal dalam sebuah rumah hingga 3 generasi dan kadangkala hingga 4 generasi. Biasanya kepala keluarga yang membayar air dan elektrik.

Dalam 3 generasi ini biasanya terbahagi kepada beberapa peringkat umur antara 50 tahun ke atas hingga sekecil-kecilnya setahun. Walaupun ada skim yang membolehkan memasang 2 meter, jikalau ketua keluarga membayar bil-bil air dan elektrik mereka, tidak akan memohon bagi memasang 2 meter bagi sebuah rumah, tidak begitu betul jika dibuatnya.

Memandangkan suhu Negara Brunei Darussalam kadangkala akan panas hingga ke 30 *degree* tetapi badan kita memerlukan suhu yang rendah terutama sekali kanak-kanak kecil untuk keselesaan mereka. Suhu bilik biasanya 25 *degree*. Caranya untuk mendapatkan suhu ini ialah dengan menggunakan alat penghawa dingin. Inilah yang akan menaikkan pemakaian elektrik. Pemakaian ini diperlukan dan ini bukan pembaziran sama juga dengan keperluan alat-alat seperti peti sejuk, peralatan memasak dan alat-alat elektrik lain.

Mereka meminta pertimbangan supaya caj baharu yang mengenakan denda sehingga 70 peratus bagi pemakaian tinggi. Mereka berpendapat 70 peratus denda bagi pemakaian yang perlu itu amatlah tinggi dan apabila difahami

suhu Negara Brunei Darussalam ini amat tidak menentu maka ada wajarnya pertimbangan diberi bagi rumah-rumah yang dihuni oleh 3 atau 4 generasi ini demi mempertahankan dan mengeratkan tali kekeluargaan dan menjimatkan perbelanjaan seperti membeli rumah perseorangan mereka.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ucapkan terima kasih atas nasihat daripada Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, kerana telah menjelaskan mengenai Dewan Perniagaan Tionghoa dengan jelas.

Dewan Perniagaan Tionghoa (*Chinese Chamber of Commerce*) sudah ditubuhkan di negara ini lebih daripada lima dekad. Fungsi Dewan ini untuk mewakili perniagaan masyarakat Tionghoa jika mereka menghadapi masalah dengan agensi-agensi kerajaan dan lain-lain. Pada masa ini seperti yang dijelaskan, Dewan Perniagaan Tionghoa masih lagi sah di bawah Penggal 203. Namun di bawah Bab 17, aktiviti telah pun digantung disebabkan

isu peribadi yang berlaku dalam kalangan mereka.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola memohonkan supaya Bab 17 itu ditarik balik untuk menghidupkan semula aktiviti Dewan Perniagaan Tionghoa kerana ia menyumbang kepada perkembangan sosial ekonomi negara ini, di samping turut mewakili Dewan ini untuk berintegrasi dengan persatuan Tionghoa di luar negara. Ini juga dikirakan sangat penting untuk imej negara.

Pihak berkuasa juga perlu mengadakan garis panduan supaya perkara-perkara tersebut tidak lagi berlaku. Jika boleh kaola cadangkan bagi memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Tionghoa melalui pemilihan daripada mereka yang *capable* sebagaimana pemilihan ketua-ketua kampung di daerah-daerah secara demokrasi, transparansi dan adil.

Kaola juga mengucapkan terima kasih atas nasihat Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri untuk menyelesaikan isu Dewan Perniagaan Tionghoa supaya berdialog bersama dengan masyarakat Tionghoa. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan

menimbulkan cadangan dalam bidang tugas Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Adalah dialu-alukan peningkatan produktiviti sebagai fokus utama dalam pembentangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016.

Di sini kaola turut menekankan yang kita perlu bertindak segera untuk meningkatkan produktiviti negara demi meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dan menjadikannya kelebihan daya saing ataupun *competitive advantage*.

Sebagai misalan sebuah negara jiran merancang untuk meningkatkan produktiviti sebanyak 2 ke 3 peratus setahun demi menjana peningkatan KDNK sebanyak 60 peratus dalam masa satu dekad.

Sehubungan dengan itu, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan badan khas mengenai produktiviti yang mempunyai keahlian daripada pelbagai sektor bagi menerajui serta menggubal dasar dan strategik bagi peningkatan produktiviti? Agensi berkenaan akan dapat mengukuhkan usaha kerajaan dalam membentuk program dan polisi-polisi khusus dalam meningkatkan produktiviti negara dengan lebih strategik dan terarah. Antaranya ialah menyukat tanda aras produktiviti negara berbanding dengan negara-negara lain serta membuat sasaran pencapaian.

Kebaikan dan nilai tambah agensi berkenaan ialah ia boleh membantu

negara dalam meninstitusikan dan memperkasa sistem pendidikan lanjutan dan pendidikan sepanjang hayat yang komprehensif, relevan dan berdaya tahan sebagai satu landasan dalam peningkatan produktiviti.

Seterusnya, pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2012, kita telah mendengar pengumuman yang kerajaan telah menyiapkan satu *Privatization Master Plan* pada tahun itu. Saya ingin tahu sejauh manakah master plan ini dilaksanakan dan adakah terdapat inisiatif baharu untuk mengemaskinkan *master plan* berkenaan dengan perubahan ekonomi semasa. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji**

**Mohd. Jaafar:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin membawa dalam Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga.

Yang Berhormat Pengerusi, didapati bahawa pengeluaran minyak dan gas Negara Brunei Darussalam menurun daripada statistik *Asia Development Bank (ADB)* disebabkan oleh kerja-kerja *maintenance* yang mengurangkan kadar pengeluaran. Pihak *ADB* menyatakan bahawa pengeluaran minyak telah menurun sebanyak hampir 40 peratus

sejak tahun 2006 dan ini disebabkan oleh *manage production, maintenance of facility* dan *oil reserve management*. Daripada strategik *ADB* pengeluaran minyak mentah telah menurun daripada 154,240 barel sehari pada tahun 2012 kepada 134,460 barel sehari di tahun 2013.

Statistik daripada Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (*ADPMO*) menyatakan bahawa pengeluaran minyak sebanyak 650 ribu barel sehari menjelang 2035 menurut Kertas Putih Tenaga (*Energy White Paper*) Brunei pada masa ini telah menghasilkan 320,000 barel sehari bagi pengeluaran minyak dan gas pada Tahun 2014.

Kaola ingin mengetahui apakah sebab-sebab kurangnya pengeluaran minyak dan gas Negara Brunei Darussalam?

Adakah disebabkan oleh kehendak kapasiti pengeluaran terlebih tinggi yang dinyatakan dalam (*Energy White Paper*) tersebut tanpa menghiraukan keupayaan infrastruktur yang sedia ada untuk mengekalkan pengeluaran yang tidak mapan (*sustainable*)? Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam

sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di Dewan yang mulia ini kaola akan mengutarakan 4 Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu:

1. Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Permintaan untuk mengiklankan jawatan-jawatan kosong di jabatan-jabatan di Daerah Temburong ada terdapat kelambatan dalam memproses perkara tersebut. Mengenai kaedah *online recruitment* yang pelaksanaannya sudah bermula pada Februari 2015, kaola ingin tahu adakah kaedah *online recruitment* tersebut akan mempunyai TPOR nya sendiri bagi memperbaiki lagi proses pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan secara *online* ini dan adakah sudah ada dalam perancangan jabatan berkenaan menyediakan maklumat untuk kemudahan pemohon?;

2. Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

Kaola ingin bertanya status laporan pendaftaran pencari kerja di seluruh negara sehingga Disember 2014. Sejauh ini apakah perkembangan atau langkah yang sudah diambil oleh pihak jabatan yang berkenaan? Setakat manakah fungsinya setelah maklumat pendaftaran pencari kerja

yang dihantar melalui institusi mukim dan kampung, Jabatan-Jabatan Daerah di seluruh negara khususnya Daerah Temburong untuk didaftarkan secara *online* ke JPKE?;

3. Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara.

Bangunan Mahkamah Awam yang ada pada masa ini ditempatkan sebumbung dengan Jabatan Daerah Temburong iaitu di tingkat bawah Jabatan Daerah Temburong. Pada pandangan kaola dan di mata orang ramai, mahkamah adalah sebuah institusi yang dihormati dan digalati dalam menegakkan undang-undang negara. Maka, sudah tiba masanya Daerah Temburong mempunyai bangunan mahkamah sendiri.

Kaola di Dewan yang mulia ini mencadangkan supaya Jabatan Kehakiman Negara untuk membina bangunan kekal bagi mengukuhkan lagi fungsi jabatan berkenaan; dan

4. Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Alhamdulillah, masalah kerap kali berlakunya putus bekalan elektrik di Janakuasa Belingos, Daerah Temburong telah dapat diatasi dengan 4 buah *engine diesel* yang ada di Janakuasa Belingos yang telah berfungsi dengan baik.

Sebanyak 3 buah *engine diesel* digunakan sepenuhnya dan sebuah lagi sebagai persediaan (*standby*).

Walau bagaimanapun, terputusnya bekalan elektrik yang kerap kali berlaku pada akhir-akhir ini disebabkan oleh masalah *aerial* atas sistem rangkaian pembekalan 11,000 voltan yang berpunca seperti kabel bocor, pokok tumbang atau dahan-dahan kayu yang berdekatan dengan kabel dan binatang.

Perkara yang kaola maklum Yang Berhormat Pengerusi, bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Daerah Temburong telah mengambil perhatian dan mengatasi berlakunya gangguan seperti ini untuk tidak akan terus berlaku.

Seterusnya dengan bertambahnya pembinaan bangunan, bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong yang hampir siap keseluruhannya dan beberapa bangunan baharu yang lain di Daerah Temburong, sudah setentunya beban akan meningkat di Janakuasa Belingos.

Kaola percaya adakah Janakuasa Belingos akan dapat menampung beban yang akan meningkat dan dapat memberikan perkhidmatan keseluruhan bekalan elektrik di Daerah Temburong?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 5 tajuk untuk disuarakan.

1. Tajuk SA14 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Alhamdulillah, kaola merasa gembira atas inisiatif dan perubahan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bahawa para pelamar yang mencari kerja sekarang sudah boleh membuat permohonan mereka secara *online*. Kita percaya apa jua yang diusahakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini semata-mata untuk memudahkan dan mempercepatkan pengambilan kerja di sektor awam di Negara Brunei Darussalam.

Demikian juga, kita penuh berharap bahawa pihak SPA akan lebih responsif dalam menangani permohonan-permohonan secara *online* ini. Demikian juga, kita berharap pemohon-pemohon harus bersabar dan beretika dalam menyampaikan permohonan mereka dengan memberikan butir-butir peribadi dan lain-lain yang diperlukan dengan selengkap-lengkapunya.

Ini bagi membolehkan dan membantu SPA dalam

mempercepatkan proses pengambilan tenaga kerja. Bagi membantu para pelamar kerja secara *online*, diharap SPA akan dapat mengeluarkan satu *guideline* yang lebih *transparent* dan mudah difahami bagi memudahkan para pelamar kerja dan sekali gus menghindari sebarang tohmahan yang negatif terhadap tatacara SPA dalam mengendalikan proses pengambilan tenaga kerja secara *online* ini.

2. Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga.

Baru-baru ini, kaola telah dimaklumkan bahawa pihak Syarikat *BLNG*, mereka telah mengalami gangguan loji disebabkan oleh isu bekalan gas luar pantai dan ini menyebabkan api dan asap tebal keluar dari menara api lebih daripada seminggu. Kaola menghargai dan berterima kasih atas makluman yang telah diberikan kepada kaola dan kemudian menyebarkannya kepada penduduk kampung terutama yang tinggal berhampiran dengan loji tersebut.

Kaola mengambil perhatian dan merasa bimbang terhadap kesan asap hitam yang dikeluarkan oleh menara api *BLNG* ini dan juga asap hitam yang dikeluarkan *Oil Refinery, Syarikat BSP* di Pekan Seria itu tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk di kawasan tersebut. Terutama kepada generasi-generasi muda yang berwawasan yang bakal meneruskan wawasan negara tidak

akan terjejas kesihatan mereka. Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya adakah kita sudah mempunyai satu mekanisme *KPI* yang boleh memastikan asap hitam yang dimuntahkan oleh kedua-kedua menara api itu tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut? Jika belum ada, apakah langkah-langkah yang harus dilakukan bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam, jika ada, dapatkah ia dimaklumkan kepada orang ramai khususnya mereka yang tinggal berdekatan dengan loji-loji tersebut.

3. Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Penurunan mendadak harga minyak di negara ini telah mencorakkan ekonomi dunia dalam keadaan berwaspada dan tidak ketinggalan juga negara kita Brunei Darussalam. Dalam pembentangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 semalam. Kerajaan mengambil 4 langkah pengawalan perbelanjaan;

- i. Mengawal perbelanjaan utiliti;
- ii. Memastikan program-program yang dianjurkan benar-benar perlu;
- iii. Mengkaji semula kemudahan - kemudahan yang dihulurkan pada kakitangan kerajaan; dan

- iv. Memastikan pengurusan penyelenggaraan dan pembaikan aset kerajaan.

Pertanyaan kaola adalah, apakah harga-harga barang komoditi di Negara Brunei Darussalam akan tetap konsisten seperti yang ada sekarang ini, walaupun tidak menurun akibat kejatuhan harga minyak dunia sekarang?

4. Tajuk seterusnya ialah Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Kita telah diberi peluang melawat ke Pusat Kebangsaan E-Kerajaan baru-baru ini. Pusat Kebangsaan E-Kerajaan telah menubuhkan satu entiti yang dinamakan *Brunei Solution Development Centre (DSBC)* dengan kerjasama *Microsoft Co-operation*. Tujuan dan peranannya untuk membangun pengisian bagi mempercepatkan pertumbuhan bagi mempertingkatkan lagi industri *ICT* tempatan.

Di samping itu, akan menyediakan latihan bersama dan program-program pemindahan pada graduan *IT* tempatan dan pembekal-pembekal perkhidmatan. Kita dimaklumkan semasa pembentangan semalam bahawa setakat ini, ia sedang bekerjasama dengan 2 agensi kerajaan dan 4 syarikat yang terlibat dalam *IT Vendor Programme*. Pertanyaan kaola adalah sebagai sebuah institusi yang membangun pengisian *IT* di sektor awam dengan tenaga kerja yang sedia ada di Pusat

Kebangsaan E-Kerajaan yang ada sekarang ini, mampukah atau terungkayahkan pusat ini menangani atau membantu program-program sektor awam seperti dalam Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 semalam.

5. Yang terakhir, Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pada 28 Februari 2015 yang baru lalu Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah membuka cawangannya di Mukim Liang sebagai usaha menyediakan perkhidmatan kaunter bagi memudahkan orang ramai membuat urusan pembayaran bil-bil elektrik, membeli kupon prabayar elektrik dan juga membuat pendaftaran di portal E-Kerajaan, memohon pekerjaan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kaola juga difahamkan sedikit masa lagi sebuah mesin akan ditempatkan di cawangan tersebut bagi memudahkan orang ramai bagi membeli kupon prabayar pada bila-bila masa sahaja. Kaunter ini juga dihasratkan untuk memberi peluang kepada penduduk di Daerah Belait berurusan dalam perkara-perkara yang kaola sebutkan di atas tanpa mereka perlu pergi ke Seria atau ke Kuala Belait.

Kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Kaola berharap dalam usaha memperkukuhkan dan termasuklah dalam memperkasa sektor awam

agar menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai akan dapat mencontohi langkah dan usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik ini dan bukan bertindak sebaliknya.

Kita semua maklum bahawa Mukim Liang ketika ini pesat membangun baik dari segi infrastrukturnya, sosial mahupun bilangan penduduknya sedang berkembang. Adalah wajar bagi jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menghampiri pelanggannya dan bukan lari menjauhkan diri ke pusat-pusat bandar.

Dalam hubungan ini, kaola berharap pihak *Telbru* dan *DST* akan dapat mencontohi inisiatif yang serupa bagi memudahkan orang ramai berurusan. Lain halnya jika sistem *online* berfungsi sepenuhnya di kawasan tersebut.

Pada masa ini, di Mukim Liang apatah lagi di mukim-mukim pedalaman di Daerah Belait servis bagi perkhidmatan *online* tidak begitu *reliable* perkhidmatannya sering terjejas dan kadang-kadang tidak menerima perkhidmatan langsung.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menyebut mengenai *reserve* pengeluaran hasil petroleum (minyak dan gas) yang menurut kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*) ada menyebut *reserve* negara terhadap kedua-dua bahan tersebut masih teguh dan boleh bertahan. Maklumat ini sangat-sangat melegakan hati setelah mendengarnya.

Walau bagaimanapun, untuk jangka masa yang lama kita seharusnya tidak semata-mata terus bergantung pada bahan tersebut (minyak dan gas). Untuk jangka masa hadapan, negara juga harus berusaha untuk meningkatkan sumber yang boleh menjana keperluan rakyat, terutama sekali dalam bidang sara diri selain sumber minyak dan gas, supaya kita selaku rakyat tidak bergantung hidup sepenuhnya terhadap sumber-sumber yang didatangkan dari luar. Sedangkan ia boleh diusahakan dan boleh didapati di bumi kita sendiri.

Akhirnya kaola ingin mengetahui berapakah jumlah pengeluaran minyak yang ada pada ketika ini? Kaola mohon maaf sekiranya soalan kaola ini tidak menjadi kesalahan.

Perkara No. 2 ialah mengenai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Menyentuh mengenai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi apakah jabatan yang berkenaan telah membuat pemantauan terhadap

penurunan harga barang-barang keperluan di negara ini, berikutan dengan turunnya harga minyak dunia termasuklah juga harga minyak dan gas yang dijual kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berdasarkan penjelasan yang lalu berhubung dengan soal kaji semula tangga gaji sektor awam oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), tidaklah saya akan menyentuh perkara yang sama. Cuma ada hubungan dengan isu yang akan saya kemukakan, iaitu melibatkan perbelanjaan keperluan asas orang ramai yang memerlukan pemedulian kerajaan, dari aspek pemantauan dan pengawalan. Iaitu isu berhubung dengan kenaikan harga barang yang juga pernah disuarakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat pada Musim Permesyuaratan Kesepuluh yang lalu. Soalan saya:

1. Berapa ramaikah pegawai penguat kuasa dan kakitangan yang ditempatkan di Bahagian Kawalan Harga, di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi untuk memeriksa, mengawal dan memantau keseluruhan premis perniagaan dan kedai-kedai runcit yang menjual barang-barang yang

diberi kuasa untuk dikawal di bawah Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga 2012 sama ada secara mengejut ataupun berkala?;

2. Apakah usaha yang dilakukan oleh agensi berkenaan untuk membantu orang ramai dalam mengatasi situasi harga barangan yang semakin meningkat?; dan
3. Adakah Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga yang sedia ada bersedia pula untuk digubal dan dipinda dengan menambah jenis-jenis barangan mengikut keperluan semasa yang sudah setentunya dilakukan setelah ada hasil kaji selidik mengenainya dibuat?

Perkara ini saya timbulkan, kerana masih terdapat rungutan yang harga barang sama ada yang di bawah kawalan atau barang yang tidak termasuk di bawah kawalan ada yang masih tidak selaras harganya, malah dari segi kenaikan juga memberi kesan kepada orang ramai.

Apa yang ingin saya sampaikan di sini ialah harapan orang ramai akan usaha oleh pihak-pihak berkenaan dalam menjaga kesejahteraan orang ramai terutama orang-orang yang berpendapatan rendah, tidak tetap atau yang tidak ada pendapatan hanya mendapatkan bantuan, supaya mereka ini dapat merasakan pemedulian dari pihak kerajaan dengan menguatkuasakan lagi pemantauan dan kawalan agar tidak sewenang-wenangnya harga barang keperluan

harian dinaikkan oleh pihak premis perniagaan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan soalan-soalan dan saya sendiri masih lagi ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengemukakan soalan-soalan.

Jadi saya cadangkan supaya mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya waktu bagi kita untuk berehat tiba masanya, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Majlis Mesyuarat disambung Pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dengan membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016, tadi di peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Alhamdulillah, pada Mesyuarat Jawatankuasa, yang telah kita adakan pada pagi tadi, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan soalan-soalan bagi Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dalam senarai saya masih lagi ada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat pertanyaan terhadap tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Sebelum saya

mempersilakan Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan jawapan-jawapan ataupun penerangan-penerangan terhadap soalan-soalan dikemukakan tadi, maka saya persilakan 4 orang Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ini untuk mengemukakan pertanyaan ataupun permintaan mereka. Mula-mula saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin membawakan Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Tajuk ini telah dibawakan oleh beberapa rakan sejawatan sebelah pagi tadi. Walau bagaimanapun, kaola ingin menambah sedikit sahaja. Harga barang keperluan seharian, nampak seolah-olah tidak terkawal, kenaikan harga barang sering menjadi buah mulut orang ramai. Ramai orang memilih alternatif lain dengan membeli-belah di negara jiran untuk mendapat harga yang jauh lebih murah.

Dalam masa jangka panjang, ini akan merugikan negara dari segi ekonomi bahkan mungkin sosial. Saya berharap ada inisiatif untuk tindakan yang sewajarnya. Sepatutnya ada pemikiran supaya pekan-pekan yang ada di Brunei bukan jadi pekan pelintasan sahaja. Jadikanlah pekan-pekan kita lebih menarik, kompetitif dalam semua segi bagi mengurangkan orang-orang kita

berbelanja di luar negara. Jika dapat dikurangkan 20 peratus pun, kita sudah merasa bersyukur. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ada soalan di bawah dua tajuk.

Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kelambatan-kelambatan dalam proses kerajaan, kaola ingin bertanya kenapakah skim-skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai profesional seperti Skim Perkhidmatan Profesional Teknikal, Arkitek, Skim Profesional Kesihatan dan juga Skim Perkhidmatan Lalu Lintas Udara mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan sehingga ada sebilangan pegawai yang terkandung dalam skim-skim tersebut telah bersara sedangkan skim masih belum diluluskan?; dan

Pada setiap tahun penuntut-penuntut yang lulus ijazah dan diploma dari ITB akan diberikan surat pengesahan tamat kursus dan keputusan-keputusan

peperiksaan sebaik sahaja keputusan peperiksaan mereka telah dikeluarkan. Sementara upacara konvokesyen atau *graduation* mereka hanya akan diadakan kira-kira empat bulan kemudiannya atau ada yang lebih dari empat bulan lebih. Apa yang jadi masalah kepada penuntut-penuntut lulusan dari ITB ini ialah apabila mereka hendak menghadapkan borang permohonan untuk mendapatkan pekerjaan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, permohonan mereka tidak diluluskan atau tidak diterima dengan alasan mereka tidak mempunyai sijil.

Kenapakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak membuat usaha kerjasama atau perundingan dengan ITB supaya surat pengesahan serta keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh ITB dapat diiktiraf sementara menanti sijil yang akan diberikan semasa majlis konvokesyen?

Tajuk - SA23A Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Laporan *United Nation E-Government Survey 2014* yang dibuat setiap dua tahun sekali telah melaporkan bagi tahun 2014 tempat kedudukan Negara Brunei Darussalam telah menurun ke tangga 86, berbanding pada tahun 2010 yang Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ke-68 dan meningkat ke tempat 54 pada tahun 2012.

Walaupun *ranking* ini, bukannya petanda yang wajib, sama ada negara berada dalam keadaan yang baik ataupun tidak, namun ia boleh digunakan sebagai alat bagi kerajaan

mengenal pasti kelemahan, kekuatan serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh E-Kerajaan dan seterusnya boleh membantu merangka strategi dan dasar masa depan. Dalam menyediakan kajian tersebut, *UN E-Government* telah meneliti tiga kriteria atau komponen bagi setiap negara iaitu *availability of online service, telecommunication infrastructure dan human capacity*.

Bagi Negara Brunei Darussalam ketiga-tiga komponen ini telah dinilai menurun pada tahun 2014. Malah terdapat beberapa buah negara yang mempunyai *GDP* yang lebih rendah daripada Negara Brunei Darussalam tetapi lebih tinggi dalam *ranking* tersebut. Soalannya ialah:

- i. Bagaimanakah pihak-pihak berkenaan seperti Pusat E-Kebangsaan (*EGNC*) atau *AITI* memastikan pelaburan negara yang besar dalam E-Kerajaan berbaloi dan menepati objektif-objektifnya?;
- ii. Bagi memenuhi aspirasi negara ke arah *knowledge base economy* dan *knowledge base society*, bagaimanakah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan memainkan peranannya sebagai *facilitator* dan *leader* bagi pengguna-pengguna kerajaan?; dan
- iii. Bagaimanakah *AITI* sebagai *regulatory body* bagi industri *ICT* menyeimbangkan pembangunan prasarana telekomunikasi di

negara ini dengan usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan *online service* yang memuaskan di dalam kalangan agensi kerajaan dan orang awam serta sentiasa siap siaga memastikan kapasiti dan tahap prasarana telekomunikasi yang mencukupi kukuh, dinamik, berdaya tahan dan selamat digunakan untuk menangani pertumbuhan *traffic* penggunaan dan perubahan teknologi yang semakin pesat? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk yang akan saya sentuh ialah Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang. Mengikut Fatwa Mufti, menghisap rokok adalah haram. Ia akan merosakkan penghisap rokok. Mengikut maklumat Kementerian Kesihatan, ramai rakyat di negara ini mengalami kanser paru-paru.

Untuk merawat kanser paru-paru yang disebabkan oleh menghisap rokok, Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan bagi merawat penyakit disebabkan oleh menghisap rokok. Adalah dianggarkan \$400 juta bagi kos untuk merawat pesakit dari kesan menghisap rokok dan penyakit yang



tidak berjangkit menjelang tahun 2035.

Soalan:

Adakah kerajaan bercadang supaya menghisap rokok diharamkan sama sekali seperti mana yang dilakukan terhadap pengharaman minuman keras? Ia bukan saja dapat menjimatkan kos perubatan malahan sekali gus dapat dan mampu menggalakkan pengamalan gaya hidup sehat dalam kalangan rakyat dan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Jalan Lubok Pulau menuju ke Jabatan Kerja Raya Tutong jauhnya lebih kurang 2-3 kilometer. Jalan ini satu-satunya jalan pilihan bagi penduduk Kampong Lubok Pulau, Tanjong Maya dan sekitarnya sebagai jalan pintas untuk pergi ke Pekan Tutong. Apabila waktu malam, sepanjang jalan ini masih dalam keadaan gelap kerana belum ada lampu yang dipasang di sepanjang jalan raya berkenaan.

Dua tahun yang lalu, seorang pegawai dari Jabatan Elektrik Daerah Tutong telah memberitahu supaya perkara ini tidak perlu dibawa ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kerana mereka bersedia untuk memasang lampu di sepanjang jalan raya berkenaan. Sehingga masa ini tidak ada tanda yang lampu akan dipasang di tempat ini. Demi keselamatan dan keselesaan orang ramai dan pengguna-pengguna jalan raya maka dipohonkan supaya

lampu akan dapat dipasang seperti mana yang telah dijanjikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Dipersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan ini kaola berhubung dengan Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Memandangkan kos tenaga bakar bagi menjana tenaga elektrik semakin tinggi. Soalan:

1. Adakah pihak-pihak yang berkenaan mempunyai perancangan untuk mengkaji, meneliti dengan tujuan untuk menggantikan kepada sumber-sumber alternatif bagi membantu mengurangkan penggunaan minyak dan gas sebagai penjana tenaga elektrik. Pencarian sumber penjana tenaga elektrik patut dilakukan atas dasar kepentingan jangka panjang kerana sumber minyak dan gas negara kita adalah terhad. Ia juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan bagi menjana tenaga elektrik.
2. Menurut maklum balas daripada orang ramai, masih terdapat

beberapa banyak kediaman rumah persendirian yang belum mendapatkan meter prabayar. Apakah status projek penukaran meter prabayar di kediaman persendirian setakat ini dan apakah garis masa (*time limit*) projek ini dapat diselesaikan sepenuhnya?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah dalam senarai saya sudah nampaknya selesai dan sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri mungkin untuk memberikan penerangan-penerangan sebagaimana yang diperlukan. Dipersilakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan-soalan dan saranan-saranan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang meliputi perkara-perkara, di jabatan-jabatan seperti Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Kehakiman dan lain-lain yang di bawah tanggungjawab kaola. Kaola akan menjawab beberapa soalan yang telah diajukan.

Mengenai Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Sebenarnya pihak kerajaan telah banyak melaksanakan inisiatif bagi menarik pelaburan langsung asing (*Foreign*

*Direct Investment*) melalui berbagai-bagai agensi seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab soalan-soalan yang bertulis pada 2 hari yang lepas.

Inisiatif-inisiatif ini juga telah saya bentangkan secara panjang lebar semasa saya membentangkan Belanjawan Negara 2015/2016 pada kelmarin pagi. Di samping itu, inisiatif-inisiatif kerajaan ini juga telah dijelaskan secara terperinci oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi semasa kunjungan Ahli-ahli Yang Berhormat ke Lembaga Kemajuan Ekonomi pada 29 Januari 2015.

Oleh itu saya tidak akan mengulangi lagi secara terperinci inisiatif-inisiatif tersebut serta fokus industri yang dibawa masuk ke negara ini. Cuma untuk makluman bersama juga kita mempunyai pelbagai matlamat dalam usaha kita dalam menarik Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) termasuklah memberi peluang-peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam.

Mempelbagaikan aktiviti ekonomi supaya *small medium entrepreneur* kita akan dapat sekurang-kurangnya *spin off* daripada Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) tersebut, di samping untuk meningkatkan kapasiti tenaga manusia tempatan dan juga pemindahan teknologi. Sudah setentunya apa juga usaha untuk

menarik Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) pihak kerajaan akan sentiasa menjaga kepentingan negara secara menyeluruh dan memastikan keseimbangan manfaat yang akan diperolehi (*win-win situation*) bagi kedua-dua belah pihak.

Kaola sekarang akan beralih untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai penyalahgunaan media sosial. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat tersebut.

Sebenarnya Pejabat Peguam Negara aktif dalam memastikan bahawa individu yang menyalahgunakan media sosial didakwa mengikut undang-undang yang sedia ada sehingga ke tahap sepenuhnya. Sejak tahun 2012, tujuh pendakwaan telah dijalankan ke atas individu-individu yang telah menyalahgunakan media sosial.

Dalam satu kes, seorang individu telah dihukum penjara 10 bulan kerana memuat naik gambar-gambar yang menyalahi undang-undang berkaitan seseorang yang dikenali beliau. Individu tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Bab 509 dan di bawah Bab 292 (3)(a) Kanun Hukuman Jenayah Panel Kod Penggal 22.

Dalam satu kes yang lain, seseorang individu yang membuat ancaman yang menyebabkan kecederaan fizikal kepada pegawai Polis Diraja Brunei serta menyerang integriti dan

kebebasan (*Independent System*) Mahkamah dengan mencatatkannya dalam forum kumpulan *facebook* telah didakwa dengan kesalahan ugutan jenayah (*criminal intimidation*) di bawah Bab 506 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan dijatuhi hukuman 6 bulan penjara.

Beberapa individu lain juga telah didakwa oleh pihak Pejabat Peguam Negara atas kesalahan fitnah jenayah (*criminal defamation*) mengambil dan menyebarkan gambar lucah orang belum dewasa dan peras ugut. Dalam usaha-usaha pencegahan, Pejabat Peguam Negara telah aktif dalam mendekati golongan belia di negara ini dan memaklumkan kepada mereka mengenai implikasi negatif sosial, media dan ceramah di seluruh negara yang dijalankan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara yang bertajuk Risiko dan Bahaya Media Sosial kini telah disampaikan kepada kira-kira 5,000 orang penuntut, di 15 buah sekolah dan institusi pendidikan di negara ini.

Ceramah antara lain membincangkan trend yang berbahaya yang diperhatikan dalam media sosial seperti sindiket dadah yang menggunakan laman *internet* untuk mencari penghantar dadah, pembuli siber dan menyebarkan mesej *whatsApp* yang kadang-kadang palsu, mengelirukan dan berunsur fitnah.

Pada masa ini, Jabatan Peguam Negara masih lagi dan akan meneruskan usaha mereka bagi menyebarkan kesedaran

media sosial ini atas permintaan yang banyak dari sekolah-sekolah dan institusi pendidikan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil langkah-langkah melalui Kementerian Perhubungan dan pihak berkuasa bagi Industri Teknologi Info Komunikasi Brunei Darussalam (*AITI*) untuk menangani isu-isu keselamatan siber. Ini termasuk *Content Adversory Council (CAC)* yang telah ditubuhkan untuk mengawasi kawalan terhadap media sosial di negara ini.

Selain itu, satu lagi inisiatif yang dibangunkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah *Child online protection framework* yang dibentuk untuk menangani jenayah seksual yang berlaku melalui *internet* yang melibatkan golongan muda dan mudah terjejas dalam masyarakat.

Kaola sekarang beralih untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai *master plan* penswastan. Sebenarnya *Price Waterhouse Cooper Service LLP* adalah pihak yang telah diberi mandat oleh kerajaan untuk menyediakan Pelan Induk Penswastan bagi Negara Brunei Darussalam.

Projek kajian Pelan Induk Penswastan pada mulanya mengandungi 5 *deliverables*. Termasuklah laporan

*inception*, laporan *interim*, draf laporan akhir dan pelaksanaan pembangunan kapasiti dan program promosi termasuk seminar dan bengkel. Walau bagaimanapun terdapat kerumitan dalam penyediaan dan penyiapan Pelan Induk Penswastan ini.

Pihak yang berkenaan iaitu Jawatankuasa Khas Penswastan telah berunding bersama pihak *PWC* dalam menangani dan mengatasi kerumitan tersebut. Hala tuju yang dipersetujui oleh kedua belah pihak telah pun dihadapkan untuk kebenaran. Setelah mendapat kebenaran pihak *PWC* dan pihak kerajaan menandatangani *variation agreement* yang mengandungi cadangan hala tuju bagi *PMP* seperti menggantikan projek rintis kedua pada *plenary assessment*, *privatization* dan *guideline cooperatization*.

Mencantum *Deliverables* 4 laporan akhir dan *Deliverables* 5 seminar dan Bengkel Pelan Induk Penswastan dan seterusnya bagi pihak kerajaan untuk menyelesaikan bayaran selebihnya bagi projek ini, bagi kedua-dua belah pihak menandatangani perubahan terhadap perjanjian asal melalui perjanjian *variation agreement* seperti yang diperuntukkan di bawah (*Clause 20*) Perjanjian Pelan Induk Penswastan.

Mengenai status masa setakat ini *Deliverable* 3 telah pun selesai dilaksanakan oleh pihak konsultan. *Deliverable* 3 telah pun diselesaikan pada 10 Februari yang mengandungi laporan Projek Rintis Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei, penilaian awal

bagi penswastan dan garis panduan bagi pengkorporatan.

Manakala laporan akhir di bawah *Deliverable 4* mengenai hasil Projek Kajian Pelan Induk Penswastan sedang dalam proses reviu dalam seminar yang berkenaan akan diadakan dalam masa yang terdekat.

Kaola sekarang beralih kepada menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai kelambatan dalam memproses pengiklanan jawatan kosong di Pejabat Daerah Temburong yang kaola lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas maklum balas ini.

Pada lazimnya Pejabat SPA akan memproses dengan seberapa segera bagi mana-mana permohonan lengkap untuk diiklankan melalui *Pelita Brunei* dan juga disiarkan di laman sesawang SPA. Pemohon-pemohon termasuk dari Daerah Temburong akan berpeluang untuk membuat permohonan. Mengikut rekod yang ada di Pejabat SPA semua permohonan bagi pengiklanan jawatan-jawatan kosong yang dipohonkan di jabatan-jabatan Daerah Temburong sudah pun diiklankan dan sebahagiannya pada masa ini sedang di dalam proses Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Mengenai tempoh TPOR bagi SPA, proses permohonan jawatan kosong dengan menggunakan Sistem *Online Recruitment*. Kaola ingin mengongsikan

bahawa *System Online Recruitment* ataupun *PSC Recruitment* adalah satu kaedah baharu bagi orang ramai termasuk warga perkhidmatan awam untuk membuat permohonan bagi mengisikan jawatan-jawatan kosong di bawah pengendalian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam secara *online* dan seterusnya bagi SPA memproses permohonan berkenaan juga secara *online*.

Sistem ini diaktifkan dan digunakan pada 28 Februari 2015 yang lepas dan pengiklanan jawatan-jawatan kosong melalui sistem ini telah dikeluarkan pada 4 Mac 2015. Sistem *PSC recruitment online* ini antara lainnya bertujuan menggantikan sistem SIMPA untuk memproses permohonan yang semakin bertambah, mempercepatkan dan memudahkan proses pengambilan SPA, menggantikan borang permohonan manual dengan sistem aplikasi dalam talian untuk memudahkan orang ramai memohon jawatan dalam perkhidmatan awam yang diiklankan iaitu tanpa perlu datang ke Pejabat SPA untuk mengambil atau untuk menghadapkan borang permohonan.

Menyediakan platform ke arah borang permohonan, pemohon boleh mengemukakan, mengemaskinikan, menyertakan ataupun *scanning* sijil-sijil, *CV*, dokumen-dokumen lain dan mengesan status permohonan mereka secara *online*. Menyediakan makluman secara automatik *SMS* dan e-mel pada pemohon mengenai jadual ujian dan temu duga serta keputusan permohonan mereka. Memudahkan

penyelesaian pengumpulan dan menilai semua data pengambilan untuk diproses dengan lebih cepat dan lebih cekap. Memudahkan semakan dan pengurusan profil pemohon penggunaan portal berasaskan web membantu orang ramai pemohon mencari senarai jawatan kosong yang diiklankan.

Jadual ujian dan temuduga melalui portal pengambilan dengan penggunaan sistem *PSA Recruitment* ini, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan dapat memproses permohonan pengisian jawatan mengikut tempoh Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) antara 6 minggu hingga 13 minggu, berbanding dengan tempoh Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang lama yang memakan masa antara 10 hingga 24 minggu. Tempoh TPOR ini tertakluk kepada jumlah kekosongan jawatan dan jumlah calon yang ditemu duga. Sebagai contoh bagi 1 kekosongan, temuduga dibuat dalam seminggu, manakala bagi 100 kekosongan, temuduga dijalankan dalam tempoh masa 6 minggu.

Ada lagi satu soalan mengenai penyediaan maklumat dan garis panduan bagi tatacara membuat permohonan melalui sistem ini. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan juga Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Pada menjawabnya, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menyediakan manual tatacara membuat permohonan dan maklumat ini telah pun disediakan dan

dipaparkan dalam portal *PSA Recruitment* berkenaan.

Di samping itu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan kerjasama *vendor system* berkenaan sedang menyediakan tayangan video tatacara membuat permohonan menggunakan sistem ini dan boleh diakses dan diikuti melalui portal ini. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengongsikan maklumat tatacara dan garis panduan bagi membuat permohonan dan disiarkan melalui media massa seperti siaran Radio dan Televisyen dan melalui akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei dan akhbar-akhbar tempatan serta laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menyediakan jawapan-jawapan bagi soalan-soalan lazim bagi membantu orang ramai memahami proses dan tatacara membuat permohonan. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengadakan jerayawara kepada orang ramai di Ke empat-empat daerah untuk memberigakan mengenai sistem *PSA Recruitment* dan juga tatacara membuat pendaftaran akaun e-Darussalam.

Ada lagi satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil Daerah Temburong iaitu mengenai kelambatan dalam memproses pengiklanan jawatan-jawatan kosong di Daerah Temburong. Pada lazimnya, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan memproses dengan seberapa segera bagi mana-

mana permohonan lengkap untuk diiklankan melalui *Pelita Brunei* dan juga disiarkan di laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Permohonan-permohonan termasuk dari Daerah Temburong akan berpeluang untuk membuat permohonan.

Mengikut rekod yang ada di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ke semua permohonan bagi pengiklanan jawatan kosong yang dipohonkan di jabatan-jabatan di Daerah Temburong sudah pun diiklankan dan sebahagiannya pada masa ini sedang dalam pengendalian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti mana yang telah saya nyatakan awal tadi. Di samping itu terdapat juga jawatan kosong yang tidak dipohonkan untuk diiklankan.

Mengenai status laporan pencari pekerjaan setakat bulan Disember 2014. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh pihak penghulu dan ketua kampung dalam memberikan maklumat-maklumat pendaftaran pencari kerja bagi kawasan masing-masing. Maklumat tersebut amat berguna kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dalam menyediakan perangkaan pencari-pencari kerja di seluruh negara.

Alhamdulillah, dengan maklumat tersebut pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah dapat menyediakan perangkaan pencari kerja yang lebih komprehensif yang mana telah disiarkan bagi maklumat orang ramai pada setiap bulan melalui

media dan akhbar. Diharap kerjasama ini dapat diteruskan oleh semua penghulu dan ketua kampung dan dalam masa yang sama, sayugia juga dipohonkan supaya pihak penghulu dan ketua kampung akan dapat memberikan kerjasama selanjutnya dalam merangsang dan menggalakkan lagi pencari kerja untuk berusaha mencari peluang-peluang pekerjaan termasuk di sektor swasta tanpa banyak bergantung pada sektor kerajaan.

Kaola sekarang ingin menerangkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kawalan harga yang mana dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mengenai *surcharge* 3 peratus. Jika peniaga-peniaga mengenakan *surcharge, service charge* tanpa pengetahuan pelanggan-pelanggan, peniaga-peniaga berkenaan boleh dikaitkan sebagai melakukan amalan tidak saksama (*unfair practices*) di bawah "Bab 4, Perintah Perlindungan Pengguna Perdagangan Adil, 2011". Disebabkan Perintah Perlindungan Pengguna Perdagangan Adil adalah di bawah undang-undang sivil, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) hanya akan membuat tindakan sekiranya ada orang awam yang membuat aduan rasmi kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mengikut prosedur yang disediakan. Isu *service charge*

ataupun *surchage* adalah sebenarnya di luar bidang kuasa Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) sedang berusaha untuk bekerjasama dan agensi-agensi yang berkenaan sebagaimana juga susulan dari Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis syarikat-syarikat yang menjual produk telefon bimbit, komputer dan elektronik bagi melihat sama ada syarikat-syarikat masih mengenakan *service charge (surchage)* ketika membuat pembelian penggunaan kad debit ataupun kad kredit.

Dari pemantauan tersebut didapati ada beberapa syarikat yang mematuhi dan tidak lagi mempamerkan perbezaan harga jika membayar dengan kad debit ataupun kredit dan wang tunai. Walau bagaimanapun, ada juga segelintir syarikat-syarikat yang masih mengamalkan amalan yang tidak adil ini, malahan memutarbelitkan situasi dan mengelirukan pengguna dengan mempamerkan dua tanda harga secara tidak langsung, iaitu harga asal (*normal price*) adalah harga penggunaan kad debit / credit dan harga diskaun adalah harga menggunakan wang tunai.

Dalam peraturan-peraturan kawalan Harga Jualan Murah 2012, jika syarikat-syarikat mempamerkan dua tanda harga atau perbandingan harga atau diskaun tanpa mendapat kebenaran dari Jabatan

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), maka ia adalah satu kesalahan bagi peniaga-peniaga tersebut.

Dengan itu, pihak penguatkuasa Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah mengeluarkan beberapa notis amaran dan tawaran untuk mengkompaun kepada syarikat-syarikat yang mengadakan harga jualan murah tanpa ada kebenaran.

Berapakah ramai pegawai dan penguatkuasa Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) untuk mengawal dan memantau harga-harga kedai secara mengejut atau berkala. Jawapannya setakat ini ada seramai 16 orang. Jumlah tersebut difikirkan memadai untuk memantau harga kawalan.

Sejak 2014 hingga kini telah diadakan sebanyak 8 kali pemeriksaan di kawasan menyeluruh di empat daerah. Kategori-kategori lawatan mengejut adalah tidak tetap seperti kenderaan motor penumpang, promosi harga jualan harga murah, *service charge* dan barang-barang yang ditetapkan harganya. Inilah perkara yang selalunya akan dibuat lawatan mengejut oleh pemeriksa-pemeriksa harga. Setakat ini, 113 notis amaran telah dikeluarkan dan 4 tawaran kompaun tidak melebihi \$1,000.00 telah pun dikenakan kepada peniaga-peniaga yang didapati sabit kesalahan.

Apakah usaha Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) untuk membantu orang ramai dalam situasi



harga barangan meningkat? Sebagaimana yang kita sedia maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan beberapa pindaan Akta Kawalan Harga (Penggag 142) yang telah dikuatkuasakan mulai 26 Disember 2012.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah dimandatkan untuk memantau dan mengawal harga beberapa jenis barangan keperluan yang senarainya termasuklah kenderaan motor penumpang, susu tepung anak damit, rokok dan tembakau, minyak masak, tepung biasa, susu pekat dan cair, *motor gasoline, dual-purpose kerosene, automatic gas oil, motor liquified petrol gas of LPG*, bahan binaan seperti bata, tetulang, pasir, batu, simen, batumen aspal, konkrit, siap campur dan bata, tanah liat dan konkrit, gula dan beras.

Senarai kategori 15 barang-barang makanan yang dikawal harga maksimum sempena musim perayaan ini adalah spesifik dalam musim perayaan termasuklah daging ayam, telur ayam, daging, mentega, marjerin, minyak sapi, susu pekat, susu cair, tepung, kacang jagus, coklat, serbuk santan, cecair santan, serbuk cili, udang kering, kulit popia.

Di samping itu juga sebagaimana kita sedia maklum Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga telah mengumpul maklumat mengenai beberapa harga barangan asas dan

perkara ini disebarluaskan melalui media-media tempatan termasuk Akhbar Pelita Brunei, *facebook* dan beberapa laman web.

Usaha ini bertujuan memastikan harga barangan asas dijual pada harga yang berpatutan. Memastikan sebarang kenaikan harga barangan asas diselaraskan berdasarkan pasaran global. Memberi panduan kepada orang ramai terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam membeli barangan asas dengan harga yang berpatutan. Memberi rangsangan kepada peniaga-peniaga untuk menjadi lebih kompetitif.

Pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga menetapkan harga maksimum ke atas beberapa barang yang terpilih khusus untuk bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidil Fitri yang bertajuk penepatan harga barang-barang makanan sempena musim perayaan. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan bertujuan bagi mengawal harga barangan makanan terpilih yang merupakan bahan-bahan asas bagi penyediaan makanan semasa bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Penepatan harga ini juga diharap dapat membantu rakyat di negara ini terutama rakyat yang berpendapatan rendah dalam menampung perbelanjaan harian mereka sempena musim perayaan.

Adakah Akta Kawalan Harga dipinda mengikut peredaran masa? Barangan yang dikawal harga adalah ditambah dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan, jadi pihak Jabatan

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi peka untuk mengambil inisiatif jika perlu. Sebelum ini penepatan harga hanyalah 4 kategori tetapi telah ditambah kepada 22 *item*.

Pindaan terhadap barang-barang yang dikawal harga telah dibuat dan berkuatkuasa pada bulan Disember dengan tambahan sebagaimana yang saya nyatakan tadi iaitu 18 barang yang ditambah.

Ada satu soalan lagi iaitu langkah-langkah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi bagi mengawal harga barangan berikutan penurunan harga global. Adakah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi membuat pemantauan terhadap harga barangan dan harga minyak kepada orang ramai? Tugas-tugas kawalan harga memastikan barangan yang dikawal ini tidak dijual melebihi daripada harga yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi tertakluk kepada *demand and supply* pasaran di dalam dan luar negeri.

Oleh itu, disarankan kepada pengguna supaya bijak berbelanja dalam pembelian seharian dan menggunakan saluran maklumat yang telah disediakan dalam media-media seperti suratkhbar dan sosial. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menggalakkan konsep penggunaan bijak kepada pengguna-pengguna di negara ini seperti membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian dan mana-mana, misalannya ada aduan-aduan dari orang ramai adalah dialu-

alukan oleh JPKE supaya mereka dapat menjalankan lagi tugas dengan berkesan.

Ada satu lagi yang akan kaola jawab iaitu mengenai *feedback* ataupun maklum balas yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga dari Temburong mengenai penempatan sementara Mahkamah Daerah Temburong di Bangunan Kompleks Bumiputera Pekan Bangar yang didapati kurang sesuai. Sebenarnya penempatan Pejabat Pendaftaran Mahkamah-Mahkamah Daerah Temburong ini adalah bersifat sementara. Penempatan tersebut adalah untuk memberi ruang kepada kerja-kerja membaik pulih dan mengganti struktur siling dan kerosakan yang teruk dan dikategorikan tidak selamat untuk diguna pakai oleh pegawai dan kakitangan, apatah lagi penduduk-penduduk yang berurusan di Daerah Temburong.

Penelitian yang rapi dan perbincangan telah diadakan antara Pejabat Daerah Temburong, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan. Dalam perbincangan tersebut ada 2 perkara telah dipersetujui, pembaikan dan penaiktarafan akan dibuat dalam 2 peringkat iaitu peringkat bagi baik pulih siling dan lantai konkrit yang terlibat. Manakala peringkat yang kedua bagi kerja membina semula ruang pejabat dan mahkamah yang terjejas oleh kerosakan dan kerja-kerja yang dilaksanakan pada peringkat pertama.

Kerja-kerja peringkat pertama ini telah pun siap dilaksanakan dalam bulan Disember 2012. Jadi kerja-kerja peringkat kedua nampaknya ada sedikit tergendala pada peringkat awal tapi insya-Allah akan dapat disiapkan pada akhir bulan Mei 2015. Dalam pada itu, pihak jabatan juga telah membuat perancangan jangka panjang bagi membangun sebuah bangunan mahkamah kekal khusus bagi kedua-dua mahkamah di Daerah Temburong ini.

Pada peringkat ini sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 5 ekar di Lot 466, Kampong Gadong, Mukim Bangar telah pun diwartakan dan insya-Allah mungkin akan dipohonkan dalam peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang akan datang insya-Allah. Setakat ini itu sahaja Yang Berhormat Pehin yang dapat kaola kongsi mungkin rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga akan menjawab soalan-soalan yang lain sementara kaola menyediakan lagi fakta-fakta untuk menjawab soalan belum terjawab. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga  
(Minister of Energy):**

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Kaola akan cuba menjawab soalan-soalan yang ditujukan yang mana bersangkutan paut bidang abis kaola.

Soalan yang pertama tentang pencetakan. Dua perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim wakil daripada Daerah Brunei

Muara. Perkara pertama yang ditimbulkan adalah berkaitan dengan Surat Keliling berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Percetakan iaitu Surat Keliling Bil. 14/1976.

Untuk makluman Surat Keliling ini masih lagi berkuatkuasa dan Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Percetakan sedang meneliti kesesuaian Surat Keliling tersebut dengan mengambilkira Surat Keliling berkenaan. Bukan saja melibatkan isu-isu percetakan tetapi juga perolehan atau *procurement* alat tulis.

Saranan Ahli Yang Berhormat akan keperluan percetakan ke semua Kementerian dan Jabatan *dicentralized* di Jabatan Percetakan bagi tujuan penjimatan adalah diambil maklum. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan kos percetakan adalah lebih kurang sama jika dibuat di Jabatan Percetakan Kerajaan dengan syarikat-syarikat percetakan komersial. Tambahan lagi praktis yang ada pada masa ini melibatkan jabatan-jabatan yang memohon percetakan, di Jabatan Percetakan Kerajaan juga perlu membayar kos masing-masing pada kadar yang tertentu.

Pada masa yang sama, Jabatan Percetakan Kerajaan juga membuat percetakan secara prioriti khususnya dengan acara-acara di peringkat negara berbanding dengan percetakan di peringkat jabatan atau pun yang bukan sifatnya memerlukan percetakan segera. Ke semua keperluan kerajaan

akan memberi tekanan kepada kapasiti jabatan yang akan memerlukan tambahan kakitangan yang terlatih dan juga tambahan kos untuk menampung ke semua cetakan yang dimaksudkan.

Kaola seterusnya ingin menyentuh perkara kedua, yang dibangkitkan mengenai dengan penemuan beberapa muka surat Mushaf Brunei yang tidak tercetak. Sehubungan dengan penemuan ini, penelitian telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ketua Penyemak Mushaf dan peneliti mushaf yang terlibat. Penelitian berkenaan, kejadian muka surat yang hilang adalah konsisten dengan lembaran kertas yang dicetak di sebelah halaman sahaja.

Dalam hal ini, terdapat beberapa proses bagi pengawalan kualiti percetakan mushaf termasuklah penyemakan sebelum dan selepas percetakan. Pemeriksaan di bahagian penjilidan dan akhir sekali pemeriksaan sebelum proses pembungkusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat mushaf yang terlepas pandang setelah melalui proses yang tersebut. Ini juga termasuk kemungkinan mushaf yang ditolak termasuk bersama ke dalam kotak naskah-naskah yang telah disahkan.

Bagi menghalang kejadian yang sama berulang kembali, Jabatan Percetakan Kerajaan akan meningkatkan lagi langkah-langkah kawalan dalam setiap proses percetakan mushaf berkenaan dari peringkat awal hinggalah selesai. Selain dari itu, Jabatan Percetakan

Kerajaan sedang berusaha memperoleh mesin berteknologi tinggi untuk mengimbas muka-muka surat yang sudah dicetak bagi memeriksa muka surat yang kosong.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola seterusnya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan sektor teknologi maklumat yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil daripada Daerah Belait iaitu sama ada *Brunei Solution Development Centre (BSDC)* mampu menangani program-program sektor awam seperti di Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016.

*Brunei Solution Development Centre* ialah satu pusat yang bertujuan membina aplikasi-aplikasi yang berkualiti tinggi dan juga meningkatkan kemahiran pembinaan aplikasi bagi warga tempatan melalui *capability* dan *Mentoring Programme Camp* and *IT Vendor Programme*. Fasilitas *BSDC* telah mula beroperasi pada 1 April 2014 dan pada masa ini, seramai 10 orang peserta telah mengikuti program kem, di mana 2 orang telah menamatkan program tersebut dan memperoleh pensijilan *Microsoft Certified Solution Developer* yang diiktiraf antarabangsa. Seramai 8 orang lagi peserta akan mengikuti program yang sama dan dijangka akan bermula pada Mac 2015. *Program IT Vendor* khusus dibukakan pada syarikat-syarikat IT tempatan adalah dalam klasifikasi di *ICT Accredited Business (ICTAB)* 1 & 2.

Pada masa ini, sebanyak 4 buah syarikat sedang mengikuti program tersebut dan berdasarkan kepada kapasiti *Brunei Solution Development Centre (BSDC)*. Pusat ini hanya mampu melaksanakan 4 projek dan 4 penilaian *business analysis* setahun. Setiap projek dijangka akan mengambil masa 6-9 bulan untuk siap dilaksanakan dan bagi penilaian *business analysis* pula mengambil masa 6-10 minggu.

Pihak *e-Government National Centre* akan bekerjasama dengan *BSDC* untuk meningkatkan kapasiti pusat tersebut supaya akan dapat melaksanakan lebih banyak lagi projek bagi pihak kerajaan, swasta dan seterusnya ke peringkat antarabangsa pada masa yang akan datang. Bagi mendukung program-program kerajaan secara keseluruhan pihak kerajaan akan sentiasa memberi peluang kepada syarikat-syarikat IT tempatan untuk turut terlibat dalam pelaksanaan program-program tersebut.

Soalan No. 2 dari Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan *flaring* dari pihak *BLNG* dan *Refinery*, memang ada masalah ini terjadi di beberapa minggu kebelakangan ini. Memadailah di sini kaola nyatakan, pada tahun 2015 ini, kita telah menetapkan *KPI*nya dalam 0.8, di tahun 2014 tidak dapat dielakkan dan masih terjejas dan *KPI*nya berada di 0.44 yang bererti kualiti *flaring*. Perlu juga kaola maklumkan, pihak Syarikat *BLNG* sedang giat melaksanakan projek *rejuvenation*. Ini adalah untuk meningkatkan *plan reliability* bagi mengurangkan *plan trip* yang

menyebabkan *flaring* terpaksa dijatuhkan.

Pada masa yang sama Syarikat *BLNG* juga akan terus mengkaji peluang untuk mengurangkan *flaring* selaras dengan komitmennya untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Syarikat *BSP* juga terus berusaha untuk menyediakan dan mempertingkatkan lagi kestabilan *New Gas Compression Plan* untuk mengelakkan *compressor trip*.

Di antaranya ialah dengan menghantar lebihan gas ke *offshore compression* di Lumut untuk pemprosesan. Mitigasi yang dilakukan oleh pihak *Brunei Shell Refinery* bagi mengurangkan *flaring* adalah dengan membuat pembersihan kepada alat *heat exchanger* secara rutin iaitu dalam 4 bulan sekali.

Sebagai makluman, loji penapisan minyak di Seria juga akan dihentikan setelah siapnya terbina loji penapisan minyak baru yang bertempat di Pulau Muara Besar yang berpandukan reka bentuk dan *design* yang lebih efisien dan mengambil kira penjagaan alam sekitar. Itu sahaja yang dapat saya jawab tentang soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Kaola seterusnya ingin menyentuh soalan dan komen daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai cadangan menarik balik penggantungan di bawah Bab (17) Akta Pertubuhan, Penggal 2003 bagi membolehkan Dewan Perniagaan

Tionghoa untuk menghidupkan lagi semua aktiviti-aktiviti untuk mendukung kegiatan sosial dan ekonomi dan memudahkan interaksi bersama orang Tionghoa di luar negara.

Setakat ini, seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tadi, Dewan Perniagaan Tiong Hoa masih sah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Penggal 2003, penggantungan ke atas Dewan Perniagaan Tionghoa adalah disebabkan oleh pemilihan ahli jawatankuasa yang tidak adil.

Merujuk kepada permohonan Yang Berhormat bukanlah kuasa Dewan Majlis ini untuk menarik balik Bab (17) di bawah Akta Pertubuhan Penggal 2003, malahan perlulah dirujuk terus kepada Pendaftar Pertubuhan. Apa yang mustahak di sini adalah bagi Dewan Perniagaan Tionghoa untuk menangani isu-isu dalaman yang melibatkan pemilihan jawatankuasa secara lebih telus (*transparent*) dan penafian hak mengundi mengikut peruntukan Undang-Undang di Bawah Bab 17 Akta Pertubuhan Penggal 2003.

Dalam perkara ini, pihak Dewan Perniagaan Tionghoa perlu meneliti semula tatacara pemilihan Ahli Jawatankuasa mengikut garis panduan yang sememangnya telah ditetapkan dalam Perlembagaan Dewan Perniagaan Tionghoa mengikut beberapa proses dan tatacara yang perlu dipatuhi sebelum Bahagian Pendaftaran Persatuan Penarikan Bab 17.

Yang Berhormat Pengerusi, soalan seterusnya yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Soalan berkenaan dikemukakan oleh 2 orang Ahli iaitu Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Kaola hanya ingin mengongsikan beberapa fakta sahaja. Fakta menunjukkan adanya penjimatan sebanyak 12 peratus pada tahun 2003 daripada tarif baharu ini yang mula dikenalkan pada tahun 2012. Statistik perkhidmatan elektrik pada tahun 2014 telah menunjukkan sebanyak 95 peratus daripada keseluruhan pengguna sektor perumahan tidak terjejas dengan penggunaan tarif baharu berkenaan.

Misalnya, 25 peratus membayar \$6.00 atau kurang bagi penggunaan 600 *kWh* ke bawah. Jika kita membuat perbandingan dengan jiran terdekat di Negeri Sabah penggunaan minimum di Sabah dan Sarawak adalah lebih mahal dari apa yang dikenakan di Brunei. Penggunaan tinggi di atas 4,000 *kWh* berkurangan sebanyak 10 peratus dari tahun sebelumnya. Ia menunjukkan adanya sudah kesedaran bagi pengguna tenaga yang berjimat dan lebih berhemat.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan syabas kepada

pengguna-pengguna ini. Kesan dari penggunaan tarif baharu ini berserta dengan penggunaan meter prabayar telah dapat membantu pengguna untuk mengawal tunggakan pembayaran mereka.

Isu tunggakan pada tahun 2014, sudah terkawal, malah menurun 6 peratus dari jumlah pada tahun 2013. Kerajaan sentiasa memedulikan mana-mana keluarga besar yang dikenal pasti terbeban disebabkan penggunaan mereka yang tinggi. Sehingga kini pihak kerajaan telah melaksanakan pemasangan meter tambahan kepada 40 buah keluarga dan sentiasa terbuka kepada rayuan mengenai kesulitan seumpama ini.

Melalui fakta di atas, adalah diharapkan pihak Yang Berhormat akan sama-sama memberi perhatian dan dapat mengongsikan kesan positif dan faedah-faedah yang dinikmati oleh pengguna terutama sekali pada pengguna yang berpendapatan rendah.

Mengenai aktiviti-aktiviti komersial seperti pembuatan kuih-muih. Perkara ini insya-Allah akan dibincangkan lebih lanjut. Sudah ada komiti *SMEs* masa ini, melihat salah satu daripada usaha kerajaan untuk membantu *SMEs* iaitu *Micro SMEs* yang hanya 1 ke 3 atau ke 4 orang untuk dapat menggunakan kawasan rumahnya dan sebagainya tempat berniaga itu dapat dilihat oleh jawatankuasa yang akan dibentuk sedikit masa lagi berkaitan dengan *SMEs*.

Isu bekalan elektrik di Daerah Temburong yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad ialah adakah janakuasa yang ada pada masa ini (*diesel generator*) yang berkapasiti 12 megawatt mempunyai *spare capacity* untuk menampung keperluan dari pembangunan PKBN dan Universiti UNISSA. Jawapan yang singkat, Ya.

Juga bekalan ke daerah ini akan diperkukuhkan lagi dengan siapnya Projek Jambatan Penghubung Mentiri ke Temburong yang penyaluran bekalannya dibuat melalui pemasangan kabel voltan tinggi. Dengan adanya talian penghantaran ini, Stesen Jana kuasa Belingos akan diberhentikan operasinya dan dijadikan sebagai *standby generator* sahaja. Jabatan tidaklah berminat untuk menambah jentera penjanaan diesel di daerah ini memandangkan diesel ada isunya dengan pencemaran alam sekitar yang akan timbul.

Kerja-kerja pembaikan sistem rangkaian pembekalan 11,000 voltan telah dan sedang dilaksanakan bagi menggantikan litar-litar yang sering mengalami kerosakan. 3 talian telah dapat digantikan dengan yang baharu pada bulan Februari 2015 dan insya-Allah, 2 lagi akan siap pada bulan Jun 2015 ini. Langkah-langkah mitigasi ini sudah setentunya akan dapat menangani isu gangguan bekalan elektrik di daerah ini, dan ia insya-Allah akan diteruskan bagi mempertingkatkan lagi mutu bekalan di daerah ini sebanding dengan daerah-daerah yang lain.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tentang kemudahan membuka cawangan Jabatan Elektrik Sungai Liang. Terima kasih atas saranan dan perhatian Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee dalam sama-sama kita memedulikan kesejahteraan penduduk-penduduk di kawasan Sungai Liang dan Labi. Usaha seperti ini akan diteruskan lagi. Kaunter perkhidmatan tambahan di kawasan Kampung Mentiri dan Kampong Lumapas juga akan dibuka dan beroperasi pada pertengahan tahun ini.

Izinkan kaola beralih kepada soalan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Tentang 2 soalan pengeluaran minyak, menurut apa yang dilaporkan oleh *ASEAN Development Bank*. Saya ingin membetulkan catatan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai penurunan sebanyak 40 peratus itu adalah bagi pengeluaran minyak sahaja.

Jika menurut pengeluaran minyak dan gas ia kurang dari 20 peratus. Pada tahun 2014 pula, pengeluaran adalah sebanyak 357,000 *barrel of oil equivalent* iaitu kurang kira-kira 10 peratus dari sasaran yang ditetapkan oleh sebab-sebab tertentu iaitu tingginya penangguhan pengeluaran minyak oleh sebab-sebab operasi.

Seperti mana yang sudah saya jelaskan, ini menjawab Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah tadi, negeri ini, adakah mapan mengeluarkan

minyak? Adakah memaksa mengeluarkan minyak. Seperti mana yang sudah saya jelaskan tadi, negara telah mencapai purata *reserve replacement issue* melebihi dari 1, yang merupakan salah satu petanda kedayatahan sumber *reserve* dan pengeluaran minyak dan gas.

Penurunan minyak dan gas adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembaikpulihan yang dilakukan secara berperingkat pada aset-aset yang matang yang sudah ada melebihi daripada 50 tahun. Penutupan *unschedule* yang tidak dirancang, *unscheduled deferment* yang telah disebabkan oleh masalah-masalah operasi dan integriti tentang saluran paip dan kerosakan kepada peralatan pengeluaran dan seterusnya juga *natural decline* pada padang minyak yang sedia ada, yang dianggarkan lebih kurang 20 peratus setahun.

Penurunan pengeluaran bukanlah disebabkan oleh tidak menghiraukan keupayaan infrastruktur bahkan infrastruktur dan tenaga-tenaga yang sedia ada, mempunyai kapasiti yang masih mampu menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Projek-projek baik pulih seperti yang dinyatakan tadi akan mengambil masa insya-Allah, sehingga tahun 2018.

Dalam Kertas Putih Tenaga, salah satu sasaran utama ialah untuk meningkatkan pengeluaran minyak dan gas kepada 650,000 *barrel of oil equivalent per day* pada tahun 2035. Untuk mencapai ke arah itu, Jabatan



Tenaga sebagai *regulator* mengungkayahkan beberapa usaha yang telah dan akan dilaksanakan iaitu:

1. Meningkatkan aktiviti eksplorasi termasuklah di kawasan darat dan laut dalam;
2. Mempercepatkan proses pembukaan dan penerokaan kawasan-kawasan baharu;
3. Berkongsi antara syarikat-syarikat minyak dan gas di negara ini dengan secara berkolaborasi dan pemikiran yang berinovatif untuk memajukan padang-padang minyak dan gas yang dianggap mencabar dari segi ekonomi; dan
4. Menggalakkan kaedah *secondary* dan *tertiary recovery* dan teknologi terkini bagi meningkatkan pengeluaran pada padang minyak dan gas yang sudah matang.

Pada tahun 2015 Masihi, Jabatan Tenaga menyasarkan pengeluaran minyak dan gas dalam negara sebanyak 370,000 *barrel of oil equivalent per day*. Sasaran dipersetujui oleh pihak-pihak yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah yang berkelayakan dari pihak kerajaan terdiri dari anak-anak tempatan sendiri dan juga pihak *Shell* yang terdiri daripada anak-anak tempatan yang memegang jawatan-jawatan penting di *Shell*.

Itu sahaja yang kaola dapat kongsiikan bagi jawapan kepada soalan daripada

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Jawapan bagi soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, mengenai *United Nation E-Government Survey* yang dibuat setiap dua tahun, kedudukan berada di tangga nombor 86. *Survey* yang dijalankan oleh pihak *United Nations* telah dimulakan pada tahun 2001 untuk menyokong usaha negara-negara ahli dalam memperkembangkan dan pembangunan e-Kerajaan dan teknologi komunikasi maklumat bagi perkembangan sosial ekonomi.

Laporan *United Nations E-Government Survey* ini, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman ialah setiap dua tahun. Pada tahun 2014, kedudukan Negara Brunei Darussalam telah jatuh daripada tangga Ke-54 pada tahun 2012 kepada tangga Ke-86.

Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam masih mengekalkan kedudukan tangga Ke-3 di rantau *ASEAN*. Penurunan kedudukan pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- i. Jumlah perkhidmatan *online* yang rendah;
- ii. Kekurangan ciri-ciri asas dan maklumat yang tidak dikemaskinikan dalam laman *web* kementerian dan jabatan;

- iii. Tiada inisiatif *open data*, dan
- iv. Kekurangan media *electronic* bagi perhubungan dan penglibatan orang ramai dengan pihak kerajaan secara keseluruhan.

Untuk meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *survey* yang akan datang, beberapa langkah-langkah telah dikenal pasti yang sedang dilaksanakan. Antaranya:

- i. Bagi meningkatkan penggunaan laman *web* dan perkhidmatan *online* kerajaan *portal one stop* rasmi kerajaan iaitu *portal e-Darussalam* telah pun disusun semula dan direka bentuk yang lebih *user friendly* dan mengandungi ke semua perkhidmatan kerajaan. Selain itu, *template* dan garis panduan telah diperkenalkan untuk memastikan *consistency* laman-laman *web* yang selaras dengan keperluan *UN E-Government Survey* dan pada masa ini pihak agensi sedang membantu dan mengemaskinikan peralihan laman *web* kerajaan.
- ii. Kerajaan juga telah melancarkan *portal Data.gov.bn* pada Disember 2014 bagi menyokong *initiatives of open data* di Negara Brunei Darussalam. Dengan ini agensi-agensi kerajaan digalakkan untuk berkongsi maklumat yang tidak sensitif dengan orang ramai dan akan memudahkan agensi-agensi untuk mengakses data atau maklumat yang diperlukan. Pada masa ini *Data.gov.bn* mengandungi

349 *set data* yang telah dikongsi oleh empat agensi kerajaan iaitu Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kesihatan.

- iii. Seperti lazimnya, laman *web* kerajaan yang digunakan sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai, pihak kerajaan juga berhasrat untuk menjadikan *medium* perhubungan ini agar lebih *interactive* dan dengan itu memudahkan komunikasi dua hala dengan menggunakan *discussion forum* yang disediakan di *portal e-Darussalam* serta penggunaan *platform media social*, pihak kerajaan akan boleh meningkatkan perhubungan dan penglibatan orang ramai. Itulah sahaja jawapan kepada persoalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Seterusnya jawapan kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking tentang lampu di Jalan Kampong Lubok Pulau dirancangan untuk dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2015/2016 ini dan insya-Allah akan siap pada bulan Oktober 2015.

Kaola berbalik semula kepada soalan yang disoal oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkenaan

dengan *alternative energy* ataupun menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui. Kaola di sini berterima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, kerana sememangnya kerajaan berhasrat pada tahun 2035, akan dapat mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak 63 peratus yang sudah menjadi komitmen kita di *United Nations*.

Tentang *alternative energy* ini juga pada tahun 2035, sumber tenaga diperbaharui akan menjadi 10 peratus daripada *energy* kita, akan digunakan dari tenaga yang diperbaharui iaitu *alternative energy*. Pada masa ini projek-projek yang sedang berjalan di bawah perhatian *Brunei Economic Development Board (BEDB)* ialah projek *Waste to Energy*. Projek yang dalam 10 ke 15 megawatt penghasilannya dan juga *solar system* projek yang hampir sama juga dalam 10 ke 15 megawatt.

Tentang pemasangan meter prabayar 90 peratus daripada pengguna di sekitar perumahan sudah pun menggunakan meter prabayar. Selebihnya, iaitu sebanyak 3,068 pengguna akan disasarkan akan ditukarkan pada suku ketiga 2015 ini. Walau bagaimanapun, dari jumlah ini seramai 936 pengguna telah merayu untuk tidak ditukarkan ke meter prabayar atas sebab-sebab peribadi. Dalam isu ini, pihak jabatan akan sentiasa memantau penggunaan mereka untuk mengelakkan berlakunya tunggakan dan pemakaian tenaga elektrik yang tidak dikawal.

Itu sahaja dari abiskaola Yang Berhormat Pengerusi. Kalau ada akan kaola tambah lagi barang kali, Insyallah selepas rakan sejawatan kaola menjawab dan jika ada akan kaola tambah lagi ada kaola memohon nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola hanya akan menjawab 4 soalan sahaja lagi Yang Berhormat Pengerusi, yang pendek sahaja jawapan ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai pengwujudan badan khas bagi menangani produktiviti yang terdiri daripada berbagai-bagai agensi. Kemudian daripada Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin yang berkaitan dengan barangan-barangan di Brunei lebih mahal daripada di negara-negara jiran kitani.

Juga, yang satu lagi dua soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai kelambatan meluluskan skim-skim perkhidmatan dan juga persoalan mengenai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang tidak menerima permohonan jawatan kosong yang dihadapkan oleh pemohon yang belum mempunyai sijil kelulusan akademik.

Lebih dahulu kaola mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada

ketiga-tiga Yang Berhormat ini yang telah menyuarakan mengenai perkara-perkara ini.

Pertama mengenai badan khas menangani produktiviti. Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid tadi yang menimbulkan isu yang produktiviti ini akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Seperti yang sudah kaola jelaskan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Belanjawan kelmarin, salah satu fokus utama negara ialah meningkatkan produktiviti di sektor awam dan swasta yang telah pun ditangani oleh agensi-agensi berkenaan. Oleh itu, kaola tidaklah akan mengulangi usaha-usaha dan perancangan pihak kerajaan dalam meningkatkan produktiviti di kedua-dua sektor tersebut. Cuma memadailah bagi kaola mengongsikan sebagai maklumat tambahan sahaja bahawa usaha untuk meningkatkan produktiviti ini juga ada ditangani oleh Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri, khususnya dalam melaksanakan salah satu keutamaan iaitu Petunjuk Prestasi Utama Ekonomi (*Economy Key Performance Indicators*) atau *KPI*. Dalam keutamaan itu, setiap agensi yang akan melaksanakan *KPI* tersebut perlu memberikan penekanan pada isu-isu atau usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti di setiap sektor yang telah dikenal pasti.

Maka yang demikian, pihak kerajaan setakat ini belumlah ada mempunyai perancangan khusus untuk menubuhkan satu badan khas bagi menangani isu produktiviti tersebut kerana ia *invaded*

dalam *KPI* yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pandu PENGGERAK.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu harga barangan di negara jiran lebih rendah. Ini satu perkara yang *actual* disebabkan oleh *currency*, pertukaran mata wang yang lebih menyebelahi negara jiran kitani daripada kitani. Walau bagaimanapun, agensi yang tertentu, termasuk JPKE telah berusaha untuk menggalakkan berbelanja di negara ini melalui jualan-jualan murah *Brunei Salebration* pada setiap tahun.

Selain dari itu usaha-usaha juga digalakkan untuk membanyakkan lagi tempat riadah yang lebih menarik di negara ini sebagaimana yang biskita sudah sedia maklum, Jerudong Park pada waktu ini, kalau kita melihat *weekend* pun alhamdulillah, nampaknya banyak sudah orang datang dan dapat membantu *SME* dan sebagainya dalam menjana aktiviti-aktiviti ekonomi. Pada awal bulan ini kita mengadakan regata dan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti ini adalah sekurang-kurangnya bukan sahaja ia akan dapat menarik orang-orang kitani untuk berbelanja di negeri ini tetapi juga menarik pelancong-pelancong untuk melancong ke negara ini.

Mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu mengenai kelambatan-kelambatan skim perkhidmatan yang disebut ialah profesional dan teknikal,

Kementerian Pembangunan, *Allied Health Profession*, skim perkhidmatan bagi jawatan Pegawai Yang Mengusai Lalu Lintas Udara. Sebenarnya skim-skim ini telah pun dibincangkan beberapa kali oleh Jawatankuasa Tangga Gaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan.

Pada masa ini semua kertas cadangan skim ini masih memerlukan maklumat-maklumat tambahan bagi perkhidmatan yang di bawahnya banyak terdapat berbagai-bagai bidang. Penelitan dan pertimbangan ini dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh, bukan sahaja kitani melihat dari segi skim-skim tersebut sahaja tetapi dari segi keselarasannya dan keteraturannya *in relation* kepada skim-skim yang berkaitan dan telah diluluskan di skim-skim yang lain. Oleh yang demikian, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mempercepatkan lagi untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan.

Terakhir ialah mengenai keprihatinan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi mengenai pihak SPA tidak menerima permohonan bagi jawatan kosong yang dihadapkan oleh pemohon dengan hanya menggunakan surat pengesahan menamatkan pengajian dari institusi pengajian tinggi dan pemohon berkenaan belum lagi memiliki sijil kelulusan akademik, contohnya sijil yang dikeluarkan oleh ITB.

Dalam memproses permohonan jawatan kosong SPA, pada masa ini memanglah

hanya menerima dan memperakui permohonan daripada pemohon-pemohon yang mempunyai sijil kelulusan sebagai dokumen yang sah. Mengenai surat pengesahan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi, ia masih tertakluk kepada perkara-perkara yang ditetapkan oleh pihak institusi pengajian tinggi berkenaan.

Jadi sijil kelulusan yang dikeluarkan berkenaan adalah sebagai dokumen yang sah iaitu sebagai bukti pemohon berkenaan mempunyai syarat kelulusan akademik yang diperlukan. Oleh itu, sijil pengesahan kelulusan tersebut belumlah dapat diiktiraf sebagai dokumen yang sah dan terakhir walau bagaimanapun, pada masa ini, perkara ini sedang dirundingkan bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan mengenai cara-cara yang terbaik untuk kita menangani perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin menjawab 2 soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam kerana soalan itu berkaitan dengan perbankan dan ianya adalah di bawah kawalan Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Soalan pertama, ialah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid iaitu mengenai pengeluaran iklan-iklan oleh bank dan syarikat pinjaman kewangan yang mana diserukan agar ianya lebih *responsible*. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sentiasa memantau iklan-iklan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan perbankan dan kewangan. Bank-bank di negara ini perlulah mendapat kebenaran daripada AMBD sebelum membuat sebarang promosi dan pengiklanan mengenai perkhidmatan kad kredit seperti yang diperuntukkan melalui Notis No. 1/2012 di bawah Seksyen 66 Perintah Perbankan 2006 dan Perintah Perbankan Islam 2008. Selain Perkhidmatan Kad Kredit, AMBD tidak mengawal selia iklan-iklan yang dikeluarkan oleh bank-bank di negara ini bagi produk-produk yang lain seperti pembiayaan rumah dan pinjaman peribadi.

Di samping itu, selaras dengan perundangan di bawah AMBD, iaitu Akta Syarikat-Syarikat Kewangan Penggal 89, setiap pengiklanan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada AMBD sebelum ia dikeluarkan. Maka, saranan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, bagi bank dan syarikat pinjaman kewangan lebih berhati-hati bila mempromosikan produk mereka dan mengamalkan *safe regulations* itu, diambil maklum dan isnya-Allah akan dibawa keperhatian

bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk mematuhi peraturan yang sudah ada.

Soalan kedua, ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md Daud bin Karim iaitu mengenai kedai-kedai dan peniaga-peniaga yang masih mengecaj 3 peratus kepada pelanggan-pelanggan yang menggunakan kad kredit. Soalan ini telah pun dijawab sebahagiannya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Walau bagaimanapun, daripada pihak AMBD, kaola ingin menjelaskan bahawa *surcharge* bagi penggunaan kad debit ataupun kad kredit dikenakan oleh peniaga-peniaga dan bukan dikenakan oleh bank-bank. AMBD secara berterusan mengadakan perbincangan dengan pihak bank-bank untuk memastikan peniaga-peniaga tidak mengenakan *surcharge* kepada pihak pelanggan. Sebarang *surcharge* yang perlu dibayar oleh peniaga kepada *service provider* hendaklah ditanggung oleh peniaga sendiri.

Pihak Persatuan Bank-Bank Brunei juga telah mengeluarkan satu siaran akhbar bahawa jika masih ada *surcharge* sedemikian pihak pelanggan bolehlah menghubungi pihak bank untuk mendapatkan penerangan lanjut dan pihak bank juga telah mengeluarkan surat kepada bank-bank yang mengedarkan kad terminal untuk memantau aktiviti-aktiviti peniaga-peniaga tersebut.

Bank-bank akan mengambil tindakan dengan menarik balik kad terminal yang telah diedarkan sebelumnya bagi peniaga-peniaga yang tidak mematuhi perjanjian dengan bank tersebut. Jadi, itulah saja Yang Berhormat Pengerusi penerangan daripada abis kaola daripada pihak AMBD dan semoga penjelasan itu dapatlah menjelaskan persoalan yang telah dikemukakan oleh dua Ahli Yang Berhormat tadi.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ini. Kaola hanya ingin menyentuh saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad supaya pihak *DST* dan *Telbru* mengikut jejak Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk membolehkan sistem pembayaran yang sama dibuat. Sukacita dimaklumkan bahawa semua Pejabat Perkhidmatan Pos pada masa ini menerima bayaran daripada kedua-dua agensi ini.

Apa yang akan disarankan kepada *DST* dan *Telbru* apabila habis atau dalam masa yang terdekat ini, malah juga kepada Syarikat *Procell Mobile* untuk melihat lagi bagaimana *business transaction* yang dapat dibuat di pejabat-pejabat pos yang berkenaan. Jadi, mengambil kesempatan ini kaola

mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad atas keprihatinan beliau menimbulkan perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar kenyataan-kenyataan dan penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dari Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan dan Menteri Perhubungan.

Maka, sekarang saya kira Tajuk yang berkenaan ini iaitu Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang boleh kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi tajuk-tajuk berkenaan ini dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Alhamdulillah, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan Tajuk-tajuk berkenaan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA14A hingga Tajuk - SA25A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya ialah Kementerian Pertahanan, SB - Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan untuk memberikan sedikit mukadimah mengenai peruntukan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Ini sebagai langkah untuk memandu jawatankuasa ini untuk menimbangkan permohonan peruntukan Kementerian Pertahanan ini secara fokus.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015/2016 adalah sebanyak \$537,490,460.00. Jumlah ini merupakan penurunan sebanyak 25.26 peratus dari anggaran yang diluluskan pada Tahun Kewangan yang lalu. Pembahagian peruntukan yang diluluskan ini adalah bagi Pembayaran Gaji iaitu sebanyak \$336,146,330.00, diikuti dengan Perbelanjaan Tahunan Berulang-Ulang sebanyak \$169,344,130.00, dan kemudian lain-lain pembayaran Perbelanjaan Khas sebanyak \$32 juta.

Bagi Kategori Perbelanjaan Pembayaran Gaji terdapat penambahan sebanyak \$15,276,960.00 berbanding tahun lepas. Penambahan ini berpunca daripada kenaikan gaji tahunan (*Annual Increment*) dan pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada pada masa ini. Kenaikan yang ketara ini berpunca daripada penambahan jawatan baharu

khusus bagi kakitangan pemeliharaan kelengkapan teknikal yang mengambil kira penambahan peralatan kelengkapan khususnya keupayaan Tentera Laut Diraja Brunei dan Tentera Udara Diraja Brunei.

Bagi kategori lain, bagi Perbelanjaan Tahunan Yang Berulang, ia menurun sebanyak 0.2 peratus disebabkan oleh pengurangan pengambilan kakitangan *open vote* dan bergaji hari. Manakala bagi kategori bayaran Perbelanjaan Khas menurun sebanyak 86 peratus, sejumlah besar penurunan ini disebabkan oleh peruntukan bagi Projek Peningkatan Keupayaan Pertahanan yang sebelum ini di bawah kawalan Kementerian Pertahanan telah dipindahkan ke akaun baharu di bawah Peruntukan Perbelanjaan Khas Kementerian Kewangan. Manakala sebahagian lagi Peruntukan Perbelanjaan Khas berpunca daripada penelitian semula keutamaan di atas projek-projek keupayaan tentera dan kerja-kerja bangunan bagi menyelaraskan keadaan ekonomi semasa.

Memandangkan usia Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang melebihi separuh abad, Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan keupayaan tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa di tahap yang tinggi. Usaha ke arah peningkatan keupayaan tentera telah berjalan dengan baik sejak enam tahun kebelakangan ini yang meliputi alat kelengkapan tentera, mobiliti dan pengangkutan institusi-institusi latihan dan sebagainya.



Namun usaha ini masih perlu diteruskan memandangkan kepada perkembangan dan peranan serta tanggungjawab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang semakin mencabar baik di peringkat negara ataupun antarabangsa. Dalam waktu yang sama, Kementerian Pertahanan juga akan mengambil peranan penting ke arah usaha mencapai Wawasan Negara 2035, iaitu membentuk satu strategi keselamatan yang *robust* dan berkesan untuk memelihara kestabilan dan kedaulatan negara, menjamin hubungan diplomatik pertahanan dan siap siaga dalam menangani sebarang ancaman termasuk bantuan kemanusiaan dan bencana alam.

Kementerian Pertahanan sedang membuat kajian pertahanan secara terperinci bagi memastikan keberkesanan pengurusan pertahanan yang *cost effective* dan perancangan jangka masa panjang yang melahirkan kesan yang positif terhadap kekuatan tentera dan pertahanan negara. Kementerian Pertahanan akan terus mengamalkan sikap berhemah dalam berbelanja dan memastikan *corporate governance* seperti menginstitusikan kaedah *programme and performance budgeting* dalam pengurusan.

Sebagaimana jua pada tahun-tahun yang lepas, Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini agar Peruntukan Kewangan Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan secara terbuka memandangkan ia boleh mendedahkan

isu-isu keselamatan pertahanan strategik negara. Apa jua saranan-saranan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat insya-Allah akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita maklumi dan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, biasanya Tajuk Belanjawan ini tidak kita bincangkan memandangkan bahawa tajuk ini berkait rapat dengan hal-ehwal strategi keselamatan negara, isu-isu yang dibincangkan mungkin merupakan perkara-perkara sensitif dan tidak sesuai untuk dibincangkan dalam majlis yang terbuka ini.

Maka dengan itu, saya bersetuju dengan pendapat ini dan saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Rang Belanjawan Tajuk SB - Kementerian Pertahanan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Nampaknya semua bersetuju.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SB - Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SD01A hingga SD08A -  
Kementerian Kewangan bagi

menggantikan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan ditangguhkan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk yang berkaitan ini mengenai Kementerian Kewangan dan oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) akan ke luar negeri pada esok hari, kemungkinannya lebih baik kalau kita memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) untuk memulakan mukadimah nya.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti mana jua penerangan kaola sebelum ini mengenai peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan. Kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi sekali lagi untuk mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini agar perbincangan kita akan lebih fokus dan terarah.

Alhamdulillah, pada Tahun Kewangan 2014/2015, Kementerian Kewangan dengan kerjasama erat agensi-agensi kerajaan yang lain, antaranya Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Pejabat Peguam Negara dan lain-lain, beberapa inisiatif telah dapat dilaksanakan dalam meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Ini secara langsung mendukung usaha-usaha kerajaan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan

yang kondusif dan kompetitif. Inisiatif-inisiatif tersebut antaranya termasuk:

1. Memudahkan proses memulakan perniagaan, khususnya bagi meringkaskan dan mempercepatkan proses pendaftaran syarikat-syarikat melalui beberapa pindaan ke atas Akta Syarikat yang antara lainnya mengandungi perubahan-perubahan yang berikut:
  - i. Meniadakan keperluan keperluan bagi syarikat-syarikat untuk membuat *common seal* mohor syarikat;
  - ii. Meniadakan keperluan surat pengakuan berkanun (*statutory declaration*) dalam permohonan pendaftaran syarikat; dan
  - iii. Menetapkan bayaran penubuhan syarikat kepada \$300.00 sahaja berbanding sebelum ini yang mengandungi pelbagai jenis pembayaran bagi setiap perkhidmatan yang berkaitan pendaftaran dengan tujuan memudahkan permohonan.
2. Melaksanakan sistem pendaftaran syarikat-syarikat dan nama perniagaan, *e-registry* yang baharu. Sistem ini yang dilancarkan pada bulan Januari 2015 telah membolehkan proses pendaftaran serta penubuhan syarikat dibuat dengan lebih cepat, mudah dan ringkas. Antara lainnya dengan mencantumkan beberapa proses *name search* dan *name reservation*.

Alhamdulillah, melalui perubahan yang dilaksanakan dan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, proses pendaftaran syarikat dan untuk memulakan perniagaan telah dapat dikendalikan dalam tempoh kurang dari satu hari.

3. Melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, untuk memudahkan lagi pengurusan proses import dan eksport barangan ini dengan mengurangkan bilangan dokumen yang diperlukan seperti meniadakan keperluan *Certificate of Origin*, kecuali jika pemohon berhajat untuk mendapatkan kadar cukai khas di bawah Perjanjian-Perjanjian perdagangan yang berkenaan.
4. Melaksanakan pengurangan kadar cukai pendapatan korporat kepada hanya 18.5 peratus. Langkah ini selaras dengan inisiatif yang dimaklumkan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015 pada tahun lepas, bagi menyediakan iklim perniagaan yang kondusif dan meningkatkan lagi daya saing negara dalam menarik pelaburan asing. Melalui inisiatif ini ianya menjadikan kadar cukai korporat yang dikenakan oleh negara ini sebagai antara yang paling kompetitif di kalangan anggota *ASEAN*, serantau dan antarabangsa;
5. Bagi memperkesakan lagi pengurusan pembayaran kepada syarikat-syarikat pembekal, Jabatan

Perbendaharaan telah meningkatkan keupayaan *invoice tracking module* dengan memperkenalkan fungsi *e-mail notification*. *E-mail notification* ini bertujuan untuk memberikan makluman melalui e-mel kepada pembekal dan pemborong terhadap status tuntutan pembayaran yang telah dihadapakan kepada agensi-agensi kerajaan. Sejak modul ini diperkenalkan pada pertengahan bulan Februari 2015 yang lalu, sejumlah lebih 50,000 *e-mail notification* telah dijana oleh sistem berkenaan. Mana-mana pembekal atau pemborong yang tidak menerima sebarang pemakluman melalui *e-mel* terhadap sebarang tuntutan yang telah dihadapakan ke mana-mana jabatan kerajaan, bolehlah berhubung dengan jabatan berkenaan atau terus ke Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan susulan yang bersesuaian.

Langkah memperkenalkan sistem pemakluman ini, dihasratkan untuk meningkatkan lagi akauntabiliti kementerian / jabatan bagi pemantauan yang telus ke atas tuntutan yang diterima dari para pembekal dan pemborong agar isu-isu berkaitan pembayaran lambat seperti inois hilang dan sebagainya akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Tahun Kewangan 2015/2016, Kementerian Kewangan akan meneruskan tumpuan pada aktiviti

yang akan dapat mendukung dasar belanjawan dan fokus keutamaan Belanjawan Negara iaitu "Memperkasa Pendidikan dan Latihan Meningkatkan Produktiviti Bagi Perkhidmatan-Perkhidmatan" di bawah Kementerian Kewangan, merangsang kegiatan pelaburan bagi mendukung dasar mempelbagaian ekonomi negara serta menyediakan iklim pelaburan yang kondusif bagi mendukung perkembangan sektor swasta dan meningkatkan kesejahteraan awam khusus berkaitan dengan aspek keselamatan negara.

Selaras dengan keutamaan tersebut perancangan dan pelan tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada usaha-usaha dan langkah-langkah seperti:

1. Dalam usaha-usaha memperkukuhkan pengurusan kewangan di semua peringkat perkhidmatan awam dengan memberikan penekanan kepada peningkatan disiplin dan akauntabiliti pengurusan kewangan kepada pegawai-pegawai pegawal. Langkah-langkah akan diambil dalam memastikan perbelanjaan yang dilaksanakan akan dapat mendukung keberkesanan perkhidmatan awam serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara secara inklusif dan *sustainable*. Dalam hal ini pelaksanaan projek program dan *performance budgeting* di setiap peringkat kementerian dan jabatan akan dipergiatkan dan diperkukuhkan.
2. Melaksanakan inisiatif berterusan bagi meningkatkan tahap produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai. Antaranya meningkatkan keupayaan *system e-payment gateway* bagi membolehkan orang ramai membuat pembayaran perkhidmatan kerajaan dan penyediaan *bill presentation* dan penyatuan bil secara *online*. Kedua, memperluaskan lagi perkhidmatan *e-payment gateway* kepada agensi-agensi kerajaan lain bagi menawarkan kemudahan. Ini lebih banyak kepada perkhidmatan kerajaan bagi pembayaran bil-bil mereka. Peluasan ini juga bagi bertujuan bagi meningkatkan akauntabiliti dan efisiensi dalam merekodkan kutipan-kutipan hasil kerajaan, sekali gus proses mengemaskinikan ke atas akaun agensi itu sendiri.
3. Mengintegrasikan keupayaan *System For Tax Administration, and Revenue Services (STARS)* bagi memudahkan pembayaran cukai pendapatan dibuat melalui sistem *online* melalui sistem *e-payment gateway*.
4. Memperluaskan lagi pengurusan *system e-customs* agar lebih banyak proses pemberian kebenaran bagi permohonan import dan eksport barangan di bawah agensi-agensi kerajaan lain diintegrasikan dan dibuat secara *online* di bawah inisiatif *Brunei Darussalam National*

- Single Window* bagi memudahkan perdagangan.
5. Berterusan mengambil langkah bagi mudah cara dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan pelaburan *Ease of Doing Business* termasuk inisiatif menarik pelaburan langsung asing yang akan turut menyumbang pada meluaskan asas sumber hasil pendapatan negara. Ini antara lain meneruskan inisiatif untuk memudahkan dan *simplify* pengurusan cukai di samping menguruskan kos-kos perniagaan di negara ini, seperti meneliti kadar cukai korporat yang bersesuaian, peruntukan di bawah *capital allowance* bagi tujuan menggalakkan pelaburan jangka masa panjang, meneliti peruntukan-peruntukan di bawah bidang tugas pendaftar syarikat-syarikat dan nama-nama perniagaan dan lain-lain.
  6. Melalui pengurusan sumber manusia, menyediakan latihan-latihan dalaman yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran sumber tenaga manusia melalui pelaksanaan secara berperancangan, program-program pembangunan sumber manusia seperti *leadership programme, customer service delivery, performance enhancement programme* dan sebagainya.
  7. Meningkatkan lagi keupayaan pengawalan keselamatan negara di pos-pos kawalan kastam termasuk melaksanakan projek-projek berteraskan teknologi bagi meningkatkan pengesanan (*detection*) barang-barang kawalan dan tegahan kastam tanpa menjejaskan keperluan mudah cara perdagangan. Di samping itu juga ditingkatkan dalam memantau aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan di perairan negara ini, antaranya melalui penyediaan peralatan-peralatan dan kelengkapan yang perlu; dan
  8. Meneruskan usaha dalam memastikan jaminan bekalan makanan *food security* antara lainnya melalui mempelbagaian sumber input makanan asasi dan menyediakan gudang penyimpanan makanan alternatif sebagai langkah keselamatan bagi menjamin perbekalan makanan asasi yang berterusan dan selamat.
- Secara ringkas peruntukan yang disediakan Gaji Kakitangan secara keseluruhannya ialah sebanyak \$58,568,290.00. Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak \$565,072,740.00. Ini termasuklah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti, Pemeliharaan Aset keseluruhannya sebanyak \$2.7 juta, Pemeliharaan Sistem Komputer sebanyak \$14.76 juta dan di bawah akaun ini juga merangkumi beberapa peruntukan guna sama bagi membiayai kemudahan dan keperluan tertentu warga perkhidmatan awam dan juga inisiatif kerajaan yang berkenaan seperti peruntukan bagi Elaun *GO* dan *FR*, Elaun Pelajaran, termasuk bagi Skim Pendidikan *Tertiary* di institusi-institusi

pengajian swasta dalam negeri, Skim Tabungan Perumahan TAP, Persidangan dan Jawatankuasa dan juga sewa rumah yang berjumlah sebanyak \$130 juta.

Perbelanjaan Khas disediakan sebanyak \$600,271,480.00 bagi melaksanakan sembilan projek pemulihan baharu yang berjumlah \$49.7 juta termasuk lima projek dengan harga rancangan sebanyak \$227.1 juta. Antara projek utama ialah MOF *Network Infrastructure Service 3* dan harga rancangan \$2.5 juta dan membekal sijil berteknologi GPS dengan harga rancangan \$400,000.00, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, 41 projek pengambilan semula berjumlah \$550.6 juta termasuk 14 projek dengan harga rancangan sebanyak \$1.157 juta ini termasuk pembelian bot peronda Jabatan Kastam dan Eksais, projek *Rangkaian Nasional Digital Communication System*, menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit sejumlah \$10 juta dan projek pembaikan *Brunei House* sejumlah \$3 juta dengan harga rancangan \$13 juta.

Peruntukan sejumlah \$300 juta juga disediakan sebagai kesinambungan pada peruntukan sebanyak \$400 juta yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 bagi membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara. Akaun fokus perbelanjaan disediakan sebanyak \$187.3 juta antaranya mendatangkan tenaga pakar dalam pengajar mahir untuk *literacy English language* dan

*Numeracy Mathematic* sejumlah \$30 juta dengan harga rancangan \$220 juta, pemeliharaan dan menaik taraf infrastruktur tapak-tapak industri dengan peruntukan sejumlah \$2.5 juta, melaksanakan projek bagi meningkatkan keberkesanan dan pengurusan keselamatan awam iaitu projek penyelarasan sistem pengesanan data *DNA* kebangsaan keseluruhannya berjumlah \$15 juta. Peruntukan sejumlah \$1.5 juta bagi kementerian dan jabatan yang berkenaan untuk melaksanakan program atau projek pembangunan kemajuan PKS yang bersesuaian.

Projek fokus disediakan sebanyak \$17 juta khusus bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara. Ini termasuk memperkasa pendidikan dan latihan, perkembangan sumber tenaga manusia, peningkatan kapasiti, merangsang kegiatan pelaburan, perkembangan sektor swasta, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kesejahteraan awam dan pertahanan keselamatan.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kewangan berharap dengan terlaksananya program dan projek-projek yang dirancang ini ia akan dapat terus meningkatkan keberkesanan usaha-usaha kerajaan dan mendukung keutamaan belanjawan negara ke arah pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan *sustainable* pada mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Wawasan Negara 2035.

Sekian yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan diucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas penerangan yang disampaikan mengenai Rang Belanjawan Kementerian Kewangan. Walau maca manapun, kita akan mempunyai kesempatan lagi untuk membincangkannya pada suatu hari yang akan kita tentukan nanti, insya-Allah. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada baiknya sekarang mesyuarat kita ini, kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Rabu, 20 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 11 Mac 2015 Masihi pada pukul 9.30 pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 20 Jamadilawal 1436H / 11 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampuung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari yang kelima, hari ini, Rabu, 20 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 11 Mac 2015 Masihi, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

#### **Doa Selamat**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin)

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua maka kita pada pagi ini dapat meneruskan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara, yang bersidang pada hari yang kelimanya.

Selawat serta salam ke atas Junjangan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang

Berhormat. Sebelum kita menyambung semula Persidangan di Peringkat Jawatankuasa, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Sehingga kini kita telah membincangkan sebanyak 15 buah Soalan Yang Diberi Notis yang telah pun dijawab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Seperti pada hari semalam, kita akan membincangkan ataupun meneruskan lagi bagi perkara ini yang saya harap akan dapat kita hadkan tempohnya dalam masa 30 minit hingga 45 minit sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan juga, kita akan membincangkan **Satu Usul Yang tidak Diberi Notis** dan selepas itu Persidangan akan beralih untuk membincangkan atau meneruskan perbincangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016, di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu semasa membahaskan tajuk-tajuk atau isu-isu yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang Perbekalan di Peringkat Jawatankuasa nanti biarlah soalan-soalan yang akan dikemukakan itu lebih merupakan soalan secara spesifik dan bukannya pandangan-pandangan. Isu-isu yang ditumpukan berkaitan dengan perkara yang kita bincangkan menurut tajuk-tajuk yang ada tertera dalam buku yang sudah pun dikelilingkan lebih awal lagi

dan saya percaya perkara ini akan membolehkan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang berkenaan memberikan penerangan secukupnya dan dapat menumpukan perhatian mereka untuk menjawab soalan-soalan itu secara spesifik dan lebih relevan lagi.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dan selayaknya bagi menentukan pekerjaan kita dapat diselesaikan dengan lebih lancar lagi. Maka persidangan pada pagi ini diteruskan ke Soalan Yang Diberi Notis selanjutnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No.16 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan No. 16, Keperluan Menyediakan Pancang Untuk Membuat Rumah.

Pada masa ini rakyat dan penduduk di negara ini yang ingin untuk membina rumah adalah dikehendaki untuk membuat pancang terlebih dahulu dengan dikenakan bayaran oleh pihak Juruukur swasta mengikut kadar jarak tempat pembinaan itu dengan bayaran

paling rendah \$1,400.00. Dalam masa yang sama pihak pemohon juga akan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak bagi menyediakan infrastruktur, seperti menyediakan pelan rumah, menimbuk, membina jalan masuk, menyambung bekalan air, api elektrik dan keperluan-keperluan yang lain.

Masalah yang dihadapi oleh mereka yang berpendapatan rendah seperti kakitangan Kerajaan di Bahagian III ke bawah yang tidak menyertai Skim Perumahan Kerajaan hanya diberikan kemudahan dengan mendapat pinjaman wang terhad kepada tidak melebihi 4 tahun gaji terkumpul sebanyak \$80,000,00 ke \$150,000,00 sahaja dan hanya mampu untuk membuat rumah banglo sahaja.

Saya ingin bertanya sama ada pihak yang berkenaan akan dapat mengkaji semula supaya syarat-syarat yang membebankan kepada mereka ini akan dapat ditiadakan?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha

Bijaya Awang Haji Othman bin Uking yang telah pun membangkitkan soalan tadi. Sebenarnya, pengukuran bagi menyediakan pancang (*setting out*) bangunan diperlukan oleh Divisyen Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCI*) untuk memastikan rumah-rumah yang dibangun mengikut syarat yang telah ditetapkan dan tidak terkeluar daripada garis bangunan dan sempadan.

Kerja-kerja penyediaan pancang perlu dibuat oleh juruukur berlesen yang dilesenkan oleh Jabatan Ukur dengan berpandukan harga pengukuran (*scale of fees*). Walau bagaimanapun sebagai pertimbangan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan oleh sebab perkara ini sering ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini, dalam satu sesi permuzakarah dengan *stakeholders* yang terdiri daripada Arkitek, Jurutera Profesional, Tukang Pelan Kementerian Pembangunan.

Satu persetujuan telah dibuat iaitu permohonan bagi kerja-kerja bangunan khususnya bagi perumahan diberi pengecualian dan juga kerja yang berisiko rendah seperti pengubahsuaian kedai, rumah tidak lagi memerlukan *License Surveyor* bagi kerja-kerja pengukuran untuk penyediaan pancang (*setting out survey works by lands surveyors (SLS)*) mulai dari 2 Februari 2015 Masihi. Pihak Jabatan Ukur tidak ada halangan jika kerja-kerja *setting out* bangunan tersebut boleh dibuat sahaja oleh kontraktor berkenaan ataupun *qualified person* asalkan batu-batu tanda sempadan tanah berkenaan yang

masih perlu dimestikan ataupun perlu dibuat oleh *license surveyors* yang diiktiraf oleh Jabatan Ukur ada di atas tapak tanah berkenaan dan kedudukan rumah memenuhi kehendak ABCi dan peraturan dan garis panduan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Ertinya dengan adanya persetujuan itu tanggungjawab untuk memastikan ia tidak terkeluar daripada garis bangunan dan sempadan kini diletakkan di bawah QP atau *Qualified Person* atau mereka yang berkelayakan membuat pelan. Jadi, tidak perlu lagi *through License Surveyors* dan mungkin tidak perlu dibayar ekstra seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Sekian terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 17 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya'  
Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang  
Berhormat Yang Di-Pertua. Yang  
Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat  
Negara. Alhamdulillah dipanjatkan  
syukur ke hadrat Allah Subhanahu  
Wata'ala hasrat penduduk-penduduk di  
Daerah Temburong akan tercapai  
dengan pengumuman bahawa Jambatan

Penghubung Daerah Brunei Muara dengan Temburong akan bermula dan dijangka siap dalam tahun 2018 Masihi. Tetapi sejauh ini tidak ada kedengaran tentang pelaksanaan projek tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Alhamdulillah pada 4 Februari 2015 Masihi yang lalu. Yang Berhormat Menteri Pembangunan melalui taklimat, pegawai yang berkenaan telah pun menjelaskan mengenai projek tersebut semasa di Majlis Penandatanganan Kontrak bagi Projek Jambatan Temburong *Package CC2 - Marine Viaducts*. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana menjemput kaola hadir bagi menyaksikan majlis menandatangani pada hari tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, bersama Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis yang kaola utarakan ini adalah sebelum majlis menandatangani projek tersebut diadakan. Apa pun, untuk penjelasan kepada orang ramai apa yang kaola timbulkan maka izinkanlah kaola untuk meneruskan saja soalan ini:

1. Setakat ini sejauh manakah kemajuan projek ini sudah dilaksanakan dan adakah ia akan siap pada masa yang dijangkakan iaitu pada tahun 2018; dan
2. Adakah juga kontraktor-kontraktor tempatan dipelawa untuk melaksanakan kerja-kerja sama ada

yang besar (*main*) atau kecil (*sub*) dalam melaksanakan projek ini. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ini, alhamdulillah sejauh ini projek membina Jambatan Temburong ini berjalan mengikut jadual yang telah pun diaturkan. Seperti mana juga yang telah pun diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat projek ini terbahagi kepada 6 pakej. Pakej pertama iaitu:

1. Pakej *CC 2 –Marine Viaducts* telah pun ditandatangani pada 4 Februari 2015. Manakala projek yang keduanya;
2. Pakej *CC 3 Navigational Bridges* sudah pun ditender. Tender ditutup pada 16 Februari 2015 dan sekarang dalam penilaian. Tender-tender ataupun pakej-pakej seterusnya seperti pakej *CC 4* Temburong *Viaducts* telah pun dibukakan tawaran pada bulan Oktober. Insya-Allah akan ditutup pada 30 Mac 2015. Sementara pakej-pakej seterusnya di *CC 1*, *CC 5A* dan *CC 5B* akan dibukakan tender pada waktu-waktu tertentu mengikut rencana. Target penyediaan projek jambatan ini, *target completion* projek masih 2018, insya-Allah.

Mengenai soalan kedua, di sini ingin saya nyatakan jua bahawa projek

Jambatan Temburong ini dibuka kepada pemborong-pemborong antarabangsa *joint venture* dengan pemborong dan kontraktor tempatan.

Projek sebesar dan *complicated* seperti ini memerlukan penglibatan pemborong yang mampu melaksanakan projek ini mempunyai pengalaman membina projek yang serupa, mempunyai tenaga kerja yang mahir, memiliki trek rekod yang sudah terbukti dan menawarkan harga yang berpatutan.

Bagi pemborong yang berjaya kita juga mengenakan syarat-syarat supaya pemborong ini akan menggunakan pemborong tempatan membuat kerja-kerja utama atau sub, menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi dalam negeri dan dibekalkan oleh pemborong tempatan. Kita berharap perkara-perkara ini akan dipatuhi dan kita akan memantaunya.

Kita juga berharap projek besar seperti ini akan membawa *spin off* kepada ekonomi negara. Misalannya bagi projek *CC 2* sahaja ada diperuntukkan dalam kontrak seperti berikut:

- i. Jawatan mentadbir dan profesional minima 15 jawatan termasuk *plus 6* kontraktor *joint venture partner personal* diperlukan.
- ii. Jawatan mahir dan separuh mahir minima 35 jawatan termasuk *plus 6* dan *joint venture partner personal* diperlukan.

- iii. *Local supplier in services and materials* minima 10 syarikat diperlukan.
- iv. *Value* bagi kerja kekal dan sementara diberikan kepada kontraktor Brunei 5 peratus dari harga kontrak.
- v. Bagi kerja-kerja pengukuran syarikat juruukur berlesen tempatan telah pun melaksanakan kerja-kerja tersebut. Semua kerja-kerja pengukuran telah pun siap dilaksanakan pada tahun 2014.

Pada kesimpulannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua memanglah sebagai satu target kitani bahawa projek sebesar ini akan mendatangkan *benefit* juga kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk ikut serta. Walau macam manapun memang ada *qualification* tertentu kerana projek seperti ini kita mahu ia siap pada tarikh yang telah pun ditetapkan dan siap dengan kualiti yang kitani jangkakan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 18 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul**

**Rahman:** Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan pertama Kesyakasan Jalan Raya. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana baru-baru ini Yang Berhormat melaksanakan Perasmian Jalan Jerudong dan Jalan Rimba.

Soalan kaola ialah, pada tiap-tiap hari terutama sekali pada waktu hari berkerja kesesakan jalan raya sentiasa berlaku terutama sekali di Jalan Tutong dan Jalan Gadong. Disebabkan kesesakan ini banyak pemandu kereta melanggar peraturan-peraturan lalu lintas semata-mata untuk segera sampai ke destinasi masing-masing dengan memotong giliran (*queue*) atau menggunakan *shoulder road* yang sepatutnya digunakan bagi masa-masa kecemasan.

Perkara ini sudah pun berjalan beberapa tahun dan sehingga ini belum lagi dapat diatasi. Baru-baru ini JPKE telah mengeluarkan perangkaan bahawa tambahan kenderaan yang di antara pada tahun 2011 dan 2013 meningkat dari 15,000 buah kepada 18,950 buah. Ini bermakna peningkatan 19 peratus dalam tempoh 2 tahun. Pada masa ini kebanyakan pengguna jalan raya menggunakan jalan utama untuk ke pejabat dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Jika perkara ini dibiarkan berpanjangan, ianya akan menjadi bertambah buruk bagi pada masa yang akan datang.



Soalan kaola, apakah perancangan kerajaan dalam masa pendek dan masa panjang untuk mengatasi kesesakan jalan raya ini?; dan

Kedua, apakah dalam perancangan kerajaan untuk menubuhkan satu jabatan khas bagi mengkaji masalah ini dan mengadakan pegawai-pegawai dan kakitangannya yang mahir dan berwawasan dengan memberi peruntukan sendiri supaya hasrat Wawasan Negara 2035 bagi mencapai kedudukan Ke-10 ke atas di dunia terlaksana. Yang Ke-19, Keselamatan Empangan-Empangan Air...

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat ada baiknya kitani berhenti di sana dahulu dan membiarkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab. Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morsidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman atas soalan tersebut. Sebenarnya kita mempunyai perancangan bagi rangkaian jalan raya seperti yang dinyatakan dalam *National Master Plan 2006/2025* yang masa ini masih diguna pakai untuk membuat apa

jua perancangan di negara ini. Rancangan rangkaian jalan raya di negara ini sebagaimana yang kita semua maklum, adalah bagi menghubungkan kawasan-kawasan utama seperti perumahan, perindustrian, sekolah dan bangunan-bangunan kerajaan dan sebagainya di dalam negara ini.

Yang keduanya ialah bagi memudahkan, perjalanan untuk pengguna-pengguna jalan raya terutama pemandu-pemandu. Di samping itu terbinanya rangkaian jalan raya ini juga akan membuka kawasan-kawasan baharu yang menjana kemajuan di tempat-tempat yang sudah ada, rangkaian jalan raya dan sebagainya.

Mengenai isu kesesakan ini, banyak punca mengapa ia berlaku dan membina lebih banyak jalan raya tidak bermakna akan mengurangkan kesesakan selagi isu-isu yang berkaitan belum diambil tindakan. Perkara ini saya percaya telah pun dalam perhatian agensi-agensi berkenaan. Semua agensi perlu bekerjasama untuk mencari penyelesaian kesesakan jalan raya ini.

Walau bagaimanapun, membina jalan raya adalah satu strategi yang boleh mengurangkan kesesakan. Sebab itulah Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya melalui *Programme Traffic Manangement Scheme* akan sentiasa merancang jalan-jalan raya baharu di samping kerja-kerja melabel jalan raya, mengadakan jalan susur, membuat pusing keliling, memasang lampu isyarat, memperbaiki jalan raya

yang rosak, membina jejantas bagi pejalan kaki dan usaha-usaha lain dari semasa ke semasa.

Langkah kita juga termasuk memindahkan sekolah-sekolah yang di tepi-tepi jalan utama yang menyebabkan kesesakan di jalan berkenaan ke kawasan-kawasan yang bersesuaian, bukan sahaja demi keselesaan dan keselamatan pelajar sekolah tetapi juga orang ramai.

Kesimpulannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah kesesakan ini isu yang *alive* yang harus ditangani dan *solution* kitani adalah *solution* bagi jangka pendek dan jangka panjang. Jadi, perkara kesesakan ini tidaklah dibiarkan begitu sahaja, kita akan mengatasi sejauh mana yang mungkin. Akan tetapi seperti yang juga dinyatakan bahawa, isu kesesakan ini katakanlah sebagai salah satu simbol kejayaan negara kitani.

Orang kitani makin makmur maka makin mampu membeli kereta dan sebagainya. Walaupun banyak jalan raya dengan ekonomi kitani pada masa ini dan harga-harga kereta yang berpatutan dan sebagainya memanglah orang akan membeli kereta dan akan bertambah lagi kereta di jalan-jalan raya.

Sekianlah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua daripada kaola dan diharap jawapan ini dapatlah memuaskan hati yang bertanya tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perhubungan nampaknya mahu menambah.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Belum lagi habis Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai soalan seterusnya iaitu, sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan satu jabatan khas. Kementerian Pembangunan sendiri tidak ada rancangan untuk menubuhkan satu jabatan khas, tetapi saya percaya kajian mengenai masalah-masalah kesesakan ini telah pun dilaksanakan oleh agensi lain bagi mengenal pasti punca kesesakan serta kaedah untuk mengatasinya. Perkara ini, perlu melibatkan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Dalam hal ini, *appropriate* barangkali kalau Yang Berhormat Menteri Perhubungan ingin menjawab soalan ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang bercakap. Izinkanlah saya dalam kesempatan pertama ini merakamkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi menerajui perbincangan dalam dewan yang mulia ini. Kaola juga menggabungkan diri dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap, berdoa dan berharap serta yakin Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan dapat menjalankan amanah ini dengan jayanya. Kaola juga dalam kesempatan ini menggabungkan diri dengan Ahli Yang Berhormat yang lain merakamkan

penghargaan atas pimpinan dan bimbingan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang lepas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim.

Sebagai tambahan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kaola ingin mengongsikan hasil kajian *Land Transport Master Plan (LTMP)*. *Land Transport Master Plan (LTMP)* ini mempunyai 4 strategi. Kaola huraikan apabila kaola menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Perhubungan. Strategi yang kedua adalah relevan untuk soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Dalam strategi yang kedua, ianya adalah *keep the traffic moving* atau memastikan trafik itu bergerak. *Keep the trafik moving* ini mempunyai beberapa ciri. Satu cirinya ialah *targeting appropriate increases in road capacity*. Ertinya menumpukan usaha untuk menambah *increase* yang bijaksana untuk tambahan *road capacity* ini. Walau bagaimanapun, usaha ini bergantung pada pengenalan apa yang dipanggilkan *Bus Rapid Transit Network* yang dicadangkan dalam *Land Transport Master Plan (LTMP)* ini.

Ciri yang kedua ialah *optimizing the use existing road*. Ertinya menggunakan jalan-jalan yang ada sekarang secara optimum. Ini juga bersangkut paut dengan *Bus Rapid Transit* yang dicadangkan.

Ciri yang ketiga ialah *managing parking* atau dengan bijaksana kitani menguruskan *parking-parking* yang ada.

Yang keempat ialah mewujudkan apa yang dipanggil *Intelligence Transport System*. Jadi, dalam *Land Transport Master Plan Study*, *keep the traffic moving* ini adalah satu *thrust* yang kedua.

Mengenai soalan yang kedua, *Land Transport Master Plan Studies* ini mencadangkan beberapa senario menangani *inter agency management* dalam kesesakan jalan raya ini. Kaola tidaklah akan menyentuhnya secara mendalam, tetapi menerangkannya bahawa *Land Transport Master Plan (LTMP)* ini ada laporan dalam *website* kerajaan dan boleh dimuat turun untuk dibincangkan.

Insya-Allah dalam penyediaan *White Paper* untuk *Land Transport Master Plan (LTMP)*, perkara-perkara ini telah dijadikan sebagai bahan bagi perbincangan atau *socialization* dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 19 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato**

**Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sumber air adalah sangat penting dan perlu dijaga dengan sempurna. Di Negara Brunei Darussalam terdapat 96 empangan air yang membekalkan keperluan air kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Kebanyakan empangan itu dikawal dengan memasang pagar keselamatan dan dibubuh dengan papan amaran Kawasan Terkawal (*restricted area*) dan pintunya dipasang kunci.

Tetapi, apabila kerja-kerja pemeliharaan dijalankan, pintu pagar terbuka dan hanya pekerja dari pemborong itu yang bertindak sebagai pengawal dengan tidak ada kakitangan kerajaan atau pegawai keselamatan lain yang mematai-matai semasa pemeliharaan itu berjalan. Adalah dikhuatiri kimia yang digunakan atau lain-lain perkara lain yang boleh merosakkan simpanan air akan mencemarkan air yang memudaratkan penggunaanya, walaupun ada pemeriksaan dibuat 2 jam dalam masa 24 jam tiap-tiap hari.

Dalam hal ini, apakah pihak yang berkenaan berpuas hati dengan hanya menyerahkan kepada kontraktor dalam kerja-kerja pemeliharaan itu dan dengan hanya pemeriksaan dibuat 2 jam dalam masa 24 jam tiap-tiap hari tentang keselamatan air itu memadai? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih

atas keprihatinan Yang Berhormat yang menimbulkan soalan mengenai keselamatan air di negara ini. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah tangki air, 96 tangki air. Kita hanya mempunyai 5 empangan air tetapi kita mempunyai 96 tangki air yang terdapat di beberapa tempat bagi keperluan simpanan bekalan air. Kerap kali kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat ke atas tangki air ini seperti memotong rumput dan membersihkan sekitar kawasan tangki air ini dan sebagainya.

Kawasan tangki-tangki ini memang dipagar dan dikunci kerana ia adalah kawasan terkawal. Apabila pemborong membuat kerja pemeliharaan, kunci akan dibuka oleh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Air yang ditugaskan dan memastikan barang-barang yang dibawa ke kawasan tangki air bukan bahan yang mencemarkan kawasan tangki air itu ataupun mencemarkan air di dalam tangki itu.

Berhubung dengan pencemaran, perkara ini tidak akan berlaku, kerana insya-Allah kerana pintu khas masuk ke dalam tangki adalah berkunci dan tidak ada keperluan pemborong untuk masuk ke dalam tangki berkenaan, cuma di luar dan di bawah tangki itu sahaja. Perkara ini juga akan dipastikan setiap masa sama ada waktu pemborong membuat kerja pemeliharaan atau bila-bila masa kakitangan yang ditugaskan memeriksa tangki-tangki berkenaan. Walau macam manapun, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi akan dipastikan lagi supaya keselamatan

tangki-tangki air akan terjamin setiap masa. Pihak Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perkhidmatan Air mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas ingatan Ahli Yang Berhormat tadi mengenai perlunya mengawal ketatnya lagi kawasan tangki air itu untuk dipastikan keselamatannya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 20 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam melaksanakan kemajuan dan pembangunan, ada perkara yang dianggap remeh dan kecil tetapi memberi kesan yang besar dan merugikan negara jika tidak ditangani dengan betul. Peraturan dan akta tidak diendahkan sehingga menjejaskan dan merosakkan alam sekitar dan dibiarkan begitu saja. Pada hal alam sekitar merupakan khazanah negara yang sangat berharga. Jika ia musnah dan rosak tanpa dibaik pulih maka khazanah ini tidak lagi akan dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Soalan kaola;

1. Dengan tertubuhnya Jabatan Alam Sekitar dan Rekreasi yang ada sekarang adakah jabatan ini boleh melaksanakan tanggungjawab dalam memelihara dan membaik pulih serta menangani kerosakan

alam sekitar? Kalau tidak adakah dalam perancangan kementerian berkenaan untuk menubuhkan satu unit bagi menangani masalah ini?;

2. Adakah cadangan kementerian berkenaan untuk mengadakan Program Pendidikan Bersepadu dalam menghargai alam sekitar seperti Program Jelajah Mesra Rakan Alam Sekitar, membuat kajian untuk menambah dan meningkatkan versi terbaharu flora dan fauna dengan kerjasama agensi-agensi lain terutama sekali dengan institusi pengajian tinggi?; dan

3. Adakah dasar mengenai alam sekitar negara yang ada pada masa ini memadai dengan tidak ada keperluan untuk dikaji semula?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua sekali lagi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang bertanyakan soalan mengenai pemeliharaan alam sekitar. Setentunya perkembangan dan pengkhususan sumber tenaga manusia, skop dan bidang kerja serta peruntukan yang mencukupi yang selaras dengan keperluan semasa adalah perlu untuk memantapkan lagi perkhidmatan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk memelihara dan

membalik pulih serta menangani masalah alam sekitar.

Ke arah mutu perkhidmatan yang lebih mantap dan cemerlang Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (*JASTRE*) mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti khususnya dalam bidang pengawalan dan penguatkuasaan alam sekitar. Perkara ini tertakluk kepada terdapatnya *availability* sumber tenaga, kepakaran dan juga peruntukan kewangan bagi keperluan-keperluan tersebut.

Dalam pada itu, kita seharusnya menyedari bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar merupakan tanggungjawab yang perlu digalas bersama oleh berbagai-bagai lapisan masyarakat termasuklah golongan tua, belia, sektor kerajaan, sektor swasta, institusi-institusi pendidikan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (*NGO's*) dan sebagainya.

Alhamdulillah, kesedaran untuk memelihara alam sekitar amatlah mengalakkan dan sudah menjadi ketara. Kita lihat penglibatan golongan belia dan anak-anak sekolah walaupun masih ada pihak-pihak yang tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar dengan membuang sampah di sana sini dan juga dengan aktiviti-aktiviti yang tidak mesra alam.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi mengenai menubuhkan satu unit baharu, perkara ini akan dikaji tentang kesesuaiannya dan keperluannya, insya Allah.

Mengenai soalan sama ada Kementerian Pembangunan bercadang untuk mengadakan Program Penyelidikan Bersepadu seperti Program Jelajah Rakan Mesra Alam Sekitar, kita khususnya Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi berterima kasih atas cadangan tersebut.

Program ini tidak ada dalam rancangan kita setakat ini tetapi insya Allah akan dibincangkan dengan *stakeholders* yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi dari semasa ke semasa mengadakan beberapa Program Pendidikan Awam tentang alam sekitar secara tidak formal seperti mengadakan taklimat, bengkel atau woksyp yang dilaksanakan secara berterusan demi mempertingkatkan kesedaran awam perihal alam sekitar.

Mengenai isu flora dan fauna ia adalah terkandung dalam skop kepelbagaian bio atau *bio-diversity* yang melibatkan berbagai agensi-agensi yang lain serta juga institusi pengajian tinggi. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi mempunyai kerjasama bersama dengan institusi-institusi pengajian tinggi untuk hal ehwal yang berhubung kait dengan perkara-perkara yang sedemikian.

Soalan ketiga daripada Yang Berhormat tadi iaitu adakah dasar mengenai alam sekitar yang pada masa ini memadai? dengan tidak ada keperluan untuk dikaji semula. Sebagai jawapan, ingin saya nyatakan di sini bahawa dasar alam sekitar yang berhubung kait dengan perancangan dan pemeliharaan serta

pengawasan pencemaran alam sekitar perlu berkembang mengikut keperluan dan peredaran masa. Ianya setentunya perlu ditunduki dan dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut keutamaan atau prioriti dan kesesuaiannya seiring dengan keperluan semasa sebagai misal pengurusan sisa pembuangan yang menjurus kepada peningkatan terhadap efisiensi pengurusan sisa pepejal, barangan toksik dan merbahaya serta juga keperluan kitar semula. Perlu kita lihat dari masa ke masa bagaimana menangani masalah ini.

Begitu juga keperluan bagi pengawasan dan penguatkuasaan pencemaran udara, air dan juga tanah kerana mungkin aktiviti-aktiviti kita perlu dikawal supaya jangan mencemarkan udara, air dan juga tanah, dan juga menyerapkan pengenalan dan penggunaan kaedah teknologi mesra alam di dalam pembinaan dan pembangunan yang berdaya tahan. *Even in our building construction* pun kita perlu meneliti sejauh mana kita perlu meneliti teknologi ataupun kaedah kita membina itu adalah mesra alam dan seterusnya.

Berdasarkan beberapa dasar yang sudah dilaksanakan di antaranya termasuklah:

- i. Amalan kitar semula untuk mencapai sasaran kitar semula iaitu pencapaian sebanyak 10 peratus bagi tahun 2014 Masihi dan 15 peratus sehingga ke tahun 2020. Melalui beberapa inisiatif seperti pengurangan penggunaan beg plastik di peringkat kebangsaan dan

penggunaan *compose* bagi *green waste*.

- ii. Memastikan kelestarian alam sekitar melalui kaedah *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi projek-projek yang memberikan impak terhadap alam sekitar.
- iii. Dasar bagi penggunaan garis panduan kawalan pencemaran alam sekitar bagi pembangunan industri yang menghadkan kadar *emission* dan *effluents discharge*; dan
- iv. Memperuntukkan sebanyak 10 peratus daripada kawasan yang hendak dimajukan khusus untuk kawasan kehijauan. Jadi kita telah pun menetapkan bahawa 10 peratus dari mana-mana kawasan yang akan dimajukan mesti dikekalkan kehijauannya.

Semua dasar dan usaha ini adalah penting untuk dilakukan secara konsisten bukan berkala. Cabaran mengenai kesan perubahan iklim adalah satu cabaran yang besar bukan sahaja kita perlu bertindak di peringkat negara dan serantau, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam adalah ahli kepada *United Nation Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* dan penubuhan *UNFCCC* ini adalah bertujuan bagi menangani secara global isu perubahan iklim yang jika tidak ditangani akan menyebabkan kerosakan alam dan kematian. Maka dengan sebab itu kita aktif dalam

Persidangan *UNFCCC* ini di mana jua mesyuarat ini diadakan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 21 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Soalan kaola No. 21 ialah mengenai dengan Kesesakan Jalan Raya. Sebagaimana yang kita maklumi bahawa Rancangan Perpindahan Kampong Mengkubau yang berjumlah kira-kira 4,000 buah rumah dan akan didiami sepenuhnya. Ini akan menambahkan lagi kesesakan di jalan-jalan raya. Terutamanya, di jalan raya Pusing Keliling Jalan Sungai Akar dan Jalan Kebangsaan. Ada sesetengahnya pemandu-pemandu yang berpatah balik dan melalui yang bukan tempat untuk berpusing.

Soalan kaola, apakah langkah-langkah pihak yang berkenaan mengenai dengan perkara ini?

Kaola mencadangkan supaya akan dipasang lampu-lampu isyarat di sepanjang Pusing Keliling Kampong Mentiri dan Pusing Keliling Jalan Sungai Akar/Jalan Kebangsaan sepertimana yang dibuat di jalan Pusing Keliling

Jame' `Asr Hassanil Bolkih dan pusing keliling Perusahaan Ringan Beribi (*Beribi Light Industry*)?

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai dengan isu kesesakan jalan raya. Kesesakan jalan raya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah Jalan Mentiri, Jalan Kebangsaan dan Jalan Sungai Akar.

Sebenarnya, kesesakan di jalan itu memanglah dalam pemantauan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan baru-baru ini kita telah pun memberi *quotation* untuk mengkaji *traffic flow* di kawasan tersebut. Kajian aliran ini akan membolehkan kita untuk mengetahui *direction* dari mana dan tuju ke mana trafik itu dan kepadatannya.

Dengan itu, dapatlah kita melihat sama ada perlu ataupun tidak kita memasang lampu isyarat. Jika perlu, kita akan memasang segera dan kita akan membuka tawaran bagi lampu isyarat itu untuk dipasang. Nampak-nampaknya daripada pandangan mata kasar memanglah perlu lampu isyarat itu dipasang. Jadi, insya-Allah kalau mengikut kajian kita, jika perlu kita akan tawarkan bagi pemasangan lampu isyarat ini.

Selain daripada itu, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan sedang giat mengendalikan projek-projek di bawah RKN Ke-10 yang juga diharapkan



mampu mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Jalan Mentiri, Jalan Kebangsaan Lama dan juga Jalan Sungai Akar. Program-program yang telah pun dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti jalan itu ialah projek yang telah siap iaitu *widening* pelebaran Jalan Muara Fasa 1 yang telah pun siap dan pelebaran Jalan Kebangsaan Lama yang telah pun dilaksanakan.

Projek yang dilaksanakan pada masa ini adalah Jejambat Berakas (*Berakas Interchange*) yang dijangka siap pada bulan Mei 2015 dan Jejambat Meragang dijangka akan siap di hujung tahun 2015. Di masa hadapan kita akan merancang untuk membina Jejambat di Pusing Keliling Sungai Akar, jika kalau dilihat misalnya *traffic light* yang dipasang di Jalan Sungai Akar itu tidak berkesan, mungkin kita ada sudah perancangan untuk membina jejambat di Pusing Keliling Sungai Akar tersebut untuk meringankan kesesakan di kawasan itu.

Kita juga merancang bagi pembinaan jejambat di sepanjang Jalan Utama Mentiri disebabkan jangkaan aliran trafik yang bertambah dari Perumahan Mengkubau kepada *junction* jalan Menteri Besar dan Jalan *Diplomatic Enclave*. Pada kesimpulannya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, memanglah jalan-jalan ataupun isu kesesakan jalan raya di mana-mana jua memang dalam pemerhatian dan pemantauan daripada pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Mengenai dengan soalan kedua iaitu mengenai dengan jalan dan Jambatan penghubung Kampong Menunggol yang mana telah ditimbulkan pada Mesyuarat Negara yang lepas. Kita mengambil maklum, cadangan yang telah disuarakan pada tahun lepas setakat ini, belum ada pengkajian secara terperinci ke atas jalan, Jambatan penghubung Kampong Menunggol. Ini memandangkan projek Pembinaan Jambatan Sungai Kebun sedang rancak dijalankan dan dijangka siap pada tahun hadapan. Maka penelitian terperinci ke atas perancangan jambatan ke Kampong Menunggol belumlah diperlukan buat pada masa ini.

Di samping itu, keadaan pembangunan di kawasan tersebut belum ketara bagi keperluan penyediaan jambatan penghubung tersebut. Walau bagaimanapun, pembangunan *infrastructure*, rangkaian jalan raya untuk menampung kawasan seperti Kampong Menunggol, Kampong Bolkihah 'B', Kampong Buang Sakar dan Kampong Kasat memang termasuk dalam perancangan jangka panjang yang akan dinilai keperluannya dari semasa ke semasa sebelum perkara itu dilaksanakan.

Secara ringkasnya, untuk menjawab soalan itu, memang tidak ada perancangan, penelitian atau kajian mengenai keperluan Jambatan Penghubung Kampong Menunggol. Walau bagaimanapun, ia termasuk dalam rangka perancangan jangka panjang. Insyallah, apabila diperlukan nanti kita akan melaksanakannya jua.

Sekianlah, Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Alhamdulillah kita telah membincangkan beberapa soalan dalam Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis dan perkara ini saya tangguhkan bagi membolehkan kita berpindah kepada Susunan Kerja seterusnya iaitu untuk membincangkan **"Satu Usul Yang Tidak Diberi Notis Mengikut Peraturan 18 (2) Dari Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara 1959 untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara"**. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan mengenai **Usul Yang Tidak Diberi Notis ini**. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.   
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon izin Yang Di-Pertua untuk mengusulkan Satu Usul yang berbunyi, **"Majlis Mesyuarat yang bersidang pada hari ini bersetuju meluluskan Satu Usul untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila**

**Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim atas jasanya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara bermula 10 Februari 2010 hingga 18 Februari 2015 dan majlis ini berdoa semoga Yang Berhormat Pehin dan Datin serta keluarga akan berada dalam sihat walafiat dan sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala."** Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun mengemukakan Satu Usul yang telah pun dibentangkannya tadi. Oleh yang demikian, saya memohon jika sekiranya ada Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat sokongan terhadap Usul yang tersebut. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu Usul untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia

Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Saya berpendapat Usul ini sudah tepat dan tidaklah perlu kita bahaskan. Maka dengan yang demikian, saya akan hanya mengambil undi supaya Usul ini dapat kita luluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju mengenai Usul ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Alhamdulillah maka bolehlah saya nyatakan bahawa Usul ini telah pun kita terima dalam majlis yang mulia ini secara sebulat suara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Susunan Kerja seterusnya ialah untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa itu bersidang semula seperti semalam, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sementara.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 untuk membincangkan Tajuk kementerian-kementerian satu persatu. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi supaya soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah secara spesifik dan tidaklah merupakan pandangan-pandangan. Pandangan-pandangan tersebut barangkali bolehlah kita utarakan di tajuk-tajuk yang lain. Ini membolehkan menteri-menteri yang berkenaan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu dengan lebih tepat dan spesifik juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada petang semalam, kita telah meluluskan Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, dan juga Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan. Jawatankuasa juga telah mendengar penerangan daripada Kementerian Kewangan bagi Tajuk SD01A hingga SD08A yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat hadir pada pagi ini, atas urusan-urusan rasmi di luar negara, maka perbahasan bagi Kementerian Kewangan eloklah kita tangguhkan ke satu tarikh yang lebih sesuai.

Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa pada pagi ini akan beralih seterusnya untuk membahaskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SE01A hingga SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A, dibukakan sekarang untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin bertanya mengenai Tajuk ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan penerangan awal. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda.

Kaola ingin mengambil kesempatan lebih dahulu, sebelum menerima soalan-soalan atau memberikan penjelasan-penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan bertanya, untuk membuat mukadimah supaya lebih jelas kedudukan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2015/2016.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diberikan peruntukan sebanyak \$164,838,470.00 yang berlebihan sebanyak \$1,992,960.00 iaitu hampir \$2 juta lebih daripada peruntukan Tahun Kewangan yang lalu. Butir-butirnya ialah sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia mengetahui dalam Kertas Bilangan Perkara 7, muka surat 3 - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Tajuk-Tajuk SE01A sehingga SE12A, iaitu berjumlah sebagaimana yang kaola sebutkan itu tadi.

Jumlah \$164,838,470.00 itu, secara pecahan umumnya ialah Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-ulang sahaja sebanyak \$151,416,370.00, sementara Perbelanjaan Khas di bawah Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$13,422,100.00 jadi, jumlahnya tetap sebagaimana yang kaola sebutkan itu.

Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disebutkan di atas tadi, antara lain mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

1. Sebanyak \$93,920,900.00 adalah bagi Gaji Kakitangan sahaja. Dalam Peruntukan Gaji Kakitangan, terdapat pengurangan bersih empat jawatan seperti yang berikut:
  - i. Tambahan jawatan secara *Trade Off* sebanyak empat ;

- ii. Tambahan jawatan secara pindah antara jabatan sebanyak empat;
  - iii. Pengurangan jawatan secara *Trade Off* sebanyak lapan;
  - iv. Pengurangan jawatan secara pindah antara jabatan sebanyak empat. Maknanya kurang empat jawatan akibat daripada pindah antara jabatan iaitu *Trade Off*, dan
  - v. Jawatan kosong sebanyak 315 jawatan (sehingga bulan September 2014), hanya diperuntukkan enam bulan gaji sahaja iaitu mengambil kira proses pengiklanan, temuduga dan pelantikan jawatan.
2. Penambahan Peruntukan Elaun Perumahan sejumlah \$111,000.00 pada tahun lepas, menjadi \$117,000.00 tahun ini iaitu ada kenaikan \$117,600.00.
  3. Penambahan Peruntukan Elaun Penyelamat sejumlah \$5,000.00 pada tahun lepas kepada \$14,000.00; dan
  4. Elaun *Standby* sejumlah \$45,000.00 kepada \$75,000.00, masing-masing bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat.
  5. Sementara itu, Perbelanjaan Berulang-ulang adalah sebanyak \$57,495,470.00 iaitu antara lainnya mengambil kira perkara-perkara yang berikut:
    - i. Penambahan Peruntukan Pemeliharaan Aset keseluruhan berjumlah \$579,600.00 kepada \$3,400,000.00 (\$3.4 juta), seperti berikut:
      - a) Sejumlah \$20,000.00 kepada \$250,000.00 di Lembaga Bandaran Tutong;
      - b) Sejumlah \$30,000.00 kepada \$70,000.00 di Jabatan Buruh;
      - c) Sejumlah \$24,600.00 kepada \$80,000.00 di Bahagian Penjara Maraburong, Jabatan Penjara; dan
      - d) Sejumlah \$505,000.00 kepada \$3 juta di Jabatan Bomba dan Penyelamat.
  6. Penambahan Peruntukan Utiliti keseluruhannya berjumlah \$210,000.00 kepada \$1,580,000.00 seperti yang berikut:
    - i. Sejumlah \$30,000.00 kepada \$250,000.00 di Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria;
    - ii. Sejumlah \$100,000.00 kepada \$450,000.00 di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; dan

- iii. Sejumlah \$80,000.00 kepada \$880,000.00 di Jabatan Bomba dan Penyelamat.
7. Penambahan Peruntukan Perbelanjaan Operasi keseluruhannya pula berjumlah \$603,000.00 kepada \$3.377 juta yang antara lainnya ialah:
- i. Sejumlah \$400,000.00 di Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan;
  - ii. Sejumlah \$350,000.00 di Pejabat Daerah Tutong;
  - iii. Sejumlah \$380,00.00 di Bahagian Penjara Maraburong, Jabatan Penjara.
- Ketiga-tiga yang kaola sebutkan sebentar tadi adalah suatu kenaikan yang drastik, umpamanya bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan yang asalnya \$30,000.00 menjadi \$400,000.00. Pejabat Daerah Tutong yang asalnya \$23,000.00 menjadi \$350,000.00 dan di Bahagian Penjara Maraburong, Jabatan Penjara yang asalnya \$30,000.00 menjadi \$380,00.00. Alhamdulillah.
8. Kemudian, sejumlah \$500,000.00 di Jabatan Bomba dan Penyelamat dahulu dan sekarang diberikan peruntukan \$2 juta.
9. Penambahan Peruntukan Elaun Perjalanan Tetap pula iaitu Hitung Kilometer Rumah ke Pejabat keseluruhannya berjumlah \$90,000.00 sekarang menjadi \$1.17 juta (\$1,170,000.00). Antara lainnya mengambil kira seperti yang berikut:
- i. Sejumlah \$20,000.00 kepada \$300,000.00 di Pejabat Daerah Brunei dan Muara;
  - ii. Di Jabatan Penjara diberi peruntukan sebanyak \$230,000.00 yang asalnya \$40,000.00; dan
  - iii. Di Jabatan Bomba dan Penyelamat mendapat peruntukan sebanyak \$600,000.00 yang asalnya \$20,000.00. Alhamdulillah.
10. Mengadakan Peruntukan Pengurniaan dan Yuran sejumlah \$1.3 juta di Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi membiayai Yuran Tahunan Jabatan Penjara kepada Bahagian Pejabat Penyelaras dan *Co-Rapporteur ASEAN and Pacific Conference of Correctional Administration (APCCA)*.
11. Penambahan Peruntukan Majlis Perundingan Kampung sejumlah \$30,000.00 kepada \$630,000.00 bagi Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
12. Penambahan Peruntukan Elaun Lebih Masa sejumlah \$20,000.00 kepada \$140,000.00 bagi kerja perkhidmatan pemeliharaan di

Lembaga Bandaran dan Bandar Seri Begawan.

13. Tambahan Peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti sejumlah \$15,000.00 tambahannya menjadi \$85,000.00 bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat.
14. Sementara itu, Perbelanjaan Khas pula sebanyak \$13,422,100.00. Peruntukan yang diluluskan termasuklah bagi melaksanakan 15 projek pembelian baharu berjumlah \$3,956,000.00. Bagi melaksanakan 9 projek pengambilan semula berjumlah \$9,466,100.00 termasuk satu projek dengan harga rancangan \$12,700,000.00.
15. Peruntukan bagi aktiviti perekonomian mukim dan kampung sejumlah \$700,000.00 disediakan.
16. Peruntukan bagi menaik taraf Jalan Buau, Biadong, Sukang, Melilas sejumlah \$4 juta bagi meneruskan projek yang telah dirancang dan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2014/2015.
17. Peruntukan bagi pengurusan bencana alam tetap sejumlah \$3 juta terus disediakan khusus bagi membiayai keperluan logistik dan lain-lain semasa mengalami atau menangani bencana alam.

Antara lain, projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek bagi kerja-kerja pembaikan, pemeliharaan, pengubahsuaian dan

menaik taraf bangunan dan kawasan sejumlah \$2.58 juta dan antaranya seperti yang berikut:

- i. Bagi Lembaga Bandaran menaik taraf, mencantikkan kawasan dan kemudahan-kemudahan awam, Lembaga Bandaran diperuntukkan \$500,000.00. Kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih serta pembaikan dan pemeliharaan utama di beberapa bahagian Pusat Komersial dan Perdagangan, Bumiputera, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan juga diperuntukkan sebanyak \$200,000.00.
- ii. Lembaga Bandaran Kuala Belait pula mendapat \$300,000.00 bagi menaik taraf dan membaik pulih tempat-tempat perniagaan tempatan. \$200,000.00 bagi kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan prasarana Daerah Belait.
- iii. Sementara Lembaga Bandaran Tutong diperuntukkan \$100,000.00 menaik taraf dan membaik pulih tempat-tempat perniagaan tempatan. Pejabat Daerah Brunei dan Muara pula mendapat \$400,000.00 membina jambatan dan membuat jalan kecil.
- iv. Pejabat Daerah Tutong mendapat peruntukan \$200,000.00 bagi membina jalan-jalan kecil. Pejabat Daerah

Belait membaik pulih kawasan luar Flat Nombor 83, Jalan Maulana, Kuala Belait diperuntukkan \$150,000.00 dan tidak ketinggalan juga Daerah Temburong mendapat \$150,000.00 bagi membina, membaik pulih, memelihara dan menaik taraf aset-aset kerajaan di bawah kawalan Jabatan Daerah Tutong.

18. Peruntukan bagi pembelian kenderaan keseluruhannya berjumlah \$400,000.00 untuk pembelian 2 unit gali *cleaner truck* bagi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria serta 2 unit kenderaan pacuan empat roda untuk dilaksanakan pembeliannya menurut keutamaannya.

19. Pembelian penyewaan dan pemasangan peralatan perkakas yang keseluruhannya berjumlah \$2.726 juta atau \$2,726,000.00 antara lainnya seperti yang berikut:

i. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diperuntukkan bagi pembelian buku pasport biometrik hampir \$1 juta iaitu kurang \$14,000.00 yang berjumlah \$986,000.00;

ii. Jabatan Penjara bagi *supply and replace of existing analogue CCTV Surveillance System* kepada *IPCCTV Surveillance System* di Penjara Jerudong sebanyak

\$300,000.00. Begitu juga *supply and replace of existing analogue CCTV Surveillance System* kepada *IPCCTV System* bagi Penjara Maraburong sebanyak \$200,000.00. Mengganti Sistem *Uninterruptible Power Supply UPS* Penjara Maraburong Fasa 1 sebanyak \$300,000.00 dan *Better Fence Fencing System* Penjara Wanita sebanyak \$60,000.00;

iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat ialah pembelian alat-alat kelengkapan bomba sebanyak \$500,000.00; dan

iv. Pengambilan semula peruntukan kerja-kerja penyelidikan tanah dan perlindungan cerun di kawasan Penjara Jerudong Jabatan Penjara berjumlah \$16,100.00.

Berikutan butiran peruntukan menurut kategori perbelanjaan adalah seperti yang berikut sebagaimana yang kaola sebutkan, Yang Berhormat Pengerusi, Gaji Kakitangan \$93,920,900.00, Perbelanjaan Berulang-ulang \$57,495,470.00 dan Perbelanjaan Khas sebanyak \$13,422,100.00 yang berjumlah keseluruhannya \$164,838,470.00.

Dengan adanya peruntukan ini, abiskaola akan cuba melaksanakan sedaya upaya apa-apa yang telah dirancang menurut peruntukan



yang diluluskan. Insyaa-Allah, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara memberi tumpuan kepada perbahasan perihal kesejahteraan pekerja-pekerja sektor swasta.

Pada hemah saya, beberapa tindakan boleh diambil untuk menggalakkan anak-anak tempatan mempertimbangkan untuk bekerja di sektor swasta. Antaranya dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas saya telah mencadangkan agar Jabatan Buruh menyelaraskan penyediaan dokumen garis panduan amalan dalam Pengurusan Sumber Tenaga Manusia dan kaedah *numeration* yang berpatutan bagi pekerja-pekerja swasta.

Garis panduan berkenaan boleh membantu pihak swasta untuk

memberikan maklumat secara telus dan seterusnya membolehkan pencari kerja untuk menilai akan tawaran-tawaran serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di sektor swasta dengan kefahaman yang lebih baik para pencari kerja tempatan akan lebih memberi perhatian akan peluang pekerjaan di sektor swasta. Soalan:

1. Apakah cadangan ini sudah dibuat penilaiannya untuk dilaksanakan? Sehubungan dengan itu, kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri kerana garis panduan seumpamanya telah disediakan bagi Industri Minyak dan Gas seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri beberapa hari yang lalu.
2. Sebagai usaha tambahan kepada skim-skim yang dikelolakan oleh Agensi Pekerja Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), ada baiknya skim-skim itu diselaraskan dengan usaha-usaha agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta untuk membudayakan dan mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat. Perkara ini, bolehlah dibuat dengan memberi maklumat kepada peserta-peserta yang mendapat pekerjaan melalui Skim APTK akan cara dan ruang bagi mereka untuk meningkatkan kemahiran melalui kursus dan latihan yang tertentu yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta.

Peluang untuk memajukan tahap pendidikan dan kemahiran mereka, janganlah berhenti walaupun sudah meninggalkan bangku sekolah dalam kata lain, setelah mendapat pekerjaan hendaklah disemai usaha untuk sentiasa meningkatkan kemahiran melalui kursus dan latihan lanjutan; dan

3. Adakah kerajaan bercadang untuk menukar nama Jabatan Buruh kepada nama yang lebih memperkasakan jabatan berkenaan dalam menangani Sumber Tenaga Manusia antara cadangan nama termasuklah "Jabatan Perancangan dan Kemajuan Sumber Manusia".

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Kaola memang teringat perkara ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Hj Zulkipli pada tahun lepas. Bukan sahaja setakat ditimbulkan malah membantu kaola dengan memberikan *website address*, Singapura sebagai contoh. Alhamdulillah Yang Berhormat Pengerusi garis panduan sedemikian itu diketahui dibuat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu sendiri ialah bagi

kemudahan-kemudahan semua pihak majikan, pekerja dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, setakat ini kaola mengaku Jabatan Buruh dan APTK belum sampai ke peringkat sedemikian. Walau bagaimanapun, Jabatan Buruh dan APTK khasnya ialah untuk menyelesaikan perancangan asal mengenai *fair packages* yang abiskaola rancang pada tahun lepas dan sekarang sedang giat di peringkat tinjauan terhadap majikan-majikan. Insyallah, *fair packages* ini dapat dirumuskan. Ia akan menjadi sebahagian daripada garis panduan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan tambahan skim-skim diselaraskan dengan beberapa agensi-agensi yang lain, kaola sukacita juga menyatakan bahawa, abiskaola sendiri sudah menilai keberkesanannya apa-apa yang dibuat selama ini dari segi menggalakkan anak-anak tempatan bekerja, mengadakan *Job Fair* dan sebagainya. *Job Fair* diadakan setiap tahun. Walaupun banyak dikunjungi dan banyak yang berminat untuk ditemuduga hasilnya yang mendapat pekerjaan jauh daripada jangkauan abis kaola.

Soalnya, ialah mengadakan semacam skim-skim latihan yang diperlukan oleh industri yang kompetensi *requirement*. Mudah-mudahan langkah selanjutnya yang akan dapat dilakukan ialah perundingan-perundingan yang jelas untuk menuju ke arah latihan-latihan yang diperlukan oleh industri bagi agensi-agensi lain seperti Kementerian

Pendidikan dengan Maktab Teknik, Vokasional, Kejuruteraan dan malah juga agensi-agensi lain seperti Pusat Pembangunan Belia.

Kaola juga berterima kasih kepada sebahagian daripada syarikat yang menjadi *strategic partner* kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengadakan latihan-latihan *on Job Training* di syarikat masing-masing. Suatu perkara yang abiskaola buat pendekatan ialah cuba meyakinkan majikan-majikan apa yang terbaik untuk sama-sama dilakukan bagi anak-anak tempatan bekerja di tempat mereka dan sebagai sumbangan majikan-majikan kepada perekonomian negara untuk mengatasi pengangguran.

Adakah cadangan Jabatan Buruh untuk ditukar namanya, setakat ini belum ada Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengambil maklum mengenai cadangan tersebut. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi,  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pada awal bulan Januari lalu pindaan telah dibuat ke atas Akta Lesen Rampaian yang antara lain

memperuntukkan bagi Lesen Rampaian digantikan dengan Lesen Perniagaan yang dilaporkan boleh diperolehi dalam masa satu hari dengan mudah, cepat dan telus. Dalam masa satu bulan pindaan ini dilaksanakan, iaitu pada 31 Januari 2015, dilaporkan sejumlah 441 lesen perniagaan telah dikeluarkan atau diluluskan.

Kaola hanya ingin bertanya bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat kawalan ke atas kegiatan bahawa lesen-lesen perniagaan yang diperolehi boleh dengan mudah ini tidak akan disewakan kepada rakyat asing untuk menjalankan perniagaan di negara ini seperti yang lumrah berlaku selama ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Pengerusi, selama ini sebelum sistem yang baharu ini adalah sukar untuk mengawal lesen bukan diperniagakan tapi diguna sama oleh pihak-pihak lain terutama sekali orang-orang asing yang datang ke Negara Brunei untuk berniaga.

Dalam perkara ini, untuk mengawal dalam sistem yang baharu ini adalah sulit kerana pertama, mereka mendaftar syarikat dan pendaftaran itu setelah diluluskan semula seperti yang terdahulu. Walau bagaimanapun, kaola ingin menyatakan bahawa perlahan-lahan orang ramai mestilah memahami apa sebenarnya risiko jangka panjang

kepada negara, masyarakat dan bangsa kitani jika selama-lamanya mereka datang untuk mendapatkan lesen dan lesen itu yang menjadi punca pendapatan mereka tanpa mengeluarkan sebarang modal, ikhtiar dan sebagainya.

Kesannya ialah impak orang-orang asing di negara ini dan kalau kita bercakap mengenai monopoli, perniagaan kecil-kecilan pun sedemikian, maka kaola rasa orang ramai perlu diajak untuk menyedari kepentingan, akibat-akibat atau risiko-risiko jangka panjang kepada negara keseluruhannya. Memang kaola mengakui Yang Berhormat Pengerusi adalah sulit perkara ini untuk dikawal. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya jemput sekarang Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pindaan Lesen Rampaian kepada *Business License (Act Chapter 127)*, 2015.

Akta ini mendukung bagi memudahkan peniaga-peniaga mendapat Lesen Perniagaan dengan mengeluarkan permit khas. Akta ini memudahkan syarikat-syarikat yang baharu untuk

mengambil pekerja asing. Syarikat-syarikat yang baharu ini boleh mendapat permit khas dalam tempoh 7 hari.

Seperti yang dimaklumkan bahawa dasar pengawalan pekerja asing adalah mengikut zon-zon yang ditetapkan dan ini hanyalah bagi peniaga restoran, kedai-kedai runcit, peniaga kain dan tekstil. Sejak Akta ini diluluskan pada 1 Januari 2015, dalam masa dua minggu sebanyak 208 buah syarikat didaftarkan dan dikeluarkan Lesen Perniagaan.

Kaola juga ingin menyokong *statement* Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa pembukaan *Job Fair* 2015, diharapkan majikan-majikan lebih *transparent* dalam kadar gaji yang ditawarkan, elaun-elaun, jumlah cuti dan kemudahan-kemudahan lain diberikan kepada pekerja tempatan atau yang lebih baik daripada tawaran yang diberikan kepada pekerja asing. Dasar pengawalan pekerja asing ini bertujuan mengurangkan pekerja-pekerja asing dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh pada tahun 2013, keramaian pekerja di sektor swasta ini ialah 141,850 orang iaitu 927 orang atau 64 peratus adalah pekerja asing, 40,620 orang atau 26 peratus rakyat Brunei dan 9,255 orang atau 65 peratus adalah penduduk tetap.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti yang pernah dititahkan oleh Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyarankan Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan sahaja menyoal dalam Mesyuarat di Dewan Majlis ini tetapi juga untuk memberi cadangan-cadangan yang baik dan bernas dalam sama-sama memajukan negara ini.

Dalam hal ini, kaola memohon perkenan Yang Berhormat Pengerusi mengambil kesempatan ini untuk memberikan beberapa cadangan tambahan kepada syarat-syarat yang ada dalam pengawalan pengambilan pekerja asing ini, kerana kaola berpendapat syarat-syarat yang ada masih belum mencukupi. Cadangan kaola adalah seperti yang berikut:

1. Tuan punya syarikat hendaklah menjalankan perniagaannya sendiri, jika ia melantik pekerja-pekerja asing untuk menguruskan perniagaannya, maka ia semestinya melantik pekerja-pekerja tempatan sebagai penolong pengurusnya. Permit pekerja asing tersebut dibenarkan bekerja hanya selama 3 tahun dan permitnya tidak boleh disambung lagi. Jawatan pekerja asing ini diambil alih oleh pekerja tempatan;
2. Tuan punya syarikat hendaklah menunjukkan sumber-sumber kewangannya;
3. Tuan punya syarikat hendaklah bertanggungjawab di atas kehalalan barang-barang yang dijualnya;
4. Produk-produk perubatan termasuk makanan, *supplement* hendaklah mendapatkan sijil-sijil menjual produk-produk dari Kementerian Kesihatan dan dipamerkan di papan kenyataan; dan
5. Pekerja-pekerja asing yang dibenarkan bekerja di Negara Brunei Darussalam dihadkan selama 3 tahun sahaja. Dalam masa yang sama, pekerja tempatan diambil bekerja dan dilatih untuk mengambil alih tugas-tugas yang dibuat oleh pekerja asing.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita menimbulkan perkara yang berhubung kait dengan Tamu Gadong. Satu kawasan yang dikhaskan telah dijadikan beberapa buah gerai dan bangunan tersebut telah pun siap lebih daripada 5 tahun.

Dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memaklumkan bahawa tambahan dan pengubahsuaian telah dilakukan kepada bangunan gerai tersebut. Setelah 5 tahun, gerai tersebut masih lagi belum digunakan dan merupakan "Gajah Putih". Kaola difahamkan bahawa gerai tersebut adalah untuk menggantikan gerai yang menggunakan kem di tempat letak kereta Pasar Ikan. Sukacita, kaola ingin mengetahui, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan gerai-gerai yang sedia ada ini dapat digunakan?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya ada lagi cadangan mengenai peranan Pegawai Daerah kalau dipersetujui.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, saya telah pun menyatakan bahawa kita sedang membincangkan bajet bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat telah pun membuat beberapa cadangan. Saya percaya cadangan-cadangan itu telah dicatat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan sekiranya diperlukan perkara-perkara seperti itu bolehlah disusul nanti kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Jadi, kalau sekiranya kita akan meneliti perkara-perkara yang terjadi dalam kementerian-kementerian yang berkenaan, maka saya kira bajet yang di hadapan kita ini tidak akan dapat kita luluskan. Oleh sebab masa berjalan begitu cepat dan kita perlu supaya bajet ini diluluskan dengan secepat-cepatnya bagi membolehkan kerajaan berfungsi seperti lazimnya, maka saya mintalah supaya kita menghadkan soalan-soalan itu secara spesifik.

Memang kita mempunyai banyak cadangan yang akan kitani kemukakan. Saya percaya menteri-menteri yang berkenaan juga mempunyai perancangan-perancangannya yang tersendiri, prioriti-prioritinya yang sendiri, mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa yang meneliti perkara-perkara yang mungkin tidak ditimbulkan dalam majlis ini. Bak kata pepatah

"berat mata memandang, berat lagi bahu memikul". Jadi, saya minta kalau sekiranya dapat secara spesifik apakah pertanyaan yang dikemukakan itu. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Kalau begitu, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Oleh sebab kita dalam Jawatankuasa, barangkali janganlah teguran saya itu tadi disifatkan sebagai teguran yang menyebabkan Ahli Yang Berhormat merajuk, tidak menyoal. Jadi, saya kira ada baiknya saya minta reaksi daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sekiranya ada.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali kaola menerima tahniah itu bukan bulat-bulat kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Pengerusi mengenai Pindaan Lesen Rampaian untuk memudahkan dan memulakan bisnes itu. Pengerusinya ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Itu Jawatankuasanya Yang Berhormat sebagai minor dalam perkara ini dan yang paling penting juga ialah Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri. Abiskaola terlibat dalam Lesen Rampaian selama ini.

Alhamdulillah, tahniah itu bolehlah diterima dan diucapkan kepada semua yang berkenaan dalam perkara ini

termasuk Jabatan Peguam Negara. Sebagaimana juga Yang Berhormat Pengerusi menyatakan cadangan-cadangan itu untuk dicatat, kaola pun mencatat, cadangan-cadangan itu dan kaola mengucapkan terima kasih untuk menilainya.

Mengenai tempoh 3 tahun bagi pekerja asing, itulah yang sedang dibuat oleh kementerian dalam dasar baharu pengambilan pekerja asing. Dalam masa tempoh 3 tahun, jika pekerja asing itu masih diperlukan dan tidak ada anak-anak tempatan yang dapat mengisi kekosongan dalam syarikat-syarikat berkenaan, maka mereka dibenarkan untuk mengambil, memasukkan pekerja asing. Dalam masa 3 tahun tersebut, secara berperingkat-peringkat mereka hendaklah merancang *Bruneiansation* untuk jawatan-jawatan dalam syarikat-syarikat itu.

Mengenai Tamu Gadong ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola sendiri merasa dukacita. Sudah lima tahun ia siap dibina. Tamu itu ialah untuk memindahkan penamu-penamu dari Kianggeh tapi penamu-penamu itu tidak mahu berpindah dari Tamu Kianggeh. Pada mulanya mereka mahu berpindah tetapi akhirnya tidak juga mahu. Mereka dipindahkan untuk mengindahkan pemandangan Lebuh Raya Sultan Hassanal Bolkiah, jadi mereka dipindahkan di sebelah pasar. Mereka ini diajak melakukan kegiatan-kegiatan di tempat yang baharu, mereka tidak juga mahu berpindah. Kaola sendiri membuka rasmi tamu tersebut.

Beberapa buah gerai dapat diisikan setelah diubah suai mengelakkan dari terkena hujan dan panas dan sebagainya. Tetapi, tidak lama selepas itu, tidak juga orang tahan berniaga di sana.

Jadi kedudukannya sekarang ialah Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan sedang berikhtiar untuk mendapatkan satu kaedah bagi tamu itu beroperasi, ditawarkan dijalankan secara *private*. Tawaran-tawaran telah pun dibuka dan sokongan-sokongan telah pun dibuat secara terbuka. Setakat ini belum juga ada hasilnya Yang Berhormat Pengerusi. Jadi mudah-mudahan "feng shui" tempat itu dapat berubah dengan keadaan yang baharu nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi bersama-sama rakan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana telah berusaha mempercepatkan pengambilan lesen dan juga mengubah sedikit undang-undang. Apa pun yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu merupakan satu usaha yang baik dan tergantung pada persepsi masyarakat.

Kaola ingin menyampaikan beberapa soalan dalam SA01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tahniah atas usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan yang telah mengubah wajah Bandar Seri Begawan menjadi sebuah “Bandar Dalam Taman” ataupun satu hari nanti ia boleh menjadi bandaraya yang cantik di Borneo ataupun *Modern City of Borneo* terbesar dan terindah serta menjadi pusat segala perniagaan dan kewangan serta pusat pengurusan semua agensi dan membuka peluang perniagaan. Soalan:

1. Bilakah projek ini akan dilaksanakan?; dan
2. Adakah Kementerian bercadang untuk membina *LRT* atau *MRT* bagi mengurangkan pergerakan kenderaan bermotor dan mengurangkan kesesakan jalan raya?

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, Bandar Seri Begawan. Keceriaan dan kebersihan merupakan perkara yang sangat penting diberikan perhatian. Suasana dan keindahan landskap dan infrastruktur yang teratur dan terancang menjadi keutamaan negara. Bangunan-bangunan yang cantik dan reka bentuk yang sangat menarik menjadi perhatian pengunjung yang berkunjung ke negara ini. Apa yang mendukacitakan banyak premis perniagaan tidak mengutamakan kebersihan, walaupun peringatan telah diberikan kepada pemilik bangunan dan premis perniagaan oleh pihak yang

berwajib ataupun Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan tetapi masih berterusan. Soalan:

1. Apakah langkah yang akan diambil bagi individu ataupun pemilik perniagaan dan bangunan yang tidak mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Bandaran?; dan
2. Apakah usaha agensi yang berwajib dalam menanamkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat bagi menjaga alam sekitar yang bersih dan selesa?

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyediakan beberapa buah dewan serbaguna di beberapa buah mukim di negara ini. Perkara ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh masyarakat setempat di kawasan berkenaan. Keutamaan pembinaan dewan ini sangat diperlukan oleh masyarakat yang tinggal di Mukim Lumapas, dan perkara ini sering dibangkitkan pada sesi muzakarah kaola dengan penduduk kampung dan juga dibangkitkan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Soalan:

1. Kaola ingin mengetahui adakah peruntukan bagi membina Dewan Serba Guna Mukim Lumapas ini telah diluluskan?;
2. Kelewatan atau kelambatan proses mengecop pasport keluar dan masuk di Pusat Kawalan Imigresen



di beberapa pusat kawalan di negara ini menjadi sungutan orang ramai, mungkin disebabkan kurangnya kakitangan yang bertugas di pos-pos kawalan imigresen tersebut. Adakah cadangan untuk menambah bilangan kakitangan di pos-pos kawalan berkenaan?; dan

3. Pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah sering ditangkap setiap kali adanya operasi pihak bersepadu. Apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka? Adakah mereka menjalani hukuman di negara ini atau terus dihantar pulang? Dan jika ia dikenakan hukuman adakah mereka akan dikenakan hukuman berat seperti mereka yang mansuh pasport dan tinggal di negara ini secara haram?

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Tahniah seperti tadi jua Yang Berhormat Pengerusi, kaola terima dan kaola terima juga bagi pihak rakan-rakan kaola Yang Berhormat Menteri-Menteri yang lain yang berkenaan dalam perkara itu.

Mengubah wajah Bandar Seri Begawan maksudnya barangkali Yang Berhormat ini merujuk kepada *Master Plan*

Bandar Seri Begawan. Memang pada masa ini pelaksanaannya sedang berjalan misalannya mengenai koridor, tebing sungai, Sungai Kedayan. Sudah ada langkah yang boleh dikatakan konkrit bagi pelaksanaan rancangan tersebut mengikut yang dirancang dalam *Master Plan* Bandar Seri Begawan.

Begitu juga pelaksanaan untuk mengubah wajah bangunan-bangunan kedai di Bandar Seri Begawan. Ada beberapa unit di Jalan Sultan sudah dalam perancangan untuk diubah suai dan dibangun semula dengan keperluan-keperluan yang dirancangan, tidak lagi berupa kedai-kedai berpintu termasuklah kawasan bangunan letak kereta dan Bangunan Komersial Bumiputera. Semua ini akan mengubah wajah Bandar Seri Begawan.

Mengenai adakah cadangan untuk menggunakan penggunaan *LRT*, memang benar dalam *Master Plan* itu ada disebutkan *LRT* dari bandar menuju ke lapangan terbang dan sebagainya. Kajian-kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian Perhubungan mendapati *LRT* tidak sesuai bagi Brunei, mungkin rakan kaola Yang Berhormat Menteri Perhubungan dapat menjelaskan lebih lanjut mengenai perkara ini.

Yang mendukacitakan mengikut Yang Berhormat itu ialah, banyak premis yang tidak menjaga kebersihan. Perlu diingat mereka tidak dibiarkan begitu sahaja, langkah-langkah secara undang-undang diambil iaitu mengkompaun malah langkah-langkah tersebut itu

didedahkan kepada publik supaya mereka merasa malu apabila perkara itu disebut dalam berita ataupun surat khabar dan sebagainya.

Sesungguhnya menjaga kebersihan ini, insya-Allah perlahan-lahanlah dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak, insya-Allah kitani akan melihat bandar kitani memang bersih, orang luar yang datang ke mari mendapati bandar kita bersih. Tetapi kitani yang hari-hari di sini mengetahui keadaan sebenarnya dan mahu lebih bersih lagi. Mudah-mudahan apa yang diharapkan sedemikian itu dapat dilaksanakan.

Dewan serbaguna pada masa ini, walaupun sejak empat tahun tidak ada dewan serbaguna yang dibangunkan, sudah ada tapak-tapak yang diluluskan tetapi tidak ada yang dibangunkan, berikutan daripada penilaian semula mengenai rancangan pembinaan dewan serba guna ini termasuklah Mukim Lumapas itu. Adakah Mukim Lumapas sudah ada peruntukan yang diluluskan, jawapannya memang belum ada peruntukannya Yang Berhormat Pengerusi.

Dari segi kelambatan mengecop pasport di pos-pos kawalan imigresen itu, kalau kelambatan itu pada hari-hari biasa, mungkin kita boleh kompelin mengapa ia lambat, tetapi kalau kelambatan itu pada hari-hari yang luar biasa musim cuti dan sebagainya, maka yang sedemikian itu kitani pun bertimbang rasalah. Kalau ditambah bilangan pegawai yang mengecop itu, kedudukan

pos kawalan itu sendiri tidak mengizinkan kerana ia bersifat sementara, tempatnya terhad untuk duduk bertugas dan sebagainya.

Perkara ini hendaklah kita lihat secara holistik, kalau sekiranya nanti Pos-pos Kawalan itu mempunyai kompleks yang lebih kondusif untuk bekerja dan melicinkan segala urusan-urusan mungkin kitani dapat melakukannya.

Mengenai pekerja asing yang ditangkap, memang diketahui diadakan serbuan-serbuan. Apabila didapati ada keraguan mengenai pasport mereka (*expired*), kebenaran duduk tinggal di sini dan sebagainya, memang diambil tindakan. Dalam sesi penyiasatan, mereka diberikan Pas Khas untuk mereka dapat tinggal sementara waktu di sini. Kalau didapati adanya kesalahan ia dirujuk kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Orang ramai pun tahu Yang Berhormat Pengerusi, bukan tidak ada pekerja asing yang menyalahgunakan pasport, yang masuk secara haram (*illegal*) atau lebih tempoh dan sebagainya, mereka dipenjarakan kerana kesalahan-kesalahan yang sedemikian ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Yang Berhormat  
Pengerusi, Kaola hanya minta  
kesempatan ini untuk menjawab atau

menambah kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa dalam *Land Transport Master Plan Study*, ura-ura untuk mengadakan MRT atau LRT ini, pada masa ini belumlah begitu *viable*. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda.

Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah mengetengahkan Satu Kampung Satu Produk. Satu usaha untuk menggiatkan sara diri dalam kalangan penduduk tempatan dengan produk-produk kampung masing-masing. Ia dihasratkan untuk mencapai wawasan kerajaan, Satu Kampung Satu Produk yang dapat meningkatkan pendapatan dan ekonomi dalam sesebuah keluarga dan masyarakat kampung secara umumnya dan kaum wanita secara khususnya.

Usaha ini nampaknya berjaya menarik ramai di kalangan penduduk kampung terutamanya kaum wanita dalam mempamer dan menjual produk mereka kepada orang ramai sama ada melalui pameran, ekspo bermusim

dan tempahan-tempahan dan seumpamanya.

Antara peruntukan yang disediakan pada tahun ini, sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ketika pembentangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 iaitu menaik taraf kemudahan dan prasarana perniagaan, membaik pulih Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera di Bandar Seri Begawan dan tempat-tempat perniagaan di Daerah Belait dan daerah-daerah lain di bawah pengendalian Lembaga Bandaran masing-masing dengan secara keseluruhannya berjumlah kira-kira B\$2.5 juta sebagaimana penjelasan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

1. Adakah Projek Satu Kampung Satu Produk ini akan diberikan fokus utama untuk mengisi ruang-ruang di pusat-pusat komersial dan perdagangan secara kekal bukan secara berkala? Apa yang dapat kita lihat sekarang ini ia banyak dipenuhi oleh barang-barang jualan daripada luar negara seperti yang dapat kita lihat di Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera di Bandar Seri Begawan umpamanya. Alangkah ruginya sekiranya kawasan, kemudahan dan pusat-pusat berkenaan yang akan dibaik pulih dan dinaik taraf dengan peruntukan yang begitu banyak tetapi tidak digunakan untuk mengembangkan potensi ekonomi

tempatan seperti yang saya sebut dan maksudkan tadi.

2. Satu perkara lagi yang saya anggap hanyalah sebagai cetusan idea, iaitu berkenaan dengan nama gelaran bagi jawatan Pegawai Daerah yang telah sekian lama diguna pakai dan akan menjadi satu ristaan sejarah suatu masa nanti. Perkara ini Yang Berhormat Pengerusi ada dalam *detail* peruntukan. Tidakkah ada cadangan untuk menukar nama gelaran tersebut dengan satu nama gelaran yang lebih signifikan dengan peranan seorang ketua atau pemimpin dalam satu daerah yang besar fungsi dalam pengurusan dan pentadbirannya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mengenai Satu Kampung Satu Produk, alhamdulillah ia mendapat sambutan yang baik dan daripada Yang Berhormat sendiri pun mengatakan ia suatu yang dapat mendatangkan faedah kepada penduduk kampung terutama sekali wanita-wanita yang menyertainya. Soalnya adakah pada masa akan datang, Satu Kampung Satu Produk ini akan mendapat tempat dalam masa ekspo dan secara tetap penjualannya. Jawapannya memang ada sedemikian itu Yang Berhormat Pengerusi, untuk menempatkannya di tempat pusat-pusat

komersial seperti mana di Pekan Bangar yang sudah sedia ada itu.

Baru-baru ini, semasa Ekspo Satu Kampung Satu Produk yang diadakan bersempena dengan Regata Brunei, dua minggu lalu peserta-peserta menyuarakan hal yang serupa. Mereka mengatakan sudah sampai masanya produk-produk mereka ini mendapat tempat untuk dijual secara tetap bukan secara ekspo sahaja. Kaola menyambut baik cadangan mereka itu dan cadangan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mengenai produk ini, kaola akan menambah sedikit lagi Yang Berhormat Pengerusi. Keutamaan sekarang ini ialah untuk meningkatkan mutunya. Dua tahun dahulu, kitani memikirkan untuk meningkatkan setakat *packaging* sahaja. Nampaknya sekarang ini mutu barangannya sendiri sudah bagus dan *packaging*nya pun sebahagiannya sudah bagus.

Seterusnya ialah untuk mengangkat lagi ia sebagai suatu produk yang dipasarkan secara meluas. Usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini, ialah mendokumentasikan produk-produk kampung. Sehingga 31 Disember akhir tahun yang lepas, dokumentasi itu sudah siap untuk menentukan berapa banyak produk yang dibuat di seluruh negara.

Produk Satu Kampung Satu Produk ini misalannya:

1. Daerah Temburong, dalam dokumentasi yang ada ialah sebanyak 54 produk iaitu dengan penyertaan 5 mukim dan 15 kampung. Dalam produk makanan saja 42 produk, anyaman dan kraf tangan 12 produk.
2. Di Daerah Belait dengan 34 produk, 4 mukim dan 9 kampung yang menyertainya dengan 29 jenis produk terdiri daripada makanan dan minuman, sementara anyaman dan kraftangan 5.
3. Di Daerah Tutong sebanyak 32 produk, 8 mukim dan 12 kampung, makanan dan minuman 27 produk, anyaman dan kraftangan 5 produk.
4. Di Daerah Brunei Muara. Walaupun besar penduduknya ramai tetapi hanya 25 produk yang dapat didokumentasikan pada masa ini dengan 7 mukim dan 12 kampung yang terlibat, makanan dan minuman 20 produk, anyaman dan kraftangan 6 produk.

Walau bagaimanapun ini menunjukkan satu usaha untuk mengangkat taraf produk-produk ini ke satu taraf yang boleh dipasarkan dengan secara yang lebih meluas.

Mengenai cadangan untuk menukar nama Pegawai Daerah kepada suatu nama yang lebih bersignifikan sebagai suatu melambangkan ia ketua di daerah berkenaan, setakat ini belum ada. Tapi kaola ingin menegaskan, jawatan

Pegawai Daerah (*District Officer*) kita warisi dari zaman residen lagi.

Perbezaannya, setelah kita berpentadbiran secara berkementerian, yang sebelumnya kita berpentadbiran secara Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, pegawai-pegawai daerah tersebut memang menjadi ketua pegawai-pegawai kerajaan di daerah-daerah kerana semua berkumpul di bawah satu bumbung Pegawai Daerah, Pejabat Tanahnya dan sebagainya.

Apabila kita berkementerian, maka jabatan-jabatan itu mengikut kementeriannya, bukan lagi Pegawai Daerah tersebut yang menjadi prominen dalam mewakili kerajaan di daerah itu, tetapi memang ia dilihat sebagai orang yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada pegawai-pegawai lain di daerah tersebut. Kuasa atau bidang tugas dan fungsinya tidak lagi sebagaimana sebelum kita merdeka dahulu. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mempunyai 3 Tajuk untuk disuarakan. Kalau

diizinkan kaola akan menyuarakan sekali gus sahaja. Soalan:

1. Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memansuhkan Akta Lesen Rampaian dan diganti dengan Akta Lesen Perniagaan yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2015 Masihi. Ini memudahkan para peniaga langsung terus berniaga apabila mereka sudah mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat 16/17 tanpa lama menunggu seperti sebelumnya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dalam kesempatan ini, ingin menyuarakan mengenai sumbangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara. Mereka menceburkan diri bergiat dalam semua aktiviti tanpa mengira sebarang imbuhan atau insentif. Pada akhir-akhir ini Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dilibat sama dalam kegiatan Pengawasan Kejiranan Kampung. Membantu Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei membuat rondaan dan pemantauan keselamatan di mukim dan kampung.

Sejauh ini kaola belum mendengar adanya Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dianugerahi pingat sebagai mengenang jasa bakti mereka terhadap masyarakat

di mukim dan kampung. Ada antara mereka ini lebih dari 10 tahun menceburkan diri di dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Setiap tahun penghulu dan ketua kampung diminta menghadapkan sokongan terhadap Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mereka untuk dipertimbangkan mendapat pingat. Namun, belum seorang pun Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya di Daerah Belait sepanjang yang kaola ketahui bernasib baik. Oleh itu, kaola memohon pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri agar dapat meneliti dan menilai perkara ini;

2. Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Iaitu mengenai pembantu rumah. Isu pembantu rumah atau amah masih menghantui para majikan di negara ini. Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, kaola membangkitkan perkara yang sama. Seseengah pembantu rumah membuat masalah minta dihantar pulang atas bermacam-macam alasan sebelum tempoh perkhidmatan mereka berakhir. Perkara ini pernah kaola suarakan kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia sewaktu beliau membuat kunjungan ke Daerah Belait pada tahun lepas. Pesuruhjaya Buruh pernah menyatakan kepada kaola yang mereka akan membuat perjumpaan dengan pihak berkenaan di Republik Indonesia. Kaola ingin mengetahui

hasil perjumpaan atau perbincangan yang dimaklumkan kepada kaola itu; dan

3. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Iaitu mengenai dengan Sijil Kerakyatan. Baru-baru ini saya telah menerima kunjungan dari beberapa warga Penduduk Tetap yang telah menjalani ujian bertulis dan lisan bagi mendapatkan status Kerakyatan Negara Brunei Darussalam. Ada antara mereka telah pun menerima surat dari jabatan yang berkenaan mengatakan mereka telah lulus ujian. Hampir dua tahun berlalu tiada Sijil Kerakyatan dikeluarkan. Ada antara Penduduk Tetap itu telah pun meninggal dunia. Kaola memohon pertimbangan jika dapat penjelasan mengenainya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dari Daerah Belait. Tahniah juga atas ucapan tahniah tadi.

Mengenai Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung belum ada yang mendapat pingat sebagai tanda penghargaan. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad menyebut dari Daerah Belait tentu ada buktinya.

Jadi, kaola tidaklah mempertikaikan perkara yang dibangkitkan itu melainkan kaola memang menimbangkan setiap orang rakyat dari negara ini yang berjasa yang mempunyai perkhidmatan apa lagi dalam perkhidmatan sukarela seperti Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini, memang layak untuk dipertimbangkan. Untuk mendapat pertimbangan itu dan mendapat kelulusan sebagaimana yang dikehendaki, ia bergantung pada beberapa syarat-syarat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Menimbangkan Pengurniaan Bintang-Bintang Kehormatan dan Pingat-Pingat Kebesaran. Kaola akan menyiasat perkara ini sejauh mana nama-nama yang diajukan oleh ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu di daerah-daerah, sampai ke kementerian-kah atau tidak. Kaola mengucapkan terima kasih.

Mengenai pembantu rumah. Masalah ini tidak pernah selesai. Tapi Alhamdulillah, Yang Berhormat sampai membawa kepada satu usaha yang baik. Ditanyakan kepada pihak Kedutaan Republik Indonesia, pihak Jabatan Buruh memang itulah masalahnya. Sekarang ini Yang Berhormat ingin tahu hasil perjumpaan. Memang benar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengadakan satu *MOU* dengan pihak Indonesia dalam perkara amah ini sahaja. Pihak Indonesia sebenarnya mahukan *MOU* itu meliputi semua pekerja tetapi kitani di Brunei mahu dihadkan kepada pembantu rumah sahaja.

Kedua, usaha untuk *MOU* itu pada tahun lepas tapi oleh sebab perkembangan yang terjadi di Indonesia, pertukaran menteri dan sebagainya maka perkara itu telah ditangguhkan ia akan diteruskan oleh menterinya yang baru-baru ini menyertai rombongan presidennya datang ke Brunei dan berjanji untuk melihat perkara ini diteruskan. Pihak Indonesia memberitahu kepada Jabatan Buruh untuk meneruskannya pada satu masa nanti bagi merundingkan perkara-perkara yang *pending* dalam *MOU* itu.

Yang penting yang kaola nyatakan tadi dalam perkara ini ialah masalah seperti mana amah itu datang ke Brunei dan bekerja sekejap dan majikan tidak menghantar dia balik. Jadi merugikan, dan hal-hal inilah yang akan kita masukkan ataupun yang akan kita cuba *regulate* dalam *MOU* tersebut. Tujuan *MOU* itu ialah untuk menjaga kepentingan majikan dan menjaga kepentingan pekerja serta mengatur tatacara yang dilakukan oleh agensi-agensinya. Pentingnya ditegaskan ialah pekerja dari Indonesia sebenarnya adalah orang yang memerlukan pekerjaan. Mereka boleh dikatakan orang-orang yang susah.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah pun menegaskan kepada pihak Indonesia jangan sampai mereka yang susah bertambah susah kerana dikenakan beberapa caj. Orang ramai yang akan mengambil amah dari Indonesia misalannya melalui agensi pekerjaan akan membayar antara

\$2,500.00 - \$2,800.00 Usaha ini ialah untuk mengadakan *ceiling charge* mengenai perkara ini.

Ada sebutan caj-caj yang dikenakan oleh agensi pekerjaan di Indonesia. Apa sahaja perkhidmatan yang mengharuskan pekerja itu untuk membayar sedemikian dan akibatnya ialah kepada majikan yang menghendaknya datang. Jangan sampai seolah-olah dalam sistem yang kitani adakan secara legal ini mereka ini terpaksa berhutang seolah-olah mereka masuk secara *illegal*, diseludup dan untuk penyeludupan itu mereka membayar sekian-sekian.

Maka secara teratur apa juga item-item yang dicaj itu mestilah dinyatakan dengan *transparent* kepada mereka. Kita sebagai majikan di sini dan ini sebahagian tugas patut juga dibuat oleh agensi-agensinya yang berlesen setakat ini. Jadi setakat ini belum ada hasilnya. Mengenai perkara-perkara yang *pending* itu perlu dirundingkan lagi pada satu masa yang akan datang.

Persoalan sijil kerakyatan tadi ada disebutkan berhubung penduduk tetap yang telah menjalani ujian bertulis dan lisan yang telah lulus bertahun-tahun akan tetapi tidak menerima sijil. Kaola ingin menjelaskan lulus peperiksaan bahasa adalah salah satu syarat untuk mendapatkan kerakyatan. Tidak semestinya apabila seorang itu lulus maka dengan sendirinya dia sudah boleh diterima sebagai rakyat. Banyak lagi factor seperti keselamatan dan sebagainya. Selain itu memanglah



dalam setahun yang terakhir ini penduduk tetap tidak banyak bilangannya yang layak untuk dikurniakan taraf kerakyatan. Ini disebabkan antara lain ianya perlu berhati-hati untuk diberikan taraf kerakyatan.

Kerakyatan terus berjalan seperti biasa bagi anak angkat kepada ibu warga Negara Brunei, suami atau isteri warga negara asing.

Mengenai penduduk tetap ini memanglah kitani terpaksa berhati-hati. Mereka tidak beranggapan jika sudah lulus peperiksaan mereka akan mendapat kerakyatan dan sebenarnya kaola ingin menyatakan berhubung kenyataan kaola dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lalu bahawa kerakyatan itu bukanlah satu hak orang yang memohon. Negara akan memberikan kerakyatan mengikut syarat-syarat yang membolehkan mereka dipertimbangkan.

Mestilah dianggap bahawa untuk menjadi rakyat itu negara sendiri yang menimbangkan bahawa ia dapat diterima sebagai rakyat mengikut perhitungan-perhitungan dan pertimbangan-pertimbangan di bawah syarat-syarat undang-undang yang ada. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima

kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Usul-usul yang kaola timbulkan ini adalah masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan zon kaola sendiri.

Kaola menerima maklum daripada mereka yang terlibat dalam tanah susur. Mereka tidak ada menerima apa-apa maklumat atau surat menyurat daripada pihak yang berkenaan mengenai masalah tersebut. Disebabkan perkara ini akan timbul semula lagi setiap tahun masih lagi tiada ada siapa mengambil perhatian dalam perkara ini. Kaola adakan pertanyaan mengenai perkara ini kepada pihak pengurusan bencana ataupun pihak yang lain.

Kedua, mengenai pembantu rumah juga sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat rakan sejawatan tadi yang pada masa ini pengambilan pembantu rumah adalah mencapai kepada \$3,000.00 seorang untuk mendapatkan khidmat bantu daripada ejen-ejen pembekal pembantu rumah.

Dalam hubungan ini, adakah Jabatan Buruh untuk sama-sama membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang ramai mengenai perkara ini ataupun adakah pihak Jabatan Buruh membuat perbincangan dengan ejen-ejen amah untuk mengatasi pembayaran mengenai pembantu rumah ini? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kaola

menjawab mengenai pembantu rumah iaitu mengenai pengurangannya mencapai kepada \$3,000.00 yang kaola menyebut tadi \$2,500.00 - \$2,800.00. Sebenarnya usaha Jabatan Buruh untuk mengenakan *ceiling charge* yang patut dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan dan *ceiling charge* ini untuk ditentukan bagi menghendaki peruntukan undang-undang.

Dalam peringkat ini peruntukan undang-undang sedang digubal Jabatan Buruh berusaha kuat dengan bantuan daripada Jabatan Peguam Negara untuk memperundangkan mengenai caj-caj yang akan dikenakan *ceiling* nya itu. Memanglah diketahui selama ini caj-caj itu tidak jelas dikenakan \$2,500.00, \$2,800.00 sampai \$3,000.00 sekarang ini.

Jabatan Buruh sedang mengadakan formula-formulanya. Formulanya itu antaranya misalnya, caj yang secara *itemize*, secara terperinci atau secara pakej. Setakat ini dalam formula Jabatan Buruh kalau caj yang perlu dikenakan bagi mendapatkan amah ini ialah, kalau secara pakej sebanyak \$800.00 tidak termasuk caj-caj yang dikenakan di luar negeri termasuk tambangnya, dan termasuk caj-caj daripada agensi-agensi.

Kita berharap kalau nanti caj ini dapat dipakai sejumlah yang kaola sebutkan itu tadi. Katalah caj dari luar negeri juga sama sebanyak \$800.00 *plus* tiketnya jadi orang akan membayar sekitar \$2,000.00 sahaja. Tidak ada yang percuma Yang Berhormat Pengerusi

servis yang diberikan oleh agensi-agensi ini berpatutan atau tidak. Sekarang ini itulah yang diusahakan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Buruh Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai mangsa-mangsa tanah susur, kaola juga mengucapkan simpati dalam kejadian banjir tahun ini. Tanah susur yang bertambah. Sebuah jawatankuasa yang menyiasat perkara ini sedang pun membuat dokumennya. Dokumentasinya itu sedang dalam pertimbangan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu yang ada hubung kait dengan Tajuk SE10A.

Alhamdulillah pada Musim Permesyuaratan Negara Yang Kesepuluh pada tahun 2015 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah meluahkan suatu kenyataan yang amat menggembirakan penduduk sementara di Negara Brunei Darussalam ini dalam mempermudah tempoh kelayakan bagi mendapatkan taraf sebagai Penduduk Tetap. Setiap kenyataan tersebut dikeluarkan sudah setentunya jabatan yang berkenaan telah menerima

permohonan-pemohonan dari pelbagai lapisan penduduk dari berbilang kaum. Apa yang kaola ingin ketengahkan ialah tentang kemudahan-kemudahan yang bakal dinikmati sama oleh penduduk-penduduk yang diberi taraf status Penduduk Tetap. Ini untuk bertujuan bagi menambahkan lagi ketaatsetiaan mereka kepada raja dan Negara Brunei Darussalam ini. Terutama sekali kemudahan tempat tinggal. Perkara ini pernah juga kaola usulkan dalam sesi Permesyuaratan Yang Kesepuluh tahun lepas, mengenai kemudahan mendapat tapak tanah dan menyertai Skim Perumahan Negara yang sedang giat dirancang dan dilaksanakan pada masa ini.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita ingin membangkitkan semula dengan harapan supaya mendapat penjelasan dan perhatian serta pertimbangan dari kementerian-kementerian yang ada hubung kaitnya dengan taraf Penduduk Tetap ini.

Soalan kaola, adakah peluang atau ruang yang boleh diberi kepada Penduduk Tetap bagi mendapatkan kemudahan perumahan ataupun tapak tanah? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Barangkali Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin itu merujuk kepada garis panduan untuk menjadi Penduduk Tetap yang kaola umumkan pada

Permesyuaratan Yang Kesepuluh tahun lepas Yang Berhormat Pengerusi. Memang garis panduan itu jelas, mudah. Kini orang ramai tahu setakat mana mereka boleh layak memohon dan sebagainya. Memanglah semenjak garis panduan itu diumumkan, ramai permohonan.

Pelaksanaannya garis panduan itu menetapkan hendaklah ditimbangan oleh jawatankuasa yang tertentu yang dianggotai oleh berbagai-bagai kementerian. Jawatankuasa itu telah pun bersidang untuk membuat pertimbangan dan sokongan-sokongan telah dibuat mengenai perkara ini.

Ada pun mengenai kemudahan yang sama dinikmati rakyat, ada sebahagiannya yang sama. Khusus mengenai tempat tinggal untuk mendapat skim perumahan ataupun mendapat tapak tanah tumpang sementara, perkara itu kaola memohon Yang Berhormat Pengerusi untuk meminta rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskannya.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, seperti mana yang telah pun ditimbulkan pada tahun lepas perkara ini masih dalam pertimbangan.

Abis kaola ini sebenarnya, isu pada masa ini dasar untuk memberikan tapak tanah kepada Penduduk Tetap masih belum ada. Ia berkaitan dengan isu kerakyatan dan status tempat tinggal di negara ini. Walau macam manapun,

perkara ini telah pun difikirkan secara aktif oleh pihak Kementerian Pembangunan. Insya-Allah setelah kita mendapat beberapa keterangan lagi daripada pihak-pihak yang tertentu maka penjelasan mengenai perkara ini akan dapat kitani kongsi nanti di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Insya-Allah apabila sampai masanya kita membincangkan isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan, mungkin kedudukan perkara ini akan dapat diterangkan serba sedikit insya-Allah, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan yang lain.

Masih terdapat beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat yang meminta untuk bertanya. Maka oleh yang demikian saya cadangkan supaya Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang

ingin menangguhkan mesyuarat kita ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada sebelah petang pukul 2.30 petang.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat pada persidangan yang diadakan sebelah pagi tadi masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita meneruskan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Alhamdulillah, pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada pagi tadi kita masih lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SE014A hingga Tajuk SE12A. Seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat yang dilantik telah mengemukakan soalan-soalan bagi tajuk-tajuk yang berkenaan dan soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bersama saya, masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang berkeinginan untuk mengemukakan pertanyaan-pertanyaan bagi Tajuk ini. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin untuk memulakannya. Silakan.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 2 persoalan:

1. Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara, jawatan Ketua Kampung di setengah tempat kurang diminati. Untuk mencari calon sahaja kadang-kadang memakan masa sehingga selama 10 tahun. Setelah dapat calon ianya diproses kadang-kadang sehingga melebihi 2 tahun. Di sebuah kampung, anak buah kampung sudah ada beberapa calon yang mereka fikirkan yang layak menjadi Ketua Kampung tetapi kerap kali mereka fikirkan menolak dengan berbagai-bagai alasan. Dicadangkan supaya alternatif yang pertama dan kedua diguna pakai seperti yang tercatat dalam Buku Hijau.
  - i. Atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; atau

- ii. Undi rahsia. Kaola mencadangkan juga ditubuhkan *TPOR* bagi mempercepatkan proses pelantikan ketua kampung.
2. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kita memerlukan aspek keselamatan yang tinggi bagi penguatkuasa imigresen. Peningkatan jenayah yang bervariasi menjadikan pekerja-pekerja imigresen berisiko tinggi iaitu risiko penjenayah dari orang luar atau dalam negeri. Dicadangkan pihak kementerian menubuhkan Skwad Khas separuh tentera bagi menangani perkara-perkara tersebut. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Soalan yang pertama itu mengenai jawatan Ketua Kampung. Memanglah itu hakikatnya, tidak ada yang berminat. Kemudian bila anak kampung sudah merasakan ada yang layak untuk di ketengahkan menjadi ketua mereka, orang tersebut pula tidak sanggup.

Jadi alternatif yang diberikan oleh Yang Berhormat itu, dilantik atas titah ataupun diundi rahsia itu mungkin

sebagai bahan untuk pertimbangan sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Tetapi yang kaola ingin menyatakan di sini ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melihat isu ini ada berkaitannya dengan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang baharu iaitu yang menggantikan Skim Perkhidmatan Baharu 2013 yang sudah dirumuskan dan sedang dalam pertimbangan pihak-pihak berkenaan.

Dalam skim itu akan menentukan supaya jawatan itu benar-benar jawatan yang dapat melaksanakan kepimpinan di peringkat akar umbi sesuai dengan perkembangan dan taraf pengetahuan dan ilmu orang ramai di kampung mereka. Maknanya, rakyat kitani pada masa ini sudah orang-orang berpelajaran, boleh dikatakan majoriti kitani berpelajaran dan berpendidikan. Jadi dalam skim yang baharu itu kita memungkinkan calon-calon yang terdiri daripada orang yang berpendidikan di samping berpengalaman. Tarikan kepada itu ialah melibatkan skim gaji dan sebagainya dan kemudahan-kemudahan.

Hal itulah yang antara perkara-perkara yang sedang difokus oleh kementerian dalam mengatasi kelambatan ini. Dalam masa yang sama, kaola tidak dapat menerima bulat-bulat untuk diadakan *TPOR* untuk mempercepatkan sebenarnya tidak payah mekanismenya sudah ada, tinggal lagi diketuk sahaja supaya cepat di peringkat Pejabat Daerah. Perkara ini bertali-tali dan sebagainya.

Satu cara lagi ialah kementerian sekarang ini setelah menimbangkan *validity* orang-orang yang dilantik ini kalau dilihat *trend* pada masa-masa yang lalu penduduk yang hadir dalam waktu mengundi pemilihan Ketua Kampung ada yang tidak sampai 25 persen daripada penduduk dalam erti kata penduduk yang layak mengundi. Kalau calon yang itu menang menanglah ia. Perkara ini pun sedang diusai oleh kementerian untuk menetapkan satu kadar iaitu sekurang-kurangnya dalam 33 peratus penduduk yang layak mengundi datang mengundi pada hari pemilihan calon Ketua Kampung. Itu adalah untuk memastikan calon itu benar-benar terpilih oleh majoriti.

Mekanismenya juga ialah untuk menentukan, bukan sahaja mengiklankan di kawasan berkenaan, meletakkan sepanduk-sepanduk dan sebagainya memberitahu adanya pengundian sekian hari di tempat tersebut bagi Ketua kampung, jadi penduduk yang layak dipersilakan datang, tapi ada mekanisme juga untuk mendaftarkan penduduk yang layak mengundi di setiap kampung. Tidak semestinya kosong jawatan tersebut tetapinya setiap kampung itu mesti ada pendaftaran penduduk yang layak. Apabila ada pengundian, mereka ini akan dipanggil, dijemput dengan diberikan kad sebagai pengundi. Apabila mereka datang mereka akan mendaftar sebagai pengundi. Kalau sah memang orang yang dipanggil, maka kadnya itu akan ditukar dengan kad undi. Ini akan lebih menarik dan *transparent* dalam pemilihan ketua-ketua kampung.

Mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilakukan, insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola agak kurang mendengar mengenai Skuad Khas untuk melindungi pegawai-pegawai imigresen yang bertugas di Bahagian Penguatkuasa. Kaola fikir tidaklah perlu, kerana memanglah risiko itu ada dari mana-mana, hatta bukan sahaja dari Pegawai Imigresen malah siapa sahaja memang ada risiko. Yang pentingnya kita meyakini bahawa risiko itu tidak setinggi mana yang mewarankan ataupun mematutkan untuk mengadakan Skuad Khas lagi. Skuad Khas ini jika diadakan ada lagi risikonya, mungkin ada lagi kumpulannya yang sama taraf dengan Skuad Khas tersebut yang akhirnya akan membuat masalah kerana memikirkan perkara tersebut. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Kaola akan membawa Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

1. Adakah perancangan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membina Bangunan Pusat Aktiviti Produk, bukannya dewan, kerana dewan boleh saja meminjam mana-mana dewan

- sekolah bagi mengadakan majlis-majlis yang tertentu sahaja. Yang dimaksudkan kaola ialah, Bangunan Pusat Aktiviti Produk ini khusus untuk mengumpul Biro-biro Ekonomi dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim atau Kampung atau pengusaha-pengusaha bagi menjalankan aktiviti harian seperti pembuatan produk, kuih muih, tenunan kain tradisional dan menjahit. Kegiatan dijalankan setiap hari, kemudian untuk penyimpanan peralatan dan juga pameran produk dilaksanakan di bangunan ini.
2. Mengenai Lesen Pendaftaran Perniagaan No. 16 & 17. Jadi untuk mendapatkan Lesen Pendaftaran Perniagaan No. 16 & 17 oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung merupakan satu inisiatif untuk menyertai perusahaan. Jadi adakah Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung diberi keistimewaan atau peluang untuk mendapatkan tender-tender misalnya, pemotongan, pembersihan jalan-jalan kecil di kampung-kampung bagi memberi peluang pekerjaan kepada ahli-ahli dan penduduk-penduduk yang tidak bekerja?
  3. Adakah jabatan ini, memberi peruntukan jika Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung menghantar 1 atau 2 orang ahli bagi mengikuti kursus penghasilan produk yang sudah dikenal pasti di luar negara?
  4. Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Pada tahun 2014, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengumumkan peraturan mengenai kuota pekerja.  
  
Soalan kaola:
    - i. Sejauh manakah peraturan pengambilan pekerja ini dilaksanakan? dan bilakah peraturan-peraturan ini akan dilaksanakan sepenuhnya?
    - ii. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk merealisasikan peraturan ini kepada pengusaha-pengusaha terlibat?
    - iii. Adakah peraturan ini dikenakan terus kepada pengusaha-pengusaha yang baharu?
  5. Tajuk seterusnya masih lagi Tajuk SE05A - Jabatan Buruh, ini merupakan satu cadangan jika ia boleh diguna pakai bagi membantu penyelesaian masalah pembantu rumahtangga yang dimaksudkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi. Bermacam-macam masalah dan bermacam-macam kerenah. Adakah cadangan untuk menubuhkan satu unit latihan di Jabatan Buruh ataupun diswastakan iaitu mengenai pengurusan rumah tangga iaitu yang sinonim dengan



nama pembantu rumahtangga diubah lagi kepada lebih menarik dan dipandang positif yang boleh menarik minat anak tempatan memasuki pusat latihan ini bagi pengurusan rumah tangga? Satu ketika dahulu, Kementerian Pendidikan ada menyediakan pembelajaran urusan rumahtangga. Jadi nanti fungsi pusat latihan ini bertujuan:

- i. Untuk mengelakkan penyelewengan dan *human trafficking*;
- ii. Melatih dalam urusan rumahtangga yang bersesuaian dengan budaya penduduk negara ini; dan
- iii. Ia akan berfungsi menjadi tempat orang ramai yang berkehendakkan pekerjaan atau pembantu rumahtangga yang terlatih. Usaha ini akan menentukan harga dan gaji berdasarkan kemahiran dan yang lain-lain yang boleh difikirkan oleh pihak berkenaan untuk kesejahteraan semua pihak sama ada pekerja dan majikan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Yang Berhormat mengemukakan soalan berangkai Yang Berhormat Pengerusi, yang kaola catat di sini ada 5 soalan untuk kaola jawab.

Adakah perancangan jabatan membina binaan khas bagi aktiviti produk Satu Kampung Satu Produk khusus untuk semua aktiviti di sana. Kalau dapat difahamkan bangunan itu diibaratkan sebagai kilang, yang dapat kaola gambarkan. Jadi adakah rancangan kaola, bagi menjawab secara pendek sahaja, belum dan tidak ada rancangan sedemikian itu.

Lesen Pendaftaran Perniagaan No. 16 & 17 oleh Majlis Perunding Mukim dan Kampung yang sudah digalakkan. Memang kenyataan Yang Berhormat itu tadi *statementnya* adalah betul bahawa kementerian menggalakkan setiap majlis perundingan untuk memiliki lesen ini dan tujuannya ialah untuk ikut serta mengenai usaha ataupun kegiatan-kegiatan kerajaan di sana daripada *di tender out* kepada orang lain baiklah *di tender* kepada mereka.

Soalnya, apakah mereka ini akan diberi keistimewaan yang sedemikian itu. Kaola menjawab, ia tertakluk kepada *FR*. Peraturan-peraturan kewangan dan syarat-syarat tender akan dikenakan sekalipun dengan mengambil kira adalah ideal bahawa penyertaan anak-anak kampung. Misalnya sebuah kawasan di kampung-kampung perpindahan yang rumput rampai dan longkang-longkangnya tidak terusai,

penduduk di sana mengadu kepada kerajaan. Kalau perkara ini diserahkan kepada anak-anak kampung sendiri melalui majlis-majlis perundingan mereka, iaitu mereka sendiri mengambil kontraknya bukan kontrak daripada orang lain. Maka *complaint* itu kepada mereka, jika mereka tidak mengerjakannya ia kecuaiannya mereka, tetapi mereka mendapat keuntungan dan sebagainya. Itulah di sebalik idea menggalakkan supaya Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mempunyai Lesen Pendaftaran Perniagaan No. 16 dan 17 itu.

Adakah peruntukan menghantar seorang dua untuk mengikuti kursus di luar negeri? Secara khusus tidak ada, tetapi secara dari semasa ke semasa kalau ada kesempatan-kesempatan ekspso di luar negeri, kita dapat mengetengahkan barang-barang produk Brunei ini dibawa, maka kita akan menghantar orang Brunei untuk ikut serta dalam perniagaan mereka.

Ada peluang-peluang juga, lawatan-lawatan sambil belajar yang dilakukan di bawah Pejabat-Pejabat Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Lawatan-lawatan sedemikian itu apabila diluluskan tentulah ia akan di bawah tanggungan perbelanjaan kerajaan.

Mengenai Jabatan Buruh. Kementerian mengumumkan dasar baharu, sejauh mana dan macam mana ia dilaksanakan sepenuhnya dasar baharu Jabatan Buruh itu, yang utama sekali ialah membatalkan semua *unused quota*. Kuota yang tidak digunakan sebanyak

71,000. Cara pelaksanaannya syarikat-syarikat yang memerlukan mendatangkan pekerja di bawah *unused quota* itu mereka datang membuat rayuan. Jikalau rayuan mereka itu *valid* masuk akal maknanya ia ditimbang. Tetapi sejauh ini Yang Berhormat Pehin, kaola ada perangkaan rayuan-rayuan daripada syarikat-syarikat daripada bulan Julai hingga Januari 2015. Jumlah syarikat yang datang dan dipotong kuotanya sebanyak 1,487 buah syarikat. Sementara jumlah kuota daripada 1,487 syarikat ini untuk mendatangkan menggunakan *unused quota* itu tidak diluluskan sebanyak 7,879.

Mengenai pelaksanaan dasar untuk menentukan secara zon operasi bagi kawasan luar bandar, tidak dikeluarkan. Luar bandar dan pedalaman tidak lagi dibenarkan mendatangkan pekerja-pekerja asing atau *work permit*, tidak lagi dikeluarkan untuk bisnes di luar daerah. Ini memastikan di luar bandar, kalau ada keperluan berbisnes biarlah orang-orang kitani sahaja di sana, benar-benar pemegang lesen yang melaksanakan dan menjalankannya.

Begitu juga di kawasan *sub urban* dan sebagainya, dikenakan sudah, iaitu dalam proses 3 tahun. Sebagaimana yang kaola nyatakan dalam ucapan sembah menjunjung kasih iaitu jikalau majikan-majikan benar-benar memerlukan pekerja dan tidak ada anak-anak tempatan yang dapat mengisi pekerjaan itu hatta jawatan-jawatan yang mudah kerana anak-anak tempatan tidak mahu tampil dan betul-

betul itu diperlukan tapi diperlukan itu bukan untuk membesarkan syarikat.

Bukan diperlukan semahu-mahu mereka, cara mereka bukan disoperandi umpamanya bagi kedai runcit jika mereka sudah mempunyai satu bisnes di satu kawasan, untuk mendatangkan lagi pekerja dari luar mereka akan datang kepada yang empunya lesen untuk memohonkan *work permit* bagi keperluan *branch out*. Orang kitani pun memang pandai dengan mengatakan tidak dapat, sudah ada 3 orang. Jadi *branch out* itu, adakah benar-benar untuk bisnes. Umpamanya, dalam *branch out* itu ada kedai yang tumbuh, tidak sebenarnya menyatakan kehendak penduduk di sekitar itu, untuk sebanyak itu kedai-kedai runcit. Jadi Kementerian mengambil perhatian baik dalam perkara ini. Itulah antara cara pelaksanaannya.

Yang terakhir ialah adakah peraturan ini dikenakan terus kepada semua pengusaha baharu? Memang sedemikian. Ertinya, mereka akan dimaklumkan dalam tempoh 3 tahun, merancang bagi jawatan-jawatan dalam syarikatnya diisi oleh anak tempatan. Mereka boleh mengekalkan hanya selepas 3 tahun orang luar tetapi dengan syarat itu bukan *branch out* tetapi untuk perkembangan syarikat sebenar-benarnya dan dalam masa yang sama ia menambah bilangan anak-anak tempatan bekerja dalam syarikat.

Adakah cadangan menubuhkan satu unit di bawah Jabatan Buruh untuk pusat latihan atau dibuat oleh swasta.

Cadangan ini baik, ertinya proaktif. Oleh sebab Yang Berhormat menyebut atau dibuat oleh swasta, ada baiknya Yang Berhormat berseru dari dewan ini supaya pihak swasta mengadakan pusat latihan sedemikian.

Salah satu contoh Yang Berhormat, apabila pihak Indonesia mengumumkan tidak akan menghantar lagi pekerja rumahtangga ke luar negeri, jadi kita beranggapan termasuk Brunei. Jabatan Buruh secara melangkah ke hadapan ialah berkira-kira untuk mencari sumber lain daripada kalangan Negara *ASEAN* dan disampaikan kepada kaola.

Kaola berunding dengan mereka supaya jangan kita gelabah dalam perkara ini, tunggu apa sebenarnya. Dalam masa yang sama, fikirkan apa usaha. Nya kaola, usaha untuk mendapatkan sumber yang lain itu bagus jua tapi dalam masa yang sama cuba fikirkan sekira-kira keperluan orang kepada pembantu rumahtangga ini, sejauh mana statistik yang ada pada kitani orang-orang yang memerlukan itu terdiri daripada orang-orang yang bekerja *husband and wife* (suami isteri), tidak ada orang menjaga anaknya di rumah dan sebagainya.

Kalau sedemikian itu halnya, maka kita boleh memikirkan untuk menggalakkan pihak-pihak swasta atau persatuan untuk menubuhkan *Day Care*. *Day Care* ini tentulah kita syartkan orang kitani bekerja di sana tapi nampaknya pihak Indonesia menyatakan bahawa perkara untuk tidak menghantar keluar lagi itu tidak termasuk Brunei. Perundingan-

perundingan untuk mendatangkan amah melalui *MOU* yang akan dirumuskan sedikit masa lagi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk yang akan saya ketengahkan ialah Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu bangunan untuk bumiputera. Minat peniaga-peniaga dari kalangan bumiputera di negara ini semakin ketara jika dibandingkan sebelum tahun 1980an lalu.

Sebagai contoh, gerai-gerai yang disediakan oleh Jabatan Daerah sepanjang Jalan Tutong, Telisai dan di Bangunan Tamu Mingguan, Daerah Tutong. Kebanyakan peniaga 98 peratus daripada mereka terdiri daripada kalangan bumiputera. Sebahagian besar mereka ini menjual hasil-mahsul dari usaha-usaha mereka sendiri seperti hasil tanam-tanaman, buah-buahan, sayur-sayuran dan kraftangan serta hasil tangkapan ikan laut dan ikan sungai. Soalnya, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merancang untuk mendirikan bangunan khas untuk bumiputera berniaga?

Kedua, keluasan bandaran Pekan Tutong ialah 240.2 hektar atau 0.2402

kilometer. Kawasan ini tidak pernah bertambah sejak 80 tahun yang lalu. Yang Berhormat Pengerusi, Lembaga Bandaran Daerah Tutong telah mengadakan mesyuarat untuk menentukan keluasan yang sesuai dan munasabah mengikut peredaran masa terkini dan masa akan datang. Keluasan yang dicadangkan oleh Lembaga Bandaran Daerah Tutong ialah 62 kali ganda daripada keluasan yang sedia ada iaitu 240.2 hektar kepada 1492.34 hektar (14.9234 kilometer). Soalnya, sejauh manakah perkembangan atau kemajuan cadangan Lembaga Bandaran Daerah Tutong ini?

Ketiga, Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong. Di Daerah Brunei dan Muara atau di daerah lain, ada ibu daerahnya (pusat pentadbirannya), umpamanya Daerah Brunei dan Muara ialah Bandar Seri Begawan, Daerah Belait ialah Pekan Kuala Belait dan Daerah Temburong ialah Pekan Bangar, Daerah Tutong masih Pekan Tutong. Untuk membezakan daerah, ibu daerah dan suku kaum maka dalam Majlis Mesyuarat ini, dicadangkan supaya Daerah Tutong mempunyai ibu daerahnya sendiri sebagai pusat pentadbiran dengan dikenali PETANI.

Perkataan Petani ini berasal daripada sebuah anak sungai yang ada di Pekan Tutong pada masa ini. Dalam masa yang sama, dengan adanya Petani dijadikan sebagai ibu Daerah Tutong seperti yang sama-sama kita maklumi, ia sebagai satu ristaan kenangan dan di samping untuk membezakan nama-nama seperti puak Tutong, Daerah

Tutong, Pekan Tutong, Kuala Tutong, Pantai Tutong, Sungai Tutong, bahasa Tutong dan orang Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam majlis yang mulia ini dicadangkan supaya pusat pentadbiran Daerah Tutong dikenali dengan nama Pekan Petani Tutong. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Kegiatan bumiputera berniaga sangat ketara, ertinya minat itu sudah ketara, jadi untuk menyokong kenyataan itu, adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merancang untuk mendirikan bangunan khas untuk bumiputera berniaga? Kalau di Bandar Seri Begawan, memang ada sudah bangunannya yang dinamakan Bangunan Bumiputera untuk perniagaan. Tetapi mukadimah daripada pertanyaan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman tadi, menyebut gerai-gerai dan tamu-tamu. Jadi pertanyaan adakah tempat untuk bangunan yang dirancang itu untuk menggantikan gerai-gerai dan tamu-tamu? Kaola kurang pasti mengenainya.

Tetapi yang pastinya, memang ada sudah bangunan yang disediakan untuk bumiputera berniaga di Bandar Seri Begawan. Soalan tadi pagi, untuk produk kampung diberikan tempat

berniaga di tempat-tempat yang tertentu yang tetap bukan hanya dalam ekspo ataupun pameran sahaja. Jadi, jika jawapannya seperti itulah yang dimaksudkan insya-Allah, kita akan melihat perkara itu sebagai suatu perkara yang boleh dilaksanakan.

Kedua, mengenai kawasan Bandar Daerah Tutong mengenai pertanyaan sejauh mana perkembangan cadangan Lembaga Bandaran Daerah Tutong tersebut. Pada tahun lepas sudah dibangkitkan perkara ini yang diibaratkan 'betolak beambit', Yang Berhormat Pengerusi.

Cadangan daripada Lembaga Bandaran Daerah Tutong ialah untuk membesarkan kawasan Lembaga Bandaran, Pekan Tutong sebesar 62 kali ganda keluasannya dari yang ada sekarang iaitu 1,492.34 hektar dan dibawa kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan setelah penilaian dibuat, ia tidak meliputi kawasan-kawasan yang difikirkan strategik untuk dimasukkan ke dalam Lembaga Bandaran kerana kawasan-kawasan tersebut sudah dimajukan dan ada projek-projek kemajuan di dalamnya.

Walau bagaimanapun, perkara itu telah dipertimbangkan semula, Yang Berhormat Pengerusi dan dikembalikan semula kepada Lembaga Bandaran Daerah Tutong untuk menghadapkan cadangan baharu dengan cadangan yang asal. Jadi sekarang, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menunggu dari Lembaga Bandaran Daerah Tutong untuk menghadapkan cadangan

berkenaan untuk diproses seterusnya, mudah-mudahan dapat dilakukan.

Berkenaan cadangan ibu daerah ini, perkara ini berbalik semula mengenai menukar-nukar nama. Kaola berfaham dari pertanyaan dan *statement* daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman itu tadi ialah untuk menukar nama Pekan Tutong kepada Pekan Petani Tutong. Jadi, pemikiran atau cadangan Yang Berhormat itu bolehlah kaola mengambil maklum mengenainya di sini, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk yang akan kaola bangkitkan ini ialah Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani pertumbuhan bengkel-bengkel kereta yang tidak sesuai dengan tempat dan bangunan yang menggunakan perumahan yang disewakan di kampung-kampung? Apa yang didapati, bengkel kereta yang diadakan perkhidmatan mengecat tidak mempunyai piawai keselamatan dan peralatan serta kemudahan yang boleh

mencegah pencemaran alam sekitar seperti penyemburan cat secara terbuka yang membahayakan penduduk yang berhampiran.

Soalan kaola kedua ialah oleh sebab sempadan bandaran, Bandar Seri Begawan telah diperluaskan meliputi kawasan Gadong, maka kawasan Gadong bersesuaian dirancang dengan berkonsepkan *economic environment* menjadi sebuah kawasan komersial yang strategik. Mengenai bengkel-bengkel kereta yang terdapat di sekitar kawasan Gadong, dicadangkan supaya ditempatkan di kawasan yang tertentu khususnya untuk bengkel kereta terutama sekali yang mengeluarkan sisa-sisa pencemaran udara dan sungai.

Izinkan kaola menyentuh perkara yang dibangkitkan di sebelah pagi tadi oleh salah seorang rakan di sebelah sini mengenai dengan gerai payung. Sebenarnya isu gerai payung ini kaola sendiri sudah bangkitkan dua tahun yang lalu dalam Dewan Persidangan ini. Gerai-gerai di Pasar Gadong kalau kita perhatikan ada mempunyai tiga jenis perniagaan. Satu jenis perniagaan ialah menjual barang-barang pakaian dan perhiasan, yang kedua ialah menjual jenis sayur-sayuran dan buah-buahan dan yang ketiga, perniagaan yang kita lihat di sana ialah menjual makanan, kuih-muih, ikan-ikan masak, satay dan sebagainya.

Jadi kaola berfikir di antara tiga perniagaan yang diadakan di Gerai Gadong pada masa ini. Mengapa tidak perniagaan yang ketiga ini kita alihkan

dan pindahkan ke gerai payung ini semua sekali supaya tidak ada satu pun yang tinggal iaitu bagi penjualan makanan masak, satay dan menjual ikan-ikan masak. Barang kali jika gerai ini berpindah ke sana Yang Berhormat Pengerusi, "feng shui"nya akan naik. Boleh jadilah. Jadi diharaplah Menteri yang berkenaan akan dapat menimbangkan perkara ini. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas tiga soalan. Barang kali yang disebut "feng shui" itulah yang akan kaola sebut dahulu. Jadi mengapa tidak dipindahkan sahaja jenis perniagaan berupa menjual kuih-muih ke gerai itu. Jika cadangan Yang Berhormat itu dapat dibuat oleh Jabatan Bandaran, mudah-mudahan penjaja ini akan mahu. Sejauh ini kaola dapat menyatakan Yang Berhormat Pengerusi bahawa susah untuk menggerakkan penjaja itu berpindah sehingga kaola menyebut perkataan-perkataan yang sedemikian itu tadi.

Tetapi jikalau cadangan daripada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan untuk menswastakan operasi gerai ini dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan nanti, mungkin ini dapat memindah penjaja tersebut. Tetapi buat masa ini, kaola

menyatakan sulit untuk memujuk mereka berpindah.

Soalan yang kedua yang kaola ingin urut dari bawah Yang Berhormat Pengerusi, untuk menjadikan kawasan Gadong itu sebagai komersil dengan membersihkannya seperti memindahkan bengkel-bengkel kereta ke tempat lain. Memang setakat ini, kawasan komersil yang nyata benar-benar adalah di Gadong. Kemudian tumbuh lagi di Kiulap dan Kiarong.

Itulah yang kita dapat lihat. Jadi tidaklah payah kita mengisytiharkan sedemikian itu caranya. Perancangan-perancangan mengenai pembinaan-pembinaan itu adalah menuju ke arah yang dinyatakan dan untuk membisakan bengkel-bengkel kereta itu satu cadangan yang baik.

Berkaitan dengan cadangan ini, kaola rasa ianya adalah berkaitan dengan soalan yang pertama tadi iaitu apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani bengkel-bengkel yang tidak mempunyai piawaian keselamatan? Jadi memang diketahui dari masa ke semasa tindakan-tindakan akan diambil kalau kawasan bandaran, dan bagi kawasan luar bandar, pejabat-pejabat daerah adalah berkesanggupan untuk menentukan mengenai dengan keselamatan ini dan memanglah ianya sangat penting.

Kaola merasa perkara kereta dengan bengkel ini ada hubungan dengan Kementerian Perhubungan. Mudah-mudahan rakan kaola Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan akan dapat menjelaskan perkara ini lebih lanjut. Mudah-mudahan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memang isu bengkel-bengkel kereta ini berlarutan dalam beberapa tahun. Jadi dalam masa yang terdekat ini, Kementerian Perhubungan berhasrat untuk membuat *rationalization* lagi mengenai dengan woksyp ini dengan membuat klasifikasi dan menyediakan beberapa teknikal kriteria mengenainya dan diharap usaha ini akan dapat dijalankan jua dengan pihak-pihak insurans yang akan melindungi kereta-kereta tersebut. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Di kesempatan ini kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kerana menimbulkan perkara ini.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad untuk mengemukakan soalnya.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola akan membawakan tiga tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

1. Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Soalan kaola, adakah Jabatan Buruh sudah membuat kajian terhadap sikap pekerja-pekerja tempatan yang bekerja di sektor swasta yang mudah berhenti bekerja setelah pekerjaan diberikan kepada mereka? dan apakah perkara-perkara atau langkah tindakan yang diambil oleh jabatan berkenaan dalam menangani atau mengatasi perkara ini?
2. Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong. Dua perkara yang kaola timbulkan dalam Tajuk ini. Alhamdulillah, melalui peruntukan belanjawan bagi Daerah Temburong pada tahun lepas berjumlah \$5,481,889,000.00 atau \$5.4 juta. Sukacita kaola memohon izin di dalam Dewan Persidangan ini untuk mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas keprihatinan kementerian dalam menyediakan peruntukan-peruntukan perekonomian melalui Jabatan Daerah Temburong. Beberapa projek telah dapat dilaksanakan bagi menaik taraf dan bagi perkembangan perjalanan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah



Temburong. Antara projek yang dibuat:

- i. Projek penaiktarafan Pusat Pembuatan Ambulung Majlis Perundingan Kampong Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, Temburong.
- ii. Gelanggang futsal Kampong Sibut, Mukim Amo.
- iii. Projek pembinaan jalan kecil, penghubung Kampong Tanjung Bungar dan Gadong Baru, Mukim Batu Apoi; dan
- iv. Bantuan galakan perniagaan kepada beberapa Majlis Perundingan Kampung dan Mukim di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara kedua untuk kaola timbulkan dalam tajuk ini ialah pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2008, kaola ada mengusulkan dan mencadangkan untuk mendapat sokongan sepenuhnya sebagai satu projek tambahan bagi Rancangan Kemajuan Negara Kesembilan untuk membina satu blok bangunan empat tingkat khusus bagi Jabatan Daerah Temburong. Kaola ingin tahu mengenai status perkembangan projek ini.

3. Tajuk Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Ada 3

perkara yang akan kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini.

1. Pemegang kad pengenalan warna ungu yang memohon sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kad kuning. Kaola ingin bertanya berapa lamakah pelaksanaan proses menunggu bagi pengiktirafan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara Pendaftaran di bawah Bab 5 (1) Akta Taraf Kebangsaan. Setelah dimaklumkan oleh jabatan yang berkenaan bahawa mereka lulus mengikut keputusan ujian bahasa Melayu, kerana ada beberapa orang pemohon yang menunggu 3 ke 4 tahun, belum ada makluman untuk menerima Sijil Kerakyatan setelah mereka dimaklumkan lulus dalam ujian tersebut. Kaola mohon izin penjelasan dalam perkara ini.
2. Penggunaan kemudahan perjalanan kerap *frequent travel facility* (FTF) bagi pos kawalan imigresen terlibat ialah Brunei, Sungai Tujoh, Kuala Belait, Kuala Lurah dan Ujung Jalan Temburong, Malaysia ialah Miri, Tedungan, Limbang dan Pandaruan dan Pandaruan Limbang. Penggunaan perjalanan kerap FTF ini adalah sangat menyenangkan orang ramai khususnya penduduk Temburong ke Bandar Seri Begawan melalui Limbang. Kaola bertanya

apakah perkara ini dapat juga dilaratkan untuk perjalanan ke Lawas dan Sabah.

3. Bagi pasport antarabangsa Negara Brunei Darussalam dengan bayaran \$60 untuk jangka masa 5 tahun, pasport berkenaan pula mestilah disambung 6 bulan sebelum tempoh mansuhnya dengan bayaran yang sama. Orang ramai memohon pertimbangan dalam perkara ini tempoh 6 bulan itu dapat dikurangkan kepada tempoh yang terdekat. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Maafkan kaola, 2 soalan terakhir itu tidak sempat kaola dengar dengan baik. Tetapi kalau betul pendengaran kaola, maka setakat itulah yang dapat kaola jawab tertakluk kepada Yang Berhormat nanti membetulkannya.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad bertanya adakah Jabatan Buruh membuat kajian mengenai kerenah pekerja-pekerja tempatan yang berhenti iaitu belum lama bekerja berhenti dan apakah langkah bagi mengatasinya. Kajian secara formal memang tidak ada tetapi daripada semasa ke semasa bila kes ini berbangkit antara majikan dengan pekerja dan sampai ke Jabatan Buruh dan Bahagian *APTK*, Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri. Jadi di sana diketahui sebab-sebab kenapa berhenti dan bermacam-macam alasan-alasan itu dicatatkan.

Cara untuk mengatasinya ialah pertama sekali yang difikirkan ialah *mindset* pekerja ini, kesanggupan untuk bekerja lebih daripada masa waktu bekerja yang biasa. Mereka ini terpaksa diterangkan dan dikaunseling bekerja di swasta ini. Memanglah sedemikian adalah untuk kepentingan diri mereka sebagai pekerja dan kepentingan keluarga mereka, maka mereka dinasihatkan untuk taat dan tidaklah sampai dikenakan denda. Secara formalnya kajian itu memanglah tidak ada, tetapi maklumat itu dijadikan bahan untuk mengatasinya dari semasa ke semasa.

Mengenai projek-projek yang dibuat di bawah peruntukan Majlis Perundingan Kampung Yang Berhormat tadi mengucapkan terima kasih dan meminta supaya peruntukan projek-projek sedemikian dapat diteruskan. Kaola mengalu-alukan peruntukan yang diberikan kepada kementerian di bawah Tajuk Majlis-Majlis Perundingan Kampung diagihkan mengikut keperluan. Insya-Allah.

Mengenai dengan bangunan 4 tingkat untuk Jabatan Daerah Temburong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat pada Tahun 2008, sejauh mana perkembangannya tidak dapat kaola jawab. Mungkin rakan-rakan kaola daripada Kementerian Pembangunan

atau siapa-siapa yang mengetahui perkara ini akan dapat menjawabnya.

Mengenai berapa lama pemegang kad pengenalan warna ungu untuk mereka layak memegang kad kuning. Tempohnya itu memanglah ditentukan mengikut garis panduan dan undang-undang yang ada. Lulus bahasa Melayu adalah salah satu syarat juga untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kenyataan ini sudah yang ketiga menyebut, lulus Bahasa Melayu ini sudah menunggu apa hasilnya dan mereka menyangkakan mereka akan mendapat kerakyatan setelah lulus bahasa Melayu. Jangan pula ada tanggapan dalam Dewan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengambil kira mengenai kesulitan mereka menunggu sedemikian lama kerana dalam tempoh 2011 sehingga 1 Mac 2015, orang-orang yang lulus ujian di bawah Bab 51 dan 81 ujian lisan yang memegang kad pengenalan ungu (penduduk tetap) sama ada ia penduduk tetap rakyat asing memohon jadi rakyat atau ia penduduk tetap (*Brunei stateless*) untuk menjadi rakyat.

Kategori yang sama Bab 51 dan 81 ujian lisan ini, dalam tempoh 3 tahun saja ada seramai 485 orang yang sudah dihadapkan kepada kementerian untuk dipertimbangkan dan yang berjaya mendapat perkenan adalah sebanyak 159 orang dan ini mungkin yang

selebihnya adalah orang yang masih menunggu yang tidak termasuk daripada jumlah 159 orang ini.

Untuk pengetahuan selanjutnya, lagi mengenai permohonan kelayakan ini dalam tempoh yang kaola sebutkan tadi 2011 hingga 1 Mac 2015 jumlah yang mendapat kerakyatan dari semua kategori iaitu Bab 6 (1) ibu warganegara Brunei bagi anaknya dan begitu juga Bab 6 (1) ayah warganegara Brunei bagi anaknya dan juga Bab 6 (1) itu ibu bapa angkat warganegara Brunei bagi anak angkatnya dan kategori-kategori lain lagi Bab 5 (6) suami warganegara Brunei bagi isterinya warganegara asing campur dengan apa yang kaola sebutkan 159 orang itu tadi, orang yang telah diperkenankan mendapat kerakyatan dalam tempoh tersebut adalah 2,081 orang. Proses itu berjalan, tinggal lagi sejauh mana ia cepat atau tidak. Tidaklah mengatakan pihak kementerian mengabaikan permohonan-permohonan yang banyak itu Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai kemudahan perjalanan kerap (*FTF*) melimpasi sempadan yang sudah dipersetujui antara Brunei dengan pihak Malaysia tidak perlu mengecop banyak kali, memang ianya terus berkembang daripada satu proses pada tahun lepas dan ia diperluaskan ke Terminal Serasa lagi dan sebagainya. Mudah-mudahan proses ini untuk kemudahan orang Brunei yang kerap belayar-layaran ataupun kerap melintasi sempadan-sempadan dengan melalui pos-pos kawalan tidak sampai pasport mereka cepat habis oleh sebab penuh dengan

cop. Itu yang kaola dapat ingat. Kaola memohon maaf kalau kiranya jawapan kaola tidak menepati soalnya. Dengan ini kaola ucapkan terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola menyokong penuh untuk memberi peluang anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta. Akan tetapi maklumlah *mindset* orang-orang kitani masih lagi diberatkan ke arah arah tuju untuk bekerja dengan kerajaan. Mungkin kerana *loyalty* kita kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ataupun belum lagi berapa *confident* ke sektor swasta bagi menjamin mereka dalam masa jangka panjang untuk bekerja di sektor swasta.

Maka dengan hal demikian, jikalau sikap ini masih lagi terawang-awang yang *confident* itu hanya cenderung hendak bekerja di sektor awam, maka dicadangkan supaya Jabatan Buruh dapat memberi ruang untuk memberi perancangan secara *manage target*

untuk memberi garis panduan seperti beberapa persengkahan anak-anak tempatan bagi sebuah industri mesti menggaji anak-anak tempatan supaya ia tidak takut akan penguasa syarikat yang dipunyai oleh orang-orang tempatan atau orang-orang asing tidak akan beroleh pekerja-pekerja yang hendak menjalankan kerja-kerja yang sedia ada di syarikat itu, demi memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan mereka yang melanggan ke syarikat itu.

Di negara ini terdapat syarikat sebanyak 3,545 buah dan lagi syarikat bertaraf dunia banyak akan masuk ke negara ini bagi mengambil peluang-peluang yang dibukakan oleh *BEDB* bagi mempelawa *FDI* yang juga memerlukan pekerja-pekerja tempatan. Justeru itu, dengan adanya garis panduan berapakah jumlah orang-orang tempatan yang dikehendaki di syarikat swasta ini akan dapat tercapai dengan licin dan terlaksana dengan teratur lagi berkesan bagi menangani masalah menangani matlamat hasrat ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman yang menyokong penuh rancangan untuk majikan-majikan mengutamakan anak-anak tempatan bekerja, tetapi maklum sahaja orang kita ini mengikut kenyataan daripada Yang Berhormat itu masih lagi cenderung atau suka benar

untuk berkhidmat dalam sektor awam iaitu dalam sektor kerajaan berbanding dengan sektor swasta.

Perkara ini kalau diungkit-ungkit memang macam itulah kedudukan dan kenyataannya. Kaola menamakannya ia ada hubungannya dengan budaya. Jadi budaya itu akan berubah insya-Allah, dari semasa ke semasa dan sudah pun menampakkan perubahan itu sedikit demi sedikit, umpamanya sekarang ini daripada jumlah pekerja daripada sektor swasta, bilangan pekerja tempatan adalah mencapai dalam 34 atau 35 peratus berbanding dengan pekerja asing. Jadi untuk mentargetkan itulah dasar-dasar yang sedang dibuat oleh kementerian, mentargetkan berapa peratus, itu ada beberapa dasar yang sudah diumumkan iaitu bagi zon ini, jenis perniagaan ini, peratus itu sudah ditetapkan untuk tetapi sebaliknya pada masa ini 34 peratus yang kita mahukan itu menjadi 66 peratus terdiri dari orang kitani manakala selebihnya 34 peratus itu adalah orang luar. Soalnya, adakah kita teradai tenaga dengan bilangan penduduk yang sedemikian itu. Jadi inilah persoalan yang masih banyak tanda tanya dan kita cuba menghuraikannya dengan sebaik-baiknya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh**

**King Chin:** Terima kasih. Kaola ingin bercakap mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola sudah pernah timbulkan perkara ini tentang Akta Kebangsaan.

Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, semua rakyat Brunei memegang pasport *British* di bawahnya ialah *State of Brunei*. Selepas Brunei merdeka hanya 7 puak Melayu sahaja yang layak menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kalau kita bandingkan negara lain seperti Australia, Canada, Malaysia, Singapore, Hongkong semua ialah *under British Colony*, tetapi Brunei ialah *under British Protected Country*.

Setelah negeri-negeri dijajah oleh British, mereka pun dapatlah kerakyatan masing-masing seperti Malaysia, Singapura dan lain-lain. Cuma Hongkong dan Negara Brunei Darussalam ada sedikit kelainan. Pada tahun 50-an masyarakat Tionghoa memegang pasport *CI* ataupun *Certificate of Identity*. Jika mereka ingin menjadi Rakyat Brunei mereka perlulah melalui taraf kebangsaan dengan mengambil ujian lisan yang ringkas sahaja. Namun pada masa ini perlulah menjalani beberapa proses sukar bagi generasi muda dan warga emas.

Dalam Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan mereka yang lahir

di negara ini dan sudah cukup umur 60 tahun, diberikanlah kerakyatan, ataupun kepada mereka yang telah banyak menyumbang kepada negara dari aspek perniagaan, profesional dan lain-lain. Pada pendapat kaola tidaklah guna seorang itu pandai, *intelligent* dalam pelbagai aspek jika tidak taat setia kepada raja dan negara.

Kaola berharap Akta Kerakyatan ini bolehlah disemak semula dan diberikan kelonggaran kepada generasi muda untuk memudahkan kepada mereka mendapatkan kerakyatan ini. Jika tidak, mereka ini akan mengambil kerakyatan di negara lain. Ini merupakan satu kerugian kepada negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, memang dijangkakan Yang Berhormat menimbulkan perkara ini, kerana setiap tahun inilah isu Yang Berhormat suarakan dalam dewan ini. Cuma kaola tidak sempat menyemak *intelligent* kaola untuk menyiapkan jawapan.

Pertama sekali kaola ingin membetulkan *statement* Yang Berhormat tadi, bahawa Akta Taraf Kebangsaan setelah merdeka mengikut *statement* tadi hanya 7 puak sahaja dikira menjadi rakyat atau rakyat jati. Sebenarnya bukan setelah merdeka, Akta Taraf Kebangsaan itu sudah ada pada tahun 1961, ertinya menetapkan rakyat jati terdiri daripada 7 puak, manakala rakyat-rakyat yang

lain boleh menjadi rakyat apabila memenuhi syarat-syarat menjadi rakyat. Antaranya lama tinggal di negara ini, yang kedua lulus bahasa, itu antaranya maka kaola ingin membetulkan di sana.

Kedudukan mereka yang bukan menjadi rakyat ini, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah passport mereka. Yang Berhormat memberikan contoh negara-negara lain tidak seperti Brunei dan Hongkong. Negara lain *stateless* itu mendapatkan kerakyatan negara-negara tersebut, tetapi mengikut maklumat yang kaola ada semua negara yang berhampiran ini mempunyai penduduk *stateless* dan mereka diberikan untuk kegunaan *travelling* untuk keluar negeri mereka diberikan *CI (Certificate of Identification)*.

Adapun *CI (Certificate of Identification)* ini, dijelaskan sedikit pada tahun 1979 apabila Pindaan Perjanjian dengan Kerajaan British untuk membolehkan kita merdeka mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka, perkara ini telah timbul iaitu dalam *Exchange of Notes* antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Inggeris berhubung dengan rakyat British setelah Negara Brunei Darussalam merdeka, apa kedudukan mereka.

Dalam *Exchange of Notes* itu, telah dijelaskan mereka boleh menjadi rakyat dan boleh tinggal di Brunei, boleh menjadi rakyat apabila memenuhi

syarat-syarat di bawah undang-undang yang ada. Jadi kemerdekaan tidak mengubah Akta Taraf Kebangsaan, malah mengekalkannya kerana itu *very fundamental* kepada Negara Brunei Darussalam.

Kesimpulannya untuk mengatakan bahawa Akta Taraf Kebangsaan Tahun 1961 itu seolah-olah menyekat untuk memasukkan ataupun menjadikan orang-orang yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam sehingga berumur 60 tahun supaya mereka itu dijadikan rakyat berdasarkan kelahiran dengan umur 60 tahun, kaola rasa dengan semangat yang ada pada Akta Taraf Kebangsaan itu ialah untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam jangka panjang, maka kaola merasakan Akta Taraf Kebangsaan tersebut tidaklah perlu dipinda atau diubah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah  
 Rabbil'alamın Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafıl Anbiya Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٢٥) وَبَسِّرْ لِي اَمْرِي (٢٦)  
 وَاَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي (٢٧) يَفْقَهُوا قَوْلِي (٢٨)

Yang Berhormat Pengerusi, memang benar pada masa ini banyak kampung yang tidak mempunyai Ketua Kampung, contohnya di Mukim Berakas 'A' sahaja 4 buah kampung tidak berketua hanya dipangku oleh ketua kampung yang berhampiran. Untuk itu, bagi menyuntik semangat penghulu dan ketua kampung adalah dicadangkan kalau boleh diberikan anugerah kecemerlangan kepada mereka itu pada tiap-tiap tahun untuk membantu kejayaan mereka. Untuk mencemerlangkan lagi pergerakan MPM dan MPK hendaklah diberikan pembasah leher yang berpatutan pada masa-masa tertentu apatah lagi pada mesyuarat-mesyuarat MPM dan MPK. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung kalau dapat diberikan peluang sebagai pemborong dengan diberikan lesen yang bersesuaian dan disokong dengan permodalan yang selayaknya.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan keadaan sekarang ini pegawai-pegawai berkepentingan tentang kawalan harga hendaklah bergerak serentak untuk mengawal harga itu kerana ditakuti perkara-perkara yang lain. Mengenai Bandar Seri Begawan kaola telah menyebut beberapa kali supaya kampung-kampung dalam kawasan Bandar Seri Begawan di Mukim Berakas 'A' itu diambil kira untuk dipedulikan sebaiknya supaya tidak terlepas pandang dalam banyak hal. Begitu juga Lembaga Bandaran telah bercita-cita dan bercadang untuk menjadikan Bandar Dalam Taman tetapi sayangnya tidak mendapat kejayaan kerana mungkin beberapa perkara.

Begitu juga dalam Bandar Seri Begawan ini terdapat premis-premis yang dipunyai oleh orang-orang Melayu tulen atau Melayu jati. Apa kiranya kalau diberikan kelonggaran supaya tidak perlu diberikan cukai-cukai kepada mereka yang berkenaan. Begitu juga kemudahan-kemudahan lain akan diberi kepada mereka.

Akhirnya Yang Berhormat Pengerusi kalau dapat pihak yang berkenaan yang yang tidak berapa ingau pekerjaan itu akan tugas-tugasnya itu diberikan itu diberikan kaunseling yang baik dan kalau sekiranya berat jua dengan kaunseling, apa kiranya diberikan amaran yang tertentu. Mudah-mudahan kita akan berjaya melaksanakan tugas seharian.

Untuk mengakhirinya Yang Berhormat Pengerusi kaola berpantun:

Teripas tidur bergantung,  
Bergantung kayung lawat,  
Wahai malai pusaka jantung,  
Senyum sedikit jadikan ubat.

Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan penerangannya.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, baik jua Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola

memberi penerangan kerana takut Yang Berhormat Pengerusi untuk membalas pantun tadi.

Penerangan ketua kampung disuntik untuk diberikan anugerah kecemerlangan Perundingan Mukim dan Kampung diberikan pemberian yang berpatutan termasuklah memberikan lesen, diberikan kontrak, jika bahasa biasa diberikan kontrak beunjuk.

Amalan sedemikian itu sudah lama tidak didengar dan dipakai lagi dan dipakai kerana kita memakai dengan tender yang terbuka dan diberikan keutamaan-keutamaan kepada yang tertentu mengikut kaedah yang sah bukan kaedah di luar daripada peraturan, itu yang mesti diperingatkan. Jika kita beranggapan mereka berjasa diberikan semacam imbuhan itu akan merosakkan *mindset* generasi demi generasi yang akan datang, susah untuk kita memperbaikinya.

Yang kedua berbalik lagi mengenai supaya kampung-kampung di Mukim Berakas 'A' yang dipedulikan, kaola kurang pasti tahun lepas Yang Berhormat ada menyebut mengenai lampu jalan. Tapi kaola rasa hal-hal seperti ini sudah ataupun dibangkitkan oleh Yang Berhormat kepada Lembaga Bandaran dan kepada Jabatan Daerah. Yang Berhormat itu adalah penghulu di bawah Jabatan Daerah, tentu dapat mengemukakan perkara yang sebenarnya servis-servis yang tidak memperdulikan akan kepentingan kampung di Mukim Berakas 'A' itu. Daripada kaola menjawab di sini Yang



Berhormat Pengerusi, baiklah koala meminta kepada Yang Berhormat itu menyelesaikannya di peringkat pentadbiran.

Yang ketiga, Untuk mengecualikan premis-premis di Bandar Seri Begawan kepunyaan rakyat jati daripada cukai pun tidaklah termasuk dalam usaha abiskaola untuk memperbaiki sistem pengutipan cukai dan sebagainya dalam usaha untuk menolong kerajaan mendapatkan *revenue* daripada cukai-cukai bangunan dan sebagainya. Tidak termasuk perkiraan untuk pengecualian, dasar untuk mengecualikan rakyat jati daripada cukai-cukai Yang Berhormat Pengerusi.

Yang keempat, kurang jelas Yang Berhormat Pengerusi siapa yang ingau akan pekerjaan itu supaya dikaunseling. JPA dari semasa ke semasa, mengenal pasti beberapa orang yang diketahui daripada jabatan-jabatan yang perlu dikaunseling. Memang termasuk dalam usaha-usaha kerajaan untuk memperbaiki keolahan dan perangai kakitangannya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mohon maaf tidak dapat menjawab dengan sejelas-jelas kepada Yang Berhormat itu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan pertanyaan-pertanyaan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Menteri Perhubungan.

Sekarang sampailah masanya bagi saya untuk bertanya Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A ini untuk kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan. Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan, ingin membuat mukadimah mengenai bajet kementerianya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah  
Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu  
'Alaa Asyrafil Anbiya Walmursalin  
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi  
Wasahbihi Ajmaeen.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan peruntukan

bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2015/2016 dengan pertambahan sebanyak hampir \$16 juta daripada peruntukan tahun lepas.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah membentangkan dengan jelas peruntukan ini semasa sesi Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 beberapa hari yang lalu. Sebagai tambahan kepada apa yang diterangkan, antara peruntukan ini adalah seperti yang berikut:

1. Perkhidmatan pendidikan sebanyak \$67.1 juta secara keseluruhan, antara lainnya bagi membiayai kos mendatangkan pengetua dan guru besar luar negara di bawah Program Kepimpinan dan Pentadbiran Sekolah Rendah dan Menengah; membiayai Projek Keusahawanan Kebangsaan; dan pengambilan guru-guru di bawah *Centre for British Teachers (CfBT)* bagi sekolah rendah dan menengah di seluruh negara;
2. Peralatan sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi termasuk teknikal dan vokasional sebanyak \$18 juta;
3. *Programme for International Student Assessment (PISA)* sebanyak \$700,000 dengan harga rancangan sebanyak \$2.2 juta; dan

4. Pengambilan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk literasi dan numerasi sebanyak \$30 juta dengan harga rancangan \$220.1 juta di bawah Peruntukan Khas Jabatan Kementerian Kewangan.

Dari peruntukan sejumlah \$766,748,510.00, sebanyak \$508,326,330.00 ataupun 64.61% diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan; \$249,814,180.00 bagi Perbelanjaan Berulang-ulang dan \$28,608,000.00 bagi Perbelanjaan Khas.

Alhamdulillah, jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah masih besar di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar dengan penurunan harga minyak yang amat drastik. Ini menunjukkan kerajaan amat mengutamakan pembangunan modal insan yang merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi yang mapan berterusan dan dinamik serta mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2015/2016 iaitu Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif, yang telah difokuskan kepada empat keutamaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi, sistem pendidikan negara telah mengalami beberapa fasa evolusi. Pengalaman selama 100 tahun pendidikan formal telah memperkembangkan sistem pendidikan negara selain menyelaraskan ia dengan perubahan dinamik landskap sosioekonomi tempatan dan global.

Sehubungan dengan itu, dalam menuju matlamat Wawasan Negara 2035, visi dan misi Kementerian Pendidikan telah diterjemahkan dalam Pelan Strategiknya dengan Empat Mata Semak Visi (*Vision Checkpoints*) yang perlu dicapai menjelang 2017. Tujuh inisiatif induk telah dikenal pasti untuk mendukung pencapaian Empat Mata Semak tersebut yang telah saya huraikan pada sesi mukadimah peruntukan Kementerian Pendidikan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas.

Untuk mencapai destinasi menjelang 2017, Kementerian Pendidikan telah merangka trajektori pencapaian dan impak melalui kaedah *reality check* iaitu di manakah kita dalam trajektori menuju Wawasan Negara 2035 dan apa pencapaian yang telah dicapai sekarang.

Sepanjang Tahun Kewangan 2014/2015, Kementerian Pendidikan telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif yang telah dirancang di semua peringkat pendidikan iaitu rendah, menengah, pascamenengah, pendidikan teknikal dan vokasional serta pengajian tinggi.

Antara inisiatif tersebut ialah meningkatkan pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi pelajar Tahun 6 melalui **Program 46 Hari Sekolah Pemangkin** yang dijalankan dengan kerjasama padu Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri.

Hasil dari usaha gigih pemimpin sekolah dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah

berkenaan, 12 daripada 15 buah sekolah telah berjaya menunjukkan peningkatan antara 0.85 peratus dan 25.75 peratus dalam pencapaian murid-murid yang memperolehi gred A hingga D. Manakala, tujuh buah sekolah telah mencapai peratus lulus melebihi 75 peratus. Dengan kejayaan ini, program ini telah diteruskan dan dilartkan ke seluruh sekolah rendah kerajaan mulai tahun ini. Usaha ini juga mengenal pasti sasaran progresif yang mana pada tahun ini, sasaran bagi pelajar-pelajar mencapai Gred A-C dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) adalah sekurang-kurangnya 74 peratus dan menjelang 2017 sasaran ini dihasratkan mencapai 90 peratus.

Selain pencapaian pelajar, **Program 46 Hari Sekolah Pemangkin** telah menjadi landasan perubahan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran. Pemimpin-pemimpin sekolah telah diberikan kuasa autonomi dalam pengurusan sekolah masing-masing dalam tiga aspek iaitu kurikulum, penilaian dan sumber pengajaran dan pembelajaran. Budaya yang mula dikenalkan oleh lima buah sekolah contoh (*Model Schools*) dalam tahun 2012 telah berkesan dalam memastikan pengurangan birokrasi dalam *decision making*. Ini menjadikan pelaksanaan perancangan dilakukan secara pantas dan efektif.

Di peringkat pendidikan teknikal, alhamdulillah, usaha transformasi pendidikan teknik dan vokasional di bawah Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) kini sedang giat berjalan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu perintah yang dipanggil **Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2014** yang menjadi perintis kepada perkembangan dan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

Di bawah agenda transformasi ini, ia memfokus kepada modaliti kerjasama rapat antara pendidikan teknik dan vokasional, agensi kerajaan dan industri. Program-program yang dikemaskinikan mengikut kehendak atau *demand driven* dan piawaian industri untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri. Sehubungan dengan itu, pelbagai program baharu yang mematuhi *Energy Industry Competency Framework (EICF)* telah ditawarkan sejak Julai 2013 dengan kerjasama Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Sejak ianya diperkenalkan pada bulan Julai 2013 sehingga Disember 2014, secara keseluruhannya, jumlah pelajar yang memasuki program-program yang *EICF compliant* dan di *Brunei Maritime Academy* (BMA) adalah seramai 1,255 orang.

Alhamdulillah, satu lagi inisiatif ialah apabila Politeknik Brunei ditubuhkan pada Januari 2012 yang telah melahirkan graduan pertamanya pada awal tahun ini. Penubuhan Politeknik Brunei dihasratkan untuk memberikan

peluang dan laluan kepada pelajar-pelajar pasca menengah dan lepasan institusi teknikal untuk meneruskan pengajian dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional. Program-program yang ditawarkan di Politeknik Brunei adalah responsif kepada kehendak ekonomi negara dan berbentuk *demand driven*. Dengan itu, Politeknik Brunei berkerjasama dengan pihak industri dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan kompeten.

Sehubungan dengan ini, atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebuah bangunan sekolah yang pada mulanya dibina sebagai sekolah menengah di Lumut, Kuala Belait kini akan digunakan sebagai kampus Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Politeknik Brunei.

Keputusan ini dibuat setelah Kementerian Pendidikan mengambil kira faktor unjuran demografi di kawasan berkenaan, prioriti kementerian berimpak tinggi dan juga pandangan *stakeholders*. Kedudukan bangunan ini yang berhampiran dengan industri minyak dan gas akan memudahkan interaksi dan logistik pembelajaran antara Politeknik Brunei dan pihak industri.

Pertambahan prasarana Politeknik Brunei ini, insya-Allah akan menampung keperluan tambahan bilangan pelajar jurusan sains dan kejuruteraan, yang dijangka akan meningkat dengan

pengambilan alih program-program kejuruteraan di Peringkat Diploma yang ditawarkan di Institut Teknologi Brunei pada bulan Julai tahun ini. Pada peringkat awal peralihan ini, kemudahan-kemudahan makmal di Institut Teknologi Brunei (ITB) juga akan masih digunakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di peringkat pengajian tinggi pula, penyelidikan adalah satu *domain* yang penting yang menjadikannya keutamaan strategik (*strategic priority*). Penyelidikan yang dibuat bukan sahaja dihasratkan akan dapat memberikan impak kepada pengembangan pengetahuan dan pemikiran akademik termasuk pelajar, malahan ia juga memberikan impak kepada ekonomi negara melalui inovasi.

Sehubungan dengan itu, pelbagai kelompok penyelidikan (*research clusters*) telah dibentuk di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang merangkumi beberapa bidang teras seperti Biodiversiti, Tenaga, Agroteknologi dan Keselamatan Makanan (*Food Security and Agrotechnology*), Pengajian Asia, Perbankan dan Kewangan Islam, Minyak & Gas, Teknologi Hijau dan Penyelidikan Mazhab Shafiee.

Pada masa ini, secara keseluruhan, sebanyak 11 pusat penyelidikan telah ditubuhkan di semua institusi pengajian tinggi di negara ini. Ke semua pusat ini mempunyai kolaborasi antarabangsa dan seringkali menerima kunjungan para ahli akademik unggul. Pusat-pusat

ini diharapkan akan mencapai status pusat kecemerlangan penyelidikan di peringkat antarabangsa yang menjadi sumber rujukan yang berkualiti tinggi serta menjadi pemangkin dalam menghasilkan inovasi ilmu.

Contoh hasil penyelidikan setakat ini ialah pemfailan 32 paten oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) di negara ini, Singapura, Malaysia dan Amerika Syarikat. Sebagai langkah ke hadapan, kita akan berusaha dalam mengkomersialkan paten yang dihasilkan.

Di bawah geran penyelidikan melalui Majlis Penyelidikan Brunei (*Brunei Research Council*), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menerima sejumlah B\$92 juta untuk menyokong 38 projek penyelidikan. Daripada jumlah ini, sepuluh telah siap, dan 21 sedang giat dijalankan. Melalui geran penyelidikan ini, pelbagai hasil dan manfaat telah diperolehi seperti pembangunan kapasiti kepakaran tenaga tempatan dan infrastruktur, penjana profil penyelidikan antarabangsa bagi Brunei Darussalam dan pengajian tinggi khususnya, pemfailan paten dan penciptaan peluang *commercialisation*, faedah sosial dan alam sekitar kepada masyarakat dan penerbitan kertas saintifik dan persidangan antarabangsa.

Seperti yang telah dinyatakan, salah satu manfaat besar hasil geran melalui *BRC* ini ialah pembangunan kapasiti tenaga tempatan bagi keperluan kaedah penyelidikan dan teknik yang

saintifik. Penglibatan dalam projek ini termasuklah dari luar Universiti Brunei Darussalam (UBD) seperti para guru sekolah menengah, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Meteorologi, Jabatan Saliran dan Pembetungan, *Berakas Power Management Company* dan sebagainya. Selain itu, pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah dapat membuat kerjasama penyelidikan bersama institusi-institusi penyelidikan bertaraf dunia dan syarikat-syarikat antarabangsa yang ternama seperti *IBM, Pixela dan Sengenics*. Adalah diharap inisiatif ini akan dapat menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) pada masa yang akan datang.

Menyentuh mengenai peningkatan profil di arena antarabangsa, sukacita dikongsikan bahawa UBD pada tahun 2014 telah berjaya mendapat kedudukan dalam sistem *ranking* dunia iaitu *QS Asia*, dengan mencapai kedudukan universiti ke 171-180 di Asia. Universiti Brunei Darussalam juga telah mencapai kedudukan 50 teratas dalam beberapa kriteria tertentu.

Alhamdulillah, pihak Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada masa ini juga sedang berusaha untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui usaha-usaha strategik yang telah dikenal pasti.

Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara

terutama dalam melahirkan *knowledge society*. Ia merupakan jentera dalam melahirkan modal insan yang berkapasiti tinggi dalam mempertingkatkan sosioekonomi negara. Pengajian Tinggi juga dikenal pasti bukan sahaja sebagai pencipta pengetahuan (*knowledge creator*), malahan ia juga pereka inovasi (*creator of innovations*). Dalam pada itu, ia juga merupakan penjana ekonomi melalui pelbagai usaha *R&D (research and development)* dan komersil. Dengan itu, inisiatif ke arah ini harus dikawal secara strategik agar ia lebih efektif dan pelaburan ke arahnya akan bermanfaat.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan sebagai peneraju utama pembangunan pengajian tinggi di negara ini sedang dalam proses merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi. Pelan strategik ini perlu bagi memastikan dasar, hala tuju dan inisiatif strategik institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini adalah selaras dalam mencapai hasrat Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kita menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money* dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara, adalah penting bagi Kementerian Pendidikan untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan akan

membawa kita ke destinasi Wawasan Negara 2035.

Untuk itu, Kementerian Pendidikan kini mengambil langkah melaksanakan perbelanjaan secara strategik dan holistik dengan memahami dan menilai hasil atau *outcome* yang akan dapat dihasilkan oleh projek-projek yang sedang dan bakal dilaksanakan agar ianya membuahkan limpahan dan kesan berganda (*multiplier effect*) ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Apa jua inisiatif, program dan projek yang Kementerian Pendidikan rancangankan berasaskan keutamaan, keberhasilan dan impak. Ia dilaksanakan dengan pelan implementasi dan pemantauan yang jelas sambil diiringi dengan penunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators*) yang telus agar impaknya akan dapat dipastikan selaras dengan hasrat Wawasan Negara Brunei 2035.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan, pada Mei 2014, telah menubuhkan sebuah unit baharu yang dikenali sebagai *Strategic Enterprise, Performance and Delivery Unit (SEPaDU)*. Ia adalah untuk memastikan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur. Insya-Allah, SEPaDU juga menentukan Kementerian Pendidikan sentiasa dalam trajektori yang dirancangankan untuk menuju destinasi 2035.

Berdasarkan pengalaman Kementerian Pendidikan, pelaksanaan apa jua inisiatif dan projek itu sudah setentunya jua akan membawa hasil dan cabaran yang dijangka dan tidak dijangka. Adalah penting bagi setiap cabaran itu dilihat secara positif dengan menukarnya menjadi satu peluang atau oportuniti.

Dalam pada itu, *mindset* positif dan keusahawanan adalah amat mustahak. Namun ini permulaan sahaja. Kesenambungan bagi mereka yang mempunyai minda ini adalah perlu untuk memastikan mereka akan disediakan landasan atau platform untuk terus berkembang. Walaupun 1,222 orang pelajar telah terlibat dalam Agenda Keusahawanan Kebangsaan (*NEA*), persoalan besar ialah apakah kesinambungannya? Adakah akses kepada pasaran, persekitaran perniagaan dan sumber, dan rangkaian serta pementoran keusahawanan sudah tersedia?

Ini bermakna, pendidikan cuma satu ekosistem yang besar yang memerlukan peranan lebih dari satu pihak untuk mencapai apa jua kejayaan yang diharapkan.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama menggembelng tenaga dan berganding bahu dalam merealisasikan harapan kita untuk melahirkan sistem pendidikan yang cemerlang dalam melahirkan modal insan berkualiti yang mempunyai nilai-nilai tinggi Melayu Islam Beraja.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan bajet Kementerian Pendidikan SF - Kementerian Pendidikan. Maka saya mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula peringkat di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 21 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan dengan 12 Mac 2015 Masihi pada pukul 9.30 Pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**



**DEWAN MAJLIS****Khamis, 21 Jamadilawal 1436H / 12 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

#### **AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari yang keenam, Khamis 21 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 12 Mac 2015 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah dan rahmat-Nya juga kita pada pagi ini dapat lagi meneruskan Mesyuarat kita. Kita akan bersidang pada hari ini iaitu hari yang keenam.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan hari yang kelima iaitu kelmarin, kita telah membincangkan dan masih membincangkan, membahaskan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Maka persidangan pagi ini akan terus saja kita sambung pada Soalan-soalan Yang Diberi Notis selanjutnya, iaitu kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang ingin mengikut susunan soalan. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari ini tidak dapat hadir atas urusan-urusan rasmi di luar negara. Maka soalan-soalan bagi kementerian berkenaan akan saya tangguhkan untuk dibincangkan pada kemudian hari nanti. Kita terus sahaja beralih kepada Soalan-Soalan Yang Diberi Notis bagi kementerian seterusnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Soalan Yang Diberi Notis No. 27 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen. Wassalaatu  
Wassalaamu `Alaa Asyrafil Mursaleen  
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang  
Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli  
Yang Berhormat.

Kaola, akan membawakan beberapa perkara mengenai tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Alhamdulillah, bangunan baru Pos Kawalan Puni di Daerah Temburong sejak ianya dibuka, berjalan dengan lancar, teratur dan berjaya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Mengenai Pos Kawalan Labu Daerah Temburong belum ada dalam perancangan dan belum lagi dilaksanakan. Bagi Pos Kawalan Kuala Lurah pula, belum ada diketahui tentang perancangan pihak berkenaan untuk menarik taraf bangunan pos kawalan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

1. Kaola ingin tahu apakah status pelaksanaan rancangan untuk menaik taraf bangunan Pos Kawalan Labu Temburong?; dan
2. Apakah sudah ada dalam perancangan atau cadangan pihak yang berkenaan untuk menaik taraf bangunan Pos Kawalan Kuala Lurah?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon maaf atas kelambatan kaola dalam membentangkan usul ini. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

## Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

**Dalam Negeri:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil Daerah Temburong yang menimbulkan dua perkara.

1. Mengenai Pos Kawalan Labu. Koala sukacita untuk menyatakan bahawa, Pos Kawalan Labu sebenarnya telah pun dirancang untuk dinaiktaraf dalam peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 sebanyak \$6 juta.

Bagi pelaksanaannya, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan telah pun selesai berunding sambil mengumpulkan maklumat dari pasukan yang diperlukan dari semua agensi yang akan turut sama berfungsi di pos kawalan tersebut.

Dijangkakan bahawa projek menaik taraf yang akan dapat diteruskan, yang selama ini menghadapi berbagai-bagai halangan dari segi kondisi tanah yang berbukit. Yang Berhormat sendiri mengetahuinya. Lokasinya juga berhampiran dengan sempadan. Pada umumnya, Bangunan Pos Kawalan Labu di Temburong itu nanti akan dibina berpandukan kompleks kawalan dan pemeriksaan Ujung Jalan, Sungai

Pandaruan Temburong. Ia akan mengambil kira keselesaan dan keperluan bagi semua agensi yang bertugas di Pos Kawalan Labu yang dijangka bertambah aktif, bertambah sibuk apabila jambatan menyeberang ke Temburong siap nanti.

Sementara itu, mengenai Pos Kawalan Kuala Lurah pula Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ia memang dirancang. Ia memang dirancang juga untuk dinaiktaraf menjadi sebuah kompleks yang lengkap. Dalam masa yang sama, rancangan-rancangan itu belum dapat dilaksanakan. Pos kawalan itu sentiasa dipelihara sesuai dengan statusnya sebagai pos sementara.

Rancangan menaik tarafnya itu Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akan mengambil kira dan penyesuaian lokasi di kawasanya yang ada sekarang. Iaitu bagi menampung sebuah kompleks pos kawalan yang lengkap untuk semua agensi yang menggunakannya, bukan sahaja agensi yang bertugas untuk memeriksa pasport, memeriksa orang keluar masuk sempadan, tetapi juga oleh semua agensi dan sebagainya.

Pada masa ini untuk makluman Dewan, kawasan yang ada dikira tidak mencukupi dan perlu diluaskan untuk sebuah pos kawalan tersebut dapat dinaik tarafnya sebagaimana dikehendaki. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Memandangkan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain tidak dapat hadir pada pagi ini, soalan No. 28 ditangguhkan. Soalan Yang Diberi Notis No. 29 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola akan mengajukan soalan bertajuk Pembangunan Kawasan Luar Bandar (PKLB). Pembangunan kawasan-kawasan di luar bandar seperti Mukim Melilas, Sukang, Bukit Sawat dan Labi, dalam tempoh 10 tahun yang lalu agak kurang perkembangannya. Kemudahan perhubungan masih belum di tahap yang memuaskan kerana keadaan jalan dan alat perhubungan sering terjejas terutama pada di musim cuaca kurang baik. Pemeliharaan terhadap kemudahan-kemudahan yang sedia ada kadang kala mengambil masa yang agak lama untuk dibaik pulih. Inilah yang menyebabkan ramai penduduk di mukim-mukin tersebut berhijrah ke bandar untuk menjalani keselesaan hidup masing-masing.

Soalan:

1. Apakah perancangan bersepadu pihak kerajaan untuk membangun kawasan-kawasan tersebut dalam jangka waktu pendek dan jangka panjang supaya penduduk di

kawasan tersebut tidak lagi berhijrah ke bandar? Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih sekali Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang mewakili Daerah Belait daripada Zon Pedalaman.

Kaola ingin menyatakan bahawa memang tidak dinafikan pembangunan atau perkembangan di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah semaksimum yang diharapkan. Bagaimanapun pembangunan kawasan-kawasan luar bandar menjadi perhatian pihak kerajaan. Kesejahteraan rakyat dan penduduk di kawasan luar bandar tidaklah diabaikan. Kitani mengetahui bekalan elektrik dan air disalurkan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti sekolah-sekolah bangunan kerajaan, masjid, balai polis dan sebagainya. Bagaimanapun, memanglah pembangunan itu tidak semaksimum yang kitani harapkan.

Bagi mencapai maksud yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu tadi yang juga adalah hajat penduduk-penduduk di kawasan berkenaan, kerajaan telah memperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara satu peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan raya iaitu jalan dari Buau hingga ke Mukim Melilas sepanjang 25 kilometer yang meliputi Kampong Buau ke Kampong Sukang sepanjang 10.3 kilometer.

Jalan menuju ke Rumah Panjang Bandung Ulu sepanjang 2 kilometer dan dari Kampong Sukang ke Kampong Melilas sepanjang 12.7 kilometer. Ke semua projek ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua sudah pun ditawarkan dan dalam penilaian pihak Jabatan Kerja Raya. Insya-Allah jika jalan-jalan raya ini siap dibina maka rakyat dan penduduk di kawasan-kawasan yang berkenaan akan mudah berulang alik dan bergerak dengan lebih selesa, lebih cepat dan segala hasil dari kawasan-kawasan berkenaan dapat dipasarkan ke bandar umpamanya.

Sayugia juga dimaklumkan bahawa kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk luar bandar akan selalu tetap dijaga dan diambil perhatian. Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang telah dimaklumi iaitu Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan yang antara lain tanggungjawab dan peranannya ialah untuk menilai keadaan dan persekitaran kawasan-kawasan luar bandar dari segi keperluan kepada pelbagai bentuk pembangunan yang diperlukan bagi keselesaan hidup serta pembangunan sosial ekonomi masyarakat luar bandar.

Menyelaraskan berbagai-bagai agensi yang berkenaan dalam membuat perancangan pembangunan yang diperlukan di kawasan luar bandar sama ada dalam bentuk pendek, sederhana dan jangka panjang bagi memastikan perancangan yang dijangka akan dilaksanakan dengan sempurna.

Menilai semula program-program pembangunan kawasan-kawasan luar bandar itu bagi memastikan ia tetap relevan dengan keperluan-keperluan yang dibawa oleh perubahan waktu.

Jawatankuasa berkenaan, setelah mengenal isu pembangunan luar bandar secara holistik dan bersepadu, laporannya akan menjadi *road map* kepada laporan yang akan dihadapkan oleh jawatankuasa ini. Isu penghijrahan, isu aktiviti perekonomian luar bandar yang terhad, isu kekurangan pembangunan infrastruktur seperti penyediaan rangkaian jalan penghubung yang baik dan penyediaan infrastruktur yang terhad.

Yang terakhir, isu keselamatan terutama sekali adanya laporan-laporan pencerobohan di kawasan-kawasan yang bersempadan. Untuk maklumat dalam dewan ini juga, apa sebenarnya istilah luar bandar. Jawatankuasa ini telah mengkategorikan Daerah Brunei Muara walaupun semua kemudahan asas dibekalkan ke setiap kawasan dan pelusuk dalam daerah ini tetapi masih ada yang dikenal pasti oleh jawatankuasa ini dari segi kedudukannya atau perhubungan masih juga dalam terencil. Maka Daerah Brunei Muara ada 5 kawasan yang dikenal pasti sebagai luar bandar:

1. Kampong Puduk, Mukim Kota Batu;
2. Kampong Menunggol, Mukim Kota Batu;



3. Kampong Lumapas 'B', Mukim Lumapas;
4. Kampong Bebuloh, Mukim Pengkalan Batu; dan
5. Kampong Limau Manis dan Kampong Kuala Lurah, Mukim Pengkalan Batu.

Di Daerah Belait, hampir semua mukim Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mukim Melilas, Mukim Sukang, Mukim Bukit Sawat, Mukim Kuala Balai. Itulah dua bandar di Daerah Belait.

Di Daerah Tutong ada 9 kampung iaitu:

1. Kampong Benutan, Mukim Rambai;
2. Kampong Belabau, Mukim Rambai;
3. Kampong Sukun Besar, Mukim Rambai;
4. Kampong Sukun Kecil, Mukim Rambai;
5. Kampong Mapul, Mukim Rambai;
6. Kampong Merimbun, Mukim Rambai;
7. Kampong Bukit, Mukim Ukong;
8. Kampong Long Mayan, Mukim Ukong; dan
9. Kampong Ukong, Mukim Ukong

Di Daerah Temburong ada 4 mukim yang disebut di sini iaitu Mukim Amo,

Mukim Bokok, Mukim Batu Apoi dan Mukim Labu.

Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar pada masa ini, sudah di peringkat terakhir menyiapkan laporannya dengan membutirkan segala rancangan-rancangan yang terperinci dan insya-Allah laporan itu akan menjadi panduan pada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Apabila diluluskan nanti sebagai *road map* pembangunan luar bandar Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi, berdasarkan keterangan kaola itu Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola harap akan menepati maksud soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bahawa kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kerajaan ingin menegaskan memang kawasan luar bandar tidak diabaikan, tetapi pada masa ini kita mengakui pembangunan kemajuan di luar bandar tidak semaksimum yang kita harapkan. Demikian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**  
Soalan Yang Diberi Notis No. 30 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan membawakan perkara ini yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, Kementerian

Perhubungan telah pun membuat penelitian lanjut terhadap cadangan membuat terminal bas di Daerah Temburong yang telah dibangkitkan pada Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas.

1. Kaola ingin tahu bilakah kiranya projek ini dilaksanakan?; dan
2. Bagaimanakah pula kedudukan laluan perhentian bas di semua mukim-mukim di Daerah Temburong seperti yang dicadangkan oleh kementerian yang berkenaan?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk menjawab. Kaola mula-mula sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kerana menimbulkan perkara ini.

Alhamdulillah, tapak hospital lama berdekatan dengan Pusat Belia dan Sukan, Pekan Bangar dengan keluasan seluas 0.4 hektar telah dikenal pasti bagi pembinaan terminal bas di Daerah Temburong dan kini dalam proses perwartaan. Pembinaan terminal bas ini dijangka akan menelan belanja sekitar \$2-\$3 juta. Insya-Allah peruntukannya

akan dipohonkan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, tahun 2017 hingga 2018 nanti.

Pada masa yang sama, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang meneliti penglibatan sektor swasta dalam pembinaan terminal ini memakai kaedah yang dipanggil *Private Public Partnership (PPP)*, *Expression interest* akan dikeluarkan dan sekiranya daripada *expression interest* menunjukkan *viability* yang baik untuk projek ini, Kementerian Perhubungan akan mengambil keputusan untuk melaksanakan pembinaan terminal ini secara *PPP*.

Bagi soalan kedua, bermula pada bulan Oktober tahun lalu pihak Jabatan Pengangkutan Darat telah membuat *viability study* dengan rancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan bas di Daerah Temburong. Hasil kajian awal, menunjukkan sambutan baik orang ramai yang terdiri daripada penduduk, penduduk tetap dan pelancong di Daerah Temburong. Tiga laluan telah dikenal pasti bagi seluruh Daerah Temburong iaitu Laluan 1, dari Puni ke Kampong Labu, Laluan 2, laluan Batang Duri-Kampong Menengah dan Laluan 3 - Laluan Belais-Rataie. Kajian juga menunjukkan potensi untuk mengadakan lebih kurang 60 perhentian bas di sepanjang jalan laluan ini.

Satu *core-group* di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) terdiri daripada Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Kerja

Raya iaitu Jabatan Jalan Raya dan Pasukan Polis Diraja Brunei antara lainnya berperanan meneliti kesesuaian dan aspek keselamatan lokasi-lokasi perhentian bas yang telah dikenal pasti itu. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No. 31 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola akan mengusulkan kenyataan kepada Kementerian Perhubungan iaitu masalah Pengangkutan Awam.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Perkhidmatan Pengangkutan Darat kerana membuat inisiatif untuk memperbaiki lagi perkhidmatan pengangkutan awam. Antaranya ialah:

1. Pelancaran Buku Safe And Smart Driving In Brunei Darussalam ;
2. Pelancaran Land Transport Master Plan ; Dan
3. Penyediaan Kertas Putih Pengangkutan Darat

Kesemua ini strategi bagi merealisasikan visi dan matlamat Pengangkutan Darat Kebangsaan dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi perkhidmatan pengangkutan awam. Saya percaya dalam menyediakan ketiga-tiga perkara penting ini masalah kesinambungan (*connectivity*) dari satu tempat ke satu tempat dan kebolehaksesannya (*accessible*) yang boleh digunakan oleh semua peringkat sudah pun dikaji dan diteliti. Soalan saya ialah:

Adakah masalah kesinambungan dan kebolehaksesan yang akan dihadapi oleh semua pengguna diberi keutamaan menerusi pelan ini? Demi merealisasikan pendekatan holistik visi dan Strategi Pengangkutan Darat Kebangsaan ini, adakah sudah dibuat kajian bagi jangka panjang? Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kalau kaola dapat memohon *indulgence* dari Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebenarnya, jawapan yang akan kaola berikan bagi soalan ini adalah sama dengan jawapan yang kaola berikan kepada Soalan No. 33 yang akan diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Jadi kalau kaola dapat memohon *indulgence* daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah itu dapat juga ditanyakan supaya kaola akan dapat menjawab

kedua-duanya sekali. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan No. 33 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Soalan kaola ialah berhubung dengan *Land Transport Master Plan. The National Master Plan for sustainable Land Transport System for Brunei Darussalam* telah selesai dijalankan sementara *White Paper* nya juga telah dilancarkan. Kalau meneliti hasil kajian yang telah dijalankan dalam *Master Plan* tersebut, ramai pengguna kenderaan persendirian yang terlibat dalam kajian dilaporkan menyuarakan rasa tidak puas terhadap sistem yang ada pada masa ini, kerana sistem yang hanya menggunakan bas mengambil masa yang panjang untuk menuju ke suatu destinasi.

Dari itu, sejumlah besar pengguna jalan raya mahukan kerajaan menyediakan sistem pengangkutan darat yang baharu seperti *Metro Rapid Transit (MRT)*, *Light Rail Transit (LRT)* atau lain-lain. Sementara jumlah kedua tertinggi, mahukan supaya sistem yang ada pada masa ini seperti bas dan teksi diperbaiki. Melalui analisis kos manfaat (*cost benefit analysis*) telah dihadapkan

beberapa *option* atau pilihan sistem pengangkutan darat yang boleh dilaksanakan di negara ini. Melalui penganalisan tersebut, sistem yang sesuai dilaksanakan dan dicadangkan oleh *Master Plan* tersebut ialah menggunakan sistem pengangkutan bas pesat atau *bus rapid transit (BRT)* iaitu sistem pengangkutan yang menggunakan bas. Soalan:

1. Bagaimanakah *system bus rapid transit* ini boleh menggalakkan orang ramai bertukar dari menggunakan kenderaan persendirian kepada perkhidmatan bas memandangkan kemudahan kewangan untuk membeli kenderaan darat melalui pinjaman bank adalah mudah, sementara harga minyak kenderaan juga menerima subsidi yang tinggi daripada kerajaan?
2. Sistem pengangkutan kenderaan yang efisien boleh membantu dan memudahkan pergerakan atau *mobility* bagi golongan mereka yang tidak mempunyai kenderaan terutama golongan pekerja, golongan miskin untuk mencari rezeki, golongan penganggur untuk mendapatkan pekerjaan, golongan penuntut untuk mengikuti kuliah di institusi-institusi tinggi pendidikan serta golongan orang tua untuk membeli-belah dan pergi ke klinik.

Soalan, bagaimanakah sistem *bus rapid transit* ini akan dapat memberi perkhidmatan pengangkutan kos atau harga yang rendah yang mampu ditanggung oleh golongan

pengguna seperti yang kaola sebutkan tadi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kaola kesempatan ini dan mengambil kesempatan ini juga kaola mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan soalan ini. Kaola dengan ini juga secara formal mengucapkan terima kasih kerana Kementerian Perhubungan telah mengadakan satu sesi khas untuk membincangkan *System Land Transport Master Plan* ini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan kaola menghargai beberapa *input* dan beberapa pertanyaan serta kesedaran kitani mengenai isu ini.

Saya sukacita memaklumkan bahawa kajian yang dibuat dalam penyediaan *Land Transport Master Plan* ini memang merangkumi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi semua aspek pengangkutan awam termasuklah pengangkutan air. Dalam negara-negara yang maju termasuklah negara-negara yang mencapai tahap kemakmuran seperti negara kita ini majoriti perjalanannya dipenuhi oleh pengangkutan awam.

Dalam erti kata yang lain, *rich people travel by public transport*. Hasil kajian tersebut, *Land Transport Master Plan* mencadangkan 4 strategi utama dengan cadangan-cadangan dasar serta pelan

tindakan yang dilaksanakan sehingga tahun 2035 malah sehingga tahun 2050.

Strategi-strategi itu ingin kaola bincangkan di sini:

1. *Reducing Car Dependency* iaitu mengurangkan kebergantungan pada pengangkutan yang menggunakan kereta persendirian;
2. *Keeping Traffic Moving* atau memastikan lalu lintas jalan raya sentiasa bergerak;
3. *Achieving Sustainable Society* iaitu mencapai masyarakat yang berdaya tahan; dan
4. *Strengthening Governance* atau mengukuhkan pengawalseliaan.

Izinkan kaola menghuraikan sedikit beberapa ciri-ciri dalam strategi-strategi tersebut.

Dalam strategi pertama, *reducing car dependency*, beberapa isu atau *recommendation* telah diketengahkan. Hanya 2 saja yang kaola dapat sentuh di sini sebagai yang paling relevan:

1. *Better connection for alternative roads* ertinya *connection* yang baik untuk semua alternatif *transport* tersebut; dan
2. *Better public transport services*.

Ini adalah isu yang menjadi paling besar, *public transport* ini termasuklah pengangkutan bas dan teksi.

Dalam strategi kedua, seperti yang kaola terangkan kelmarin, dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Ciri-ciri dalam memastikan trafik yang sentiasa bergerak ini:

1. *Targeting appropriate increase in road capacity;*
2. *Optimizing the use of existing road;*
3. *Managing parking;* dan
4. *Intelligent transport system.*

Dalam strategi yang ketiga, beberapa cadangan ialah:

1. *Green vehicle technology;*
2. Meneliti isu *transport* dan alam sekitar; dan
3. *Social sustainability.*

Dalam strategi yang keempat, iaitu mengukuhkan pengawalseliaan. Beberapa cadangan daripada *Land Transport Master Plan* ini ialah:

1. Penubuhkan *Transport For Brunei*, yang menggantikan badan yang dinamakan *MTLA* pada masa ini dan juga merangkumi isu-isu *governance*; seperti malah lebih jauh lagi *recommendation*nya ialah untuk membuat satu badan yang berkuasa yang merangkumi kuasa-

kuasa yang ada pada masa ini berada di beberapa kementerian yang lain;

2. *Statutory footing for LTMP Program* dan Inisiatif. Ertinya membuatkan perundangan bagi beberapa inisiatif dalam laporan *Land Transport Master Plan* ini;
3. Mempertingkatkan *Transport Capacity and Skills* iaitu *Enhancing Transport Capacity and Skills* ertinya menambahkan lebih banyak lagi mereka yang berkemahiran dalam bidang ini di samping meningkatkan kemahiran yang ada;
4. *Transport Management Plans;*
5. *Integrated Programme Funding and Budgeting;*
6. *Transport Statistic and Research;*
7. *Leveraging The Role of Private Sectors;*
8. *Enhancing User Engagement and Representation;* dan
9. *Sustainable Mode of Travel To Schools.* Ciri bagi menyediakan satu cara *transport* yang sesuai untuk ke sekolah-sekolah kerana perjalanan ke sekolah ini adalah satu komponen yang besar dalam perjalanan di negara ini.

Memanglah apabila ini dibuat, para pengguna jalan raya yang telah ditanya memang tidak berpuas hati kerana

*perception* mereka adalah dalam keadaan perkhidmatan bas yang ada pada masa ini. Tetapi apa yang dikemukakan oleh LTMP lebih meluas daripada sistem pengangkutan bas yang ada. Apa yang dicadangkan oleh LTMP di samping kemudahan *Bus Rapid Transport (BRT)* ini ialah:

1. Mengadakan kemudahan *Park and Ride*, ertinya meletakkan kereta dan menaiki kenderaan dan stesen-stesen penukaran atau *Public Service Interchange*.
2. Mengadakan perkhidmatan bas-bas pengantara iaitu *Feeder Bus Service* untuk bas-bas di *BRT*.
3. Sistem Pembayaran Yang Bersepadu iaitu *Integrated Pay System*.
4. Melaksanakan inisiatif-inisiatif supaya maklumat perkhidmatan bas mudah diperolehi oleh orang ramai. Ertinya apa yang dicadangkan oleh LTMP ini bukanlah perkhidmatan bas yang ada sekarang ini tetapi ialah perkhidmatan bas yang mempunyai ciri-ciri yang lebih daripada yang ada sekarang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola menyambung beberapa minit lagi menyentuh isu pengangkutan awam khususnya bas awam dengan cara yang panjang lebar.

LTMP dalam kajiannya mengenai *Public Transport Services* ini telah memperkenalkan atau mengenal pasti empat faktor utama seperti yang

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Empat faktor tersebut ialah:

1. Kesalinghubungan (*connectivity*);
2. Kebolehaksesan (*accessibility*);
3. Ketersediaan (*availability*); dan
4. Kemampuan (*affordability*).

Keempat-empat faktor ini diberi keutamaan bagi semua pihak yang berkepentingan untuk menjadikan sistem pengangkutan awam termasuk *BRT* sebagai satu pilihan untuk semua (*choices for all*) di Negara Brunei Darussalam. Dalam erti kata yang lain, sistem pengangkutan awam mestilah mempunyai empat faktor atau empat ciri atau empat *imperatives* ini untuk menjadikan ia *choices for all* dan sebagai usaha untuk mengurangkan kebergantungan pada pengangkutan yang menggunakan kereta persendirian.

Jika kita lihat dan fahami sendiri isu pengangkutan awam di negara ini dan membuat perbandingan dengan amalan-amalan di negara-negara lain, perlu ada dasar yang membolehkan atau menarik (*pull factor*) serta dasar yang mendorong (*push factor*) orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam ini. Kepelbagaian serta tahap *push* dan *pull factors* ini dilaksanakan akan menyumbang kepada kemantapan perkhidmatan pengangkutan awam di sesebuah negara.

Kaola merasa keberatan untuk menyentuh isu subsidi dan perkara-

perkara yang menjadi kebiasaan kita tetapi izinkanlah kaola menyentuh beberapa contoh *push factor* yang diamalkan di negara-negara lain. Antaranya ialah:

1. Pengurusan dan pengawalan letak kereta, iaitu menyediakan kawasan letak kereta yang mencerminkan harga letak kereta yang sebenar. Misalannya di London saja, harga letak kereta ialah GBP5.00 ataupun B\$10.00 bagi tiap-tiap jam, di Negara Singapura ataupun Hong Kong, beginilah lebih kurang harganya;
2. Mengawal harga kereta persendirian iaitu beberapa polisi diambil supaya harga kereta persendirian itu mencerminkan harga yang sebenar; dan
3. Bayaran laluan tol, pengawalan harga minyak dan dikenakan dengan cukai-cukai pengangkutan yang bersesuaian.

Kaola yakin bahawa bagi kita untuk memastikan pengangkutan awam ini dipilih, ia mestilah mempunyai kedua-dua ciri dorongan dan penarikan ini.

Mengenai kos harga pengangkutan yang rendah dan mampu ditanggung oleh golongan pengguna atau golongan pekerja miskin, penganggur, penuntut serta orang tua, perkara ini memanglah diberi keutamaan sejak awal pengenalan perkhidmatan bas awam di negara ini dan insya-Allah akan terus diberi

keutamaan dalam penyediaan sistem *BRT* ini.

Dalam pada itu juga kita berharap beberapa *innovation* dalam sistem *BRT* ini seperti pengenalan *season ticket*. Insya-Allah akan diperkenalkan. Pada masa ini harga tiket bagi setiap perjalanan bagi semua laluan ialah \$1.00 bagi tiap-tiap satu syarikat bas, kalau bertukar bas ke syarikat lain, kemudian kita membayar \$1.00 lagi bagi laluan, manakala harga tiket 50 sen bagi orang tua dan penuntut pula tidak mengira jarak.

Sistem Pembayaran Bersepadu (*Integrated Pay System*) akan membolehkan beberapa inisiatif seperti ini dijalankan.

Seperti hasil kajian dan cadangan *LTMP*, jumlah pengusaha bas *franchise* di negara ini akan diteliti mengikut keadaan pasaran, taraf perkhidmatan dan kutipan tambang untuk menghasilkan perusahaan yang mapan, berdaya tahan, memenuhi cita rasa dan keperluan pengguna.

Mengambil kesempatan ini, kaola sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat malah ke semua Ahli Yang Berhormat kerana mengambil berat mengenai isu ini. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**  
Soalan Yang Diberi Notis No. 32  
daripada Yang Berhormat Awang Haji



Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Soalan kaola adalah mengenai dengan Perhentian Bas Awam. Di beberapa tempat sebahagian di Jalan Kota Batu dan Jalan Subok, tidak ada dibina pondok-pondok perhentian bas bagi kegunaan mereka terutama sekali bagi warga emas untuk berteduh dan sementara menunggu ketibaan bas awam.

Soalan kaola, adakah perancangan pihak Kementerian Perhubungan untuk membina pondok-pondok dan perhentian bas di kawasan yang tersebut? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih atas soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Pada masa ini lebih kurang 200 daripada 300 jumlah pondok bas disediakan di seluruh Negara Brunei Darussalam, di Daerah Brunei dan Muara.

Tinjauan Jabatan Pengangkutan Darat mendapati ada 22 perhentian bas di sepanjang Jalan Kota Batu tetapi hanya

8 pondok bas sahaja yang beratap dan tidak ada perhentian bas di sepanjang Jalan Subok. Kaola memberi jaminan bahawa perkara ini akan sentiasa dipantau. Pembinaan perhentian-perhentian bas di negara ini serta kesesuaiannya akan terus diteliti oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu *Core Group* dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya dari semasa ke semasa.

Dalam strategi masa sederhana dan panjang bagi memperbaiki perkhidmatan dan kesalinghubungan serta pengangkutan bas awam di negara ini, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang meneliti kesesuaian untuk mengadakan pembinaan dan pemeliharaan perhentian-perhentian bas di negara ini dengan kaedah-kaedah yang lain iaitu seperti *PPP* atau pun *social responsibility*, terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 34 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Soalan saya selanjutnya ialah berhubung Projek Pulau Muara Besar. Kerajaan sedang giat membangun Pulau Muara Besar sebagai Pelabuhan Utama di Borneo dan kawasan *BIMP-EAGA*. Kerajaan juga berhasrat supaya Projek Pulau Muara

Besar berjaya menarik pelaburan dan perniagaan ke negara ini.

Bagaimanapun bagi Pulau Muara Besar berjaya memainkan peranannya sebagai Pelabuhan Utama di Borneo, ia memerlukan sokongan kegiatan ekonomi dari *hinterland* yang lebih luas iaitu Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Soalannya, apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan *connectivity* dengan kawasan-kawasan tersebut termasuk pelaburan dalam melicinkan pengawalan ke atas keluar masuk orang ramai, barang-barang dan kenderaan yang melintasi sempadan, pelaburan dalam fasilitasi-fasilitasi yang memudahkan usahawan dan peniaga tempatan meraih peluang perkembangan dan pembangunan di rantau termasuk meningkatkan keberkesanan Sistem Pengangkutan Negara dengan kawasan *BIMP-EAGA* melalui pengangkutan darat, laut dan udara? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih. Kementerian Perhubungan sentiasa berusaha bagi meningkatkan dan meluaskan *integrity connectivity* laut, pelabuhan udara dan juga darat dalam memastikan negara senantiasa dapat berdaya saing dengan negara-negara yang lain dalam soal pengangkutan. Kementerian ini telah pun meningkatkan rangkaian maritim kita supaya kapal-kapal kita dapat

berlabuh di pelabuhan-pelabuhan serantau.

Kapal-kapal terbang juga akan dapat membuat perhubungan dan kenderaan pengangkutan kita juga boleh melintasi batas sempadan dengan membawa penumpang dan juga barangan. Ini telah pun diselaraskan dengan Perjanjian *Memorandum of Understanding (MoU) BIMP-EAGA* yang telah kita tandatangani dan berkuat kuasa pada tahun 2007 dan dari segi perjanjian *interstate* yang kita tandatangani dalam tahun 2009.

Pada masa ini, jumlah pelabuhan di Indonesia adalah sebanyak 12, di Malaysia 12 juga dan 9 Republik Filipina. Bagi pengangkutan udara pula Indonesia sebanyak 5 Lapangan Terbang, 7 Lapangan Terbang Malaysia dan 4 Republik Filipina. Jabatan Pelabuhan masa ini sedang giat memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti pelabuhan dengan memperluaskan kawasan-kawasan pelabuhan dan merancang bagi menambah lagi aktiviti-aktiviti pelabuhan.

Apa yang diharapkan ialah memperluaskan kawasan ini akan dapat berupaya menawarkan peluang kepada pelabur swasta untuk melabur serta usaha meningkatkan dan membangun infrastruktur yang diperlukan. Aktiviti pelabuhan masa kini melibatkan pemasaran Negara Brunei Darussalam sebagai *logistic hub* dan destinasi antarabangsa utama di rantau ini. Setakat ini sebanyak 19 *Shipping Lines*

telah beroperasi dan disasarkan untuk ditingkatkan kepada 22 menjelang 2017.

Kaola dalam kesempatan ini juga ingin memberitahu bahawa usaha untuk menjadikan Brunei sebagai *logistic hub* ini juga ditangani bersama oleh kementerian ini dan *Brunei Economic Development Board (BEDB)* dan Kementerian Kewangan dalam beberapa usaha untuk mewujudkan *Shipping Lines* dan *Shipping Route* yang juga menjadi keutamaan. Insyallah perkara-perkara yang boleh mendorong usaha-usaha yang disarankan oleh Yang Berhormat itu akan dilihat, akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan perjanjian-perjanjian atau *MoU* dalam bidang kerjasama *BIMP-EAGA* ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas kenyataan yang cukup jelas itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat masanya tiba juga bagi kita untuk meneruskan perbincangan kita bagi Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di Peringkat Jawatankuasa seperti kelmarin dan dengan sebab itu adalah perlu bagi Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis ini kita tangguhkan dulu dan insyallah kita akan sambung semula sama ada keesokan harinya ataupun hari lainnya tertakluk kepada kelapangan kita.

Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa )**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangankan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan pada petang semalam, kita telah mendengar ucapan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan terhadap Anggaran Perbelanjaan bagi kementeriannya iaitu Tajuk SF - Kementerian Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersama saya ada senarai 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk menyoal atau mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai dengan tajuk ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman untuk memulakannya.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menjalankan beberapa inisiatif yang berinovatif seperti yang di huraikan kelmarin oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam mukadimah. Antaranya ialah menubuhkan sekolah

pemangkin bagi membantu penuntut-penuntut dari golongan susah, yang lemah dalam menghadapi peperiksaan *PSR*. Melaksanakan *Integrated National Education and Transformation System (iNEIS)* yang bertujuan mengawasi kedatangan penuntut ke sekolah pada setiap hari secara *online* dan mentransformasi pendidikan teknikal untuk membantu menyelesaikan masalah pengangguran.

Semasa Sambutan Hari Guru 2014 sempena 100 tahun pendidikan formal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah yang Baginda menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan untuk mereviu Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau SPN21. Baginda mahu supaya Kementerian Pendidikan meneliti jika terdapat kelemahan-kelemahan atau kekurangan-kekurangan dalam SPN21. Baginda juga menyatakan bahawa tidak memadai jika kita cuma menonjolkan perkara-perkara yang bagus-bagus belaka kerana Baginda masih ingat pada awal-awal kelahiran SPN21 dahulu terdapat beberapa kelemahan di dalamnya. Dalam titah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha mulia bertanya adakah kelemahan-kelemahan ini sudah diatasi atau bagaimana. Memandangkan kualiti pendidikan seperti kadar peratus lulus 4 'O' *Level* di sekolah-sekolah kerajaan masih di tahap yang rendah. Pada tahun lepas hanya 42.23 peratus yang lulus 4 'O' *Level* dan kadar kemasukan ke pengajian tinggi

atau *tertiary enrollment rate* juga masih kurang memuaskan. Soalan kaola:

1. Apakah hasil penemuan, penilaian pelaksanaan SPN21 tersebut?
2. Apakah perancangan tindakan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Brunei Darussalam?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, izinkan kaola untuk menjawab satu usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin pada 9 Mac semasa ucapan Yang Berhormat dalam Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat mencadangkan supaya satu kajian tentang tugas dan beban kerja para guru dan pendidik di sekolah-sekolah perlu diadakan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan prestasi pendidikan kerana yang tahu suasana dalam persekitaran pembelajaran, yang faham prestasi anak-anak murid dan apa yang

mereka perlukan adalah para guru dan pendidik sendiri.

Dalam perkara ini, kaola ingin menerangkan akan usaha Kementerian Pendidikan berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin untuk membuat satu kajian berkenaan. Pelaksanaan kajian ini telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan mengenai tugas dan bebanan para guru. Ia telah bertolak daripada keprihatinan kementerian kepada tugas para pengajar yang semakin mencabar terutama sekali dalam meningkatkan prestasi pencapaian pelajar di sekolah ke arah merealisasikan pendidikan yang berkualiti. Kajian itu mempunyai 3 objektif:

1. Menenal pasti pelbagai tugas mengajar dan bukan mengajar yang dilaksanakan oleh guru-guru di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan Enam;
2. Meninjau bebanan kerja guru dan purata masa yang diperuntukkan untuk aktiviti pengajaran, persediaan mengajar, penilaian, aktiviti kokurikulum, kerja pentadbiran, latihan (perkembangan profesional guru) dan sebagainya; dan
3. Membuat perbandingan nisbah masa yang digunakan untuk mengajar kepada bukan mengajar di negara ini dengan negara-negara *OECD*.

Kaola ingin mengongsikan bahawa status kejayaan pada masa ini dalam proses menganalisis data di peringkat sekolah rendah. Kerja awal daripada kajian ini telah pun dijalankan dan dapatan awal daripada kajian ini akan disediakan secara berperingkat-peringkat. Bagi peringkat Sekolah Rendah ini dijangka akan dapat dikongsikan pada hujung bulan April ini dan bagi Sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam pada bulan Jun 2015 Masihi dan laporan keseluruhannya, insya-Allah akan dapat kita buat dan selesaikan dalam bulan Ogos ataupun sebelum itu lagi.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai hasil *review* SPN21 sama ada kelemahan ataupun kekurangan. Sebelum kaola menerangkan, barangkali untuk makluman semua, apakah perubahan yang dibawa oleh SPN21, ada 3 perkara (*pillars*) yang mendukung SPN21:

1. Perubahan dalam sistem pendidikan SPN21 pada masa ini memberikan *multiple pathways* ertinya pelbagai laluan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian mereka mengikut kecenderungan *ability* dan *inclination* mereka;
2. Mengenai perubahan dalam kurikulum dan penilaian (curriculum and assessment) kurikulum; dan
3. Vokasional dan teknikal yang kelmarin telah kita kongsi

bahawa kita telah membuat transformasi dalam pendidikan teknik dan vokasional.

Walaupun SPN21 ini telah dilaksanakan selama 5 tahun ia merupakan satu kembara atau *journey* dan dalam *journey* ini kita akan terus membuat penilaian, pengubahsuaian dan pensejajaran. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan telah membuat reviu sebelum tamat tempoh 5 tahun iaitu reviu yang telah dijalankan dalam Tahun 2014.

Dalam reviu itu Kementerian Pendidikan telah meneliti adanya beberapa kebaikan dan juga kelemahan dan barangkali untuk kaola menerangkan semua ini mungkin panjang, maka kaola akan berkongsi nanti dengan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Secara umumnya, bahawa pelaksanaan SPN21 memerlukan kerjasama ataupun penglibatan semua pihak iaitu guru, pemimpin sekolah, masyarakat dan juga Kementerian Pendidikan. Antara *stakeholders* ini didapati ada antaranya yang belum memahami akan apa perubahan, pelaksanaan, proses-proses yang diperlukan dan penglibatan mereka yang *diexpected* untuk dilaksanakan dalam melaksanakan SPN21. Di samping mengakui adanya *strengths* dan ada juga kelemahan. Kelemahannya inilah yang pada masa ini sedang diteliti dan diusahakan dan kerana itulah usaha-usaha kita pada masa ini ialah untuk terus meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar kita

dalam pendidikan rendah dan menengah. Perkara yang utama yang kita lihat ialah literasi dan numerasi. Disebabkan itulah dalam bajet kita ini ada peruntukan untuk mendatangkan pakar dalam bidang literasi dan numerasi, kerana jika literasi dan numerasi ini dapat kita tingkatkan dari pendidikan rendah lagi insya-Allah, ia akan dapat memberikan impak kepada pelajar apabila mereka memasuki pelajaran menengah. Secara ringkas itu saja dapat kaola berikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid untuk mengemukakan soalan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang difahami, Kementerian Pendidikan telah melantik konsultan bagi menjalankan kajian kemungkinan penyediaan pendidikan kepada kanak-kanak antara umur 3 ke 5 tahun di Negara Brunei Darussalam dan kajian berkenaan telah pun disiapkan pada pertengahan tahun 2014 yang lepas.

Soalan saya, apakah perancangan Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan sokongan-sokongan kajian berkenaan, terutama sekali di kawasan yang dikenal pasti mempunyai pencapaian pembelajaran yang kurang memuaskan dalam peperiksaan awam?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan dalam mentransformasikan pendidikan teknikal dan vokasional negara iaitu dengan kelulusan Perintah Institut Pendidikan Teknikal 2014 dan penerbitan Kertas Putih Pendidikan Vokasional dan Teknikal 2014. Langkah ini seperti yang kita dengar adalah merupakan satu pembaikan yang signifikan dalam mengukuhkan lagi sistem pendidikan negara.

Kejayaan strategi pendidikan vokasional dan teknikal ini terbukti apabila ia melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri-industri dan sebagai nilai tambah lepasan pelajar juga akan mempunyai kefahaman yang mendalam dalam bidang keusahawanan.

Dalam tempoh peralihan ini ada pentingnya transformasi pendidikan vokasional dan teknikal ini mendapat sokongan dari mereka yang berkepentingan seperti pihak industri, para pelajar dan ibu bapa serta tenaga pengajar sendiri. Akan tetapi dari maklum balas yang diterima, terdapat segelintir masyarakat yang kurang memahami akan objektif transformasi ini dan tawaran-tawaran kursus yang diberikan.

Oleh itu, selain hari-hari terbuka yang telah dan sedang diadakan oleh institusi-institusi berkenaan, saya cadangkan satu kaji selidik mengenai kefahaman masyarakat akan Skim

Pendidikan Vokasional dan Teknikal dan secara proaktif diambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dengan dapatan kaji selidik berkenaan.

Kaola juga mencadangkan supaya guru-guru kaunselor kerjaya di sekolah-sekolah mengambil peranan penting dalam menerangkan akan peluang-peluang atau laluan *pathway* pembelajaran lanjut bagi setiap kursus yang ditawarkan. Cadangan ini ditimbulkan dengan harapan kita agar transformasi pendidikan vokasional dan teknikal ini mendapat sambutan yang selayaknya dan dilaksanakan dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid atas pertanyaan dan juga cadangan yang telah dikemukakan.

Mengenai kajian pendidikan awal kanak-kanak atau *early childhood*. Kajian yang telah pun dibuat oleh seorang konsultan daripada luar negeri itu memberikan kita laporan mengenai dengan kedudukan *early childhood* (pendidikan awal kanak-kanak) di Negara Brunei Darussalam pada masa ini dengan membanding pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara lain untuk melihat apakah *best practice* yang boleh dipelajari daripada negara-negara tersebut.

Perlu di sini kaola terangkan bahawa definisi pendidikan awal kanak-kanak

ini, ia boleh dilihat dari segi pendidikan di peringkat umur 3 tahun ke atas ataupun lebih awal daripada itu. Tetapi kalau kita merujuk kepada Akta Pendidikan bahawa Kementerian Pendidikan bertanggungjawab kepada pendidikan umur 5 tahun ke atas.

Jadi dalam kedudukan Negara Brunei Darussalam pada masa ini, pendidikan awal kanak-kanak ini dikendalikan sebahagian besarnya di peringkat umur 3 ke 4 tahun oleh institusi-institusi pendidikan swasta dan Kementerian Pendidikan melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak yang digelar sebagai prasekolah bagi pelajar-pelajar yang telah mencapai umur 5 tahun.

Ada beberapa pertimbangan yang perlu pihak kementerian teliti setelah mendapat laporan-laporan ataupun hasil kajian. Memanglah usaha kitani untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di negara ini dan alhamdulillah, kita bersyukur kerana bagi Negara Brunei Darussalam ia telah dapat menyediakan pendidikan awal kanak-kanak pada umur 5 tahun ini di semua sekolah kerajaan. Kalau kita membandingkan dengan negara lain pendidikan awal ini masih lagi dikendalikan oleh sektor swasta.

Dalam hubungan ini, apa yang kita dapati bahawa kita telah memerlukan satu daripada dapatan itu ialah meningkatkan kualiti guru-guru yang mengajar dipendidikan awal kerana pada masa ini hanya sekitar 40 peratus daripada guru-guru di sektor kerajaan ataupun di sekolah institusi swasta yang

mempunyai kelulusan atau kelayakan untuk mengajar di peringkat *early childhood*.

Itu satu aspek dan kedua ialah persekitaran. Jadi persekitaran ataupun infrastruktur bagi *early childhood*, alhamdulillah, bagi Kementerian Pendidikan terdapat adanya rancangan untuk membina sekolah rendah yang baharu kita sudah menyediakan ruang bagi keperluan pendidikan awal kanak-kanak.

Berbalik kepada perkara kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Kaola menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat, mengenai pelaksanaan pendidikan teknikal dan vokasional supaya diadakan kaji selidik. Sememangnya sebagai kaola nyatakan tadi, apa pun perubahan, apa pun rancangan yang kita buat ia merupakan satu *journey*. Kalau kita mengambil contoh di Singapura sendiri ia telah memakan masa lebih 40 tahun untuk merubah *mindset* beberapa *stakeholders* terhadap pendidikan teknik dan vokasional. Ini satu cadangan yang baik, kerana ia akan dapat memberikan kita dapatan-dapatan, apakah sebabnya tidak ramai adanya pelajar-pelajar yang kurang cenderung untuk mengikuti pendidikan teknik dan vokasional.

Oleh itu, usaha Kementerian Pendidikan akhir-akhir ini ialah untuk membawa ibu bapa sendiri menghadiri *roadshow* yang dilaksanakan oleh institusi-institusi pendidikan teknik supaya bukan sahaja pelajar itu tetapi para ibu bapa



juga memahami akan kandungan kursus dan *career pathway* ini menjadi *concern* kepada ibu bapa apabila ia mengetahui adanya *career pathway* yang boleh meningkatkan dalam pendidikan teknik, baharulah ia memberi sokongan kepada anak-anak mereka untuk mengikuti pengajian teknik.

Mengenai Guru Kerjaya, sememangnya Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan perkara ini guru-guru kerjaya dari sekolah-sekolah menengah telah pun dibawa, diberikan taklimat untuk mengikuti *roadshow* yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Teknik dan Vokasional. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Masyarakat Tionghoa menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui *Ministry of Development* kerana menawarkan sekeping tanah kurang lebih 20 ekar di Sungai Akar kepada Sekolah Menengah Tionghoa Brunei pada 20 Ogos 2014 untuk tujuan pendidikan.

Dalam kesempatan ini, kaola mewakili Sekolah Menengah Tionghoa Brunei menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberikan perhatian kepada seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam termasuklah masyarakat Tionghoa.

Sekolah Tionghoa merupakan sekolah *Non-Profitable Organisation* yang memberikan pendidikan bukan sahaja kepada masyarakat Tionghoa tetapi juga masyarakat lain. Sekolah ini mempunyai misi untuk melahirkan generasi yang berpendidikan, berkualiti bagi masa hadapan Negara Brunei Darussalam ini, namun sumber kewangan mereka adalah terhad. Masyarakat Tionghoa memberikan sumbangan yang kebanyakannya dihulurkan oleh orang ramai seperti mengadakan *walkathon*, *annual dinner*, persembahan Tarian Singa dan lain-lain. Oleh sebab Sekolah Menengah Tionghoa ini merupakan *Non Profitable Organisation*, mereka hanya mengharapkan sumbangan daripada orang ramai dan *NGO*. Kalau boleh pihak yang berkuasa apabila mereka mengadakan aktiviti *fund rising* diharap masanya dipanjangkan bagi mengutip dana yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola bercakap mengenai *citizenship*. Kaola berharap Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seperti yang dinyatakan dalam *social media* "*Passing test doesn't mean guarantee citizenship*"

ertinya *"we don't give the foreign investor confident, that's mean whenever the government give something, it doesn't guarantee"* kalau boleh dalam media berkenaan diperbetulkan.

Dengan erti kata lain, apabila sudah lulus ujian ia *guarantee* menerima Sijil Kerakyatan, dan hanya boleh dibatalkan jika pemohon membuat kesalahan dan mempunyai imej yang tidak baik seperti merompak dan sebagainya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Soalan yang dikemukakan mengenai soal kerakyatan. Yang Berhormat kita membincangkan mengenai pendidikan.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Kaola cuma mahu diperbetulkan di media sosial berkenaan, *it is very sensitive*, ini menyebabkan pemohon merasa ragu-ragu dan dipohonkan bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memperbetulkan perkara ini dalam media berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kaola tidak silap semalam Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun berpanjang lebar menerangkan mengenai kedudukan ini. Yang lulus Bahasa Melayu merupakan hanya satu syarat dan syarat-syarat lain harus dipenuhi oleh orang yang berkenaan sebelum Sijil Kerakyatan diberikan. Sekarang berpindah kepada pertanyaan

lain. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan semua warga Kementerian Pendidikan kerana telah melaksanakan SPN21 atau Sistem Pendidikan Negara Abad 21 serta transformasi pendidikan yang bersifat holistik dengan tema "Insan Berkualiti Mendukung Pembangunan Inklusif".

Kita menyedari bahawa banyak usaha telah dilaksanakan dan diperkenalkan demi meningkatkan kualiti pendidikan yang relevan dengan keperluan semasa Negara Brunei Darussalam dan antarabangsa. Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara yang bertaraf dunia kita memerlukan sumber tenaga manusia yang berkualiti, pengurusan sekolah yang produktif dan guru-guru yang berkualiti serta dedikasi yang tulus. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mohon izin kiranya dapat selain banyak menyoal ada jua beberapa cadangan yang difikirkan bersesuaian perlu kaola ajukan.

Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain menyebutkan:

"harapan kita terhadap Majlis Mesyuarat Negara adalah sangat tinggi, Persidangan Majlis ini merupakan wadah strategic yang berperanan untuk memikir, membahar serta membuat sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi *بلدة طيبة ورب عفور*"

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Mac 2012 di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan menjadi panduan abiskaola.

Yang Berhormat Pengerusi, memang kita akui bahawa Kementerian Pendidikan telah banyak membuat kajian keperluan guru bagi jangka masa panjang (*long term teachers projection*). Ada beberapa soalan yang ingin kaola timbulkan iaitu:

1. Adakah Kementerian Pendidikan sudah membuat kajian mengenai jangkaan 20 ataupun 30 tahun akan datang, berpandukan kadar peningkatan jumlah pelajar ataupun murid dan bertambahnya institusi pendidikan setiap tahun? Perancangan jangka panjang akan dapat membantu mengatasi kekurangan guru khususnya dalam bidang yang diperlukan seperti *Mathematics, Science, English* dan lain-lain;
2. Apakah perkembangan guru *relief* yang sering ditimbulkan oleh mereka yang masih menunggu kekosongan jawatan?;

3. Projek membaik pulih infrastruktur atau menaik taraf bangunan dan kemudahan sekolah. Beberapa buah sekolah di luar bandar perlu diberikan perhatian umpamanya perlu diperbesarkan mengikut kapasiti pelajar, menambahkan kemudahan dan tempat letak kereta, dan juga tidak kurang pentingnya menaik taraf padang sekolah yang telah dibina 30 atau 40 tahun yang lalu, yang sudah tidak sesuai lagi dengan keperluan semasa. Adalah dicadangkan supaya perkara ini akan dapat juga diberikan peruntukan demi keselesaan dan kesejahteraan murid-murid dan guru-guru sesuai dengan SPN21;

4. Kehadiran pelajar-pelajar sekolah rendah amat merisaukan dikebanyakan sekolah di negara ini. Kurangnya kehadiran pelajar-pelajar ini akan menyumbang kepada merosotnya keputusan peperiksaan sekolah berkenaan. Langkah-langkah telah pun diambil bagi memperbaiki keadaan tersebut. Soalan kaola, apakah faktor yang menyebabkan kehadiran pelajar ini merosot?:

- i. Adakah ibu bapa tidak menyedari betapa pentingnya pendidikan?;
- ii. Apakah langkah yang berkesan untuk murid-murid rajin datang ke sekolah?;

- iii. Adakah faktor luaran yang tidak mengizinkan mereka tidak hadir ke sekolah?; dan
- iv. Adakah *environment* ataupun suasana sekolah yang tidak dapat merangsang pelajar mencintai dan menyayangi sekolah?

Dalam dewan ini Yang Berhormat Pengerusi, kita berseru agar ibu bapa dan masyarakat akan sama-sama berganding bahu bagi membantu Kementerian Pendidikan memperbaiki keadaan dengan memberikan kesedaran kepada ibu bapa betapa pentingnya kehadiran anak-anak di sekolah; dan

- 5. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, penempatan pegawai-pegawai dan guru-guru selepas mengikuti kursus ataupun latihan dalam perkhidmatan. Kenapakah ada pelajar ataupun pegawai yang menjalani kursus sama ada latihan dalam perkhidmatan di bawah biasiswa kerajaan, apabila tamat kursus mereka tidak ditugaskan mengikut kemahiran yang telah mereka perolehi? Sebagai contoh guru-guru yang mengambil kursus tertentu tetapi mengajar mata pelajaran yang kurang tepat dengan kelulusan yang diperolehi? Kalau diizinkan ada sedikit sahaja lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam dewan ini juga kaola mencadangkan kepada pihak kerajaan atau UBD supaya akan

dapat menawarkan semula kursus 4 tahun Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Rendah) demi melahirkan guru-guru yang benar-benar mempunyai asas kemahiran mengajar sebelum ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah.

Wawasan Negara 2035 untuk mencapai pendidikan yang bertaraf berkualiti tinggi, tidak juga akan tercapai jika sekiranya tidak mempunyai guru-guru yang terlatih dalam bidang perguruan dari peringkat kerjaya mereka. Memperuntukkan jumlah besar graduan-graduan UBD khususnya dalam bidang perguruan akan dapat membantu mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan lepasan UBD.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas cadangan-cadangan, pandangan dan juga pertanyaan yang telah dikemukakan.

Ada 5 pertanyaan yang telah dikemukakan:

- 1. Adakah kajian dibuat bagi menentukan jumlah tenaga manusia atau guru yang diperlukan dan

bidang-bidangnya bagi tempoh 20 ke 30 tahun. Sebenarnya *projection* mengenai keperluan guru sentiasa dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk mensejajarkan antara perkembangan pendidikan dan keperluan guru.

Walau bagaimanapun, dalam dewan ini pada tahun lalu saya ada juga menerangkan bahawa kerajaan pada masa ini telah pun melaksanakan kajian mengenai tenaga manusia (*human resource study*) yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) semasa membentangkan anggaran belanjawan ini.

Insyallah kajian ini akan diharap selesai pada tahun ini dan ini akan memberikan kita lagi satu *guidelines*, satu panduan bagi Kementerian Pendidikan dan juga sektor-sektor yang lain untuk menentukan berapakah jumlah tenaga manusia yang diperlukan oleh satu-satu sektor di Negara Brunei Darussalam ini khususnya dalam soalan yang dikemukakan iaitu tenaga guru.

2. Apakah perkembangan guru *relief*? jadi perkara ini pun timbul dalam *Borneo Bulletin* semalam. Sebenarnya guru *relief* dengan perkataan *relief* itu sahaja dapat kita fahami bahawa ialah guru sementara untuk *merelief* atau untuk mengambil alih tugas guru yang bercuti kalau guru perempuan kerana bersalin atau guru yang

mengikuti latihan perkhidmatan dalam negeri ataupun latihan perkhidmatan jangka panjang 3 ke 4 bulan di luar negeri.

Dengan konotasi iaitu guru sementara, mereka itu diambil untuk berkhidmat secara sementara dengan diberikan gaji mengikut kadar ataupun mengikut jumlah hari mereka bertugas. Walau bagaimanapun, guru-guru *relief* ini dibolehkan untuk memohon jawatan-jawatan apabila jawatan-jawatan itu diiklankan sebagai contoh jawatan PG2 atau Guru Tingkat Satu telah pun diiklankan pada tahun lepas dan dalam hubungan ini iaitu guru PG2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan daripada penyelidikan kita 8 daripada 10 pemohon yang berjaya adalah terdiri daripada guru *relief*.

Pada hujung tahun lepas Jabatan Sekolah-Sekolah telah pun mengiklankan sebanyak 28 jawatan PG3 iaitu Pegawai Pendidikan dalam Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja, Sastera, *Combined Science*, Geografi, Pendidikan Jasmani. Saya berharap guru-guru *relief* yang sedang berkhidmat telah pun merespons ataupun memohon kepada jawatan-jawatan yang telah diiklankan. Secara ringkasnya, guru *relief* adalah guru sementara dan mereka mempunyai kelebihan apabila mereka memohon jawatan-jawatan yang diiklankan.

3. Projek menaik taraf sekolah-sekolah luar bandar seperti menyediakan tempat letak kereta, padang dan sebagainya. Projek Menaik Taraf Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan adalah di bawah Projek *BISAI* dan juga di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Oleh sebab itu, kita mempunyai 118 buah sekolah rendah di seluruh negara. Ia akan mengambil giliran sekolah-sekolah tersebut untuk dinaik taraf. Pada masa ini, di samping usaha untuk menaik taraf infrastruktur sekolah, kita juga menaik taraf hal yang berkaitan dengan hal keselamatan iaitu menyediakan tempat-tempat penurunan pelajar di sekolah-sekolah rendah supaya kereta-kereta tidak akan masuk ke dalam kawasan sekolah bagi menjamin keselamatan. Ini juga sedang berjalan.

4. Mengenai kehadiran pelajar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinannya mengenai pentingnya kehadiran para pelajar di sekolah-sekolah. Sebagaimana yang telah Kementerian Pendidikan kongsikan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perjumpaan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan Kementerian Pendidikan, bahawa di Kementerian Pendidikan, satu sistem melalui *internet* iaitu *iNEIS* telah pun dilaksanakan pada 5 Januari 2015 yang lalu.

Sehingga hari ini saya dapat memaklumkan bahawa melalui sistem ini, kita dapat memantau kehadiran pelajar-pelajar di semua sekolah-sekolah kerajaan pada setiap hari. Pada masa ini 95 peratus kehadiran pelajar-pelajar bagi semua sekolah di peringkat rendah dan menengah sehingga bulan Mac ini.

Alhamdulillah, mungkin ini hasil daripada perjumpaan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengongsikan perkara ini dengan para ibu bapa. Apa yang akan dibuat oleh pihak sekolah bagi pelajar yang tidak hadir pun telah dikongsikan semasa sesi tersebut. Apabila tepat pukul 9.00 pagi, tiap-tiap sekolah mengetahui akan jumlah kehadiran pelajar.

Pihak sekolah akan menghubungi para ibu bapa sama ada melalui *mobile phone* ataupun telefon rumah, apa sebab-sebab ketidakhadirannya itu. Ada bermacam-macam alasan, ada yang tidak hadir kerana kurang sihat dan ada sebab-sebab yang lain. Ini akan *di follow up*. Kita akan memastikan tidak ada kehadiran yang berterusan bagi seorang pelajar itu. Kita tidak akan membiarkan seorang pelajar akan berterusan tidak hadir dalam tempoh lebih daripada 3 hari.

5. Mengenai penempatan pegawai-pegawai selepas mengikuti latihan ataupun selepas apabila pelajar mendapat tawaran berkhidmat

di Kementerian Pendidikan. Sekiranya ada perkara ini, kita akan meneliti. Tapi sejauh ini penempatan ini dibuat berasaskan kepada kepakaran ataupun pengkhususan seorang guru itu. Cadangan tawaran bagi Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk melaksanakan kursus pendidikan rendah pada masa ini. Lebih 4 tahun yang lalu, kita telah pun melaksanakan rancangan *Master of Teaching*. Bagi *graduate* yang berminat untuk menjadi guru, mereka akan mengikuti Program *Master of Teaching* selama 1 tahun di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan program yang dulu kita kenali sebagai *Bachelor* atau *Diploma of Education* tidak lagi diadakan.

Alhamdulillah, pada masa ini lebih 80 orang *graduates* telah pun mengikuti *Master of Teaching*. Kenapa kita melaksanakan perkara ini ialah daripada dapatan kita dari negara-negara yang teratas dalam pencapaian pendidikan mereka menentukan bahawa kita mesti mempunyai guru yang berkualiti. Pada menjamin guru yang berkualiti itu kita melaksanakan program ini supaya guru-guru itu pertama sekali mempunyai *content* yang kuat dalam apa jua disiplinnya seperti *Biology*, *Mathematics*, *English* dan mereka mengikuti kursus *Master of Teaching* selama 1 tahun. Maksudnya kelayakan untuk mengikuti kursus ini adalah ditingkatkan. Kalau dulu dalam Kursus *Bachelor of Education* dan

sebagainya itu, pelajar-pelajar yang mempunyai 3 'A' *Level* dan gred 'A' *Level* nya dalam gred D, C, E pun diterima. Kualiti guru yang kita dapati itu adalah kurang daripada yang kita harapkan.

Kita berharap dengan mewujudkan program ini satu hari nanti kualiti guru-guru kita pun akan dapat meningkat. Di samping itu, kita tidak menafikan bahawa keperluan untuk suatu kursus-kursus yang khusus masih lagi dijalankan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam bidang perguruan ini. Ini kita laksanakan melalui mengenal pasti apakah kursus-kursus yang diperlukan. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kalau kita kekurangan dalam bidang *early childhood*, maka kursus itu iaitu kursus untuk mempertingkatkan kemahiran guru-guru itu dalam bidang tersebut akan kita laksanakan sama ada dalam peringkat diploma ataupun yang sebanding dengannya.

Itulah saja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menyebut mengenai perkembangan pendidikan di peringkat sekolah rendah, teknikal dan vokasional. Insya-Allah saya akan menyentuh mengenai sekolah sukan di negara ini yang telah pun mencapai 10 tahun penubuhannya dan telah mempunyai bangunan kekal yang indah dan futuristik.

Sebagaimana yang difahami bahawa penubuhan sekolah sukan ini adalah sebagai salah satu usaha untuk melahirkan atau menyalurkan pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat untuk diketengahkan dan menjadi wakil negara ke peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang sukan dan dalam masa yang sama itu mereka ini juga perlu cemerlang dalam bidang akademik.

Dalam beberapa taklimat dan maklumat yang ada, didapati pencapaian dan perkembangan beberapa institusi pendidikan adalah begitu terserlah seperti pencapaian murid-murid di sekolah rendah, pusat-pusat pengajian teknikal dan vokasional seperti politeknik, sekolah perdagangan, begitu juga pusat-pusat pengajian tinggi yang lain tetapi perkembangan Sekolah Sukan ini baik dari aspek sukan ataupun akademik tidak begitu nampak ataupun ditonjolkan. Apakah ianya berpotensi menyerlah atau sebaliknya? dan begitu juga beberapa penumpuan perbelanjaan kewangan pada tahun ini tidak nampak menjurus kepada perkembangan Sekolah Sukan secara khusus. Soalan

saya sebagai signifikan kepada 10 tahun penubuhan Sekolah Sukan.

1. Apakah pencapaian dan kejayaan dari aspek sukan di peringkat serantau dan antarabangsa dan juga segi aspek akademiknya?;
2. Apakah strategi dan inisiatif Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam kedua-dua aspek tersebut termasuk mungkin menyediakan *KPI* untuk jangka masa 5 tahun akan datang?; dan
3. Bagaimana kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Belia dan Sukan sebagaimana yang berlaku bagi *Academy Maritime Brunei* Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas pengamatan dan juga cadangan yang telah diberikan. Dalam majlis ini pada beberapa tahun dulu kaola juga pernah mengongsikan pencapaian Sekolah Sukan dalam aspek-aspek tertentu.

Pengamatan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin samalah juga pengamatan daripada



Kementerian Pendidikan bahawa pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang meneliti akan pencapaian ataupun prestasi Sekolah Sukan dari segi peranannya dalam melahirkan ahli-ahli sukan dalam bidang-bidang yang telah dikenal pastinya iaitu dalam bidang sukan dan dalam bidang akademik. Ini memerlukan untuk Sekolah Sukan itu menyediakan rancangan pelan strategiknya bagi masa depan bagaimana untuk kita transformasi Sekolah Sukan ini supaya dapat mencapai objektif atau tujuan penubuhannya.

Memang diakui bahawa dari segi akademik mereka ini mengikut peperiksaan *GCE 'O' Level*. Adalah diperhatikan prestasi mereka dalam bidang itu adalah tidak seperti yang diharapkan. Oleh itu, pada peringkat ini Kementerian memikirkan mungkinkah mereka ini dapat mengikuti kursus-kursus yang lain yang bersesuaian dalam tahap kebolehan mereka dalam akademik begitu juga dalam bidang-bidang sukan itu sendiri.

Dengan asas-asas inilah maka sekarang telah pun ditubuhkan satu badan pentadbir sekolah ini yang anggotanya terdiri bukan sahaja dari Kementerian Pendidikan tetapi juga daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Ada juga mereka yang terlibat dalam bidang kesukanan supaya badan ini akan dapat memikirkan usaha-usaha yang strategik bagaimana sekolah ini akan dapat ditransformasi untuk mencapai objektif penubuhannya.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pengamatan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan insya-Allah apabila *board of governors* bagi sekolah ini nanti dapat melaksanakan pelan-pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi sekolah ini ia akan dapat dikongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih.   
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Dalam kejadian (*Page*) terbitan *Borneo Bulletin* pada 27 Disember 2014, bertajuk "*The Flight Science Graduate*" bahawa mereka ini dihantar untuk mengikuti kursus di dalam bidang *Science United Kingdom Top 20 Universities* dan telah tidak mendapat pekerjaan setelah pulang ke Brunei. Berkemungkinan jumlah mereka ini banyak. Mengikut mereka, tidak ada banyak pekerjaan yang ada hubung kait dengan pengajian mereka.

2. Kaola juga mendapat khabar bahawa Kementerian Pendidikan akan mengambil seramai 300 orang guru dari luar untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik melalui sebuah agensi yang merupakan guru-guru Bahasa Inggeris sejak 1980-an. Mengikut maklumat dari Kementerian Pendidikan beberapa waktu yang lalu sebarang kekosongan akan diiklankan. Soalan kaola:

- i. Berapa lama lagi Negara Brunei Darussalam akan bergantung kepada khidmat tenaga dari luar negeri ini dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi perkara ini?;
  - ii. Mengapakah graduan lulusan Sains ini tidak diambil bekerja untuk mengajar mata pelajaran Sains?; dan
  - iii. Adakah dengan mengambil pekerja luar secara ini lebih-lebih mudah dari mendapatkan jawatan-jawatan bagi mengisi kekosongan?.
3. Kaola juga ada mendapat maklumat bahawa ada antara pemegang-pemegang biasiswa yang *dibond* tidak dilepaskan untuk bekerja di jabatan kerajaan yang lain dan juga di juga di sektor swasta dan *Semi Government* sedangkan kementerian tidak menyediakan jawatan kepada mereka. Ini menyebabkan mereka menganggur walaupun ada syarikat-syarikat yang menawarkan jawatan

kepada mereka. Kaola ingin tahu apakah rasionalnya untuk tidak melepas pemegang biasiswa yang *dibond* untuk bekerja dengan jabatan kerajaan yang lain atau pihak swasta sedangkan Kementerian itu sendiri tidak dapat memberi pekerjaan.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

1. Mengenai dengan berapa lama kitani akan bergantung pada perkhidmatan guru-guru luar negeri kerana Yang Berhormat tiada mengetahui dan dalam dewan ini pun dimaklumkan bahawa kita akan mengambil berkhidmat guru-guru dalam literasi dan numerasi.

Pertama, barangkali kaola ingin menerangkan bahawa salah satu daripada kelemahan yang kita dapati dalam pendidikan rendah ialah tahap *numeracy mathematics*. Kita telah berusaha untuk meningkatkan keupayaan guru-guru kita dalam bidang ini, tetapi untuk mencepatkan lagi impak kepada perubahan itu ialah kita akan mendatangkan perkhidmatan guru-guru luar negeri dalam bidang ini, iaitu dengan menyediakan ia kepada 2 kategori:

1. *Master Teacher* ertinya mereka yang akan membimbing guru-guru kitani, bukan sahaja berkhidmat dalam satu sekolah tetapi salah satu daripada tanggungjawabnya ialah melatih guru-guru itu sendiri untuk meningkatkan tahap kebolehannya supaya ia kompeten untuk mengajar selaras dengan *KPI* yang akan kita berikan. Sebab itu, kita berusaha dalam tempoh tiga tahun misalnya, kita akan sudah dapat meningkatkan kapasiti guru-guru numerasi, guru-guru *mathematics* kita. Dengan itu, kitani akan dapat mengambil alih tugas pengajar guru-guru luar negeri itu; dan

Bersabit dengan apa yang telah kaola terangkan tadi dari segi *master of teaching*, kitani akan mengeluarkan guru-guru kitani, alhamdulillah dari dalam bidang perguruan ini di peringkat *master of teaching* ini, kitani sudah melahirkan 300 orang guru yang kita rasa *competent* dari segi *contentnya* dan juga dari segi pepadoginya. Ini akan selari, kerana kalau kita melihat bilangan guru kitani di Brunei ini, dalam kerajaan sahaja hampir 9,000 orang. Jadi ini akan memakan waktu yang lama, kalau kitani akan menggantikan guru-guru yang ada sekarang dan meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan pengajaran mereka.

2. Mengenai pelajar-pelajar yang balik dari luar negeri atau dalam negeri yang diikat janji dengan kerajaan untuk berkhidmat dengan kerajaan. Baiklah saya bercerita dahulu, bahawa apabila pelajar-pelajar ini diawards *scholarship*, dikurniakan *scholarship* untuk ke luar negeri, mengikuti disiplin-disiplin yang tertentu ia adalah mengikut keperluan sektor awam kitani. Kalau mereka itu guru, ia akan diikat janji balik akan menjadi guru kerana hanya keperluan Kementerian Pendidikan.

Tetapi dalam tempoh masa ini, ada juga dalam kalangan pelajar ini apabila balik dengan kelulusan tertentu memohon jawatan dan dalam sektor kerajaan mereka ini tidak berjaya kerana kemungkinan tidak ada jawatan pada masa itu. Apa yang kita laksanakan pada masa ini setelah ada pengesahan bahawa pelajar itu tidak diterima atau tidak berjaya mendapat jawatan dalam kerajaan, mereka akan dilepaskan daripada ikat janji dengan kerajaan. Dan sehingga ini, kalau saya tidak silap pada tahun lepas lebih 50 orang dilepaskan dari ikat janji. Dan pada tahun sehingga bulan ini ada 15 orang sudah dilepaskan daripada ikat janji.

3. Anggapan bahawa pelajar yang diikat janji tidak dilepaskan daripada ikat janji, itu barangkali kurang tepat. Saya tidak membawa data tahun-tahun yang lalu. Tapi hakikatnya bahawa mereka tidak

dapat jawatan dalam kerajaan, mereka akan diberikan lantikan daripada ikat janji berkhidmat dengan kerajaan, dengan syarat mereka itu bekerja di dalam negara ini, syarikat-syarikat yang ada di dalam negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ada 3 soalan:

1. Literasi dan numerasi menjadi salah satu agenda utama Kementerian Pendidikan, apatah lagi negara ini akan ikut serta dalam *PISA* pada tahun 2018. Banyak negara berlumba-lumba untuk menaikkan *standard* taraf literasi dan numerasi di negara masing-masing;

Soalannya, apakah *standard* literasi dan numerasi negara kita pada masa ini? Terutama sekali bagi pelajar-pelajar tahun 6 atau adakah sudah satu *standard* bagi literasi dan numerasi bagi negara ini. Bagi pendapat saya, *standard* ini penting supaya kita dapat mengukur setakat mana kebolehan anak-anak kita, jika anak-anak kita belum mencapai *standard* mereka, perlulah

dibagikan intervensi awal. Adakah kita mempunyai program *intervency* yang sistematik?;

2. Mengenai guru-guru di *private tuition*, bayaran yuran yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan bagi guru *tuition* yang *full time*, diwajibkan adalah \$100.00 setahun. Bagi guru *part time* adalah \$50.00 untuk 6 bulan. Setelah mansuh diperbaharui lagi dan dibayar lagi. Ini adalah bagi guru-guru *tuition*. Bagi anak-anak tempatan yang baru menjalankan bisnes ini, tentulah merasa ada bebanan bahkan sesetengahnya tidak ada untung. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada anak-anak tempatan yang berijazah. Patut ada kelonggaran bagi *private tuition* yang berlesen yang dijalankan oleh anak-anak tempatan; dan
3. Kesesuaian kursus-kursus di institusi-institusi pengajian tinggi dengan *market demand* di negara ini, banyak jawatan profesional dan *blue collar* di firma-firma swasta diisikan oleh orang-orang asing. Satu penyelidikan perlu dibuat untuk *matching* kursus-kursus yang diajarkan dengan keperluan pihak swasta. Kalau pihak kerajaan dengan jayanya boleh melatih anak-anak tempatan untuk mengisikan jawatan-jawatan terpenting dalam kerajaan, maka *manpower planning* untuk bahagian swasta juga perlu diadakan.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Pertama itu adalah mengenai dengan literasi dan numerasi sama ada kita mempunyai ukuran di Negara Brunei Darussalam ini.

Sebenarnya dalam tahun 2010 Masihi, kita telah menggunakan konsultan daripada Australia iaitu *ACER* untuk mengenal pasti membuat pengukuran mengenai dengan tahap literasi dan numerasi di sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Berasaskan kepada hasil dapatan kajian tersebut bahawa tahap literasi dan numerasi di tahun 7 dan 8 pelajar-pelajar kitani adalah rendah, maka Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada literasi dan numerasi ini.

Jadi bila kitani nanti melaksanakan program literasi dan numerasi, kita akan berusaha untuk mengukur sekali lagi di mana tahap pencapaian pelajar-pelajar tersebut. Ini penting kerana dalam taklimat kaola semalam bahawa Kementerian Pendidikan akan memasuki PISA dalam tahun 2018.

Mengenai dengan bayaran guru-guru *tuition* cadangan-cadangan Yang Berhormat untuk memberi kelonggaran kepada guru-guru *tuition* mengenainya akan diteliti.

Mengenai kesesuaian di *IPT* antara *demand* dan *supply* perkara ini pun telah kaola sentuh tadi. Keprihatinan Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini adalah sangat dihargai dan kerana itulah kita berharap bahawa hasil daripada *manpower survey* ataupun kaji selidik mengenai tenaga manusia Negara Brunei Darussalam akan dapat membantu kita khususnya di sektor swasta untuk mengenal pasti akan bilangan keperluan dan juga *projection* unjuran tenaga manusia yang diperlukan oleh sektor-sektor berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kementerian Pendidikan di atas mukadimahnya semalam berhubung dengan rancangan ataupun usaha Menteri Pendidikan yang begitu padat dengan Wawasan dan hala tuju pendidikan negara 2035.

Salah satu yang telah terlaksana yang mana terdapat di sekolah menengah kenaikan penuntut (*express*) daripada Tahun 8 yang memperolehi keputusan yang cemerlang akan terus dinaikkan ke Tahun 10, penuntut ini akan berada di sekolah menengah selama 6 tahun

berbanding dengan penuntut yang biasa selama 7 tahun.

Soalan kaola:

1. Adakah semua sekolah-sekolah menengah yang membuat perkara sedemikian ataupun hanya dihadkan?;
2. Bagaimanakah pencapaian keputusan peperiksaan di peringkat 'O' Level bagi pelajar-pelajar yang *express* ini; dan
3. Kaola selaku wakil kawasan Zon 2 mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan atas terbinanya Sekolah Rendah di kawasan Kampong Sungai Kebun yang hampir siap dan mungkin siap. Kaola wakil dari penduduk kampung ingin tahu bilakah sekolah itu akan digunakan?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim di atas soalan dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Mengenai pelajar sekolah menengah, sememangnya ada 2 saluran yang mereka ikuti. Satu ialah *general program* dalam mana pelajar-pelajar dari Tahun 7 boleh mengikut pengajian selama 5 tahun menduduki peperiksaan 'O' Level dan sebahagiannya yang

setelah dikenal pasti dalam penilaian di Tahun 8 apabila mereka mencapai tahap kecemerlangan, mereka ini boleh mengikuti pengajian menengah mereka selama 4 tahun yang digelar sebagai *express*.

Pemilihan pelajar-pelajar melalui aliran *express* ini dibuat di sekolah sendiri berdasarkan penilaian sekolah. Tentunya pihak sekolah telah pun meneliti akan prestasi pelajar-pelajar berkenaan sejak mereka berada di Tahun 7 lagi. Alhamdulillah, bagi mereka yang telah mengikut aliran *express* ini, pencapaian mereka dalam peperiksaan *GCE 'O' Level* selama tempoh ia dilaksanakan adalah sangat menggembirakan lebih daripada 90 peratus daripada mereka lulus dengan mendapat 5 'O' level ke atas. Jadi itu menunjukkan mereka itu cemerlang dan mampu menamatkan pengajian mereka dalam tempoh yang singkat.

Walau bagaimanapun, untuk makluman kitani di sini juga, bahawa sekiranya ada kebimbangan para ibu bapa selepas pelajar dipilih untuk mengikuti aliran *express* dan mereka berhasrat bahawa pelajar itu akan mengikuti aliran biasa menamatkan 5 tahun mereka dibolehkan, tidak ada masalah di sana.

Mengenai sekolah Rendah Sungai Kebun, alhamdulillah, Sekolah Rendah Sungai Kebun dari segi bangunannya telah pun siap. Pada masa ini Kementerian Pendidikan masih lagi menunggu pembekalan perabot sekolah bagi sekolah ini dapat beroperasi.

Sekiranya nanti ada pembekalan peralatan perabot sekolah ini akan dapat digunakan bagi menempatkan pelajar-pelajar di Kampong Ayer.

Dalam hubungan ini, kaola ingin memaklumkan bahawa setakat ini Kementerian Pendidikan telah pun membuat keputusan supaya hanya Sekolah Rendah Sungai Kebun dan Sekolah Rendah Dato Ahmad yang kedua-dua sekolah ini mempunyai pelajar seramai 309 orang akan berpindah ke sekolah ini. Sementara sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Sekolah Rendah Saba Darat, Sekolah Rendah Sungai Siamas dan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar akan masih kekal di sekolah mereka masing-masing dan penilaian akan dibuat lagi setelah pelaksanaan pemindahan ini berjalan. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa soalan-soalan daripada Ahli yang dilantik dan soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyuarakan pertanyaan. Maka dengan itu saya mencadangkan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita akan menyambung semula Majlis Mesyuarat Negara ini pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016, di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis Jawatankuasa sepenuhnya bersidang semula bagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang yang berkenaan. Sebelum mesyuarat kita tangguhkan tadi, seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Telah Dilantik mengemukakan beberapa persoalan dan kenyataan terhadap Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dan soalan-soalan atau perkara-perkara yang ditimbulkan telah pun dibincangkan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Seperti yang telah saya nyatakan, saya masih mempunyai 8 orang Ahli yang akan turut serta dalam tajuk ini.

Maka sekarang saya mulakan perbincangan kita ini dengan

menjemput Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. kaola akan membawa 4 perkara dalam Tajuk SF – Kementerian Pendidikan.

1. Apa yang kaola maklumi, bahawa sekolah-sekolah di Daerah Temburong sama ada sekolah-sekolah rendah dan menengah mengalami kekurangan guru. Perkara ini adalah berpunca tidak ramai guru dari Bandar Seri Begawan yang mahu bertugas di daerah ini. Terutama sekali kekurangan guru bagi menggantikan guru yang cuti bersalin, guru yang melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola pernah membangkitkan di dalam Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini iaitu mencadangkan supaya guru-guru dari Bandar Seri Begawan yang bertugas di Daerah Temburong diberikan elaun khas supaya mereka mahu dan dapat bertahan sekurang-kurangnya 3 tahun bertugas di daerah ini bagi menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong.



Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin mencadangkan kursus perguruan dibukakan semula bagi mengatasi kekurangan guru.

2. Pada masa ini, guru-guru dari luar daerah yang ditugaskan di daerah ini ditempatkan di flat guru dan rumah guru. Apa yang kaola telah dimaklumkan bahawa keadaan flat dan rumah guru yang disediakan kurang kelengkapan. Permasalahan ini, mungkin juga merupakan salah satu faktor kenapa guru-guru dari luar daerah kurang berminat untuk bertugas di daerah ini. Oleh itu, dicadangkan supaya diadakan pembaikan segera jika ada kerosakan dari semasa ke semasa bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan penghuni flat dan rumah guru.
3. Apa yang menarik perhatian kaola, perkara yang pernah juga kaola usulkan dan cadangkan di dewan ini. Kaola ingin bertanya apakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina bangunan Jabatan Pendidikan di Daerah Temburong yang boleh menempatkan bahagian-bahagian dan unit-unit di bawah Kementerian Pendidikan dalam satu bumbung?

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi bahawa pada masa ini bahagian bangunan dan unit-unit di bawah Kementerian Pendidikan di Daerah Temburong telah pun ditempatkan di bangunan lama bekas Sekolah Rendah Sultan

Hassan Bangar, Daerah Temburong yang dibina di tahun 1956 dan sebahagiannya lagi ditempatkan di Bangunan Lama Asrama Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong.

Dengan adanya bangunan baharu ini, ia akan memudahkan orang ramai untuk membuat urusan dengan pihak Kementerian Pendidikan dan juga sekali gus sebagai mercu tanda atau imej kemajuan pendidikan di daerah ini, kerana Jabatan Sekolah-Sekolah di Daerah Temburong kadangkala menjadi persinggahan pakar-pakar akademik dari luar negara.

Kaola ingin bertanya, mengenai perkembangan perancangan pembinaan bangunan baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong. Bilakah pembinaan bangunan baharu ini akan dapat dimulakan?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang telah pun mengemukakan 4 perkara di bawah Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

1. Masalah kekurangan guru, adalah diakui bahawa ada sekolah-sekolah di Daerah Temburong yang mengalami kekurangan guru disebabkan oleh sebab-sebab yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat dan perkara ini akan diambil perhatian.

Cadangan untuk memberikan elaun khas kepada guru di Daerah Temburong akan diteliti, kerana pada masa ini elaun khas ini hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah yang dikategorikan sebagai kawasan ulu di Melilas dan Sukang.

2. Mengenai kedudukan perumahan guru, flat-flat guru yang memerlukan pembaikan, perkara ini juga akan diambil perhatian dan kaola ingin memaklumkan bahawa Jabatan Pentadbiran di Kementerian Pendidikan dan Jabatan Estet sentiasa melakukan pembaikan kepada aset-aset Kementerian Pendidikan.
3. Mengenai cadangan Jabatan Pendidikan Temburong, untuk menaikkan imej Daerah Temburong, perkara ini juga akan diteliti.
4. Mengenai rancangan pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan, ia termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara. Walau bagaimanapun, anggaran belanjawannya akan kita bincangkan selepas selesai tajuk-tajuk ini.

Walaupun bagaimanapun, kaola akan memberikan maklumat awal mengenai perkara ini. Bahawa diakui terdapat kelewatan dari segi pelaksanaan sekolah ini disebabkan tapak tanah pada masa ini. Alhamdulillah, sekarang tapak bagi pembinaan sekolah ini akan dibina di kawasan sebelah utara sekolah ini yang berkeluasan seluas 6.24 hektar.

Untuk makluman bersama, bahawa proses yang berjalan pada masa ini ialah proses reka bentuk yang telah pun selesai pada hujung tahun lepas. Ia telah pun diteliti oleh pihak berkenaan dan dengan adanya konsep *design* ini, pelan pelaksanaannya akan dapat dilakukan. Insya-Allah tawaran bagi pembinaan sekolah ini akan dibuat dalam sekitar bulan Mei atau Jun tahun ini. Selepas 9 bulan ia dikira akan dapat dilaksanakan. Adalah diharapkan bahawa sekolah ini akan dapat beroperasi pada awal tahun 2018. Sekian saja yang dapat kaola maklumkan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 perkara untuk disoalkan:

1. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih atas makluman Yang Berhormat Menteri Pendidikan di sebelah pagi tadi

bahawa Sekolah Menengah Lumut yang ada sekarang ini akan diubah menjadi sebuah sekolah teknikal. Kaola ingin bertanya, berapa ramaiakah penuntut yang akan mengikuti kursus di sekolah tersebut dan bilakah kiranya akan dimulai?

2. Tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2015/2016, iaitu Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif, kaola sangat menyokong kerana ia bertepatan dengan usaha-usaha kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan untuk melahirkan warganegara yang berwawasan.

Baru-baru ini beberapa mahasiswa dan mahasiswi dari UBD membuat satu pertemuan dengan pemimpin-pemimpin akar umbi bagi tujuan memberi kefahaman mengenai kajian pembelajaran awal kanak-kanak di bawah umur 5 tahun. Pada pandangan kaola, pelaburan dalam pendidikan awal ini memang banyak baiknya, memandangkan perkembangan kanak-kanak zaman sekarang cepat berkembang seperti pepatah kita orang Melayu "Melentur buluh biarlah dari rebungnya".

Mudah-mudahan usaha yang sungguh murni ini akan menjadi kenyataan, pertanyaan kaola, berapa lamakah kajian yang sekarang dibuat oleh konsultan itu akan dapat disiapkan dan bila kira-kiranya program ini dapat dilaksanakan?

Selain mencontohi apa yang dibuat oleh negara luar, kita jangan lupa juga untuk menyerapkan pengajaran dan pembelajaran asas yang mudah difahami oleh kanak-kanak iaitu falsafah Melayu Islam Beraja, Negara Zikir dan sosiobudaya kitani orang Brunei kepada kanak-kanak itu nanti. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Sebenarnya, Sekolah Menengah Lumut akan digunakan sebagai sebahagian daripada Politeknik Brunei iaitu Sekolah Sains dan Kejuruteraan. Ia akan beroperasi dalam masa yang terdekat. Pihak Politeknik Brunei sudah pun mula berpindah ke bangunan sekolah tersebut.

Kenapa Sekolah Sains dan Kejuruteraan? Kerana antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam Sains dan Kejuruteraan adalah berkaitan dengan industri minyak dan gas seperti *well engineering*. Pada peringkat ini, seramai 998 orang pelajar akan mengikuti kursus di premis yang baharu ini.

Mengenai pendidikan awal kanak-kanak. Perkara ini telah pun kaola jelaskan pagi tadi. Walau bagaimanapun, bila laporan konsultan ini siap, sebenarnya sudah siap dan sekarang diteliti oleh pihak Kementerian Pendidikan. Bila akan dilaksanakan?

Sebagaimana, kaola terangkan pagi tadi bahawa pendidikan awal kanak-kanak ini sebahagian besarnya dikendalikan oleh sektor swasta. Dalam sektor kerajaan, kita hanya memulakan dan telah pun memulakan bagi menawarkannya kepada pelajar-pelajar dan kanak-kanak berumur 5 tahun. Sebagaimana yang kaola terangkan bahawa kita akan meningkatkan prasarana pembinaan sekolah-sekolah rendah baharu dibuat, ia akan dilengkapi dengan prasarana pendidikan awal kanak-kanak.

Jadi, sekiranya kerajaan akan melaksanakan pendidikan awal ini secara menyeluruh, ia akan melibatkan kos, bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga kos operasi dan sebagainya. Perkara ini perlu dinilai.

Walau bagaimanapun, pada masa ini oleh sebab pihak swasta sebahagian besarnya melaksanakan program ini, adalah lebih baik untuk ia terus berjalan seperti yang ada pada masa ini. Apa jua dapatan-dapatan yang diperolehi daripada laporan konsultan ini akan kita kongsi dengan sektor swasta bagi memastikan ia memenuhi kualiti yang diperlukan.

Dalam hubungan ini, kaola juga berterima kasih atas pandangan Yang Berhormat bahawa dari peringkat awal ini asas-asas, nilai-nilai falsafah Melayu Islam Beraja, sosiobudaya, Negara Zikir semuanya ini termasuk dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Jadi, bersama-samalah kitani memantau dan memastikan perkara ini berjalan di

institusi-institusi pendidikan kitani. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Berdasarkan peruntukan berjumlah \$64.4 juta dalam Belanjawan Negara 2015/2016 iaitu bagi kemudahan prasarana dan peralatan sekolah dan pengajian tinggi dan vokasional, dan menerusi Dana Sumber Tenaga Manusia berjumlah \$30 juta maka kaola sentuh beberapa isu iaitu:

1. Mengenai buku teks. Setiap awal tahun ibu bapa atau penjaga sibuk ke kedai-kedai buku untuk mendapatkan buku-buku yang disenaraikan. Bagi yang bernasib baik dan mampu, akan mendapatkan semua buku berkenaan. Yang malangnya adalah ibu bapa atau penjaga yang kurang mampu terpaksa mendapatkan secara salinan (*photocopy*) dari pihak sekolah dan terpaksa juga membayar. Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu:
  - i. Adakah buku-buku teks ini masih diberikan secara percuma terutama kepada murid-murid yang ibu bapa dan penjaganya kurang mampu?; dan

- ii. Apakah perancangan Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks ini?
2. Mengenai guru-guru yang keluar mengikuti aktiviti-aktiviti. Guru-guru pastinya menghadapi tekanan atau *stress* apabila terpaksa hadir dalam berbagai-bagai aktiviti seperti menghadiri bengkel, seminar, mesyuarat dan berbagai-bagai acara yang menyebabkan mereka tidak ada masa rehat untuk memikirkan atau merancang langkah-langkah meningkatkan teknik pengajaran, tidak mencukupi masa untuk membantu murid-murid yang lemah, tidak banyak masa untuk menyemak buku-buku kerja dan tidak ada cukup masa untuk menyelesaikan masalah *truant* anak murid semata-mata persiapan diri guru untuk mencapai hasrat mengejar matlamat 90 peratus ke atas untuk lulus peperiksaan PSR pada tahun 2017. Semua guru-guru menyokong penuh hasrat ini demi pembangunan modal insan dan kemajuan negara.
- Soalan kaola, apakah suatu cara atau tindakan yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan permasalahan demi kesejahteraan dan kebajikan guru-guru ini? Diketahui bahawa dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan, antaranya mempertingkatkan pengurusan dan pentadbiran. Jadi, ini bermakna penyelesaian perlu difikir oleh pihak berkenaan seperti pentadbir sekolah, pengetua dan guru besar bagi menyesuaikan waktu atau jadual guru-guru ini menghadiri aktiviti berkenaan dengan cara seimbang dan bersesuaian.
3. Seterusnya ialah mengenai pelajar yang tidak diterima masuk ke mana-mana institusi pengajian. Apakah perancangan Kementerian Pendidikan dan ke manakah arah tuju mereka ini terhadap pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan 5 'O' Level dan ke bawah 2 'O' Level yang tidak dapat memasuki mana-mana pengajian tinggi, ke sekolah teknikal, vokasional atau Kejuruteraan disebabkan syarat kemasukan yang ketat.
- Jadi soalnya, kaola ingin tahu apakah perancangan untuk melonggarkan syarat kemasukan ke sekolah-sekolah teknikal, vokasional dan kejuruteraan bagi pengajian dalam negeri sahaja? Adakah syaratnya itu dilonggarkan untuk mengelakkan pengangguran dan menimbulkan gejala sosial?
4. Soalan seterusnya, adakah perancangan untuk mengajar ilmu kemahiran hidup bermula dari peringkat sekolah rendah?
5. Kementerian Pendidikan telah menetapkan sasaran yang tinggi sekurang-kurangnya pencapaian lulus Gred 'A' hingga 'C', mendapat 90 peratus Penilaian Sekolah Rendah pada tahun 2017. Bagi mendukung hasrat ini, penguatkuasaan Akta

Pendidikan Wajib telah dilaksanakan dan seterusnya beberapa agenda telah digerakkan. Antaranya, *Key Performance Indicator (KPI)* atau Petunjuk Prestasi Utama bagi kehadiran pelajar diwujudkan di sekolah-sekolah rendah dengan sasaran sekurang-kurangnya 95 peratus kehadiran.

Soalan kaola, semenjak penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib diperkenalkan, berapakah perangkaan statistik ibu bapa atau penjaga yang telah sabit kesalahan dan diambil tindakan?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang telah mengemukakan empat pertanyaan.

1. Mengenai buku-buku teks, dinyatakan bahawa ada ibu bapa yang terpaksa menggambar (*photocopy*) buku-buku teks ini. Sebenarnya, perkara kekurangan buku-buku teks telah timbul beberapa tahun lalu dan Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah ke hadapan iaitu:

i. Untuk mengadakan perjumpaan dengan pembekal-pembekal buku-buku teks bagi memastikan

bahawa pembekalan buku-buku teks mestilah mencukupi sebelum akhir tahun bagi tahun yang berikutnya;

ii. Kementerian Pendidikan sendiri iaitu Jabatan Perkembangan Kurikulum telah menubuhkan kedai buku teksnya. Jadi, kalau ibu bapa itu tidak dapat membeli di kedai, buku-buku teks sedemikian boleh diperolehi daripada kedai di Jabatan Kurikulum; dan

iii. Kita juga menggalakkan pemakaian buku-buku teks lama (*second hands text books*). Dalam satu penjualan buku teks yang diadakan pada tahun lepas, buku-buku teks sebegini juga laris. Bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membeli buku teks, di Kementerian Pendidikan sejak lebih tiga tahun yang lalu telah pun diadakan peruntukan untuk membantu keluarga yang tidak berkemampuan melalui skim Miftah An-Najah.

Bilangan mereka yang mendaftarkan diri dalam Skim Miftah An-Najah ini untuk mendapatkan bantuan-bantuan peralatan sekolah, termasuklah pakaian sekolah dan sebagainya adalah sangat ramai. Dan melalui Skim Miftah An-Najah ini, mereka yang kurang berkemampuan boleh mendapatkan bantuan

berkenaan. Jadi, saya rasa usaha-usaha sebegini akan dapat mengelakkan masalah untuk mendapatkan buku-buku teks yang diperlukan.

2. Mengenai guru-guru yang mengikuti aktiviti-aktiviti sehingga menimbulkan *stress* kepada guru-guru berkenaan. Perkara ini telah ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin yang telah pun kaola jawab pagi tadi bahawa satu kajian bebanan guru-guru akan dibuat dan insya-Allah akan selesai pada tahun ini. Akan tetapi perlulah juga barangkali dibetulkan bahawa bebanan-bebanan serupa ini seharusnya tidak akan mengakibatkan guru-guru kitani itu menjejaskan tanggungjawab asasnya mengajar iaitu pembelajaran dan pengajaran.

Dari lawatan-lawatan kaola ke sekolah-sekolah, didapati bahawa sekolah-sekolah mengadakan intervensi pendidikan ini di luar waktu sekolah, maknanya sebelum lagi 7.30 pagi antara 7.00 pagi hingga 7.30 pagi, semasa waktu rehat, semasa waktu lepas sekolah, sebelum mereka mengikuti pengajian agama dan juga pada hujung minggu.

Saya kira kenyataan yang menyatakan mereka ini terlalu *stress* menghadiri bengkel, seminar dan sebagainya perlulah diteliti tetapi sebenarnya bengkel dan seminar

ini semua akan memperkaya, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru yang berkenaan. Kemahiran kursus-kursus seumpama ini diperlukan oleh guru-guru itu di dalam mereka melangkah *career development* mereka melalui SPG yang ada pada masa ini.

3. Pelajar-pelajar yang tidak diterima masuk ke institusi-institusi yang berkelulusan 5 '*O' Level*' atau 2 '*O' Level*'. Sebenarnya kaola menerangkan mengenai dengan hala tuju Pendidikan Teknik dan Vokasional yang telah pun dilaksanakan pada tahun 2013. Ia memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan '*O' Level*' untuk memasuki Institusi Pendidikan Teknikal dengan mengambil *Programme High National Certificate*.

Bagi mereka yang tidak mempunyai '*O' Level*', kosong '*O' Level*' dan hanya mencapai pendidikan setakat tahun 11, mereka ini telah pun boleh memasuki institusi pendidikan teknikal di bawah program "*Industrial Skill Qualification (ISQ)*" dan perkara ini telah pun diterangkan sebelum ini. Bahawa melalui *Programme ISQ* ini keramaian pelajar-pelajar yang telah pun lulus daripada program ini telah pun diikat dan diberikan *guaranteed jobs* oleh industri yang mengambil mereka, telah pun kita ketahui.

Perkara ini juga berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid pagi tadi bahawa kita perlulah bekerjasama untuk meyakinkan para ibu bapa bahawa ada kursus yang telah disediakan untuk mereka yang hanya sampai ke tahun 11 tanpa memperolehi sebarang 'O' Level/ untuk dapat lagi meningkatkan kemahiran mereka. Ini adalah satu daripada kaedah ataupun cara kita akan dapat mengurangkan pengangguran di negara ini.

4. Sasaran *A to C* 90 peratus dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2017. Akta Pendidikan Wajib sebagaimana yang kaola terangkan pagi tadi, selepas pelaksanaan sistem untuk mengesan kehadiran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sejak 5 Januari tahun ini dan sehingga pada hari ini, alhamdulillah dengan kesedaran para ibu bapa dan juga penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan semua pemimpin-pemimpin masyarakat bahawa kehadiran ini telah pun mencapai 95 peratus pada masa ini.

Berapa orang yang telah diambil tindakan undang-undang. Belum ada orang yang diambil tindakan undang-undang kecuali nanti kalau ia merupakan kehadiran yang serius. Ini kaedah atau tatacara kita. Kita akan membuat kaunseling dengan para ibu bapa meyakinkan mereka. Oleh itu, kalau kaola

dibolehkan untuk memanjangkan sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Dalam projek pemangkin 46 hari, bila kita mengetahui adanya pelajar-pelajar yang kehadirannya ke sekolah ini kurang daripada apa yang diperlukan, mereka itu telah kita pindahkan dengan persetujuan para ibu bapa untuk tinggal di asrama bagi memastikan bahawa kehadiran ke sekolah mereka adalah menepati kehendak kitani. Jadi, itu adalah satu daripada tatacara kitani mengatasi perkara ini.

Sekian sahaja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang kita menjemput Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam Wawasan Negara 2035, negara berhasrat mempunyai rakyat yang berkemahiran tinggi dan berjaya. Melalui persidangan ini disarankan supaya mengutamakan pendidikan praktikal dalam bidang teknikal dan vokasional bagi memperolehi kemahiran di samping bidang akademik.

Kaola ingin tahu, adakah persediaan yang ada sekarang mampu untuk



melatih penuntut-penuntut yang bilangan mereka semakin ramai dan bertambah setiap tahun bagi tujuan melahirkan rakyat yang benar-benar memiliki kemahiran dalam bidang-bidang tertentu untuk keperluan negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai seorang Islam, kaola hanya dapat mengatakan insya-Allah. Kita akan dapat melahirkan bilangan orang yang diperlukan bagi memenuhi keperluan negara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam kesempatan ini kaola ingin menimbulkan mengenai dengan pembinaan Sekolah Sains ataupun Maktab Sains di Kuala Belait yang telah tergendala pembinaannya disebabkan masalah yang berlaku pada tahun lepas. Kaola ingin mengetahui bilakah dapat diteruskan pembinaannya?

Adalah difahamkan juga bahawa apabila siap nanti, kapasiti sekolah tersebut boleh menampung sekitar 1000 orang pelajar ataupun lebih. Dalam penemuan kaola, keramaian pelajar yang masuk ke sekolah bahagian sains ini hanyalah sekadar 40 ke 50 orang setahun. Kalau diperhati secara kasar sudah tentu agak membazir.

Walau bagaimanapun mungkin ini ada inisiatif lain yang akan diguna pakai di sekolah tersebut. Jika ada, alhamdulillah.

Kaola juga ingin tahu bolehkah sekiranya sekolah tersebut diguna pakai atau dijadikan sebahagian daripada Pusat Tingkatan Enam bagi menempatkan penuntut-penuntut yang pada masa ini ditempatkan di Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Kaola rasa dengan pencantuman Pusat Tingkatan Enam dengan Maktab Sains itu nanti sekurang-kurangnya dapat menjimatkan kewangan termasuklah juga tenaga pengajar dapat diguna sama. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

1. Mengenai pembinaan Maktab Sains, Kuala Belait, sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa satu kejadian telah berlaku pada bulan Oktober lepas dan berikutan dengan itu atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan *Board of Inquiry* untuk menyiasat akan kejadian berkenaan pada 28 Oktober 2014. Alhamdulillah pihak Kementerian Pendidikan telah menerima laporan serta cadangan dan tindakan-tindakan yang perlu

diambil iaitu tindakan serta-merta dan tindakan jangka sederhana.

Apa yang terjadi bahawa berikutan dengan kejadian itu, Jabatan Buruh telah mengeluarkan arahan untuk pemberhentian kerja. Bagi tujuan ini Kementerian Pendidikan sekarang telah pun meminta semua konsultan dan kontraktor untuk memberikan jaminan kualiti dan keselamatan iaitu *quality and safety assurances* secara bertulis bagi memastikan bahawa kerja-kerja di tapak pembinaan ini akan dapat berjalan apabila pihak berkenaan menilai yang ia telah memenuhi keperluan-keperluan.

Bagi tujuan ini juga kita telah memaklumkan kepada pihak konsultan dan kontraktor bahawa Jabatan Buruh menghendaki mereka ini membuktikan serta memberikan jaminan keselamatan sebelum projek ini dapat diteruskan. Insya-Allah projek ini akan mula disambung apabila konsultan dan kontraktor-kontraktor dapat memenuhi keperluan-keperluan yang telah dimaklumkan kepada mereka.

2. Mengenai bangunan Maktab Sains ini, memang betul bahawa keramaian pelajar-pelajar dari sekitar Daerah Belait masih kecil, kerana itu Kementerian Pendidikan mengoptimumkan kemudahan ini supaya dapat digunakan untuk menampung keramaian pelajar dari daerah lain yang berdekatan.

3. Kementerian Pendidikan sedang meneliti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi bagi menempatkan pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam yang sedang mengikuti pengajian mereka di Sekolah Menengah Sayyidina Ali. Itulah saja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Dijemput sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif-inisiatif strategik bagi memantapkan lagi pendidikan negara dan meningkatkan kapasiti keupayaan pelajar sebagai generasi penerus pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Ucapan dan saranan daripada rakan Ahli Yang Berhormat di sebelah sini tadi mengenai peranan guru. Maka, kaola menguatkan lagi hujah saya mengenai perkara ini. Guru merupakan faktor terpenting dalam pendidikan. Peranan guru bukan sahaja sebagai tenaga

pengajar tetapi mereka juga pembimbing, pemandu, penasihat dan pembantu kepada perkembangan ilmu para pelajar.

Seorang konsultan daripada *Independence School Inspectorate dari United Kingdom* mengatakan banyak masa digunakan oleh guru-guru membuat kerja-kerja pentadbiran yang boleh memberikan kesan negatif kepada kualiti pelajaran mereka. Mereka dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran di sekolah-sekolah dan tugas-tugas di luar bilik darjah.

Kesimpulan daripada pemerhatian konsultan tersebut mengatakan kesan daripada bebanan tugas pentadbiran yang berlebihan kepada guru-guru yang mengajar bukan sahaja akan mengurangkan produktiviti guru-guru tersebut bahkan yang paling malang sekali ialah kesannya kepada pelajar-pelajar.

Kaola ingin mengusulkan tugas dan kerja pentadbiran hendaklah diberikan kepada pencari-pencari kerja yang masih ramai di negara ini atau misalannya ditawarkan kepada graduan-graduan yang mempunyai Ijazah dalam *Public Policy Management*. Sebilangan mereka masih mencari pekerjaan. Mereka ini berkebolehan menguruskan pelaksanaan tugas-tugas pentadbiran sekolah, membantu guru-guru besar dan tugas-tugas yang bersesuaian.

Satu perkara lagi yang ingin kaola bangkitkan ialah mengenai kesejahteraan dan kebajikan guru-guru.

Pihak-pihak tertentu yang berkenaan seperti Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) sepatutnya mengambil peranan yang aktif, 'mengelinga' (memeduli) kebajikan dan kesejahteraan guru-guru demi menjaga nama baik profesion perguruan.

Perkara ketiga ingin kaola tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Kampus Kekal Politeknik Brunei. Adakah perancangan sudah dibuat mengenai pembinaan Kampus Kekal Politeknik Brunei dalam jangka waktu terdekat, memandangkan kepentingannya dalam memberikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas pandangan dan pertanyaan sebentar tadi mengenai peranan guru. Tidak ada barangkali kitani yang dalam dewan ini bercanggah pandangan dengan Yang Berhormat akan pentingnya peranan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid.

Walau bagaimanapun, mengenai keperluan untuk Kementerian Pendidikan mengambil berkhidmat pegawai-pegawai *graduate* untuk menjalankan tugas pentadbiran, sebenarnya menjadi tugas kepada

pemimpin sekolah untuk melaksanakan pentadbiran sekolah mereka.

Pada lazimnya dibahagikan dalam struktur organisasi sekolah, mereka mempunyai pemimpin sekolah iaitu Pengetua yang dibantu oleh Timbalan Pengetua dan juga Penolong Pengetua masing-masing dengan tugas-tugas tertentu seperti akademik dan juga pentadbiran.

Kita berusaha dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada masa ini, beberapa perkara yang melibatkan pengurusan pentadbiran ini diharap dapat diringankan. Salah satu daripadanya yang banyak kita bincangkan pagi tadi dan tengah hari ini mengenai kedatangan murid-murid ke sekolah. Sebelum ini tiap-tiap sekolah akan membuat satu daftar kehadiran murid dan daftar harian ini dikumpul sehingga habis satu bulan dan daftar itu akan dihadapkan ke Kementerian Pendidikan.

Dengan adanya teknologi *ICT* yang kita gunakan pada masa ini, perkara ini sudah dibuat dalam waktu yang singkat sahaja. Bebanan dari segi aspek ini yang dapat diringankan. Kita berharap beberapa aspek lain akan dapat dibuat. Umpamanya dari segi kebersihan sekolah, 5 buah sekolah menengah telah pun melaksanakan pembersihannya oleh pihak swasta, iaitu penswastaan pembersihan sekolah. Jadi, ini juga akan mengurangkan bebanan Guru Besar atau Pengetua dari segi *mensupervise* kakitangan yang diambil berkhidmat untuk membuat

pembersihan-pembersihan sekolah. Jadi, itu beberapa contoh. Kita insya-Allah akan berusaha bagaimana cara kita akan dapat mengurangkan apa yang disebut bebanan pentadbiran tadi.

Perkara kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat barangkali adalah pandangan sahaja bagi Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei mengambil peranan untuk kesejahteraan dan kebajikan guru-guru.

Perkara ketiga, mengenai Kampus Politeknik Brunei. Proses tapak bagi kampus kekal Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknik Brunei akan ditempatkan di Ikas Bandung, Daerah Tutong yang pada masa ini dalam proses perundingan dengan Kementerian Pembangunan. Keputusan untuk menempatkan kedua-kedua institusi ini iaitu Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Brunei di satu kawasan adalah bagi memastikan supaya kita dapat mengoptimumkan juga *resources* kedua-dua institusi ini dan ini juga selaras dengan hasrat anggaran belanjawan *value for money*. Kedua-dua institusi ini akan berkongsi penggunaan prasarana dan kemudahan-kemudahan.

Jadi, insya-Allah bila proses-proses ini akan selesai, kita akan dapat melangkah lagi ke fasa yang seterusnya iaitu menyediakan *Master Plan* bagi projek ini dan seterusnya langkah-langkah yang selanjutnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Seterusnya, Yang Berhormat Awang Haji  
A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji  
A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih  
Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen.  
Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٥٥) وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي (٦٦)  
وَاحْتَلِلْ عُقْدَةً مِّنْ لَّسَانِي (٢٧) بِقَمَقَمِهَا قَوْلِي (٢٨)

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat. Pengajaran Jawi  
sekarang ini yang telah disuarakan  
beberapa tahun yang lalu dan bukan  
lagi berpuluh-puluh tahun yang lalu. Kini  
ia diangkat dan ditanai dengan sebaik-  
baiknya. Semuanya ini langkah bijak  
Kementerian Pendidikan sendiri.  
Diucapkan tahniah dan syabas. Gerakan  
penyokong pengajaran Jawi tersebut  
ternyata drastik dan lebih banyak  
melibatkan perkara-perkara dari  
beberapa pihak terutamanya  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan dan banyak lagi.

Dengan hal demikian, kaola tidak  
teragak-agak untuk menentukan  
sasaran kejayaan pengajaran Jawi itu  
pada tahun 2020. Kalau tahun 2020  
tidak mencapai kejayaan, bererti akan  
gagal. Entah bila lagi pengajaran Jawi  
itu akan cemerlang atau terus malap

kerana dihimpit oleh pelajaran Sains dan  
bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, dengan adanya  
gerakan yang telah diungkayahkan oleh  
kementerian-kementerian yang kaola  
sebutkan tadi, didukung lagi oleh pihak  
swasta, tentunya tidak akan pudar  
cahayanya. Apa lagi sekarang ini  
seminar-seminar, bengkel-bengkel  
sentiasa diungkayahkan oleh banyak  
pihak. Kecemerlangan pelajaran Jawi  
tersebut akan membawa Negara Brunei  
Darussalam ke arah mencapai Negara  
Zikir yang dengan berfalsafah Melayu  
Islam Beraja akan berjaya sepenuhnya.

Perkara kedua Yang Berhormat, kaola  
telah 'diagah-agah' oleh penduduk  
sendiri mengenai Pusat Tingkatan  
Enam. Pusat Tingkatan Enam telah  
banyak dibangunkan untuk menampung  
pelajar-pelajar dari Mukim Berakas 'A'  
dan Berakas 'B'. Zon 1. Sudah sampai  
masanya di Zon 1 didirikan Pusat  
Tingkatan Enam. Kemudahan tapak  
setentunya sudah ada di Lambak Kanan.  
Pusat Tingkatan Enam ini akan lebih  
diperlukan oleh kampung-kampung dan  
mukim-mukim yang berdekatan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi,  
pada setiap tahun Kementerian  
Pendidikan memberikan anugerah  
kepada guru-guru yang berjasa dan  
cemerlang dalam pengajaran. Guru  
yang berjasa itu selayaknya diberikan  
elaun khas bagi tiap-tiap bulan dan  
begitu juga guru-guru yang berjaya,  
cemerlang dalam pengajaran sekurang-  
kurangnya gaji mereka akan

ditingkatkan paling sedikit pun satu *increment*.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Kedengaran kepada kaola dan orang lain, benar ataupun tidak pendengaran ini iaitu rasa sedih dan dukacita daripada guru-guru yang mengajar di Darjah 6 (PSR), apabila pelajar mereka banyak yang gagal sedangkan mereka telah berusaha dan bertungkus lumus untuk menjayakan pelajar-pelajar mereka. Kegagalan itu dapat dirasakan kerana peningkatan Darjah Tahun 1 - Tahun 6 dengan tiada halangan terus dan begitu juga kedatangan pelajar-pelajar itu kebanyakannya kurang daripada yang sebenarnya.

Perkara ketiga, daripada kesedihan pendengaran ini, ibu bapa yang bertindak kurang sopan kepada guru-guru lebih lagi di hadapan pelajar-pelajar itu sendiri. Ini kalau benar satu keadaan yang amat mendukacitakan kerana menjatuhkan maruah guru-guru di hadapan pelajar. Mudah-mudahan perkara tersebut tidak benar dan tidak akan berlaku lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, tadi kaola 'diagah-agah' oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin untuk menyuruh berpantun. Pantunnya begini:

Cina bukan Melayu bukan,  
Yang bernama Si Joy Pakan,  
Pandai makan pandai menyimpan,  
Rahsia jangan dipadahkan

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kerana mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan.

1. Mengenai Pusat Tingkatan Enam di Mukim Berakas 'A' dan 'B'. Sebenarnya, penelitian untuk mengadakan atau menambah sekolah ataupun Pusat Tingkatan Enam ini adalah tertakluk kepada keramaian pelajar dalam satu tadahan itu. Dengan penubuhan Pusat Tingkatan Enam di Sengkurong yang telah pun berjalan pada tahun lepas ia telah dapat mengurangkan juga keramaian pelajar di Pusat Tingkatan Enam Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah. Di samping itu kita masih mempunyai Pusat Tingkatan Enam di Meragang dan Pusat Tingkatan Enam di Maktab Sains yang pada masa ini dikira masih mencukupi berasaskan kepada bilangan pelajar di tempat dan di tadahan-tadahan berkenaan. Sekiranya ada keperluan perkara ini akan diteliti pada masa akan datang.
2. Mengenai Anugerah Guru Berjasa/Guru Cemerlang. Bagi Guru Berjasa/Guru Cemerlang sudah ada diberikan insentif kepada mereka, bahawa mereka akan diberikan prioriti untuk melanjutkan pelajaran,

insentif berupa kewangan belum ada dibuat pada masa ini.

3. Rasa sedih guru-guru, diambil maklum tetapi kita tidak berapa jelas mengenai soalan berkenaan. Mengenai ibu bapa yang kurang sopan, bertindak di hadapan guru-guru ini barangkali menjadi tanggungjawab atau tugas kepada pemimpin-pemimpin masyarakat untuk menasihati para ibu bapa. Tidak dinafikan ada perkara begini berlaku dan ada sekolah yang berusaha melalui persatuan ibu bapa dan guru bagaimana mahu mengatasi perkara tersebut.

Tetapi yang penting ialah peranan kita sebagai pemimpin masyarakat untuk menyedarkan dan menasihati para ibu bapa untuk tidak melakukan perkara-perkara sedemikian.

Barangkali itu sahaja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam

sejahtera. Kaola ingin memetik mukadimah mengenai bajet Yang Berhormat Menteri Pendidikan seperti berikut:

Berbagai-bagai kelompok penyelidikan *Research Cluster* telah dibentuk di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang merangkumi beberapa bidang *trust* seperti biodiversiti, tenaga, agroteknologi dan keselamatan makanan (*food security and technology*), pengajian Asia, perbankan, kewangan Islam, minyak dan gas, teknologi hijau dan Penyelidikan Mushaf Shafie.

Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan jayanya memperkenalkan transformasi pendidikan teknik dan vokasional di bawah Institusi Pendidikan Teknikal Brunei 'IBTE', yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan untuk menjadikan satu perintah yang dipanggil Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei, 2014, yang menjadikan perintis kepada perkembangan dan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional negara ini.

Kaola percaya kelompok pendidikan untuk menjadikan pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Teknikal Brunei bagi membolehkan graduan institusi itu *employable* di industri tempatan dan

malah di luar negeri. Dari itu, kaola tertanya-tanya apabila melihat jenis bidang yang tidak terdapat dalam kelompok ini iaitu bidang *Building and Construction*.

Kaola bercadang bidang ini dapat dimasukkan kerana negara berbelanja berbilion-bilion ringgit bagi membangun bangunan-bangunan kementerian, pejabat-pejabat kerajaan, jabatan-jabatan dan lain-lain lagi jenis *construction*. Juga diakui banyak pengurus, *engineer*, pekerja-pekerja, Juruukur dan lain-lain dan juga kontraktor-kontraktor tempatan yang mendapat kontrak-kontrak bertahun-tahun sudah lamanya.

Tidak banyak menggaji orang tempatan, berkemungkinan jawatan-jawatan yang diperlukan tidak banyak anak-anak tempatan yang memiliki kelulusan dalam bidang itu. Maka, kaola menyeru supaya bidang *building and construction* dapat dirangkumkan ke bidang *trust* Institut Pendidikan Teknikal. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Mengenai cadangan supaya *building and construction* dijadikan sebagai satu lagi *cluster* dalam penyelidikan, kaola memahami bahawa penyelidikan ini

lebih relevan untuk dilaksanakan di peringkat universiti.

Yang demikian, cadangan Yang Berhormat itu mungkin dapat disalurkan atau dikemukakan nanti kepada Institut Teknologi Brunei iaitu sebuah institusi yang memfokus kepada bidang *engineering*. Jadi kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan itu dan berharap kita akan meneroka kemungkinan ia dapat dijadikan sebagai satu dari *cluster* penyelidikan di pusat pengajian tinggi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diberikan kesempatan untuk bertanya dan berinteraksi dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah membuat beberapa ulasan secara mendalam mengenai perkara-perkara yang dikemukakan itu. Dengan demikian, saya suka untuk membukakan Tajuk SF Kementerian Pendidikan ini untuk diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk SF Kementerian Pendidikan ini diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Alhamdulillah semuanya bersetuju dan tajuk yang berkenaan ini diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan perkara ini telah pun dibincangkan dengan panjang lebar bersama dengan menteri yang berkenaan dengan tidak menjejaskan kedudukan yang berkenaan, kita luluskan peruntukan tersebut. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun meminta untuk membuat beberapa penjelasan terhadap perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab olehnya semalam. Maka saya membenarkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk berbuat demikian. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sesungguhnya dengan tidak menjejaskan akan apa yang telah kita luluskan. Izin yang kaola pohonkan tadi dan telah diperkenankan juga untuk menjelaskan sebahagian daripada perkara yang didengarkan dalam majlis ini. Malangnya 2 soalan daripadanya tidak sempat kaola catatkan kerana pendengaran kaola terganggu dan 1 soalan, kaola berikan jawapan tetapi tidak sejelas mana yang seperlunya.

Jadi ada 3 perkara Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai *FTP* untuk dilaratkan ke Pos Kawalan Labu dan Lawas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari

Temburong. Penjelasan lanjutnya ialah memang dalam rancangan bukan sahaja Labu dan Lawas untuk menggunakan *FTP*, bahkan juga sebagaimana yang kaola sebutkan semalam Serasa dan Labuan. Perkara ini akan dibincangkan kedua belah pihak berkenaan iaitu Imigresen Brunei dan Malaysia dalam sedikit masa lagi. Tahun lepas pun perkara ini akan dibuat tetapi kedua belah pihak belum cukup persiapan untuk melaksanakannya.

Setakat ini untuk makluman, *FTP* telah diberikan kepada pemegang-pemegang pasport Brunei. Seramai 5,768 orang, iaitu kedua belah pihak iaitu Imigresen Malaysia dan Imigresen Brunei telah mengesahkan pemberian ini. Pemegang pasport Malaysia sebanyak 996 orang yang kita persetujui.

Mengenai pasport 5 tahun, tetapi belum sampai 5 tahun, 6 bulan lagi akan genap 5 tahun sudah tidak dapat dipakai. Ini dikira merugikan kepada pemegang-pemegang pasport. Kaola ingin menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Perkara ini bukanlah kehendak kitani Yang Berhormat Pengerusi, bukan kehendak imigresen atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau Kerajaan Brunei tetapi ini adalah praktis antarabangsa. Pasport kegunaannya untuk perjalanan keluar masuk sempadan dari sebuah negeri ke sebuah

negeri. Perjalanan itu memerlukan aturan-aturan pengangkutan.

Antara aturan pengangkutan yang diwajibkan untuk diikuti oleh semua negeri ialah *International Civil Aviation Organization* (Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa) mensyaratkan pasport dikira sah 6 bulan sebelum mansuhnya dan kalau ada tempoh sedemikian itu, maka ia tidak dapat lagi dipergunakan dan hendaklah diperbaharui. Jadi pihak kitani mematuhi kehendak ini, praktis antarabangsa dan peraturan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa itu.

2. Bangunan baharu 4 tingkat yang dicadangkan untuk Pejabat Daerah Temburong. Kaola meminta kalau ada rakan-rakan yang lain dapat menjelaskan kerana fahaman kaola dalam RKN perkara ini. Kaola terlepas pandang tidak menjelaskannya semalam. Maklumat yang ada pada kaola ialah cadangan itu diterima tetapi diubah menjadi tambahan kepada bangunan yang sedia ada bukan untuk mengadakan kompleks 4 tingkat dan ia telah dimasukkan ke dalam RKN10.

Tiada perkembangan dari segi perancangan dan rangka pelaksanaannya maka ia telah ditunda untuk dibawa kepada RKN yang akan datang RKN11. Kita berharap dalam RKN11, tambahan bangunan pejabat Daerah

Temburong itu akan tersenarai dalam RKN tersebut.

Demikian sahaja Yang Berhormat Pengerusi kaola mengucapkan terima kasih dan memohon maaf.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa akan seterusnya membincangkan Kementerian Kewangan dari Tajuk SD01A hingga Tajuk SD08A. Sebagaimana kita sedia maklum, pada mesyuarat kita yang telah diadakan pada hari Selasa, 10 Mac 2015, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah mengajukan mukadimahya terhadap belanjawan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan dibawahnya.

Tajuk ini belum lagi sempat kita bahaskan seterusnya untuk diluluskan. Maka majlis ini sekarang saya buka bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkeinginan untuk membahaskan atau ingin mengetahui asas dan kelayakan bagi Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat. Lebih dahulu, kaola merakamkan tahniah kepada pihak-pihak yang telah mengambil inisiatif dalam menangani dan memberikan

kesedaran kepada masyarakat mengenai celik kewangan iaitu *financial literacy* sebagai kemahiran hayat dalam pengurusan perbelanjaan persendirian. Ini termasuk baru-baru ini bengkel yang dikelolakan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan kaji selidik oleh Pusat Penyelidikan Strategik dan Pengajian Dasar (*CSPS*) dengan sokongan Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Komponen utama dalam celik kewangan ialah memastikan sumber kewangan yang mencukupi sesudah persaraan nanti. Bagi pekerja-pekerja di negara kita, ini termasuklah hasil caruman dari Skim Tabung Amanah Pekerja Brunei (TAP). Walaupun isu mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP) sudah dibincangkan dalam Soalan-soalan Yang Diberi Notis, saya ingin menimbulkan lagi perkara ini dari segi kemungkinan membuat tambahan caruman.

Sejak pelaksanaannya 20 tahun lalu, tidak terdapat peningkatan caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) selain pelaksanaan *Supplementary Contributory Pension (SCP)* pada tahun 2010. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang mungkin terdapat pandangan yang sekarang bukan masanya untuk meningkatkan kadar sumbangan caruman dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP). Akan tetapi janganlah keadaan ekonomi sekarang menjadi halangan untuk kita menabung lebih dan awal demi masa depan yang lebih cerah. Perkara ini juga sesuai dalam usaha menggalakkan sikap menabung dalam kalangan para pekerja.

Yang Berhormat Pengerusi, di dewan ini supaya kerajaan meningkatkan kadar caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan *Supplementary Contributory Pension (SCP)* mulai tahun hadapan. Ia biarlah bermula bagi pekerja yang baharu berkhidmat sahaja. Walaupun terdapat Skim Caruman Tambahan Sukarela pada masa ini akan tetapi tambahan menabung adalah lebih berkesan jika caruman lebih tinggi ini dijadikan sebagai mandatori bukan sebagai pilihan. Jumlah kenaikan caruman adalah mengikut kadar yang bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan oleh pihak-pihak berwajib.

Oleh sebab kenaikan caruman dikenakan bagi pekerja yang baharu berkhidmat sahaja, mereka tidak akan terasa begitu kekurangan *take home pay* ataupun gaji untuk perbelanjaan. Bagi pekerja yang berkhidmat sebelum 2016, kenaikan caruman bolehlah dinaikkan secara berperingkat-peringkat dalam masa yang bersesuaian hinggalah mencapai persamaan kadar caruman seperti pekerja yang baharu. Dijangkakan tambahan caruman yang berperingkat-peringkat tidaklah begitu membebaskan kepada majikan kerana jumlah kenaikan adalah tidak melonjak dalam masa sekali gus.

Saya harap cadangan ini dapat diambil perhatian kerana kecukupan kewangan waktu persaraan adalah antara perkara yang menjadi keraguan orang ramai. Mudah-mudahan apa yang saya cadangkan ini sekurang-kurangnya mencambahkan fikiran dan idea baharu

dalam usaha kerajaan menggalakkan menabung untuk persaraan.

Dalam pada itu kita nantikan dapatan dari kaji selidik yang dijalankan oleh *CSPS* serta pelaksanaan cadangan rangka kerja dan peta jalan hasil daripada kaji selidik berkenaan yang kita harap boleh membantu untuk menjadikan masyarakat kita lebih celik kewangan serta mempunyai keyakinan pada masa persaraan mereka nanti. Terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Kalau dapat kaola akan mendengar dahulu soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua sebelum kaola membuat jawapan-jawapan nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Insyallah. Kita beralih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa isu pendaftaran syarikat-syarikat skala kecil sebagai syarikat sendirian berhad. Pada masa ini adalah menjadi perkara yang lumrah bagi kita untuk melihat

syarikat-syarikat kecil-kecilan seperti syarikat gunting rambut, potong rumput, kedai runcit dan syarikat menjual kain dimonopoli dan diusahakan oleh warganegara asing terutamanya yang datang dari Asia Selatan.

Dalam menangani perkara ini, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah positif seperti menghadkan pengambilan pekerja warganegara asing dan juga menghadkan jumlah syarikat-syarikat yang diusahakan oleh warganegara asing di kawasan luar bandar dan kampung.

Di sebalik usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan itu terdapat satu fenomena sedang berlaku yang syarikat kecil-kecilan mula mendaftar syarikat tersebut sebagai syarikat taraf Sendirian Berhad. Perkara tersebut dapat diperhatikan di kawasan gedung perniagaan seperti di Kampong Serusop, Kampong Sengkurong dan di mana-mana jua terdapat konsentrasi aktiviti perniagaan. Malah syarikat-syarikat tersebut hanya beroperasi dalam skala kecil sahaja yang kebiasaannya hanya menyewa ruang kecil, kedai kecil yang diusahakan sepenuhnya oleh warganegara asing. Soalan:

1. Apakah tujuan dan motif sebenar syarikat-syarikat tersebut untuk mendaftar sebagai syarikat sendirian berhad?; dan

2. Apakah keistimewaan yang boleh diberi kepada syarikat-syarikat sendirian berhad? Mungkin sahaja pendaftaran syarikat sendirian berhad membolehkan individu-individu yang dilantik sebagai *Board of Directors* atau pemegang saham untuk menetap di Negara Brunei Darussalam secara berpanjangan. Perkara ini dibangkitkan hanya untuk memastikan syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang boleh memberikan sumbangan besar kepada negara dan bukannya hanya sekadar menyediakan khidmat secara kecil-kecilan. Soalan yang kaola hadapkan:

- i. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani perkara tersebut?;
- ii. Adakah kaji selidik sudah dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyebabkan syarikat-syarikat seperti gunting rambut mahu pun tukang kasut mendaftarkan diri sebagai syarikat sendirian berhad?; dan
- iii. Apakah keistimewaan terhadap warganegara asing jika terlibat dengan syarikat sendirian berhad. Dalam masa yang sama? dan
- iv. Adakah perundangan-perundangan yang berkaitan

dengan pendaftaran-pendaftaran syarikat sendirian berhad dipantau keberkesannya dari masa ke semasa?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola sudah menyediakan soalan tapi oleh sebab soalan yang akan dikemukakan ataupun telah disediakan ini telah pun dijawab oleh pegawai dari Kementerian Kewangan dan diucapkan tahniah kepada pegawai berkenaan. Jadi, tidak perlulah kaola mengajukan soalan ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang memohon Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk mengemukakan pertanyaannya.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya mempunyai satu soalan sahaja. Iaitu Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan.

Dalam perbincangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyatakan tentang perkhidmatan kerajaan melalui *ICT* ini yang antaranya merangkumi perkhidmatan yang membolehkan

pengguna untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan *online* dari agensi-agensi kerajaan. Langkah-langkah tertentu akan terus diambil bagi menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang menawarkan pembayaran secara *online*.

Pertanyaan kaola ialah selain menerima pembayaran cukai korporat secara *online* melalui *E-Payment Gateway* Jabatan Perbendaharaan, bilakah dijangka kira-kiranya Jabatan Perbendaharaan dapat menerima ataupun melaratkan pembayaran secara *online* bagi pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan yang lain?. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pekerja asing seramai kira-kira 140,000 orang di negara ini menikmati subsidi yang ada seperti minyak, gula, tepung dan lain-lain.

Soalnya apakah *status* warganegara asing yang berkerja di Brunei sama dengan *status* warga perkhidmatan awam. Kalau tidak sama *statusnya* apakah salahnya dicadangkan dikenakan cukai pendapatan kepada pekerja asing untuk salah satu cara membantu pendapatan negara dan mengurangkan

pekerja asing. Cadangan kaola, adakah boleh ditubuhkan Jabatan Cukai Pendapatan?. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali faktor umur kadang-kadang saya sendiri kurang mendengar apa yang dicakapkan. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya bercakap itu ditujukan kepada *microphone* yang ada depan. Jadi senang semua orang pun boleh mendengar perbincangan atau pun soalan-soalan yang dikemukakan. Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola menyentuh Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan:

1. Bagi meningkatkan produktiviti di sektor swasta perlunya mewujudkan persekitaran yang mudah agar memberi impak yang positif dalam kegiatan ekonomi negara misalannya memudahkan pengambilan Pendaftaran Syarikat Perniagaan 16/17. Sehubungan dengan itu, adakah cadangan untuk membuka cawangannya di daerah-daerah lain umpamanya Daerah Tutong yang berkedudukan di tengah-tengah jalan antara Daerah Belait dan Bandar Seri Begawan?;
2. Dalam pemilihan tender untuk mendapatkan kontrak projek-projek

biasanya kepada kontrak-kontrak yang *establish* dan terkenal. Pemilihan ini memang bersesuaian berdasarkan kemahiran, kepakaran dan pengalaman untuk mengelakkan daripada projek tidak berkualiti atau terbangkalai, tidak terkecuali memberi peluang juga kepada syarikat-syarikat baru terutama syarikat anak tempatan. Walau bagaimanapun terdapat sebahagiannya yang mengambil jalan mudah dengan memberi projek berkenaan secara Ali Baba. Kemudian Ali Baba pertama memberi lagi kepada Ali Baba kedua. Peruntukan yang besar pada asalnya dan memang sesuai untuk menyiapkan projek akan menjadi kecil. Akibatnya terpaksa menggunakan khidmat buruh terdiri daripada warga asing kerana gajinya murah atau gaji tidak dibayar dan sudah tentunya anak tempatan tidak akan berkesanggupan untuk berkerja. Akibatnya projek siap tidak berkualiti atau terbangkalai. Soalan kaola, adakah sudah satu mekanisme atau tatacara bagi menyelesaikan permasalahan ini dalam perancangan?; dan

3. Terdapat gedung-gedung perniagaan di negara ini memperkenalkan kad ahli dengan tujuan untuk menarik pelanggan berbelanja di gedung-gedung perniagaan tersebut dengan potongan harga dan juga ganjaran mata atau *point* bagi pertukaran barangan. Ada kad ahli yang dibayar dan ada kad ahli yang

diberi percuma. Permasalahannya adalah kad ahli yang mengenakan bayaran kepada pelanggan yang ingin menjadi ahli sebanyak \$5.00 dalam satu kad dalam satu tahun. Apabila ia mansuh pelanggan berkenaan akan kehilangan ganjaran atau *point* atau tidak ada potongan harga.

Oleh itu, pelanggan berkenaan akan menyambung semula dan dikenakan bayaran \$5.00 lagi. Bayangkanlah jika terdapat 10,000 orang mendapat kad ahli ini maka akan berjumlah \$50,000 setahun. Bagaimana jika ia disambung setiap tahun selama 5 tahun sudah tentu jumlahnya \$250,000. Ertinya secara tidak langsung gedung ini mendapat modal perniagaan dan boleh menampung perbelanjaan operasi gedung perniagaan tersebut. Soalan kaola, adakah perkara ini mendapat kelulusan dari pihak berkenaan khususnya daripada Autoriti Monetari Brunei Darussalam? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang

Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Kaola ingin mengingatkan kaola sendiri akan kata-kata hikmah yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis yang lalu yang mana berbunyi:

"Dari aspek kewangan, kita juga perlu mengekalkan dasar kestabilan fiskal atau '*fiscal stability*', terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan '*value for money*'. Dengan amalan seperti ini insya- Allah, akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan dan mampu untuk menabung lebih pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan di saat yang memerlukan".

Anggaran Perbelanjaan 2015/2016 termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan keseluruhan sebanyak \$6,600,000 juta. Jumlah ini berkurangan sebanyak \$250,000,000 berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2014/2015. Pengurangan ini mengambil kira unjuran hasil berkurangan bagi Tahun Kewangan berkenaan. Namun demikian jumlah perbelanjaan yang tersebut masih jauh lebih tinggi berbanding anggaran hasil kerajaan. Ini bermakna belanjawan

bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini akan mengakibatkan kerajaan mengalami defisit belanjawan sebanyak kira-kira \$2,282,000.00 juta atau \$2.282 bilion. Soalan kaola:

1. Kalau dilihat dari segi peratus jumlah defisit, kira-kira 1/3 peratus dari jumlah keseluruhan peruntukan dengan sendirinya tidak ada dapat ditabung. Seperti ramalan harga minyak mentah lama tidak naik ke paras tinggi dan di manakah wang defisit akan diambil untuk menampung kekurangan ini?
2. Jika harga minyak masih bertahan sama dengan harga sekarang, dalam 2 ke 3 tahun akan datang, wang yang diperlukan akan sama jumlahnya anggaran perbelanjaan \$6bilion dan maknanya dari manakah datangnya wang yang diperlukan sebanyak itu;
3. Jika negara mahukan kenaikan pendapatan dari bukan sumber minyak dan gas, berapa banyakkah jumlah hasil dari gas *FDI* yang dimasukkan ke negara ini dan dianggarkan? Berapa banyakkah hasil dari peniaga-peniaga tempatan; dan
4. Dari usaha sekarang pelaburan *FDI* yang sudah masuk ke negara ini, bolehkah negara dapat hasil dari cukai bagi menolong sebahagian daripada kekurangan defisit? Jika boleh berapa banyakkah jumlah mereka itu boleh menolong?



Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin**

**Bakal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) membentangkan Peruntukan Belanjawan Kewangan bagi Tahun 2015/2016, telah menerangkan jumlah Peruntukan Belanjawan Kewangan 2015/2016 adalah sebanyak \$6,400,000,000.00.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) selanjutnya menerangkan, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan tersebut adalah masih jauh lebih tinggi berbanding anggaran hasil kerajaan yang dinyatakan di atas. Ini bermakna belanjawan yang dicadangkan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 itu mengakibatkan kerajaan mengalami defisit sebanyak kira-kira \$2,282 juta ringgit Brunei.

Soalan kaola ini lebih kurang sama seperti soalan Yang Berhormat Awang Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kaola ingin tahu dari sumber manakah kerajaan mendapatkan kewangan

bagi menampung defisit belanjawan sebanyak \$2,282 juta itu. Adakah kerajaan akan memakai sebahagian daripada wang *reserve* negara yang ada atau bagaimana?. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dengan itu saya minta, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) untuk memberikan keterangannya.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebenarnya kaola akan mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai dengan perkara ini. Walau bagaimanapun ada beberapa soalan yang mungkin dapat kaola jawab.

Pertama mengenai saranan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Saranan beliau supaya caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Pekerja (SCP) kalau dapat kitani kaji untuk dipertingkatkan lagi terutamanya bagi pencazum-pencazum ataupun pekerja-pekerja baharu.

Sebenarnya, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih dahulu saya ucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid atas keprihatinannya dan juga saranannya ini. Sebenarnya Kementerian Kewangan dan juga Tabung Amanah Pekerja (TAP), sentiasa mengkaji perkara-

perkara seperti ini. Terutamanya dari implikasi terhadap orang ramai dan pekerja, majikan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saranan ini saranan yang baik. Insya-Allah kitani akan membuat kajian-kajian terperinci mengenainya supaya ia akan dapat menghasilkan satu perkara yang *win-win situation* kepada semua pihak misalannya kepada majikan, pekerja dan yang lain-lain, insya-Allah.

Kedua daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai pendaftaran syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat kecil pun pada waktu ini ada yang mendaftar untuk menjadi syarikat-syarikat sendirian berhad seperti syarikat tukang gunting dan syarikat-syarikat yang perkhidmatan-perkhidmatan yang kecil-kecilan.

Sebenarnya dalam menubuhkan syarikat-syarikat ini, orang ramai diberi pilihan yang tertentu. Ada yang mendaftar syarikatnya secara *partnership* ada yang *joint venture* dan ada yang sendirian berhad.

Syarikat-syarikat kecil yang kadang-kadang mendaftar sebagai sendirian berhad kerana kebaikan sendirian berhad ialah dari segi liabiliti kepada tuan punya syarikat tersebut. Misalannya, kalau sekiranya syarikat-syarikat yang didaftar dalam sendirian berhad ini mempunyai *limited liability* mengikut modal-modalnya yang disimpan dalam syarikat tersebut. Apabila sekiranya syarikat tersebut

didapati *bankrupt* dan sebagainya, ia akan terhad kepada *limited liability* tersebut.

Ini berbanding dengan syarikat-syarikat yang *partnership* ataupun *joint venture* yang tidak diliputi oleh sendirian berhad *limited liability* sekiranya ada hutang piutang syarikat dengan sendirinya akan menyebabkan harta benda daripada dari tuan punya itu akan terjejas. Kalau sekiranya *limited liability*, modalnya hanya \$100,000.00 maka \$100,000.00 itu sahaja akan terjejas. Syarikat-syarikat bukannya *limited liability* sekiranya hutangnya lebih daripada itu mungkin ia akan dikenakan liabiliti yang lebih besar daripada itu.

Kitani hendaklah tahu dari segi motif-motif tertentu mengenai mengapa syarikat-syarikat itu mendaftar dalam sama ada ia *limited liability* sedangkan ia adalah syarikat-syarikat kecil. Tapi yang pentingnya mengapa orang-orang itu mendaftar *limited liability* disebabkan oleh liabiliti nya adalah terhad.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai perkhidmatan kerajaan melalui *ICT* memang banyak perkhidmatan-perkhidmatan ini dibuat, misalannya semenjak tahun 2009 Kementerian Kewangan telah menandatangani kontrak bersama 4 buah institusi kewangan misalnya *BIBD*, *Baiduri*, *HSBC* dan *SCB*. *Payment* itu akan dapat dibuat dan diterima melalui saluran

pembayaran yang dipelawa oleh institusi tersebut.

Pada tahun 2014, mulai 29 Januari 2014, Jabatan Perbendaharaan telah melancarkan sistem *e-payment*. Dalam sistem ini, ia telah membolehkan pembayaran kerajaan dibuat secara *online* melalui one secure *e-payment gateway*. Pada peringkat ini *e-payment gateway* ini mula beroperasi melibatkan 3 agensi kerajaan yang mengutip hasil iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan serta 4 buah institusi kewangan sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Antara objektif *e-payment* ini ialah memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran perkhidmatan secara *online*, membolehkan pengendalian pembayaran bil dan penyelarasan bil kerajaan secara elektronik, mengadakan kemudahan bil *presentation* dan penyatuan bil kerajaan secara *online* dan secara tidak langsung projek ini juga mengurangkan tunggakan orang ramai kepada kerajaan.

Insya-Allah perkara-perkara ini akan di*improve* lagi di mana dengan adanya *e-payment gateway* ini. Pembaikan seperti pembayaran seperti melalui *direct account transfer* diperbolehkan proses dan sistem kutipan hasil di agensi yang terlihat sekali gus perlu diautomasikan dengan sepenuhnya, aliran informasi lebih tepat dan cepat, informasi mengenai pembayaran dari

luar negeri (*foreign cheque and telegraph transfer*) disalurkan kepada agensi pengutip hasil dengan lebih cepat dan setiap kesalahan boleh dikesan lebih cepat juga.

Agensi yang terlibat tidak diperlukan menyediakan laporan buku tunai dan penyata pemungut untuk dihantar ke Jabatan Perbendaharaan. Pembayaran *merchant discount rate* dibuat secara automatik melalui *e-payment* kepada *TAFIS* dan sebagainya.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Pada waktu ini subsidi pun nampaknya dinikmati oleh orang-orang asing di negara ini dan saranan beliau ialah supaya cukai pendapatan dikenakan kepada orang-orang asing ini dan seterusnya ditubuhkan Jabatan Pendapatan Negara dan Percukaian Negara.

Jadi barangkali perlulah kitani meneliti secara terperinci perkara seperti ini kerana negara-negara lain pun cukai pendapatan misalnya dikenakan kepada semua pihak bukannya satu-satu pihak dan perlunya kita mengkaji secara mendalam implikasinya dan sebagainya.

Nanti dengan perkara-perkara yang berkait dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) insya-Allah rakan sejawat kaola iaitu Yang Berhormat Menteri Pembangunan mungkin akan dapat memberikan penerangan yang terperinci seperti adakah kad-kad ahli

gedung perniagaan dapat kelulusan daripada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Nampaknya maklumat yang kaola dapati di sini mengenai dengan *membership card* oleh gedung-gedung perniagaan ini yang mengenakan yuran tahunan perkara ini bukanlah dalam bidang kuasa Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hanya mengawal produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan atau dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan seperti bank-bank dan syarikat kewangan.

Mengenai dengan tender, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga menyentuh mengenai dengan tender-tender kebanyakan tender itu diberikan kepada *established contractor* yang terkenal. Sebenarnya pemberian tawaran ini bukanlah diberikan kepada satu-satu pihak seperti yang didakwa tadi ia lebih diberikan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi speksikulasi tawaran yang diluluskan. Sebenarnya banyak berpihak kepada kriteria utama iaitu *value for money*. Harga yang ditawarkan adalah berpatutan.

Dengan cadangan teknikal yang ditawarkan berdasarkan skop dan spesifikasi kerja yang ditawarkan. Spesifikasi teknikal biasanya akan mengambil kira kualiti barangan atau perkhidmatan, *deliverable* dan sebagainya. Kriteria-kriteria lain yang juga akan diambil antaranya termasuklah mempunyai *track record*

dan prestasi yang baik dalam tawaran, keupayaan kewangan keupayaan pengurusan dan syarikat-syarikat tersebut adalah tidak ditegah.

Yang Berhormat menyatakan bahawa ada beberapa kes syarikat-syarikat yang berjaya telah mensubkan kepada syarikat-syarikat lain, perkara ini memang ada berlaku tapi perkara ini tertakluk kepada perjanjian-perjanjian antara *main contractor* dengan *sub-contractor* dan memang berlaku ada berlaku seperti yang dinyatakan 'Ali Baba' dan sebagainya. Kita sukar membuat pemantauan-pemantauan mengenai perkara ini. Di samping perkara ini berlaku *main contractor* juga sebenarnya mempunyai cara-cara yang tersendiri melaksanakan, kerja-kerja yang dilaksanakan misalannya sekiranya kerja-kerja yang besar banyaklah *contractor* atau *sub-contractor* yang akan disubkan kepada *contractor* dari tempatan dan sebagainya.

Soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai dari mana defisit \$2.2 bilion itu akan kita tampung memandangkan kerajaan pada waktu ini telah mencadangkan sebanyak \$6.4 bilion sedangkan anggaran penghasilan adalah kira-kira \$4 bilion lebih.

Alhamdulillah, sebagaimana yang biskita maklum dengan kepimpinan

dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sepanjang beberapa tahun yang lepas dengan adanya harga minyak yang begitu menggalakkan, alhamdulillah, dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menghadkan perbelanjaan kita kepada jumlah yang benar-benar difikirkan boleh kita laksanakan. Ertinya, *we spend within our mean*.

Alhamdulillah, dengan keadaan tersebut kita dapat mengumpul sebahagian daripada *surplus* daripada lebih-lebihan hasil yang telah kita dapati pada tahun-tahun yang lepas.

Sebab itulah kita sekurang-kurangnya dapat menampung defisit itu. Tetapi hasil-hasil *surplus* itu belumlah berapa banyak dan dapat mencukupi untuk kita bertahan dalam jangka waktu yang lama. Kita berharap insya-Allah, mudah-mudahan dalam setahun atau dua tahun yang akan datang ini harga minyak ini dan juga *production* kita akan dapat meningkat dan sekurang-kurangnya kita akan dapat menampung perbelanjaan-perbelanjaan itu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum juga, Negara Brunei Darussalam ini kebanyakan aktiviti-aktiviti ekonomi adalah datangnya daripada perbelanjaan kerajaan. Sebab itulah dalam keadaan ini, walaupun keadaan ini kita menghadapi defisit belanjawan, kita perlu juga, berbelanja untuk

menampung supaya apa-apa jua aktiviti-aktiviti ekonomi itu akan dapat berjalan tanpa banyak gangguan untuk memberikan pekerjaan, aktiviti-aktiviti yang lain terutamanya dari segi *diversification of economy* dan sebagainya.

Jadi, sebab itulah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam walaupun keadaan hasil kita mencabar pada tahun ini, tetapi kita perlu juga berusaha untuk memelihara aktiviti-aktiviti ekonomi kita itu supaya ia tidak jauh terjejas disebabkan oleh perkara yang kaola nyatakan tadi. Kita perlu terus memelihara untuk aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini akan berjalan walaupun mungkin akan sedikit kurang, tetapi tidaklah sekurang yang akan menjejaskan dari segi aktiviti-aktiviti tersebut dan juga *creation of employment* di negara ini.

Kaola memohon maaf jika ada soalan yang tidak sempat dijawab dalam penerangan kaola tadi, kaola fikir ia sudah semua menjawab soalan tersebut. Itulah sahaja yang dapat kaola kongsikan Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kaola sekali lagi mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih atas saranan-saranan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Kewangan II (Kedua). Sekarang diminta Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebenarnya, soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), untuk rekod sahaja.

Merujuk soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. *Membership card* ataupun yang dikeluarkan oleh gedung-gedung perniagaan bukanlah di bawah AMDB sebagaimana yang telapun dinyatakan. AMDB hanya mengawal selia produk-produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh bank-bank dan syarikat kewangan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi untuk penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Alhamdulillah. Kita telah pun mendengar soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan disokong oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Maka, sekarang saya suka untuk membukakan cadangan Belanjawan Kementerian Kewangan bagi Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian *HMSF* ini untuk kita undi. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk ini kita luluskan sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, nampaknya semua bersetuju.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:**

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kewangan Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian *HMSF* dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Alhamdulillah. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun bermesyuarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya dan untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa saya cadangkan kita berbalik dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat kita bersidang semula dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara. Oleh sebab ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat tidak dapat hadir untuk menghadiri mesyuarat pada hari Sabtu, sebelah pagi disebabkan oleh urusan-urusan rasmi yang lain, maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan

dan akan bersidang semula insya-Allah pada hari Sabtu, 23 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 14 Mac 2015 Masihi, pada pukul 2.30 petang.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Sabtu, 23 Jamadilawal 1436H / 14 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Awang Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang**

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari yang ketujuh, Sabtu, 23 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 14 Mac 2015 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarkatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan petunjuk-Nya jua maka kita pada petang hari ini dapat meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang ketujuh.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula pada petang ini dan kita mulakan dengan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Alhamdulillah, sehingga hari ini sebanyak 29 Soalan Yang Telah Diberi Notis telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Maka petang ini, kita akan cuba dengan seberapa banyaknya dapat menyelesaikan beberapa Soalan Yang Diberi Notis. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mulakan dengan Soalan No. 35 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan ditujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera.

Jumlah pemohon untuk bantuan keperluan asas semakin meningkat disebabkan keperluan harian dan sara hidup yang semakin meningkat. Walaupun bantuan telah banyak disalurkan terutamanya yang berbentuk kewangan, tetapi keadaan ini masih juga berlarutan. Sebagai contoh Kerajaan telah melaksanakan bantuan Al-Gharimin untuk membebaskan individu berkenaan dari kepompong kemiskinan dalam jangka lima tahun, tetapi apabila tempoh masa bantuan hampir tamat individu yang sama juga yang memohon penyambungan

bantuan tersebut. Dalam hal ini adalah penting bagi mereka yang berkenaan dan juga rakyat negara ini celik kewangan sebagai kemahiran hidup, membangun dan mengekalkan tabiat perilaku kewangan yang sihat untuk kesejahteraan kewangan mereka.

Saya ingin tahu adakah dalam perancangan kementerian ini dengan kerjasama sama ada bank-bank dalam atau luar negara untuk mengadakan latihan kewangan bagi prasekolah, pendidikan kewangan kepada eksekutif muda, ceramah kesedaran kewangan di sekolah dan institusi pengajian tinggi, bengkel kewangan kepada komuniti khususnya golongan belia dan beliawanis serta pendidikan pelaburan kepada pemimpin masyarakat?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang telah pun mengemukakan soalan.

Sebagai jawapan, pengurusan kewangan peribadi atau keluarga yang

berkesan jika diatur dengan sistematik boleh membuatkan seseorang atau sesuatu keluarga itu mempunyai kedudukan kewangan yang selesa dan dapat menyumbang dalam mengatasi masalah kemiskinan. Sebaliknya, jika tidak teratur dengan baik dan berhemah, pada kelazimannya, akan terjadi pembaziran kewangan yang tidak mencukupi dan lebih teruk lagi dibebani dengan hutang dan juga menjadi punca kepada kemiskinan.

Oleh itu selaras dengan dasar untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini, termasuk belia dan anak-anak sekolah. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Kementerian Kewangan telah mengadakan berbagai-bagai program ke arah mencapai dasar tersebut.

Perkara ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-27 pada 23 Februari 2011 bahawa Baginda telah menitahkan antara lainnya mengenai dengan perlunya ditingkatkan usaha negara untuk membudayakan keperluan untuk mengatur kewangan melalui perancangan kewangan atau *Financial Planning*.

Perkara yang sama dititahkan lagi oleh Baginda dalam Istiadat Rasmi

dari Pembukaan Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015 iaitu pada 5 Mac 2015 yang telah menekankan mengenai berbelanja secara berhemah dan berjimat cermat bagi semua peringkat sama ada Kerajaan mahupun keluarga dan di peringkat individu dengan mengamalkan dan menitikberatkan pengurusan perbelanjaan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku agensi yang bertanggungjawab dan pemedulian terhadap hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk telah dan akan terus menyediakan berbagai-bagai program bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengurusan kewangan supaya mereka celik kewangan atau *financially literate*.

Program tersebut juga dihasratkan, akan dapat membantu mereka yang berkenaan memahami akan keadaan ketidaktentuan ekonomi global masa kini. Terutama yang berkaitan dengan tawaran-tawaran pelaburan yang menjanjikan pulangan keuntungan dalam masa yang singkat.

Bagi maksud tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui agensi-agensinya di bawahnya seperti JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat) telah mengadakan pelbagai program seperti melalui taklimat-taklimat dan jerayawara-jerayawara. Melalui Program Pembangunan Keluarga, Program Keluargaku, Permataku dan jerayawara ke sekolah-

sekolah, selain menyelitkan taklimat yang berkaitan dengan kemahiran keibubapaan dan kemahiran berkomunikasi. Juga diselitkan dengan taklimat-taklimat yang berkaitan dengan pengurusan kewangan keluarga. Para peserta yang terlibat, bukan sahaja terdiri daripada ibu bapa tetapi juga melibatkan golongan remaja, belia, kanak-kanak sekolah dan juga para penerima bantuan kebajikan bulanan JAPEM.

Dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kewangan, Tabung Amanah Pekerja (TAP), BINA dan APTK, JAPEM juga telah mengadakan taklimat berkaitan dengan pengurusan kewangan terutama bagi klien-klien JAPEM seperti penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan dan mereka yang pernah mengikuti Program Perkasa Komuniti dan Program Perkasa. Taklimat ini dihasratkan untuk meningkatkan lagi kefahaman kepada mereka yang berkenaan.

Bagi melahirkan belia yang mempunyai pengetahuan dalam bidang keusahawanan seperti asas perniagaan, pengurusan kewangan dan sebagainya, para belia yang mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) juga didedahkan mengenai perancangan kewangan melalui Program Komponen Keusahawanan.

Pusat Pembangunan Belia juga melalui kerjasama dengan beberapa agensi seperti *BEDB* dan *Live Wire Brunei* telah mengadakan Program *Financial Literacy* kepada pelatih-pelatih yang mengikuti

latihan di Pusat Pembangunan Belia tersebut dengan hasrat agar mereka memahami dan mengapikasi pengetahuan mengenai celik kewangan dalam kehidupan mereka.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan yang telah dibentuk di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial melalui Pelan Tindakannya telah merangka program-program yang bersesuaian untuk membasmi kemiskinan seperti meningkatkan kesedaran mengenai budaya menabung. Program-program yang dalam perancangan juga termasuklah untuk memperkenalkan skim menabung kepada mereka yang menjalankan perniagaan dan pernah mengikuti Program Perkasa dan Program Perkasa Komuniti JAPEM.

Manakala Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita melalui pelan tindakannya juga telah memasukkan salah satu matlamat strategiknya iaitu untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai perancangan dan pengurusan kewangan. Ini termasuklah mengeluarkan risalah-risalah atau *pamphlet* serta artikel yang berkaitan dengan kos menyara anak-anak mengikut peringkat kehidupan.

Ke arah meningkatkan usaha secara holistik bagi mewujudkan rakyat negara ini celik kewangan, sukacita juga saya turut mengongsikan mengenai usaha yang telah dibuat oleh pelbagai agensi yang lain seperti Tabung Amanah Pekerja. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti mengadakan jerayawara,

taklimat dan forum yang berkaitan dengan perancangan kewangan di pelbagai tempat dan peringkat umur. Kumpulan sasaran adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi, belia yang baru memasuki alam pekerjaan, kakitangan Kerajaan yang akan bersara dan peserta kursus yang akan dan sudah berkahwin.

Selaras dengan usaha pada mendukung hasrat Kementerian Kewangan mengenai celik kewangan kepada semua lapisan masyarakat, TAP juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Pejabat-pejabat Daerah, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, institusi-institusi kewangan di negara ini iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), *Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC)*, *Standard Chartered Bank*, *Baiduri Bank*, *Royal Bank of Canada*, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), *Brunei Darussalam Depositary Production Corp.* dan lain-lain. Antara program yang dijalankan ialah seperti Program Mentor yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan *Financial Planners*.

Bagi memberikan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan kepada kakitangan Kerajaan terutama bagi mereka yang baru berkhidmat dan akan bersara, Institut Perkhidmatan Awam juga turut mengadakan kursus-

kursus yang berkaitan dengan perancangan kewangan seperti seminar pengurusan kewangan dan kursus pengurusan kewangan bagi bakal-bakal pesara. Begitu juga dengan Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Kursus Pra Nikah, turut memasukkan isu yang berkaitan berkenaan dengan halehwal pengurusan kewangan di bawah tajuk Ekonomi (Kewangan).

Bagi mendukung dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ke arah meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pengurusan kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus mengadakan pelbagai program dan langkah yang bersesuaian khususnya kepada golongan belia dan yang memerlukannya. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**  
Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 36 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Keprihatinan dan pemeduliaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi lain yang berkenaan terhadap kebajikan rakyat dan penduduk yang memerlukan bantuan amatlah membanggakan. Antara golongan yang diberikan bantuan tersebut, termasuklah golongan ibu tunggal yang memerlukan perhatian dan pemedulian masyarakat. Bentuk bantuan seperti bantuan sara hidup untuk ibu tunggal itu sendiri dan juga tanggungan di bawah mereka telah dihulurkan semata-mata untuk menjaga kebajikan dan meringankan bebanan golongan tersebut yang kurang bernasib baik.

Soalan kaola, bagaimanakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menangani keadaan ibu-ibu tunggal yang ada dalam senarai yang menerima bantuan dan mereka ini memerlukan latihan dan bantuan kewangan untuk meningkatkan tahap kehidupan dari aspek perekonomian mereka sehingga tidak lagi bergantung pada bantuan bulanan yang diberikan untuk sara diri dan seumpamanya? Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dengan soalan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam

memastikan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terus-menerus melaksanakan tanggungjawab, pemedulian kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara holistik, inklusif, komprehensif dan bersepadu melalui strategi-strategi yang praktikal, fleksibel dan berdaya tahan yang responsif kepada keperluan dan cabaran semasa bagi memastikan seboleh-bolehnya tiada rakyat yang tercicir daripada jaringan jaminan sosial.

Sehubungan dengan itu, golongan ibu tunggal juga merupakan golongan yang termasuk dalam sasaran jaringan jaminan sosial yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam waktu yang sama, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyedari akan pentingnya peranan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara.

Dengan jumlah merangkumi 48 peratus daripada keseluruhan penduduk, wanita di Negara Brunei Darussalam sentiasa dan akan terus diberi peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan termasuk pendidikan pekerjaan dan kesihatan. Golongan wanita bukan saja berperanan sebagai ibu atau isteri tetapi juga berperanan sebagai 4 dalam 1 iaitu sebagai isteri, ibu, pekerja dan pendidik.



Kaum wanita juga berperanan pada mengukuhkan institusi keluarga yang berperanan penting dalam memastikan anak-anak dan keluarga hidup dalam keadaan terjaga, penuh dengan kasih sayang dan sokongan.

Sejajar dengan kedudukan wanita sebagai nadi dalam sebuah keluarga dan mendukung pembangunan negara, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Melalui Pelan Tindakan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita, sebanyak 8 isu yang menjadi tumpuan utama yang berkaitan dengan keluarga dan wanita telah dikenal pasti seperti berikut:

- i. Pengukuhan Institusi Keluarga;
- ii. Keseimbangan Pekerjaan dan Keluarga;
- iii. Ekonomi;
- iv. Hak Wanita dan Perundangan;
- v. Sumber Maklumat Mengenai Keluarga;
- vi. Kesihatan;
- vii. Pendidikan; dan

- viii. Mekanisme Memperkasakan Wanita yang meliputi latihan dan kemahiran.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengadakan pelbagai program bagi membantu golongan wanita termasuk ibu-ibu tunggal seperti pemberian:

- i. Bantuan kebajikan bulanan;
- ii. Bantuan elaun sara hidup dan persekolahan untuk anak-anak;
- iii. Perumahan;
- iv. Pencen Umur Tua;
- v. Program-program bagi mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan seperti bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan;
- vi. Sokongan bagi mendapatkan pekerjaan; dan
- vii. Beberapa bantuan lain seperti bantuan ketika ditimpa bencana alam. Ini termasuklah program-program mengubah minda seperti kaunseling dan motivasi diri. Latihan keusahawanan, pemantauan dan kemudahan pengangkutan semasa latihan juga diberikan.

Melalui statistik, seramai 1,650 orang atau 27 peratus daripada 6,079 ketua

keluarga penerima bantuan kebajikan bulanan terdiri daripada ibu-ibu tunggal.

Sebagai usaha untuk meningkatkan tahap kehidupan dari aspek perekonomian mereka sehingga tidak lagi bergantung pada bantuan bulanan yang diberikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan latihan dan kemahiran terutama kepada penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan termasuk ibu-ibu tunggal melalui Program Perkasa Komuniti.

Program Perkasa Komuniti adalah program yang dihasratkan untuk memberikan latihan kemahiran kepada peserta-peserta. Bantuan *grant* bagi membeli peralatan dan bahan mentah bernilai maksimum \$2,000.00 dihulurkan bagi peserta-peserta memulakan perusahaan ke arah berdikari melalui perniagaan. Latihan kemahiran yang diberikan juga boleh membantu dan memperolehi pekerjaan untuk menjana pendapatan yang berterusan. Daripada 91 orang yang telah mengikuti kursus program ini seramai 17 orang atau 19 peratus terdiri daripada ibu-ibu tunggal.

Melalui kerjasama dengan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Pusat Pembangunan Belia juga telah mengadakan latihan kemahiran yang inklusif kepada ibu-ibu tunggal yang berdaftar dengan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dengan menawarkan latihan kemahiran dalam masakan dan pastri. Sejak program yang dinamakan Program Ibu-ibu Tunggal yang diperkenalkan pada tahun 2014,

seramai 12 orang ibu-ibu tunggal telah mengikuti program tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyedari menangani golongan susah dan miskin termasuk ibu-ibu tunggal dan wanita adalah kompleks dan memerlukan pendekatan dari berbagai-bagai sudut. Ia memerlukan pendekatan secara holistik, pragmatik dan inklusif dengan mengambil kira kesesuaian dan tahap keupayaan golongan sasaran yang dikenal pasti mengikut profil masing-masing.

Oleh yang demikian, pelaksanaan pelan tindakan membasmi kemiskinan melalui kaedah 'Kuih Lapis'. Program tersebut dijalankan dengan penglibatan pelbagai agensi sama ada Kerajaan mahupun bukan Kerajaan (*NGOs*), sektor swasta, masyarakat sivil, pemimpin akar umbi dan pihak individu.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan ialah seperti Program Rakan Basmida dan PROPAZ.

Program Rakan Basmida ialah program penempatan kerja dan kemahiran bagi bekas penghuni Pusat Al-Islah. Manakala program PROPAZ merupakan program pengupayaan penerima-penerima asnaf zakat melalui latihan-latihan kemahiran dan keusahawanan yang dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang

kumpulan sasarannya termasuk ibu-ibu tunggal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Perlu juga diperjelaskan, program-program pembasmian kemiskinan bukanlah semata-mata berbentuk bantuan kewangan bulanan akan tetapi juga melibatkan Program Pemerkasaan (*Empowerment*) dan dorongan perubahan minda dalam bentuk khidmat nasihat dan kaunseling baik secara individu mahupun berkumpulan, terutama sekali kepada golongan yang mempunyai keupayaan mental dan fizikal.

Begitu juga bagi mereka yang diberikan latihan dan bimbingan yang berjaya menceburi bidang perniagaan dan juga pekerjaan. Seliaan dan pengawasan yang berterusan dibuat bagi memastikan golongan yang dibantu ini dapat meneruskan usaha mereka sehingga berjaya. Sebarang kesulitan ataupun kemunduran progres akan ditangani melalui khidmat nasihat dan kaunseling, yang jelasnya program-program intervensi yang dilaksanakan bukanlah diibaratkan seperti melepaskan batuk ditangga.

Oleh yang demikian, Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang diberikan kepada golongan susah terutama sekali kepada mereka yang kurang berkeupayaan dari segi fizikal dan mental bukan merupakan penyelesaian jangka masa panjang untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Sehubungan dengan ini, situasi

penerima Bantuan Kebajikan Bulanan akan direviu setelah mencapai tempoh setahun apabila penerima-penerima didapati telah berupaya untuk menyara kehidupan sendiri, Bantuan Kebajikan Bulanan mereka akan diberhentikan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan juga memberikan fokus ke atas hasil dan kesan program-program intervensi yang diberikan kepada mereka yang menerima bantuan bagi memastikan segala usaha adalah berbaloi, *sustainable* dan menepati pendekatan *value for money*.

Sememangnya dalam keadaan ini, mereka yang berjaya dikeluarkan daripada bergantung kepada bantuan adalah dalam kadar *arithmetic progression* berbanding dengan keramaian bilangan yang mendaftar setiap bulan dan tahun iaitu dalam kadar *geometric*.

Walau bagaimanapun, sekecil manapun bilangan hasil yang dapat dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan ianya tetap merupakan kejayaan dan keberhasilan yang dijadikan sebagai penanda aras, galakan dan dorongan.

Sebagai contoh, sejak bulan April 2012 hingga 3 Februari 2015, sebanyak 2,304 kes bantuan kebajikan bulanan telah diberhentikan atas sebab-sebab seperti mendapat pekerjaan dan membuka perniagaan sendiri, menerima bantuan lain seperti agihan zakat, menerima Pencen Tua, menerima pencen turunan,

menerima pendapatan tambahan seperti kenaikan gaji dan sebagainya.

Begitu juga daripada 91 orang peserta yang termasuk 17 orang ibu tunggal dan 24 orang penerima bantuan kebajikan bulanan yang telah mengikuti Program Perkasa Komuniti yang baru diperkenalkan melalui 3 fasa pengambilan, 5 orang telah memperolehi pekerjaan dan 15 orang telah memulakan perniagaan sendiri, manakala seramai 11 orang daripada peserta penerima bantuan kebajikan bulanan tidak lagi menerima bantuan berkenaan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Sementara itu, Program Asnaf Zakat (PROPAZ) bertujuan memperkasa penerima-penerima asnaf zakat termasuk ibu-ibu tunggal dengan kemahiran agar dapat menjana pendapatan melalui pekerjaan dan keusahawanan. Daripada seramai 173 orang peserta sepanjang tujuh sesi pengambilan dari tahun 2007 hingga 2013, seramai 123 orang (71 peratus) telah berjaya keluar daripada kemiskinan dengan mendapat pekerjaan di sektor Kerajaan, di sektor swasta dan juga membuka perniagaan sendiri.

Jumlah yang dinyatakan sedikit sebanyak mencerminkan peningkatan keupayaan dalam kalangan bekas penerima-penerima bantuan untuk merubah *mindset*, mempunyai kesedaran untuk berusaha menyara kehidupan sendiri sebagai tanggungjawab dan tidak bergantung sepenuhnya pada bantuan Kerajaan

semata-mata yang dihasilkan melalui kaunseling dan motivasi.

Dalam waktu yang sama tidak dapat dinafikan pelaksanaan usaha-usaha Kerajaan ini juga menghadapi cabaran-cabaran tertentu. Umpamanya melalui Program Perkasa Komuniti, walaupun berbagai insentif seperti elaun latihan, bantuan kenderaan, pakaian dan makan minum termasuk juga bimbingan dan latihan sebelum dan semasa menjalani latihan diberikan kepada mereka yang akan mengikuti program ini, namun tidak ramai kumpulan sasaran termasuk ibu-ibu tunggal yang tampil ke hadapan untuk mengikutinya.

Justeru itu, untuk mengeluarkan bantuan-bantuan termasuk ibu-ibu tunggal supaya berdikari dan tidak bergantung lagi pada bantuan bulanan juga memerlukan perubahan minda individu itu sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Usaha-usaha yang lebih inovatif dan berkesan akan terus diterokai demi untuk mengeluarkan masyarakat susah negara ini dari kepompong kemiskinan. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta agensi-agensi dalam Kerajaan yang berkepentingan termasuk Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan jawatankuasa-jawatankuasa khas di bawahnya tidak memandang remeh atau mengambil jalan mudah menangani isu kemiskinan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua beberapa hari kebelakangan ini, tanggungjawab yang dilaksanakan oleh agensi-agensi

Kerajaan diibaratkan berat mata memandang berat lagi bahu memikul.

Dalam kesempatan ini, saya ingin memaklumkan dalam dewan yang mulia ini bahawa mekanisme pelaksanaan semua program direviu secara berterusan dan diubah suai mengikut keperluan situasi keadaan untuk meningkatkan keberkesannya. Kita juga melihat dan berkongsi pengalaman dan amalan-amalan terbaik serta kejayaan-kejayaan dari negara-negara jiran dan negara-negara maju.

Tanggapan mengenai *negative mindset* dan prejudis dalam kalangan agensi pelaksana program-program bantuan adalah satu pandangan disebabkan kurang memahami walaupun tidak dinafikan masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan dan pendekatan baharu yang perlu diperkenalkan. Apa pun sistem dan mekanisme yang digunakan oleh negara-negara di dunia termasuk negara maju dan kaya dan juga kita di Negara Brunei Darussalam, tidak ada penyelesaian yang tepat dan mutlak atau *finite* bagi mengatasi kemiskinan yang dihadapi.

Kemiskinan merupakan kitaran sosial (*social cycle*), lebih-lebih lagi dalam mengatasi isu kemiskinan *relative poverty* ia merupakan sangat mencabar jika dibandingkan dengan menangani kemiskinan tegar (*extreme poverty*) yang dicapai oleh *Millenium Development Goal* yang hanya memerlukan US\$2.00 sehari.

Negara-negara maju dan kaya masih bergelut dan menghadapi kemelut ekonomi dan sosial dalam menyelesaikan *relative poverty* mereka. Kadar kemiskinan relatif yang mereka hadapi adalah daripada kadar 6 peratus hingga 19 peratus. Yang penting kita terus berusaha, tidak bersikap *complacent*, tidak buntu fikiran dan patah semangat untuk mencari jalan penyelesaian dan pendekatan yang pragmatik dan berkesan.

Disebabkan itulah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi yang berkepentingan memperkenalkan berbagai-bagai pendekatan bagi menangani isu kemiskinan yang antara lain seperti menempatkan murid-murid yang berisiko ke sekolah berasrama, memberikan pengangkutan bas sekolah bagi anak-anak dari keluarga miskin, program-program memperkasa penerima bantuan baik dalam bentuk latihan kemahiran dan perubahan *mindset*, pembentukan Jawatankuasa Khas Menangani Mentaliti Masyarakat dan lain-lain. Ini termasuklah program-program mitigasi dan kesedaran seperti literasi kewangan yang disasarkan kepada masyarakat umum, golongan remaja dan mereka yang berisiko.

Sehubungan itu juga, bagi memastikan pemberian jaminan sosial termasuk menangani isu kemiskinan di Negara Brunei Darussalam adalah bersikap progresif, praktikal, dinamik dan inklusif.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggunakan pendekatan yang berasaskan kepada *accessibility*, *equitability* dan *sustainability*. Bagi mencapai objektif berkenaan kaedah *Key Performance Indicators (KPI)* juga digunakan termasuk juga melalui *profiling* penerima-penerima bantuan bagi memastikan intervensi yang bersesuaian dapat diberikan mengikut latar belakang mereka. *Profiling* ini juga akan membantu kementerian ini untuk memfokus latihan-latihan kemahiran dan Program Perkasa kepada yang berupaya dari segi mental dan fizikal. Manakala, bagi mereka yang tidak berkupayaan dari segi mental dan fizikal bantuan-bantuan yang sewajarnya akan terus diberikan.

Alhamdulillah, dalam konteks ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah arah tuju dan saranan kepada dewan yang mulia ini pada mengubah *mindset* mereka yang bergantung pada bantuan, diharapkan kita tidak hilang fokus dan seterusnya menjunjung tinggi titah Baginda itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mencari kaedah-kaedah untuk memastikan program-program jaminan sosial yang diberikan mudah diakses oleh golongan yang memerlukan termasuk ibu-ibu tunggal. Oleh itu, kementerian ini menyambut baik saranan bagi penubuhan pusat-pusat perkhidmatan pemedulian sosial di merata kawasan untuk mendekatkan

atau memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan sosial.

Berbanding dengan perkhidmatan kesihatan, pusat-pusat kesihatan yang dibangunkan adalah mengikut tadahan kediaman penduduk dan keramaian penduduk secara keseluruhan yang merangkumi semua strata penduduk, perkhidmatan-perkhidmatan bantuan kebajikan yang diselenggarakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat adalah disalurkan mengikut keperluan sebahagian daripada penduduk di daerah-daerah.

Dengan jumlah ketua keluarga yang menerima bantuan kebajikan bulanan dengan taburan seramai 4,434 orang ketua keluarga di Daerah Brunei dan Muara, 659 orang ketua keluarga di Daerah Belait, 737 orang ketua keluarga di Daerah Tutong dan 249 orang ketua keluarga di Daerah Temburong. Cawangan-cawangan JAPEM yang ada di daerah-daerah pada masa ini mampu memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

Sungguhpun demikian, kaedah-kaedah baharu akan diaplikasi bagi memperbaiki *social service delivery* kementerian ini, termasuk untuk mengembangluaskan *outreach* ke kawasan-kawasan perumahan secara *cost effective* sesuai dengan perinsip jaminan sosial yang *accessible*, *equitable* dan *sustainable* seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini.

Ke arah ini, perundingan-perundingan dengan sektor swasta dan sektor bukan

Kerajaan termasuk persatuan sukarelawan dan perusahaan sosial (*social enterprises*) telah pun dibuat bagi menubuhkan fasiliti-fasiliti dukungan bagi menyalurkan perkhidmatan sosial kerajaan kepada masyarakat umum. Penubuhan pusat-pusat kegiatan warga emas di setiap daerah melalui kaedah *public private people partnership* dan perkongsian kos pembinaan juga mendukung ke arah usaha *outreach* ini.

Dengan dukungan melalui penglibatan pemimpin-pemimpin akar umbi seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri, institusi keluarga, mukim dan kampung termasuk penglibatan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di seluruh negara dan juga penglibatan persatuan-persatuan bukan Kerajaan dan sukarelawan, penyaluran perkhidmatan sosial kepada masyarakat ataupun sekurang - kurangnya penyaluran penyelarasan maklumat kepada yang memerlukan dapat ditangani secara optima.

Dalam waktu yang sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan mengambil berat tentang keupayaan dan tahap profesionalisme pekerja-pekerja pembangunan masyarakat dan juga pegawai-pegawai kaunseling di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Apa tah lagi mereka berdepan dengan golongan yang berlainan masalah, kehendak dan keperluan yang memerlukan mereka di samping bersikap *multi-tasking* tetapi juga mempunyai profesionalisme yang

khusus dengan tidak mengenal masa dan situasi.

Saya sangat kagum dan berbangga atas komitmen pegawai dan kakitangan *frontline* kementerian ini khususnya JAPEM yang nisbah mereka ialah seorang pekerja kepada 334 penerima bantuan kebajikan bulanan yang berjaya melaksanakan *multi-tasking* dengan membuat lawatan ke rumah-rumah klien untuk membuat penyiasatan, memberikan bimbingan, nasihat dan kaunseling, termasuk tunjuk ajar membersihkan rumah dan mengerjakan tanggungjawab *spiritual*, menyediakan dan menyampaikan laporan dalam mesyuarat, mengambil tindakan dan membuat perundingan dengan agensi-agensi berkepentingan untuk mendapatkan kemudahan hak klien, menyampaikan maklumat kepada majistret di mahkamah, menghantar bantuan-bantuan makanan dan peralatan ke rumah-rumah klien, menyampaikan taklimat motivasi dikhalayak ramai, berdepan dengan klien yang kasar dan naik berang dan ada ketikanya mengugut pekerja-pekerja berkenaan, kerana mereka melihat tugas mereka sebagai satu ibadah.

Ke arah meningkatkan kepakaran dan profesionisme pegawai dan kakitangan yang dimaksudkan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggalakkan mereka untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan di peringkat Ijazah Lanjutan dan *Ph.D.* Setakat ini, melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan

(LDP), Jabatan Pembangunan Masyarakat telah meluluskan 5 orang Pegawai Kanan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Lanjutan (*Postgraduate Studies*), 3 orang telah mengikuti kursus *Master in Counseling*, 1 orang dalam *Master in Social Work* dan 1 orang lagi dalam *Master in Women, Violence and Conflict*. Di samping itu, 2 orang pegawai JAPEM telah pun mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan di peringkat ijazah. Peluang-peluang untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pegawai dan kakitangan kementerian ini juga dibuat melalui penempatan kerja di jabatan-jabatan *counterpart* JAPEM di luar negara seperti Malaysia dan Singapura.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, semua usaha dan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaksanakan strategi dan sosioekonomi negara memerlukan kerjasama padu daripada semua pihak yang berkepentingan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat, saya kira telah pun menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan barangkali ada baiknya beralih kepada isu lain yang Yang Berhormat juga akan menjawabnya.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar perbincangan mengenai Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis dan soalan-soalan tersebut telah dijawab oleh kementerian yang berkenaan. Maka untuk meneruskan perbincangan kita atau membolehkan kita beralih kepada susunan kerja seterusnya, maka seperti yang kita hadapi ketika ini ada perkara lagi yang perlu diselesaikan terutamanya mengenai Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Maka, bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu-per satu.

Alhamdulillah, sehingga hari ini Mesyuarat Jawatankuasa telah meluluskan beberapa buah kementerian yang telah dijadikan sebahagian daripada Jadual iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan.



Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan tempoh hari, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tidak dapat hadir atas urusan-urusan rasmi di seberang laut, maka perbincangan bagi tajuk kementerian berkenaan telah kita tangguhkan untuk dibincangkan.

Maka, sebelum kita berpindah kepada tajuk yang seterusnya pada petang ini, ada baiknya kita balik semula membincangkan dan seterusnya, insya-Allah meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan lebih dahulu.

Saya ada 3 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin mengemukakan soalan mereka kepada kementerian berkenaan. Tapi sebelum itu saya minta barangkali Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) untuk membuka mukadimahnyanya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu sukacita kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pengerusi atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin juga merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam penyediaan Rang Belanjawan

Tahun 2015/2016 bagi peruntukan sebanyak \$151,858,920.00 untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan termasuk Peruntukan bagi 43 buah perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri.

Dengan peruntukan ini, pihak kaola akan dapat melaksanakan tugas Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan baik dan bekesan. Antara tugas penting kementerian ini ialah mendukung dasar dan memelihara perhubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Permasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.

Bukan sahaja kita perlu membuktikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tetapi juga sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan berkebolehan untuk menyumbang kepada keamanan sejagat.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam telah menyertai pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Misalnya, *ASEAN, APEC, WTO, NAM, OIC* dan *Commonwealth* di samping menjalin hubungan dua hala dengan 164 buah negara. Apa matlamat negara kita pada tahun 2015?

Seperti tahun-tahun lepas, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada tahun 2015 akan menghadapi

beberapa isu penting sama ada di rantau ini atau di arena antarabangsa. Di rantau ini misalnya, kita akan terus berusaha dengan negara-negara *ASEAN* yang lain dalam membentuk satu Komuniti *ASEAN* yang dihasratkan untuk memberi manfaat dan kebajikan kepada warga *ASEAN* dengan menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berkekalan di rantau ini.

Sementara itu, di arena antarabangsa pula kita akan sentiasa berhadapan dengan isu-isu keselamatan dan keamanan global. Ini termasuk juga, isu-isu yang dianggap memberi kesan kepada kesejahteraan sejagat seperti perubahan iklim ataupun *Climate Change*.

Salah satu lagi portfolio penting di bawah tugas kementerian ini semenjak 2005 ialah melaksanakan penyelarasan kerjasama perdagangan serantau dan antarabangsa. Tugas-tugas ini banyak tertumpu kepada perundingan-perundingan untuk mendapatkan pasaran bagi ahli perniagaan tempatan dan menarik pelaburan ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekian sahaja yang dapat kaola bentangkan dan kaola berharap Rang Peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan 2015/2016 dapat diterima dan kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Saya ada senarai yang mengandungi 3 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menimbulkan beberapa soalan dan saya jemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerusi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) memberi sokongan dan memudahkan misi luar Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan dan aktiviti promosi pelaburan seperti mengatur, menyelaraskan aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan termasuk dalam penyertaan ekspo antarabangsa, pameran bergerak, promosi di luar negara, keluar dan masuk perdagangan dan misi pelaburan.

Soalan kaola, selain promosi perdagangan minyak dan gas, apakah aktiviti promosi pelaburan dan perdagangan yang telah dilaksanakan dan bagaimana tahap atau kadar penyertaan negara-negara berkenaan? Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat ingin menjawab terus atau mendengar dahulu soalan-soalan yang lain? Jadi, kita minta Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola mengenai pemegang *CI* bagi Penduduk Tetap sebagai dokumen perjalanan. Buat masa ini mereka belayar ke negara ASEAN, memerlukan visa kecuali Singapura, Sabah dan Sarawak sahaja.

Negara Brunei Darussalam sudah menjadi ahli *ASEAN* sejak 7 Januari 1984. Pihak yang berkuasa perlulah membuat perundingan dengan *ASEAN*, supaya pemegang *CI* ini dikecualikan daripada visa dan dibenarkan untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya 2 minggu atau sebulan, kerana tujuan mereka membuat lawatan atas urusan perniagaan, *medical check-up*, *sight-seeing* dan bukanlah bekerja di sana.

Untuk makluman Yang Berhormat, Duta-duta *ASEAN* di Negara Brunei Darussalam pun mengenali sedikit sebanyak tentang pemegang *CI* masyarakat Tionghoa adalah peniaga-peniaga bisnes besar, *SME*, orang-orang profesional dan berkualiti. Negara Brunei Darussalam adalah ahli *ASEAN* dan banyak *MOU* telah dibuat seperti *ASEAN Human Rights Declaration* pada tahun 2012 di Phnom Penh.

Seperti yang dituliskan di dalam *ASEAN Human Rights Declaration*, bahagian Prinsip Am para 15 berbunyi "*Any person has a right to freedom of movement and residence within the border of estate. Every person has a right to leave any country including his*

*or her own and return to his or her country*". Demi mewajibkan *ASEAN Solidarity*, maka *service* ini wajib diambil keutamaan. Kaola harap perkara ini pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membuat perundingan dengan *ASEAN Dialogue* mengenai hal visa ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dari sana kita beralih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola hanya ingin bertanya lagi atas cadangan yang pernah kaola suarakan dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan, iaitu mengenai cadangan untuk menubuhkan Konsulat Negara Brunei Darussalam di Pontianak. Kaola ingin mengetahui, barangkali ada dapatan-dapatan daripada *MOFAT* yang tidak memungkinkan Negara Brunei Darussalam untuk menubuhkan konsulat di kawasan tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, hanya 3 Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengemukakan soalan dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) untuk menyatakan reaksinya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua):**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berkenaan dengan Bahagian Promosi Perdagangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Barangkali kaola akan menjawab bahawa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan melalui Bahagian Promosi Perdagangan telah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan prestasi pengusaha-pengusaha dan barangkali fokus dalam bahagian promosi ini adalah bahagian usaha-usaha pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Bahagian Promosi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini melalui Pusat *ASEAN* - Japan, Pusat *ASEAN* - China dan Pusat *ASEAN* - Korea juga turut membantu dalam bentuk program-program teknikal dan kerjasama bagi *SME's* mengembangkan produk-produk tempatan dari segi kualiti dan pembungkusan. Pengusaha-pengusaha produk yang dinilai dan dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan telah dipilih untuk mengikuti program-program perkembangan pembangunan produk iaitu *Product Development* di dalam dan di luar negeri.

Sebagai contoh, *ASEAN* - Japan telah mendatangkan 2 orang pakar *packaging* dan *marketing* pada Januari 2015, bagi menerangkan tatacara *packaging* dan *marketing* produk Negara Brunei Darussalam ke pasaran Jepun, yang telah disertai oleh Syarikat-syarikat *Golden Corporation Sendirian Berhad*, Asli KTM Sendirian Berhad, *IBIC*, Sahamada Sendirian Berhad dan perusahaan-perusahaan kecil.

Sama juga dengan Pusat *ASEAN* - Korea, mereka telah mendatangkan dua pakar permakanan dari Korea pada bulan Februari 2014 dan dalam bidang pelaburan, Pusat *ASEAN* - Korea telah mengadakan *Investment dan Environment Seminar on Brunei Darussalam* di Seoul, Korea pada Februari tahun ini, dan disertai oleh *MIPR, BEDB, Ghanim International Sendirian Berhad dan Golden Corporation Sendirian Berhad*.

Dalam bidang *ICT*, Pusat *ASEAN* - Japan dan *ASEAN* - Korea telah memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat *ICT* daripada *i-Centre* untuk menyertai *gameshow* Japan. Dalam bidang pelancongan Pusat *ASEAN* - Korea telah mendatangkan pakar dari Korea untuk mengajar bahasa dan budaya Korea kepada syarikat-syarikat berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Jadi Bahagian Promosi ini juga membawa produk-produk yang berpotensi ini untuk dipromosikan di ekspo-ekspo dan pameran-pameran perdagangan di luar negara dan bekerjasama dengan Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei

Darussalam di luar negeri di samping mengadakan seminar dan bengkel mengenai pasaran luar negara bagi *SME*.

Itulah jawapan kaola secara ringkas kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Kalau Yang Berhormat mahu lagi *information* yang lebih *detail* lagi dapatlah kaola kongsi nanti.

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin sebenarnya perkara ini bukanlah soalan tetapi berupa cadangan Yang Berhormat supaya pemegang *CI* itu dirundingkan dengan negara-negara rakan kita di *ASEAN* supaya perjalanan mereka diberikan *visa free*. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini *ASEAN* belum lagi ada *ASEAN Free Travel* kepada bukan sahaja pemegang *CI* tetapi termasuk juga pemegang pasport ini seluruhnya, belum lagi ada *ASEAN Free Travel*. Barangkali cadangan Yang Berhormat ini haruslah kita rundingkan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kepada rakan-rakan kita di negara *ASEAN*. Kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan itu, dan cadangan ini nanti dapatlah dirundingkan dengan kementerian-kementerian dan rakan-rakan sejawat dari *ASEAN*.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee berkenaan dengan cadangan pembukaan Konsulat di Pontianak. Terima kasih, perkara ini telah diselidiki dan telah disemak, seperti Yang Berhormat fahami, ini akan

memakan perbelanjaan dan juga pegawai-pegawai yang harus kita hantar ke Pontianak.

Jadi, selepas difikirkan dan dikaji pada masa ini, belumlah tiba masanya tetapi cadangan Yang Berhormat tadi diucapkan terima kasih dan akan diambil maklum dahulu dan akan dikaji lagi semula. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penerangan pembentangan ringkas daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan kita juga telah pun mendengar soalan-soalan yang dikemukakan dan jawapan-jawapan yang diberikan. Maka dengan itu, Tajuk ini akan saya undi untuk diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju bagi Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih nampaknya semua bersetuju.

**Yang Berhormat Jurutulis I:** Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dimasukkan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga SK08A Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah memberikan notis supaya Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini lebih dahulu membincangkan anggaran perbelanjaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya kerana saya telah difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu, bahawa Yang Berhormat mempunyai komitmen segera atas urusan rasmi.

Maka Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan kita kemudikan dan akan dibincangkan kemudian nanti insya-Allah. Oleh yang demikian, saya membenarkan bagi Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini mendahulukan perbincangan bagi Kementerian Pembangunan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuka Tajuk ini untuk dibahaskan saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk menyampaikan mukadimahnyanya berkenaan dengan Tajuk kementeriannya sendiri. Yang Berhormat silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi tahniah atas perlantikan Yang Berhormat selaku

Yang Di-Pertua Dewan Majlis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lantikan ini adalah pengiktirafan yang tinggi atas kepimpinan dan kewibawaan Yang Berhormat semasa memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan. Kaola yakin dengan adanya pengalaman dan sikap profesionalisme Yang Berhormat Pengerusi selaku Yang Di-Pertua dan insya-Allah Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara akan berjalan dengan efisien dan mencapai matlamatnya.

Kaola selaku ahli Majlis Mesyuarat Negara akan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada Yang Berhormat Pengerusi sepanjang permesyuaratan ini berlangsung.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan sedikit rancangan kerja yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya sebelum Jawatankuasa membincangkan tajuk-tajuk yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kementerian Pembangunan menyokong sepenuhnya Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi.

Terutama dalam titah Baginda menyeru supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan rakyat serta penduduk negara ini peka dengan situasi yang ada pada hari ini khususnya dalam perkara ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara seperti harga minyak yang jauh merudum.

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah perlunya penghijrahan positif *mindset*, dan bagi negara mengekalkan dasar kestabilan fiskal dan mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money*.

Alhamdulillah, dalam Kerajaan menyeru kita berbelanja secara berhemah, kesejahteraan awam dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini masih diberi perhatian berat. Bagi Kementerian Pembangunan peruntukan sebanyak \$296,428,540.00 telah pun disediakan bagi tahun 2015/2016.

Ini bagi memastikan bahawa usaha-usaha mempertingkatkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di negara ini akan diteruskan. Ini termasuklah bagi pemeliharaan aset-aset Kerajaan dan taraf kemudahan awam seperti jalan raya, pemeliharaan sistem bekalan air dan sebagainya, yang pertambahan peruntukan sebanyak \$20 juta kepada \$70 juta telah diberikan kepada Jabatan Kerja Raya. Peruntukan sejumlah \$4 juta dengan harga rancangan \$12,700,000.00 bagi projek menaik taraf Jalan Buau-Biadong-Sukang-Melilas.

Kerja-kerja peningkatan pengurusan kesesakan dan keselamatan jalan raya di beberapa kawasan seperti Muara-Tutong *highway roundabout* ke Pekan Muara, melapis semula jalan utama di Daerah Belait, dan lain-lain, peruntukan sebanyak \$5 juta bagi kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Bekalan Air; dan \$5 juta bagi kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran dan Pembedungan, termasuk bagi pencegahan banjir setempat dan sebanyak \$78.7 juta dengan harga rancangan \$741.6 juta bagi membiayai beberapa projek di bawah Skim Perpindahan Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati ke semua daerah.

Dalam masa yang sama di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, lebih \$1.3 bilion telah diperuntukkan bagi projek-projek penyediaan infrastruktur seluruh negara iaitu bagi sejumlah 163 projek. Dari jumlah ini, lebih \$593 juta bagi 65 projek jalan raya, \$361 juta bagi projek pembekalan

air dan \$248 bagi 37 projek saliran dan \$111 juta bagi 21 projek pembedungan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sejak Permesyuaratan Kesepuluh beberapa projek jejambat (*flyover*) sedang dalam pembinaan antaranya:-

- i. Pembinaan jejambat di persimpangan Jalan RIPAS / Jalan Babu Raja;
- ii. Pembinaan jejambat di persimpangan Lebu Raya Muara-Tutong Jalan Meragang;
- iii. Pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Berakas / Lebu Raya Muara-Tutong;
- iv. Pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Telanai / Jalan Gadong;
- v. Pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Lebu Raya Muara-Tutong; dan
- vi. Pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu.

Di samping itu, dua jambatan sedang dalam pembinaan. Jambatan Sungai Kebun kini siap melebihi 30 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan tahun 2016. Sementara projek jambatan ke Temburong akan bermula pada awal tahun ini setelah kontrak ditandatangani Februari lalu bagi fasa pertama *CC2* iaitu *Marine Viaduct*.

Bagi memastikan pembekalan air bersih yang berterusan ke arah mencapai Wawasan Negara 2035, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air akan membuat perancangan yang selari dengan keperluan negara. Beberapa projek bekalan air telah siap beberapa tahun kebelakangan ini dan beberapa projek lagi dijangka siap dalam sedikit masa lagi seperti:-

- i. Empangan baharu Ulu Tutong;
- ii. Loji rawatan air peringkat 7 Bukit Barun;
- iii. Pemasangan paip utama baharu dari Bukit Barun ke Daerah Brunei dan Muara (Terunjing);
- iv. Meningkatkan simpanan air bagi Empangan Mengkubau;
- v. Meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih bagi Loji Rawatan Air Mengkubau; dan
- vi. Projek Pemasangan paip air di kawasan pedalaman seperti penanaman paip rangkaian baharu ke Kampong Biau dan Kampong Sukang di Daerah Belait.

Dalam penyediaan infrastruktur saliran dan pembedungan, kita telah mencapai tahap bagi sanitasi, 92 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam yang mempunyai sistem sanitasi yang efisien yakni menggunakan sistem septik, sementara sistem pembedungan secara berpusat (*centralized*) 56



peratus. Dari segi kestabilan pantai dan mengatasi masalah hakisan pantai 42 peratus pesisiran pantai Brunei iaitu sepanjang 130 kilometer pesisiran pantai kini dilindungi daripada hakisan. Masalah banjir pula dapat kita kurangi sebanyak 60 peratus, berkurang dari 280 kilometer persegi pada tahun 2013 kepada 240 kilometer persegi pada tahun 2014.

Insyallah, dengan siapnya nanti beberapa projek yang sedang berjalan seperti pembinaan beberapa kolam tadahan dan stesen pam, projek meningkatkan sistem saliran (longkang dan *outlet*) dan pembinaan tembok bagi meningkatkan keberkesanan saluran yang ada, masalah banjir ini akan dapat kita kurangi lagi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Usaha ke arah menyediakan perumahan negara terus diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan. Beberapa ribu unit rumah berbagai-bagai jenis yang dibina di bawah pengurusan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEED*) dan juga Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan telah pun siap dan diserahkan baru-baru ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Beberapa projek perumahan lagi sedang berjalan termasuklah rumah jenis kelompok (*cluster*) dan *vertical housing* (*high rise*). Dengan siapnya nanti projek ini akan menambah lagi bilangan rumah yang dapat diberikan kepada mereka yang telah menunggu. Untuk keperluan

akan datang, Skim Perumahan Negara ini akan dimantapkan lagi dengan kaedah yang melibatkan sektor swasta membekalkan rumah secara langsung kepada pemohon.

Pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan menjadi fasilitator agar rumah-rumah tersebut akan dapat cepat dibina terutama bagi mereka yang mampu dari segi pendapatan dan mereka yang mendapat kemudahan Kerajaan seperti melalui Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan pinjaman Kerajaan. Insyallah perkara ini akan diusahakan agar ia menjadi satu skim alternatif perumahan yang *sustainable*.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan pemeduliaan kepada orang ramai, Kementerian Pembangunan telah mengambil kira akan beberapa komen serta pandangan orang ramai yang pernah dibawa di dewan yang mulia ini. Proses-proses dan peraturan atau akta yang sedia ada telah dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa agar ia sejajar dengan usaha meningkatkan produktiviti dalam kalangan warga Kementerian Pembangunan.

Jabatan Tanah misalannya telah mengambil langkah beberapa pembaharuan dalam usaha meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam. Langkah *Streamlining* proses pindah milik tanah. Dalam pindah milik atau menandatangani *Memorandum of Transfer* (*MOT*) hanya dilakukan setelah

ada kebenaran memiliki tanah. Ini bagi mengelakkan pemindahan tanah dan pembayaran dibuat sebelum ada kebenaran pindah milik. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi prosedur baharu ini yang diproses di Jabatan Tanah memakan masa kurang dari 15 hari berbanding 54 hari sebelumnya.

Kaunter pindah milik juga telah dibukakan kepada orang ramai setiap hari waktu bekerja yang pada asalnya permohonan hanya diterima pada setiap hari Isnin dan Rabu sahaja. Kaunter pembayaran di Pejabat-pejabat tanah, daerah juga telah dibuka setiap hari bagi pembayaran cukai tanah termasuk hari Sabtu petang bagi memudahkan pihak swasta membuat pembayaran.

Bagi menangani tunggakan hasil, pemberitaan tentang pembayaran cukai tanah melalui media massa dengan mengingati pemilik tanah akan Undang-Undang Kanun di bawah Bab 18 Kanun Tanah 1909 Penggal 40. Hasil daripada itu kutipan tanah bagi Tahun Kewangan 2014/2015, keseluruhan kutipan cukai tanah meningkat ke 67.8 peratus.

Jabatan Tanah juga telah memperkenalkan *Land Management System (LMS)* iaitu satu sistem permohonan tanah melalui *online* bagi memproses permohonan tanah dan membolehkan orang ramai mengakses secara *online* untuk menghadapkan permohonan dan mereka boleh mengetahui status kedudukan permohonan tanpa perlu hadir ke Jabatan Tanah.

Selaku agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam menyediakan pemetaan atau maklumat *geospatial*, Jabatan Ukur juga telah mengambil langkah baharu dalam menyediakan maklumat *geospatial* secara *online* yang boleh dilayari melalui *internet*.

Dengan adanya maklumat ini secara *online*, sesiapa pun boleh mendapatkan maklumat tersebut dan ini boleh mempercepatkan lagi proses perancangan kemajuan tanah di atas tapak-tapak tanah mereka.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam negara rancak membangun, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar adalah suatu perkara yang menjadi fokus utama bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe). Selain menyediakan tempat-tempat riadah dan kerja-kerja pembisaian taman dan landskap seperti yang dapat kita lihat di jalan-jalan utama dan pusing keliling. Walaupun masih terdapat beberapa cabaran yang sukar diatasi, seperti menjaga kebersihan kampung dan kawasan perumahan, tempat-tempat awam dan juga perairan sungai, pengutipan dan pelupusan sampah dan sisa-sisa pepejal. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap projek besar mematuhi *Environment Impact Assessment (EIA)*. Memantau kualiti udara dan air, menangani isu yang berkaitan dengan *transboundary haze* (jerebu menyeberangi sempadan) dan isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengajukan soalan bertulis mengenai isu pencemaran alam dan sejauh mana Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Reakrasi (JASTRe) menanganinya. Ini menunjukkan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan yang memandang berat isu pencemaran dan implikasinya kepada generasi yang akan datang jika ia tidak diberi perhatian yang cukup.

Akhir sekali kaola juga ingin mengongsikan perkembangan yang dibuat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa terutama dari segi Kawalan Kemajuan atau *Development Control* dengan mengemas kini proses dan prosedur untuk mendapatkan kebenaran perancangan bagi permohonan kemajuan tanah dan bangunan dengan matlamat untuk mempercepatkan pengeluaran kebenaran perancangan.

*Building Control Order (BCO)* yang akan dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan tidak lama lagi bertujuan memastikan segala kemajuan seperti bangunan-bangunan yang akan dibina, diubah suai dan juga kerja-kerja tanah dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan, prosedur-prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Ini adalah bagi memastikan pembangunan akan menjadi lebih tersusun dan terurus dan tidak dibuat sewenang-wenangnya. Dengan mengikut peraturan dan prosedur serta

garis panduan itu, permohonan bagi kemajuan tanah dan pembangunan akan dapat dipertimbangkan dan diluluskan dengan cepat, di samping ia dapat memastikan tahap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan semua pihak sentiasa terjaga.

Semua usaha ini dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan bertujuan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kepada orang ramai, meringkaskan dan mempercepatkan proses permohonan di samping dapat diharap memperbaiki *ranking* negara Brunei Darussalam dalam *Ease Of Doing Business*. Insya-Allah.

Sekian sahaja yang ingin kaola kongsikan Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan yang telah pun diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan minat untuk turut serta dalam perbincangan Tajuk ini dan saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas mukadimah awal yang telah disampaikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tentang rancangan-rancangan kerja yang akan dan telah dilaksanakan di kementerian yang berkenaan.

Alhamdulillah dalam kesempatan ini kaola ingin menyebut di bawah Tajuk SK01A Kementerian Pembangunan mengenai tol Jambatan Rasau yang telah dibuka bagi kemudahan rakyat dan penduduk negara ini amnya untuk menyeberangi Sungai Belait yang dulunya hanya menggunakan perkhidmatan feri. Perkara ini telah kaola ketengahkan dalam sesi permesyuaratan yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi. Walaupun bayaran yang dikenakan bagi menyeberangi Jambatan Rasau hanya sebanyak \$6.00 bagi setiap penyeberangan itu pergi dan balik. Bagi rakyat yang berpendapatan rendah yang tersebut adalah amat besar terutama sekali kepada penduduk yang ada kaitan keluarga di Kampong Sungai Teraban untuk menghadiri majlis-majlis keluarga dan acara-acara lain yang dilangsungkan di kampung tersebut termasuklah juga kepada masyarakat-masyarakat yang ingin mencari nafkah seperti memancing,

mengambil sayur-sayuran di kawasan Kampong Sungai Teraban.

Kalaulah tujuan pengenalan pembayaran tol itu untuk menambah pendapatan hasil negara kaola rasa bukanlah satu atau satu penentangan bahkan amat disanjung tinggi. Perkara itu kaola hanya bercontoh kepada Jambatan Sungai Pandaruan yang telah dibuka pada tahun lepas yang tidak dikenakan tol. Kalaulah bayaran tol itu masih diperlukan kaola memohonlah atau mencadangkan supaya ia dipindah ke satu kawasan yang lebih sesuai untuk mengelakkan pembayaran tol yang hanya dikenakan kepada pengguna-pengguna untuk menyeberangi dan berdudun ke Kampong Sungai Teraban. Kaola berharap kementerian yang berkenaan akan dapat meneliti semula mengenai kedudukan perkara ini.

Akhirnya kaola barangkali inginkan bertanya adakah sebarang inisiatif lain bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei ini dikecualikan daripada membayar tol bagi menyeberangi Jambatan Rasau sama seperti menyeberangi Sungai Pandaruan di Daerah Temburong yang tidak dikenakan tol?

Menyentuh SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Alhamdulillah, setelah mendengar mukadimah tadi yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, banyak langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah pembuangan sampah di seluruh negara ini. Kaola

teringat pada permesyuaratan yang lalu juga yang kaola mencadangkan atau menarik perhatian majlis supaya tempat pembuangan sampah ataupun perhimpunan sampah di Daerah Belait akan dapat dibuat bagi mengatasi masalah pembuangan sampah yang berjuritan yang tidak menentu dilakukan oleh setengah-setengah masyarakat kitani. Pada masa ini pembuangan sampah di Sungai Paku yang agak jauh dari Daerah Belait kurang lebih 50 km.

Jadi diharaplah perkara ini akan dapat dilihat semula dan diteliti bagaimana kesesuaiannya dan keperluannya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat mahu menjawab sekarang ini ataupun menunggu soalan-soalan lain.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Yang Berhormat Pengerusi kalau diizinkan kaola menunggu yang lain kerana masih belum banyak soalan. Kalau ada 3 atau 4 soalan nanti baru kaola akan menjawabnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Hanya ditakuti ada yang soalan terlimpas barangkali. Yang Berhormat karang tidak dapat dijawab. Kalau dapat Yang Berhormat melihat soalan-soalan dikemukakan itu barangkali dapat dijawab pada waktunya. Jadi barangkali ada baiknya kalau sesudah 4, 5 soalan Yang Berhormat dapat menjawabnya. Yang Berhormat Datin

Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola lebih dahulu juga ingin mengucapkan syabas dan mengalu-alukan langkah-langkah positif yang telah diterangkan oleh Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya seperti yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam ucapan mukadimah tadi.

Di sini kaola hanya ada satu soalan di bawah SK03A - Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 2011, semasa Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-65 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bagi memperkenankan satu bantuan kepada organisasi-organisasi bukan Kerajaan atau *NGO's* dalam bentuk penyediaan tapak tanah, reka bentuk untuk membina bangunan dan kemudahan-kemudahan utama bagi kebajikan termasuk infrastruktur yang tidak bertentangan dengan peraturan yang ada.

Dalam memperkenankan bantuan tersebut Baginda juga bertitah yang langkah tersebut adalah sikap prihatin Baginda kepada rakyat dan penduduk yang sama-sama membantu kumpulan orang-orang yang berkeperluan khas atau orang kurang upaya melalui

usaha-usaha yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi tersebut.

Di sini kaola hanya memohon untuk mendapatkan maklumat apakah perkembangan atas bantuan ini? Dan juga bagi pandangan kaola organisasi-organisasi bukan Kerajaan ini tidak mempunyai sumber kewangan yang besar dari itu keupayaan mereka untuk membina bangunan sendiri tanpa bantuan daripada Kerajaan sangat sukar. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas penerangan awal Yang Berhormat tadi akan perancangan-perancangan Kementerian Pembangunan dalam menangani pembangunan fizikal negara dan alam sekitar.

Diucapkan tahniah juga kepada Kementerian Pembangunan kerana telah mengendalikan kursus *further learning programme* bagi kejuruteraan

awam Kementerian Pembangunan baru-baru ini. Ia merupakan satu persediaan bagi melayakkan diri untuk menjadi ahli bagi pertubuhan institusi profesional bertaraf antarabangsa. Inisiatif ini yang dilaksanakan menunjukkan sokongan berterusan oleh Kementerian Pembangunan yang sememangnya dibuat selama ini bagi meningkatkan serta memajukan profesionalisme dalam industri pembinaan pembangunan dan infrastruktur. Usaha ini sangat dihargai.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya usaha meningkatkan kepakaran dan profesionalisme ini juga dilaratkan kepada sektor pemborongan atau *contracting sector*. Meningkatkan keupayaan sektor pemborongan dan perkhidmatan profesional akan dapat membantu industri pembangunan dan infrastruktur negara akan dapat bersaing di peringkat serantau.

Perkara ini bertepatan juga bahawa tahun 2015, merupakan bermulanya *ASEAN Economic Community*, bila mana negara-negara *ASEAN* komited untuk bergabung ekonomi ke dalam pasaran tunggal dengan menggalakkan pergerakan bebas barangan, pelaburan, perkhidmatan dan tenaga manusia.

Oleh itu, negara kita mestilah bersedia untuk menghadapi daya saing yang tinggi dalam kalangan negara-negara *ASEAN*. Kita mestilah membangunkan sumber manusia agar dapat bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Pada

lazimnya, penglibatan dalam pelaksanaan projek-projek binaan Kerajaan, merupakan peluang perniagaan dan keusahawanan bagi syarikat-syarikat tempatan.

Ke arah ini, kaola menjunjung titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Musim Mesyuarat Pertama dan Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara, iaitu supaya bidang keusahawanan biarlah diceburi ramai, kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Maklum balas diterima menyatakan yang penglibatan rakyat Melayu Brunei dalam sektor pemborongan industri pembinaan pada masa ini terhad dan semakin berkurangan.

Sebagai langkah ke hadapan mengenai perkara ini, dicadangkan Kementerian Pembangunan membuat penyelidikan mengenai sebab berkurangnya penglibatan rakyat Melayu Brunei dalam industri pemborong pembinaan dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang mereka hadapi. Membuat strategi bagi membantu pembangunan kapasiti terutamanya dalam pembangunan modal insan bagi industri pemborongan pembinaan supaya penyertaan rakyat Melayu Brunei dapat ditingkatkan.

Berhubung dengan projek-projek mega yang sedang dilaksanakan dan ketika menjawab soalan daripada rakan Yang

Berhormat, kaola mengalu-alukan penjelasan serta komitmen Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memastikan penglibatan dan pemberian *benefits* kepada syarikat-syarikat serta para profesional tempatan dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.

Untuk memastikan keberkesanannya, saya harap perkara ini akan dipatuhi oleh mereka yang berkenaan dan sentiasa akan dipantau oleh Kementerian Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 5 soalan:

1. Masalah *PA (Power of Attorney)* sudah selesai. Akan tetapi orang-orang luar sentiasa mencari *loop hole* dan kelemahan *Land Act* atau peraturan lain yang berkaitan dengan pemilikan hartanah. Yang amat dikhuatiri pada masa ini ialah *Land Strata Act*, kerana ada ururannya orang luar ingin memohon pemilikan rumah banglo atau teres menggunakan Akta Hak Milik *Strata*. Jadinya sebelum ada permasalahan besar yang akan timbul, ada baiknya akta tersebut direviu balik. Jangan sampai akan terjadi lagi seperti kes *Power of Attorney*;

2. Kenapakah permohonan pemecahan tanah yang bersyaratkan pertanian, dimestikan tidak kecil daripada 0.3 ekar tiap-tiap satu lot? Tanah-tanah persendirian di negara ini adalah terhad dan sedikit sahaja, tidak ramai penduduk yang memiliki tanah yang luas daripada 0.20 ekar. Pemilik tanah sejak dari dahulu lagi hanya dalam sekitar keluasan 0.20 hingga 0.25 ekar tiap-tiap seorang sahaja. Jika dipohonkan untuk tukar syarat perumahan akan memakan masa yang agak lama lagi. Paling cepat pun dalam satu tahun. Adalah dicadangkan tanah-tanah yang bersyarat pertanian dibenarkan minimum keluasan pecahannya dari 0.3 ekar kepada 0.2 ekar;
3. Mengenai dengan *ABCi (Authority for Building Control and Construction Industry)*. Permohonan untuk memajukan tanah seperti membina bangunan pada masa ini semakin susah. *Paperwork* yang perlu semakin bertambah. Prosedur yang semakin susah dan memakan masa yang bertambah lama. Apakah sebab-sebab kelambatan tersebut?;
4. Tanah yang diperuntukkan skim perumahan tidak mencukupi kerana 75 peratus kawasan Brunei adalah hutan simpan dan kawasan pertanian. Apakah usaha-usaha pihak kementerian mengatasi masalah ini?; dan
5. Sejak berpindahnya permohonan pemecahan dari Jabatan Ukur

ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Permohonan ini bertambah *paperworknya* dan memakan masa yang lama. Kalau Akta Jabatan Perancang Bandar dan Desa menjadi isunya, mengapa tidak akta berkenaan dipindah sahaja permohonan pemecahan tanah di Jabatan Ukur supaya lebih cepat dan mudah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Baik juga berhenti 4 soalan itu. Makin bertambah karang. Sebenarnya soalan-soalan itu dicatat dan insya-Allah akan dijawab pada masa ini:

1. Mengenai Tol Jambatan Rasau. Perkara itu telah ditimbulkan sebelumnya. Memanglah Tol Jambatan Rasau ini menjadi pendapatan kepada pihak Kerajaan. Setiap tahun kita mengutip banyak hasil daripada tol jambatan ini. Kalau kitani berhentikan tol ini, ertinya kita tidaklah ada pendapatan daripada tol jambatan ini. Perkara ini satu kesulitan bagi pihak kerajaan untuk meniadakan sumber pendapatan yang sudah kitani terima setiap tahun.



Walau macam manapun, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai hal orang berpendapatan rendah dan orang yang berkaitan dengan yang saudara-maranya yang tinggal di Sungai Teraban. Insya-Allah perkara ini pernah dibincangkan juga dan belum ada penyelesaiannya.

Walau macam manapun masih diaktif dalam pertimbangan pihak kementerian. Insya-Allah dalam sedikit masa lagi kita akan mendapat resolusinya macaman kitani untuk mengatasi masalah jangan sampai kita hilang hasil pendapatan. Di samping itu, macam mana kita mengurangkan beban orang yang sering berulang alik menggunakan tol di Jambatan Rasau ini, insya-Allah perkara itu akan dilihat sekali lagi macaman caranya untuk pihak Kerajaan tidak rugi dan tidak menyusahkan orang ramai;

2. Mengenai soalan ataupun cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai tempat pembuangan sampah diikhtiarkan supaya dapat disediakan di Daerah Belait. Perkara ini telah pun dibincangkan dan jawapan pada masa itu kita melihat sejauh mana tempat pelupusan di Sungai Akar itu dapat menampung ke semua sampah-sampah yang dikutip dari seluruh negara tidak termasuk Temburong.

Nampaknya tempat pelupusan Sungai Akar ini akan diserahkan Pihak *Brunei Economic Development Board (BEBD)* kepada Kementerian Pembangunan dan ada beberapa pembaharuan kitani fikirkan untuk mengatasi masalah pada masa ini. Kita belum ada menerima lagi pelupusan sampah di Sungai Akar, insya-Allah kalau ada sudah kitani menerima nanti dapat kitani melihat cara untuk menangani masalah pembuangan sampah yang ada di Daerah Belait itu.

Kita tidak menggalakkan banyak tempat pelupusan sampah di sana sini, sebabnya pencemaran alam dan juga jika tempat itu tidak dijaga keadaan itu akan menjadi kotor. Kita lebih suka ia di *centralized* satu tempat tetapi kita mengetahui dan menyedari juga bahawa ada sedikit masalah dari segi *collection* dan *disposal of rubbish* ini. Perkara ini akan dilihat sekali lagi bagi mengatasi masalah yang ada di Daerah Belait ini;

3. Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai tapak-tapak *NGO's* ini yang sebenarnya perkara ini telah pun selesai. Maksudnya tapak-tapak ini telah pun dikenal pasti dan masa ini dalam proses *design*, insya-Allah perkara itu akan ditender pada bulan September ini. Kita hanya menyediakan tapak dan *design*nya itu. Mungkin ada isu-isu lain yang berkaitan yang mana

harus difikirkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

Walau macam manapun dari segi Jabatan Tanah kita telah pun menyediakan tapak seperti mana yang telah ditentukan dan diharap di Kampong Rimba dan akan ditender kerja-kerjanya dalam bulan September ini, insya-Allah;

4. Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid mengenai kursus *further learning programme* itu dilaratkan kepada sektor pemborongan perkara ini satu cadangan yang baik yang sememangnya kita di Kementerian Pembangunan pun sudah lama memikirkan bagaimana kita dapat meningkatkan penglibatan rakyat melayu terutamanya dalam sektor pemborongan ini.

Kalau kita lihat sektor pemborongan ini kebanyakan yang berjaya paling banyak bukan rakyat Melayu Brunei. Perkara ini menjadi satu cabaran kepada kita macam mana pemborong-pemborong kita orang melayu sendiri dapat melibatkan diri dalam perkara ini dan jika kalau kita kaji masalah perkara ini bukan siapa-siapa akan tetapi masalah dalaman pemborong-pemborong itu sendiri seperti mana yang diterangkan iaitu kekurangan pakar, kekurangan pengetahuan dalam pemborongan ini.

Kebanyakan pemborongan ini dibuat jangan dipandang ringan, jadi isu

pemborongan ini satu isu bisnes yang serius yang mana orang kita tidak dapat menumpukan perhatian mereka sepenuhnya pada perkara ini. Dalam hal ini perlulah kita membantu dan perkara ini telah pun difikirkan oleh Kementerian Pembangunan bagaimana kita untuk meningkatkan lagi usaha menaikkan kebolehan orang kitani dalam sektor pemborongan ini.

Perkara ini insya-Allah akan dirundingkan dengan pihak-pihak berkenaan iaitu sektor swasta, pihak pemborong dan sebagainya untuk kita sama-sama mencari jalan macam mana kita boleh membantu pemborong tempatan bagaimana industri pemborongan di sini boleh mengambil faedah daripada yang ada di negara ini supaya jangan orang-orang kitani sendiri tidak dapat melaksanakan projek-projek itu sendiri.

Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu insya-Allah akan kita laksanakan dan kita akan mencari jalan yang terbaik untuk membantu pemborong-pemborong tempatan itu; dan

5. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai masalah *PA*. Insya-Allah perkara ini disedari memang ada usaha-usaha untuk mencari jalan lain supaya dapat memiliki tanah tetapi jika perkara ini sampai kepada pihak Jabatan Tanah ada tatacara untuk meneliti sama ada

pemohonan-pemohonan yang boleh dilayan ataupun tidak. Sejauh mana yang kita tahu perkara itu belum ada yang berlaku insya-Allah dengan memata-matai perkara ini dapatlah mengelakkan perkara-perkara seperti ini.

Skim Pemecahan Tanah bagi skim Perumahan daripada 0.33 hektar kepada 0.23 hektar. Perkara ini akan dilihat sejauh mana pelaksanaannya, ada sebab-sebabnya mengenakan 0.33 hektar jika 0.23 hektar, pemecahan semakin kecil jadi mungkin mendatangkan masalah kepada pemilik tanah itu. Walau bagaimanapun perkara ini akan kitani lihat juga sejauh mana kitani melayan cadangan daripada Yang Berhormat itu.

Mengenai dengan *Authority Building and Construction Industry (ABCI)* yang mana proses ini dikatakan lambat dan semakin susah, perkara ini kita sedari sebab itu kita mengambil beberapa langkah yang tertentu untuk memastikan proses *Authority Building and Construction Industry (ABCI)* itu dapat dipercepatkan. Kita telah pun mengadakan beberapa informasi mengenai dengan proses permohonan pemajuan tanah dan kita meletakkan tanggungjawab itu kepada *qualified person* untuk menghadapkan permohonan yang tepat dengan kehendak *Authority Building and Construction Industry (ABCI)*, jadi perkara itu tidak lambat apa yang selalu terjadi ialah *submission*

atau permohonan yang dihantar oleh *qualified person* itu mengandungi beberapa masalah walaupun diarahkan untuk dibetulkan masih ada kesalahan. Kalau ada kesalahan yang berlaku tidak dapat dilayan, jadi kelambatan itu bukan daripada pihak *Authority Building and Construction Industry (ABCI)*. Sekarang beralih kepada *qualified person* kalau *qualified person* dapat *submit* atau menghadapkan dengan lengkap mengikut peraturannya, insya-Allah perkara itu akan diluluskan dengan cepat.

Mengenai dengan statistik proses permohonan tanah itu 80 peratus menapati Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR). Jadi tidak ada lagi isu dan perkara itu akan diperbaiki lagi sehingga mencapai dengan lebih baik dan antara Jabatan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa perkara ini juga dalam proses reformasi. Mana-mana proses permohonan akan terus dihadapkan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan *Authority Building and Construction Industry (ABCI)* dan jadi peranan Jabatan Ukur hanya bagi projek-projek yang besar sahaja kalau projek sebuah rumah bukan lagi Jabatan Ukur.

Itu sahaja maklumat yang kaola berikan pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya silakan Yang Berhormat

Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan sebutkan tentang *PA* ini. *PA* ini kaola timbulkan pada 2 tahun lalu. Sebanyak 47 ribu *PA* telah didaftarkan di mahkamah, menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, *PA* ini tidak lagi sah selepas tahun 2012 dan akan ditukarkan kepada *lease*. Kini sudah 2 tahun, namun keputusan *PA* belum jelas. Jika *PA* sudah jelas, *PA* ini perlulah dimulakan dari tarikh ia berkuatkuasa. Jika *PA* berkenaan sudah mansuh, maka ia boleh disambung semula oleh pihak Kerajaan kerana harta benda atas tanah telah dijual *PA*. Jadi, penjual tidak lagi berhak ke atas harta bendanya.

Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini perniagaan kecil atau besar jika ingin membuat pinjaman ke bank, mereka perlulah ada *guarantor* seperti geran tanah atau rumah. Namun, isu *PA* belum lagi jelas agaklah susah bagi perniaga seperti *developer*, perdagangan besar dan *SME* untuk membuat pinjaman, kerana sehingga kini tidak ada dasar atau akta untuk melindungi pihak bank. Jika ada akta atau polisi yang jelas, pihak bank dan agensi akan maklum apa yang boleh dan apa yang tidak boleh.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mencadangkan jika ada satu *Banking Act* seperti memberikan hak kepada pihak bank untuk menjual *guarantor*

jika peminjam gagal menjelaskan hutangnya. Dengan akta ini, maka pihak bank akan bersedia untuk memberikan pinjaman kepada pemohon yang difikirkan sesuai. Di samping itu, banyaklah pihak akan mendapat faedah seperti ekonomi negara akan bertambah, pihak bank akan mendapat faedah dan rakyat Brunei Darussalam akan mendapat pekerjaan.

Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini banyak projek besar Kerajaan telah diberikan kepada pelabur asing dengan usaha bersama pihak tempatan ataupun *joint venture*. Tetapi dari aspek kewangan mereka akan membuat pinjaman dari luar bank untuk menjalankan projek-projek di Brunei. Langkah ini merugikan dan memberikan keuntungan kepada bank luar negara.

Oleh yang demikian, pihak Kerajaan perlulah ada satu dasar supaya *foreign contractor* membuat pinjaman bank dari Brunei melalui *loan syndication* ataupun *club deal* dengan cara ini pihak bank di Brunei akan dapat faedah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai *PA* ini, memang sudah 2 tahun perkara ini ditimbulkan tetapi masih belum dapat kita maklumkan sepenuhnya mengenai pelaksanaan *PA* ini. Walau bagaimanapun, *for all intend purposes* *PA* ini telah pun diberhentikan bagi pemilikan tanah *for ownership*. Bagi penggunaan lain seperti kemajuan dan sebagainya masih boleh dijalankan.

Sebenarnya *PA* ini sudah pun beberapa kali dibincangkan. Kita masih mendengar pandangan daripada orang ramai, pihak-pihak yang berkepentingan dan sebagainya. Maka dari semasa ke semasa peraturan mengenai *PA* ini kita kemaskinikan, sehingga masa ini masih ada beberapa isu yang perlu kita tangani sebabnya isu ini terlalu kompleks.

Sebelum menjadikan ia satu undang-undang yang tetap ataupun satu peraturan yang tetap, kita meneliti dari beberapa sudut. Ini memakan masa sedikit, tetapi insya-Allah kita telah pun sampai ke penghujungnya dan perkara ini akan kita beriakkan kepada orang ramai cara-cara pelaksanaan *PA* ini dan apa-apa yang berkaitan dengannya.

Sebagai penjelasan sahaja, *PA* ini hanyalah dari segi pemilikan tanah secara *equitable*, ertinya siapa-siapa yang tidak berhak membeli tanah, tidak akan dapat membeli tanah dari *PA*, tetapi jika mereka ingin memajukan tanah melalui *PA* ataupun membuat *PA* ini kepada bank misalnya sebagai pinjaman maka perkara itu tidak akan menjadi masalah. Untuk pemilikan sahaja yang menjadi isu tersebut Yang Berhormat Pengerusi. Walau bagaimanapun, perkara ini akan kita halusi lagi supaya semua *concern* daripada pihak itu akan dapat kita teliti dan dapat kita ambil tindakan mengenai *concern* yang sering ditimbulkan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Mengenai *joint venture* antara kontraktor tempatan dengan kontraktor luar negara yang pinjamannya dibuat di bank-bank luar negara dan dikatakan merugikan pula kepada bank negara ini. Perkara ini sedang dilihat oleh pihak Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD) bagaimana bank di sini dapat memberi insentif supaya kontraktor luar dan kontraktor dalaman pun ada yang meminjam di luar. Perkara ini akan dilihat oleh pihak Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD), bank-bank di sini mungkin dapat memberi insentif supaya peminjaman itu dapat dibuat dengan bank-bank tempatan daripada bank luar negara. Terima kasih Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah kita mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, maka saya cadangkan supaya mesyuarat Jawatankuasa kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya telah difahamkan bahawa ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat akan tidak dapat hadir untuk bermesyuarat atas urusan rasmi pada sebelah pagi hari Isnin yang akan

datang ini. Maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara akan bersidang semula insya-Allah pada hari Isnin, 25 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 16 Mac 2015 Masihi, pada pukul 2.30 petang. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 25 Jamadilawal 1436H / 16 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari yang kelapan iaitu hari Isnin, 25 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 16 Mac 2015 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua maka kita dapat pada petang ini meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kelapan.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita sambung semula pada petang ini untuk

membincangkan perkara-perkara yang telah kita tangguhkan pada hari Sabtu yang lalu. Di hadapan kita masih terdapat beberapa buah Soalan Yang Telah Diberi Notis yang perlu lagi dibincangkan dan diselesaikan dengan sesegeranya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Perbincangan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis masih lagi membincangkan soalan-soalan berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya berharap, kita akan seboleh-bolehnya dapat menyelesaikan Soalan-soalan yang telah diberi notis yang akan dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada petang ini kurang lebih barangkali 30 minit sebelum kita beralih kepada agenda lain. Ini juga memerlukan perhatian kita, oleh sebab saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan melaksanakan tugas lain di luar negeri mulai petang esok hari.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 37 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor**

**@ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Alhamdulillah, Program Khidmat Bakti Negara semakin mendapat sambutan, bukan saja daripada kaum belia tetapi juga ibu bapa mereka yang sama-sama mengambil peranannya serta rakyat dan penduduk negara ini dan berjaya menanamkan jati diri mereka yang mengikuti program ini dengan diberikan berbagai latihan dan pendedahan. Tetapi apa yang kurang pasti ialah tentang bantuan atau keistimewaan yang akan diberikan kepada mereka yang telah lulus dengan Program Khidmat Bakti Negara ini terutama sekali belia-belia yang belum mempunyai pekerjaan.

Soalan kaola, apakah bantuan-bantuan dan keistimewaan yang boleh diberikan kepada mereka yang lulus dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), terutamanya kepada belia yang belum mempunyai pekerjaan? Dan bolehkah mereka diberi keutamaan apabila mereka memohon jawatan-jawatan di pasukan-pasukan yang beruniform seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Penjara sesuai dengan kelulusan mereka?

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan saya juga mengucapkan terima kasih atas soalan yang diajukan

oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim iaitu mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Program Khidmat Bakti Negara merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan generasi belia yang dinamik, berdaya-saing dan cemerlang. Program ini dibentuk dalam calak Brunei yang menggabungkan aspek-aspek komponen pembinaan jati diri belia yang cemerlang yang berpandukan kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Di samping itu juga, komponen keusahawanan dan komponen khidmat komuniti diserapkan dalam program ini. Aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan juga turut dititikberatkan dalam program latihan yang diadakan. Terutama sekali dalam aspek pengurusan kewangan dan perniagaan sebagai langkah dorongan dan membina semangat serta keinginan para belia untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya yang dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Saya sukacita menekankan di sini, bahawa hasrat penubuhan Program Khidmat Bakti Negara bukanlah sebagai institusi pengajian ataupun institusi latihan kemahiran, teknikal dan vokasional untuk mengeluarkan sebarang kelulusan ataupun pensijilan. Ia khusus untuk membangun jati diri belia kita, dengan memuatkan mereka

dengan aspek disiplin, kenegaraan, keusahawanan dan kemasyarakatan supaya mereka akan menghadapi cabaran hidup dengan lebih berkeyakinan, berwibawa, matang dan berintegriti.

Penyertaan mereka dalam program ini adalah merupakan satu peluang yang akan memberikan manfaat dan kelebihan (*advantage*) kepada diri mereka dalam meningkatkan keupayaan diri mereka terutama dari aspek kualitatif seperti kepimpinan, keupayaan, pengalaman dan sebagainya dan bukannya sebagai satu beban kepada mereka dari segi masa dan tenaga.

Alhamdulillah, setakat ini PKBN telah dapat menghasilkan seramai 1,132 lepasan pelatih, termasuk pelatih pengambilan Ke-4 seramai 311 orang, yang telah menamatkan latihan pada pagi tadi 16 Mac 2015. Daripada jumlah tersebut, seramai 303 orang bekas pelatih PKBN telah meneruskan pengajian mereka di dalam dan luar negara. Manakala seramai 146 lepasan pelatih PKBN telah bekerja. Jumlah ini termasuk seramai 16 orang lepasan pelatih memasuki Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan 2 orang lepasan pelatih telah memasuki Pasukan Polis Diraja Brunei.

Mereka meneruskan pengajian mereka sama ada di peringkat 'O', 'A', universiti, teknikal dan vokasional. Walau bagaimanapun, bagi belia-belia yang ingin menceburi dunia pekerjaan selepas tamat mengikuti latihan PKBN

dan hanya mempunyai kelulusan sehingga peringkat 'O', kementerian ini telah membuat beberapa langkah ke arah membantu para belia berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan dengan memberi keutamaan untuk mengikuti program di Pusat Pembangunan Belia.

Setakat ini, seramai 16 lepasan pelatih telah mengikuti program tersebut iaitu seperti Kursus Teknologi, Informasi dan Komunikasi, Kulinari dan Bankuet, Pastrri dan Konfeksionari, Kimpalan dan Fabrikasi, Baik Pulih Kenderaan, *Plumbing*, Penghawa Dingin & Pendinginan, *Autocad*, *Scaffolding* dan juga menawarkan *heavy vehicle driving*.

Bagi para lepasan pelatih PKBN yang berminat untuk memasuki bidang pekerjaan bersama pasukan berpakaian seragam (*uniform*) seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, pada lazimnya surat sokongan bagi lepasan pelatih berkenaan akan dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Program Khidmat Bakti Negara.

Agensi-agensi pasukan berpakaian seragam (*uniform*) seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Agensi Pegawai Keselamatan telah menerima bahawa penyertaan dalam latihan PKBN ini merupakan satu kelebihan kepada belia yang memenuhi syarat-syarat untuk diambil berkhidmat dalam keanggotaannya.

Kementerian ini, melalui Bahagian Program Khidmat Bakti Negara dan dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Lanjutan, Kementerian Pendidikan telah memulakan inisiatif untuk membantu belia yang tidak mempunyai kelulusan 'O' level yang cukup, yang berminat untuk berkhidmat dengan pasukan berpakaian seragam (*uniform*) untuk mengikuti kelas akademik (kelas tuisyen) 'O' level yang diadakan di setiap daerah dengan bayaran yuran pendaftaran dan peperiksaannya dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Alhamdulillah, bagi peringkat pertama ini seramai 28 orang lapisan pelatih telah mendaftarkan diri dan sedang mengikuti kelas akademik 'O' level berkenaan.

Di samping itu, kementerian ini juga telah membuka lebih banyak lagi peluang bagi lepasan PKBN untuk mengikuti pelbagai program yang disusun khusus bagi belia. Penyertaan dalam aktiviti-aktiviti belia seperti Program Kapal Belia dan Program Pertukaran Belia (*Youth Exchange Programme*) yang dikendalikan sama ada di dalam mahu pun di luar negeri.

Manakala Kementerian Pendidikan juga ada menawarkan kursus *Industrial Skill Qualification* kepada lepasan pelatih PKBN. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**  
Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 38 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pesakit-pesakit psikiatri seringkali menjadi mangsa pengabaian oleh ahli keluarga mereka sendiri. Ada di antara ahli keluarga tidak mahu bertanggungjawab menjaga mereka dan juga tidak memantau pengambilan ubat-ubatan untuk pesakit itu sehingga pesakit tersebut mengalami semula gangguan jiwa dan terpaksa dihantar balik serta dimasukkan ke dalam wad hospital untuk mendapatkan rawatan.

Ada juga pesakit menjadi mangsa dera secara fizikal dan emosi oleh keluarga mereka. Sebagai misal seorang pesakit yang sudah tua yang tidak mampu berjalan disebabkan masalah urat saraf telah tidak diberikan makanan oleh keluarga mereka sehingga mengalami masalah kesihatan dan dihantar ke hospital dengan alasan mereka tidak mampu untuk menjaga kebersihannya. Ada juga di kalangan pesakit yang

terpaksa tinggal di hospital untuk beberapa lama kerana tidak mempunyai keluarga, sama ada disebabkan keluarganya meninggal dunia atau berhijrah keluar negeri dan ini menyebabkan ruang atau tempat bagi pesakit-pesakit yang baru akan terjejas.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan telah memberi bantuan bulanan kepada pesakit psikiatri sebanyak \$250.00 daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Beberapa tahun dahulu pesakit itu sendiri boleh mengambil elaun bulanan mereka dengan ditemani oleh ahli keluarga ke Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Tetapi sekarang hanya keluarga pesakit sahaja yang boleh mengambil elaun bulanan itu, manakala pesakit tidak lagi boleh mengambalnya walaupun ditemani oleh ahli keluarganya sendiri. Ini sangatlah mendukacitakan. Soalan kaola:

1. Adakah satu undang-undang atau akta yang boleh digunakan bagi melindungi pesakit-pesakit psikiatri ini daripada dianiaya atau diabaikan dan memaksa ahli-ahli keluarga berkenaan untuk menjaga mereka?; dan
2. Adakah benar hanya ahli keluarga pesakit sahaja dibenarkan mengambil elaun bulanan mereka?

Soalan berikutnya, saya tujukan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu bagi memastikan keselamatan pesakit ini dan juga

kakitangan (*staff*) yang bertugas atau pengawal keselamatan (*security*) ditugaskan di tempat pesakit itu ditahan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat. Kita sedang membincangkan Soalan Yang Telah Diberi Notis. Oleh sebab Yang Berhormat hanya dihadkan 2 Soalan Yang Diberi Notis, maka saya kira menurut *Standing Order* yang ada bagi kita, kita tidak dapat membenarkan soalan yang ketiga itu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:**

Kalau begitu, saya tarik balik soalan kaola itu, sebabnya ini ada kena-mengena dengan isu yang kaola bangkitkan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal yang mengajukan soalan tadi.

Pada menjawab soalan Yang Berhormat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang mengambil berat akan kesejahteraan orang bercelaru mental sejak dari dahulu lagi dengan tertubuhnya Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya pada tahun 1954.

Akta ini telah mula berkuat kuasa pada tahun 1955. Orang bercelaru mental yang dikenali dalam Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya 1954 sebagai Orang Gila. Jika berkelayakan, akan menerima Elaun Orang Gila yang berupa bantuan kewangan berserta dengan tanggungan mereka seperti isteri dan anak-anak pada setiap bulan. Ini bertujuan bagi menjamin kehidupan mereka agar tidak terabai dan kesejahteraan orang bercelaru mental berserta dengan tanggungannya terjaga.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengambil berat bagi kes penganiayaan dan pengabaian termasuklah aduan penganiayaan atau pengabaian orang bercelaru mental. Dalam usaha Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) memastikan agar khidmat pemedulia kepada masyarakat, orang ramai sentiasa dimata-matai, maka satu talian *helpline 141* telah diwujudkan sejak tahun 2006 yang beroperasi 24 jam. Individu atau orang ramai boleh membuat aduan mengenai kes-kes pengabaian, penderaan, penganiayaan

dan sebagainya termasuk pesakit-pesakit psikiatri.

Pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan membuat tindakan siasatan segera melalui siasatan lawatan ke tempat kejadian dan tindakan sewajarnya akan dilakukan dengan melibatkan agensi-agensi yang berkenaan seperti pihak polis dan hospital.

Menyentuh mengenai undang-undang atau akta yang boleh digunakan bagi melindungi pesakit-pesakit psikiatri yang dianiaya atau diabaikan, pada 1 November 2014 yang lalu, Perintah Kesihatan Mental 2014 telah dikuatkuasakan yang menggantikan *Lunacy Act 1929* dan perintah ini adalah di bawah kawalan pihak Kementerian Kesihatan.

Bagi maksud dan menjawab secara lebih lanjut soalan daripada Yang Berhormat tadi, mengenai peruntukan yang terkandung dalam Perintah Kesihatan Mental 2014, mungkin ia akan dapat diperjelaskan dengan lebih lanjut dan berbutir oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai Soalan No. 2, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah diberikan mandat untuk mengagihkan pemberian bantuan kewangan kepada orang bercelaru mental berserta tanggungannya setiap bulan.

Bantuan kewangan ini akan diagihkan melalui penghulu atau ketua kampung masing-masing seperti yang terkandung dalam Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya 1954. Orang yang bercelaru mental yang berkelayakan berserta tanggungannya juga akan diberi bantuan kewangan yang dikenali sebagai Elaun Orang Gila (EOG) seperti mana panggilan dalam Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya 1954.

Menurut peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya tahun 1954 setiap penerima EOG dimestikan menyertakan salah seorang ahli keluarga atau penjaganya sebagai waris untuk menerima EOG berkenaan. Orang bercelaru mental menurut Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya tahun 1954 tidak dibenarkan untuk mengambil elaunnya tanpa ada bersama waris mereka.

Jadi Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa mereka tadi tidak dibenarkan, tidak betul Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Antara lain rasional mengapa pemberian elaun ini hanya dibenarkan untuk diterima oleh waris dan bukannya orang bercelaru mental adalah seperti yang berikut :

1. Kestabilan emosi dan kewarasan penerima EOG dikhuatiri tidak mampu untuk membuat pengurusan halehwal kebajikan diri dan juga pengurusan kewangan.



2. Pengurusan kebajikan dan kesejahteraan orang bercelaru mental seperti makan, minum, pakaian dan lain-lain dijaga dan diurus oleh ahli keluarga dan penjaga yang tinggal bersama penerima EOG berkenaan.
3. Memastikan wang tunai yang diterima oleh orang yang bercelaru mental berkenaan dalam keadaan selamat.

Dalam hal ini, jika sekiranya pihak jabatan menerima sebarang aduan mengenai penyalahgunaan kewangan penerima EOG, maka pihak JAPEM akan segera bertindak dengan membuat penyiasatan. Dalam waktu yang sama, bagi memastikan penerima-penerima EOG tidak dianiaya, didera atau diabaikan oleh ahli keluarga atau penjaga mereka, maka pihak jabatan telah mengambil satu inisiatif dengan mengadakan siasatan *review* (siasatan ulangan) oleh Pegawai Pencen dalam tempoh enam bulan atau setahun setelah mereka menerima elaun berkenaan.

Inisiatif seumpama ini telah banyak membantu pihak jabatan dalam mengatasi berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku. Usaha seumpama ini sekali gus membantu mana-mana keluarga yang menghadapi masalah di peringkat awal. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menambah jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal tadi itu. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi menambah penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap keprihatinan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal yang berkaitan dengan perundangan dan perlindungan kepada pesakit-pesakit psikiatri (*psychiatric*).

Perintah Kesihatan Mental 2014 telah mula dikuatkuasakan seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan tadi. Sejak 1 November 2014 bagi menggantikan undang-undang Akta Gila atau *Lunacy Act 1920* yang tidak lagi sesuai dengan perkembangan semasa.

Ini adalah hasil inisiatif Kementerian Kesihatan dengan berkat usaha sama dan perundangan secara komprehensif

dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan termasuk Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga turut dirujuk kepada Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Perintah ini sangat unik yang sejajar dengan prinsip-prinsip syariah dalam Hukum Kanun Jenayah Syariah. Namun pelaksanaannya masih di bawah undang-undang sivil. Perintah ini menyatupadukan undang-undang yang berhubungkait dengan kecelaruan mental dan dalam masa yang sama mewujudkan peruntukan bagi kemasukan, penahanan, penginapan, penjagaan, rawatan, pemulihan dan perlindungan orang-orang yang bercelaru mental serta bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya secara komprehensif, holistik, sistematik dan berkesan yang berasaskan dapatan kajian.

Ini salah satu langkah ke hadapan yang sangat penting dalam penjagaan, rawatan dan perlindungan kebajikan bagi orang-orang yang bercelaru mental di negara ini.

Perintah Kesihatan Mental 2014 ini, antara lain menekankan kepentingan hak asasi pesakit dengan mengambil kira garis panduan serta amalan-amalan terbaik mengikut piawai antarabangsa terutama sekali saranan-saranan

pertubuhan kesihatan sedunia bagi rawatan dan penjagaan.

Kaedah rawatan berpandukan kepada prinsip yang tidak mengongkong kebebasan pesakit dan tanpa diskriminasi dengan melibatkan penjagaan pelbagai disiplin dan agensi.

Perintah ini juga menitikberatkan tanggungjawab bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk ahli keluarga atau penjaga dalam memberikan penjagaan kepada orang yang bercelaru mental. Di samping itu, perintah ini juga disediakan dan dilaksanakan bagi menangani masalah yang berhubungkait dengan penderaan dan pengabaian mereka yang menghidap kecelaruan mental melalui antara lain peruntukan-peruntukan seperti berikut:

1. Di bawah Seksyen 10 mengandungi peruntukan yang membolehkan mahkamah untuk membuat satu perintah bagi orang yang disyaki bercelaru mental dan tidak berada di bawah jagaan yang sepatutnya untuk dihantar kepada kemudahan psikiatri (*psychiatric*) bagi pemeriksaan;
2. Di bawah Seksyen 11, mengandungi peruntukan khususnya mengenai orang yang disyaki bercelaru mental diabaikan atau dianiaya. Dalam perkara ini, pihak polis berkewajipan untuk melaporkan dengan segera kepada mahkamah setiap kes pengabaian atau perlakuan kejam terhadap orang-orang yang disyaki

bercelaru mental yang sampai kepada pengetahuan;

3. Mahkamah seterusnya boleh memerintah saudara kepada orang yang disyaki bercelaru mental tersebut untuk menjaganya dan memberi perintah kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Kebajikan Perubatan, ataupun Pegawai Polis untuk melawat orang yang disyaki bercelaru mental tersebut bagi maksud memastikan akan keadaannya;
4. Di bawah Seksyen 72 pula mengandungi peruntukan bagi hukuman kesalahan kerana penerimaan dan penahanan dengan tidak sepatutnya orang yang bercelaru mental. Contohnya mengunci orang bercelaru mental di rumah atau di tempat-tempat yang bukan kemudahan psikiatri (*psychiatric*); dan
5. Manakala Seksyen 69 mengandungi peruntukan bagi hukuman terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan menyalahgunakan sejumlah wang kerana dibayar oleh Kerajaan kepada orang bercelaru mental seperti gaji, pencen dan seumpamanya.

Seterusnya undang-undang baharu ini memperbaiki prosedur dan mentadbir urus rawatan orang yang bercelaru mental terutama kemasukan ke hospital, rawatan secara paksa atau tidak sukarela dan penjagaan masyarakat. Ahli keluarga digalakkan untuk terlibat

sama dalam penjagaan pesakit dan kebanyakan ahli keluarga memberikan sokongan dan kerjasama yang baik.

Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan inisiatif untuk menubuhkan kediaman berpengawasan sebagai tempat pesakit menjalani rehabilitasi dalam masyarakat. Terutama sekali pesakit-pesakit yang telah berkeadaan stabil dan sudah lama ditahan di wad dalaman psikiatri dengan memberi mereka peluang untuk menjalani kehidupan secara normal selaras dengan saranan Pelan Tindakan Kesihatan Mental, 2013/2020 Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Kaedah seperti ini telah diungkuhkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama syarikat swasta dengan menyediakan Rumah Cahaya Sejahtera bagi proses pemulihan bagi pesakit-pesakit mental lelaki manakala, Rumah Sinar Sejahtera bagi proses pemulihan mental wanita yang kedua-dua ini ditempatkan di Kampong Kiarong.

Alhamdulillah, dengan adanya kemudahan seperti ini telah mendatangkan impak yang berkesan dan signifikan bagi membolehkan mereka kembali menikmati kehidupan dalam masyarakat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Kesihatan jua secara berterusan berusaha meningkatkan penglibatan ahli keluarga dalam penjagaan pesakit melalui pendidikan keluarga dan pesakit yang merangkumi pelbagai aspek

termasuk mengenal punca penyakit, rawatan, pengurusan, penjagaan orang bcelaru mental.

Ahli keluarga digalakkan untuk memberi sokongan kepada pesakit atau saudara mara mereka yang mengalami penyakit mental seperti membantu dalam memantau pengambilan ubat-ubatan secara teratur dan betul dan menghadirkan diri ke klinik perjumpaan atau perjanjian serta susulan.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan perkhidmatan kejururawatan psikiatri masyarakat yang melaksanakan lawatan ke rumah pesakit dan keluarga mereka bagi memantau keadaan kesihatan, memberikan pendidikan kesihatan dan memastikan pesakit sentiasa patuh dalam pengambilan ubat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga berusaha untuk memastikan penyediaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan bagi pesakit-pesakit kecelaruan mental dengan baik dan sempurna. Sokongan dan penglibatan orang awam terutama daripada ahli keluarga pesakit adalah sangat penting.

Kita tidak dapat menafikan adanya persepsi negatif masyarakat dan orang ramai terhadap golongan pesakit dan mereka yang mengalami kecelaruan mental ini. Kita tidak mahu ada stigma dan diskriminasi terhadap mereka ini, yang hak asasi kehidupan mereka ini dicabuli termasuk dinafikan hak-hak ekonomi dan sosial.

Kita tidak mahu mereka ini diberikan sekatan ke atas hak mereka untuk bekerja, berpendidikan serta hak untuk berkeluarga dan hak untuk mempunyai kualiti kehidupan yang baik lagi sempurna.

Sewajarnya mereka ini sentiasa diberi dukungan dan bantuan bukan sahaja untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan akan tetapi menikmati kemudahan-kemudahan yang selayaknya. Kita seharusnya tidak memandang rendah dan menyisihkan mereka ini kerana mereka sebahagian daripada masyarakat kita.

Justeru itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan Perintah Kesihatan Mental 2014 yang bertujuan utama untuk memberikan perlindungan, penjagaan dan perkhidmatan kepada golongan yang berkenaan.

Dari itu, semua *stakeholders* termasuk masyarakat dan juga khususnya keluarga hendaklah berperanan dan komited untuk sama-sama bertanggungjawab dalam memperkesakan lagi penjagaan halehwal kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan mereka yang bcelaru mental supaya mereka ini juga akan dapat menikmati kehidupan yang selesa di negara ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita telah menyelesaikan beberapa Soalan Yang Telah Diberi Notis bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada hari keenam tempoh hari Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain tidak dapat hadir. Maka, Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Yang Berhormat telah pun kita tangguhkan.

Oleh sebab petang ini nampaknya Yang Berhormat itu hadir dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudah berada bersama kita di dalam dewan ini, maka saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain untuk mengemukakan soalnya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
 Alhamdulillah Rabbil'alameen  
 Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiya' Mursaleen  
 Wa'alaa Aalihee Wasahbiheen  
 Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٢٥) وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي (٢٦)  
 وَأَحِلْ عِقْدَةً مِنْ لِسَانِي (٢٧) يَفْقَهُوا قَوْلِي (٢٨)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Apa yang akan kaola cakapkan pada petang ini ialah mengenai Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien ini sebuah taman yang banyak melakarkan sejarah negara. Taman ini asalnya bernama Padang Besar Brunei dan apabila Bandar Brunei ditukar namanya kepada Bandar Seri Begawan maka nama padang ini juga ditukar menjadi Padang Besar Bandar Seri Begawan.

Padang ini juga sebenarnya mempunyai sejarah yang besar. Padang ini pernah digunakan bagi perlawanan bolasepak Piala Borneo, mengadakan perbarisan kehormatan perayaan Hari Keputeraan Baginda Queen dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan disinilah juga pengisytiharan Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dengan laungan Allahu Akbar sebanyak 3 kali yang didahului oleh Duli Yang Teramat Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 1 Januari 1984 namanya juga sekarang dikenali dengan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi mengenang jasa Al-Marhum yang dianggap sebagai Arkitek Brunei Moden.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang sedihnya sekarang kemerdekaan yang telah dicapai itu tidak ada satu tanda bagi mengenangkan hari

bersejarah tersebut. Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula kuasa penuh yang berdaulat dan merdeka.

Sebagaimana juga negara-negara jiran kita untuk menanda tanda kemerdekaan itu, ada pada negara tersebut umpamanya Malaysia dengan Dataran Merdekanya, Indonesia dengan Monasnya, Singapura dengan *Town Hall* nya.

Kaola ingin tahu, apakah dapat dipertimbangkan supaya Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin itu ditukar dengan nama kepada Taman Merdeka atau Dataran Merdeka Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin juga? Ini bagi memperingati tempat pengisytiharan Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang telah kita capai selama 31 tahun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Penukarannya itu, ialah sebagai tanda suntikan semangat kepada belia dan kepada orang Brunei bahawa merdeka itu yang terbaik, untuk itu Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola rangkai sebuah pantun:

Burong Pingai dari Melaka,  
Hinggap di dahan bunga kemboja,  
Negara Brunei telah merdeka,  
Dengan Falsafah Melayu Islam Beraja.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sudah 3 kali Yang Berhormat ini telah berpantun, nampaknya sebelah sini belum ada yang menjawab.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamu 'Ala

Manittaba'el Huda. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola akan menjawab pantunnya itu. Tadi ada menyebut Burung Pingai dari Melaka, dalam sejarahnya bukan dari Melaka Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dari Johor, oleh sebab itu tidak payah kaola jawab kerana *statement*nya sudah salah.

Terima kasih kepada Yang Berhormat wakil Daerah Brunei Zon 1, Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Dengan bersemangatnya menyebut tentang kemerdekaan. Atas asas itu jugalah Yang Berhormat itu ingin tahu apakah dapat dipertimbangkan supaya Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin itu ditukar nama kepada Taman Merdeka atau Dataran Merdeka Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, dengan alasan untuk menyuntik semangat dan sebagai contoh kepada negara-negara jiran yang disebutkannya tadi.

Kaola ingin menyatakan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang benar. Bahawa Taman itu namanya sebelum bernama Taman ia disebut Padang Besar dan Padang Besar itu kekal disebut hingga ia bertukar

Bandar Brunei, pun masih bernama Padang Besar sehinggalah Bandar Brunei diubah kepada Bandar Seri Begawan. Taman itu pun masih bernama Padang Besar. Hingga kepada tahun 1983 sahaja, apabila ia dibesarkan dan diubah suai, dikemaskan, diindahakan, maka baharulah ia bernama Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pada tahun 1983.

Yang Berhormat itu memetik beberapa contoh sejarah yang berlaku di padang itu seperti Perlawanan Bola Sepak Peringkat Borneo. Itu salah satu sejarahnya. Banyak lagi sejarahnya, kalau sebelum Perlembagaan Tahun 1959 dahulu. Hari Keputeraan Baginda *Queen* pun disambut di sana dengan diadakan perbarisan lalu. Perbarisan Kehormatan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari zaman sebelum merdeka selepas kemerdekaan membawa kepada sampai sekarang ini adalah juga di taman itu.

Banyak lagi sejarahnya yang berlaku di sana. Sejarah Perhimpunan Maulud Nabi Muhammad SAW pun di sana sejak tahun 1950-an, membawalah kepada sampai sekarang ini. Jadi banyak perkara yang bersejarah yang sebahagiannya menjadi tamu mingguan.

Juga padang itu telah menjadi tempatnya Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam menjelang 1 Januari bermula daripada 31 Disember 1983 yang perhimpunan besar telah diadakan di sana untuk menyambut pemasyhuran itu. Pemasyhuran pun telah dititahkan dengan disusuli takbir 3 kali oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, itu semuanya benar sejarah.

Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bertanya apakah dengan sejarah ini satu-satunya sejarah yang bukan sahaja memamatkan namanya diubah, sedangkan beberapa sejarah yang lain lagi ada di sana? Itu soalnya. Bukan pula kita menolak untuk menyebut kemerdekaan ini, kita memang berbangga dan harus menyuntiknya kepada generasi yang akan datang. Tapi soalnya, apakah dengan hanya satu sejarah itu memamatkannya ia ditukar nama sebagaimana yang disebutkan sama ada Taman Merdeka ataupun Dataran Merdeka. Sebagaimana di luar negeri yang menyambut kemerdekaannya dengan menyebut seperti Malaysia di Dataran Merdekanya, di Indonesia dengan Monasnya, dan kaola waham mengenai *Town Hall* itu barangkali benar Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di Singapura.

Soalannya itu adakah dengan itu sahaja dapat mamatutkannya? Sedangkan ada banyak lagi sejarah yang lain. Untuk memamatkannya itu Yang Berhormat itu beralasan untuk bercontoh kepada negara lain tentang kemerdekaannya.

Kaola ingin bertanya apa kenamengenaanya kemerdekaan Brunei dengan kemerdekaan orang lain? Cara kemerdekaan kita dengan cara kemerdekaan orang. Cara orang memasyhurkan kemerdekaannya dengan cara kita memasyhurkan kemerdekaan kita. Bercontoh dengan negara orang lain, bagi kaola belum mematutkan sedemikian itu.

Tapi persoalannya ialah bolehkah ia ditukar nama untuk menjadi Taman Merdeka atau Dataran Merdeka kekal namanya Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien tetapi tamannya itu ditambah dengan Taman Merdeka, Dataran Merdeka. Jawapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam hal ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua boleh dikatakan Al-Khadim atau *custodian* kepada Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien melalui Jabatan Bandaran maka jawapannya "tidak", Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Ertinya bisaitah kita mengekalkan namanya sekarang ini yang sudah mempunyai sukna daya yang baik, bukan sahaja kepada ibu negara malah jua kepada Brunei dengan nama taman tidak ada apa-apa Mudhaf Ilaih atau *conjunction* tetapi terus Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dikekalkan dengan sedemikian itu. Kita menghormatinya sebagai sesuatu yang sudah bersejarah dan memberikan sukna baik seumpama yang baik kepada ibu kota dan kepada Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, kaola menghargai semangat Yang Berhormat

itu. Juga semangat orang-orang yang sama berfikiran sedemikian. Tetapi alasan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya kerana hanya satu sejarah daripada banyak sejarah maka sejarah itu dipilih dan untuk mengharuskan menukar nama bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidaklah sesuai. Bisaitah kekal selamanya apa yang ada selama ini. Demikian, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita telah mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan telah dijawab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri bagi Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Dengan yang demikian, perkara ini saya tangguhkan dahulu untuk kita teruskan lagi pada hari yang berikutnya. Kita sambung semula kepada Susunan Kerja seterusnya kerana di hadapan kita masih lagi terdapat perkara-perkara yang lain yang perlu diselesaikan dengan secepatnya iaitu Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, perkara ini masih lagi kita bincangkan di Peringkat Jawatankuasa untuk kita teliti satu persatunya. Maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan kerja kita ini selaku Jawatankuasa sepenuhnya untuk membincangkan



Jadual Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatunya.

Alhamdulillah, pada Mesyuarat Jawatankuasa yang bersidang pada hari yang ketujuh, iaitu pada hari Sabtu kita telah mendengar ucapan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Maka Majlis ini juga telah membukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mereka dan apa jua kewahaman mereka mengenai Tajuk ini. Yang ada pada saya masih lagi terdapat lebih kurang 11 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta dalam Tajuk ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji**

**Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan. Projek Jambatan Daerah Temburong ke Daerah Limbang yang menyeberangi Sungai Pandaruan telah siap dan mula digunakan pada penghujung tahun 2013. Kesan pembinaan jambatan tersebut secara rasmi adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala dan juga untuk memudahkan perjalanan antara Temburong dan Limbang, akan tetapi kesan sebenarnya yang telah dirasai oleh penduduk terutama sekali peniaga-peniaga di Pekan Bangar ialah perniagaan mereka telah menurun.

Yang Berhormat Pengerusi, Projek Jambatan Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong adalah sebuah mega projek yang akan memperkembangkan dan memesatkan pembangunan di Daerah Temburong. Walau bagaimanapun, kesan-kesan atau impak dari pembinaan jambatan ini belum lagi difahami oleh penduduk-penduduk Daerah Temburong. Kaola ingin mengetahui:

- i. Adakah *impact study analysis* telah dibuat bagi projek ini?; dan
- ii. Sudahkah kementerian atau jabatan berkenaan membuat jerayawara (*roadshow*) supaya

mereka menerapkan kefahaman serta faedah dan manfaatnya projek ini kepada rakyat dan penduduk Daerah Temburong?

2. Tajuk SK03 - Jabatan Kerja Raya.

Setiap tahun perkara atau isu yang ditimbulkan ialah keadaan jalan raya lama dari Simpang Penanjong hingga ke Kampong Sengkurong yang sehingga masa ini masih lagi berkeadaan seperti 10 tahun yang lalu. Dalam perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan tahun lalu sekitar Januari 2014, abiskaola difahamkan bahawa penyediaan tender telah dibuat untuk memperbaiki dan meninggikan taraf jalan tersebut. Di sepanjang tahun 2014 jalan raya tersebut telah diperbaiki secara menambal (*patching*) di tempat-tempat yang rosak. Dalam hal ini kaola ingin bertanya:

- i. Pembaikan yang dilakukan secara menambal ini nampaknya terpaksa dilakukan berulang-ulang kerana keadaannya kembali rosak dan berlubang dalam beberapa bulan, mengapakan jalan raya tersebut tidak diaspal semula?; dan
- ii. Adakah kos *effectiveness* diambil kira apabila membuat keputusan untuk menambal atau mengaspal semula jalan raya tersebut?

3. Tajuk SK06 - Jabatan Tanah. Ada sebahagian daripada tanah bergeran

kekal tetapi tidak dapat dimajukan disebabkan isu *land locked*. Tanah tersebut tidak mempunyai laluan simpanan (*access road*). Ini disebabkan kesilapan Juruukur pada masa itu, persediaan laluan simpanan tidak disediakan. Banyak daripada tanah-tanah ini yang pada waktu itu hanya diperlukan untuk menanam pokok getah. Tanah-tanah yang berseratkan pokok getah tidak lagi dapat diguna pakai kerana aktiviti tersebut tidak lagi bersesuaian. Tanah-tanah *land locked* ini bukan sahaja terdapat di kampung-kampung malahan ia juga terdapat di *prime area*.

Tidak dapat dinafikan terjadi sengketa atau perselisihan faham disebabkan masalah ini. Ada pemilik-pemilik tanah ini memohon untuk mendapatkan rumah di Perancangan Perumahan Negara, tetapi ia ditolak. Apa yang kaola harapkan kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan dan juga pihak tuan punya tanah tidak mendapat kerugian.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam hal ini kaola sukacita ingin mengetahui adakah mekanisme yang terdapat di Kementerian Pembangunan atau jabatan yang terlibat yang boleh menyelesaikan masalah ini?; dan

Bolehkah perkara ini diselesaikan secara pengambilan tanah yang terlibat diukur balik dan diberi semula kepada pemilik tanah asal *land acquisition readjustment and redistribution*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat mahu menjawab sekarang ini. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar atas tiga soalan yang dikemukakan.

1. Mengenai Jambatan Sungai Pandaruan yang baharu siap pada tahun 2013, yang menyebabkan pendapatan penduduk di Bangar, Temburong menurun, perkara ini bukanlah satu isu di bawah Kementerian Pembangunan sebenarnya, kerana kita hanya mengimplement pembinaan Jambatan Pandaruan bersama dengan pihak JKR Malaysia. Isu-isu macam ini mungkin dapatlah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan mengenai permasalahan penduduk Temburong yang pendapatan mereka menurun disebabkan jambatan tersebut.
2. Soalan mengenai dengan jambatan menghubungkan Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong yang dikelolakan ataupun dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan memang sebenarnya sebelum

jambatan ini kitani jadikan satu projek, memang ada kajian-kajian tertentu yang dibuat mengenai impaknya bukan sahaja impak kepada *environment* alam sekitar, tetapi impak kepada perekonomian, pembangunan, tatacara hidup di Temburong. Sudah pun dibuat kajian dan hasil daripada kajian itu menunjukkan pembinaan jambatan di Daerah Temburong akan menyumbangkan satu perkara yang positif kepada penduduk Daerah Temburong, insya-Allah.

Jadi perkara ini masih dalam pemerhatian kita dan memanglah dalam perancangan kita, kita ingin jua mengekalkan keadaan Daerah Temburong walaupun ia ada jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei Muara. Kita akan memastikan bahawa tidak banyak yang terganggu di Daerah Temburong itu. Ertinya dari segi kualiti kehidupan dan kemajuannya akan kita pantau. Kita pastikan supaya ia tidak menjadi suatu daerah yang keadaannya menurun. Itu salah satu daripada hasil kajian kita dalam hal jambatan Daerah Temburong ini.

Jadi perkara ini masih dalam pemerhatian kita dan memanglah dalam perancangan kita, kita ingin memastikan bahawa tidak banyak yang terganggu di Daerah Temburong itu. Ertinya dari segi kualiti kehidupan dan kemajuannya akan kita pantau. Kita pastikan supaya ia tidak menjadi suatu daerah

yang keadaannya menurun. Itu salah satu daripada hasil kajian kita dalam hal jambatan Daerah Temburong ini.

3. Mengenai Jalan Simpang Penanjong, dari 10 tahun dulu pun masih tidak berubah dan kerja-kerja sentiasa menambal sahaja. Perkara ini memang kita akui kerana pihak Kementerian Pembangunan, pihak JKR ada sekatan-sekatannya jua yang tidak membolehkan kita membuat jalan sebaik mana yang diharapkan oleh Yang Berhormat. Jadi buat sementara ini, walaupun sudah lama perkara ini berlaku, masa ini belum lagi ada usaha-usaha yang lain, belum ada kemampuan dan sebagainya ataupun belum ada keutamaan yang sebenarnya.

Maka kita seboleh-bolehnya akan membaiki mana-mana jalan yang rosak itu dengan cara yang sekarang ini. Insya-Allah memang dalam perancangan kita, akan di *upgrade* jalan-jalan raya utama di seluruh negara tetapi perkara itu tidak dapat kita laksanakan secepat yang kita mahu dan kehendaki.

Walau macam manapun, untuk tidak mengabaikan keselesaan penduduk daerah kawasan Simpang Penanjong dan sebagainya, kita mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki dari semasa ke semasa dan jika perlu akan dibuat kerap kali. Dari segi *cost-effectiveness*, kalau dikira memanglah lebih baik kalau kitani membuat satu jalan yang lebih berdaya tahan

daripada cara masa ini, tetapi itulah kemampuan yang dapat dibuat pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi.

4. Mengenai soalan seterusnya, tanah bergerak kekal yang tidak ada jalan keluar masuk (*land locked*), sebenarnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa sentiasa dari semasa ke semasa ada menyediakan pengubahsuaian semula tanah-tanah yang berbentuk tidak menentu dan tidak mempunyai jalan laluan melalui skim-skim perancangan dan skim-skim *land readjustment* (pengubahsuaian tanah). Salah satu kejayaan *land adjustment* ini ialah sebahagian kawasan perniagaan Kiulap, Mukim Gadong yang melibatkan usaha sama di antara pihak Kerajaan, pemaju-pemaju dan pemilik-pemilik tanah yang terlibat.

Insya-Allah melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, kawasan-kawasan yang mempunyai tanah-tanah persendirian yang *land locked*, yang masa ini telah pun dikenal pasti untuk disediakan skim-skim *land readjustment*. Kerjasama serta komitmen orang ramai khususnya pemilik-pemilik tanah berkenaan diperlukan bagi menjayakan inisiatif-inisiatif ini.

Perundangan akta juga akan disediakan bagi mendukung segala usaha ke arah pengubahsuaian tanah yang *affected*. Terdapat beberapa faedah yang dapat diperolehi daripada inisiatif ini di antaranya ialah menyediakan jalan laluan pada

lot-lot yang sebelumnya *land locked*, menyediakan sistem *infrastructure* yang lebih baik dan menaikkan nilai-nilai tanah dan sebagainya.

Namun untuk melaksanakan *land readjustment* kawasan secara komprehensif, memerlukan ramuan-ramuan lain untuk menjayakannya seperti kerja-kerja menyukat semula tanah-tanah yang diubah suai dan penyerahan jalan daripada pemilik tanah untuk melebarkan jalan. Ini satu isu kadang-kadang sukar kita atasi. Pemilik tanah yang ada di situ, kadang-kadang ada yang enggan memberi laluan untuk melebarkan jalan dan sebagainya. Ada yang enggan menyerahkan tanah kawasan bagi penyediaan jalan laluan ke lot-lot belakang.

Jadi inilah yang kita maksudkan dengan adanya kerjasama semua pihak, ini sebaik caranya dan insya-Allah akan dapat mencari penyelesaian, kita sedari bahawa banyak tanah-tanah yang *land locked* ini tidak dapat dimajukan. Mereka ini ada yang memohon Perumahan Negara sebab tanah mereka tidak dapat dimajukan dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu, kaola dan penduduk di kawasan pedalaman iaitu Kampong Bauu, Biadong, Sukang dan Melilas dengan rasa gembira ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan khususnya kepada Kementerian Pembangunan dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana dapat bekerjasama dalam meningkatkan taraf jalan raya di kawasan pedalaman yang kaola sebutkan di atas tadi, alhamdulillah.

Sementara itu pada 1 Disember 2014, satu sesi perjumpaan bersama penduduk kampung di Mukim Liang, Daerah Belait telah diadakan. Beberapa agensi Kerajaan di daerah tersebut hadir sama dalam sesi perjumpaan itu. Isu-isu yang banyak dibangkitkan dalam perjumpaan tersebut ialah isu-isu infrastruktur seperti jalan raya, saluran dan pembedungan dan lain-lain lagi.

Kaola dalam kesempatan ini juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan di daerah tersebut kerana telah membuat laporan dan sokongan tentang keadaan sistem saluran dan pembedungan yang kurang sempurna khususnya di kawasan Kampong Lumut dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

Kaola dimaklumkan oleh Jabatan Kerja Raya Cawangan Kuala Belait bahawa satu cadangan bagi menaik taraf saluran dan pembetulan di kawasan tersebut telah dihadapkan ke Kementerian Pembangunan. Kaola ingin bertanya adakah cadangan tersebut telah diterima oleh kementerian dan jika 'ya' apakah keputusannya?

Seterusnya kaola memohon maaf kerana menimbulkan perkara ini sekali lagi iaitu mengenai Lebuhraya Telisai Lumut. Kaola ingin mengetahui progres, perkembangan lebuhraya tersebut bagi makluman kepada orang ramai.

Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Pada Musim Permesyuaratan Kesepuluh tahun lepas, kaola ada menyuarakan tentang skim perumahan di kawasan pedalaman bagi mengurangkan penghijrahan penduduk ke bandar-bandar. Dalam hubungan ini kaola ingin mengulangi lagi pertanyaan tersebut, sama ada cadangan yang kaola suarakan itu masih dalam pemikiran pihak kementerian?

Perkara selanjutnya ialah mengenai kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan Perumahan RPN Lumut. Kaola dimaklumkan pemotongan rumput di kawasan tersebut dibahagikan kepada dua jabatan untuk mengerjakannya iaitu Jabatan Perumahan dan JKR. Pada pandangan kaola, bagi memudahkan pengawasan, kaola ingin mencadangkan supaya kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan tersebut akan dapat diselaraskan.

Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Pemeliharaan Jalan Raya khususnya jalan raya dari Kampong Keluyuh, Sungai Liang hingga ke Rumah Panjang Teraja, terdapat beberapa kerosakan, terutama di selekoh-selokoh yang berbahaya, yang sesetengahnya masih belum dibaik pulih sejak sekian lama. Keadaan selekoh dan jalan raya ini sangat berbahaya kepada pengguna-pengguna terutama pada waktu malam, lebih-lebih lagi kepada pengguna-pengguna yang tidak beberapa arif dan faham akan keadaan jalan kawasan tersebut. Kementerian Pembangunan ada memperuntukkan bajet untuk pemeliharaan jalan-jalan raya pada tahun ini.

Kaola ingin tahu sama ada peruntukan yang telah disediakan itu termasuklah juga bagi kerja-kerja pemeliharaan jalan-jalan raya di kawasan yang kaola sebutkan di atas tadi. Ini termasuklah juga sebatang jalan yang sudah lama tidak dipelihara. Letaknya di hujung jalan Kampung Rumah Panjang Malayan, Mukim Bukit Sawat iaitu Jalan Bang Tajuk. Jauhnya kira-kira 1 kilometer yang menuju ke arah hulu Sungai Bukit Sawat.

Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Seperti yang kita maklum, di Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa taman persiaran yang tidak kurang menariknya. Ada antara taman-taman rekreasi ini kurang menyerlah dan kurang mendapat perhatian dan kunjungan daripada pelancong dan juga orang ramai di negara ini, kerana suasana dan

keadaannya yang ada tidak begitu menarik.

Dalam hubungan ini kaola, ingin mencadangkan supaya taman-taman rekreasi yang kurang tarikan dan menarik itu ditawarkan untuk diswastakan kepada syarikat-syarikat yang berminat dalam bidang pelancongan bagi memberigakan lagi taman-taman tersebut. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih sekali lagi, Yang Berhormat Pengerusi. Soalan mengenai infrastruktur daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Baik jua kaola jawab sekali gus. Ada kaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara nanti, sudah kita masukkan juga rancangan untuk meningkatkan Jalan Tutong yang lama kepada *dual carriageway* iaitu konsep 2+1. *Estimated cost* telah pun didapatkan yang jalannya sepanjang 29 kilometer. Kita masa ini sedang mengkaji impak dari segi jalan raya itu apabila sudah siap nanti. Semua *stakeholders* telah pun dihubungi, mudahan-mudahan perkara itu dapat diatasi. Termasuklah dalam perancangan itu, Jalan Penanjong-Sengkurong yang *tendemya* telah pun dipanggil untuk membaiki sebahagian daripada jalan raya yang berkenaan. Saya harap itulah jalan raya yang ditimbulkan tadi.

Mengenai Lebuhraya Telisai-Lumut, projek ini projek di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*) yang mengikut laporan mereka di jangka siap pada tahun hadapan, insya-Allah. Memang projek ini sudah memakan masa yang lama tetapi disebabkan beberapa masalah yang tertentu. Walau macam manapun mengikut laporan mereka projek ini akan siap insya-Allah pada tahun hadapan.

Mengenai Rancangan Perumahan Negara. Sama ada skim perumahan di kawasan-kawasan pedalaman masih diteruskan atau tidak. Cadangan ini masih dalam pemikiran. Sebagaimana yang telah pun kaola nyatakan pada mesyuarat tahun lepas. Kita menimbangkan mana-mana jua cadangan mengenai pembinaan rumah di kawasan pedalaman.

Tetapi perkara itu mestilah dipohonkan melalui Ketua Kampung dan Pegawai Daerah. Kemudian Pegawai Daerah akan menghadapkan kepada Kementerian Pembangunan berapa jumlah yang akan dibangun. Kita memang membuat cara berlainan daripada biasanya. Kita tidak akan membangun misalannya 100 unit, 200 unit ataupun berpuluh-puluh unit. Kita hanya akan membangun mengikut *demand* di kawasan-kawasan tertentu. *Demand* itu akan ditentukan oleh Ketua Kampung.

Misalannya, Ketua Kampung mengatakan ada 20 orang keluarga pemohon untuk tinggal di kawasan mereka dan mereka menghadapkan

permohonan. Insya-Allah perkara itu akan dipertimbangkan. Kita tidak akan membangun 50 unit misalnya, hanya 10 unit yang diisi disebabkan orang lain tidak mahu tinggal di sana. Akan menimbulkan masalah nanti, kerana kos perbelanjaan membangunkan rumah di kawasan pedalaman itu memang tinggi nanti. Kita telah pun merancang mana-mana permohonan akan dipertimbangkan jika berpatutan dan jika orang yang memohon itu memang berhak dan berasal daripada kampung itu dan tidak akan pindah ke mana-mana. Jangan nanti apabila sudah dibangunkan rumah dan rumah itu akan dibiarkan kosong.

Perkara ini lebih baik ditangani oleh Ketua Kampung dan jika ada keperluan, berunding dengan Pegawai Daerah. Jika Pegawai Daerah meng*endorse* perkara itu kepada pihak Kementerian Pembangunan, Jabatan Kemajuan Perumahan. Insya-Allah kita akan menimbang secara positif permohonan itu. Cadangan itu memang ada tapi *to initiate* mestilah daripada pihak kampung berkenaan. Pihak Kementerian Pembangunan belum lagi memperuntukannya kerana kita tidak tahu berapa jumlah yang perlu dibangunkan.

Mengenai kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan-kawasan perumahan, bukan saja kawasan Perumahan Kampong Lumut tetapi juga kawasan perumahan secara keseluruhannya. Kadang-kadang di kawasan itu ada antara kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara

dengan sempadan jalan raya yang ia adalah tanah Kerajaan yang sebelum ini tidak ada dipertanggungjawab kepada siapa-siapa untuk memeliharanya. *It's like no mans land*. Jadi Jabatan Kerja Raya tidak memotong, Rancangan Perumahan Negara juga tidak memotong dan bahagian lain juga tidak memotong kerana tidak tahu di bawah siapa tanah itu.

Walau macam manapun, perkara ini telah kita ambil tindakan. Penyelarasan telah pun dibuat antara Jabatan Kemajuan Perumahan dengan Jabatan Kerja Raya yang telah dipersetujui akan diambil tindakan mengikut kawasan masing-masing. Iaitu bagi kawasan-kawasan yang tidak termasuk kawasan Rancangan Kemajuan Perumahan Negara akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan yang termasuk dalam kawasan Rancangan Kemajuan Perumahan Negara akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan dan yang tidak termasuk akan difikirkan siapa yang seharusnya dapat menjalankan. Dengan cara ini insya-Allah tidak lagi akan nampak rumput-rumput yang panjang atau tidak terurus dan sebagainya. Perkara ini dalam penelitian Kementerian Pembangunan dan insya-Allah akan dapat diatasi.

Mengenai jalan raya, insya-Allah dengan adanya peruntukan yang telah pun diberikan, peruntukan itu *generous* tapi masih *tight*. Ertinya dengan adanya peruntukan itu tidaklah semestinya semua jalan raya dapat kita baiki. Kita mesti juga membaiki mengikut keutamaannya, densitinya, penggunaan



dan sebagainya. Perkara itu akan diambil perhatian dan peruntukan itu kalau dapat kita lihat di jalan Kampong Keluyoh, Sungai Liang, kita akan masukkan jalan raya itu. Kalau tidak kita akan mencari jalan lain macam mana hendak membaiki jalan raya yang berbahaya dan dalam keadaan rosak. Insya-Allah, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, jambatan penghubung Sungai Brunei daripada Sungai Kebun ke Jalan Residency, Bandar Seri Begawan dijangka siap pada bulan Jun 2016.

Dalam hubungan ini, kaola mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya atas usaha pembesaran jalan raya di Jalan Residency fasa kedua yang akan mengurangkan kesesakan di jalan tersebut. Soalan:

1. Berapa peratuskah projek ini sudah dilaksanakan dan bila dijangka siap?; dan
2. Kaola tujukan kepada Jabatan Tanah. Mengenai masalah yang

kaola hadapi daripada penduduk-penduduk kawasan Zon 2 mengenai syarat-syarat penukaran dan pemecahan tanah memasukkan nama dalam geran memakan masa sehingga setahun ataupun lebih. Apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Jabatan Tanah untuk mempercepatkan permohonan tersebut?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim atas 2 soalan tadi.

Alhamdulillah, Jambatan Temburong telah pun berjalan dengan lancar dan dijangka siap 2018 seperti mana yang dinyatakan. Jalan Residency Fasa Kedua telah pun bermula. Kita tidaklah tahu *detailnya* berapa peratus sudah siap. Saya tiada maklumat seperti itu. Kalau mengikut penglihatanlah 40 peratus sudah berjalan. Jadi insya-Allah apa yang kita *target* ialah Jalan Residency fasa kedua itu akan siap mengikut jangkaan waktu yang telah pun ditetapkan.

Mengenai soalan Jabatan Tanah. Syarat penukaran pemecahan tanah memakan masa yang lama. Perkara ini memang kita akui kerana pemecahan tanah ini dan penukaran tanah ini banyak proses yang perlu kita lalui. Banyak siasatan perlu dibuat supaya tidak menimbulkan masalah pada masa hadapan. Tetapi

kita juga menyedari bahawa banyak pemohon tanah yang kata orang bersungut sebabnya lambat proses itu.

Tapi perkara ini telah pun diambil tindakan dan kita dengan proses *simulating* yang pernah kaola nyatakan di dewan yang mulia ini akan dapat kitani mempercepatkan lagi proses sama ada pemecahan tanah, pindah milik, memasukkan nama dan sebagainya. Dengan proses *simulating* ada beberapa maklumat selalunya kitani pohonkan mungkin tidak lagi diperlukan. Ianya akan dapat mempercepatkan lagi proses pemecahan tanah, tukar nama, pindah milik dan sebagainya.

Kita secara aktif menangani masalah ini dan beberapa pembaharuan atau reformasi telah pun kita adakan menyedari perkara ini perkara benar jadi kita tidaklah ingin meniadakan barang yang benar itu. Walau macam manapun akan kita atasi supaya tidak lagi timbul masalah-masalah ini. Kitani harap dengan ada reformasi yang dibuat pada masa ini perkara-perkara ini akan menjadi *history* cerita yang lama bukan lagi cerita yang baharu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi kaola akan

membawa Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola menerima aduan daripada individu yang telah menyelesaikan pembayaran perumahan. Sehingga sekarang ada antaranya tidak menerima Surat Akuan Pemilik.

Soalan kaola dalam perkara ini adakah Sijil Akuan Pemilik akan diberikan?; dan

Adakah apabila sudah selesai pembayarannya ini boleh ditukar milik kepada orang lain ataupun kepada ahli waris?

Kemudian Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan penghargaan terima kasih atas pembinaan Jejambat Bukit Beruang yang mungkin akan selesai disiapkan pada November 2015 tahun ini. Walau macam manapun siapnya jambatan ini seperti mana yang dilihat sekarang ini kesesakan, bermula dari Kampong Bukit Beruang sampai ke Sungai Liang iaitu kesesakan yang berlaku setiap hari terutama pada waktu pagi dan waktu petang. Jadi soalan kaola apakah penyelesaian daripada pihak berkenaan untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya ialah mengenai pemotongan rumput di jalan yang sama juga iaitu di Jalan Utama Telisai sehingga Sungai Liang yang sekarang ini pemotongannya tidak seperti yang dipersyaratkan. Sejak akhir-akhir ini seperti mana yang telah lalu selepas teguran memang nampaknya baik. Bagi Lebuh Raya Telisai Tutong diucapkan tahniah kerana pemotongannya masih mengikut pensyaratan dan nampaknya bersih.

Satu lagi ialah berhubungan dengan Jalan Danau iaitu jalan yang sudah 50 tahun lebih tidak dinaik taraf dan kebetulan sekarang ini ialah pembinaan saluran dan pembedungan yang nampaknya di tepi-tepinya sudah nampak bersih. Apakah ada perancangan untuk membesarkan Jalan Danau?

Seterusnya ialah mengenai Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar Taman Rekreasi. Sekarang ini terdapat kawasan-kawasan ataupun tapak-tapak pembuangan sampah yang sudah dikenal pasti dan diluluskan oleh pihak berkenaan. Kaola ingin tahu tapak-tapak pembuangan sampah ini bilakah ia dilaksanakan? Misalannya tapak pembuangan sampah yang telah diberi persetujuan bersama iaitu Kampong Rambai, Kampong Long Mayan dan Kampong Ukong. Apakah penyelesaian terhadap tapak pembuangan sampah sementara di Kampong Telisai yang pada masa ini sering menjadi sungutan orang ramai yang belum dipindahkan seperti persetujuan awal? Diharap perkara ini akan dapat diselesaikan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali sebelum kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit ada beberapa pembedungan barangkali yang ingin kaola nyatakan di sini iaitu mengenai Jalan Residency. Kaola menyatakan 40 peratus sudah siap sebenarnya maksud kaola itu Jambatan Sungai Kebun yang

sudah siap 40.9 peratus. Sementara Jalan Residency kontraknya bagi 3 tahun dan hanya berjalan sebanyak 5 peratus. Jalan ini pun belum juga lama ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya.

Mengenai cara penukaran tanah itu yang bertanggungjawab selain jabatan-jabatan berkenaan di bawah Kemeterian Pembangunan ialah juga *license land surveyors*. Jadi *license surviyors* itu lambat membuat pemecahan maka pemecahan itu akan lambatlah diselesaikan. Walau macam manapun perundingan sering diadakan dengan *license land surveyors* ini supaya dapat mencepatkan proses pemecahan tanah di pihak mereka. Insya-Allah perkara ini akan dapat kita selesaikan supaya dapat dipercepatkan.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu isu perumahan. Sijil Akuun bagi pemilik rumah yang telah pun selesai membayar rumah insya-Allah akan dikeluarkan. Perkara ini kita sudah ambil tindakan memandangkan masih banyak *paper work* yang perlu dibuat dalam perkara ini. Mana-mana rumah yang sudah dijelaskan pembayaran sepenuhnya maka Sijil Akuan Pemilikan akan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan. Itu tidak jadi masalah dan sama ada ia boleh ditukar milik kepada orang lain, kepada waris itu pun, kita rasa tidak menjadi masalah, kerana ia sudah menjadi miliknya.

Mengenai cadangan-cadangan yang lain seperti pemotongan rumput di beberapa kawasan. Insya-Allah, perkara itu kita akan beri perhatian supaya ia tidak dibiarkan begitu dan keadaannya panjang dan sebagainya. Begitu juga tapak-tapak yang telah pun dicadangkan bagi pembuangan sampah, di Kampong Rambai, Kampong Long Mayan, Kampong Ukong dan sebagainya, insya-Allah akan kita usahakan juga.

Yang sebenarnya kita kurang gemar untuk membanyakkan tapak pembuangan sampah ini. Keadaannya selalu memang tidak terurus, kalau tempat itu dijadikan tapak pembuangan sampah. Kita lebih cenderung mencari alternatif yang lain, bagaimana kita melupuskan sampah ini supaya tidak dapat banyak tapak pembuangan sampah di sana sini.

Perkara ini bukan satu perkara yang ringan, bukan satu perkara yang mudah kita selesaikan, kerana *tendency* orang kita, suka membuang sampah ditempat yang paling dekat, masalahnya bukan di tempatnya. Ia suka membuang di kawasan *public* dan kawasan orang lain, kalau tempatnya ia membuangnya. Jadi, ini satu masalah yang harus kita atasi dan juga kita fikirkan. Insya-Allah.

Cadangan-cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit akan kitani usahakan mana-mana yang dapat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Pembangunan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan.

### **Yang Berhormat Awang Haji**

**Jumat bin Akim:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan serta warga Kementerian Pembangunan kerana telah melaksanakan projek pembangunan dengan cemerlangnya.

Rakyat dan penduduk kawasan Zon 4, mengucapkan syabas dan tahniah atas usaha yang berterusan Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan projek pembangunan negara. Terutama sekali Lebuhraya Tutong - Kuala Belait dan projek mega penghubung Jambatan Sungai Kebun - Bandar Seri Begawan serta jambatan penghubung Bandar Seri Begawan - Temburong. Terima kasih dan tahniah diucapkan.

Dalam perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa soalan yang ingin disampaikan:

1. Mengenai dengan tanah yang *dideposit* di kawasan Belading dan Bebuloh, Mukim Pangkalan Batu. Adakah pertimbangan diberikan kepada mereka yang telah membuat *deposit* tanah untuk penggeranan tanah pada tahun 1960 di kawasan Kampong Belading, Limau Manis, yang penduduknya dipindahkan daripada perbatasan

Kuala Lurah dan Bebuloh? Jika tidak ada, dicadangkan dan dipohonkan supaya tanah-tanah yang telah *dideposit* untuk penggeranan tanah 1960 di kawasan Belading, Limau Manis dipindahkan dari perbatasan Kuala Lurah dan Bebuloh bagi tujuan seperti berikut:

- i Memberikan peluang kepada penduduk Belading yang diarah berpindah (penduduk Kampong Belading) terpaksa pindah ibarat kata pepatah kata orang tua-tua, sehelai sepinggang. Pada tahun 1970 meninggalkan kampung halaman, meninggalkan rumah, halaman kerbau, tanah tidak digerankan yang sekarang ini diduduki oleh negara jiran;
- ii Jika tanah-tanah yang *dideposit* tersebut digerankan dan dipindahkan di sempadan Kampong Kuala Lurah (Polong Siarau), maka kedudukan sempadan *undefined area* makin kukuh sebagai tanah Brunei serta dapat menyekat agresif pergerakan masuk penduduk negara jiran; dan
- iii Kita membantu penempatan penduduk di perbatasan menjalankan kegiatan ekonomi seperti bertani, bercucuk tanam dan mengusahakan ladang padi (sebagai benteng *as a stopper* seperti kata pantun dua kerat "Pat pat sigulambir". Koala inda akan meneruskan, saya serahkan

kepada dewan yang mulia ini untuk kita memikirkan secara patriotik.

2. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Isu alam sekitar. Kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar merupakan salah satu agenda pembangunan negara dan banyak telah dicakapkan tapi berlainan nada. Adakah kementerian khususnya Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bercadang membina tempat pembuangan sampah di kampung-kampung terutama sekali di kawasan Jerudong, Sengkurong, Mukim Pengkalan Batu dan lain-lain. Kerana kita mahu melihat masyarakat di negara ini mempunyai kesedaran serta memberikan pendidikan kepada masyarakat agar bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar;
3. Gantian tanah yang diambil oleh pihak kerajaan. Gantian dan pembayaran bagi perkara tersebut masih menjadi sungutan orang ramai. Perkara ini perlu diambil perhatian supaya kita dapat mengurangkan pertanyaan dan sungutan orang ramai;
4. Menaikkan taraf jalan raya di kawasan Zon 4, barangkali banyak sudah tadi dibincangkan. Walau bagaimanapun, ingin bertanya juga:

- i. Adakah perancangan Jabatan Kerja Raya untuk menaik taraf jalan raya Kulapis dan Katimahar yang pada masa ini sudah memerlukan pembaikan?
- ii. Jalan masuk Sekolah Menengah Sayyidina Husain supaya akan dinaikan taraf kerana jalan tersebut sering mengalami banjir apabila hujan lebat;
- iii. Jalan penghubung Kampong Batong, Panchor Murai, Batang Mitus supaya akan dinaikkan taraf;
- iv. Seterusnya menaik taraf Jalan Lupak Luas, Kasat dan Putat, yang pada masa ini masih kecil dan perlu diperbesarkan dan dilebarkan. Jalan tersebut akan menjadi laluan yang sibuk sebaik sahaja Jambatan Sungai Kebun siap pembinaan pada tahun hadapan;
- v. *Flyover* ataupun jejantas. Adakah kementerian bercadang untuk membina jejantas di Jalan Tutong (Tasek Meradun) yang sentiasa sibuk dengan lalu-lintas terutama pada waktu berkerja dari 6.30 pagi hingga ke petang dan;
- vi. Apakah usaha kementerian untuk mengatasi kesesakan jalan raya di pusat-pusat bandar, seperti Bandar Seri Begawan, Sepilap, Jalan Tutong dan Jalan

Kumbang Pasang? Kita banyak jejantas yang akan dibuat seperti di Jalan Babu Raja dan sebagainya. Jadi kita juga mengharapkan di kawasan bandar itu ada suatu usaha bagi mengatasi kesesakan jalan raya.

5. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Kawal selia pekerja kontrak. Ini sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Tetapi kawal selia pekerja-pekerja kontrak patut ditingkatkan bagi membantu pemantauan dalam kerja-kerja pembinaan, pembersihan dan sebagainya. Kalau diteliti kerja-kerja tersebut dibuat berulang-ulang seperti pembaikan jalan raya kerana kerja awalnya tidak menepati keperluan yang dikehendaki atau kurang sempurna.

Pembersihan jalan raya (memotong rumput) tidak menepati piawaian atau kehendak jabatan. Ini selalu diberikan teguran oleh orang ramai. Adakah kawal selia ini dibuat secara konsisten ataupun berterusan. Jika ada apakah tindakan jika didapati kontraktor berkenaan tidak dapat membuat kerja dengan sempurna?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih

Ahli Yang Berhormat Haji Jumat bin Haji Akim, atas beberapa soalan tadi.

Soalan mengenai tanah *dideposit* ini. Perkara ini akan dikaji sebab masa ini permohonan yang diproses setakat 1954. Jadi yang disebutkan itu masih perlu kita mengkaji lagi sejauh mana dapat membuatnya.

Mengenai membina tempat pembuangan sampah di kampung-kampung ini, seperti yang kita nyatakan, memang kitani kurang gemar membuat tempat membuang sampah ini. Kitani lebih suka kalau cara berlanggan dan dikutip daripada rumah ke rumah. Tapi walau bagaimanapun, memanglah di beberapa tempat itu perlu barangkali diadakan tempat-tempat membuang sampah itu.

Ingin jua kaola menerangkan sedikit mengenai isu pembuangan sampah ini. Sebenarnya kitani sudah ada tapak pelupusan sisa buangan di Sungai Paku yang menggunakan teknologi dan kaedah operasi mesra alam. Ia dilengkapi dengan peralatan kawalan dan rawatan pencemaran bagi memastikan pengendalian dan pelupusan sisa buangan tidak meninggalkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Tapak-tapak *conventional* telah ditutup dan pelupusan sisa pembuangan dipusatkan *centralized* di tapak pelupusan di Sungai Paku. Kita memanglah tidak menggalakkan tempat pembuang sampah di merata tempat ini. Tapak pelupusan di Sungai

Paku yang seluas 110 hektar itu berkemampuan dan mempunyai kapasiti untuk pelupusan sisa buangan daripada 12 hingga 20 tahun yang akan datang.

Jadi mengambil kira kapasiti Tapak Pelupusan di Sungai Paku, kos pembiayaan yang besar bagi penyediaan dan operasinya serta keperluan kawasan tanah yang diperlukan bagi pembinaannya, kita tidak merancang untuk membuka tapak pelupusan bahan sama ada di Kuala Belait atau di mana-mana tempat seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat .

Pada masa akan datang kita juga merancang supaya kita menggunakan teknologi rawatan sisa buangan iaitu *waste treatment technology* yang berkeupayaan untuk mengurangkan isi padu sisa buangan untuk dihapuskan. Cara ini bagi memanjangkan hayat tapak pelupusan di Sungai Paku, ertinya Sungai Paku itu ada kapasiti untuk menerima banyak sampah. Kita tidak menggunakan sepenuhnya tapak Sungai Paku ini. Ertinya perbelanjaan Kerajaan yang besar dalam perkara ini dan tanah yang telah pun diperuntukkan tidak akan berjaya. Kita kurang gemar untuk membina tempat pembuangan sampah di merata kampung-kampung ini. Walau macam manapun, isu yang akan kitani kaji dan kitani cari alternatif yang lebih baik macam mana kita akan menangani masalah pelupusan sampah di seluruh negara ini.

Mengenai gantian dan pampasan tanah in. Projek ini memerlukan

tindakan segeralah dari pihak kementerian terutama Jabatan Tanah bagi kepentingan awam. Tetapi untuk pemahaman proses pampasan dan gantian tanah ini memerlukan prosedur undang-undang.

Ertinya Akta Pengambilan Balik Tanah Penggal 41. Dalam perkara ini ada juga isu-isu seperti peruntukan yang memerlukan pengertian yang teliti dalam membuat pembayaran. Ia akan memakan masa yang lama. Walau macam manapun tidaklah kitani akan beralasan mengapa ia lama kerana ada juga tanah gantian itu telah sudah lama diambil dan pampasan belum dibayar.

Pada masa sekarang Jabatan Tanah telah pun berusaha memperbaiki lagi memproses dan prosedur pengambilan balik tanah, penyediaan rang kertas, penyediaan wang pampasan, penyelesaian tuntutan waris lebih dahulu dan banyak lagi isu itu akan kita teliti lagi dengan lebih baik supaya isu pembayaran pampasan ini tidak akan menjadi lambat seperti yang telah terjadi sebelum ini.

Insyallah, dengan usaha-usaha baru yang telah diambil oleh Jabatan Tanah dan juga pihak-pihak yang berkenaan di bawah Kementerian Pembangunan, isu pampasan yang lambat ini akan dapat kita atasi insyallah, Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai beberapa cadangan yang lain, oleh sebab ia cadangan pihak Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya

mengambil maklum dan insyallah mana-mana yang bersesuaian untuk kitani laksanakan akan kitani laksanakan. Mana-mana yang kitani dapat laksanakan dengan segera akan kitani laksanakan dengan segera, mana yang kita tinggalkan dahulu jadi keutamaan maka kita utamakan dahulu mana yang kita utamakan.

Walaupun manapun cadangan-cadangan daripada pihak Ahli Yang Berhormat itu akan diambil maklum dan insyallah dengan adanya pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya di belakang saya ini insyallah perkara ini akan dicatat dan diambil tindakan yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli

Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu `Ala

Manittaba'el Huda. Koala akan bercakap berkaitan dengan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amat berterima kasih



kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dan akan terus membina kemudahan-kemudahan untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Misalnya membina longkang-longkang konkrit di kawasan-kawasan yang kerap ditimpa banjir. Dalam membina kemudahan bahan tersebut, bukan sahaja melibatkan tanah-tanah Kerajaan bahkan melibatkan tanah-tanah persendirian. Kaola difahamkan bahawa kerajaan membayar ganti rugi kepada pemilik-pemilik tanah persendirian yang sebahagian tanahnya yang diambil untuk pembinaan longkang-longkang konkrit tersebut.

Kaola ingin tahu benarkah Kerajaan membayar ganti rugi sedemikian. Jika benar, adakah jangka masa ditetapkan oleh Kerajaan untuk membayar ganti rugi itu sesudah projek pembinaan longkang itu siap, adakah sesudah setahun, dua tahun atau lebih lama daripada itu? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Memang Kerajaan membayar ganti rugi bagi tanah-tanah persendirian yang diambil oleh Kerajaan bagi projek-projek Kerajaan. Pembayaran itu kalau pembayaran ganti rugi termasuk dalam

harga pembinaan itu, telah disediakan. Maka pembayarannya akan cepat kitani uruskan. Jika kadang-kadang tidak termasuk dalam projek pengubahan tanah belum termasuk kosnya maka perkara itu akan dipohonkan peruntukannya dan insya-Allah akan dicepatkan prosesnya.

Itu tatacara kita. Tapi seperti yang dinyatakan juga memang kadang-kadang yang terlambat bayaran dan perkara itu akan dipantau. Tapi baru-baru ini nampaknya semua projek Kerajaan yang telah diambil banyak yang sudah kita bayar pampasan masih lagi ada *backlog* itu. Walau macam manapun perkara ini di bawah Kementerian Pembangunan dan insya-Allah akan dapat diuruskan secepat mungkin jua. Memang ada pembayaran dibuat ke atas tanah-tanah yang persendirian yang diambil oleh pihak Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, maka saya ingin mencadangkan Mesyuarat Jawatankuasa ini kita ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankusa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan mesyuarat yang kita adakan dalam Jawatankuasa, saya ingin supaya Persidangan Mesyuarat kita ini, ditangguhkan dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada esok hari iaitu Selasa, 26 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 17 Mac 2015 Masihi pada pukul 9.30 pagi.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 26 Jamadilawal 1436H / 17 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

#### **AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesebelas Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, 26 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 17 Mac 2015 Masihi didahului dengan bacaan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, maka kita dapat pagi ini meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari kesembilannya. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita sambung semula pada pagi ini untuk membincangkan perkara-perkara yang kita tangguhkan pada petang semalam. Seperti pada hari-hari persidangan yang telah lalu, kita akan memulakan

persidangan kita ini dengan membincangkan Soalan Yang Telah Diberi Notis. Kita masih lagi mempunyai beberapa Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang perlu kita selesaikan.

Sebelum kita menyambung ke kementerian seterusnya, saya berpendapat ada baiknya lebih dahulu kita menyelesaikan soalan-soalan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Soalan Yang Diberi Notis No. 23 hingga No. 26 yang telah pun kita tangguhkan untuk dibincangkan oleh sebab Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tidak dapat hadir atas urusan-urusan rasmi di luar negara pada tempoh hari. Saya berharap kita akan dapat menyelesaikan banyak Soalan-Soalan Yang Diberi Notis pada pagi ini.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 23 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang saya bincangkan ialah mengenai Pembinaan Rumah-rumah Baitulmal.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Saya telah mendapat tahu bahawa Baitulmal telah menyewa rumah-rumah persendirian bagi menempatkan orang-orang fakir, miskin dan muafak yang tidak mempunyai rumah dengan bayaran sewa sebanyak \$500.00

sebulan. Walhal Baitulmal mempunyai kumpulan wang yang banyak dan saya percaya mempunyai tanah-tanah yang masih kosong yang sesuai untuk dibangunkan rumah, terutama sekali di kawasan-kawasan yang terdapat perusahaan-perusahaan dan perniagaan. Ini dengan sendirinya sewa bulanan itu akan balik kepada Baitulmal. Di samping itu, mereka akan berpeluang mendapat pekerjaan di kilang-kilang ataupun perniagaan yang berdekatan.

Saya ingin tahu, sama ada pihak yang berkenaan mempunyai perancangan untuk berbuat sedemikian bagi meringankan bebanan dan tanggungjawab Baitulmal pada masa akan datang?, Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan reaksinya.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah Rabbil'alameen Wabihi Nasta'inu 'Alaa Umuriddunya Waddin. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin 'Alaa Asyrafil Anbia' Walmursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai soalan

yang dikemukakannya ini. Untuk makluman Yang Berhormat itu, bahawa bantuan pembinaan rumah bagi asnaf zakat yang layak untuk dibiayai kos pembinaannya melalui kumpulan wang zakat dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi-agensi seperti yang berikut:

1. Kerjasama dengan Jabatan-Jabatan Daerah (Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait); dan
2. Kerjasama dengan Jawatankuasa Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin (*Project Quick Win*) yang diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri;

Jika asnaf zakat (khususnya fakir miskin) tersebut memiliki tanah maka rumah bantuan akan dibina atas tanah kepunyaan mereka sendiri, sama ada tanah itu kekal atau Tanah Tumpang Sementara. Manakala, bagi asnaf fakir miskin yang tidak memiliki tanah maka rumah bantuan akan dibina di atas tanah tapak Kerajaan tertakluk kepada pertimbangan pihak Kerajaan.

Manakala, asnaf zakat yang tidak ada rumah dan belum mempunyai tempat tinggal, mereka akan disewakan rumah oleh Majlis Ugama Islam dan dibayar melalui kumpulan wang zakat. Antara rumah sewa yang disalurkan kepada asnaf fakir miskin ialah:

1. Rumah sewa daripada orang-orang persendirian;

2. Rumah penempatan sementara Kampong Belimbing, Subok di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat;
3. Berek-berek yang diserahkan kepada Majlis Ugama Islam khususnya di Daerah Belait;
4. Rumah sewa milik Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam di kawasan Kampong Kota Batu dan Kuala Lurah; dan
5. Rumah-rumah teres yang dibina bagi penempatan sementara bagi saudara-saudara baharu khususnya di Daerah Temburong iaitu di Kampong Semabat dan Kampong Sibut (tanpa dikenakan bayaran sewa bulanan).

Berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, Majlis Ugama Islam melalui Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam memang mempunyai rancangan untuk memajukan tanah-tanah Baitulmal yang ada dengan membina rumah-rumah kos rendah untuk disewakan bagi menempatkan orang-orang yang tidak mampu termasuk asnaf fakir dan miskin.

Setakat ini memang sudah ada rumah-rumah yang dibina di atas tanah Baitulmal berupa 2 blok rumah teres yang mengandungi 8 unit bagi penempatan orang-orang susah yang terletak di kawasan Ban 5, Kampong Mulaut. Begitu juga bangunan kepunyaan Badan Tanmiah Harta Majlis



Ugama Islam di Kota Batu dan di Kampung Kuala Lurah. Majlis Ugama Islam memang sentiasa memikirkan untuk membangun dan memajukan tanah-tanah Baitulmal yang ada kesesuaian dari segi lokasi, saiz dan sebagainya. Demikian jawapan kaola, terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 24, daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat

Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Penaruhan kereta di kawasan-kawasan masjid. Adalah diperhatikan bahawa jalan-jalan masuk ke masjid-masjid pada waktu solat Fardhu Jumaat dihalang oleh kenderaan-kenderaan mereka yang menunaikan solat Fardhu Jumaat yang meletakkannya dengan secara tidak teratur. Ini mungkin disebabkan tempat letak kereta tidak mencukupi atau sengahaja meletakkan bagi membolehkan mereka balik awal selepas menunaikan solat Fardhu Jumaat kerana ditakuti lewat untuk datang bertugas semula.

Seperti yang dimaklumi, pada masa ini semua sektor awam mahupun *private* yang bekerja pada hari Jumaat telah pun diberi kelonggaran untuk

menunaikan solat fardhu Jumaat bermula dari pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang. Memandangkan keramaian jumlah jemaah sekarang ini semakin bertambah maka ada kemungkinan kawasan-kawasan letak kereta tidak mencukupi sehinggakan mereka meletakkan kereta di tempat-tempat yang dilarang (*no parking*).

Saya ingin bertanya:

1. Dapatkah Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Jabatan Hal Ehwal Masjid membuat kajian mengenai punca masalah ini berlaku dan mengambil tindakan untuk memperbaikinya?; dan
2. Masjid-masjid yang tidak mencukupi tempat letak kereta, adakah cadangan dari pihak yang berkenaan untuk memperluaskan lagi tempat letak kereta itu?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai soalan yang dikemukakannya.

Dalam proses mereka bentuk sesebuah masjid, perkara letak kereta adalah satu keutamaan. Asas perkiraan bagi letak kereta bagi sebuah masjid yang baharu dibina sekurang-kurangnya 20 peratus

daripada jumlah jemaah bagi masjid yang akan dibina itu. Walau bagaimanapun, pembinaan masjid dan bilangan letak kereta tertakluk juga kepada keluasan tapak dan peruntukan yang diluluskan.

Kaola bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa punca susunan kenderaan yang tidak teratur pada waktu sembahyang Fardhu Jumaat adalah disebabkan tempat letak kereta yang tidak mencukupi. Mungkin juga disebabkan pemilik kereta ingin balik awal selepas menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat kerana ditakuti lewat untuk datang bertugas semula. Kemungkinan juga ada jemaah yang datang lambat ke masjid yang menyebabkan tiada kesempatan untuk meletak kereta dengan sempurna.

Walaupun bagaimanapun, kaola / saya sukacita menyeru kepada semua jemaah masjid supaya mengutamakan disiplin dan ketertiban ketika hendak sembahyang Fardhu Jumaat, dengan mengambil kira meletak kereta itu tidak menghalang lalu lintas dan tidak menghalang jemaah lain yang mungkin hendak keluar lebih awal atas sebab-sebab yang tertentu.

Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid juga telah mengenal pasti beberapa buah masjid baharu yang memerlukan pembinaan dan penaikan taraf letak kereta seperti Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen di Kampong Mulaut, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kampong

Kilanas, letak kereta bagi kedua-dua masjid tersebut sedang dalam pelaksanaan penaikan taraf yang dijangka akan siap pada akhir Tahun Kewangan 2014/2015 Masihi ini.

Manakala Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik di Kampong Tungku Katok adalah dalam perancangan untuk membina tambahan letak kereta pada Tahun Kewangan 2015/2016 Masihi nanti. Pembinaan dan penambahan letak kereta di kawasan masjid akan terus diambil perhatian semasa kerja-kerja menaik taraf pada sesebuah masjid diadakan. Skop kerja yang telah dilaksanakan adalah memperbaiki bangunan dan menambah bilangan letak kereta seperti masjid di Kampong Serusop, Masjid Sharif Ali, Masjid Pekan Seria, Masjid Jamalul Alam Kuala Belait.

Rancangan penaiktarafan bangunan masjid dan letak kereta juga akan dilaksanakan dalam perancangan Projek Usai iaitu Masjid Hassanal Bolkiah, Masjid Kampong Kupang dan Masjid Kampung Keriam di Daerah Tutong, Masjid Utama Mohd Salleh dan Masjid Kampong Batu Apoi di Daerah Temburong, Masjid Junjungan dan Masjid Kampong Lumapas di Daerah Brunei dan Muara.

Jelasnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara tempat letak kereta ini diambil perhatian, dipantau dan diusahakan seberapa yang mampu untuk memberi keselesaan kepada para jemaah. Terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 25, yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Soalan No. 25, Giliran Menunaikan Fardhu Haji.

Pada musim haji tahun 2013 Masihi, Kerajaan Arab Saudi telah mengeluarkan had kuota sebanyak 400 orang bagi jemaah Negara Brunei Darussalam. Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menetapkan kriteria-kriteria pemilihan bagi menunaikan fardhu haji dan antaranya ialah dengan memberi keutamaan bagi mereka yang belum pernah menunaikan fardhu haji dan mereka yang menemani muhrimnya, manakala kanak-kanak di bawah umur dan mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang pernah menunaikan fardhu haji hanya dibolehkan jika masih lagi mempunyai kuota. Selain itu keutamaan juga diberi kepada mereka yang tidak terpilih tetapi mendaftar pada musim haji 2013 Masihi bagi tahun 2015 Masihi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, cara pemilihan jemaah haji ini nampaknya tidak begitu telus (*transparent*) kerana ada terdapat jemaah yang dipilih untuk menunaikan fardhu haji pada tahun

2014 Masihi yang lalu pernah menunaikan haji beberapa kali. Adalah difahami jika sekiranya calon jemaah haji itu, terdiri daripada orang-orang perempuan yang belum pernah menunaikan fardhu haji perlu ditemani oleh suaminya sebagai muhrim walaupun suaminya itu sudah pernah menunaikan fardhu haji. Tetapi adalah kurang logik manakala perempuan yang sudah berkali-kali menunaikan fardhu haji dipilih dan mengenyahkan peluang calon-calon yang belum menunaikan fardhu haji.

Selain itu perbelanjaan untuk menunaikan fardhu haji dan umrah semakin tahun semakin meningkat. Sebagai misal pakej termurah bagi menunaikan fardhu haji ialah dalam lingkungan \$8,000.00 dan yang termahal pula, ialah mencapai sehingga \$15,000.00. Soalan kaola ialah:

1. Berapa banyakkah jemaah haji perempuan yang pernah menunaikan fardhu haji tetapi tidak dapat menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2013 Masihi dipilih untuk menunaikan fardhu haji bagi musim haji 2015 Masihi?;
2. Berapa banyakkah lelaki yang pernah menunaikan fardhu haji dan dicalonkan untuk menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2015 Masihi untuk mengiringi muhrimnya?;
3. Berapa banyakkah calon jemaah haji yang pernah menunaikan fardhu haji dan tidak ada kaitan dengan muhrim

tersenarai untuk menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2015 Masihi disebabkan mereka tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun 2013 Masihi dan 2014 Masihi?; dan

4. Kenapakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak dapat campur tangan dalam mengawal kenaikan harga bagi menunaikan fardhu haji dan umrah?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih atas beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Untuk makluman bahawa pada musim haji 1434 Hijrah/2013 Masihi dan musim haji 1435 Hijrah/2014 Masihi, keutamaan untuk menunaikan ibadah haji diberikan kepada bakal haji tahun 1433 Hijrah/2012 Masihi yang tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun tersebut disebabkan kuota 400 yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Arab Saudi. Keutamaan yang diberikan kepada mereka dengan mengambil kira komitmen mereka yang telah membuat pembayaran kepada syarikat-syarikat di samping memberi peluang bagi menyampaikan niat dan hasrat mereka untuk menunaikan ibadah haji.

Sebahagian daripada jemaah tahun 2012 Masihi tersebut adalah mereka yang pernah menunaikan fardhu haji.

Mereka termasuk dalam senarai jemaah menunaikan fardhu haji pada tahun 2014 Masihi itu, maka setentunya senarai jemaah tahun 2014 Masihi itu terdapat yang sudah berstatus haji. Sementara bagi musim haji 2015 Masihi ini, jemaah yang tersenarai dalam kuota 400 adalah baki bakal jemaah haji yang telah membuat pendaftaran menunaikan fardhu haji pada tahun 2013 Masihi dan 2014 Masihi itu.

Calon jemaah haji perempuan yang pernah menunaikan fardhu haji tetapi tidak dapat menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2013 Masihi, dipilih untuk menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2015 Masihi ini ialah seramai 23 orang. Mereka ini merupakan jemaah yang mendaftar untuk menunaikan fardhu haji pada tahun 2013 Masihi dan diletakkan dalam senarai menunggu.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memikirkan tempoh 3 tahun setelah permohonan pendaftaran haji dibuat, adalah satu jangka masa yang sesuai untuk diberikan pertimbangan menunaikan fardhu haji pada tahun 2015 Masihi ini.

Jelasnya, untuk mengelakkan sebarang persoalan, Jabatan Urusan Haji telah menyediakan senarai menunggu berdasarkan tarikh dan masa mendaftar serta pertimbangan lain bagi bakal-bakal haji. Ini sebagaimana juga berlaku di negara-negara lain. Inilah situasi sekarang yang kita tidak lagi dapat memberi jaminan bahawa orang yang mendaftar akan secara langsung (secara

automatik) dapat menunaikan fardhu haji pada tahun yang sama ia mendaftar seperti zaman dahulu. Walau bagaimanapun, kita patut bersyukur kerana kadar masa menunggu di negara kita, saya kira lebih baik berbanding dengan negara lain.

Bagi jawapan kepada Soalan No. 2, lelaki yang pernah menunaikan fardhu haji dan dicalonkan untuk menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 2015 Masihi ini untuk mengiringi muhrimnya ialah seramai 24 orang.

Bagi jawapan kepada Soalan No. 3, jemaah haji yang pernah menunaikan fardhu haji dan tidak ada kaitan dengan muhrim (orang perseorangan) tersenarai untuk menunaikan fardhu haji musim tahun 2015 Masihi ini disebabkan mereka tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun 2013 Masihi dan 2014 Masihi ialah seramai 3 orang.

Manakala jawapan kepada Soalan No. 4, untuk maklumat bahawa komponen pakej haji mengandungi kos-kos seperti kos penginapan, kos Masya'ir (Arafah dan Mina), kos pengangkutan dan kos tambang kapal terbang. Kos-kos tersebut memainkan peranan penting dalam penentuan harga pakej yang ditawarkan oleh syarikat operator haji dan umrah.

Kos penginapan di Tanah Suci iaitu harga-harga hotel merupakan faktor utama yang menyumbang kepada meningkatnya kos menunaikan ibadah haji dan umrah terutama sejak projek pembangunan di Mekah Al Mukaramah

yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memberi keselesaan serta kemudahan kepada jemaah haji yang telah menyebabkan harga hotel-hotel penginapan di Mekah semakin mahal akibat banyak hotel yang telah dirobohkan bagi membina hotel-hotel baharu yang lebih selesa.

Bukan sahaja Negara Brunei Darussalam bahkan negara-negara lain juga menghadapi masalah kos menunaikan ibadah haji semakin mahal setiap tahun akibat harga hotel penginapan yang semakin mahal di Tanah Suci. Setentunya kenaikan harga hotel penginapan tersebut termasuk juga kos Masyair (Arafah dan Mina) dan pengangkutan di Arab Saudi adalah di luar kuasa pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengawalinya.

Bagi kos tambang penumpang haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji telah mengawal kadar harga tambang penumpang jemaah haji yang ditawarkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) dengan menetapkan kadar harga yang tidak membebankan bagi kedua-dua pihak iaitu para bakal haji dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*).

Walaupun kadar-kadar tambang yang dicadangkan oleh pihak *RB* itu agak tinggi ekoran daripada kenaikan harga minyak dunia namun menerusi perundingan-perundingan antara pihak *RB* dengan Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji, harga itu telah dapat dikawal. Contohnya, tambang

penumpang haji tahun 2011 Masihi dan 2012 Masihi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji ialah \$3,300.00 bagi orang dewasa dan \$2,500.00 bagi kanak-kanak. Sementara pada tahun 2013 Masihi dan 2014 Masihi, tambang penumpang haji yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji ialah \$3,500.00 bagi orang dewasa dan \$2,800.00 bagi kanak-kanak.

Di samping itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah melakukan usaha-usaha bagi menangani masalah kos menunaikan ibadah haji yang semakin meningkat. Antaranya ialah seperti menubuhkan satu Jawatankuasa Khas (*Task Force*) pada 17 Ogos 2011 Masihi bagi merangka satu dasar mengenai kos pakej haji Negara Brunei Darussalam. Antara lain tugas-tugas Jawatankuasa Khas ini ialah untuk:

1. Meneliti langkah-langkah yang berupaya mendukung penggalakan rakyat untuk mengerjakan ibadah haji tanpa membebankan kewangan syarikat-syarikat milik Kerajaan;
2. Meneliti perbandingan kos menunaikan ibadah haji antara negara-negara jiran yang terdekat;
3. Menganalisis komponen pakej haji yang mengandungi kos penginapan, kos Masyair (Arafah dan Mina), kos pengangkutan dan kos tambang kapal terbang secara menyeluruh serta mekanisme penetapan harga-harga penginapan hotel di Mekah

dan di Madinah pada musim-musim haji.

Jawatankuasa Khas (*Task Force*) tersebut menyedari bahawa untuk mengurangkan kos pakej haji ataupun mengekalkan pada tahap yang kompetitif adalah sukar kerana kos-kos seperti penginapan, pengangkutan, kos-kos di Masya'ir (Arafah dan Mina) pada kelazimannya semakin meningkat dari setahun ke setahun. Begitu juga para jemaah haji sentiasa menghendaki perkhidmatan yang sentiasa bermutu tinggi dan tidak bersedia untuk menerima perkhidmatan yang dikurangkan mutunya.

Walau bagaimanapun Jawatankuasa tersebut telah mengusulkan cadangan-cadangan yang antaranya :

1. Mengekalkan pemberian *top-up* atau subsidi tambang penumpang haji kepada jemaah haji sebagaimana yang pernah diberikan pada musim haji tahun 1432 Hijrah/2011 Masihi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan;
2. Menaikkan kadar kurnia tambang menunaikan fardhu haji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam daripada \$3500.00 kepada \$4500.00 seorang.

Alhamdulillah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pemberian *top-up* atau subsidi tambang penumpang haji kepada jemaah haji yang kali pertama atau kali kedua menunaikan ibadah haji mulai tahun 2011 Masihi. Begitu juga kenaikan kadar kurnia menunaikan fardhu haji bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam daripada \$3500.00 kepada \$4500.00 seorang mulai tahun 2012 Masihi.

Jika diteliti pakej yang disediakan oleh syarikat-syarikat operator haji dan umrah daripada negara kita ini seperti keselesaan penginapan di Madinah, di Mekah dan di Masya'ir (Arafah dan Mina) serta kemudahan-kemudahan yang disediakan bolehlah dikira masih kompetitif jika dibandingkan dengan pakej-pakej di negara lain. Demikianlah jawapan kaola bagi soalan tersebut.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** dan Soalan No. 26 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan No. 26 ialah Tugas-tugas Pegawai Masjid. Kandungan khutbah Jumaat pada 19 Disember 2014 Masihi mengetengahkan kemanfaatan sembahyang berjemaah dan dikategorikan sebagai fardhu

kifayah dan penduduk kampung dipelawa untuk sama-sama sembahyang berjemaah di masjid-masjid untuk mengimarahkan masjid.

Tetapi ada sungutan daripada penduduk kampung bahawa Pegawai-pegawai Masjid hanya hadir pada waktu giliran mereka bertugas dan kadangkala ada yang tidak hadir langsung walaupun giliran tugasnya.

Tugas Imam dan Bilal semasa sembahyang waktu terpaksa diambil alih oleh jemaah. Juga diperhatikan kadangkala ada Pegawai-pegawai Masjid yang bukan gilirannya bertugas tidak hadir dalam majlis kebesaran sama ada majlis kebesaran negara atau kebesaran agama di masjid mereka bertugas.

Walhal mereka ini dikira sebagai pemimpin agama di tempat mereka bertugas dan patut memberi contoh kepada jemaah masjidnya untuk menarik para penduduk kampung berjinak-jinak dengan masjid. Kaola ingin tahu:

1. Adakah benar bahawa Pegawai-pegawai Masjid diarahkan bertugas secara bergilir-gilir dan mereka dibolehkan tidak datang ke masjid jika bukan giliran mereka bertugas?; dan
2. Dengan adanya sistem bergilir, Pegawai-Pegawai Masjid akan bertambah dan jumlah waktu mereka bertugas akan berkurangan. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari mengenai

perkara ini dan apakah tindakan yang akan diambil?

Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai soalan yang dikemukakananya. Mengenai Soalan No. 1 itu jawapannya ialah Pegawai-Pegawai Masjid bertugas secara bergilir-gilir. Jabatan Hal Ehwal Masjid telah menyediakan Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996 Masihi.

Dalam panduan tersebut telah menyatakan secara jelas dan terperinci tentang jadual bertugas Pegawai-pegawai Masjid yang telah ditetapkan oleh jabatan mengikut waktu atau tempoh waktu bekerja iaitu sekurang-kurangnya 7 jam setengah sehari, 5 hari dalam seminggu.

Selain itu Jabatan Hal Ehwal Masjid juga telah menyediakan atau menyusun jadual bertugas Pegawai-pegawai Masjid dengan menggunakan sistem bekerja secara *shift*. Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengarahkan semua Pegawai-Pegawai Masjid untuk mematuhi jadual bertugas tersebut. Panduan kerja tersebut telah diberigakan kepada para Pegawai Masjid di seluruh negara.

Sebagaimana setiap warga perkhidmatan awam yang lain, Pegawai Masjid juga tidak terkecuali mempunyai hak cuti atau *off day* selama 2 hari

dalam seminggu. Mereka sememangnya dibolehkan untuk tidak datang ke masjid pada waktu bukan giliran mereka bertugas. Jabatan juga tidak menghalang jika mereka hendak ke masjid pada waktu tersebut. Bahkan sangat menggalakkan mereka untuk hadir ke masjid bagi mengerjakan sembahyang secara berjemaah.

Manakala jika ada majlis kebesaran negara atau majlis hari kebesaran Islam yang diadakan di masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengarahkan agar semua Pegawai Masjid untuk hadir ke masjid iaitu tempat mereka bertugas tanpa mengira sama ada waktu itu giliran mereka bertugas atau tidak. Bahkan jabatan juga tidak membenarkan Pegawai Masjid bercuti pada hari-hari majlis kebesaran negara dan pada hari-hari majlis kebesaran Islam yang diadakan di masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Jabatan hanya membenarkan Pegawai-pegawai Masjid bercuti atas sebab-sebab tertentu. Seperti atas sebab-sebab hal keduakaan, kematian dan yang seumpamanya.

Bagi Soalan No. 2, jawapan kaola seperti yang berikut:

Jabatan Hal Ehwal Masjid sememangnya telah menyediakan atau menyusun jadual bertugas Pegawai-pegawai Masjid dengan menggunakan sistem secara *shift* dan mereka juga menikmati hak cuti (*off day*) sebanyak 2 hari dalam seminggu sebagai ganti hari Jumaat dan hari Ahad dengan menggunakan sistem bekerja secara *shift*. Adalah tidak timbul



isu bahawa bilangan Pegawai Masjid bertambah sedangkan jumlah waktu mereka bertugas akan berkurangan. Jumlah waktu bekerja bagi setiap Pegawai Masjid tetap sekurang-kurangnya 7 jam setengah sehari, 5 hari dalam seminggu.

Sebagai contoh, jika sebuah masjid itu mempunyai 2 orang Pegawai Masjid, maka dengan berpandukan jadual *shift* atau bergilir-gilir yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, giliran mereka bertugas seperti yang berikut:

Kedua-dua Pegawai Masjid tersebut bertugas bersama-sama pada setiap hari Khamis, Jumaat dan Sabtu sementara itu Pegawai-Pegawai Masjid tersebut akan bertugas secara bergilir-gilir pada hari yang lain. Ini bagi memberi peluang mereka mendapatkan cuti atau *off day* sebanyak 2 hari.

Jika sebuah Masjid itu mempunyai 3 orang Pegawai Masjid, maka giliran bertugas seperti yang berikut:

Ketiga-tiga Pegawai Masjid akan bertugas bersama-sama pada setiap hari Jumaat sementara itu, 2 orang Pegawai Masjid akan bertugas bersama-sama pada setiap hari selain hari Jumaat secara bergilir antara mereka bagi memberi peluang untuk mendapatkan cuti (*off day*) sebanyak 2 hari bagi setiap seorang.

Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengambil tindakan terhadap Pegawai Masjid yang tidak mematuhi jadual *shift*

yang telah disediakan oleh pihak jabatan.

Tindakan bagi kesalahan pertama dan kedua ialah teguran dan nasihat secara lisan. Sekiranya Pegawai Masjid tersebut masih tidak mematuhi giliran bertugas sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan maka pegawai berkenaan akan diberi surat amaran dan diminta membuat surat tunjuk sebab yang dikhuatiri akan boleh menjejaskan jawatannya sebagai Pegawai Masjid.

Jabatan Hal Ehwal Masjid juga akan sentiasa membuat pemantauan melalui Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah dan Pegawai Zon terhadap imam-imam, bilal-bilal di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Untuk makluman bahawa pada masa ini jadual bertugas Pegawai-Pegawai Masjid yang baharu sedang dalam penelitian pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti kerja yang lebih efisien. Demikian jawapan kaola dan kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah persidangan telah mendengar beberapa Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Saya berpendapat ada baiknya perbincangan di peringkat ini kita tangguhkan dulu dan kita beralih pula kepada Susunan Kerja seterusnya iaitu untuk membincangkan atau menyambung perbincangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri yangmana dalam perkara ini kita masih lagi membincangkan sehingga hari semalam Peringkat Jawatankuasa untuk diteliti satu persatu.

Maka, bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya untuk membincangkan Jadual Rang Undang-Undang itu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membincangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu. Pada mesyuarat yang telah bersidang petang semalam, kita masih lagi membincangkan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya masih lagi mempunyai beberapa orang dalam senarai saya di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam

mengemukakan beberapa persoalan dan pertanyaan. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk yang akan saya kemukakan ialah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Pengerusi. Syarat yang diguna pakai pada masa ini oleh pihak JKR bagi mendapat bantuan membina jalan masuk ke rumah persendirian dikehendaki tidak kurang 5 buah rumah telah dibina. Oleh kerana keramaian penduduk di setiap daerah tidak sama dan tidak seimbang dengan pertumbuhan pembangunan rumah-rumah persendirian. Maka syarat tersebut hendaklah dikaji semula dengan kemampuan pertumbuhan ekonomi setempat.

Sebagai contoh dicadangkan seperti berikut:

1. Daerah Brunei dan Muara, keramaian penduduk lebih kurang 280 ribu hingga 300 ribu orang. Syarat 5 buah rumah mendapatkan bantuan dikekalkan;
2. Daerah Belait keramaian penduduk lebih kurang 90 ribu hingga 100 ribu orang, disyaratkan untuk mendapat bantuan ialah 4 buah rumah diperlukan;

3. Daerah Tutong keramaian penduduk lebih kurang 48 ribu hingga 50 ribu orang disyaratkan untuk 3 buah rumah; dan
4. Daerah Temburong keramaian penduduk lebih kurang 10 ribu ke 12 ribu orang disyaratkan untuk 2 buah rumah.

Kebanyakan mereka yang terlibat untuk mendapatkan bantuan jalan masuk ialah terdiri dari penduduk-penduduk yang mendapat tanah waris di kampung-kampung pedalaman yang mana mereka ini dibolehkan menyertai skim perumahan perpindahan dan skim projek rakyat jati. Mereka ini terpaksa berusaha membina rumah di tanah milik mereka sendiri dengan cara sedaya upaya mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan adanya kelonggaran syarat bagi mendapatkan bantuan jalan masuk akan lebih ramai lagi rakyat akan memiliki rumah sendiri sebagai persediaan di hari persaraan dan mengurangkan bilangan rakyat miskin kerana tidak memiliki rumah.

Soalan saya adakah pihak berkenaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya?

Masalah seterusnya ada hubung kait dengan persoalan pertama. Pada mesyuarat 2 tahun lepas, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf selaku wakil Zon 1, Daerah

Tutong dan sebagai Penghulu Mukim Keriam yang tidak dapat hadir, pernah mengetengahkan untuk memohon jalan Simpang 600, di Kampong Keriam untuk dibubuh tar. Sehingga sekarang tidak ada tanda-tanda perubahan ke atas jalan berkenaan.

Dalam hal ini, sekali lagi dipohonkan kepada pihak berkenaan akan prihatin kepada pengguna jalan raya tersebut. Untuk pengetahuan majlis, terdapat 9 buah rumah telah dibina dan dihuni oleh 10 keluarga sepanjang jalan tersebut. Adakah masalah tersebut telah diambil perhatian?

Jalan Pangkalan Pinang, Kampong Penanjong. Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Kerja Raya kerana telah membuat longkang di kiri dan kanan jalan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Yang menjadi masalah ialah permukaan jalan perlu diperluaskan dengan membubuh simen ataupun tar sepanjang jalan berkenaan. Ini bertujuan bagi kemudahan pembersihan (rumput-rumput tidak akan tumbuh jika sekiranya dibubuh tar ataupun simen) dan bagi kelancaran lalu lintas apabila bertemu dengan kenderaan-kenderaan besar.

Yang Berhormat Pengerusi. Cadangan permukaan jalan tersebut iaitu Jalan Pangkalan Pinang, Penanjong perlu dilebarkan dan dinaikkan taraf. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Yang Berhormat akan menjawab awal ini ataupun menunggu?

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Jawab selajur.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola dulu Yang Berhormat Pengerusi sebelum menjawab soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking untuk menjawab beberapa soalan yang lalu, kerana penting juga dijawab soalan-soalan yang telah dikemukakan itu.

Soalan ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, yang telah dikemukakan pada 14 Mac 2015 Masihi:

1. Iaitu mengenai kekhuatiran Yang Berhormat mengenai *Land Strata Act* yang akan digunakan oleh orang luar untuk mendapatkan rumah atau memiliki rumah.

Tujuan sebenarnya ialah mengadakan hak milik *Land Strata Act* untuk membolehkan mereka yang tidak berhak memiliki tanah secara *outright* atau secara langsung. Pemilikan secara hak milik strata adalah pemilikan unit-unit tanah, hartanah sama ada bagi

kemudahan perumahan, kedai, industri dan lain-lain. Terdapat lebih dari 2 unit di atas 1 lot sama ada bangunan bertingkat, rumah teres atau rumah berasingan. Satu cara untuk mengoptimumkan penggunaan tanah untuk menggalakkan pelaburan di pasaran hartanah.

Pegangan atau pajakan hak milik strata bagi tempoh 99 tahun bagi tanah yang berpegangan kekal atau tempoh, satu hari kurang dari tempoh pajakan tanah. Dengan adanya pemilikan secara hak milik strata yang diperuntukkan di bawah *Land Strata Act*, mereka yang tidak berhak memiliki tanah secara *outright* dan memenuhi syarat yang ditetapkan, dibolehkan membeli hartanah di negara ini dengan kaedah yang lebih telus dan adil.

Mereka tidaklah perlu menggunakan *Power of Attorney* untuk memiliki hartanah di negara ini. Berlainan dengan *Power of Attorney* mereka dapat memiliki tanah tetapi tidak berdaftar tidak secara telus. Dengan adanya hak milik strata, di bawah *Land Strata Act*, mereka boleh memiliki tanah dalam tempoh yang maksimum 99 tahun. Tujuannya memanglah untuk membolehkan mereka memiliki tanah.

Jadi, supaya pihak Yang Berhormat faham bahawa tujuan *Land Strata Act* ini adalah untuk membolehkan mereka memiliki tanah dan

bukannya meniadakan mereka untuk memiliki hartanah.

2. Mengapakah permohonan pemecahan tanah yang bersyaratkan pertanian dimestikan tidak kecil daripada 0.33 ekar? Yang Berhormat mencadangkan supaya tanah-tanah yang bersyaratkan khas pertanian dibenarkan minimum kelulusan pecahan dari 0.30 ekar kepada 0.20 ekar.

Yang Berhormat Pengerusi. Mengikut sejarah, tanah-tanah yang bersyarat khas pertanian sememangnya dihasratkan untuk diusahakan dengan aktiviti pertanian untuk menyara hidup orang-orang kampung supaya lebih berdikari untuk bercucuk tanam. Walaupun pemilik tanah dibenarkan untuk mendirikan sebuah rumah bagi kediaman keluarga mereka.

Justeru itu, tidak kira berapa keluasan tanah bergeran yang bersyarat khas pertanian. Ia hanya dibenarkan mendirikan sebuah rumah sahaja. Dengan keperluan mendirikan rumah kediaman berasingan bagi ahli-ahli keluarga pemilik tanah maka pihak Kerajaan telah membenarkan bagi tanah bersyaratkan khas pertanian untuk memecah tanah dengan keluasan minimum tidak kurang dari 0.33 ekar berdasarkan pandangan Jabatan Pertanian pada ketika itu.

Keluasan 0.33 ekar ini masih membolehkan pemilik tanah untuk bercucuk tanam bagi menampung keperluan makanan sekeluarga dan

supaya ada perbezaan antara tanah bersyaratkan khas pertanian dan tanah bersyaratkan khas perumahan.

Mengikut garis panduan perancangan terkini Oktober 2013 Masihi. Keluasan minimum bagi tanah-tanah yang bersyaratkan khas pertanian telah dikurangkan kepada 0.30 ekar. Bagi tanah yang dimiliki oleh lebih dari seorang pemilik pemecahan tanah boleh dibahagi dengan keluasan yang lebih kecil dari 0.30 ekar, setelah ditolak keluasan dan laluan iaitu mengikut hak milik atau bahagian masing-masing.

Tanah-tanah bersyaratkan khas pertanian yang terletak di kawasan bandar atau *urban areas* juga boleh dipertimbangkan keluasannya yang lebih kecil untuk dimajukan dengan perumahan dengan kepadatan sederhana, seperti perumahan berasingan, rumah kembar, rumah teres dan flat 4 tingkat tertakluk kebenaran pihak berkuasa yang berkenaan.

Bagi tanah bersyaratkan khas pertanian yang terletak di kawasan luar bandar dan masih berpotensi tinggi dimajukan sebagai tanah pertanian maka syarat khas pertanian itu akan dikekalkan mengikut saranan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan jua.

Jadi, tertaklumlah di mana letaknya tanah itu, kalau tanah itu di kawasan bandar mungkin dapat dikurangkan, lebih kecil seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tetapi jika kawasan tanah itu masih di kawasan luar bandar dan di kawasan pertanian,

maka akan dikekalkanlah 0.30 ekar itu. Itu sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Kaola jua ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Jumat bin Akim. Mengenai taraf jalan raya di Kulapis dan Katimahar. Jalan raya di Kulapis masa ini adalah di bawah Projek Sengkurong *Bypass*, yang pada masa ini dalam proses penilaian *tender* dan insya-Allah apabila *tender* sudah diserahkan ataupun di*award*, maka jalan raya di Kulapis termasuk dalam perancangan itu.

Sementara Jalan Katimahar, adalah dalam projek melebarkan Jalan Tutong lama sehingga ke Pekan Tutong. Insya-Allah akan dipohonkan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-11. Cadangan menaik taraf Jalan Lupak Luas, Kasat dan Putat dalam kajian kemungkinan, sebab ia ada kaitan dengan Projek Jambatan Sungai Kebun. Sementara Jalan Penghubung Kampong Batong, Pancur Murai dan Batang Mitus akan diusahakan dalam rancangan akan datang.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Mengenai kawal selia pekerja kontrak. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya mempunyai piawaian pengawasan iaitu *Quality Supervision Manual* yang digunakan sebagai garis panduan piawaian bagi setiap kerja yang di bawah kontrak. Kerja kontrak diarahkan semula tanpa pembaikan kerja awal. Terdapat kerja

pembaikan awal yang selama ini jangka masa serta-merta (*immediate*), jangka masa pendek, sederhana dan panjang mengikut kemampuan peruntukan yang dibenarkan.

Mengenai pembersihan jalan raya iaitu memotong rumput. Ia salah satu kerja yang berulang-ulang, yang memerlukan peruntukan secara berdaya tahan. Cara dan spesifikasi hanya bergantung pada keluasan keadaan tanah, jenis rumput, sensitiviti tempat pemeliharannya dan sebagainya. Pemeliharannya juga bergantung pada kemampuan peruntukan yang dikendalikan yang mungkin memakan perbelanjaan yang tinggi dalam setahun bagi seluruh negara. Jadi kita terpaksa berbagi-bagilah cara membelanjakan peruntukan itu. Sebab kawasan yang dipelihara ini besar bukannya sedikit, Yang Berhormat Pengerusi.

Lebuhraya dan jalan-jalan utama yang diberikan perhatian yang lebih mengikut prioriti dan sensitiviti penggunaannya. Jadi kita memotong rumput jalan-jalan utama supaya lebih kerap daripada jalan-jalan kecil, jalan-jalan di pedalaman ataupun jalan-jalan yang bukan jalan utama.

Skop pembersihannya termasuklah pembuangan sampah-sarap. Sikap Pembuangan sampah dari kenderaan masih pada tahap yang banyak yang perlu dibersihkan dan begitu juga pembersihan bekas pemotongan rumput. Semua ini pada lazimnya termasuk dalam kontrak dan akan

dipantau secara berkala oleh pihak yang berkenaan.

Akhir sekali, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai taman riadah untuk diswastakan. Kementerian mengambil maklum dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk berusaha menyerlahkan lagi kawasan riadah dan rekreasi berkenaan. Usaha untuk menaik taraf taman-taman rekreasi memang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi.

Taman-taman rekreasi yang telah dinaik taraf atau dicantikkan termasuk Pantai Serasa dan Taman Menteri Besar di Jalan Menteri Besar. Beberapa kawasan lain juga telah dikenal pasti untuk dinaik taraf dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Mengenai cadangan penswastaan, kementerian ini sedang mengkaji untuk menggunakan kaedah *private public partnership* bagi projek-projek di bawah kementerian ini, bukan sahaja untuk menaik taraf taman-taman rekreasi bahkan untuk memajukan tanah Kerajaan oleh pihak swasta bagi tujuan lain seperti membina dewan serba guna, kawasan riadah dan kemajuan lain yang sesuai untuk pelaburan tempatan atau asing.

Perkara ini kita secara aktif menimbang mana-mana kawasan riadah yang dapat dimajukan dengan

peruntukan Kerajaan akan kita majukan dengan peruntukan Kerajaan itu. Kita akan menaik taraf mana-mana yang di luar daripada kesanggupan dan kemampuan pihak Kerajaan dengan melibatkan *private sector* untuk bekerjasama dalam projek ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kepada soalan-soalan yang lalu yang kaola rasa perlu dijawab dan kaola beralih kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai beberapa perkara yang ditimbulkan.

Mengenai menaik taraf jalan yang pada masa ini syaratnya ialah mesti 5 buah rumah. Mengikut Yang Berhormat perkara ini tidak seimbang kerana di kampung-kampung manakan dapat 5 buah rumah. Kadang-kadang rumah itu bertaburan dan jadi tidaklah dapat mencapai 5 buah berbanding dengan kawasan-kawasan yang padat dengan penduduknya.

Walau macam manapun dalam kitani menggunakan peruntukan yang telah pun diberikan bagi kerja-kerja seperti ini, kita masih mengekalkan syarat-syarat tersebut kerana kalau kita menimbang ataupun mula membina jalan ataupun menaik taraf jalan-jalan yang rumahnya tidak banyak, perbelanjaan Kerajaan tidaklah berapa berbaloi.

Misalnya, kalau rumah itu jarang-jarang ertinya perbelanjaan kerajaan akan meningkat tinggi. Adalah mungkin di

luar daripada kemampuan Kerajaan. Pada masa ini sahaja kalau kita mengira 3 buah rumah misalannya, minimum setiap simpang dengan kepadatan 30 buah rumah setiap 1 kilometer, *queue* ataupun permohonan untuk menaik taraf jalan atau menaik taraf simpang ialah 400 permohonan.

Kalau kitani laksanakan semua Yang Berhormat Pengerusi dalam jangka masa yang diperlukan mungkin tidak dapat. Walau macam manapun *queue* ini masih ada dan setiap tahun bertambah, kita percaya akhirnya mana-mana simpang yang sudah lama memohon akhirnya akan sampai juga ke sana. Kalau kita segerakan satu bahagian, satu kawasan dan kawasan lain yang masih menunggu, tidaklah berapa adil bagi pihak lain yang sudah menunggu.

Kita akan menimbang cara yang lebih baik supaya mana-mana yang sudah lama menunggu itu dapat kitani pertimbangkan. Kalau kita longgarkan syaratnya mungkin banyak lagi yang menunggu dan mungkin tidak lagi dapat melaksanakan apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai Jalan Penanjong, yang *road-slipnya* yang menyempitkan jalan, perkara ini sedang dibaiki dan apabila sudah siap nanti ia akan menjadi *two way traffic flow*. Masalah itu masalah sementara. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab sementara ini dan terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul**

**Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membangkitkan Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Pengurniaan Kunci bagi Skim Perumahan Negara Kampong Tanah Jambu, Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam Lot 24, telah dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 Julai 2013 Masihi.

Mereka menjunjung kasih, atas Pengurniaan kunci-kunci rumah tersebut. Terdapat 164 buah rumah kembar, Jalan Binglu, Skim Perumahan Negara Kampong Tanah Jambu, Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam. Lot 24 mengalami air hujan bertakung di atas atap rata (*flat-roof*) semasa hari hujan dan sesudah hujan.

Dari takungan itu, air hujan menyerap masuk membasahi dinding di bawah atap simen rata itu, lagi dikesali atap utama rumah mereka itu di hala cururannya ke atap simen rata itu.



Diperhatikan air hujan semasa hari hujan terlalu banyak terkumpul di atas simen rata yang rekaannya seakan-akan bentuk kolam. Atap simen itu dibubuh dengan dinding sekeliling dan tidak memadai *outlet* paipnya.

Justeru, itu menyebabkan menyerapnya air hujan atas air ke atas atap simen rata itu, apatah lagi buatan atap simen rata itu tidak begitu bermutu.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi penghuni yang atap mereka bermasalah, mereka telah pun membuat aduan kepada jabatan yang berkenaan pada Februari 2014 Masihi. Daripada aduan itu 10 buah rumah telah pun diperbaiki dengan dipasang atap baharu di atas atap rata itu pada pertengahan tahun 2014 Masihi.

Bagi mereka yang belum lagi diperbaiki atap mereka yang masih mengalami kebocoran telah membuat lagi aduan kepada jabatan yang berkenaan pada Februari 2015 Masihi. Baki 154 buah rumah kembar yang belum lagi diperbaiki ataupun dipasang atap baharu atas simen rata, mereka masih lagi menunggu dan tertanya-tanya bilakah atap baharu akan dipasang bagi mengatasi permasalahan mereka alami sesudah 1 tahun 8 bulan lamanya. Air hujan menyerap dinding yang semakin buruk keadaannya.

Ternyata siling mereka sudah ketara berbekas air hujan yang berwarna kuning dan juga kehitam-hitaman dan ada sudah pun berlubang. Mereka bertanya bilakah masanya atap mereka

yang air hujan menyerap masuk boleh diperbaiki seperti 10 buah rumah yang sudah dipasang atap baharu di atas atap simen *flat-roof*.

Besarliah harapan mereka supaya atap bocor itu diperbaiki dalam tempoh terdekat seperti mana 10 buah rumah-rumah jiran mereka yang telah dipasang atap baharu agar mereka dapat bergerak ke hadapan dengan kehidupan seharian mereka bagi penyelesaian dan ketenteraman mendiami rumah mereka itu. Dengan itu, mereka tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih ke atas jabatan yang berkenaan pertimbangan yang telah dan akan diberi. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Kita mengakui ada masalah di Skim Perumahan Negara Tanah Jambu. Perkara ini telah pun diambil tindakan tetapi nampaknya masih perlu banyak rumah yang dibuat. *Looking back* barangkali kita, *we learn our lesson*, daripada ini kerana reka bentuk rumah itu iaitu jenis atap yang digunakan, atau reka bentuk atap yang diguna pakai bagi rumah tersebut adalah tidak bersesuaian dengan keadaan cuaca (*climate*) di negara kita.

Satu pengajaran yang perlu kita ambil ialah supaya mereka bentuk satu atap

yang bersesuaian dengan keadaan cuaca di negara kita. Insyaa-Allah perkara seperti ini tidak akan berulang bahawa atap digunakan adalah atap yang *flat roof*. Bagi mereka yang telah pun dikurniakan rumah sedemikian, kita akan membaiki rumah tersebut dan pihak Rancangan Perumahan Negara atau Jabatan Kemajuan Perumahan akan memantau perkara ini dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kerana menimbulkan perkara ini. Kita telah pun dimaklumkan mengenai masalah ini sejak mereka mula berpindah, dan kini dalam proses pembaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memerhatikan bahawa sepanjang perbincangan kita, banyak soalan pentadbiran seharian yang dikemukakan, yang saya kira boleh diajukan terus kepada jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Jadi, saya ingin mencadangkan, supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat aduan-aduan seperti ini dan aduan-aduan lain yang memerlukan tindakan segera barangkali daripada kementerian-kementerian yang berkenaan supaya terus dihubungkan kepada kementerian-

kementerian itu dan saya nasihatkan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan sekiranya boleh dikenal pasti barangkali seorang ataupun dua orang pegawai untuk melayani soalan-soalan seperti ini. Tidaklah kita mengambil masa dalam persidangan kita ini untuk membincangkan perkara-perkara rutin seperti ini.

Saya lebih cenderung kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka bertanya mengenai bajet yang dikemukakan ini *per say* jadi dapatlah barangkali perbincangan-perbincangan itu ataupun soalan-soalan itu dijawab dengan lebih tepat dalam Majlis kita. Saya beralih kepada mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang akan kaola bangkitkan di bawah Tajuk SK03A. Pada setiap musim tengkujuh, beberapa tempat di negara kita ini pasti akan mengalami banjir termasuklah di kawasan pedalaman, Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Tidak dinafikan jabatan-jabatan di bawah kementerian yang berkenaan telah pun berikhtiar melaksanakan beberapa tindakan untuk mengelakkan

terjadinya banjir dengan mengungkayahkan tindakan seperti pembesaran, pembersihan, dan memperdalamkan sungai-sungai, membina terusan dan longkang-longkang. Beberapa pelan tindakan dirancang untuk mengelakkan terjadinya banjir. Kita memberikan penghargaan kepada jabatan-jabatan berkenaan, untuk kita menghalang hujan yang menyebabkan banjir adalah mustahil. Turunnya hujan adalah kuasa Allah Subhanahu Wata'ala.

Melalui dari apa yang kita baca, negara-negara lain yang sering mengalami fenomena alam ini, menggunakan pendekatan berasaskan teknologi yang lebih bersistem bagi menangani permasalahan ini. Sebagai contoh, sistem pengurusan kawalan banjir yang pertama seumpamanya di dunia, *Storm Water Management and Road Tunnel (SMART)* di Kuala Lumpur. Ia telah berjaya mengurangkan banjir yang dahulu sering melanda kota tersebut pada musim tengkujuh.

Di Negara Netherlands, sebuah negara yang sebahagian besar kawasan tanahnya berada di bawah paras laut, telah menubuhkan agensi khas bagi mengkaji dan menguruskan sistem saliran dan sungai di negara itu. Hasil daripada kajian dan pengurusan yang bersepadu, agensi berkenaan telah dapat melaksanakan projek-projek pengurusan banjir dan telah dapat membantu mengurangkan risiko kemusnahan akibat banjir.

Perkara ini kaola hanya bentangkan untuk makluman sahaja. Kaola ingin tahu, adakah kementerian yang berkenaan membuat kajian tentang keberkesanan kaedah-kaedah menangani banjir yang diguna pakai di negara ini? Adakah perancangan untuk mencuba kaedah dan pendekatan yang lain yang terkini yang boleh dicontohi dari negara-negara lain yang telah berjaya mengawal menangani fenomena alam ini?

Seperkara lagi yang kaola ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan tanah rendah di pedalaman di Daerah Tutong, Belait dan Temburong yang pasti dilanda banjir ketika musim hujan lebat yang berterusan. Kaola ingin mencadangkan agar penduduk di kawasan tersebut disarankan berpindah ke kawasan-kawasan yang tinggi dan selamat dengan diberikan pampasan yang bersesuaian dan berpatutan dengan erti kata yang lain, membuka perkampungan yang baharu.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas soalan tadi.

Memanglah isu banjir ini akan berlaku setiap kali musim tengkujuh. Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya banjir selain kawasan rendah, ada juga faktor manusia, faktor perancangan, faktor kapasiti *infrastructure*. Kita, untuk menangani masalah banjir ini beberapa langkah telah pun dilaksanakan dan sebahagiannya masih dalam perancangan dan kita akan melaksanakannya mengikut keutamaan berperingkat-peringkat sama ada di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 mahupun di bawah peruntukan jabatan.

Antara projek yang dilaksanakan, yang sedang dan masih dilaksanakan ataupun sudah dilaksanakan ialah seperti pembinaan kolam takungan (*retention pond*) yang berfungsi untuk menakung air semasa hujan lebat dan air pasang dari membanjiri kawasan-kawasan yang rendah. Air tersebut disalurkan ke longkang dan keluar setelah keadaan air surut.

Dengan adanya pembinaan kolam takungan ini akan mengurangkan banjir di kawasan yang terlibat. Antara projek tadahan yang bakal dilaksanakan pada tahun ini ialah pembinaan 5 tadahan di Daerah Tutong, Kampong Tanjong Maya, Bukit Kiulu, Kampong Pak Meligai, Kampong Bidang dan Kampong Bukit Sulang.

Yang keduanya ialah menaik taraf sistem saliran utama *main drains* and *storm drains*. Saliran *up fold* dan membina longkang-longkang konkrit bagi mempertingkatkan *connectivity*

sistem saliran. Antara kawasan yang terlibat dalam peningkatan sistem saliran utama, termasuklah bagi Daerah Brunei Muara, Jalan Jerudong, Kampong Mulaut, Kampong Selayun Sengkurong, Kasat, Putat, Beribi, Simpang 248 Jalan Kota Batu, Rimba, Sungai Akar dan Sungai Pampang di kawasan Berakas, Sungai Hanching dan Lumapas.

Bagi Daerah Tutong di kawasan Jalan Lamunin, Kampong Penanjong dan Jalan Tutong. Sementara bagi Daerah Belait, saluran keluar *out fold* ke laut bagi mukim-mukim Daerah Belait, Mukim Labi, Kampong Panaga dan Kuala Belait. Sementara bagi Daerah Temburong, Kampong Rataie, Pekan Bangar, Kampong Senukoh.

Usaha seterusnya ialah mendalami dan membesarkan hilir sungai. Antara projek yang sedang dilaksanakan termasuk Sungai Berakas, Sungai Kedayan, Sungai Menglait, Dataran Sungai Tutong, Sungai Belaban dan Sungai Mentiri. Kita juga sedang menjalankan kajian bagi meningkatkan sistem saliran di Daerah Belait.

Di samping itu, kerja-kerja pemeliharaan juga diberikan perhatian bagi memastikan fungsi sistem saliran utama (*storm drain*) yang memuaskan melalui kerja-kerja pemeliharaan oleh pihak swasta secara kontrak penggal. Langkah pemantauan secara integrasi juga dilaksanakan, diselaraskan oleh Jabatan Kerja Raya bagi longkang-longkang di tepi jalan.

Sebenarnya, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha membanteras banjir ini. Telah banyak langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan peruntukan pun begitu banyak yang telah diberikan bagi mengatasi masalah banjir. Secara berfasa kita akan melaksanakan dan alhamdulillah sudah nampak kesannya. Apa yang kita lakukan ini sudah berhasil mengurangkan kawasan yang dilanda banjir daripada sebelumnya. Barangkali 208 kilometer persegi kepada 108 kilometer persegi, sudah diusahakan. Lagi pun projek untuk mengatasi masalah banjir ini belum lagi semuanya selesai. Masih banyak lagi langkah yang perlu diambil yang masih dalam pelaksanaan.

Walau macam manapun, cadangan daripada Yang Berhormat tadi, sama ada usaha kita itu mendatangkan hasil. Kaola merasa, setakat yang kita lihat sudah mendatangkan hasilnya. Walau macam manapun kita masih berusaha supaya kita akan dapat mengurangkan lagi masalah banjir di kawasan-kawasan yang dinyatakan itu. Walau macam manapun, kita mengakui untuk menghapuskan kejadian banjir ini 100 peratus di luar kemampuan Kementerian Pembangunan.

Mengenai penduduk di kawasan pedalaman, supaya dicadangkan mereka itu dipindah, sebenarnya sudah ditawarkan mana-mana penduduk di pedalaman yang ingin berpindah akan disediakan tempat berpindah. Jika bersesuaian akan diberi pampasan yang bersesuaian mengikut

keadaan rumah dan sebagainya. Perkara ini sudah pun ditawarkan kepada penduduk kampung pedalaman tetapi tidak ramai yang menerimanya kerana masalah banjir merupakan perkara biasa bagi mereka. Mereka sudah tahu kawasan mereka memang dilanda banjir setiap kali musim tengkujuh, hujan lebat dan sebagainya. Mereka sudah bersedia. Keperluan untuk berpindah bagi mereka tidak perlu, walaupun sudah ditawarkan oleh pihak Kerajaan. Walau macam manapun kita masih menawarkan mana-mana penduduk di kawasan pedalaman yang merasa hidup mereka susah disebabkan oleh banjir dan sebagainya dan ingin berpindah, kita akan pertimbangkan dan kita akan tempatkan mereka di tempat yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah  
Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu  
'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursalin  
Sayyidina Muhammaddin Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam  
sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola di Dewan yang mulia ini akan mengutarakan 4 tajuk di bawah Kementerian Pembangunan. Mudah-mudahan ia akan mendapat

pertimbangan dan penilaian di dalam Dewan yang mulia ini.

1. Tajuk SKO2A - Jabatan Kemajuan Perumahan 2 perkara:

- i. Seperti yang kaola difahami bahawa Jabatan Kemajuan Perumahan ada memperuntukkan kawasan tapak bangunan kedai di Perpindahan Kampong Rataie Temburong.

Kaola ingin tahu jika ada mengenyainya, apakah ada dalam syarat atau perancangan pihak Jabatan Kemajuan Perumahan untuk membina kedai di Perpindahan Kampong Rataie, dibukakan kepada orang ramai khususnya bagi peniaga-peniaga kecil dan sederhana?; dan

- ii. Adalah dicadangkan supaya jalan tepi atau jalan *walkway* di Perpindahan Kampong Rataie dapat dibuat bagi kemudahan orang ramai beriadah.

2. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. 3 perkara:

- i. Terdapat beberapa buah rumah penduduk kampung di Mukim-Mukim Daerah Temburong yang jalan kecil menghubungkan rumah mereka dengan jalan utama berkeadaan kurang baik dan selesa bagi laluan kenderaan. Terutamanya susah untuk dimasuki kereta bomba atau ambulans jika memerlukan

kedua-dua perkhidmatan ini. Sebagai penduduk kampung terutama bagi mereka yang kurang berkemampuan, kaola merasakan mereka juga berhak menikmati kemudahan seperti mana kemudahan yang dinikmati oleh mereka yang bernasib baik. Kaola bertanya apakah ada dasar Jabatan Kerja Raya dalam menangani perkara ini?;

- ii. Kampong Biang Baru di Mukim Amo pada masa ini dihuni oleh 85 orang dan terdapat 17 buah rumah yang sudah bermastautin selama 14 tahun di kampung tersebut. Alhamdulillah, kampung tersebut sudah pun menikmati bekalan air dan elektrik tetapi masih lagi menggunakan jalan yang berbatu-batu sejauh 2 kilometer sebagai jalan laluan harian.

Perkara ini juga sudah beberapa kali diadakan kepada beberapa jabatan supaya jalan tersebut dinaik taraf dan belum mendapat pertimbangan. Kaola melalui di Dewan yang mulia ini supaya pihak jabatan yang berkenaan akan mengambil pertimbangan dalam perkara ini; dan

- iii. Keadaan jalan raya yang kurang memuaskan. Banyak didapati jalan raya berlubang, berlopak dan air bertakung di tepi-tepi jalan raya, apatah lagi bila hujan berterusan di sepanjang kawasan Mukim Amo, Daerah

Temburong iaitu Kampong-Kampong Salangan, Parit, Biang, Amo, Sibut, Sumbiling dan Batang Duri. Untuk makluman bersama jalan raya tersebut adalah laluan harian pelancong-pelancong yang hendak pergi ke Taman Batang Duri dan Taman Negara Ulu Belalong.

Yang Berhormat Pengerusi, memandangkan jalan tersebut sudah lebih 40 tahun, ia belum pernah dinaik taraf sejak ia dibina oleh Syarikat *Gament* dahulunya. Ini termasuklah juga jalan raya Mukim Bokok, perkara yang pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini.

Kaola bertanya. Adakah sudah perancangan Jabatan Kerja Raya, bila jangkanya jalan raya berkenaan khususnya di Mukim Amo dan Bokok di naik taraf?

### 3. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.

Jika sekiranya seseorang pemilik tanah bergeran hendak membina rumah yang terpaksa membuat jalan melalui Lesen Tumpang Sementara (LTS) orang ramai bersebalahan dikehendaki meminta kebenaran. Kaola ingin tahu. Apakah pemilik tanah Lesen Tumpang Sementara ini ada kuasa menghalang pemohon tersebut atau pihak Jabatan Tanah yang menentukan kebenaran kepada pemilik geran untuk membuat jalan menuju ke tapak tanah mereka?

### 4. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ada 2 perkara:

- i. Kaola difahamkan mengenai Taman Binatang, Batang Duri, Daerah Temburong pada masa ini sudah terdapat 20 *species* binatang termasuk burung-burungan dan juga terdapat lebih 80 ekor rusa. Dari sejak 4 tahun yang lalu Taman Binatang ini belum dibukakan kepada orang ramai untuk dikunjungi. Oleh sebab ia menjadi tarikan pelancong, keadaan Mini Zoo ini juga haruslah diberi belanjawan yang secukupnya agar lebih cantik dan menarik.

Kaola ingin tahu status Taman Batang Duri Temburong ketika ini? dan kaola mengusulkan supaya dapat dibukakan bagi kunjungan orang ramai khususnya kepada pelancong-pelancong setakat yang mungkin; dan

- ii. Mengenai pengutipan sampah di Daerah Temburong adalah diharapkan pihak JASTRe hendaklah mengkaji semula dalam memperbaiki sistem perkhidmatan pengutipan sampah yang sedia ada supaya akan lebih terurus di Daerah Temburong. Kaola berpendapat jika ia nampak kurang berkesan dan jika tidak diambil perhatian yang serius dalam perkara ini, ia boleh menjejaskan imej

- iii. Daerah Temburong di mata pelancong dan orang ramai di samping mendatangkan berbagai-bagai penyakit serta merosakkan alam sekitar agar perkara ini diambil perhatian dan sungutan orang ramai dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengambil contoh di Temburong kenderaan (*truck*) bagi pengutipan sampah di semua lima Mukim Daerah Temburong hanya terdapat sebuah sahaja yang beroperasi oleh pihak syarikat yang mengendalikannya maka sudah setentunya tidak dapat beroperasi secara lebih efisien. Begitu juga halnya dengan tong-tong sampah yang disediakan oleh pihak JASTRE tidak mencukupi. Ada yang sudah lama rosak masih digunakan, supaya dapat diambil perhatian agar tidak merosakkan alam sekitar dan sungutan orang ramai dapat dikurangkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri  
Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Mengenai kawasan perumahan di Perpindahan Kampong Rataie sama ada, ada peruntukan untuk membina kedai dan sebagainya. Memang ada kawasan tanah lapang di sana.

Kalau melihat secara keseluruhan perancangan di kawasan perpindahan perumahan memang ada dirancangan supaya bangunan-bangunan komersial mengikut kepadatan kawasan tersebut akan dibina dengan bangunan-bangunan kedai.

Perkara ini akan kita tawarkan kepada mana-mana juga pihak swasta yang ingin membuka bangunan kedai di kawasan perumahan tersebut.

Pada peringkat ini, kita masih menghalusi kertas kerja yang telah pun kita buat bagi menangani perkara-perkara seperti ini dan insya-Allah jika kertas kerja ini sudah dihalusi dan dapat diguna pakai bagi keseluruhan negara maka perkara ini akan kita umumkan.

Mana-mana pihak yang ingin memajukan di beberapa kawasan lapang di kawasan perumahan negara akan dibolehkan untuk memajukan kawasan tersebut bagi tujuan-tujuan seperti komersial, tempat riadah dan sebagainya. Perkara ini kita ambil maklum dan cadangan itu satu cadangan yang baik yang dapat kitani laksanakan nanti insya-Allah.

Mengenai *walk way* ini bagi pejalan-pejalan kaki. Perkara ini kita ambil maklum dan akan dapat kitani usahakan jika ia tidak melibatkan kos yang besar dan jika ada kemampuan kitani untuk membinanya.

Mengenai jalan-jalan kecil di Daerah Tutong. Sebenarnya jalan-jalan kecil Daerah Temburong ini adalah di bawah



Daerah Temburong sendiri. Kalau projek untuk dimasukkan dalam menaik taraf aspal kita akan menunggu jika ada, ia memerlukan peruntukan. Ertinya bukan kita cakap sahaja terus berlaku kita mesti ada prosesnya. Kitani mesti memohon peruntukan untuk dapat menaik taraf kepada aspal. Perkara ini akan kita pohonkan tetapi tertakluk kepada sokongan daripada Jabatan Daerah.

Jalan-jalan kecil ini bukan sahaja di Daerah Temburong malah di seluruh negara. Kalau semua hendak dinaik taraf, ada yang tidak berbaloi dari segi kawasan kepadatan. Ia memerlukan belanja yang besar. Perkara ini harus kita ikut prioriti, mengikut keutamaan dan sebagainya. Seperti yang telah kaola terangkan tadi memanglah ada sebahagian kawasan sudah lama menunggu jadi perkara itu satu perkara yang tidak dapat kita elakkan.

Walau macam manapun memang setiap tahun ada sahaja jalan-jalan kecil yang sudah kita laksanakan, tidaklah sampai kepada kampung-kampung yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Ada sebahagian jalan kecil sudah kita naik taraf kerana ia memenuhi syarat ataupun telah sampai gilirannya. Perkara itu masih kitani laksanakan dan kita akan melihat sejauh mana ia akan sampai ke Daerah Temburong dan di kampung-kampung yang dinyatakan ataupun jalan-jalan yang kecil ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai jalan raya yang kurang memuaskan yang di tepi-tepinya ada

berlubang-lubang dan perlu dibaiki dan sebagainya, ia satu contoh pemeliharaan jalan raya ini bukan sahaja jalan raya utama tapi jalan raya kecil. Jikalau terlalu banyak permintaan itu untuk semua jalan raya maka jalan raya utama mesti dibaiki, diisi *spot hole* dan sebagainya. Jalan kecil mesti di *upgrade*. Peruntukan bagi semua jalan ini kalau dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dalam masa-masa tertentu mungkin tidak dapat dilaksanakan. Keutamaan akan diberi seperti jalan-jalan utama yang dinyatakan oleh Yang Berhormat di Kampong Batang Duri, Bukit Amo dan sebagainya.

Insyallah perkara ini akan kita lihat dan usahakan untuk membaiki jalan-jalan utama itu kerana di situ ada prioritinya sebab penggunaannya lebih ramai orang menggunakan jalan-jalan utama daripada jalan-jalan kecil.

Walau macam manapun tidaklah kita mengabaikan keperluan penduduk yang tinggal di sepanjang jalan kecil itu. Kitani terpaksa membuat secara *balance*. Cara perbelanjaan kita diutamakan dan mana yang kitani akan dahulukan dan sebagainya. Sebenarnya memang ada perancangan untuk menaik taraf semua jalan ini *unfortunately some* rancangan itu tinggal rancangan. Buat sementara ini hinggalah sampai kepada masanya nanti, akan tetapi rancangan memang ada daripada pihak JKR di semua daerah untuk menaik taraf semua jalan yang ada insyallah.

Mengenai Taman Binatang di Batang Duri Daerah Temburong untuk dibukakan kepada orang ramai. Perkara ini akan kita teliti kesesuaiannya untuk dibukakan kepada orang ramai, membuka begitu sahaja. Isu seperti *maintenance*, orang menjaga, kebersihan dan sebagainya yang mesti dirangkumi dalam perkara ini. Cara yang baik untuk dibukakan kepada orang ramai, akan tetapi soalnya sama ada kita sudah bersedia untuk membukakan kepada orang ramai dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain yang harus difikirkan risikonya apabila sudah dibuat kepada orang ramai.

Mengenai pengutipan sampah yang tidak memuaskan perkara ini seperti cadangan Yang Berhormat tadi akan dikaji, diteliti oleh pihak JASTRe supaya boleh terurus lebih baik dan sebagainya. Begitu juga mengenai tong sampah yang tidak cukup, perkara ini akan kita kaji dan lihat. Kalau tidak ada masalah kita akan boleh menambah tong-tong sampah yang ada di Daerah Temburong. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil

Anbiya' Walmursaleen Sayyidina  
Muhammaddin Wa'ala Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾ وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي ﴿٢٦﴾  
وَاحْلِلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي ﴿٢٧﴾ يَقْفَهُوا قَوْلِي ﴿٢٨﴾ .

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli  
Yang Berhormat.

Dalam tajuk ini kaola akan bercakap  
banyak tapi pendek.

Kaola akan menyentuh mengenai  
Jambatan Rasau. Walaupun telah  
disuarakan mengenai Jambatan Rasau,  
suaranya merdu dan telah dipinang-  
pinang mengenai pemeduliaan jambatan  
tersebut. Khabarnya hasilnya pun  
lumayan. Kaola ingin bertanya apa  
khabarnya perbincangan bersama  
Kementerian Perhubungan dan Peguam  
Negara. Perkara tersebut amat elok  
difikirkan sedalam-dalamnya supaya  
cerita ini tidak akan berpanjangan dan  
berlarutan dan jangan kita mengelak  
dan jangan sampai bila rumah siap  
pahat masih berbunyi.

Rancangan perumahan telah banyak  
dibina di seluruh negara. Entah berapa  
puluh ribu yang sudah ada. Sudahkah  
disediakan kemudahan-kemudahan bagi  
penduduk berkenaan dalam suka  
dukanya, dewan serba guna, tempat  
riadah, padang bola, masjid, surau dan  
tempat berbelanja dan bermacam-  
macam lagi.

Sekarang ini, jalan kawasan  
Perpindahan Lambak Kanan, Perumahan  
Rakyat Jati kelihatannya ada terdapat

kerusakan, makanya perlu dinaik taraf, bisai dilihat dan diperbaiki serba sedikit supaya tidak menjejaskan penduduk berkenaan. Dalam kawasan perpindahan itu perlu dirancang keselamatan seperti anjing-anjing dan monyet-monyet yang berkeliaran dan lain-lain lagi, apatah lagi kalau kawasan tersebut diberikan pos polis, bomba, klinik dan lain-lain.

Yang Berhormat Pengerusi, kawasan perumahan sepatutnya tidak dibenarkan membuat bengkel membaiki kereta. Ditakuti ada gangguan-gangguan. Untuk menyokong usaha tersebut, bisai tah kita menyediakan tempat khas untuk mereka menyediakan bengkel dan lain-lain.

Syukur alhamdulillah, Sungai Berakas yang telah diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pembangunan. Siapa pun akan terpegun dan tercengang melihat keadaannya sekarang ini, kerana sudah bertukar wajah. Apatah lagi di tepiannya ditanam pokok-pokok bunga dengan hiasan-hiasan yang cantik, kawasan lebuh raya juga bertambah cantik apabila dipandang.

Dalam permesyuaratan lalu, kaola telah menyuarakan agar Sungai Berakas itu diperelekkkan dengan air yang dalam, menyimpan ikan untuk dipancing dan diadakan kalau perlu, *cable car* menuju ke destinasi yang tertentu. Sudah tentunya anak-anak merdeka akan merasa bangga kerana kawasan tersebut telah dipelihara dan diperbaiki.

Selain itu, dijaga dengan sempurnanya pam-pam air untuk mengelakkan banjir di kawasan Kampong Burong Pingai itu. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya, benarkah kesesakan di Jalan Berakas 'A' dan Berakas 'B' itu sudah dikurangkan? Kalau benar syukur almdulillah, kalau belum mudah-mudahan akan dapat dikurangkan kesesakan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, Kampong Burong Pingai Berakas ialah merupakan kampung perpindahan yang sudah lebih 50 tahun. Apa yang ada sekarang ini ialah keadaan longkang yang tidak terpelihara. Longkangnya hanyalah daripada tanah yang kotor dan tidak terjaga, apa kiranya kalau diganti dengan longkang konkrit untuk mengelakkan daripada bau busuk dan mengelakkan pembiakan nyamuk-nyamuk yang berbahaya.

Yang Berhormat Pengerusi, pada mesyuarat yang lepas, kaola pernah menyuarakan permohonan tanah bagi keperluan MPK Berakas 'A' menjalankan kegiatannya. Tanah yang dipohonkan itu ialah di kawasan Perpindahan Jaya Setia. Tetapi menunggu jawapan yang belum lagi kedengaran.

Begitu juga tanah kosong dekat *Mall Gadong* ini kalau dibenarkan bukan untuk Berakas 'A' tapi untuk seluruh MPK negara yang bergerak aktif di kawasan tersebut.

Begitu juga Yang Berhormat Pengerusi, Kompleks Anggerek Desa yang sudah lama dibangunkan nampaknya masih

ada kekosongan yang belum disewakan. Kalau bertanya kepada pegawainya, sudah ada yang menyewa. Jawapan itu sama 10 tahun yang dahulu, sampai sekarang masih ada kekosongan.

Akhirnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh mengenai jalan kecil di Simpang 133 Burong Pingai Berakas yang sudah ditunggu barangkali 2, 3 tahun untuk diperbaiki dan dipindahkan belum lagi selesai. Walau bagaimanapun, pihak yang berkenaan berjanji akan mengusai sesegeranya dan mudah-mudahan dapat dibuat setelah ada bajet tahun ini.

Yang Berhormat Pengerusi, demikianlah yang dapat kaola sampaikan secara ringkas. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Haji Husain yang telah pun menimbulkan beberapa mengenai beberapa jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Mengenai Jambatan Rasau, perkara ini yang memanjang-manjang cerita bukan pula Kementerian Pembangunan ataupun pihak kerajaan. Ceritanya sudah selesai, seperti yang telah pun diterangkan. Jalan Rasau ini masih lagi dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan dan tidak diserahkan kepada siapa-siapa.

Isu berkenaan tol, masih lagi dikenakan tol. Walau macam manapun akan difikirkan bagaimana penduduk di Sungai Teraban ataupun keluarga yang berkunjung ke Sungai Teraban, mungkin dikecualikan daripada pembayaran tol. Itupun kalau dapat kita mencari satu jalan yang sesuai.

Jadi isu Jambatan Rasau tidak lagi panjang ceritanya, yang memanjang-manjangkan barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih mahu menimbulkan isu Jambatan Rasau ini. Diharaplah dengan penerangan ini, perkara itu janganlah lagi timbulkan kecuali, pihak kerajaan sudah ada cadangan yang lain yang difikirkan sesuai macam mana kita mengendalikan isu Jambatan Rasau ini.

Mengenai skim Rancangan Perumahan Negara. Di seluruh negara skim perumahan sudah pun diadakan. Mengikut Ahli Yang Berhormat, apakah kemudahan-kemudahan seperti suka duka, dewan serba guna, surau, masjid, semua itu telah pun disediakan?

Sebagaimana yang dapat dilihat di beberapa kawasan, memang sudah ada disediakan. Di beberapa kawasan juga sudah ada tapak yang disediakan. Tetapi tapak-tapak itu di bawah kawalan kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Insya-Allah agensi-agensi yang berkenaan telah diberi tapak untuk sekolah, masjid, bomba dan sebagainya. Masing-masing agensi akan memikirkan bila mereka akan dapat melaksanakan projek di atas

tanah lapang yang telahpun *digazette* atau telah diserahkan kepada mereka untuk memajukannya.

Bagi tanah lapang yang tidak ada di bawah kawalan siapa-siapa, masih di bawah kawalan Rancangan Perumahan Negara. Seperti yang telah kaola nyatakan tadi bahawa tanah lapang sedemikian akan kita bukakan, insya-Allah, apabila garis panduan telah siap untuk dimajukan oleh mana-mana pihak yang ingin memajukan kawasan itu bagi tujuan riadah, membina dewan serba guna ataupun apa jua tujuannya. Tapi cara itu mestilah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan, dan jika bersesuaian mungkin akan disokong untuk dipertimbangkan.

Jadi perkara itu tidaklah statik, memang kita berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang patut disediakan di kawasan-kawasan tersebut.

Hanya ia akan memakan masa sedikit, tertakluk kepada agensi-agensi berkenaan, dan juga tertakluk kepada minat daripada pihak-pihak swasta yang ingin memajukan kawasan tersebut. Insya-Allah dalam perancangan kita, sudah ada kawasan tersebut dijadikan kawasan-kawasan yang serba lengkap. Bukan sahaja untuk rumah tapi untuk riadah, suka-duka dan sebagainya. Seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Memanglah kawasan perumahan itu, di rumah itu sendiri, tidak dibolehkan

membuat bengkel kereta, sebagaimana yang didapati ada dua atau tiga tempat membuka restoran, tempat-tempat makan di rumah tempat tinggal. Itu sudah melanggar syarat perumahan.

Perkara ini telah kita bawa kepada perhatian pemilik rumah berkenaan supaya mereka mengambil langkah-langkah tertentu untuk menghentikan kegiatan yang menyalahi peraturan perumahan itu. Jadi diharaplah pemilik rumah akan mengambil perhatian perkara itu dan akan memberhentikan kegiatan itu tanpa perlunya tindakan undang-undang diambil oleh pihak Kerajaan.

Kita mengucapkan terima kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang positif mengenai Sungai Berakas yang sudah bertukar wajah. Alhamdulillah, kerja itu belum lagi selesai, masih banyak yang kita akan laksanakan seperti pendalaman sungai. Pada masa ini memang projek kitani di Sungai Berakas dan sebagaimana yang kitani saksikan kita telah pun membina tebing-tebing Sungai Berakas supaya lebih cantik apabila kita melalui lebuhraya dan apabila pengunjung-pengunjung ke negara ini pertama kali turun daripada *airport* dengan menggunakan lebuhraya menuju ke *Empire Hotel and Country Club* misalnya, apa yang mereka lihat sebelah kanan padang *golf* dan sebelah kiri arah kawasan tebing sungai yang sudah disiangi. Jadi kita sudah membuat pembaikan di sini dan insya-Allah dengan adanya kerja-kerja

pada masa akan datang akan lebih cantik lagi, itulah harapan kitani.

Mengenai Jalan Berakas 'A' dan sebagainya. Perkara itu mungkin sudah dapat kita atasi nanti apabila sudah siapnya *Berakas Interchange* yang dijangka siap dalam hujung tahun ini. Jalan Berakas 'A' dan 'B' ada kaitannya dengan *Berakas Interchange* yang dalam pelaksanaan dan dijangka siap dalam Oktober 2015. Sementara perkara yang ditimbulkan berhubung kait dengan longkang tidak terpelihara dan sebagainya dan cadangan untuk longkang konkrit perkara ini akan diambil maklum oleh pihak *drainage* jika bersesuaian kita akan melaksanakan seperti yang dicadangkan itu.

Mengenai permohonan tanah, sebenarnya kawasan tanah yang dipohonkan itu mungkin sudah ada perancangan kerajaan di situ, sebab itulah tanah itu belum dapat kita pertimbangkan untuk diberi seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Begitu juga kawasan tapak tanah lapang kawasan di *Mall Gadong* masih dalam penelitian kita, kalau tidak silap ada sudah perancangan di situ jadi mungkin tidak dapat diberikan.

Sementara di Anggerek Desa masih ada tempat-tempat yang kosong yang dikatakan sudah penuh tapi masih kosong beberapa tahun. Perkara itu akan diteliti dan jika benar tempat itu kosong ataupun sudah diserahkan atau disewa kita akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk

mengambil balik tempat-tempat yang tersebut.

Sekian sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi soalan-soalan yang dikemukakan yang telah pun kaola jawab, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Alhamdulillah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara mengenai Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah pun dibincangkan dan beberapa pertanyaan telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dijawab oleh Menteri Pembangunan. Sekarang saya kira adalah berpatutan bagi perkara ini kita undi untuk diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SK01A hingga SK08A, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Nampaknya semua bersetuju, terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:**  
Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dari Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sekarang beralih kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk membuat mukadimah penerangan mengenai belanjawan kementeriannya.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin mengambil peluang pada peringkat awal ini untuk menjelaskan penekanan dan fokus Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi tahun 2015/2016 Masihi yang kementerian ini telah dicadangkan atau disediakan dengan peruntukan sebanyak \$82,194,880.000.

Titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Perasmian Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara adalah bertepatan dengan usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mempercepatkan usaha mempelbagaikan ekonomi negara melalui penyediaan iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif serta menangani isu sekuriti makanan dan meningkatkan sosial ekonomi negara.

Dalam usaha berterusan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk merangsang iklim perniagaan dan perekenomian yang lebih kondusif serta menangani isu sekuriti makanan dan meningkatkan sosio ekonomi di negara ini, perkara-perkara yang akan ditumpukan dan dilaksanakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi Tahun Kewangan 2015/2016 adalah mengikut penekanan kluster strategik seperti yang berikut:

1. Kluster sekuriti makanan. Dalam kluster ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan terus menumpukan kepada usaha-usaha untuk memastikan keselamatan dan sekuriti makanan di negara ini adalah terjamin memandangkan ia perkara asas dan mustahak.

Sektor pendukung dalam kluster ini ialah sektor pertanian dan agrimakanan serta perikanan. Fokus perbelanjawan untuk Tahun Kewangan 2015/2016 berkisar kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti pengeluaran sektor-sektor ini. Penekanan adalah kepada pelaksanaan program untuk membangunkan dan menaik taraf prasarana pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran, mengoptimumkan kawasan kemajuan yang sedia ada, memperbaiki sistem pengurusan, memindah dan menyerapkan

teknologi moden, memperbaiki sistem pemasaran, penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dan pawaiian dan persijilan;

2. Kluster mempelbagai ekonomi. Dalam kluster ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini telah mengenal pasti industri halal dan industri bio sebagai industri yang boleh dikembangmajukan dalam usaha menarik pelaburan langsung asing (*FDI*).

Dalam hal ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengenal pasti kawasan seluas 500 hektar di Kampong Tungku, Mukim Gadong di Daerah Brunei dan Muara yang diberi nama *Bio-Innovation Corridor (BIC)* bagi menempatkan pelabur asing dan usaha sama dalam usaha industri halal sama ada dalam pengeluaran produk makanan, kosmetik dan produk perubatan dan penyediaan perkhidmatan halal.

Dengan menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara fasa 1 seluas 50 hektar telah siap dimajukan dengan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik, bekalan air dan sedia untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur beberapa pelabur. Beberapa *Multi-National Companies (MNCs)* telah berminat beroperasi di kawasan ini; dan

Industri berasaskan bio atau sumber alam. Di bawah industri ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah dan akan terus menyediakan asas-asas dan prasarana bagi memanfaatkan khazanah sumber-sumber alam semula jadi negara bagi tujuan komersil dalam jangka masa panjang. Antara usahanya ialah memantapkan pengurusan sumber-sumber kepelbagaian bio (*Biodiversity Resources Management*).

3. Sektor perhutanan adalah juga merupakan salah satu sektor utama yang mendukung *cluster* ini. Dasar kerajaan adalah untuk memastikan pengurusan sumber hutan negara yang lestari atau *sustainable*. Satu langkah yang akan diambil ialah memberhentikan secara berperingkat-peringkat penuaian atau pembalakan di kawasan hutan yang berstatus Hutan Simpan.

Rancangan jangka panjang adalah untuk meningkatkan kapasiti ekonomi negara bagi mendapatkan faedah sosio ekonomi yang lebih bernilai tinggi daripada sumber hutan negara sehingga mampu menjana pelaburan langsung asing.

4. Kluster ketiga ialah kluster sosio ekonomi. Sektor pendukung dalam kluster ini ialah sektor pembuatan dan perkhidmatan serta pelancongan. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber



Utama telah dan terus menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menggalak pertumbuhan industri pembuatan dan perkhidmatan. Tapak-tapak dan kompleks industri dibangunkan bagi tujuan:

- i. Bagi mengembangmajukan serta pembuatan dan perkhidmatan dengan menempatkan perusahaan-perusahaan tersebut di tapak-tapak atau kompleks industri, BINA;
- ii. Untuk menarik pelabur-pelabur tempatan dan asing dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan; dan
- iii. Untuk menjana peluang perusahaan untuk pengusaha-pengusaha rakyat jati.

Dalam sektor pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengenal pasti beberapa industri pelancongan sebagai kekuatan negara seperti alam semula jadi ataupun *nature* dan Islam, budaya dan warisan ataupun *Islamic, culture and heritage*. Secara umum fokus belanjawan untuk Tahun Kewangan 2015 / 2016 dirancang untuk melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan menaik taraf prasarana dan pengurusan estet tapak-tapak dan kompleks industri serta melaksanakan projek-projek berkaitan dengan *Research And Development* serta penyediaan

dan peningkatan kemudahan infrastruktur pelancongan.

5. Kluster terakhir, ialah kluster pembangunan dan Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dan koperasi. Kerajaan pada masa ini, sedang merangka beberapa langkah pembaharuan yang dijangka akan dapat memangkin pembangunan, Perusahaan Mikro, Kecil dan sederhana (PMKS) serta koperasi di negara ini ke satu tahap yang lebih baik bagi menyokong matlamat wawasan negara ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Pada masa ini, satu draf Perundangan bagi penubuhan Badan Khas *PKS* sedang disediakan. Melalui perundangan tersebut badan khas ini akan diberikan kuasa-kuasa tertentu dari segi undang-undang, kewangan dan pengambilan kakitangan sendiri.

Selain itu, sebagai tambahan pindaan kepada perundangan koperasi yang telah berkuat kuasa sejak tahun 2012 Masihi dijangka akan lebih menjana perkembangan sektor koperasi di negara ini.

Memastikan pengurusan serta operasi pentadbiran dan kewangan koperasi berjalan dengan teratur dan menangani sebarang isu dan masalah yang berbangkit termasuk keperluan lain yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran kewangan koperasi di negara ini.

Pindaan Akta tersebut akan digelar pindaan Perintah Akta Syarikat Kerjasama (Pindaan 2012) dan berkuat kuasa seiring dengan Akta Koperasi (Penggalaan 84) bertujuan untuk menambah baik peruntukan-peruntukan dalam akta yang sedia ada, sesuai dengan perkembangan semasa. Dalam pindaan akta tersebut, beberapa peruntukan telah digubal antaranya ialah aspek penyediaan definisi mengenai prinsip koperasi. Penambahan kepada bilangan keahlian untuk menganggotai koperasi kepada minima 30 orang ahli.

Pengiktirafan kepada koperasi yang diisytiharkan boleh menjadi koperasi *secondary* ataupun menengah iaitu *APEX Body* serta kemudahan sumber-sumber kewangan operasinya. Penubuhan Subsidiari, Tabung Amanah Koperasi, gabungan dan pemindahan harta dan sebagainya, serta peruntukan mengenai penyelesaian pertikaian melalui lantikan *tribunal*.

Semua peruntukan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan hak kepada koperasi dan ahli-ahlinya serta memastikan pengurusan koperasi di negara ini berjalan dengan teratur.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan pada peringkat ini. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar pembentangan belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka Tajuk ini sekarang saya bukakan untuk dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai senarai 11 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengambil bahagian dalam Tajuk ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada tahun 2009 Masihi negara menyaksikan pengeluaran padi negara meningkat kepada 60 peratus atau 18 ribu tan setahun pada tahun 2015. Soalan kaola:

1. Apakah negara kita sudah hampir dengan sasaran tersebut?;
2. Adakah pihak yang berkenaan telah mengenal pasti punca ataupun sebab mengapa pengeluaran padi tidak seperti yang dijangkakan?;
3. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dilaksanakan?;

4. Adakah perancangan lain bagi memperkenalkan tanaman selain padi, seperti sayur-sayuran dan buah-buahan untuk dikomersialkan ataupun dijadikan sumber pendapatan penduduk tempatan?; dan
5. Adakah juga pihak berkenaan mempunyai perancangan bagi meningkatkan pengeluaran hasil tanaman lain seperti sayur-sayuran, buah-buahan agar negara kita akan dapat mencapai sara diri ataupun sekurang-kurangnya mengeluarkan import barangan tersebut.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Yang Berhormat, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai soalan pencapaian pengeluaran beras negara yang terkini yang kita telah rancang untuk mencapai 20 peratus sara diri dalam tahun 2015.

Adalah dilaporkan bahawa kita belum lagi mencapai tahap 60 peratus, malah lebih jauh daripada 60 peratus. Walau bagaimanapun, penghasilan itu telah

meningkat daripada tahun-tahun sebelumnya. Pada 2014 Masihi ini kita telah dapat menghasilkan daripada tahun 2013 Masihi sebanyak 1,230 metrik tan kepada 1,380 metrik tan. Lebih jauh dari apa yang perlu kita dapatkan.

Setelah kita mengenal pasti kekurangan untuk mencapai tahap 60 peratus sara diri, kita telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu kita tangani untuk meningkatkan secara deras pengeluaran beras yang antaranya ialah, infrastruktur pengeluaran kita adalah belum ke tahap yang optimum. Ertinya ladang-ladang pengeluaran padi kita belumlah berapa sesuai untuk menjadikan mencapai pengeluarannya yang lebih deras.

Ini telah pun diuruskan, dalam peruntukan tahunan dan juga peruntukan belanjawan Rancangan Kemajuan Negara untuk meningkatkan infrastruktur pengeluaran ladang-ladang di negara ini. Adalah dilaporkan bahawa kawasan-kawasan pengeluaran padi yang berkualiti ini telah pun meningkat dan diharap ini akan dapat melonjakkan pengeluaran padi negara dengan keupayaan ladang tersebut dan juga dengan kebolehan para petani untuk mengeluarkan hasil yang lebih tinggi.

Di samping itu juga, usaha dalam pengeluaran padi ini untuk mendapatkan *variety* padi yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak ataupun *higher yield variety*. Kita telah pun mengenal pasti beberapa jenis

beras ataupun padi yang boleh mencapai pengeluaran yang tinggi.

Mengenai apakah jenis-jenis lain hasil pertanian. Memang sayur-sayuran dan buah-buahan pada masa ini belumlah pada tahap yang memuaskan tetapi ini diusahakan supaya akan dapat ditingkatkan dengan penyediaan bantuan dan juga usaha untuk meningkatkan prasarana ladang-ladang dan sebagainya. Selain sayur-sayuran yang diusahakan, berikutan dengan penjenamaan Jabatan Pertanian menjadi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Jabatan juga akan menumpukan pengeluaran makanan yang diproses.

Agrimakanan bertujuan untuk mengembangmajukan pertanian itu melalui pemprosesan bahan-bahan pertanian. Ini diharap akan menjadi satu peningkatan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan ataupun pembuatan barang-barang pertanian. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Berhubung usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, khas bagi mengembangkan Pengusaha Kecil

dan Sederhana atau PKS atau *SME*. Kaola ingin menghadapkan beberapa pandangan mengenainya.

Sebelum itu, dalam kesempatan ini kaola juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih atas inisiatif-inisiatif yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2015), Perbekalan 2015/2016 serta juga langkah-langkah yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam ucapan mukadimah tadi.

Langkah-langkah seperti *mereview* bantuan dan skim bagi PKS, menyediakan dan memperkukuhkan dasar yang mendukung kemajuan PKS dan menghapuskan cukai pendapatan korporat bagi syarikat yang mempunyai jualan kasar tidak melebihi \$1 juta dan lain-lain lagi adalah sangat dialu-alukan dan diucapkan terima kasih.

Dalam kesempatan ini kaola juga mengucapkan syabas kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri kerana memberikan respons positif ke atas laporan *Ease of Doing Business 2015* dengan menaikkan ke peringkat yang lebih tinggi melalui penubuhan satu Jawatankuasa Kebangsaan yang dikhaskan untuk mengawasi kesinambungan segala usaha yang akan dilaksanakan bagi membantu PKS.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah agensi khas sama ada bersifat seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Negara atau sebuah perbadanan supaya segala langkah dapat dijalankan secara teratur, berkesan dan pengawasan serta penilaian dapat dibuat secara menyeluruh dan berterusan. Dengan adanya agensi khas itu nanti, maka Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bolehlah menumpukan kepada kerja-kerja *FDI* dan industri *ICT* sementara agensi khas itu nanti akan menumpukan kepada membantu PKS.

Semasa Sesi Muzakarah dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, kami dimaklumkan yang syarikat-syarikat tempatan di negara ini mudah berasa selesa dengan pencapaian yang telah diperolehi dan enggan untuk terus berkembang. Perkara sama juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara tahun ini, yang baginda bertitah supaya para usahawan terus bergerak tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja.

Pada pandangan kaola, keenggan PKS untuk terus berkembang menunjukkan bahawa PKS mempunyai kapasiti yang rendah. Kapasiti ini memerlukan *upgrading* atau peningkatan. Di sini kaola tidak maksudkan kapasiti kewangan sahaja akan tetapi kapasiti syarikat

menjalankan operasinya yang mempunyai hubung kait dengan kewujudan suasana probisnes yang betul seperti kewujudan undang-undang dan prosedur yang mungkin menyekat perkembangan PKS. Kaola juga bersetuju dengan seruan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama supaya perkara-perkara seperti ini diteliti semula.

Dalam Jadual RKN Ke-10, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah \$212.3 juta bagi *Research and Development (R&D)*. Bagi Tahun Kewangan 2015, peruntukan sejumlah \$16.6 juta dari harga rancangan tersebut akan disediakan. Dari jadual yang disediakan nampaknya masih terdapat baki dalam jumlah kira-kira \$140 juta.

Alhamdulillah, menurut mukadimah tadi yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, *R&D* akan diberikan keutamaan pada tahun 2015 Masihi. Kaola kira *R&D* ini sangat-sangat diperlukan oleh PKS terutama dalam pengeluaran dan penghasilan produk-produk makanan dan minuman yang banyak diungkayahkan di negara ini. Sebagai misalan, seperti yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa produk-produk telah dihasilkan di bawah Skim Satu Kampung Satu Produk boleh sudah dinaikkan tarafnya untuk dipasarkan secara yang lebih luas.

Berhubung dengan perkara ini, kaola mencadangkan supaya ditubuhkan

sebuah Pusat *Research and Development* yang dikhaskan untuk membantu meningkatkan kapasiti PKS agar mereka tidak akan berhenti setakat tangga pertama sahaja seperti yang telah dititahkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Perkara ini diambil maklum dan seperti yang diterangkan awal mengenai perkembangan perusahaan mikro kecil dan sederhana ini, satu badan khas telah pun ditubuhkan dan diharapkan dalam salah satu tugas badan khas ini ialah akan menimbang cara untuk meningkatkan kapasiti pengusaha-pengusaha mikro kecil dan sederhana negara ini termasuklah juga keupayaan-keupayaan seperti mengadakan penyelidikan dan perkembangan *R&D* itu.

Jadi diambil maklum dan terima kasih atas cadangan dan saranan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Kaola akan mengemukakan Tajuk SH01A - Jabatan

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang mempunyai peruntukan \$30,884,920. Pada pertengahan tahun 2014 Masihi, acara menandatangani memorandum persefahaman di antara syarikat tempatan dengan syarikat dari Korea Selatan untuk kerjasama dalam industri aluminium. Ini berita baik bagi pencari kerja tempatan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang dijangka sekitar 500 orang pekerja dan sekali gus dapat mengurangkan jumlah pengangguran.

Soalan kaola, apakah pelaburan negara yang terlibat dilaburkan dengan syarikat ini dan berapa peratuskah pekerja tempatan yang akan diambil bekerja dengan syarikat ini dan adakah kilang ini nanti tidak memberi impak pencemaran alam sekitar apabila kilang ini beroperasi yang mungkin melibatkan peruntukan pencegahan.

Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) yang peruntukannya berjumlah \$3,776,920.00 Peranan industri kecil dan sederhana juga memainkan peranan yang penting dalam menstabilkan ekonomi negara selain hasil minyak dan gas. Koperasi adalah satu institusi ekonomi yang boleh menjana ekonomi negara.

Di Negara Brunei Darussalam, Gerakan Koperasi bermula pada tahun 1960-an dengan jumlah yang kecil, kemudian berkembang seperti cendawan. Adalah diyakini, jumlah koperasi di seluruh negara meningkat atas semangat perpaduan dan kesedaran rakyat. Keahliannya pada keseluruhannya

adalah bumiputera. Mengikuti statistik yang dikeluarkan oleh akhbar *Borneo Bulletin* pada 5 Mei 2010 Masihi, terdapat 165 buah.

Walau bagaimanapun, jumlah koperasi tidak aktif dan tidak lagi berfungsi yang semakin banyak umpama "mati tidak bertanda" atau "hidup segan mati tak mahu" atau ada yang ibarat "telur di hujung tanduk."

Soalan kaola, adakah rancangan untuk membantu koperasi-koperasi yang hampir jatuh ini dengan peruntukan ini untuk menyokong hasrat negara ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan? Rancangan penstrukturan semula tapak-tapak tanah industri, petikan daripada akhbar *Media Permata* keluaran 28 Mei 2014 Masihi, adalah satu dasar yang sangat baik.

Soalan kaola, adakah penstrukturan semula dasar penggunaan tapak-tapak tanah industri memberi peluang kepada koperasi-koperasi negara ini yang masih lagi aktif? Misalannya, tapak tanah industri di Kampong Serambangun, Daerah Tutong.

Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Adakah tidak dapat dinafikan usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menarik pelancongan ke negara ini dengan mengadakan *roadshow* dan menyertai eskpo-ekspo di luar negara. Jabatan ini telah diperuntukkan \$1,579,700.00 untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang berkaitan pelancongan

untuk menjadikan negara ini lebih menarik.

Soalan kaola, adakah peruntukan ini dapat diagihkan juga kepada penaikan taraf kawasan atau tapak semula jadi yang dikenal pasti di kampung-kampung atau mukim-mukim supaya lebih menarik dan kawasan tersebut dibina jalan raya dan pembersihan sungai bagi memudahkan perhubungan menerusi darat atau sungai ke destinasi berkenaan. Misalannya, membina jalan hujung Tanjung Danau kerana kawasan ini sangat menarik untuk kunjungan pelancong.

Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Adakah ada perancangan untuk menggunakan peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 ini untuk mengadakan program mengembangkan sumbangan masyarakat berorientasikan perhutanan dan integrasi pengurusan sumber ke arah pembangunan modal insan negara ini yang berkaitan dengan industri bio?

Seterusnya, bagaimanakah Jabatan Perhutanan menangani memantapkan penggunaan tanah secara efisien untuk program industri dan pertanian keperluan penempatan manusia memandangkan sumber tanah di negara ini yang terhad?

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 ialah \$8,892,490.00. Adakah cadangan bantuan keusahawanan atau insentif lain yang boleh diberikan kepada nelayan tradisional dan miskin

yang terputus rezeki pada musim tengkujuh dan landas selama 3 bulan?

Tajuk yang terakhir, SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Adakah peruntukan \$28,513,230.00 termasuk bagi menunaikan permohonan penduduk Mukim Ulu Tutong mengenai peningkatan jalan ke kebun buah-buahan dan pembinaan tali air bagi ladang-ladang. Misalannya, Jalan Kampong Piasan, Mukim Lamunin iaitu ladang kebun buah-buahan. Tujuannya ialah untuk memudahkan pengangkutan hasil apabila musim buah-buahan dengan menggunakan kenderaan kerana jauh jika berjalan kaki.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meneliti soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya fikir adalah bersesuaian bagi Mesyuarat Jawatankuasa kita ini, kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah,

kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara dan saya sukacita untuk mencadangkan supaya Majlis Persidangan kita ini, kita tangguhkan dahulu dan insya-Allah, kita akan bersidang semula pada petang nanti pukul 2.30 petang.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**



## **Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sekarang bersidang semula. Sebagaimana yang dimaklumi kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di Peringkat Jawatankuasa.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah meluluskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan seterusnya kita masih lagi membincangkan Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dalam meneruskan perbincangannya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya bersidang semula bagi membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu. Sebagaimana yang telah kita

ketahui pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah mula mendengar soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah juga memulakan mukadimahnyanya menjelaskan mengenai dengan prioriti dan seumpamanya dari kementerian berkenaan.

Maka saya masih terdapat ada 9 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Tajuk ini. Bagi memulakan perbahasan, saya silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menjelaskan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita berhenti rehat. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Mengenai projek pelaburan kilang aluminium yang mana perkara ini sebenarnya adalah di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*). Walau macam manapun saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji

Ramli bin Haji Lahit kerana membawakan perkara ini di dalam Dewan Majlis kita pagi tadi. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB*) untuk sama-sama menangani jika sekiranya ada impak projek ini kepada alam sekitar.

Perkara kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai dengan Gerakan Koperasi. Perancangan untuk koperasi tidak aktif, apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sebelum menjawab apakah tindakan-tindakan yang akan diambil, saya ingin mengongsikan antara faktor penyebab kenapa gerakan koperasi semakin lemah. Antaranya ialah disebabkan oleh urus tadbir yang kurang teratur, kurang berkesan serta kurang efisien dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sebagai sebuah Gerakan Koperasi.

Dalam pada itu Pusat Pembangunan Koperasi di bawah BINA, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sangat mengambil berat perkara ini dan merangka beberapa program untuk memajukan koperasi-koperasi di negara ini. Program-program ini termasuklah program latihan dan pendidikan khusus untuk koperasi-koperasi secara berterusan tujuan memberikan, meningkatkan kecekapan urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi.

Program-program kerjasama dengan negara-negara luar seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Penggunaan Malaysia dan juga dengan bantuan daripada beberapa institut koperasi di Jepun mengenai Pembangunan Sektor Koperasi.

Satu projek yang berterusan dilakukan oleh Pusat Pembangunan Koperasi, BINA ialah projek digelar "KEMAS" iaitu pemantauan dan pengawalseliaan yang berjalan berterusan ke atas koperasi-koperasi di daerah-daerah Negara Brunei Darussalam dan memastikan koperasi-koperasi ini mematuhi semua peraturan dalam Akta Koperasi.

Kurangnya penumpuan ini terhadap pergerakan oleh pihak berkuasa pada tahun-tahun selepas 60-an dan 70-an itu juga adalah salah satu penyebab gerakan koperasi lemah.

Kurang penumpuan pihak berkuasa ini terhadap gerakan koperasi, tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan oleh kurangnya kemajuan dalam pergerakan koperasi itu sendiri pada waktu itu sehinggakan Jabatan Koperasi yang dulunya adalah satu jabatan Kerajaan dengan kuasa undang-undangnya, dengan kuasa kewangannya sendiri telah diturunkan taraf dan diletakkan di bawah Jabatan BINA. Jadi salah satu usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada masa ini ialah untuk mengaktifkan dan mengukuhkan balik Pusat Perkembangan Koperasi ini. Itu bagi

menjawab soalan koperasi iaitu kenapa kurang menyerlah pada masa ini.

Hal ini ada kaitannya dengan soalan ketiga iaitu sama ada penstrukturan semula dasar penggunaan tapak perindustrian di Serembangun koperasi-koperasi untuk beroperasi di sana. Pada masa ini memang Tapak Perindustrian Serembangun ini masih ada kekosongan dan kementerian melalui Jabatan BINA akan terus mengiklankan unit-unit dan lot-lot yang kosong di akhbar rasmi Pelita Brunei dan juga laman web Jabatan BINA.

Jadi koperasi tidak ada tegahan untuk memohon jika mereka berkelayakan dan dipertimbangkan oleh satu komiti untuk menggunakan kawasan di sana. Pada masa ini di Kompleks Serembangun itu terdapat beberapa syarikat besar seperti *Hana Soy & World (B) Sdn Bhd* yang mengeluarkan *Mother Soy, Sabli Food Industries* dan juga *Golden Cooperation*. Jadi ini telah sedikit sebanyak menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi setempat dengan menyediakan pekerjaan kepada penduduk setempat di Daerah Tutong.

Mengenai sama ada Jabatan Kemajuan Pelancongan menyediakan peruntukan untuk pembangunan dan pembersihan beberapa kawasan di perkampungan terutamanya di Tanjung Danau. Yang sebenarnya peruntukan yang berjumlah \$300,000.00 bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan merupakan peruntukan operasi bagi jabatan tersebut dan tidaklah termasuk bagi kerja-kerja

pembiayaan, pelaksanaan projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Cadangan Yang Berhormat itu dialu-alukan dan disambut dengan baik kerana cadangannya itu boleh dijadikan realitinya menjadikan tarikan para pelancong. Perkara ini akan diteliti dan akan dibincangkan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan berkenaan yang lain mengenai kesesuaiannya.

Jika sekiranya tempat tersebut didapati bersesuaian untuk dimajukan sebagai tempat pelancongan, kementerian akan mencari beberapa kaedah termasuklah kaedah seperti *Private Public Partnership* untuk memajukan kawasan tersebut. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang mengalu-alukan penglibatan sektor swasta untuk mengembangkannya industri pelancongan di negara ini.

Sebagai makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, pada masa ini Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengenal pasti beberapa tapak di seluruh negara untuk diwartakan sebagai tempat pelancongan dan seterusnya akan dibukakan kepada pelabur-pelabur dalam dan luar negara.

Soalan seterusnya yang ke-5, mengenai Jabatan Perhutanan, iaitu soalan mengenai adakah perancangan untuk menggunakan peruntukan tahun ini untuk mengadakan program mengembangkan sumbangan masyarakat berorientasikan perhutanan,

integrasi pengusaha sumber ke arah pembangunan modal insan.

Pada masa ini belum ada peruntukan untuk membiayai program-program sedemikian. Walau macam manapun, ada beberapa kegiatan dan program serta inisiatif Jabatan Perhutanan untuk melibatkan masyarakat setempat terutamanya seperti di Daerah Temburong di Kampong Batang Duri, Kampong Sibut dan Kampong Sumbiling dan pembangunan Taman Negara Ulu Temburong yang telah melibatkan beberapa masyarakat di sana dalam kegiatan ekonomi eko-pelancongan di Taman Negara Ulu Temburong. Di Tutong dan di Kuala Belait juga ada seperti di Rumah Panjang Teraja yang menggunakan rumah teraja itu sendiri sebagai pusat untuk menarik pelancongan.

Walaupun macam manapun, peruntukannya tidak ada seperti yang disebutkan tetapi program itu mungkin akan dilakukan secara kaedah lain iaitu seperti kaedah yang saya sebutkan *Private Partnership (PPP)*. Apakah tindakan Jabatan Perhutanan memastikan hutan dapat diurus secara berkekalan memandangkan kawasan tanah kita yang terhad? Dasar Kerajaan adalah untuk memastikan pengurusan perusahaan sumber hutan negara adalah *sustainable* ataupun lestari.

Untuk itu, rancangan untuk memberhentikan peneaian atau pembalakan di kawasan hutan yang berstatus hutan simpan akan dilaksanakan secara berperingkat-

peringkat. Ertinya akan diberhentikan secara berperingkat-peringkat. Selaras dengan dasar tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang meneliti satu sistem atau satu kaedah pengurusan di kawasan antara Sungai Tutong dan Sungai Belait yang digelar *Inter Riverine Zone (IRZ)* sebagai sumber perikanan alternatif kepada pembekalan kayu dalam negara melalui konsep *tree farmland* atau *plantation style* yang boleh dituai dan boleh ditanam secara bersistem.

Mengenai soalan sama ada bantuan-bantuan dapat dihulurkan kepada nelayan-nelayan miskin yang menghadapi musim-musim tengkujuh. Sebenarnya Jabatan Perikanan tidaklah ada menyediakan bantuan khusus apabila menghadapi cuaca yang tidak baik bagi nelayan-nelayan miskin.

Bantuan-bantuan yang diberikan kadang-kadang berbentuk galakan ataupun insentif seperti kemudahan pengangkutan, peralatan perikanan seperti *cold boxes*, peralatan *GPS* dan juga khidmat untuk meningkatkan keupayaan ataupun *capacity building* mereka. Walaupun macam manapun terdapat juga beberapa bantuan dihulurkan apabila berlaku satu kemalangan seperti yang berlaku di Sungai Brunei apabila salah sebuah kandang ikan telah dilanggar oleh perahu yang menjejaskan kandang tersebut dan ini menggunakan peruntukan Khas tetapi peruntukan yang didapatkan daripada kementerian sahaja.

Mengenai soalan yang penghabisan iaitu sama ada infrastruktur jalan ke kebun di Lamunin dapat ditingkatkan. Saya telah difahamkan bahawa Kampong Piasan tidaklah termasuk dalam gazet pertanian sama ada tanah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) ataupun Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB). Walau macam manapun Jabatan Pertanian dan Agrimakanan terutamanya di Daerah Tutong akan merujuk perkara ini ke Pejabat Daerah Tutong bagi membiayai pembinaan jalan ladang di Kampong Piasan, Lamunin tersebut, sebab ini adalah di bawah kawalan Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi mengenai soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Isu yang ingin saya timbulkan mengenai Kemajuan Pelancongan iaitu dalam Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama beberapa hari yang lalu, mengenai jumlah pelancong yang

datang ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2014 kira-kira 3.8 juta orang dengan tujuan yang berbagai-bagai.

Pada tahun 2015 pula, Jabatan Kemajuan Pelancongan menasaskan pertumbuhan sebanyak 3 peratus kedatangan melalui udara, 8 peratus melalui jalan darat dan 10 peratus bagi kapal persiaran. Ini satu jangkaan yang positif, kerana sekiranya benar-benar serius untuk meningkatkan dan mempelbagaikan ekonomi negara maka memacu sektor pelancongan adalah salah satu daripadanya.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan pagi tadi mengenai keunikan dan keistimewaan negara dari aspek calak keislaman, budaya dan kaya dengan alam semula jadi untuk dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan meskipun ia merupakan fokus dalam kluster keempat yang terakhir.

Apa yang difahami bahawa untuk mempromosi sektor pelancongan memerlukan pelan pemasaran dan pembangunan produk yang berkesan. Seperti mengadakan ekspo, pameran bergerak, seminar, menyediakan risalah dan bahan-bahan terbitan yang bukan sahaja untuk kegunaan jabatan, malahan pihak-pihak lain untuk turut mempromosi Negara Brunei Darussalam. Begitu juga rangkaian media massa memainkan peranan penting dalam menjana dan menjayakan sektor ini perlulah diambil perhatian.

Soalan saya, dengan jumlah Peruntukan 2015/2016 sebanyak \$300,000.00 sahaja untuk tujuan projek promosi pemasaran dan produk Kemajuan Pelancongan atau yang disebut Yang Berhormat Menteri sebentar tadi sebagai Peruntukan Koperasi, saya kurang pasti untuk apa sebenarnya?

Apa yang ingin saya soalkan di sini ialah adakah peruntukan itu mencukupi untuk menepati sasaran pelancongan bagi tahun 2015 yang saya sebutkan awal-awal tadi? Apakah langkah dan usaha kementerian seterusnya untuk memperkasa Jabatan Kemajuan Pelancongan, umpamanya untuk mempromosi dan menggiat pelancongan domestik? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber**

**Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Memang \$300,000.00 yang saya sebutkan itu cuma untuk membelanjai kakitangan dan operasi tahunan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Walau macam manapun, terdapat peruntukan khusus untuk Rancangan Kemajuan Negara yang telah disediakan skim *value* untuk tujuan seperti promosi dan pembangunan produk pelancongan. Jadi, itulah yang akan dapat digunakan bagi tujuan memperkasa sektor ini terutama dalam pembangunan produk pelancongan (*tourism product*).

Memang diakui, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, rangkaian-rangkaian media dan sebagainya diperlukan, *marketing plan* diperlukan, *master plan* untuk *product development* diperlukan. Ini telah pun disiapkan dan sudah pun ada dalam kementerian iaitu *master plan* untuk pelancongan dan *marketing plan*nya dan juga rangkaian untuk menggunakan beberapa *marketing agent* di China dan Australia.

Langkah seterusnya ialah seperti yang saya sebutkan tadi untuk memperkasakan lagi sektor ini dengan menyiapkan infrastruktur yang boleh dipasarkan sebagai produk pelancongan yang Negara Brunei Darussalam dikira tinggi *comparative advantage*nya seperti keadaan semula jadi negara, keunikan, keagamaan dan kebudayaan negara. Juga tidak dapat dinilai keamanan dan kestabilan politik negara.

Yang menjadi sukut-sukat kementerian ialah bahawa di negara jiran, pelancongan adalah lebih melonjak dan kegiatan mereka lebih deras daripada Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan perkara-perkara tersebut, tindakan kita bukanlah untuk bersaing dengan negara-negara yang mempunyai produk pelancongan lebih baik dan lebih teratur.

Itulah yang dapat saya sampaikan daripada soalan-soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor**

@ **Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Soalan kaola kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

1. Perusahaan-perusahaan atau industri yang ada dijalankan di kampung-kampung supaya akan dapat ditempatkan di satu kawasan yang lebih sesuai bagi mengelakkan daripada kesibukan, kebisingan, kekotoran dan lain-lain lagi;
2. Mengenai pelancongan. Adakah usaha-usaha atau perancangan yang lebih lagi bagi mempromosikan Negara Brunei Darussalam dalam menggiatkan lagi pelancongan seperti mana yang telah dilaksanakan pada beberapa tahun yang lalu iaitu Tahun Melawat Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan.
3. Alhamdulillah Majlis Perundingan Kampung dan Mukim telah pun banyak menubuhkan *homestay* di setiap daerah:
  - i. Adakah perkara ini dipantau oleh Jabatan Pelancongan?

ii. Jika ada, berapa buahkah *homestay* yang ada di Negara Brunei Darussalam ini?; dan

iii. Apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada pemilik-pemilik *homestay* ini ataupun diberikan tunjuk ajar, cara-cara pengurusan dan sebagainya?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:**

Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Seperti yang saya terangkan tadi soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, mengenai kegiatan untuk meningkatkan pelancongan di negara ini telah pun dibuat. Kita telah pun berusaha tetapi lebih kepada memperbaiki produk pelancongan ataupun *product development* yang kita usahakan iaitu dengan menyediakan infrastruktur dan sebagainya sebelum kita dapat mengadakan pemasaran.

Yang Berhormat telah menyebut mengenai Tahun Melawat Brunei (*Visit Brunei Year*). Tidak ada perancangan Tahun Melawat Brunei dijangka dalam masa terdekat ini disebabkan oleh beberapa perkara. Satu daripadanya iaitu peruntukan belum lagi didapatkan daripada Kementerian Kewangan untuk mengadakan kegiatan ini memandangkan kurang keutamaannya. Mungkin akan dipertimbangkan pada

suatu masa yang lain pada tahun-tahun yang akan datang.

Mengenai Majlis Perundingan Kampung dan Mukim, sama ada *homestay* mereka ini dipantau? Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan memantau bagi memastikan mereka memenuhi piawaian serantau dan antarabangsa terutamanya *standard*, ataupun piawaian *ASEAN Homestay Standard* yang dikongsi oleh negara-negara *ASEAN*.

Sebentar lagi, saya akan memaklumkan beberapa *homestay* tetapi apa yang saya dapat terangkan, *homestay* yang dipanggilkan *homestay* itu di Negara Brunei Darussalam ini, belumlah ke taraf *homestay* yang digelar betul-betul *homestay*. Jadi barangkali jumlahnya tidaklah banyak.

Mengenai industri di kampung-kampung sama ada boleh mereka ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai. Ini barangkali saya akan mengadakan perundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jika ada tempat-tempat yang sesuai di kampung-kampung ataupun daerah-daerah untuk digunakan oleh industri-industri tempatan tersebut. Barangkali itu sahaja yang dapat kaola sampaikan mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan mengusulkan 4 Tajuk di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Dewan yang mulia ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada sebelah pagi tadi yang antara lainnya dalam mengembangkannya infrastruktur dalam bidang-bidang perekonomian, pelancongan dan pengeluaran kemajuan hasil negara.

1. Dalam Tajuk SHO3A - Jabatan Perikanan. Undang galah merupakan satu kebanggaan bagi Daerah Temburong. Apa yang membimbangkan akhir-akhir ini hasil tangkapan nelayan terutama undang galah di sungai-sungai di Daerah Temburong semakin berkurangan. Kaola ingin tahu apakah strategi-strategi pihak Jabatan Perikanan untuk mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah ini? Jika tidak diambil perhatian yang serius ia akan mengakibatkan perkara-perkara yang berikut:



- i. Udang galah akan pupus dan generasi akan datang tidak dapat menikmati udang galah yang ada pada masa ini;
- ii. Memudaratkan kesihatan orang ramai kerana makan udang galah yang telah diracun dan akan menyebabkan orang ramai menghidap berbagai-bagai penyakit seperti kanser dan sebagainya; dan
- iii. Akan menghapuskan khazanah Daerah Temburong yang selama ini menjadi kebanggaan semua penduduk di Daerah Temburong.

Kaola ingin bertanya sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan dalam mengambil langkah untuk mengatasi perkara ini. Adalah juga dicadangkan supaya pihak Jabatan Perikanan akan dapat menyediakan 1 atau 2 kawasan pembiakan udang galah yang benar-benar terkawal di sungai-sungai Daerah Temburong, supaya pada satu hari nanti udang galah di Daerah Temburong tidak hanya tinggal nama sahaja seperti mana beberapa spesis ikan air tawar yang dahulunya banyak didapati dan mudah diperolehi kini sudah hampir pupus.

- 2. Tajuk SHO4A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kaola mengutarakan 3 perkara dalam Tajuk ini:

- i. Di Daerah Temburong terdapat 7 permohonan kawasan yang memohon Tanah Kemajuan Pertanian Luar Bandar ringkasnya KPLB yang telah lulus di peringkat teknikal KPLB iaitu KPLB Kampong Gadong, KPLB Kampong Lepong Baru, KPLB Kampong Lepong Lama, KPLB Kampong Parit, KPLB Kampong Parit Lama, KPLB Kampong Tanjung Bungar dan KPLB Kampong Tanjung Bungar 2.

Kaola ingin tahu apakah perkembangan yang sudah diambil sejauh ini oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi 7 kawasan tersebut, memandangkan permohonan tersebut sudah lama dihadapkan?;

- ii. Mengenai perkembangan KPLB di Daerah Temburong pada masa ini yang sudah nampak tidak aktif seperti sebelumnya. Ada beberapa jalan masuk ke KPLB yang ketika ini yang tidak lagi dapat dilalui oleh kenderaan biasa. Bagi peladang-peladang yang berusaha gigih dalam mengusahakan ladang-ladang, mereka menaruh penuh harapan agar pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan dapat mengambil perhatian masalah-masalah yang dihadapi dengan menambah baik infrastruktur terutamanya jalan-jalan masuk ke KPLB yang tidak dapat dilalui

oleh kenderaan biasa perlu dibaiki dan dinaik taraf; dan

- iii. Dalam membantu pengeluaran hasil beras negara, alhamdulillah di Daerah Temburong terdapat kawasan ladang padi terbesar di kawasan Lakiun dan Peradayan. Tetapi kawasan tersebut menghadapi masalah pengaliran air sebagai sumber kesuburan tanaman apabila musim kemarau untuk aliran air masuk dan masalah aliran keluar semasa banjir.

Perkara ini pernah kaola suarakan di Dewan yang mulia ini, oleh itu apakah langkah tindakan yang sudah diambil oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membina rancangan tali air di kawasan-kawasan yang kaola nyatakan?

3. Tajuk SHO5A - Badan Kemajuan dan Industri Brunei, mengenai pembinaan bangunan Koperasi Kompleks Perindustrian Batu Apoi, Temburong pada masa ini. Kaola ingin tahu status mengenainya dan bilakah ia boleh digunakan dan bagi tujuan asal pembangunannya?
4. Tajuk SHO6A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Daerah Temburong adalah destinasi pelancongan yang sudah sekian lama dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara, kerana keindahan alam semula jadi

flora dan faunanya, sesuai dengan namanya Temburong Permata Hijau Brunei Darussalam. Apapun sejauh ini belum ada cawangan khas Jabatan Pelancongan ditubuhkan di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola di Dewan yang mulia ini penuh mengharapkan agar pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan mengambil serius dalam perkara ini supaya cawangan khas Jabatan Kemajuan Pelancongan dapat ditubuhkan di Daerah Temburong, bagi memudahkan dan memajukan kawasan pelancongan dan membuat iklan untuk tarikan pelancong berkunjung ke Daerah Temburong. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi sekali lagi kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Mengenai udang galah ini, memang didapati mengikut perangkaan pada tahun 80-an penangkapan adalah dalam sekitar 600 kilogram sehari. Tetapi akhir-akhir ini cuma dalam sekitar 70 kilogram sahaja sehari. Jadi penurunan itu drastik disebabkan oleh kesan-kesan pencemaran daripada aktiviti-aktiviti di darat, seperti penggunaan racun serangga dan rumput dari aktiviti

pertanian. Perlombongan batu kelikir di ulu sungai telah banyak menjejaskan tempat permakanan udang galah yang memerlukan 'gelugut' dan bahan-bahan tumbuhan dan juga penangkapan yang tidak terkawal dan secara berlebihan, ertinya walaupun masih kecil sudah ditangkap dan sudah diambil dan pengambilan udang galah betina yang bertelur. Jadi ini salah satu sebab mengapa turun hasil di Temburong itu.

Untuk menangani masalah ini, Jabatan Perikanan pada masa ini sedang melaksanakan kajian dan penyelidikan terutamanya di Sungai Temburong dengan mengambil beberapa maklumat. Ini bertujuan mewujudkan kawasan-kawasan larangan penangkapan udang galah. Dengan adanya kawasan-kawasan ini nanti diharapkan sumber udang galah akan dapat dilindungi bagi meningkatkan penghasilan.

Di samping itu juga sudah beberapa cubaan untuk menghidupkan udang galah dalam kawasan yang terkawal ataupun dalam kawasan-kawasan takungan air dipanggil *ox-bow lake* yang terputus tetapi nampaknya tidak dapat mengeluarkan hasil yang banyak sebab tidak ada benih-benih udang galah untuk dibesarkan. Terdapat juga satu usaha pada satu ketika untuk menghidupkan udang galah dalam kolam kawasan daratan.

Ini juga tidak berhasil disebabkan udang galah ini adalah satu spesis yang hidupnya pada suatu masa memerlukan air tawar, air masin pada suatu masa dan air yang bahal atau payau

(*brackish*) pada satu masa. Itu adalah mengenai dengan udang galah.

Mengenai pertanian, Program Kawasan Pertanian Luar Bandar ini telah pun mula dipindah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan daripada Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam proses permindahan itu permohonan-permohonan ini masih dalam penilaian, barangkali mengambil masa sedikit kerana apa yang disasarkan supaya KPLB ini dapat menyumbang kepada hasil pertanian secara sistematik dan secara teratur, ertinya mesti didapatkan maklumat mengenai siapa yang akan menjenamai KPLB ini. Jadi ini akan saya maklumkan kepada Yang Berhormat apakah kedudukan KPLB yang disebutkannya tadi.

Mengenai ladang-ladang pertanian, di Temburong iaitu Ladang Perdayan dan Selapon, projeknya masa ini ialah untuk mendatangkan sistem perairan kepada Ladang Perdayan dan Selapon yang mana projek-projek ini akan dihadapkan ke Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Apabila sudah selesai nanti Perdayan dan Selapon ini akan mempunyai sistem air yang lebih baik dan lebih teratur.

Walau macam manapun pada masa ini kawasan-kawasan tersebut seperti di Perdayan dan Selapon jika sekiranya mereka tidak dapat menanam jenis padi yang memerlukan air yang banyak, peladang-peladang di sana digalakkan ataupun dibolehkan untuk bertanam. Jenis padi yang tidak memerlukan air

banyak di Daerah Temburong ini dan terkenal dengan hasil beras ataupun padi tradisional seperti beras-beras tradisional iaitu beras pusu, adan, bukit dan sebagainya.

Bangunan Koperasi Batu Apoi sudah nampak kemajuannya. Nanti saya akan sebutkan sejauh mana dan bila akan siap bangunan koperasi ini.

Soalan penghabisan, ialah mengenai pelancongan. Yang sebenarnya Daerah Temburong ini memang diakui sebagai satu daerah yang unik terutamanya tentang alam sekitar dan tentang *environment*. Jadi yang sebenarnya di Daerah Temburong ini kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain banyak juga pelaburan pelancongan telah dibawa ke Daerah Temburong seperti pembangunan *resort* ulu-ulu di Temburong, yang terdapat jambatan gantung dan sebagainya.

Juga terdapat beberapa kemudahan baru-baru ini yang melibatkan pihak swasta iaitu salah satu syarikat yang menggunakan kemudahan dan keindahan Daerah Temburong. Kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain memang Daerah Temburong ini lebih banyak telah ditumpukan kepada peruntukan untuk pelancongan. Tadi kaola ingin menyusul balik mengenai *homestay*. Yang Berhormat Pengerusi, saya sebutkan tadi *homestay* di Brunei ini bukanlah taraf *homestay* yang telah setaraf dengan yang lain itu.

Walau macam manapun terdapat 14 *homestay* di Negara Brunei Darussalam.

Tetapi sama ada mereka setaraf dengan apa yang ada di negara yang lain itu akan dinilai dengan *standard* yang telah diberikan oleh *ASEAN* dan pertubuhan pelancongan *homestay* yang lain.

Barangkali itu sahaja yang dapat kaola terangkan mengenai soalan daripada Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam kesempatan ini kaola ingin mengemukakan 3 soalan mengenai Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

1. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Seperti mana yang kita ketahui bahawa sumber perikanan merupakan sumber makanan keperluan hidup rakyat di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pantai kurang lebih 150 kilometer panjang dan 200 kilometer lebar ke laut, tolong betulkan kalau fakta kurang tepat kepada fakta yang sebenarnya. Jabatan Perikanan telah pun berusaha untuk menghadkan penangkapan ikan dengan membekukan pengeluaran Lesen Penangkapan Ikan sejak beberapa tahun yang lalu.

- i. Semenjak pembekuan pengeluaran Lesen Penangkapan Ikan beberapa tahun yang lalu bagaimanakah kedudukan sumber perikanan pada masa ini adakah ianya meningkat ataupun sebaliknya?
- ii. Selain pembekuan lesen, adakah usaha-usaha lain bagi meningkatkan lagi jumlah ikan-ikan di perairan Brunei di negara kita ini? Dalam kesempatan ini kaola mencadangkan untuk memelihara terumbu-terumbu karang yang telah rosak akibat aktiviti penangkapan ikan yang menggunakan pukot harimau ataupun pukot tunda.

Dengan bercontohan pengalaman dan pengetahuan dari negara jiran kita, iaitu Daerah Samalajau di Negeri Sarawak yang berjaya dengan memasang bongkah-bongkah batu yang diperbuat daripada simen yang besar untuk melindungi kawasan perairan antara 6 ke 12 kilometer dari aktiviti penangkapan ikan yang menggunakan pukot tunda dan sekali gus telah menjejaskan kawasan penangkapan ikan yang dikhaskan kepada nelayan-nelayan yang menggunakan pancing ataupun bubu.

- iii. Seperti mana difahami, telah sekian lama aktiviti mereka itu telah terjejas akibat dicerobohi oleh nelayan-nelayan yang

menggunakan pukot tunda atau pun pukot harimau yang telah merosakkan rawa-rawa ataupun bubu yang telah dipasangkan oleh nelayan yang berkenaan.

- iv. Menyentuh dengan pengimportan ikan ke negara kita dari negara jiran, seperti mana yang tersiar dalam media sosial *facebook* baru-baru ini menyatakan bahawa ikan-ikan tersebut telah diawet dengan pengawet yang dikatakannya pengawet mayat bagi mengekalkan kesegaran dan ketahanan ikan yang dibawa dalam jangka masa yang panjang.

Dalam hal ini, kaola ingin mengetahui adakah Jabatan Perikanan ataupun agensi-agensi yang berkenaan telah menjalankan pemantauan ataupun analisis ke atas perkara tersebut bagi memastikan kesahihannya?

- v. Menyebut mengenai kekurangan ikan seperti spesis ikan yu dan ikan-ikan lain sejak beberapa tahun lalu, adakah Jabatan Perikanan telah membuat analisis terhadap sebab-sebab mengapa ianya berkurangan? Kaola ada menerima perkongsian maklumat daripada beberapa nelayan setempat, menyatakan salah satu sebab adalah pencemaran daripada bahan-bahan kimia dari kerja-kerja cari

gali minyak di pelantar-pelantar minyak di laut dalam perairan di Negara Brunei Darussalam.

- vi. Mengenai pengeluaran lesen kepada nelayan-nelayan sambilan di persisiran pantai bilakah ia dikeluarkan semula untuk memenuhi kehendak nelayan-nelayan yang memerlukan.
2. Tajuk SH05A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Iaitu mengenai keperluan untuk mendapatkan tanah tempat bercucuk tanam seperti berpadi, berkebun sayur-sayuran dan buah-buahan:
    - i. Adakah jabatan tersebut masih memberikan kemudahan bagi tujuan tersebut dan kalau ada bagaimanakah cara memproses permohonannya?
    - ii. Adakah ia boleh dibuat secara perseorangan atau individu?
    - iii. Adakah tempat atau kawasan yang disediakan di Daerah Belait dan kalau ada di mana tempatnya?
    - iv. Bagaimana pula dengan kawasan yang telah diusahakan yang belum mendapat kebenaran. Bolehkah ianya dipohonkan semula melalui Jabatan Pertanian?
  3. Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Pendek saja soalan

kaola. Kaola ingin mengetahui mengenai rancangan eko-pelancongan di Kuala Balai. Bagaimanakah perkembangan terhadap perancangan tersebut pada masa ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Mengenai tindakan Kerajaan membekukan lesen dan juga melaksanakan *moratorium*, pembekuan penangkapan di zon-zon tertentu sejak tahun 2008.

Apakah telah menampakkan peningkatan kepada sumber-sumber ikan. Yang dapat dipastikan bahawa hasil itu alhamdulillah tidak menurun. Kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di sekeliling kawasan kita, sumber perikanan mereka sangat menurun.

Kita telah dapat mengekalkan sumber itu walaupun sumber yang didapatkan pada hari itu tinggalnya dalam 20 peratus. Pada masa ini diadakan pemantauan tentang pembekuan tersebut. Untuk makluman orang ramai dan Ahli Majlis Mesyuarat, *moratorium* itu masih dikekalkan.

Malahan Jabatan Perikanan, akan menguatkannya lagi dengan melaksanakan pembaharuan kepada *zoning*. Yang pada masa ini, zon 1

adalah meliputi kawasan tepi pantai sampai kepada 3 batu nautikal. Jabatan bercadang untuk menambah zon 1 itu daripada kosong (0) kepada 7 batu nautikal. Ini bagi membolehkan anak-anak ikan dan tempat-tempat habitat perikanan terlindung.

Jabatan Perikanan juga akan mengharamkan dan akan memberhentikan penggunaan secara menyeluruh pukat tunda (*total ban on trawler*) di perairan negara ini.

Dalam hal ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memerlukan kefahaman dan sokongan padu dari rakyat negara ini termasuklah para nelayan terhadap penegahan ini. Tindakan ini adalah bagi menyokong usaha Kerajaan untuk melindungi habitat hidupan marin, seperti takat karang, tempat-tempat penetasan dan pembiakan ikan daripada kemusnahan.

Ini selaras dengan tanggungjawab dan komitmen kerajaan yang mempraktikkan amalan penangkapan ikan yang bertanggungjawab ataupun *code of conduct for responsible fisheries* yang telah dimeterai oleh Pertubuhan *FAO*, bagi memastikan kelestarian sumber-sumber marin. Mudah-mudahan usaha-usaha ini akan dapat mengawal dan mengekalkan kedudukan sumber-sumber marin, terutamanya sumber ikan di negara kita.

Mengenai ikan-ikan import yang telah diawet. Pemantauan dilakukan oleh Jabatan Perikanan secara berkala

ataupun secara mengejut. Sejauh ini tidak ada tanda-tanda atau penggunaan bahan-bahan pengawet mayat ataupun yang lebih dikenali sebagai *formaldehyde* ataupun *formalin*.

Walau macam manapun, jika ada terdapat bukti, jabatan memang mengalu-alukan sebarang maklumat mengenai kejadian tersebut. Ini sebagai tanggungjawab bersama masyarakat dan juga rakyat untuk sama-sama menanganinya.

Yang ingin saya ambil perhatian tentang kenyataan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai adakah sumber-sumber marin kita berkurangan disebabkan oleh pencemaran kimia oleh syarikat minyak. Saya tidak dapat memberikan pengesahan bahawa ia disebabkan oleh syarikat minyak, pengurangan itu disebabkan oleh beberapa perkara lain.

Salah satunya ialah penangkapan yang tidak dilaporkan, tidak teratur dan tidak mengikut undang-undang dipanggilkan *Illegal Unreported and Unregulated* (IUU) dan juga, kedudukan takat-takat karang kita ataupun terumbu-terumbu kita pada masa ini belumlah ke peringkat optimum. Ertinya kalau sudah ke peringkat optimum, satu terumbu ataupun takat-takat karang itu, yang akan berlaku ialah anak-anak ikan akan dapat menetas dan membesar di kawasan tersebut dan melarat di kawasan perikanan. Terumbu-terumbu kita belumlah pada peringkat optimum.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan telah pun menubuhkan *marine protected areas* bagi tujuan untuk mengawal terumbu-terumbu dan takat-takat karang ini. Jadi, sama ada disebabkan oleh syarikat minyak, saya kurang yakin dan kurang bersetuju perkara tersebut.

Mengenai tanah-tanah bagi tujuan berpadi dan bertanam sayur-sayuran. Selalunya kalau ada tanah-tanah kosong sama ada tanah di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) atau Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB), ia akan ditawarkan secara terbuka kepada orang ramai melalui akhbar Pelita Brunei ataupun *website* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Mereka yang berminat untuk mendapatkan kawasan-kawasan tersebut, bolehlah melayari *website* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ataupun melihat akhbar Pelita Brunei bagi memastikan bahawa tempat-tempat itu diiklankan dan akan dipohonkan.

Terakhir ialah mengenai Kuala Balai. Seperti dulu, dua tahun lalu perkara ini telah ditimbulkan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan tidak ada perancangan untuk memajukan secara jabatan ataupun secara perbelanjaan Kerajaan. Tetapi apa yang dapat dilakukan pada waktu ia ditimbulkan sekejap dulu ialah supaya ia dapat dimajukan secara penglibatan pihak swasta ataupun PPP dan ini masih lagi dibukakan untuk pemajuan secara PPP dan adalah digalakkan kalau sekiranya dapat dimajukan secara PPP itu. Barangkali itu

sahaja yang dapat saya terangkan mengenai soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin membangkitkan Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Ikan memainkan peranan yang sangat mustahak bagi kesihatan manusia. Daging ikan mengandungi khasiat *nutrition* seperti:

- i. Rendah lemak dan tinggi kualiti protein;
- ii. Kaya engan *omega* 3 lemak asid, vitamin D dan vitamin B2; dan
- iii. Kaya dengan kalsium dan *phosphorus* dan memberikan faedah pada kesihatan seperti untuk kesihatan jantung dan otak, untuk mengurangkan tekanan darah, memperbaiki penglihatan mata, melegakan kemurungan. Ketam dan udang pula mempunyai ciri-ciri melawan kanser manakala



minyak ikan membantu melegakan simptom arthritis.

Berpandukan peranan ikan boleh menjana kesihatan kita, penduduk Negara Brunei Darussalam seharusnya diberi peluang menikmati kesihatannya dengan menjual ikan dengan harga yang berpatutan dan tidak sepatutnya dijual mahal seperti yang dijual di negara ini pada masa sekarang. Lebih dikesali lagi harga ikan sentiasa dinaikkan begitu tinggi sedangkan majoriti ikan yang dijual di pasaran adalah hasil tangkapan dari laut yang tidak memerlukan perbelanjaan kos pemeliharaan yang berterusan jika dibandingkan dengan industri-industri lain.

Industri-industri lain kos pemeliharaannya adalah berpanjangan. Mereka membiayainya dan disertai dengan kos-kos operasi sampingan yang dibiayai dari awal-awal lagi hinggalah ia dipasarkan. Contoh kenaikan harga ikan ialah seperti ikan merah dari \$12.00 satu kilogram dinaikkan kepada \$18.00 satu kilogram begitu juga dengan udang dari \$12.00 satu kilogram dinaikkan kepada \$20.00 satu kilogram.

Ada kalanya juga ia dinaikkan kepada \$20.00 satu kilogram. Kalau ia dirisakan dengan harga minyak naik, bahkan harga minyak disubsidi oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beberapa tahun yang lama sudah peratus harganya dinaikkan terlalu tinggi seperti kaola contohkan tadi ikan

merah dinaikkan kepada \$12.00 satu kilogram kepada \$18.00 satu kilogram ia bererti 50 peratus.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan harga ikan merah di negara jiran satu kilogram hanyalah antara RM\$15.00 hingga kepada RM\$20.00 satu kilogram ataupun B\$5.70 kepada B\$7.60 satu kilogram dan ikan rumahan di antara RM\$3.00 satu kilogram kepada RM\$5.00 satu kilogram ataupun B\$1.15 satu kilogram kepada B\$1.95 satu kilogram.

Seperti yang diketahui selain daripada ikan yang didapati di negara ini yang ditangkap daripada laut kebanyakan ikan juga didatangkan dari negara jiran. Kenapa harga ikan di Brunei terlalu jauh mahal bezanya? Dapatkah pihak yang berkenaan membuat pemantauan supaya harga ini tidak dinaikkan terlalu tinggi demi memberi peluang kepada orang-orang yang berpendapatan rendah untuk boleh membeli dan menikmati ikan dengan harga yang berpatutan.

Apatah lagi fitrah zat-zat daging ikan boleh menyumbang kepada kesihatan manusia. Justeru itu harga ikan patutnya sentiasa dipantau bagi membolehkan orang ramai mampu makan ikan untuk mendapatkan zat-zat yang kaola sebutkan tadi. Dengan sendirinya golongan orang yang berpendapatan rendah boleh membelinya. Dari itu besar kemungkinan kesihatan warganegara ini akan bertambah baik dan sekali gus boleh mengurangkan perbelanjaan

Kerajaan bagi membiayai ubat-ubatan yang berperanan sama dengan zat-zat yang didapati daripada ikan.

Cadangan supaya kajian boleh dibuat bagi pengesahan apa yang kaola nyatakan di atas. Jika dapat disahkan ia betul maka satu kawalan harga ikan perlulah dilaksanakan dan dipantau sentiasa bagi memberi banyak warganegara Brunei berpeluang memakannya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber**

**Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Memang diakui sumber *protein* daripada *marine* adalah satu sumber yang mudah dan murah untuk didapati. Tentang pengawalan harga itu, ini tertakluk kepada keadaan pasaran, keadaan bekalan dan permintaan (*demand supply*). Dengan keadaan negara kebanyakannya mengimport dari luar negara, memanglah kita akan ditambah dengan harga *transportation* dan sebagainya.

Jabatan Perikanan khususnya dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama amnya memastikan supaya makanan di Negara Brunei Darussalam ini diperolehi daripada harga yang dapat dibeli.

Ini satu komitmen kementerian untuk memastikan sekuriti makanan di negara ini terjamin. Dalam perkara tersebut mendapatkan protein-protein bukan semestinya didapati dari ikan yang ditangkap di laut ataupun *captured fishing* tetapi boleh juga didapati dari ikan yang dibesarkan di dalam kolam daratan ataupun dari *aqua culture*. Jadi ini salah satu usaha Kementerian melalui Jabatan Perikanan dan jabatan-jabatan di Kementerian untuk mengembangmajukan perindustrian *Aqua Culture* bagi mengimbangi hasil tangkapan daripada *captured fishing*.

Jadi itu memang salah satu daripada tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi memastikan sekuriti makanan kita terjamin. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ada 3 soalan:

1. Perusahaan madu sudah lama dikomersialkan di banyak negara sama ada madu lebah atau madu kelulut. Di negara kita baru bermula dalam lebih 2 tahun ia dipelihara

di halaman rumah cara kecil-kecilan dan sudah ramai yang mengusahakannya. Saya berpendapat ada baiknya usaha ini diangkat di peringkat yang lebih produktif, sistematik dan berdaya tahan. Untuk platform ini dicadangkan supaya ada kawasan khas diperuntukkan untuk memelihara kelulut dan lebah. Di luar negara ia dijadikan seperti *resort* dan taman rekreasi serta tempat pelancongan. Untuk pengetahuan Dewan selain madu kelulut ada juga yang sudah membuat kosmetik dan sabun dari bahan-bahan kelulut;

2. Memandangkan penyembelihan kambing dan sapi masih mengikut prosedur negara pengeksporth kenapa tidak Jabatan Pertanian menggalakkan orang tempatan untuk menternak kambing dan sapi dengan diberi bantuan secukupnya supaya kita tidak meragui kehalalannya daging-daging *import* tersebut; dan
3. Negara berhasrat untuk memajukan pertanian ke tahap sara diri dan perusahaan pertanian memerlukan kawasan yang luas. Kalau pihak pertanian menghadapi masalah kekurangan kawasan tanah untuk tanaman padi, bagaimanakah negara boleh mencapai tahap sara diri. Ada beberapa keluhan petani, khususnya penanam padi, baja subsidi, racun subsidi dan air sering tidak mencukupi. Mesin pengetam padi sering rosak. Ini tentunya akan

menjejaskan penghasilan beras dan kita hasratkan untuk sara diri tahun 2035.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai dengan cadangan-cadangan terutamanya perusahaan madu Kelulut di Negara Brunei Darussalam.

Pada satu ketika dahulu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mendatangkan pakar untuk mengenalkan pemeliharaan dan penuaian madu-madu kelulut ini.

Jika sekiranya ada pengusaha yang berminat boleh dibantu terutamanya dibantu dari segi meningkatkan keupayaan dan pengetahuannya. Dan jika perlu, kalau ada kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat madu dipelihara, akan dikenal pasti terutamanya di kawasan-kawasan hutan iaitu madu kelulut atau madu hutan. Ini kalau sekiranya nampak maju dan ada pengusaha yang berminat boleh datang ke Jabatan Pertanian untuk sama-sama melihat perusahaan ini.

Di samping itu pengusaha juga akan dapat risiko dan juga cabaran tentang memelihara madu ini terutamanya kedatangan penyakit dan penggunaan bahan-bahan kimia. Bahan kimia adalah

musuh lebah. Mungkin kawasan-kawasan terhad sahaja dapat digunakan untuk dapat memelihara madu.

Mengenai kambing, sapi dan sebagainya, memang sudah ada kawasan untuk memelihara kambing dan sapi. Pada peringkat ini kebanyakannya penyediaan belumlah *fully integrated*. Kebanyakan pada peringkat pembesaran saja (*grow out*). Ertinya usahanya adalah terhad kepada untuk memberi makan sahaja dan penyembelihan.

Apakah kita akan mencapai tahap sara diri dengan keadaan kita pada masa ini. Memang diakui banyak cabaran untuk meningkatkan pengeluaran deras kepada 60 peratus. Matlamat kita untuk meningkatkan sara diri daripada 3 peratus kepada 60 peratus memang deras. Oleh yang demikian, yang menjadi sasaran ialah infrastruktur dan sistem pengeluaran, terutamanya ladang-ladang dan infrastruktur.

Kalau kita menderaskan pengeluaran ini akan memberikan tekanan kepada ladang dan sebagainya.

Dua tahun lepas pengeluaran beras kita terjejas secara tidak langsung oleh usaha kita meningkatkan secara cepat.

Memang difahami ada beberapa cabaran, dan cabaran itu bukannya tidak dapat ditangani. Akan ditangani tapi memang mengambil masa yang panjang. Jadi insya-Allah apa yang dilakukan pada masa ini ialah

menyiapkan prasarana pengeluaran itu. Ini lebih berkesan dan lebih bermakna kalau kita menyiapkan prasarana itu pada awal ini supaya tidak ada timbul masalah kemudian. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang kita jemput Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

#### **Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat

Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola membawa satu isu di bawah Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Industri halal Negara Brunei Darussalam adalah salah satu industri yang berpotensi yang boleh mengembangkan pasaran produk-produk Brunei Darussalam.

Mengenai dengan Sijil Halal Brunei Darussalam yang memaklumkan bahawa Sijil Halal Negara Brunei Darussalam, belum diakui di negara-negara lain selain negara-negara MABIMS, Majlis Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura. Dari setahun ke setahun pembangunan industri dalam bidang permakanan bertambah maju, membesar dan berkeupayaan untuk mengeksport produk-produk tersebut ke luar negara.

Masalahnya yang dihadapi oleh, pengusaha-pengusaha produk tersebut ialah, negara-negara luar tidak dapat menerima barang-barang kerana Sijil Halal Brunei Darussalam belum berdaftar di negara-negara tersebut. Situasi ini pernah terjadi pada tahun lepas yang syarikat tempatan telah gagal mengeksport ke Negara Emirates Arab Bersatu, dan ini mengakibatkan kerugian kewangan yang besar dan kerugian pasaran yang berpotensi.

Kaola ingin mengetahui:

- 1 Berapa buah negara yang sudah mengakui Sijil Halal Brunei Darussalam?; dan
- 2 Negara-negara manakah yang akan dirancang untuk pendaftaran Sijil Halal Negara Brunei Darussalam ini.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber**

**Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Sebelum kaola menjawab beberapa buah negara sudah mengakui Sijil Halal Negara Brunei Darussalam ini. Kaola ingin menerangkan kedudukan sebenarnya untuk makluman kita semua.

Pensijilan sama ada sesuatu barangan atau proses itu halal atau tidak yakni sijil atau logo halal yang kita kenali sebagai *purple logo*, adalah di bawah

bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui sebuah syarikat milik kerajaan telah memperdagangkan keutuhan sijil atau logo halal yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, melalui jenama user (*commercial brand*) *Brunei Halal*, ia digelar *green logo*.

Cara mendagangkan melalui Brunei Halal adalah satu strategi pemasaran untuk menembusi dan mengenalkan kedua-duanya, sijil halal dan juga Brunei Halal. Dalam pengiktirafan sijil ataupun logo halal (*purple logo*), keluaran Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam oleh mana-mana negara memanglah mustahak diiktiraf tetapi belum mencukupi untuk menembusi pasaran luar negara. Tambahan pula pendaftaran sijil dan logo halal ini melibatkan kos yang tinggi dan proses yang lama di negara yang berkenaan.

Oleh yang demikian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei yang mengeluarkan sijil atau logo halal keluaran Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam ingin menumpukan perdaftaran sijil atau logo halal tersebut mengikut keperluan.

Setakat ini usaha sedang ditumpukan untuk mendaftarkannya di United Kingdom. Memang terdapat perdaftaran itu secara *unofficial recognition* antara negara-negara MABIM, Indonesia dan

Malaysia. Itu adalah perundingan antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Bagi jawapan soalan yang kedua negara manakah yang dirancang untuk didaftarkan sijil atau logo ini, itu memang akan diusahakan di tempat-tempat seperti di Timur Tengah, Eropah dan negara-negara ASEAN supaya sijil ini didaftarkan seperti yang saya sebutkan mengikut keperluan atau mengikut sasaran produk-produk yang menggunakan sijil tersebut.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola ada 3 Tajuk untuk disuarakan. Bagi menjimatkan masa kaola akan memendekkan Yang Berhormat Pengerusi.

1. Pada akhir tahun lepas satu perjumpaan penduduk di Mukim Pedalaman di Daerah Belait dengan pengusaha-pengusaha balak yang dihadiri sama oleh beberapa jabatan Kerajaan termasuk juga Jabatan Perhutanan di Daerah Belait. Perbincangan berkisar mengenai peranan dan cara-cara pihak pengusaha balak dapat membantu pihak Kerajaan dalam sama-sama menjaga keutuhan

jalan-jalan raya di pedalaman. Kaola ingin mencadangkan jika dibenarkan oleh Yang Berhormat Pengerusi iaitu:

- i. Pihak yang berkenaan akan dapat membuat pemantauan dan memeriksa muatan lori-lori itu sebelum mereka membawa muatan keluar ke jalan raya awam. Lori-lori yang muatan melebihi dari yang dibenarkan haruslah diambil tindakan;
  - ii. Sediakan peralatan mekanisme bagi memastikan perkara yang tersebut di atas dapat dilaksanakan;
  - iii. Dicadangkan supaya pihak-pihak *sawmill* yang berkenaan sama-sama juga bertanggungjawab ke atas membaik pulih jalan-jalan raya di pedalaman jika sekiranya didapati lori-lori mereka merosakkan jalan-jalan di kawasan-kawasan yang kaola sebutkan di atas tadi; dan
  - iv. Adakah Jabatan Perhutanan mempunyai perancangan untuk menghadkan bilangan pengusaha balak ini pada masa hadapan dengan menumpukan sepenuhnya pengurusan ekonomi perhutanan ini dengan yang lebih mesra alam lagi.
2. Jabatan Pertanian. Penanam-penanam padi di kawasan Lot Sengkuang Mukim Labi benar-benar memerlukan bantuan air yang

konsisten di sawah mereka dan kawasan tersebut memang sesuai untuk dimajukan dan dipertingkatkan bagi penanaman padi:

- i. Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya, apakah perkembangan mengenai pam air yang ada di Sungai Rempayoh yang kementerian memaklumkan pada sesi mesyuarat tahun lepas untuk dibaik pulih bagi membekal air ke sawah-sawah di Lot Sengkuang?;
- ii. Seperti yang kita maklum bahawa terdapat beberapa geraineka di negara kita sama ada ia dibina oleh jabatan-jabatan Daerah di keempat-empat daerah ataupun dibina atas bantuan pihak ketiga atau swasta. Sesetengahnya tidak atau belum digunakan sepenuhnya atau ada yang langsung belum beroperasi seperti kata peribahasa kitani 'Hidup segan, mati tak mahu'. Dalam hubungan ini kaola ingin bertanya dan mencadangkan sejauh ini pernahkah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sama-sama membantu dalam memberigakan geraineka yang kurang beroperasi itu?; dan
- iii. Dapatkah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menghidupkan semula aktiviti pasar tani seperti yang pernah diusahakan dahulu dengan format dan semangat baharu iaitu kerjasama dengan

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di geraineka-geraineka yang kurang beroperasi itu; dan

3. Tajuk yang terakhir ialah Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola sedikit mengubah suai soalan sahaja iaitu destinasi pelancongan di Negara Brunei Darussalam belum banyak atau sepenuhnya di *expose* kepada orang ramai di negara ini dan juga di negara luar:
  - i. Negara Brunei Darussalam mempunyai keistimewaan dalam memajukan industri pelancongannya kerana negara kita mempunyai *advantage* iaitu mempunyai *stability* yang cukup mantap, aman dan damai kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau di sebelah sini. Oleh itu, kaola ingin bertanya pernahkah Jabatan Pelancongan mengadakan *travel fair* bagi meng*expose*kan destinasi pelancongan yang menarik di negara ini?; dan
  - ii. Dicadangkan untuk menjemput semua *stakeholder* pelancongan seperti perhotelan, syarikat-syarikat penerbangan, agensi-agensy pelancongan, pengusaha-pengusaha kecil pelancongan dan lain-lain dalam dan juga luar negeri demi memberi peluang kepada mereka bersaing secara sihat di samping memberi banyak peluang dan pilihan kepada pelancong-pelancong

tempatan dan luar negeri dan sekali gus mengajar mereka melancong secara baik dan selamat.

Saya berkeyakinan dengan adanya komitmen jitu dari Jabatan Pelancongan, insya-Allah industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam akan berkembang, meningkat dan berjaya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Cadangan itu disambut dengan baik dan akan digunakan jika sekiranya sesuai terutamanya tentang penggunaan jalan-jalan raya dan juga pengawalan di kawasan-kawasan pembersihan itu.

Itu akan diambil kira dan mungkin akan dapat dilaksanakan dalam pelaksanaan pemantauan pembalok-pembalok di kawasan-kawasan hutan dan juga supaya *sawmill* sama-sama akan bertanggungjawab dalam perkara tersebut.

Jabatan Perhutanan menghadkan pengambilan balak. Memang salah satu usaha jabatan pada masa ini, memindah pembalok-pembalok ini kepada satu kawasan antara Sungai Tutong dengan Sungai Belait, *Inter Riverine Zone* melalui kaedah *tree farm*

*land* yang berbentuk *plantation*. Ini memerlukan perundingan antara pembalok-pembalok ini dan juga Jabatan Perhutanan.

Lesen-lesen itu memang sudah tidak lagi dibaharui akan dibiarkan ia mansuh. Di kawasan-kawasan padi di Lot Sengkuang, maklumat yang dapat didapatkan pada masa ini, sungai tersebut telah dibersihkan dan dinaik taraf. Cuma pam yang digunakan adalah tidak sesuai memandangkan kedudukan antara paras air itu jauh. Mungkin pam itu di *design* lagi dengan yang baharu. Insya-Allah, jika sudah berjalan Lot Sengkuang ini akan dapat menghasilkan padi yang menggunakan air yang banyak. Itu mengenai Lot Sengkuang.

Geraineka ini kalau sekiranya tidak menyalahi akan saya maklumkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya akan berunding macam mana boleh kita menangani geraineka yang sudah tidak berfungsi dan macam mana kita akan dapat mengolahkannya.

Jabatan Kemajuan Pelancongan, seperti yang saya sebutkan tadi pada masa ini banyak usaha dilakukan oleh jabatan untuk membangunkan produk pelancongan di negara ini bagi tujuan menarik pelancong-pelancong luar negara dan juga pelancong-pelancong di negara kita. Sebelum kita mengadakan pemasaran yang agresif kita mesti memastikan produk kita ini adalah pada tahap yang baik bagi membolehkan kita bersaing dan bagi



memastikan keyakinan pengguna-pengguna tersebut tentang produk yang akan kita bangunkan.

Adakah kita pernah ke *trade fair*, memang ikut serta dalam *trade fair* di luar negara dan serantau ini. Baru-baru ini, jabatan telah ikut serta dalam satu *trade fair* yang diadakan di Myanmar.

Kita akan berpada-pada dalam memasarkan seperti kemudahan-kemudahan menyelam, kemudahan-kemudahan untuk menikmati hutan dan sebagainya. Mungkin itu sahaja yang dapat saya terangkan dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ada 6 cadangan dan 3 soalan secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi:

1. Tempoh proses permohonan dan jawapan. Isu dan cadangan tempoh proses permohonan memakan masa yang lama. Terdapat kes permohonan yang memakan masa sehingga 2 tahun sebelum mendapatkan kebenaran secara rasmi. Isu ini melibatkan cadangan perusahaan yang dipohonkan akan mansuh dari segi perkiraan

kewangan dan teknologi. Soalan kaola ini sebenarnya Skim Pinjaman SME ataupun *Financial Scheme*;

2. Cagaran bagi mendapatkan Skim Kemudahan *SME*. Isunya skim kemudahan yang diluluskan menghendaki nilai jumlah cagaran yang tinggi. Isu melibatkan skim kemudahan ini tidak mudah untuk dipohonkan. Cadangan, proses penilaian permohonan hendaklah mengambil kira risiko-risiko keberkesanan, perusahaan yang dicadangkan. Cadangan perusahaan yang telah lulus harus mendapat keyakinan pihak kementerian dan perusahaan tersebut akan mendapat pulangan yang lumayan dan kejayaan yang tinggi. Dengan ini, pihak kementerian harus memberi komitmen tinggi dan cagaran yang berpatutan;
3. Sistem pelaksanaan Skim Kemudahan *SME*. Sistem pelaksanaan dalam pengeluaran pembiayaan. Skim Kemudahan *SME* pada masa ini menggunakan *System Progress Claim*. Cadangan Perusahaan yang memerlukan projek pembinaan bangunan umpamanya, disarankan untuk mengandungi pembayaran mobilisasi setelah penghantaran barang-barang bangunan dibuat. Ia dibuat sebelum pembayaran *progress claim* yang pertama;
4. Tempoh memulakan pembayaran balik Skim Kemudahan *SME*. Pada masa ini, tempoh permulaan

pembayaran balik Skim Kemudahan *SME* ini bermula sebelum perusahaan ataupun projek mula beroperasi. Isu ini mengakibatkan operasi aliran kewangan ataupun *cashflow* syarikat akan merosot. Sebelum perusahaan beroperasi sepenuhnya. Cadangan pembayaran balik skim kemudahan ini dibuat setelah operasi dan aliran kewangan ataupun *cashflow* perusahaan syarikat stabil sepenuhnya. Pemantauan perlu dibuat untuk memastikan operasi syarikat benar-benar stabil dan seterusnya menentukan permulaan pembayaran balik pembiayaan;

5. Nilai untung 4 peratus bagi pinjaman Kemudahan Pinjaman *SME*. Nilai untung sebanyak 4 peratus adalah tinggi di samping pembayaran cukai syarikat. Walaupun pada masa ini, alhamdulillah telah pun dimansuhkan cukai korporat yang tidak melebihi \$1 juta, kalau saya tidak silap. Cadangan nilai untung hanya 4 peratus itu, kalau boleh dikurangkan menjadi 2 peratus bagi caj pengurusan. Ini bagi membolehkan pengusaha-pengusaha akan dapat meningkatkan usaha mereka dan permodalan mereka; dan
6. Tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Kemudahan *SME*. Tempoh bayaran balik pinjaman Skim Kemudahan *SME* ini pada masa ini adalah 10 tahun. Jumlah bulanan pembayaran balik pembiayaan tersebut adalah tinggi dan ini akan

mengugat kestabilan koperasi dan aliran kewangan yang disebut *cashflow* syarikat. Dicadangkan supaya bayaran balik pinjaman Skim Kemudahan *SME* ini dipanjangkan kepada 15 tahun.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Adakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bercadang bagi meningkatkan Perusahaan Mikro yang bergiat sekian lama di Pasar Tamu Kianggeh dan Pasar Gadong serta lain-lain kawasan? Kita melihat warisan tamu yang ada beroperasi pada masa ini dan juga petani-petani yang menjual hasil-hasil tani mereka beroperasi di kawasan yang tersebut di atas. Adakah kita mahu meningkatkan kualiti tempat itu supaya mereka ini akan dapat meningkatkan kualiti tempat tersebut dan juga meningkatkan kualiti penjualan bagi kepentingan mereka untuk merancang ekonomi yang lebih baik.

Adakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bercadang untuk membuka ladang padi besar-besar di Ulu Daerah Belait dan Daerah Temburong dengan penumpuan diberikan ke arah pengeluaran beras yang lebih besar? Dengan yang demikian mengurangkan pergantungan pada bekalan beras yang diimport dari luar negeri dan ketika ini kita dalam keadaan defisit, mudah-mudahan ia akan dapat membantu rakyat dan penduduk negara ini bagi mengusahakan ladang-ladang padi yang lebih luas.

Dalam usaha membantu penduduk di perbatasan iaitu dengan negara jiran yang belum kita ketahui, adalah dicadangkan supaya agensi Kerajaan bukan sahaja Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama membantu penduduk kampung dengan menyediakan prasarana infrastruktur seperti apa yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu Ladang Padi Bunga Cawan yang telah diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampong Limau Manis dan ini nampaknya membuah hasil yang baik dan mendapat pulangan kepada pengusaha-pengusaha.

Penduduk negara ini terkenal dengan kerajinan mereka berusaha dan warisan seperti mana yang saya katakan tadi terkenal dengan masyarakat tamu dan menjual hasil pertanian.

Kita juga ingin melihat dan mempelajari dari negara luar iaitu sebagai contoh Ladang Bukit Awang di Kelantan yang mengeluarkan sebanyak 18 tan lada ataupun cili segar pada setiap bulan. Projek perladangan tersebut, secara usaha sama dengan Malaysia dapat menjana hasil ladang untuk dieksport dan sekali gus menjana peluang pekerjaan.

Kita harus yakin pelbagai usaha dapat diterokai bagi mengurangkan kemiskinan dan menambahkan pendapatan penduduk negara ini. Kita ambil contoh saja *Sabli Food* yang mengilang makanan dalam tin boleh membantu usaha kita memberikan pekerjaan begitu juga *Ideal Multifeed*

*Farm* dan *Hussin Rahman* pengeluar daging halal di negara ini.

Kepakaran mereka ini amat diperlukan bagi membantu kita dalam usaha sama-sama menjana ekonomi negara. Yang paling ampuh ialah senjata kita seperti mana tadi dikatakan ialah negara kita Negara Brunei Darussalam terkenal dengan kehalalan secara menyeluruh. Jadi perkara ini kalau dapat dikembangmajukan maka kita akan menjadi satu negara pengeluar makanan halal yang terkenal di seluruh dunia.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabakarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Mengenai Skim Pinjaman itu diambil maklum cadangan-cadangan dan kalau sesuai akan dipertimbangkan. Yang sebetulnya, skim ini dilaksanakan bersama dengan bank-bank komersial (*conventional bank*), Bank Islam Brunei Darussalam (*BIBD*) dan *Baiduri Bank* dan mereka tertakluk kepada *lease credit and leases* masing-masing.

Kedua, dalam menimbang untuk memajukan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana ini, badan khas akan

diberikan satu tugas untuk melihat kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan ini supaya dapat disatukan dan dapat digunakan untuk memajukan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Skim itu akan dapat disesuaikan dan mudahan-mudahan ini akan dapat memajukan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana melalui kemudahan-kemudahan kewangan.

Mengenai perusahaan tamu dan sebagainya itu, nanti saya akan menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang macam mana kita boleh memajukan perusahaan seperti ini.

Yang penghabisan ialah mengenai di Daerah Temburong dan Daerah Belait akan dijadikan tempat perusahaan padi secara besar-besaran.

Dirancangkan kita cuma akan membuka dalam 3,000 hektar sahaja dan penggunaan secara besar-besaran adalah terhad. Dalam keadaan yang terhad, kita akan meningkatkan pengeluarannya ataupun produktiviti. Itu yang akan diusahakan melalui penyediaan infrastruktur perladangan yang baik dan pengetahuan penghasilan yang baik.

Kalaupun dibuat pengeluaran secara besar-besaran di Daerah Temburong ia akan menjejaskan kawasan Temburong dan juga menjejaskan nama Temburong sebagai satu daerah yang hijau dan sebagainya. Jadi ditegah sama sekali di Daerah Temburong itu terutamanya di kawasan Piasau-Piasau yang terkenal

dengan kawasan tanah gambut. Kawasan itu memang tidak sesuai untuk bertanam yang dulu dikenal pasti sebagai kawasan bertanam padi.

Di Kuala Belait, seperti di Lot Sengkuang yang akan dibukakan itulah saja yang ada dan mungkin ditambah sedikit. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi untuk menjelaskan soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita telah mendengar soalan-soalan dalam beberapa cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik berkenaan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun menjawab ataupun memberikan responsnya terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan.

Saya sekarang ingin untuk mencadangkan supaya Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SH01A hingga SH06A diundi untuk diluluskan ataupun sebaliknya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Alhamdulillah semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber

Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Alhamdulillah kita sudah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya, maka saya kira adalah bersesuaian bagi Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula ke Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin untuk menangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita pada hari ini dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada esok harinya iaitu hari Rabu, 27 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan dengan 18 Mac 2015 Masihi pada pukul 9.30 pagi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 27 Jamadilawal 1436H / 18 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.



Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu hari yang kesepuluh, Rabu, 27 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 18 Mac 2015 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua maka kita dapat lagi pada pagi ini meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kesepuluhnya. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada pagi ini seperti lazimnya, kita akan lebih dahulu membincangkan Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis. Alhamdulillah

sehingga hari ini, kita telah menyelesaikan 38 Soalan Yang Telah Diberi Notis yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga telah pun dijawab oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Oleh yang demikian, pada pagi ini, kita akan menyelesaikan soalan yang terakhir dari Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan yang akan dikemukakan itu ditujukan kepada Kementerian Kesihatan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Soalan No. 39 iaitu soalan yang terakhir Yang Telah Diberi Notis daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Kementerian Kesihatan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Soalan kaola pada pagi ini, ditujukan kepada Kementerian Kesihatan iaitu mengenai Kebersihan Restoran.

Restoran-restoran yang tertutup dapurnya dari pandangan orang ramai boleh membawa kesangsian dan keraguan dari segi kebersihan dan cara pengendalian menyediakan makanan. Penyedia makanan yang tidak jujur boleh saja menyediakannya tanpa menghiraukan kebersihan kerana beranggapan pelanggan tidak melihat mereka dalam dapur yang tertutup. Dalam mengatasi masalah ini, terdapat juga sebahagian kecil pengusaha

restoran yang menyediakan ruang dapur yang berdingding kaca dan jelas dapat dilihat tingkah laku pekerjaannya dan memasang CCTV di bahagian dapur agar dilihat oleh majikan menerusi monitor di kaunter depan.

Kaola ingin bertanya:

1. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian yang berkenaan untuk meyakinkan lagi pelanggan-pelanggan tentang kebersihan penyediaan makanan dan minuman di restoran-restoran dan kedai-kedai makan?; dan
2. Adakah cadangan untuk menambahkan syarat penggredan untuk mendapatkan Gred "A" dengan membina dapur yang boleh menampakkan kegiatan pekerja yang menyediakan makanan dan juga pemasangan CCTV bagi memata-matai pekerja dapur selain mengutamakan kebersihan?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit terhadap

perkara yang ditimbulkan yang berkaitan dengan kebersihan penyediaan makanan dan minuman di restoran-restoran dan kedai-kedai makan. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya melalui Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian dalam melindungi kesihatan awam di negara ini. Ini termasuklah melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif untuk memastikan makanan yang dijual di negara ini bersih dan selamat untuk dimakan.

Dalam pada itu, para pemilik atau pengurus restoran dan kedai makan juga berperanan penting dan bertanggungjawab untuk memastikan pekerja-pekerja mereka menyediakan makanan iaitu bukan sahaja menyediakan makanan yang menyelerakan bahkan yang mustahak hendaklah dipastikan makanan tersebut berkeadaan selamat, halal, bersih dan bebas daripada pencemaran dengan mengamalkan tatacara pengendalian makanan yang baik dan yang telah ditentukan.

Dalam aspek keselamatan makanan yang merangkumi kebersihan penyediaan makanan dan minuman di restoran-restoran dan kedai-kedai makan, Kementerian Kesihatan berperanan memantau keselamatan makanan mengikut piawaian antarabangsa dan amalan terbaik dan

dilakukan oleh Merinyu Kesihatan Terlatih.

Antara prinsip asas yang difokuskan ialah kaedah perlindungan makanan (*protection of food*) serta kebersihan premis makanan, penyediaan, penyimpanan, pengendalian dan penjualan makanan. Pemantauan sentiasa dilakukan melalui pemeriksaan dalam aspek-aspek secara rutin ke atas premis-premis makanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Semasa permohonan baharu, pembaharuan lesen perniagaan dan semasa proses penggredan restoran, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan terlibat bersama dengan Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah serta agensi-agensi yang berkepentingan.

Jika terdapat aduan-aduan daripada orang ramai mengenai kebersihan dan keselamatan makanan di premis makanan, maka merinyu-merinyu kesihatan akan mengadakan lawatan dengan serta-merta. Ini juga termasuklah jika ada berlaku sebarang kes keracunan makanan, dengan serta-merta pihak Kementerian Kesihatan akan bertindak melakukan pemeriksaan dan penyelidikan bagi memastikan punca-punca keracunan makanan tersebut.

Semasa pemeriksaan ke atas premis-premis makanan, hasil pemeriksaan akan dikongsikan serta-merta dengan pengurus atau penyelia premis berkenaan. Jika terdapat masalah-masalah yang berkaitan dengan keselamatan makanan termasuk isu kebersihan premis, pengurus premis

juga akan dipanggil untuk sesi kaunseling di Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan bagi sama-sama memperbaiki status kebersihan dan keselamatan makanan di premis tersebut.

Mana-mana premis yang tidak dapat memperbaiki status kebersihan dan keselamatan makanan, ianya akan disokong kepada agensi-agensi yang berkuasa seperti Lembaga Bandaran dan Jabatan Daerah bagi penutupan sementara untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan dan pembersihan dilakukan. Sokongan penutupan sertamerta juga diambil jika premis makanan didapati mempunyai tahap kebersihan yang rendah atau pencemaran haiwan pembawa penyakit seperti tikus atau lipas.

Tindakan tegas diambil, misalannya pada tahun 2013 sahaja sebanyak 42 premis makanan telah disokong bagi penutupan, manakala 51 premis telah disokong untuk ditutup pada tahun 2014. Ini semata-mata bagi memastikan makanan yang disediakan untuk dijual kepada orang ramai berkeadaan selamat, bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran untuk dimakan.

Untuk makluman juga, salah satu syarat pelesenan bagi restoran atau kedai makan, semua pengendali makanan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan bagi memastikan pengendali-pengendali makanan di negara ini mempunyai kesihatan yang baik. Proses pemeriksaan itu termasuklah bebas

daripada penyakit kulit dan *respiratory*, pemeriksaan *x-ray*, pemeriksaan contoh najis dan juga diberikan suntikan *typhoid*.

Sijil Kesihatan akan dikeluarkan jika didapati pengendali-pengendali makanan disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan. Kementerian Kesihatan juga menghendaki setiap pengurus, penyelia dan pengendali makanan menghadiri kursus pengendalian makanan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, kursus ini termasuklah topik-topik pengurusan premis makanan yang baik, keselamatan cara kerja di premis makanan, pemakanan sihat dan seimbang. Memastikan tidak ada keracunan makanan dan perundangan yang berkaitan dengannya.

Untuk makluman, Kementerian kesihatan pada masa kini telah meneliti untuk mencadangkan bagi memperkenalkan peraturan baharu iaitu Peraturan Kesihatan Awam (Kebersihan Makanan) di bawah Akta Kesihatan Awam dalam usaha untuk memantapkan dan memperkesakan lagi usaha kementerian dalam memastikan keselamatan makanan terjamin dan melindungi kesihatan awam.

Dalam waktu yang sama, peraturan ini akan memberikan panduan yang lebih komprehensif dan jelas kepada pemilik dan pengurus premis makanan terhadap kebersihan premis dan keselamatan makanan. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga sedang merangka Perintah Kesihatan Awam (Kesihatan

dan Kebersihan Alam Sekitar) yang akan membolehkan kementerian ini mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mana-mana premis perniagaan termasuk premis makanan yang mempunyai tahap kebersihan yang tidak memuaskan. Ini semata-mata untuk memastikan premis-premis perniagaan termasuk premis makanan sentiasa dalam keadaan yang bersih dan tidak menjejaskan kesihatan awam.

Manakala soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi iaitu inisiatif penggredan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa penggredan ini adalah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Kementerian Kesihatan juga berperanan memastikan prinsip-prinsip asas keselamatan makanan dipatuhi oleh premis-premis makanan.

Dalam hal ini, komponen-komponen yang dinilai terkandung dalam penggredan ini termasuk kebersihan premis, kemudahan-kemudahan yang disediakan di premis berkenaan serta keadaan prasarana dan pengendali makanan.

Kementerian Kesihatan berperanan memastikan prinsi-prinsip asas keselamatan makanan dipatuhi oleh premis-premis makanan yang menyertai inisiatif ini yang menyumbang kepada 80 peratus markah penggredan. Manakala 20 peratus selebihnya dinilai pemarkahan ini oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Alam Sekitar,

Taman dan Rekreasi mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Manakala berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk menambah syarat penggredan yang dimaksudkan ini, saya percaya perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana ia termasuk dalam bidang kuasa dan kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Cadangan Yang Berhormat bagi pembinaan dapur yang menampakkan kegiatan pekerja yang menyediakan makanan dan juga pemasangan CCTV ini bagi memata-matai pekerja dapur yang sebenarnya bukanlah salah satu kriteria asas keselamatan makanan dan bukanlah menjadi amalan terbaik antarabangsa.

Apa yang mustahak perlu diambil perhatian ialah tanggungjawab dan kesedaran pemilik, pengurus dan juga penyedia-penyedia makanan sendiri dalam memastikan makanan yang disediakan bersih dan selamat serta bebas daripada sebarang pencemaran kepada orang ramai.

Sekianlah yang dapat saya terangkan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita sudah pun selesai dan menghabiskan perbincangan bagi Perkara IV iaitu Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis. Sebanyak 39 Soalan Yang Telah Diberi Notis yang telah

dikemukakan di dalam sidang Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan telah juga mendapat respons atau jawapan Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita masih lagi terdapat banyak perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dengan segeranya dalam Persidangan Jawatankuasa, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016.

Alhamdulillah, sehingga hari ini mesyuarat yang bersidang selaku Jawatankuasa telah menyelesaikan 8 buah kementerian dan jabatan iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan semalam Kementerian Pembangunan.

Walau bagaimanapun, kita masih lagi mempunyai 4 buah kementerian dan Tajuk Kemajuan yang perlu kita bincangkan dan perlu kita luluskan. Sementara itu kita masih lagi ada perkara-perkara lain yang perlu kita selesaikan iaitu Perkara VIII iaitu Ketetapan Bilangan 1, Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan Ketetapan Bilangan 2, Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136).

Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, sehingga hari ini kita telah memasuki hari yang Ke-10. Masa telah berlalu begitu cepat. Anggaran Belanjawan ini perlu diluluskan dengan sesegeranya bagi membolehkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan dapat menggunakan peruntukan kewangannya bermula dari 1 April 2015. Dalam pada itu juga, saya telah difahamkan bahawa ramai Ahli Yang Berhormat mempunyai urusan-urusan dan komitmen-komitmen rasmi di dalam dan di luar negara dan di samping itu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai urusan-urusan mengenai persediaan-persediaan Istiadat Perkahwinan Diraja yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Maka saya berpendapat kita perlu menyelesaikan perkara-perkara yang ada di hadapan kita ini dengan sesegeranya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita membincangkan Rang Anggaran Belanjawan, saya sekali lagi ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu semasa membincangkan Rang Anggaran Belanjawan di Peringkat Jawatankuasa nanti biarlah pertanyaan atau soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik itu lebih tertumpu kepada isu-isu yang ingin dibangkitkan.

Saya kira tidaklah perlu kita memberikan huraian-huraian pengenalan yang panjang lebar. Begitu juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan biarlah lebih memfokuskan terhadap soalan-soalan

yang dikemukakan itu sahaja. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberikan kerjasama yang selayaknya mengenai perkara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya untuk membincangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu per satunya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membincangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu per satu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang ingin membuat pernyataan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada tempoh hari. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Wahamatullahi Wabarakatuh. Kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat

Pengerusi untuk kaola menambah lagi penjelasan yang telah kaola berikan pada 12 Mac 2015 yang lalu mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar khususnya mengenai tanggapan bahawa terdapatnya fenomena yang sedang berlaku iaitu syarikat kecil-kecilan mula mendaftarkan syarikat tersebut sebagai Syarikat Sendirian Berhad dan hanya beroperasi dalam skala kecil sahaja yang kebiasaannya hanya menyewa ruang kecil (kedai kecil) yang diusahakan sepenuhnya oleh warganegara asing.

Menurut Yang Berhormat tersebut mungkin sahaja pendaftaran syarikat sendirian berhad membolehkan individu-individu yang dilantik sebagai *Board of Directors* atau pemegang saham untuk menetap di Negara Brunei Darussalam secara berpanjangan. Kaola sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi menjelaskan perkara ini, kaola lebih dahulu ingin mengongsikan beberapa maklumat.

Penubuhan Pendaftaran Syarikat Sendirian Berhad iaitu di bawah Akta Syarikat menghendaki setiap syarikat untuk mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang Pengarah Syarikat (*Directors*). Bagi Lembaga Pengarah yang mempunyai 2 ahli sahaja sekurang-kurangnya 1 orang daripada ahli hendaklah berstatus *Ordinarily Resident* dan jika Lembaga Pengarah mempunyai

lebih dari 2 orang ahli, sekurang-kurangnya 2 orang daripada ahli berkenaan hendaklah berstatus *Ordinarily Resident*. *Ordinarily Resident* ini bermaksud warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, warga asing juga boleh memohon untuk didaftarkan sebagai *Ordinarily Resident* tertakluk kepada kebenaran daripada Kementerian Kewangan lebih dahulu. Kebenaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi memastikan warga asing ini benar-benar mampu menyumbang kepada perekonomian negara seperti yang dihasratkan.

Oleh itu, antara kriteria yang ditetapkan dalam nilai permohonan selaku *Ordinarily Resident* termasuklah mempunyai latar belakang profesional yang bersesuaian dengan perniagaan atau pelaburan yang akan dikendalikan, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan telah menyediakan *business plan* yang teratur bagi perniagaan yang akan dijalankan.

Sejak garis panduan ini diperkenalkan pada tahun 2012, hanya 6 permohonan telah dibenarkan dari 15 permohonan yang diterima. Manakala, 5 permohonan lagi ditolak dan selebihnya 4 permohonan masih memerlukan maklumat lanjut bagi penilaian. Walau bagaimanapun, tidak ada satu pun syarikat yang memohon atau dibenarkan itu terlibat dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dinyatakan seperti syarikat gunting rambut, potong rumput, kedai runcit dan syarikat menjual kain.

Di samping itu, mana-mana syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat juga dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Tahunan (*Annual Return*) ke Pendaftar Syarikat-syarikat, mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (*Annual General Meeting*) dan jika memperolehi keuntungan akan dikenakan cukai korporat.

Di samping itu, pada tahun 2014, Akta Syarikat juga telah dipinda bagi meningkatkan lagi ketelusan dalam pemilihan syarikat-syarikat. Melalui pindaan tersebut, syarikat-syarikat dikehendaki untuk mendedahkan penama (*nominee*) pemegang saham dan mengeluarkan tegahan terhadap pengeluaran waran saham.

Oleh itu, berdasarkan maklumat dan fakta-fakta di atas, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa tanggapan syarikat-syarikat kecil ini ditubuhkan sebagai Syarikat Sendirian Berhad di bawah Akta Syarikat-syarikat dan dimiliki oleh pekerja-pekerja asing untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dinyatakan nampaknya kurang tepat.

Di sini, kaola juga ingin menarik perhatian, alhamdulillah terdapat juga syarikat-syarikat milik perniagaan tempatan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat telah secara aktif menjalankan perniagaan mereka dan menyumbang kepada perekonomian negara.



Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan syarikat-syarikat yang berdaftar atas nama pemilik-pemilik tempatan tetapi dukacita didapati tidak aktif beroperasi, malahan terdapat mereka yang membenarkan lesen perniagaan syarikat mereka digunakan oleh warga asing untuk menjalankan perniagaan. Hal inilah, kemungkinan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang pemilik-pemilik syarikat tempatan telah menyalahgunakan lesen perniagaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi kegunaan perniagaan warga asing tersebut.

Menyentuh mengenai kedudukan warga asing yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat atau selaku pemegang saham yang menetap di negara ini, kaola ingin menekankan bahawa lantikan sebagai Lembaga Pengarah Syarikat atau pemegang saham tidaklah secara automatik melayakkan mereka untuk mendapat *work permit* dan tinggal menetap di negara ini, apatah lagi untuk membawa masuk keluarga mereka.

Permohonan *work permit* merupakan proses berasingan yang perlu dipohonkan dan dinilai secara bebas oleh Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Malahan *Government Link Company* sendiri yang berhasrat untuk membawa masuk pekerja warga asing perlu untuk menjalankan proses permohonan yang sama.

Dalam hal ini, kaola berpendapat bahawa bagi membantu Kementerian Kewangan dan Pendaftar Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan untuk meneliti perkara ini dengan lebih lanjut, kaola amatlah mengalu-alukan jika terdapat maklumat-maklumat berkaitan secara spesifik yang akan membolehkan penyiasatan dan penelitian mengenainya dibuat bersama-sama agensi-agensi yang berkenaan agar isu yang ditimbulkan ini akan dapat kita tangani secara berkesan dan secara bersepadu. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mula-mula sekali ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang akan kaola sentuh di sini ialah dalam perbincangan mengenai tempoh sah laku pasport mengapa ia tidak dapat digunakan apabila ia hanya mempunyai tempoh sah laku 6 bulan sahaja lagi.

Dalam menjawabnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memaklumkan bahawa apa yang disampaikan kepada beliau dalam laluan ini ialah *ICAO*. *ICAO* adalah sebuah badan khusus atau *Specialised Agency of United Nation*. Ia berfungsi sebagai

pihak yang mengawal selia industri perhubungan udara ini.

*ICAO* dalam *guidelinenya* atau *Annex 9* mengenai *facilitation* atau pasport ini, hanya memerlukan bahawa tiap-tiap pengembara atau tiap-tiap mereka yang menggunakan industri terbang daripada satu negeri ke satu negeri dengan industri pengangkutan udara ini mestilah mempunyai tempoh sah laku dan *ICAO* tidak menetapkan tempoh sah laku ini. Hanya yang ditetapkan oleh *ICAO* ialah *recommendation* bahawa mulai tahun 2014, pasport ini mestilah dalam bentuk apa yang dipanggil *Machine Readable Passport*.

Apa yang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah *IATA*. *IATA* ini Yang Berhormat Pengerusi ialah *Code Trade Association for the World's Airline representing some 250 airlines or 84 percent of total air traffic*. Jadi kaola difahamkan bahawa ada satu keperluan *IATA* ini yang dipanggilkan *Timatic* tetapi kaola tidak sempat untuk menelitinya secara mendalam.

Jadi kaola serahkan perkara ini, kalau dapat Yang Berhormat Pengerusi atas *indulgence* Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menghuraikannya lagi secara *detail*. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Beliau sebenarnya telah menarik perhatian kaola beberapa hari yang lalu kepada *statement* yang kaola buat sewaktu memberikan penjelasan berhubung dengan sah guna atau sah pakai pasport dalam soalan yang dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai tempoh 6 bulan. Kaola telah mengcode *ICAO*.

Berikutan daripada itu, kaola telah merujuk balik kepada sumber-sumber yang ada pada kaola dan dalam beberapa hari ini mendapati kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah betul. Adapun *IATA* iaitu *International Air Transport Association* atau Persekutuan Pengangkutan Udara Antarabangsa telah dari sebulan ke sebulan mengeluarkan apa yang dinamakan *Table Information Manual (TIM)* dan dalam *Table Information Manual* inilah menyatakan *practice* atau amalan yang dilakukan oleh kebanyakan negara berhubung dengan sah laku atau sah guna atau sah pakai pasport.

Ada negara menetapkan tidak lebih atau tidak dalam masa 3 bulan sebelum berakhirnya sah laku pasport. Ada negara yang menetapkan selama 6 bulan. Berdasarkan perkara inilah, maka pihak berkenaan kita berdasarkan daripada maklumat yang dipakai oleh *TIM* atau yang telah dikeluarkan oleh *IATA* itu yang *IATA* telah

memberikannya *stakeholders* yang terdiri daripada syarikat penerbangan dan *travel agents*.

Itulah menjadi amalan antarabangsa dan kita di Brunei mengikut sebagaimana 6 bulan itu adalah dalam *TIM* ini. Yang terakhir ialah pada bulan Febuari, Malaysia dan Singapura mengamalkan tempoh 6 bulan sebagaimana juga kita. Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi memberi kesempatan ini dan terima kasih terutamanya rakan kaola Yang Berhormat Menteri Perhubungan kerana menarik perhatian abiskaola kepada perkara ini. Dengan itu kenyataan kaola semasa menjawab pada hari Khamis sebelah petang itu dapat diperbetulkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada mesyuarat Jawatankuasa yang bersidang pada petang semalam kita telah selesai membincangkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Oleh yang demikian, kita akan beralih kepada kementerian seterusnya.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Jawatankuasa membincangkan sekarang Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum saya membukakan Tajuk

ini untuk dibahas, saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin menyampaikan mukadimahnya mengenai Anggaran Belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Anbiya' Walmursaleen Sayyidina  
Muhammaddin Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Ba'adu.

Kaola sukacita mengambil kesempatan ini untuk lebih dahulu memberikan sedikit latar belakang Kementerian Hal Ehwal Ugama. Menggalas dan menandai tanggungjawab bagi kepentingan agama, bangsa dan negara adalah merupakan agenda utama setiap agensi Kerajaan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama turut sentiasa untuk mencapai Wawasan Negara 2035 menerusi visinya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna ke arah mencapai  
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ (negara yang aman sejahtera dengan mendapat keredhaan dari Allah Subhanahu Wata'ala Yang

Maha Pengampun). Kaola tertarik dengan tema, Tahun Kewangan pada kali ini berbunyi "Model Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif." Tema ini amat tepat dan relevan dengan hasrat negara kita kerana sama ada disadari atau tidak tema ini meliputi hal-hal duniawi dan ukhrawi. Ungkapan pembangunan inklusif bermaksud pembangunan yang menyeluruh. Ertinya tema ini bukan sahaja melihat kemasyhuran kecemerlangan di dunia malah juga kebahagiaan dan kecemerlangan di akhirat.

Insan yang akan dilahirkan itu adalah nilai akhlak yang berkualiti dan mempunyai ciri-ciri keduniaan dan keakhiratan. Hanya dengan kualiti sedemikian seorang hamba Allah itu akan selamat di dunia dan di akhirat. Dalam pandangan Islam, modal insan itu dapat dianggap berkualiti jika ia jahil dan tidak mengamalkan ajaran agamanya. Tetapi dia akan dianggap berkualiti jika dia memberikan perhatian kepada dua-dua aspek tersebut. Kaola kira inilah modal insan yang ingin dilahirkan dalam Wawasan Negara 2035.

Di sinilah peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu:

- i. Memberikan penumpuan kepada menyebarkan dakwah dan syiar Islam di seluruh negara;
- ii. Memperkukuhkan pendidikan Islam khasnya dalam kalangan generasi muda;
- iii. Mempertingkatkan kemahiran dan kualiti bekerja dengan iman dan takwa;
- iv. Menyediakan prasarana keagamaan bagi kemudahan beribadah dan membuat amal kebajikan;
- v. Melaksanakan perkara amar makruf dan nahi mungkar;
- vi. Mengukuhkan undang-undang negara yang berpandukan hukum syarak;
- vii. Berusaha memastikan makanan orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam ini adalah halal dan sebagainya lagi.

Semuanya ini bukanlah tugas ringan, namun atas kerjasama erat dari semua pihak dan semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dan atas perasaan tanggungjawab bersama sebagai orang Islam, maka tugas-tugas yang berat itu, alhamdulillah sedaya upaya telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Antara prasarana pendidikan agama yang telah dapat dimulakan pembinaannya pada awal tahun ini ialah pembinaan Sekolah Arab Kampong Katok dan Sekolah Arab Kampong Rimba, yang menelan belanja kira-kira \$100 juta, insya-Allah akan menjadi mercu tanda pendidikan agama dan bahasa Arab di negara kita.

Dalam rancangan yang terdekat ini pula, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala beberapa buah masjid yang dikira akan

menyerlah dan dapat menampung kapasiti jemaah yang ramai di kampung-kampung berkenaan akan dimulakan pembinaannya sedikit masa lagi iaitu di Kampong Tanah Jambu, Kampung Meragang dan Kampung Mengkubau. Prasarana lain adalah juga dalam proses untuk dilaksanakan.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memberikan peruntukan sebanyak \$261,190,500.00 iaitu berlebihan sebanyak \$1,167,330.00 berbanding dengan Peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015. Dengan peruntukan ini, insya-Allah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya akan memanfaatkan dengan sebaik-baiknya dengan berhemah dan berjimat.

Satu perkara penting yang perlu kita sedari bersama sebagai orang Islam bahawa apa jua perbelanjaan yang kita curahkan untuk kemajuan agama, insya-Allah akan mendapat balasannya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dapat dilihat keberkatannya di dunia ini sebelum di akhirat.

Sokongan semua pihak baik agensi kerajaan mahupun bukan Kerajaan dalam sama-sama menaikkan syiar Islam, insya-Allah akan dapat merealisasikan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir *بلدة طيبة ورب غفور* sebagaimana juga firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ، وَهُوَ خَيْرُ الرَّزُقِينَ ﴿٢١﴾

Surah Saba' ayat 36, ertinya "*dan apa-apa sahaja yang kamu dermakan atau belanjakan maka Allah akan menggantikannya dan dialah juga sebaik-baik pemberi rezeki*".

Daripada ayat ini menunjukkan bahawa insya-Allah apa jua kita belanjakan kerana niat, kerana agama insya-Allah akan mendapat balasan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang sebaik-baiknya. Demikianlah, Yang Berhormat Pengerusi ucapan mukadimah kaola. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Alhamdulillah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas kenyataan yang telah dibuat itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bukannya sekarang Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kenyataan untuk turut serta dalam Tajuk ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana telah banyak membina beberapa buah Sekolah Menengah Arab dan beberapa buah masjid di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya dalam Musim Permesyuaratan

yang lepas ada disebutkan peruntukan beberapa buah masjid dan sekolah yang akan dilaksanakan, antaranya Masjid Tanjong Bunut yang telah dipohonkan pada tahun 2009 dan memulakan kerja pembinaan kalau tidak silap kaola pada tahun 2014 dan sekarang ini tergendala.

- i. Apakah sebab kerja tersebut tergendala hingga ke hari ini dan bilakah projek ini akan diteruskan hingga selesai? kerana masyarakat di kawasan tersebut bertanya dan menunggu-nunggu bila masjid ini akan dapat disiapkan;
- ii. Masjid Kampong Masin mengenai pembesarannya?;
- iii. Masjid Tanjong Nangka yang telah diberikan peruntukan dan tanah tapak bangunan tersebut telah diwakafkan oleh hamba Allah yang berkenaan?;
- iv. Masjid Kampong Lumapas yang akan di *upgrade* atau dinaik taraf?;
- v. Masjid Kampong Kasat?; dan
- vi. Masjid Kampong Junjungan?.

Pembinaan sekolah agama yang juga mendapat perhatian sama ada untuk diubah suai ataupun dibina. Antaranya ialah:

- i. Sekolah Ugama Kampong Limau Manis yang pada masa ini menumpang di bangunan Kementerian Pendidikan;

- ii. Sekolah Ugama Kampong Pengkalan Batu juga menumpang di bangunan Kementerian Pendidikan;
- iii. Sekolah Ugama Kasat iaitu dalam keadaan yang perlu diperbaiki;
- iv. Sekolah Ugama Junjungan juga menumpang di bangunan Kementerian Pendidikan; dan
- v. Sekolah Ugama Madewa.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya jua mengenai agihan zakat. Dalam mengendalikan bantuan disalurkan melalui Majlis Ugama Islam Brunei ataupun MUIB, apa yang saya maklum bahawa ada beberapa jenis bantuan yang dihulurkan. Antaranya ialah:

- i. Bantuan sara hidup;
- ii. Bantuan perumahan tempat tinggal sementara; dan
- iii. Bantuan membina rumah penempatan dan seumpamanya.

Antara yang disebutkan di atas adakah Majlis Ugama Islam Brunei menggunakan dana daripada wang zakat sepenuhnya kepada pemohon-pemohon yang berhajat untuk memohon atau ada dana lain selain daripada wang zakat?

Pada kebiasaannya tempoh menunggu bagi seorang pemohon untuk mendapatkan bantuan perumahan, apa

yang jelas bagi bantuan rumah, tempat kediaman ia mengambil masa yang agak lama. Adakah mekanisme yang lain yang boleh mempercepatkan proses memberikan bantuan yang lebih cepat?;

Sebagai satu cadangan apakah kiranya dana wang zakat yang begitu banyak dapat dikembangkan, maksud kaola ada usaha membina madrasah ataupun institusi pendidikan, supaya peminta bantuan ini dapat kita ubah mindanya dengan cara diberikan latihan kemahiran hidup atau *skill* yang begitu *simple* yang boleh diikuti oleh mereka di samping memberikan bantuan secara tunai, tanpa ada apa-apa program dibuat untuk mereka.

Kita berpendapat dengan hanya memberikan bantuan tidak akan dapat menyelesaikan masalah, kerana kata pepatah Cina purba mengatakan '*kalau untuk memberi orang makan ikan, jangan diberi ikannya, tetapi berikan ia pancing agar ia dapat mencari ikan*'.

Kita melihat orang yang pernah mendapat bantuan selama 1 tahun hingga 7 tahun, apabila habis tempoh mereka akan memohon bantuan sekali lagi dan berterusan. Oleh itu perlu ada usaha untuk mereka ini tidak mengharap bantuan sepanjang hayat ataupun berterusan. Dalam perangkaan Majlis Ugama Islam Brunei, barangkali itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Ugama mahu menjawab sekarang ataupun mahu menunggu semua soalan yang lain dikemukakan. Macam mana Yang Berhormat?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Orang yang lain dikemukakan dahulu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kementerian Hal Ehwal Ugama, meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengemukakan soalan-soalan mereka dan ia akan membuat persediaan untuk menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu sesudah semuanya dikumpulkan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Soalan kaola mengenai tenaga bilal di masjid-masjid. Apa yang kaola maklum, ada antara masjid tidak mempunyai bilal.

i. Adakah usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama mewujudkan jawatan bilal ini, iaitu adakah ada ataupun sebaliknya?

ii. Berapa ramaikah bilal yang ada pada masa ini?

2. Kaola mencadangkan, supaya masjid-masjid yang belum mempunyai tempat menguruskan pemandian jenazah, akan disediakan tempat atau bilik yang bersesuaian untuk melaksanakan kewajipan fardu kifayah tersebut.
3. Dalam kesempatan ini jua kaola mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana kawasan Zon 2 daripada 3 buah Zon perpindahan telah pun menerima peruntukan untuk membina masjid. Kaola mewakili penduduk berkenaan mengucapkan terima kasih dan kalau dapat dipercepatkanlah pembinaan tersebut. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
 Rabbil'alameen, Wassalaatu  
 Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya'  
 Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin  
 Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
 Assalamualaikum Warahmatullahi  
 Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
 Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli  
 Yang Berhormat. Kaola akan  
 membawakan 3 perkara dalam Tajuk SJ  
 - Kementerian Hal Ehwal Ugama:

1. Mengenai bantuan rawatan di *Jerudong Park Medical Centre (JPMMC)* melalui Majlis Ugama Islam

Brunei, bagi pemohon pemegang kad pengenalan (kad pintar) berwarna merah, ungu dan hijau. Apakah Majlis Ugama Islam Brunei mempertimbangkan bagi pemohon pemilik kad pengenalan warna merah, ungu dan hijau sebagai Penduduk Tetap yang sudah lama tinggal di negara ini, untuk menerima rawatan perubatan di sana?

2. Kaola juga ingin menimbulkan mengenai e-Kubur. Diketahui umum dan difahamkan hampir semua tanah perkuburan orang Islam khususnya di Daerah Temburong, melalui Majlis Ugama Islam Brunei telah pun diberi nombor di batu-batu nisan dan dibahagi-bahagikan mengikut zon-zon tertentu. Tujuannya mengemaskinikan dan mengenal pasti kedudukan tanah-tanah perkuburan dan hubungannya dengan tanah-tanah perkuburan orang Islam yang lain di samping mengenal pasti ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan yang berkenaan. Kaola ingin bertanya setakat manakah Program e-Kubur ini telah dilaksanakan?
3. Isu pengeluaran zakat harta telah dibangkitkan dalam khutbah Jumat pada 6 Mac 2015 lalu, sebagai galakan orang Islam di negara ini untuk mengeluarkan zakat harta masing-masing. Dalam mencapai



hasrat ini dan dalam memberikan keyakinan kepada orang ramai, ia memerlukan maklumat yang perlu disampaikan dan mudah difahami oleh rakyat di negara ini yang beragama Islam untuk mengetahui usaha ke arah pengurusan zakat harta oleh pihak yang berwajib agar rakyat lebih yakin bahawa urusan tersebut berjalan dengan baik, lancar dan efisien.

Kaola ingin tahu dan minta penjelasan mengenai hasil pengauditan wang zakat harta termasuk zakat fitrah yang dikutip setiap tahun iaitu jumlah yang terkumpul, penggunaannya dan pengagihannya?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Mengenai pensijilan halal. Antara proses yang dilakukan oleh pemohon yang hendak mendapatkan pensijilan halal ialah

melengkapkan dokumen dengan menyenaraikan bahan-bahan dan seumpamanya untuk dihadapkan kepada Bahagian Kawalan Makanan Halal untuk proses selanjutnya. Terdapat maklumat bahawa tugas tersebut dilaksanakan antaranya oleh orang-orang bukan beragama Islam.

Sekiranya perkara ini berlarutan dan tidak ada pemantauan, ditakuti akan timbul kewahaman orang Islam terhadap pengurusan pensijilan halal. Meskipun proses yang saya sebutkan tadi, di luar bidang kuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal, namun ia juga menjadi sebahagian daripada kewajipan pihak berkenaan untuk meyakinkan orang ramai akan kesahihan dan kehalalannya, menjauhkan kewahaman dan keraguan mereka. Pensijilan halal ini juga merupakan salah satu daripada syiar Islam negara ini yang mesti dipelihara sesuai dengan wawasan Negara Zikir. Soalan saya bolehkah pihak kementerian meminda atau menambah dalam syarat atau peraturan iaitu dalam proses untuk mendapatkan pensijilan halal hendaklah dikendalikan sepenuhnya oleh orang-orang Islam termasuk proses melengkapkan dokumen dan lain-lain yang berkaitan dengannya?;

2. Mengenai ikat janji bagi pelajar-pelajar yang mendapat anugerah biasiswa kerajaan ke luar negara. Soalan ini juga telah disuarakan semasa membincangkan

Jadual Peruntukan SF-Kementerian Pendidikan beberapa hari yang lalu oleh rakan Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik.

Isu ini saya suarakan semula kerana Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mempunyai pelajar-pelajar yang diikat janji yang telah pun menamatkan pengajian mereka dan belum ditawarkan pekerjaan. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai perkara ini adalah jelas. Mahu tidak mahu ikat janji itu akan dilepaskan apabila tidak ada jawatan yang dapat ditawarkan.

Ini terbukti bilamana pada tahun lepas sahaja seramai 50 orang dilepaskan dan pada tahun 2015, sudah 15 orang dilepaskan daripada ikat janji. Soalan saya, adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mempunyai sukut-sukat masa atau tempoh tertentu untuk berbuat sedemikian sebagaimana yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan apabila tidak ada jawatan yang dapat ditawarkan?;

3. Mengenai guru-guru agama khusus untuk mengajar anak-anak murid yang terdiri daripada anak-anak istimewa di sekolah-sekolah agama, perkara ini hasil perjumpaan beberapa orang Ahli Yang Berhormat bersama dengan persatuan - persatuan yang mengendalikan anak-anak istimewa tersebut.

Dengan adanya Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 dan dasar pendidikan sepanjang hayat, ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa ini turut menyambut baik Perintah Pendidikan tersebut dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama dengan harapan supaya guru-guru agama dapat membantu anak-anak tersebut belajar setakat kemampuan mereka. Tetapi apa yang berlaku, ada anak-anak istimewa ini disuruh balik kerana tidak ada guru yang dapat menangani atau mengajar mereka.

Dalam hal ini, saya berpandangan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan program latihan yang khusus untuk memenuhi keperluan yang saya sebutkan tadi. Bahkan bukan saja untuk mengajar di sekolah-sekolah agama, malahan juga ditempatkan bertugas di pusat-pusat tempat anak-anak istimewa itu belajar seperti *KACA*, *SMARTER*, (OKP) Orang Kurang Pendengaran, *ABLE* (Persatuan *Syndrome Down*) dan lain-lain lagi, iaitu sebagai guru agama atau *motivator* kepada anak-anak atau juga kepada ibu bapa mereka dari sudut pendidikan agama seperti memahamkan konsep qada' dan qadar, belajar fardhu ain dan lain-lain.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada tahun lepas, sekumpulan restoran *non-halal* telah menulis satu petisyen kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa bulan Ramadhan 2014. Seluruh rakyat termasuk yang bukan Islam menghormati bulan yang mulia ini.

Semua restoran dibenarkan untuk dibuka termasuklah restoran bukan halal dan restoran halal. Mereka hanya dibenarkan untuk *take away* ataupun bungkus balik dan orang bukan Islam perlulah mencari tempat berlindung di lorong kedai, makan dalam kereta ataupun kawasan taman untuk mengelakkan daripada pandangan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi, saya berharap bulan Ramadhan tahun ini seperti yang dinyatakan dalam petisyen tahun lepas, jikalau boleh, restoran bukan halal dibolehkan untuk menghadirkan makanan kepada *non-muslim* di dalam restoran dengan syarat menutup pintu restoran daripada pandangan orang ramai untuk menghormati bulan Ramadan yang mulia. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mempunyai 2 perkara untuk disuarakan:

1. Pembinaan sebuah masjid di Rancangan Perumahan Negara Kampong Lumut. Alhamdulillah kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana sebuah lagi masjid di Rancangan Perumahan Negara Kampong Lumut akan dibina dengan menelan belanja sebanyak \$18 juta bagi menampung kesesakan para jemaah di masjid-masjid Mukim Liang, terutama semasa sembahyang fardhu Jumaat dan sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri dan sembahyang sunat Hari Raya Aidiladha.

Kaola berdoa semoga pembinaan masjid tersebut akan berjalan lancar dan mudah-mudahan tiada sebarang rintangan akan dihadapi. Kaola ingin bertanya bagi makluman kepada penduduk yang berkenaan, bilakah kira-kiranya masjid tersebut akan mulai dibina?; dan

2. Mengenai ejen-ejen pakej haji dan umrah. Kaola ingin mengimbas kembali tentang Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2015 yang lalu bahawa Baginda menyarankan supaya bidang keusahawanan perlu diberikan perhatian dan jangan segelintir pihak tertentu sahaja yang mendapat peluang. Biarlah ramai diberikan peluang kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.

Kaola ingin bertanya, adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membukakan peluang kepada ejen-ejen yang lain yang berminat dan berkebolehan atau berkelayakan di negara ini bagi mengendalikan pakej haji dan umrah selain dua buah syarikat yang ada sekarang ini?

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam membahaskan peruntukan Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola mempunyai 3 perkara yang akan disampaikan:

1. Mengenai bantuan perumahan iaitu tempat tinggal masyarakat daif, fakir miskin dan mualaf. Dengan menyewakan rumah-rumah kepunyaan orang awam dengan kadar \$500 sebulan yang dibayar melalui penggunaan Kumpulanwang Zakat Majlis Ugama Islam, khusus di Daerah Belait, kaola rasa kemudahan untuk menyewa rumah orang awam dengan kadar \$500 sebulan amat sukar. Secara kebetulan di Daerah Belait pada masa ini terdapat banyak berek Kerajaan yang kosong atau dikosongkan dan terbiar.

Maka, kaola bercadang kepada kementerian yang berkenaan untuk mengambil alih pentadbiran berek-berek tersebut dan memperbaikinya dengan menggunakan Kumpulanwang Zakat Majlis Ugama Islam. Dengan cara demikian, sebagai misalan, untuk memiliki sebuah berek hanya sekadar antara \$5,000 hingga \$6,000 sebuah. Sedangkan kalau menyewa rumah persendirian ataupun rumah awam...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat. Saya kira perkara ini sudah ditimbulkan dan sudah pun dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri di sebelah sini dalam beberapa hari yang telah lalu. Adakah Yang Berhormat mahu menimbulkan perkara yang sedemikian

ini ataupun mengemukakan mengenai perkara yang lain. Kalau hanya pentadbiran dan sewa-menyewakan rumah dan seumpamanya itu, perkara ini sudah pun ditimbulkan oleh seorang rakan Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di sebelah sini. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Cuma barangkali mengenai pengusaian berek yang telah diperuntukkan kepada penerima-penerima masih tergendala kerana tiada peruntukan. Jadi abiskaola mencadangkan supaya berek tersebut menggunakan Kumpulanwang Zakat untuk mengusainya.

Rakan kaola tadi ada menyebut mengenai pembinaan masjid di Kampong Lumut. Kaola pun menyebut juga mengenai pembinaan masjid di Kampong Mumong. Perkara ini telah kaola timbulkan pada tahun-tahun yang lepas dan telah mendapat perjanjian insya-Allah akan dilaksanakan.

Oleh sebab pada tahun ini nampaknya belum ada kelihatan apa-apa perkara yang telah diambil mengenainya. Maka kaola mohon supaya Kampong Mumong akan dapat dibina surau ataupun balai ibadat sahaja bagi menampung keperluan anak-anak buah di Kampong Mumong yang beragama Islam seramai kurang lebih 8500 orang. Untuk makluman jua bahawa Kampong

Mumong pada masa ini telah dibahagi kepada dua iaitu Mumong "A" dan Mumong "B".

Pada masa ini hanya terdapat sebuah surau di Kampong Mumong "B". Barangkali kaola ingin mengetahui mengenai tanah yang dimiliki oleh Baitulmal, yang dulunya tidak dituntut oleh warisnya adakah boleh tanah tersebut dituntut semula oleh anak cucu atau anak cicit warisnya yang berkemampuan untuk membeli semula daripada pengelola Baitulmal? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola terus pada soalan sahaja. Iaitu:

1. Pembinaan Masjid Lamunin, Rambai dan Masjid Danau telah pun dipohonkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Soalan kaola, adakah perancangan untuk memberi peruntukan untuk pembinaan masjid-masjid ini dan bilakah pembinaan masjid Kampong Telisai yang bernilai \$12 juta itu dilaksanakan?;

2. Seterusnya membaca Al-Qur'an dalam masa yang sama memahami isi kandungan adalah cara memantapkan keimanan secara tidak langsung dalam hasrat memperkasa negara ini sebagai Negara Zikir. Memahami isi kandungan Al-Quran bukannya sekadar untuk membaca sahaja malah ia wajib menjadi panduan yang bersifat makruf yang mengatasi sebarang kemungkaran dan membaiki mana-mana kesilapan.

Soalan kaola, adakah perancangan untuk menyediakan peruntukan tenaga pengajar pakar iaitu lepasan dari universiti-universiti Islam dalam dan luar negara untuk mengadakan kelas-kelas pembelajaran Al-Qur'an dengan tafsiran maknanya setiap kali ayat tersebut dibaca di masjid-masjid mukim dan kampung agar tafsiran dan makna yang diajar tidak bersalahan dan terkeluar dari maksud yang sebenar?; dan

3. Seterusnya mengenai peruntukan pembinaan secara *quick win* menerusi kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Daerah dan Jabatan Pembangunan Masyarakat terdapat individu yang memohon telah mendapat jawapan dibenarkan untuk menerima bantuan rumah dari Majlis Ugama Islam Brunei menerusi surat tetapi setelah 2 tahun dari surat jawapan tersebut belum lagi dilaksanakan pembinaannya.

Soalan kaola, adakah cadangan untuk melaksanakan pembinaan dengan mengutamakan kepada pemohonan yang telah lama tertanggung?

4. Yang terakhir, sistem pendidikan agama dari darjah 1 hingga darjah 6 masih belum berubah sejak tahun 1990-an. Pelajar-pelajar yang menduduki kelas ini kebanyakannya berumur dari 7 hingga 12 tahun iaitu masih lagi zaman kanak-kanak yang mudah lagi di *monitor* atau dipantau oleh ibu bapa atau penjaga.

Selepas darjah 6 tidak ada lagi kesinambungannya secara formal kecuali yang terpilih masuk ke Sekolah Arab ataupun ada program keagamaan di masjid-masjid dan ini sudah tentu bilangannya terhad. Berdasarkan perkembangan dan pertumbuhan remaja adalah umumnya 12 tahun hingga 18 tahun iaitu zaman yang mudah terpengaruh, agresif, mencari identiti diri atau secara ringkasnya zaman bergelora, kalau kurang perhatian akan sukar hidupnya menghadapi hari dewasanya.

Soalan kaola, adakah rancangan untuk menyambung kelas agama dari darjah 6 hingga ke kelas darjah seterusnya untuk mencapai umur 18 tahun di sekolah-sekolah agama di negara ini? Tujuannya ialah untuk memantapkan lagi pengetahuan

agama keimanan dan ketakwaan bagi golongan ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Saya akan menimbulkan mengenai Sekolah Ugama Kampong Keriam. Mengikut rancangan awal bahawa Sekolah Ugama Keriam akan dibina sama waktunya dengan Sekolah Ugama Kampong Kupang, Tutong. Sekolah Ugama Kampong Kupang telah pun dibina pada bulan Mac 2014 dan telah pun diguna pakai oleh guru-guru di kawasan berkenaan pada bulan Februari 2015 yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk pengetahuan bersama, guru-guru dan murid-murid Sekolah Ugama Kampong Keriam masih menumpang atau menggunakan Sekolah Rendah Keriam dan sebahagiannya di bangunan lama yang telah dibina 50 tahun yang lalu nampaknya mengalami berbagai-bagai kerosakan. Mereka menggunakan dewan lama untuk menunaikan sembahyang fardhu berjemaah tetapi kadangkala tidak dapat

digunakan apabila banjir dan hujan lebat. Saya ingin tahu, bilakah Sekolah Ugama Keriam ini akan dibina sepertimana yang dirancang awal?;

2. Masjid Kampong Ukong. Walaupun masjid ditimbulkan oleh rakan-rakan, kita umum mengetahui masjid ini adalah keperluan yang wajib kepada penduduk Islam. Yang Berhormat Pengerusi dalam Majlis Perasmian Kelas Agama bagi Saudara-Saudara Baharu di Kampong Sungai Damit Pemasang, Tutong pada 15 Mac 2015 telah ditimbulkan dalam ucapan. Yang Berhormat Pengerusi saya ingin tahu perkembangan Masjid Kampong Ukong; dan
3. Yang Berhormat Pengerusi. Berdasarkan penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam menjawab soalan bertulis pada 17 Mac 2015, saya amat tertarik dengan projek yang dilaksanakan oleh pihak Baitulmal untuk menyediakan tempat tinggal di Kampong Sibut di Daerah Temburong iaitu tempat sewa.

Terima kasih, alhamdulillah atas usaha-usaha dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama memberi sokongan kepada saudara-saudara baharu. Soalan, adakah rancangan ini dilartkan ke seluruh negara bagi keperluan saudara-saudara baharu, fakir miskin pada masa akan datang? Mengapakah ia di Kampong Sibut sahaja padahal kampung-kampung lain juga ada

masalahnya terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman di daerah masing-masing?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Media sosial merupakan media penyebaran maklumat yang paling popular masa kini yang digunakan oleh rata-rata semua peringkat umur dan berbagai-bagai pihak sama ada rasmi ataupun tidak rasmi. Satu fenomena terkini di ruang-ruang media sosial di negara ini seperti *WhatsApp* ialah penyebaran maklumat berkenaan yang berkaitan agama seperti dakwah dan hukum-hukum yang sumbangannya bukan sahaja dari negara kita sendiri bahkan juga yang disebarkan dari negara-negara jiran. Apa yang menjadi kekhawatiran ialah kesahihan sumber-sumber maklumat yang disebarkan itu, kerana ia bersangkutan dengan akidah kita.

Oleh itu, kaola ingin mengajukan soalan, apakah tindakan pihak-pihak berkenaan bagi menangani fenomena ini untuk memastikan maklumat yang disebarkan ini tidak bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang kita anuti?

2. Kaola ingin ajukan di sini juga ialah, apakah langkah-langkah yang sudah diusahakan oleh Kerajaan bagi persediaan kita untuk menangani dan menangkis segala kemungkinan jika berlakunya penyeludupan masuk secara sembunyi-sembunyi ke negara ini, penyebaran fahaman-fahaman songsang? Umpamanya fahaman Wahabi dan Syi'ah yang kini begitu hangat diperkatakan tentang kejayaan ajaran-ajaran sesat ini mempengaruhi kebanyakan umat Islam di negara-negara jiran dewasa ini; dan
3. Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji tahunan setiap negara. Adakah pihak yang berkenaan pernah atau telah mencuba kaedah lain bagi menambah lagi kuota haji negara kita?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.



Assalamualaikum Warahmatullahi  
 Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
 Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
 Wassalaatu Walmursaleen Sayyidina  
 Muhammaddin, Wa'ala Aalihee  
 Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اَشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٣٥﴾ وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي ﴿٣٦﴾  
 وَاَحْلِلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي ﴿٣٧﴾ يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٣٨﴾

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin timbulkan ialah masalah Al-Quran. Ramai orang bercadang dan bercakap tentang Al-Quran buruk, Al-Qur'an lama yang tidak terpakai lagi, tentunya akan diasingkan di tempat penyimpanan sama ada di masjid, surau atau di rumah-rumah persendirian. Ada pihak yang melupuskan Al-Qur'an itu dengan menimbus ke dalam tanah, ada pula yang membakar begitu sahaja dan ada pula yang membuang ke laut dalam untuk melepaskan gangguan-gangguan mengenai Al-Qur'an tersebut.

Soalan saya, bagaimanakah cara yang terbaik untuk melupuskan Al-Qur'an yang tidak terpakai lagi?

Syukur alhamdulillah, Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkia telah dapat dilaksanakan dan mudahan ianya cepat dan berjaya. Dengan adanya dewan tersebut, maka dapat juga menangkis pantun kaola:

Makan pinang sambil berdirik,  
 Pinang datang dari Makassar,  
 Barangsiapa berjanji mungkir,  
 Akan dituntut di padang Mahsyar.

Maka terhindarlah perkara tersebut. Bagaimanapun, masih ada dua buah sekolah agama yang belum pasti mendapat restu dan sukna daya yang baik, iaitu sekolah Agama Jalan Bedil dan Sekolah Ugama Kampong Madang. Mudah-mudahan kedua-dua sekolah ugama ini akan dapat direstui yang terbaik dan sesegeranya.

Kita telah berhasrat dan bercita-cita dan berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam ini sebagai sebuah Negara

Zikir. بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ tetapi di sebalik itu masih terdapat bahan-bahan gangguan seperti minuman keras yang bersepah di sana-sini. Untuk menjayakan niat dan cita-cita dan azam yang baik itu, ada baiknya minuman keras itu dikawal dengan sebaik-baiknya, supaya tidak bersepah di mana-mana tin-tin minuman keras tersebut.

Kalau kita mengawal dalam pencegahan masalah dadah itu dengan begitu keras. Barangkali apa salahnya minuman keras ini juga dikawal dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan kesempurnaan. Kalau dadah nombor satu musuhnya, maka tentulah minuman keras ini akan menjadi nombor dua musuhnya. Kita tidak mahu bercanang dengan Negara Zikir kalau tin-tin minuman keras terus berleluasa dan hal-hal lain juga begitu.

Demikianlah yang dapat kaola sampaikan pada pagi ini, mudah-mudahan diambil iktibar dalam melaksanakan perkara-perkara tersebut. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dan yang akhirnya, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa satu isu mengenai Tabung Haji. Kalau kita tinjau di negara jiran iaitu Malaysia dan Indonesia, urusan-urusan haji ini dikendalikan oleh sektor swasta iaitu Tabung Haji. Di Malaysia, Tabung Haji adalah anak syarikat Kerajaan Malaysia. Pengelolaan perkhidmatan haji ini lebih efisien jika dikendalikan oleh syarikat-syarikat yang profesional. Tabung Haji ini meliputi perkhidmatan haji, operasi dan juga pelaburan.

Soalan kaola, adakah dalam perancangan atau pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Negara Brunei Darussalam menubuhkan Tabung Haji? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang tibalah masanya bagi saya untuk mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan.

Mungkin juga untuk Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama boleh

menjawab pantun daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Haji Husain yang telah pun menunggu-nunggu jawapan. Sebanyak 4 kali barangkali sudah Yang Berhormat Menteri-Menteri di sebelah sini. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Alhamdulillah, setelah mendengar soalan-soalan yang dikemukakan, nampaknya soalan-soalan tersebut adalah kaola rasa agak berat untuk dijawab dengan secara langsung. Barangkali kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi untuk memberi kaola peluang untuk menjawab soalan tersebut, bukan pada masa sekarang, jadi dengan secara demikian kaola dapat befikir dengan lebih baik dan mantap lagi dengan teman-teman yang berkenaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Barangkali mana-mana soalan yang dapat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama jawab secara spontan macam ini dan selebihnya akan kita perengarkan ataupun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di kemudian hari, barangkali pada sebelah tengah hari ataupun esok pagi, insya-Allah.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Barangkali yang secara spontan sini ialah mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai cadangan zakat supaya dapat

dikembangmajukan. Sebenarnya pemikiran ini sudah lama diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, misalannya dengan mengadakan Program PROPAZ yang mana Program PROPAZ itu diambil daripada zakat.

Jadi peserta-peserta PROPAZ itu adalah daripada fakir miskin. Program itu dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk mengadakan program itu peruntukannya daripada dana zakat Kementerian Hal Ehwal Ugama dan tenaga pengajarnya terdiri daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu adalah satu contoh bahawa dana zakat itu digunakan untuk fakir miskin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah pun meminta supaya ia diberikan sedikit waktu untuk membolehkan ia meneliti soalan-soalan yang dikemukakan dan ia akan memberikan jawapannya pada suatu ketika yang sesuai.

Tapi walau macam manapun, nampaknya daripada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara amnya tidak ada orang yang membantah mengenai Belanjawan Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Jadi untuk efisiensi kita meneruskan perjalanan susunan permesyuaratan kita, maka saya lebih cenderung sekiranya kalau perkara ini atau Tajuk

ini kita undi barangkali. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan dapat memberikan jawapannya soalan-soalan yang dikemukakan secara terperinci sama ada petang ini ataupun esok hari.

Sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju mengenai dengan Tajuk SK - Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk diluluskan, sila angkat tangan.

### **(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A sehingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sebagaimana lazimnya sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan mukadimahya mengenai Tajuk Perbelanjaan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,

Wa'alaah Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara langsung dan tidak langsung akan terus memainkan peranan pada mencapai dan menepati empat teras utamanya bidang tugasnya iaitu;

1. Kebudayaan dari segi memelihara dan menjaga budaya;
2. Sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang;
3. Kebeliaan dari segi memperkasa, membangun dan meningkatkan jati diri dari golongan belia agar mereka akan lebih berdikari, berdaya saing dan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara secara bermakna tanpa membebankan negara; dan
4. Kesukanan dari aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cergas di samping mengangkat kecemerlangan sukan dan kemasyarakatan dari aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan, kehormonian, keamanan dan masyarakat yang pemeduliaan dan penyayang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli yang Berhormat, merujuk peruntukan Anggaran Belanjawan 2015/2016 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diperuntukkan anggaran belanjawan sebanyak \$100,078,580.00 dengan pecahan Gaji Kakitangan sebanyak \$46,432,650.00; Perbelanjaan Berulang-Ulang \$44,628,930.00 dan Perbelanjaan Khas \$9,017,000.00. Kementerian juga diberikan 7 jawatan tambahan.

Ke arah memaksimumkan peruntukan yang diberikan, Kementerian akan terus mengambil langkah-langkah untuk meneliti dan mengemaskinikan dasar dan strategi kementerian dengan meneliti program, projek atau aktiviti yang telah dirancang yang boleh menjamin keberkesanan dan *sustainability* perkhidmatan yang diberikan.

Selaras dengan Tema Belajawan Negara 2015/2016 iaitu "Model Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif", kementerian ini akan melaksanakan tugasnya selaras dengan 4 fokus utama belanjawan tahun ini iaitu:

1. Memperkasa Pendidikan dan Latihan;
2. Mempertingkatkan produktiviti;
3. Meransang Kegiatan Pelaburan; dan
4. Meningkatkan Kesejahteraan Awam.

Kementerian ini khususnya akan menumpukan kepada usaha membangun model insan yang cemerlang yang mempunyai ciri-ciri cergas dan berkemahiran, berpengetahuan tinggi, penuh berdisiplin, berintegriti dan mempunyai jati diri yang tinggi terutama sekali kalangan belia di negara ini yang merupakan 45 peratus dari penduduk negara. Kerana mereka mempunyai nilai, potensi dan tenaga yang perlu diperkembangkan secara positif dan terarah bagi kelangsungan pembangunan negara.

Dengan cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2015/2016 sebanyak \$4.1 juta yang disediakan bagi aktiviti-aktiviti pembangunan belia. Kementerian ini akan meneruskan program yang mempunyai impak besar dan positif terhadap para belia, termasuklah program-program pembangunan dan jati diri, program-program sukarelawan dan program-program menjurus kepada keusahawanan dan berdikari.

Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) pada Tahun Kewangan 2015/2016 telah ditambah anggaran peruntukan kepada \$1 juta lagi menjadikannya \$3 juta, yang akan membolehkan kementerian ini meneruskan dan meluaskan lagi pelaksanaan program berkenaan. Sejak program ini diwujudkan, sambutan para belia dan ibu bapa adalah sangat positif dan hasil maklum balas yang diperolehi menunjukkan bahawa program ini telah mencapai hasil yang diharapkan.

Kerja-kerja pembangunan kompleks kekal PKBN di Mukim Batu Apoi di Daerah Temburong dijangka siap pada hujung bulan Jun 2015 ini dan akan digunakan sepenuhnya di hujung tahun 2015. Apabila siap nanti, kompleks kekal ini boleh menampung sehingga 700 orang pelatih.

Kem Program PKBN ini nanti dapat memberi impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan Daerah Temburong. Setiap hujung minggu yang merupakan Hari Keluarga PKBN, ratusan jika tidak ribuan ahli keluarga pelatih PKBN akan berkunjung ke Kem PKBN.

Pusat Pembangunan Belia yang bertanggungjawab untuk memberikan latihan dan kemahiran kepada golongan belia yang tidak dapat meneruskan pengajian akademik, vokasional atau teknikal telah melahirkan belia yang berpotensi dan menepati keperluan pasaran pekerjaan. Melalui pendekatan *synergized*, *strategised* dan *partnership* kursus-kursus latihan kemahiran yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia menunjukkan pencapaian kejayaan yang sangat positif. Lebih 90 peratus daripada bekas pelatih kursus singkat *scaffolding* dan juga kursus jentera berat telah berjaya mendapat pekerjaan sesudah selesainya kursus.

Pada tahun ini Pusat Pembangunan Belia (PPB) juga telah memperkenalkan Skim Belia Berpadi dengan kerjasama Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Seramai 18 orang belia telah menyertainya yang mana nanti

insya-Allah, akan dapat menyumbang kepada pengeluaran padi negara.

Dengan himpunan anggaran peruntukan khas berjumlah \$900,000.00 Pusat Pembangunan Belia (PPB) akan meningkatkan lagi keupayaan pembangunan kapasiti belia dan mengenalkan latihan-latihan baharu yang mempunyai permintaan pasaran.

Kejayaan Pusat Pembangunan Belia membuka cawangan di Daerah Belait dengan menawarkan kursus singkat *Autocad* atau *Automatic Computer Design* pada peringkat awal ini, juga mendapat sambutan baik daripada belia-belia di daerah berkenaan. Perancangan seterusnya ialah untuk membuka cawangan Pusat Pembangunan Belia (PPB) di Daerah Tutong.

Dalam usaha untuk meningkatkan *marketability* lepasan-lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB), pada tahun ini Pusat Pembangunan Belia (PPB) akan mula menawarkan program dengan kelulusan *City and Guilds*, yang sesuai dengan keperluan pasaran kerja.

Selaras dengan saranan bagi para belia di negara ini untuk menceburi bidang keusahawanan, kementerian ini diperuntukkan \$200,000.00 untuk meneruskan pelaksanaan Program Belia Berdikari iaitu skim bantuan kewangan bagi memulakan keusahawanan bagi para belia. Sejak program ini dimulakan dua tahun lalu, seramai 31 orang pemohon telah diluluskan dan memulakan perniagaan mereka sendiri.

Program penjenamaan semula Pusat Belia juga akan diteruskan dengan menambah dan memperluaskan lagi kemudahan dan aktiviti yang dikendalikan oleh Pusat Belia, sebagai satu pusat bagi para belia untuk berkumpul, beriadah, dan membangun diri melalui program dan aktiviti yang sihat dan produktif.

Selain kemudahan seperti dapur belia, makmal komputer dan studio latihan kebudayaan dan kesenian, Pusat Belia juga menawarkan kelas-kelas kemahiran dan program keusahawanan seperti Latihan Ekspo Keusahawanan Belia yang diadakan setiap hujung bulan. *Business Talk Series*, Minggu Keusahawanan Pusat Belia dan banyak lagi.

Seperti ungkapan Inggeris "kapal *Titanic* dibina oleh kumpulan profesional, manakala bahtera Nabi Noh dibina oleh sukarelawan. Kementerian akan menggalakkan dan mengembangkan penglibatan belia-belia dengan kerja-kerja sukarela dalam membangun masyarakat. Di samping membawa keberkatan ianya menyumbang kepada pembangunan modal insan yang bersikap ihsan dan penyayang. Secara tidak langsung kerja-kerja sukarela juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jika masa yang disumbangkan diterjemahkan kepada "*man working hours*" dan nilai kewangan.

Yang Berormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau setinggi manapun pendidikan anak bangsa, jika miskin jati diri dan tidak menghargai identiti dan menghargai warisan bangsa

maka kosonglah jiwa mereka. Generasi muda juga perlu melihat dan belajar daripada sejarah bangsanya. Bagi Tahun Kewangan 2015/2016 ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus mempertingkatkan lagi kegiatan yang menjurus kepada pemahaman dan penghayatan orang ramai khususnya generasi muda dan belia mengenai sejarah, kebudayaan dan kesenian, melalui pelaksanaan program-program seperti Festival Kebudayaan, Promosi, Jerayawara Kebudayaan dan pameran-pameran yang berorientasi pendidikan.

Ke arah memberi kesedaran mengenai khazanah peninggalan sejarah dan tamadun bangsa kegemilangan negara kepada masyarakat. Muzium Maritim Brunei akan mempamerkan sejarah perdagangan laut dan hubungan perkapalan negara pada kurun yang awal akan dirasmikan pada 23 Mac 2015 ini, insya-Allah. Adalah diharapkan Muzium Maritim akan menarik minat pelancong ke Negara Brunei Darussalam yang menyumbang kepada industri pelancongan negara.

Dalam waktu yang sama Pusat Sejarah Brunei pula akan secara berterusan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti ke arah menyebarkan dan menyerapkan kepentingan sejarah kepada semua peringkat lapisan masyarakat di negara ini, khususnya generasi muda dan belia.

Selaras dengan tujuan dan matlamat penubuhannya untuk menanamkan perasaan cintakan raja, agama, bangsa

dan negara serta mendukung falsafah Melayu Islam Beraja. Projek-projek seperti penerbitan buku-buku cerita sejarah bergambar, karnival sejarah dan pertandingan pidato sejarah adalah merupakan kaedah bagi membawa generasi muda menghayati dan memahami perjuangan bangsa Brunei.

Dengan peruntukan sebanyak \$318,500.00 Pusat Sejarah akan terus melaksanakan pembisaian makam-makam Sultan-sultan Brunei dan Batu Tersilah dengan kerjasama Jabatan Muzium-muzium Brunei sedang berjalan dengan lancar. Pusat Sejarah juga merancang untuk menyediakan 2 lagi galeri pameran iaitu Galeri Pameran Era Kegemilangan Brunei dan Galeri Sejarah Lapau Brunei dan berbagai lagi program ke arah memperkenalkan program merakyatkan sejarah.

Memandangkan sejarah, kebudayaan, kesenian dan artifak warisan bangsa mempunyai nilai komersial dan ekonomi yang boleh dikembangmajukan. Sehubungan dengan ini, kementerian akan memberikan fokus kepada usaha mengembangkan industri kreatif yang dapat menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pencapaian Wawasan Negara 2035 memerlukan rakyat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi bagi menggalakkan masyarakat Brunei yang celik ilmu pengetahuan, kementerian melalui Dewan Bahasa dan Pustaka dengan peruntukan sebanyak \$100,000.00 yang diberikan

akan melaksanakan program-program ke arah menggalakkan budaya membaca bagi semua peringkat masyarakat termasuk kanak-kanak damit seperti Program Awal Literasi, Program Membaca Bersama di Hospital, Karnival Memperkasa Budaya Membaca, Sambutan Hari Buku Sedunia dan Pesta Buku.

Pada tahun ini, Hadiah Duta Membaca juga telah diperkenalkan sebagai insentif kepada belia-belia di negara ini untuk terus mengamalkan minat suka membaca.

Manakala, sebagai inisiatif untuk mengembangkan industri penerbitan buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memberikan Hadiah Buku Terlaris Brunei (*Brunei Best Seller*) kepada penulis-penulis tanah air bermula pada tahun 2013.

Dalam masa yang sama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah berjaya menterjemah dan menerbitkan buku penulis-penulis yang menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (*S. E. A Write Awards*) antaranya buku karya Adi Rumi bertajuk *Dari Jendela Dunia* diterjemahkan ke dalam bahasa inggeris yang bertajuk '*A Collection of Poetry: Window of the World*'. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga sedang menterjemah buku-buku berunsur cerita rakyat tempatan ke dalam 13 bahasa di dunia dengan kerjasama Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga akan meneruskan usaha juga untuk

menambah lagi prasarana lagi membaca di mukim-mukim melalui Program Mukim Buku termasuk kerja-kerja menaik taraf perpustakaan-perpustakaan yang sedia ada.

Bagi memperkasa dan mendaulatkan Bahasa Melayu dan menyebarkan penggunaan tulisan jawi, sambutan Bulan Bahasa akan diteruskan dengan pengisian program-program kebahasaan dan kesusteraan antaranya seperti Penyelidikan, Pertandingan Pidato Bahasa Melayu, Forum Perdana Bahasa, memberi kursus bimbingan sistem ejaan Rumi, Peraduan Seni Khat Jawi dan menyediakan anugerah, hadiah dan penghargaan kepada penulis tanah air.

Yang Berhormat Pengerusi. Ke arah mencapai pembangunan yang inklusif, mereka yang berkeperluan khas dan memerlukan bantuan, secara berterusan diberikan perhatian dengan memastikan kesejahteraan dan kebajikan mereka tidak terabai melalui jaminan jaringan sosial yang berkesan dan *sustainable*.

Sehubungan dengan itu, perubahan *mindset* masyarakat juga akan diberikan tumpuan kerana ia merupakan satu kemestian dalam usaha kita untuk membangun negara dan ekonomi yang mantap dan berdaya saing selaras dengan Wawasan Negara 2035. Perubahan minda yang positif dalam kalangan rakyat juga sangat diperlukan ke arah mewujudkan jaminan sosial yang berdaya saing.

Dalam pada itu, usaha-usaha memperkasa penerima-penerima



bantuan kebajikan bulanan akan terus dijalankan melalui program-program latihan kemahiran dan pembangunan diri, sama ada untuk mendapatkan pekerjaan mahupun untuk menceburi bidang keusahawanan. Program-program ini dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Membasmi Kemiskinan di bawah Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan dengan kerjasama berbagai-bagai agensi pelaksana.

Begitu juga Program Bantuan Badan-Badan Bukan Kerajaan, Kementerian ini disediakan dengan anggaran peruntukan sebanyak \$300,000.00. Dalam masa peruntukan ini akan diagih-agihkan kepada badan-badan bukan Kerajaan khususnya persatuan-persatuan orang berkeperluan khas dan persatuan-persatuan kebajikan yang lain mengikut keperluan operasi dan perancangan program tahunan masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi, institusi keluarga merupakan benteng pertahanan utama pada mengujudkan kestabilan dan keselamatan sosial negara. Bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga, kementerian ini diperuntukkan sebanyak \$300,000.00 bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Pelaksanaan program ini akan memfokuskan kepada pengendalian kegiatan-kegiatan yang memupuk semangat kekeluargaan dan juga aktiviti Hari Keluarga di mukim-mukim dan kampung-kampung selain Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.

Kementerian ini juga, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan terus mengadakan pelbagai seminar, bengkel dan ceramah yang berkaitan institusi keluarga, wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang berkeperluan khas seperti Bengkel Keseimbangan Kehidupan Dan Pekerjaan (*Work Life Balance*), Forum Inspirasi Perubahan Diri Bagi Kemajuan Wanita, Bengkel Membasmi Kemiskinan Keluarga dan Forum Interaksi Mengenai Keselamatan Kanak-kanak secara *Online* dan sebagainya.

Warga emas juga tidak dilupakan diberikan perhatian yang sewajarnya sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan dalam kalangan warga emas, Kementerian ini akan melaratkan program pusat-pusat kegiatan warga emas ke daerah-daerah lain. Bagi Daerah Tutong, proses kerja-kerja adalah di peringkat membina bangunan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyedari akan kepentingan sukan menyumbang kepada kecergasan fizikal dan mental dan perpaduan sosial, di samping dapat menanam sikap positif seperti meningkatkan keazaman kuat, semangat tidak mahu kalah dan berjiwa besar. Kementerian ini akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi program-program Sukan Untuk Masyarakat dengan kerjasama pihak Persatuan Sukan Kebangsaan dan pihak swasta dan badan-badan bukan Kerajaan.

Sebagai langkah strategik pembangunan sukan elit ialah menyusun semula struktur program latihan sukan yang berjalan pada masa ini dengan perancangan untuk mengadakan Akademi Sukan. Beberapa kompleks sukan seperti Kompleks Sukan Sungai Kebun, Kompleks Sukan Menglait dan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah telah dikenal pasti sebagai pusat latihan dan penempatan ke arah pembangunan Sukan Prestasi Tinggi.

Dengan tambahan anggaran peruntukan Pemeliharaan Aset, Jabatan Belia dan Sukan yang berjumlah \$5.3 juta, fokus akan diberikan kepada usaha untuk meneruskan kerja-kerja membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada supaya akan dapat terus dimanfaatkan oleh orang ramai di negara ini, dan juga menyediakan prasarana yang baharu. Sebagai contoh, Kompleks Sukan Jerudong telah siap dibaik pulih dan telah dibukakan kepada orang ramai khususnya bagi sukan bolasepak dan sukan-sukan baharu seperti *paintball*, bola lesut, memanah, *frisbee* dan berbagai prasarana sukan juga sedang dirancang bagi kemudahan orang ramai bersukan.

Dengan penjelasan-penjelasan tersebut, saya mengakhiri mukadimah ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar ucapan mukadimah

daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang saya bukakan bagi Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk dibahaskan. Saya persilakan untuk memulakannya Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola hendak menghadapkan beberapa soalan dan cadangan.

Lebih dahulu kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas mukadimah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi dan beberapa isu yang hendak kaola timbulkan telah pun juga disentuh dalam mukadimah tersebut. Jadinya, beberapa isu kaola akan ringkaskan saja.

Mengenai *Child On-line Protection Framework*. Pada bulan Mac 2014 melalui media dilaporkan statistik 2012 Pasukan Polis Diraja Brunei, 60 peratus kes dera dan rogol, berkenalan dengan penyerang mereka melalui *online (online dating)*. Apa yang membimbangkan dilaporkan juga 82 peratus daripada mangsa adalah kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. Dalam laporan yang sama, orang ramai dimaklumkan bahawa *AITI* telah pun menyediakan

*Child Online Protection Framework* dan *framework* ini telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku *custodian* kepada *Children And Young Person Act*.

Soalan kaola, memandangkan kes-kes ini berlaku secara berterusan dan sebagai usaha untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak, apakah inisiatif-inisiatif atau tindakan-tindakan yang telah diambil atau dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejak menerima *Child Online Protection Framework* tersebut?

Memandangkan perkara ini telah lama berlaku dan diramal akan terus berlaku, kaola berpendapat dan berpandangan inisiatif yang hanya sekadar untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tidak akan mencukupi. Kawalan yang lebih positif dan proaktif seperti *monitoring* dan menapis (*internet filtering*) mestilah diambil, yang kaola difahamkan kawalan seperti ini telah dijalankan oleh beberapa buah negara dan juga difahamkan boleh dilakukan di negara ini.

Bagaimanapun perkara ini tertakluk kepada *direction* daripada *leading agency* iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada *AITI* di bawah Kementerian Perhubungan, siapa yang diberi kuasa di bawah *Broadcasting Act*.

Sebagaimana yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam mukadimah beliau, mengenai

bantuan kewangan tahunan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan. Kaola pendekkan sahaja, semasa kami mengadakan sesi muzakarah dengan 6 buah pertubuhan bukan Kerajaan yang memberi bantuan kepada golongan kurang upaya, kami difahamkan bantuan pertubuhan-pertubuhan tersebut tidak menerima bantuan kewangan tahunan. Bantuan kewangan hanya diberikan jika mereka memohon atau menjalankan aktiviti dan mereka akan menerima kira-kira \$2,000.00. Begitu juga apabila mereka menyertai rombongan rasmi atau delegasi Kerajaan ke luar negara segala perbelanjaan mereka akan ditanggung sepenuhnya.

Dari itu kaola memohon penjelasan mengenai pembahagian wang bantuan yang berjumlah \$300,000.00 ini pada setiap tahun kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan yang membantu kumpulan-kumpulan orang berkeperluan khas seperti yang telah dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda pada tahun 2011.

Berhubung dengan Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya 1954, kaola hendak menghadapkan beberapa cadangan sahaja. Sebelum itu, dalam kesempatan ini kaola ingin mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah mengambil inisiatif untuk mereviu Akta Gila (*Lunacy Act*) dan telah digantikan dengan Perintah Kesihatan

Mental 2014 yang memberikan penekanan kepada hak asasi pesakit-pesakit dan seterusnya mengambil langkah-langkah ke arah memenuhi hasrat akta tersebut.

Apa yang hendak kaola timbulkan di sini ialah berhubung dengan Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya yang telah digubal dalam tahun 1954. Akta ini tidak memberikan sebarang penekanan dan perlindungan ke atas hak asasi golongan orang kurang upaya atau orang yang berumur tua. Ia hanya memberi tumpuan kepada pemberian Pencen Umur Tua dan Pencen Hilang Upaya termasuk orang buta dan yang menghidap penyakit *leprosy* (kusta). Walaupun akta ini telah direviu beberapa kali, iaitu yang kali terakhir kaola difahamkan ialah pada tahun 1984. Kerja-kerja mereviu tersebut hanyalah untuk mereviu jumlah pencen yang akan diberikan.

Kaola difahamkan pada tahun 2012, terdapat usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyediakan Akta Hilang Upaya. Walau bagaimanapun sehingga kini kerja-kerja tersebut belum selesai. Jadinya bagi perkara ini kaola menghadapkan beberapa cadangan dalam menggubal Akta Hilang Upaya ini, kaola mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan lebih mementingkan komitmen Kerajaan dalam menjaga hak asasi orang kurang upaya seperti yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan ke atas golongan yang mengidap kesihatan mental. Perkara-perkara seperti

pemberian elaun atau Pencen Hilang Upaya hanya apabila mencapai umur 15 tahun sepatutnya difikirkan semula memandangkan kanak-kanak yang kurang upaya yang berumur di bawah 15 tahun juga memerlukan perbelanjaan yang besar.

Sementara peruntukan Akta Orang Kurang Upaya tidak dibenarkan menerima kedua-dua elaun iaitu Pencen Hilang Upaya dan Pencen Umur Tua apabila mereka mencapai umur 60 tahun, juga memerlukan penelitian semula kerana dari segi *principal*, ia kurang tepat. Menurut akta yang sama, bagi orang yang dikategorikan sebagai orang buta, mereka ini boleh menerima kedua-dua Elaun Pencen Buta dan Pencen Umur Tua, akan tetapi tidak diberikan kepada golongan lain sedangkan golongan orang kurang upaya yang tidak bergerak lebih memerlukan elaun bantuan tersebut.

Perkara yang terakhir, mengenai *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities*. Menurut laman *web* Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), dipaparkan maklumat yang berbunyi, "Negara Brunei Darussalam komited dengan dekad Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Berkeperluan Khas di Rantau Asia dan Pasifik 2003/2012 dan telah menandatangani proklamasi penyertaan penuh dan penyamaan bagi Orang Berkeperluan Khas di Rantau Asia dan Pasifik pada bulan Mei 1994."

Di sini kaola ingin bertanya, kenapakah Negara Brunei Darussalam masih belum *rectified United Nations Convention on*

*the Rights of Persons with Disabilities?*

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin menjawab terus?

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan-soalan yang diajukan, dengan kebenaran Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menjawab mana-mana yang dapat dijawab lebih dahulu, manakala yang belum dapat diberikan jawapan akan dijawab kemudian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi, Yang Berhormat mahu menjawab sekarang?

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Menjawab sekarang Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih. Mengenai soalan *Child Online Protection (COP)* seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Sebelum itu saya lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak

terima kasih atas soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Perkara ini akan saya jawab kemudian nanti Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai soalan bantuan kewangan kepada Persatuan Orang Berkeperluan Khas ataupun persatuan-persatuan lain, seperti mana jua dalam mukadimah saya sebentar tadi Yang Berhormat Pengerusi, bahawa bantuan-bantuan itu bukanlah merupakan sebagai bantuan tahunan yang tetap diberikan tetapi bantuan yang mengikut keadaan dan operasi yang berkenaan kepada persatuan-persatuan berkenaan. Dalam hal ini, setiap persatuan-persatuan ataupun badan-badan yang ingin mendapatkan bantuan, hendaklah menghadapkan kertas kerja mereka untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi, yang jelasnya pemberian bantuan-bantuan yang dimaksudkan itu bukanlah satu bantuan yang diberikan secara tetap dan berbentuk tahunan tetapi ia adalah bantuan-bantuan mengikut keadaan semasa. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Akta Pencen Tua dan Kurang Upaya. Perkara ini masih dalam penelitian kerana ia melibatkan berbagai-bagai agensi Kerajaan maka belumlah lagi dapat dibuat satu keputusan mengenainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan aktif untuk *pursue* ataupun ke arah untuk

menggubal akta yang dinyatakan tadi. Sememangnya perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman itu termasuk dalam perkara-perkara yang dicadangkan untuk dipinda ataupun ditambah dalam akta berkenaan.

Mengenai *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities*. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman telah menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam belum lagi *rectify*. Itu satu kenyataan yang memang betul. Yang sebenarnya perkara ini masih dalam pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan dan apabila sudah mendapat kepastian mengenainya, insya-Allah, Negara Brunei Darussalam akan memperbetulkannya (*rectify*) *Convention* berkenaan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kita ucapkan syabas dan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang sangat komprehensif lagi padat dan kita berdoa supaya ia akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Yang Berhormat Pengerusi. Negara Brunei Darussalam banyak mempunyai berbagai jenis mergastua, spesies haiwan dan binatang

yang perlu diberikan perlindungan supaya tidak pupus dan terhakis tempat kediaman habitat berkenaan. Soalan kaola:

1. Apakah langkah-langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mencegah aktiviti orang ramai menangkap dan menjual binatang-binatang seperti rusa, kijang, tenggiling dan sebagainya? Kita berterima kasih kepada masyarakat dan mereka yang mengambil berat tentang spesies tenggiling dengan mengadakan seminar dan informasi betapa pentingnya spesies tenggiling dikekalkan dan diberikan perlindungan. Kita juga terkilan mengapa pula orang luar yang lebih cepat dan pantas membuat tindakan sedemikian? Perkara ini boleh kita rujuk melalui akhbar *Borneo Bulletin* keluaran Februari 2015, kalau kaola tidak silap;
2. Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk mewujudkan Zoo Negara? Ia sangat penting bagi masyarakat dan institusi pendidikan. Ada antara pelajar hanya mengenali spesies haiwan melalui gambar sahaja. Dengan adanya Zoo Negara ini nanti, mereka akan melihat secara langsung serta lebih berkesan selain menjadi tarikan pelancong;
3. Perpustakaan mukim atau zon, kaola khususkan bagi Zon 4, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat

Negara beberapa tahun lalu, pernah dibangkitkan supaya mukim ataupun zon akan didirikan perpustakaan. Perkara ini sangat penting bagi membolehkan masyarakat setempat menggunakannya di samping kita menyokong amalan budaya membaca; dan

4. Apakah langkah-langkah ataupun persediaan-persediaan yang telah dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menghadapi *SEA Games 2019*, mungkin ataupun 2020? Adakah sudah persediaan-persediaan yang rapi dilaksanakan seperti mana yang telah kita hajati untuk mendapat sekurang-kurangnya beberapa pingat? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Berhubung dengan mergastua dan haiwan, bagi menjawabnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidaklah bertanggungjawab atas pemeliharaan dan pengawalan mergastua dan haiwan di Negara Brunei Darussalam. Bidang tugas tersebut telah pun diserahkan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama. Jadi, tidaklah perlu saya untuk menjawab soalan yang diajukan itu kerana ia tidak lagi berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, mengenai beberapa perkara yang dirujuk berkaitan dengan perkara yang ditimbulkan iaitu ia melibatkan persatuan-persatuan. Jadi, perkara yang melibatkan persatuan itu satu perkara yang merupakan kegiatan-kegiatan belia, ianya digalakkan. Dalam menggalakkan persatuan-persatuan belia berkenaan yang berkaitan dengan mergastua dan haiwan di Negara Brunei Darussalam, mereka dinasihatkan untuk mengadakan perhubungan ataupun mendapatkan bimbingan daripada pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab mengenainya;

Mengenai perpustakaan mukim, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka memang mengambil berat mengenai perkara itu. Alhamdulillah, pada awal tahun ini, sebuah perpustakaan mukim telah pun diadakan iaitu di Mukim Rimba dan insya-Allah, perkara ini akan dilaratkan kepada mukim-mukim lain terutama sekali kawasan-kawasan yang mempunyai perumahan yang padat;

Mengenai langkah-langkah persediaan untuk Sukan *SEA* ataupun Sukan Asia Tenggara, sekiranya Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah nanti. Seperti mana mukadimah saya, saya telah menjelaskan mengenai strategi

ataupun *restructuring* yang telah pun dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan untuk mengangkat prestasi sukan di Negara Brunei Darussalam iaitu dengan mengadakan pendekatan-pendekatan melalui Akademi Sukan dengan mengenal pasti beberapa buah kompleks sukan sebagai pusat bagi akademi berkenaan.

Melalui pendekatan-pendekatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah juga membuat satu pendekatan melalui *core sports* iaitu dengan memberikan bantuan yang lebih kepada sukan-sukan yang telah pun dikenal pasti sebagai sukan utama yang boleh diangkat sebagai pertandingan di Sukan *SEA* nanti. Begitu juga latihan-latihan berterusan telah pun dikenal pasti dalam mana Jabatan Belia dan Sukan juga telah mengenal pasti golongan atlet elit, kebangsaan dan juga atlet-atlet pelapis yang akan secara berterusan diberikan latihan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya suka untuk mencadangkan ataupun saya fikir adalah berpatutan bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita telah pun menyelesaikan belanjawan satu kementerian dan sedang mempertimbangkan belanjawan satu kementerian yang lain di Peringkat Jawatankuasa. Maka saya fikir berpatutan bagi kita sekarang untuk menangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan insya-Allah, kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**



## **Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan sebagaimana yang kita semua maklum, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya bersidang semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya bersidang semula bagi membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada mesyuarat yang telah kita adakan pagi tadi, kita telah mendengar ucapan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tajuk SL01A hingga SL06A dan Tajuk ini juga telah saya bukakan untuk dibahas bagi sebarang soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bersama saya masih lagi

ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini dan untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

### **Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola membawa Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Kaola mengucapkan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam penyertaan peserta lumba basikal di *Commonwealth Game* yang diadakan di Scotland pada tahun 2014.

Kaola menonton perlumbaan tersebut di televisyen dan kaola terkejut penyertaan peserta tersebut adalah acara lumba yang diadakan di *Velodrome* sedangkan kita tidak mempunyai *velodrome*. Menyentuh perlumbaan basikal ini, kaola melihat latihan yang dilakukan setiap hari di Lebuhraya Muara Tutong dan memerhati cara latihan tersebut agar sukar para peserta kita bertanding di peringkat antarabangsa kerana tempat latihan yang kurang sesuai.

Dalam acara *Velodrome* yang disertai oleh peserta Negara Brunei Darussalam, ia nampak berpotensi untuk mencapai kecemerlangan. Berdasarkan pencapaian wakil tunggal Negara Brunei Darussalam dalam Sukan Komanwel

tersebut amat menggalakkan. Adakah kementerian bercadang untuk membina *Velodrome* di negara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan suka untuk menjawab sekarang?

**Yang Berhormat Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi, saya sukacita meminta kebenaran daripada Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan pada pagi tadi daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu yang berkaitan dengan *Child Online Protection Framework*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan *Child Online Protection Framework*. Tindakan-tindakan telah dilaksanakan melalui pelan tindakan yang merangkumi program kesedaran, *advocacy*, *roadshows* dan latihan kepada ibu bapa dan kanak-kanak bersama dengan beberapa agensi yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pejabat Peguam Negara dan *AITI*.

Perlindungan kanak-kanak dari ancaman sama ada *online* atau sebaliknya sememangnya menjadi satu tumpuan kementerian ini, kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah siber akan diberikan perlindungan dan pemulihan di bawah *Children and Young Person Act (CYPA)*. Setakat ini seramai 90 kes remaja yang sukar dikawal telah diberikan perlindungan di Kompleks Rumah Kebajikan merupakan mangsa-mangsa jenayah siber secara langsung dan tidak langsung dan mereka ini diberikan perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat dan pemantauan *After Care*.

Program kesedaran dan latihan amat penting bukan sahaja kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar malah juga kepada ibu bapa mengenai bahaya siber. Insya-Allah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama agensi-agensinya yang berkaitan akan mempertingkatkan lagi usaha ke arah memberi kesedaran orang awam mengenai bahaya siber ini dan langkah-langkah munasabah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman untuk melaksanakan *internet filtering*, mungkin rakan saya Yang Berhormat Menteri Perhubungan akan dapat menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai tindakan yang telah dilaksanakan oleh kementerian berkenaan di bawah Akta Penyiaran dan juga menambah penjelasan yang telah saya berikan sebentar tadi. Pelaksanaan *Child Online Protection (COP)*

*Framework* ini memerlukan kerjasama semua pihak yang berkepentingan sama ada di peringkat Kerajaan, bukan Kerajaan dan peringkat masyarakat malah lebih penting lagi dalam kalangan ibu bapa itu sendiri dalam memantau dan mengawal penggunaan *internet*. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola mula-mula sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan menambah apa yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebenarnya *Child Online Protection (COP)* ini mempunyai lima ciri dan kaola nyatakan secara ringkas:

1. *Organization or structure;*
2. *Capacity building* dan *raising awareness;*
3. *Legal measures;*
4. *Implementation* dan *international cooperation;*
5. *Technical and procedure matter.*

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah mengenai *internet filtering* itu

termasuklah dalam Seksyen 1 dan 5 sebenarnya. Perkara ini adalah sangat sensitif untuk diberitahu Yang Berhormat Pengerusi, tetapi walau bagaimanapun membuat apa yang dipanggil *ex-antifiltering* bagi bagi perkataan-perkataan yang *generic* iaitu yang selalu digunakan, tetapi penyalahguna siber ini sangat bijak selalunya menggunakan perkataan-perkataan yang nampaknya tidak merbahaya dan di sinilah apa yang kita panggil tadi *ex-ante* Yang Berhormat Pengerusi iaitu secara *anticipation* itu kurang berkesan. Selepas itu kitani gunakan *ex-post*. *Ex-post* ini ialah *filtering after the fact* dan di sinilah peranan *content advisory council* dan apa terkandung dalam Seksyen 1 dan Seksyen 5 malah Seksyen 4 *implementation* dan *internal corporation* ini berjalan.

Yang Berhormat Penerusi, itu saja yang kaola bangkitkan. Dalam perkara ini kaola ingin mengesahkan apa yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan langkah-langkah untuk meningkatkan *awareness* ini memang sentiasa diadakan, tapi jika tidak memakai *COP*, ia sentiasa diadakan dan mengadakan ceramah ke sekolah-sekolah. Malah saya telah difahamkan bahawa cara-cara kaedah betul untuk melayari *web* ini dimasukkan dalam kurikulum pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, adakah Yang Berhormat suka menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu mengenai sukan basikal dalam *velodrome*. Buat ketika ini belum ada perancangan untuk membina sebuah *velodrome* di Negara Brunei Darussalam. Mungkin bagi perancangan masa akan datang perkara ini akan diberikan pertimbangan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyuarakan 2 Tajuk di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

pada sebelah pagi tadi, yang antara lain Yang Berhormat ada menyebutkan perkembangan Skim Program Khidmat Bakti Negara di Daerah Temburong (PKBN).

Maka, dalam Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Alhamdulillah pembinaan bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang berdekatan dengan Kompleks Sukan Batu Apoi Temburong nampaknya sudah kelihatan hampir siap keseluruhannya. Kaola bertanya dan ingin tahu sejauh mana perkembangan bangunan tersebut dan bila dijangka siap sepenuhnya dan latihan pertama PKBN akan bermula di Daerah Temburong?;

Dalam Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Seperti mana yang pernah kaola usulkan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan mengenai menaik taraf Dewan Bahasa dan Pustaka di Daerah Temburong.

Alhamdulillah, kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah mengambil perhatian dan tindakan dalam perkara ini, yang mana pemeriksaan dan pemantauan telah dibuat ke atas bangunan tersebut. Penaiktarafan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka di Daerah Temburong amat diperlukan untuk menampung pengguna-pengguna perpustakaan yang semakin meningkat.

Kaola bertanya, apakah sudah ada peruntukan bagi projek tersebut dan

bila jangkanya ia dibuat?. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad atas soalan-soalan yang telah diajukan. Mengenai projek Kem Program Khidmat Bakti Negara di Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong, insya-Allah projek kem berkenaan akan selesai ataupun siap sepenuhnya pada bulan Jun yang akan datang.

Mengikut laporan pihak kontraktor, kemajuan yang mereka buat adalah sebulan mendahului tempoh masa yang ia sepatutnya akan disiapkan. Jika sekiranya ia siap dalam bulan Jun, kem Program Khidmat Bakti Negara hanya akan dapat digunakan pada penghujung tahun iaitu antara bulan November ataupun bulan Disember tahun 2015.

Mengenai menaik taraf bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Daerah Temburong walaupun kajian-kajian telah dilaksanakan. Pelaksanaannya mengikut keutamaan. Ini bergantung juga pada peruntukan yang akan diperolehi oleh kementerian iaitu melalui Dewan Bahasa dan Pustaka. Insya-Allah, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Haji Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Izinkan kaola mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas huraian panjang lebar Yang Berhormat semasa menjawab soalan saya Soalan Yang Diberi Notis beberapa hari yang lalu iaitu mengenai bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada golongan yang memerlukan bantuan yang komprehensif itu memang selayaknya diberikan sebagai tanda pemeduliaan Kerajaan kepada rakyat dan penduduk terutama golongan berkenaan.

Daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sejumlah penerima bantuan, tidak lagi menerima bantuan. Perkara ini, kita sambut dengan rasa syukur alhamdulillah. Walau bagaimanapun, kita perlulah juga mengenal pasti melalui penyiasatan dan pemantauan umpamanya secara berterusan sama ada mereka itu benar-benar terlepas daripada lingkaran kesulitan hidup atau sebaliknya supaya tidak berlaku keciciran dalam memberikan bantuan berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Berbalik kepada soalan saya, yang sebenarnya sudah pun ada kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan iaitu perbelanjaan bagi Orang-orang Yang Berkeperluan Khas. Hasil daripada perjumpaan bersama dengan Orang-orang Berkeperluan Khas perlu juga kaola timbulkan di sini iaitu perkara yang spesifik berhubung dengan penglibatan ke acara-acara sukan daripada Persatuan *Special Olympic Brunei Darussalam*. Soalan kaola:

1. Adakah atlet daripada Persatuan *Special Olympic Brunei Darussalam* ini disediakan peruntukan-peruntukan tertentu apabila menjadi wakil negara ke acara-acara sukan luar negara serantau ataupun antarabangsa seperti perbelanjaan perjalanan, tiket penerbangan, elaun dan lain-lain keperluan sepanjang mengikuti acara-acara berkenaan?.

Adakah mereka ini perlu juga memohon seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri ataupun tidakkah penglibatan mereka merupakan salah satu daripada program, projek ataupun rancangan tahunan Jabatan Belia dan Sukan dalam menyertai acara-acara sukan serantau dan antarabangsa bagi Orang-orang Yang Berkeperluan Khas.

2. Adakah mereka ini sekiranya mendapat kejayaan ataupun kemenangan diberikan sebarang insentif penghargaan atau hadiah galakan sukan seperti yang

diberikan kepada atlet-atlet kebangsaan yang lain yang berjaya dalam mengharumkan nama negara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkembangan dan pembangunan sukan negara, ia tidak memilih sama ada atlet orang biasa ataupun atlet yang terdiri daripada orang berkeperluan khas.

Sebagaimana juga dengan atlet-atlet orang biasa, atlet-atlet orang berkeperluan khas iaitu melalui penyertaan *Special Olympic Games* juga diberikan keutamaan penyertaan yang ia dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Dan seperti mana juga para atlet yang biasa yang mendapat kejayaan dalam perjumpaan di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa, atlet-atlet Orang Berkeperluan Khas yang menyertai seperti Sukan Paralimpik juga akan diberikan ganjaran insentif kecemerlangan sukan. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan yang pertama iaitu memastikan kumpulan orang-orang yang memerlukan bantuan yang dapat

dikeluarkan untuk dipantau perkara itu diberikan perhatian. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 Tajuk yang akan disuarakan:

1. Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Pengerusi. Negara Brunei Darussalam telah menghantar rombongan yang agak besar ke *Convention of the Elimination of all forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* yang diadakan pada 29 Oktober 2014 di *United Nations, New York*. Kita pasti perwakilan dari Negara Brunei Darussalam telah menghadapkan laporan mengenai perkembangan yang dicapai dalam usaha menghapuskan diskriminasi di kalangan wanita. Kita turut mengucapkan tahniah atas beberapa pencapaian yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan.

Dalam hubungan ini, kaola telah diberitahu oleh pihak KKBS mengenai beberapa pelan tindakan (*plan of actions*) bagi pembangunan wanita di negara ini. Saya ingin tahu sejauh mana kejayaan pelan tindakan tersebut dapat membantu perkembangan wanita di negara ini.

Adakah pihak yang berkenaan memberikan dan melihat perkara-perkara yang menjadi halangan kepada kejayaan pelan tindakan tersebut.

Selain isu-isu wanita, adakah isu-isu lain yang diberikan pemerhatian dalam mesyuarat komiti di *CEDAW* tersebut. Jika ada, bolehkah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan apa respons perwakilan daripada Negara Brunei Darussalam terhadap pemerhatian-pemerhatian oleh mesyuarat komiti dalam *CEDAW* tersebut.

2. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Daerah Belait kalau kaola tidak silap terdapat hanya 3 buah kutubkhanah (*library*), di bawah *custodian* Dewan Bahasa dan Pustaka:
  - i. Di Pekan Kuala Belait;
  - ii. Di Kampong Pandan 'C', Kuala Belait; dan
  - iii. Di Pekan Seria

Selain itu, terdapat juga perpustakaan bergerak ke sekolah-sekolah rendah di daerah tersebut. Pada tahun 2013, Dewan Bahasa dan Pustaka merancang untuk menubuhkan sebuah kutubkhanah atau dipanggil Mukim Buku.

Di Daerah Brunei dan Muara alhamdulillah, projek tersebut telah berhasil dilaksanakan tetapi di Daerah Belait ia belum lagi terlaksana atas sebab seperti yang

kaola dimaklumkan ialah ketiadaan tempat yang sesuai belum diperolehi. Bagi pandangan kaola bagi menjimatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan lebih-lebih lagi pada waktu keadaan kewangan kita yang menghadapi defisit tahun-tahun kebelakangan ini.

Kaola menyarankan supaya kita harus terus mengamalkan kongsi ruang tempat bagi menyediakan perkhidmatan orang ramai. Sekiranya kita belum mampu mencari tapak yang sesuai untuk membina bangunan sendiri.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mencadangkan supaya perpustakaan yang dicadangkan itu dapat ditempatkan di bangunan Pejabat Pos Lumut dan kaola maklum mempunyai ruang yang masih kosong. Ini sebagai usaha sementara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memberi perkhidmatan perpustakaan kepada orang awam di mukim tersebut sebagai usaha ke arah membentuk amalan suka membaca itu berterusan.

3. Tajuk SL03 - Jabatan Belia dan Sukan. Daerah Belait terdapat hanya sebuah kemudahan kompleks sukan iaitu di Kampong Mumong. Di Pekan Seria hanya mempunyai trek sukan dan *grandstand*, manakala di Mukim Liang, tidak ada kemudahan khas sukan seperti padang bola sepak untuk orang awam. Selain itu terdapat juga kemudahan-

kemudahan sukan di maktab-maktab dan sekolah-sekolah rendah dan yang dibina oleh pihak swasta khas untuk ahli-ahlinya sahaja.

Kaola ingin memohon pertimbangan supaya pihak kementerian dapat merancang pada masa hadapan untuk menyediakan sebuah kompleks sukan yang berpatutan termasuklah padang bola sepak di mukim Liang kerana para belia dan beliawanis di Mukim tersebut pada masa ini terpaksa menggunakan kemudahan-kemudahan yang terhad untuk aktiviti sukan mereka.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri  
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang telah mengajukan beberapa soalan tadi.

Mengenai hasil daripada *review Convention of Discrimination Against Women* yang Negara Brunei Darussalam telah menghantar rombongan bagi revidu berkenaan. Memandangkan bahawa perkara ini perkara teknikal jadi saya minta kepada Yang Berhormat Pengerusi untuk menanggungkan untuk memberikan jawapan kepada soalan berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bagi mengadakan Perpustakaan Mukim



Buku sementara di bangunan Pejabat Pos Lumut, perkara ini diambil perhatian. Insya-Allah, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan memeriksa dan membuat penilaian akan kesesuaiannya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu mengadakan kemudahan sukan di Mukim Liang, perkara ini juga akan diambil perhatian. Ia selaras dengan matlamat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan sukan sebolehnya dalam jarak 2 kilometer daripada kawasan-kawasan perumahan. Perkara ini diambil perhatian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Kaola akan membawakan 3 Tajuk dalam kementerian ini.

1. Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mempunyai Peruntukan Perbekalan 2015/2016, berjumlah \$29,353,360.00

Adakah cadangan kementerian ini untuk membina bangunan Pusat Sumber Warga Emas dan Pesara di

Daerah Tutong. Pusat ini dihasratkan tempat berkumpul warga emas dan pesara yang ingin mengisi masa lapang mereka melalui pengisian seperti yang berikut:

- i. Bermasyarakat, berpersatuan, beriadah dan aktiviti berkebajikan;
- ii. Secara sukarela menyalurkan elemen pengetahuan mereka kepada pelajar-pelajar atau orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat dan ilmu dari bekas-bekas tenaga pakar yang telah bersara kerana antara mereka adalah guru pesara, jurutera, penulis, ahli budaya, pemimpin, doktor, petani, peladang dan berbagai-bagai kepakaran lagi;
- iii. Pusat ini untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar atau siapa juga individu untuk mendapatkan maklumat, rujukan dan pengetahuan. Dengan cara ini secara tidak langsung ilmu yang ada pada pesara-pesara ini dapat dimanfaatkan dan tidak hilang begitu sahaja.

2. Tajuk SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam Peruntukan Perbekalan 2015/2016 ini, adakah cadangan untuk mengadakan Program Minggu atau Bulan Bahasa dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara? Misalannya bekerjasama dengan agensi-agensi lain iaitu:

- i. Mengemaskinikan tanda-tanda nama jalan;
- ii. Iklan-iklan bahasa;
- iii. Pertandingan;
- iv. Penulisan;
- v. Pemberigaan dan lain-lain di peringkat jabatan, sekolah, mukim dan kampung untuk mewujudkan modal insan berkualiti menerusi bahasa Melayu.

Selain itu, untuk mendukung hasrat membina negara dan bangsa, bangsa kita adalah bangsa Melayu dan berbahasa Melayu iaitu bahasa yang termasuk dalam *ranking* Ke-7 dari 10 carta bahasa terbesar dunia dengan jumlah penutur 259 juta orang. Sedangkan *ranking* ke-8 bahasa Portugis, Ke-9 bahasa Benggali dan Ke-10 bahasa Perancis;

3. Soalan kaola seterusnya, adakah cadangan untuk membina sebuah kutubkhanah atau perpustakaan di Mukim Telisai? Iaitu mengambil kira jumlah penduduk di Mukim Telisai sekarang ini melebihi 10,000 orang, apa lagi apabila rumah perpindahan baharu berjumlah 2,200 lebih unit dipenuhi maka jumlah penduduk menghampiri 20,000 orang termasuk penduduk Kampong Danau dan Kampong Telisai;

4. Tajuk yang terakhir iaitu SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Adakah cadangan untuk memberi Peruntukan dari Perbekalan, 2015/2016 yang berjumlah \$24,674,220.00 ini iaitu kewangan khas kepada persatuan-persatuan belia bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan bagi memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membangunkan modal insan khususnya generasi belia menuju Wawasan Negara 2035, seperti mana Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ada peruntukan khas? Misalannya:

- i. Program keusahawanan;
- ii. Kebajikan dan kemasyarakatan;
- iii. Kebudayaan;
- iv. Sukan;
- v. Penulisan;
- vi. Kajian sejarah; dan
- vii. Pendidikan

Sekian soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit di atas soalan-soalan yang diajukan.

Mengenai Pusat Warga Emas ataupun yang dikenal oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pusat Kegiatan Warga Emas. Sememangnya pihak kementerian

akan melarutkan pembinaan Pusat Kegiatan Warga Emas di keseluruhan daerah, malahan juga ke kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai ramai penduduk. Ini adalah hasil daripada projek rintis yang telah diadakan iaitu mengadakan sebuah Pusat Kegiatan Warga Emas di kawasan Perumahan Lambak Kanan, yang mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

Seperti juga dalam mukadimah saya pagi tadi, sebuah Pusat Kegiatan Warga Emas akan dibina di Daerah Tutong, projek tersebut sedang dalam pembinaan dan ia dihasilkan melalui *partnership* antara kerajaan dan pihak swasta. Mengenai Pusat Kegiatan Warga Emas di Daerah Tutong itu, ia juga disumbangkan oleh seorang penderma dari swasta.

Mengenai cadangan mengadakan Program-Program Bahasa ataupun Bulan Bahasa dengan kerjasama agensi-agensi lain, sememangnya dalam menyebarkan dan mendaulatkan bahasa Melayu melalui kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, bukan hanya menyelenggarakan ataupun melaksanakan program-program Bulan Bahasa mengikut majlis-majlis yang tertentu. Tetapi juga ialah melalui penglibatan pihak-pihak luar daripada kerajaan pihak orang ramai, badan-badan bukan Kerajaan, persatuan-persatuan termasuk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Ke arah melaksanakan projek-projek yang akan diungkuhkan oleh pihak-pihak yang berkenaan yang saya nyatakan tadi, mereka bolehlah mencadangkan *proposal* ataupun cadangan projek yang akan mereka adakan bagi diberikan peruntukan yang berpatutan iaitu mengikut dengan kadar peruntukan yang diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi Bulan Bahasa.

Mengenai soalan terdapat cadangan untuk menubuhkan kutubkhanah di Mukim Telisai. Terima kasih atas cadangan tersebut. Perkara ini akan diambil perhatian untuk dibuat penilaian dan pertimbangan.

Mengenai soalan sama ada Persatuan-Persatuan Belia diberikan peruntukan khas bagi mengungkuhkan ataupun melaksanakan program-program kebajikan, kemasyarakatan ataupun kebajikan masyarakat. Sememangnya tidak ada satu Peruntukan Khas yang diberikan ataupun diagihkan kepada setiap persatuan.

Walau bagaimanapun, melalui Kumpulan Kewangan yang ada di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan dan juga di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, peruntukan yang berpatutan akan diberikan kepada persatuan-persatuan jika mereka menghadapkan cadangan-cadangan projek yang akan mereka laksanakan.

Maka sehubungan dengan itu, disarankan supaya persatuan-persatuan

yang ingin membuat kegiatan-kegiatan persatuan serta kemasyarakatan dan kebajikan untuk menghadapi perancangan projek yang akan mereka laksanakan untuk dipertimbangkan bagi diberikan peruntukan yang bersesuaian.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh.

Saya ingin membawakan Tajuk SL05A - Jabatan Muzium-Muzium. Artifak-artifak Brunei yang ada di luar negara kalau boleh di bawa pulang ke Negara Brunei Darussalam secara kekal ataupun pinjam. Ini amat bermakna bagi generasi baharu dan generasi yang akan datang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin atas soalan yang diajukan. Sememangnya Jabatan Muzium-muzium mempunyai peruntukan untuk membeli artifak-artifak yang bersangkutan dengan sejarah dan warisan Negara Brunei

Darussalam dan usaha-usaha dilaksanakan ke arah pembelian artifak-artifak berkenaan.

Walau bagaimanapun, ia juga mengikut peraturan-peraturan antarabangsa yang berjalan dari segi pembelian artifak-artifak berkenaan. Jadi, dalam hal pembelian artifak-artifak ini, dilakukan mengikut peraturan-pertaturan yang lazim dituruti oleh organisasi antarabangsa mengenai pembelian artifak-artifak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama sekali diucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam kerana telah berjaya dengan cemerlangnya mempamerkan episod-episod yang selari dengan gagasan generasi berwawasan.

Kecemerlangan yang ketara dilakukan oleh pihak penganjur telah berjaya mengetengahkan bunga-bunga bangsa (kanak-kanak dan para perwira tanah air) melalui Projek Khidmat Bakti Negara (PKBN), turut sama-sama menyertai dalam persembahan tersebut di

samping pasukan-pasukan lain, yang berwarna-warni dengan segar dan bersemangat.

Dengan persembahan secara langsung ini, para peserta khasnya pasukan PKBN ternyata semangat patriotik mereka begitu menonjol, mantap dan berupaya sebagai perwira negara. Di samping itu juga, semangat kanak-kanak sebagai bunga bangsa memiliki disiplin yang tinggi walaupun pada usia mereka masih terlalu muda.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya persembahan yang meriah ini, ia merupakan satu kelainan dan satu pembaharuan oleh pihak penganjur sebagai satu cara bagi mencungkil lagi bakat, minat dan kemampuan belia dan anak bangsa negara ini ke arah melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan individu sebagai seorang rakyat Negara Brunei Darussalam.

Inilah yang kita harapkan kepada anak-anak bangsa, bunga-bunga bangsa dan belia negara dalam menjunjung kedaulatan negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan pendedahan dari peringkat awal lagi, kanak-kanak telah diberi tanggungjawab dan jati diri masing-masing dalam menghiasi kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dengan penyatuan tenaga, jiwa dan penuh yakin dalam apa jua projek dan rancangan Kemajuan Negara demi memperoleh

kejayaan untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Sekali lagi, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas kejayaan pihak penganjur, penyelenggara dan pihak yang terlibat di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan diharap supaya akan terus berusaha dan berjaya. Lebih-lebih lagi dengan adanya peruntukan berjumlah \$3 juta untuk tahun 2015/2016 seperti dalam ucapan mukadimah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pagi tadi.

Ini akan menjadi perangsang supaya lebih ramai belia menyertai Program Khidmat Bakti Negara pada masa akan datang. Soalan kaola, adakah PKBN akan menambah program yang lebih luas pada masa akan datang seperti dalam bidang teknikal dan kerja-kerja sosial?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking atas ucapan tahniah dan penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat kepada Program Khidmat Bakti Negara khususnya kepada pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara yang menyertai Perhimpunan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

yang Ke-31 dan juga penglibatan kanak-kanak yang diistilahkan sebagai bunga-bunga bangsa di perhimpunan berkenaan.

Seperti mana yang saya jelaskan bahawa dalam mukadimah yang awal, Program Khidmat Bakti Negara bukanlah merupakan sebagai program teknikal ataupun vokasional. Ia merupakan sebagai program pembangunan jati diri, mendisiplinkan golongan belia dengan menanamkan sifat-sifat kerohanian, setia kawan, patriotisme kepada bangsa dan negara, taat kepada raja di samping menanamkan semangat keusahawanan dan kemasyarakatan.

Jadi mengenai saranan Yang Berhormat tadi bagi penambahan program-program yang akan memberikan kemahiran yang akan digunakan bagi pelatih-pelatih untuk mendapat pekerjaan iaitu yang berbentuk kemahiran ataupun teknikal, belumlah lagi difikirkan oleh pengendali Program Khidmat Bakti Negara. Akan tetapi program-program nilai tambah kepada jati diri dan disiplin dan juga menghargai pekerjaan melalui modul budaya kerja adalah sentiasa diberikan penilaian dan seterusnya penambahbaikan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Tajuk yang kaola akan bawakan ialah Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Bencana alam dan musibah seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh, angin kencang atau ribut dan kejadian lain yang dikategorikan di peringkat bencana alam adalah satu kejadian yang berlaku dengan tidak mengenal siapa, di mana dan bila ia akan berlaku.

Apa yang kita ketahui pada masa ini sumber dana bagi mangsa-mangsa bencana alam diperolehi melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sehubungan dengan itu, kaola mengusulkan semua sumber bantuan kewangan dari pihak Kerajaan, bantuan kewangan dari swasta dan awam dikumpulkan dan disimpan dalam satu tabung yang diberi nama 'Tabung Bencana Alam Kebangsaan', digunakan khas untuk bencana alam sahaja.

Tujuan utama penubuhan Tabung Bencana Alam Kebangsaan ini diwujudkan ialah sebagai pusat pengurusan pentadbiran dana bagi mangsa-mangsa bencana alam dan

musibah agar ia lebih terarah, efisien dan efektif.

Ini bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menginginkan jentera perkhidmatan awam supaya lebih efektif dan efisien. Pengurusan pentadbiran yang cekap dan mesra pelanggan adalah antara Tekad Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 ini.

2. Tajuk SL04A - Muzium-muzim Brunei Yang Berhormat Pengerusi. Kaola rasa bangunan Muzium Brunei Darussalam yang terletak di jalan Kota Batu tidak begitu bersesuaian lagi dikekalkan dalam lingkungan era globalisasi zaman yang serba moden, canggih dan *sophisticated* ini. Apabila dilihat dari segi kedudukan tempat yang terletak di pinggir bukit yang difikirkan berbahaya dan tidak begitu selamat untuk menghadapi bencana alam yang serius.

Di samping reka bentuk dan seni bina bangunan yang tidak begitu melambangkan ciri-ciri kebudayaan Brunei dan falsafah Melayu Islam Beraja. Selain tidak begitu menampakkan ciri-ciri seni bina yang agak moden, sistematik, canggih (*sophisticated*) dan islamik untuk menyimpan segala khazanah bahan-bahan artifak yang sangat berharga dan mempunyai nilai-nilai sejarah dan saintifik kebudayaan

dan ketamadunan bangsa yang sangat berharga di negara ini.

Kaola berpendapat, sudah tiba masanya kita mengambil contoh dari negara-negara luar yang memperkembangkan peranan dan fungsi-fungsi muzium, selain sebagai tempat mempamerkan khazanah sejarah negara kepada tempat pengajaran dan pembelajaran alternatif dan menarik selain daripada bilik darjah. Sehubungan dengan itu, kaola ingin mencadangkan pembinaan bangunan muzium baharu di kawasan Bandar Seri Begawan sebagai sebahagian daripada projek pelan induk strategik membina dan menaik taraf ibu kota Bandar Seri Begawan.

Di samping itu, muzium-muzium juga dicadangkan menggabungkan elemen-elemen teknologi seperti menjadikan lebih *interactive*. Semua ini akan dapat memberikan nilai tambah kepada perkhidmatan muzium-muzium. Bukan hanya setakat memberikan pengetahuan umum melalui pameran yang disediakan dan juga akan dapat dijadikan sebagai sebahagian tempat pendidikan alternatif yang menarik.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri  
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan saya juga mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan

cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Iaitu mengenai penubuhan Tabung Kebangsaan dan juga mengenai cadangan untuk membina sebuah bangunan muzium yang baharu di Bandar Seri Begawan bagi menggantikan muzium yang ada.

Mengenai pembinaan Tabung Bencana Kebangsaan yang dicadangkan, perkara ini diberikan perhatian dan akan difikirkan semasak-masaknya. Mengenai cadangan bagi membina sebuah bangunan muzium yang baharu di Bandar Seri Begawan, perkara ini juga diambil perhatian dan dibuat penilaian.

Walau macammanapun, sukacita saya mengongsikan pandangan bahawa kedudukan Muzium Brunei adalah satu kedudukan yang sangat unik kerana ianya dibina berdekatan dengan kawasan arkeologi, Kota Batu dan juga berhampiran dengan kawasan Sungai Brunei yang merupakan pada satu ketika dahulu merupakan kawasan tamadun dan juga sebagai ibu kota Brunei pada kurun yang awal.

Apabila kita melihat akan keadaan ataupun kedudukan strategik muzium yang ada ini dan juga mengambil kira dengan aset-aset muzium dan aset-aset yang lain terdapat di Bandar Seri Begawan seperti Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Bangunan Lapau, Bangunan Lapau Lama, Bangunan

Dermaga Kastam Diraja maka kita akan melihat terdapat satu lingkaran mengenai dengan muzium-muzium di Negara Brunei Darussalam yang akan dapat dikembangkan dan menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam termasuk kepada penyelidik-penyelidik yang datang ke Brunei.

Maka ia hanya memerlukan untuk mengembangkan infrastruktur dan untuk menjalinkan *connectivity*. Bukan saja dari segi *connectivity* infrastruktur, tetapi dari segi *connectivity* minat kepada aset-aset yang saya nyatakan tadi. Maka apabila ia dapat dikembangkan, kita akan dapat melihat aset-aset yang terdapat pada masa ini dapat dilalui ataupun dilawati oleh pelancong-pelancong, sama ada melalui laluan laut ataupun sungai ataupun melalui laluan darat. Ini merupakan sebagai satu tarikan kepada pelancong dan ini juga mengembangkan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Pergerakan persatuan belia nampaknya



berkurangan daripada masa yang lalu. Umpamanya kita kurang mendengar berita-berita pementasan drama, tarian dan lain-lain. Ini berkemungkinan persatuan belia itu di bawah kawalan dan pentadbiran Pasukan Polis Diraja Brunei.

Apa kiranya pendaftaran persatuan belia itu di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pemantauan yang tertentu bagi perjalanan persatuan tersebut terus aktif dengan cambahan idea yang bernas, suntikan semangat belia dan seterusnya menubuhkan Balai Belia Negara.

Dari situ nanti akan digembleng tenaga belia itu dengan perkara yang kaola sebutkan iaitu drama, tablo, tarian-tarian dan lagu-lagu asli. Lagu-lagu asli itu sinonim dengan orang Brunei. Terutamanya lagu-lagu lama iaitu 'Oh Ilallah' dan lagu 'Dang Batikus' untuk mendodoikan anak-anak kecil bersemangat waja. Begitu juga dengan lagu-lagu asli Brunei yang penuh dengan pantun-pantun, boleh menyuntik semangat para belia dan masyarakat hari ini.

Untuk menjadikan rakyat bersatu padu, rakyat sayangkan raja, rakyat mencintai kemerdekaan dan rakyat mahu maju setelah merdeka selama 30 tahun kerana kemerdekaan itu sesuatu yang berharga. Untuk tidak menggembar-gemburkan, maafkan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Bagaimana menyatupadukan rakyat

belia dengan budaya lagu-lagu asli. Umpamanya pantun itu:

Naik ke mimbar menjunjung berkat,  
Menjunjung berkat di waktu Subuh,  
Kita hidup mesti muafakat,  
Bersatu teguh bercerai roboh.

Satu contoh cukup Yang Berhormat Pengerusi. Begitu juga dengan lagu-lagu asli kanak-kanak 'Oh Ilallah' dan 'Dang Batikus' ini. Sebenarnya lagu-lagu ini lembut, menyayat ke dalam hati kanak-kanak yang kecil. Makanya kalau dapat digalakkan dalam pendidikan kanak-kanak. Begitu juga contohnya Yang Berhormat Pengerusi, kalau diizinkan. Lagu 'Dang Batikus', tidak seindah mana kalau kaola sebutkan. Tapi kalau ibu-ibu yang tahu dengan lebih baik. Contohnya:

Dang Batikus,  
Tikus-tikus akan Dayangku / Awangku,  
Malaiku jangan kau menangis.

Sama juga kalau becakap 'Oh Ilallah' kepada kanak-kanak sambil mendodoi-dodoi.

Doi Ilallah lai,  
Ilallah akan Awangku / Dayangku.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat. Jangan terlalu lama, kalau lama kita akan tertidur.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Seterusnya di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terdapat banyak kursus-kursus. Tetapi bagi kaola, belum menjurus

kepada sasaran yang sebenarnya. Umpamanya kita belum mendengar kursus menggunting rambut sebagai satu contoh, kalau sudah ada kursus menggunting rambut tentulah banyak tukang gunting rambut di bandar-bandar. Kalau bergunting rambut mana ada belia Melayu. Jadi mudah-mudahan akan dapat diusahakan bagaimana menambah pengunting-pengunting rambut itu. Begitu juga dobi dan lain-lain.

Pada hari pertama pembayaran pencen warga emas mereka telah hadir beramai-ramai ke rumah Ketua Kampung. Dalam keadaan demikian maka kaola mengesyorkan agar mereka itu berdoa membaca doa kesyukuran atas kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap bulan. Begitu juga penerima perkhidmatan pencen di Kementerian Kewangan akan berdoa sama-sama sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah terus berfikir tentang ketua-ketua kampung dan penghulu mengenai keselamatan mereka. Keselamatan itu ialah dalam perjalanan bertolak dari Kebudayaan, Belia dan Sukan menuju ke rumah masing-masing yang ditakuti mendapat kecederaan dan lain-lain. Makanya kaola mengharapkan

supaya perkara itu dibuat. Ini suara dari Ketua Kampung yang menyedihkan tentang perkara itu. Jangan nanti sudah terhantuk baru tengadah dan sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna.

Akhirnya Yang Berhormat Pengerusi kaola bercakap mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa ditubuhkan lebih 50 tahun. Dalam pada itu pada pendapat kaola perkembangan sastera di Dewan Pustaka belum cukup matang. Idea yang dicetuskan untuk gerakan hanyalah dari pegawai-pegawai Dewan Bahasa sendiri dan juga Pengarahnya. Akhir-akhir ini baru terasa bahang cambahan Dewan Bahasa yang diperhebatkan dan digembur-gemburkan berkemungkinan melalui sokongan daripada individu yang mahu melihat pergerakan bahasa dan sastera itu bergerak terus maju.

Pada hemat kaola untuk memperhebatkan lagi gerakan perkembangan bahasa dan sastera itu hendaklah kita menubuhkan Satu Jawatankuasa. Jawatankuasa itu yang dipanggil Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini terdiri daripada orang-orang berjiwa besar, berkaliber, progresif dan bersinar tentang bahasa dan sastera. Mudah-mudahan dengan adanya lantikan Lembaga Pengarah itu akan menampakkah kemajuan bahasa dan sastera di Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain di atas soalan-soalan yang diajukan. Saya akan menjawab mengikut yang mana mudah dahulu dijawab yang lewat sedikit di kebelakangan. Mengenai pandangan dan saranan bagi mengadakan kursus tukang gunting yang sebenarnya Pusat Pembangunan Belia pernah mengadakan atau menganjurkan kursus berkaitan dengan tukang gunting dan *beauty saloon*.

Kebelakangan ini minat atau kecenderungan belia kita tidak lagi begitu banyak ataupun tinggi ke arah mengikuti kursus tukang gunting ini. Maka perkara tersebut telah pun diberhentikan buat sementara waktu sehingga mungkin ada minat akan timbul lagi dalam kalangan belia kita untuk mengikuti kursus tukang gunting berkenaan. Walau bagaimanapun bagi kursus kecantikan wanita ia merupakan sebagai kursus yang diminati dan banyak pemohon untuk mengikutinya.

Mengenai budaya, alhamdulillah saya merasakan dalam hal ini, walaupun Yang Berhormat melihat mungkin tidak terdapat banyak kegiatan ataupun program yang menjurus kepada mengembangkan, membangun, memperkaya dan juga mempromosikan budaya, tapi kita boleh melihat bahawa seperti kata orang "lain hulu, lain parang, lain dulu lain sekarang". Perkembangan budaya itu dibuat bukan lagi melalui semata-mata dari

pementasan ataupun persembahan yang tertentu ataupun berkala.

Tetapi ia dibuat secara berterusan malahan pengembangan budaya yang kita laksanakan di Negara Brunei Darussalam ini, bukan sahaja ia diadakan dalam negara malah juga diadakan bagi tujuan mempromosikan dan mengembangkannya di luar negara sama ada di rantau *ASEAN* mahupun juga persembahan antarabangsa. Sebagai contoh rombongan Kebudayaan Negara Brunei Darussalam mengadakan persembahan di Russia dan Oman mempersembahkan akan keunikan dan kekayaan budaya dan adat bangsa Brunei.

Begitu juga program memasyarakatkan budaya itu berjalan dengan giat dan rancak dalam berbagai-bagai perancangan ataupun aktiviti yang dibuat sewaktu cuti sekolah dengan mengadakan persembahan di *Mall*, di kompleks-kompleks perniagaan dan seumpamanya. Begitu juga kita melihat perkembangan budaya itu malah jauh berkembang dalam mana belia kita sudah berani untuk menceburi bidang Kebudayaan dalam bentuk perfileman dan juga dalam bentuk penerbitan video dan ada juga bentuk drama tv. Ini menunjukkan satu perkembangan yang positif kepada perkembangan budaya yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Juga terdapat budaya itu bukan sahaja semata-mata kita menghimpunkan, mengembangkan, mempromosikan budaya atau

kebudayaan yang kita warisi tetapi juga memberikan nilai tambah kepada budaya dan warisan yang kita warisi itu supaya ia akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui *creative industry*.

Mengenai cadangan untuk mengadakan Lembaga Pengarah mengenai bahasa perkara tersebut diambil perhatian dan akan dinilai kesesuaiannya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahli-ahli Yang Berhormat Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun kita bincangkan dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Sekarang saya ingin mencadangkan supaya perkara ini kita undi dan seterusnya kita luluskan. Saya sekarang bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SL01A hingga SL06A sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Tajuk ini diluluskan.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Anggaran Perbelanjaan Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM - Kementerian Kesihatan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Jawatankuasa membincangkan bagi Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, ingin untuk menyampaikan ucapan mukadimah. Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan mukadimah mengenai senario kesihatan negara masa kini dan strategi Kementerian Kesihatan, dalam sama-sama menuju ke arah pencapaian Wawasan Negara 2035.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah berjaya secara berterusan memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan mudah diperolehi bagi semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Walaupun dimaklumi negara turut menghadapi penurunan ekonomi global dan akan mengalami defisit peruntukan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, semasa pembentangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2015/2016.

Alhamdulillah Kementerian Kesihatan telah disokong bagi peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 berjumlah \$385,115,340.00 iaitu tambahan sebanyak \$11,901,340.00 daripada peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015.

Peruntukan ini akan digunakan bagi pembayaran Gaji Kakitangan sebanyak \$226,523,680.00 manakala Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah \$145,891,660.00 iaitu tambahan sebanyak \$6,352,880.00. Sebahagian digunakan bagi Pemeliharaan Sistem Komputer termasuk untuk membiayai sistem *Bru-HIMS* berjumlah \$1,173,520.00.

Perbelanjaan Pemeliharaan Aset secara keseluruhan berjumlah \$1,350,000.00. Tambahan bagi Pembekalan dan Perkhidmatan Perubatan secara keseluruhan berjumlah \$1,150,000.00. Manakala Ubat secara keseluruhan berjumlah \$2,300,000.00.

Manakala perbelanjaan di bawah Tajuk Khas diberikan \$12,700,000.00. Ini semuanya jelas membuktikan

keprihatinan, pemeduliaan dan komitmen yang tinggi Kerajaan di bawah pemerintahan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil perhatian serius, betapa pentingnya perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti demi menjaga dan melindungi kesejahteraan, meningkatkan kualiti kehidupan serta keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Justeru itu, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini seharusnya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keprihatinan kerajaan dalam sama-sama menjaga dan melindungi kesihatan rakyat dan penduduk negara ini. Dan kita hendaklah sewajarnya memanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan dalam memperkukuhkan dan memperkesakan lagi sistem dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan negara, dan memastikan kedayatahannya telah mengenal pasti strategi-strategi utama yang lebih bersistematik bukan sahaja mendukung ke arah pencapaian visi Kementerian Kesihatan (Bersama Ke Arah Warga Sihat) malahan bersama-sama untuk merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Negara 2035.

Strategi Kesihatan Negara yang berasaskan penyelidikan dan bukti, piawaian antarabangsa dan saranan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) serta amalan-amalan terbaik memberi perhatian kepada semua komponen sistem penjagaan kesihatan secara holistik seperti:

- i. Penyampaian perkhidmatan;
- ii. Urustadbir (*governance*);
- iii. Sumber tenaga manusia;
- iv. Sumber kewangan bagi kesihatan;
- v. Teknologi maklumat dan penyelidikan;
- vi. Produk vaksin dan teknologi perubatan; dan
- vii. Pembangunan infrastruktur.

Strategi kesihatan negara turut disesuaikan dengan perkembangan dan situasi pada masa kini. Dengan mengambil kira cabaran-cabaran khususnya dalam bidang kesihatan bagi masa mendatang, sama ada dalam negeri, peringkat serantau dan global.

Strategi kesihatan negara seterusnya, memfokuskan kepada dua elemen penting iaitu strategi mengenai sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan sistem infrastruktur kesihatan.

Secara keseluruhan terdapat 7 strategi yang diberi keutamaan yang sedang dan telah mula dilaksanakan. Mengikut keutamaan sama ada dalam jangka masa pendek, sederhana dan seterusnya insya-Allah untuk 20 tahun ke hadapan, seperti yang berikut:

- i. Mempromosikan kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan secara berterusan dengan memberi fokus *people centred care* dan penggunaan kaedah teknologi maklumat (IT). Dari hasil penyelidikan didapati, penggunaan perkhidmatan kesihatan di negara ini telah meningkat secara berlebihan. Jika dibandingkan dengan tahap penggunaan di negara-negara lain.

Walau bagaimanapun, juga didapati sebilangan pesakit yang hanya berkunjung ke pusat-pusat kesihatan, atau Bahagian Kemalangan dan Kecemasan Hospital, apabila keadaan penyakit yang dialami bertambah teruk, hingga menjadi kronik. Keadaan sedemikian boleh dielakkan jika rawatan telah didapatkan terlebih awal iaitu semasa menunjukkan simptom awal penyakit, atau yang lebih baik lagi seperti sering disarankan oleh Kementerian Kesihatan dengan menjalani pemeriksaan saringan, kesihatan (*health screening*).

Justeru itu, Kementerian Kesihatan memberi fokus kepada mengutamakan dan memperkukuhkan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi berasaskan kaedah penjagaan kesihatan universal (*universal health coverage*) dan *people's centered care* di samping menggalakkan orang awam untuk bersama-sama lebih bertanggung jawab terhadap penjagaan kesihatan diri masing-masing, keluarga dan masyarakat. Dengan adanya strategi

ini, dihasrat akan mengoptimalkan penggunaan perkhidmatan perubatan kesihatan di semua peringkat yang lebih rasional dan kos efektif di samping dapat membendung bebanan kos kesihatan negara, sekali gus memastikan kedayatahan sistem kesihatan dan juga dalam memberikan perkhidmatan yang optimum, berkualiti dan efisien.

Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah berjaya melangkah ke hadapan dengan pelaksanaan sistem maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang lebih dikenali *Bru-HIMS*. Alhamdulillah, *Bru-HIMS* telah mendatangkan kesan yang positif lagi signifikan dalam memperkesakan lagi kualiti dan penambahbaikan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan di negara ini. *Bru-HIMS* seterusnya akan diperkukuhkan dan dimantapkan lagi pada masa akan datang.

Insyallah pada tahun ini Kementerian Kesihatan akan memperkenalkan sistem *Picture Archiving and Communications Systems (PACS)* iaitu seperti imej-imej, *x-ray, ultrasound, CT Scan, MRI* dan sebagainya untuk diintegrasikan ke dalam sistem *Bru-HIMS*. Penggunaan *PACS* ini akan memberi nilai tambah yang imej-imej berkenaan boleh diakses lebih mudah, cepat dan tepat dan jelas oleh para profesional kesihatan untuk membantu dan memastikan

pengurusan rawatan klinikal cara lebih efisien dan secara optima.

- ii. Mendukung pengurusan kesihatan dan amalan cara hidup sihat dengan memperluaskan dasar-dasar yang menyokong promosi kesihatan dan *health in all policies*. Strategi ini dikenal pasti setelah mengambil kira akan status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini yang sangat membimbangkan apatah lagi dengan penyakit yang tidak berjangkit atau yang dikenali *Non Communicable Diseases (NCD)* yang menjadi bebanan yang semakin meningkat, penyebab penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi serta punca kematian di negara ini.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan akan mempergiatkan secara berterusan pendekatan bagi pengesanan awal golongan masyarakat yang mempunyai risiko tinggi dan juga pengawalan penyakit di peringkat awal, sebelum menjadi kronik dan memerlukan rawatan yang lebih kompleks. Ini termasuklah memperkenalkan kaedah *health screening* ataupun saringan kesihatan di pusat-pusat kesihatan dan semasa program kesihatan diadakan.

Saya membawa misalannya mengenai senarionya di negara ini mempunyai kadar penyakit buah pinggang atau renal yang sangat tinggi dan meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014 sahaja, jumlah mereka yang menghidap penyakit buah pinggang yang

menjalani dialisis adalah seramai 698 orang iaitu dianggarkan satu dalam 600 orang penduduk di negara ini menerima rawatan dialisis. Adalah dianggarkan bahawa dalam jangka 10 tahun akan datang jika penyakit-penyakit tidak berjangkit ini tidak dibendung dengan lebih efektif, maka nisbah ini dijangka akan meningkat kepada 1 dalam 400 orang penduduk yang memerlukan rawatan dialisis.

Kedadaan ini sangat membimbangkan bukan sahaja dilihat daripada peningkatan kos rawatan malahan boleh menjejaskan kesihatan, produktiviti, kualiti kehidupan dan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara. Masa kini perbelanjaan bagi penyakit renal ini saja kira-kira 7 peratus dari keseluruhan peruntukan Kementerian Kesihatan. Ini satu misalan salah satu penyakit tersebut.

*Brunei Darussalam National Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD) 2013-2018* adalah merupakan salah satu pendekatan dan strategi kesihatan yang holistik, komprehensif dan *integrated* dengan penglibatan pelbagai *stakeholders*. Selain itu Kementerian Kesihatan menangani mencegah penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang berteraskan kaedah *Health in all Policies* selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan sedunia dalam *World Health Organisation's Global Action Plan for NCD*

*Prevention and Control*. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta komitmen semua *stakeholders* termasuk sektor Kerajaan, sektor swasta, *NGO's* dan juga masyarakat di negara ini untuk sama-sama menangani, mencegah, mengawal dan mengurangkan bebanan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit daripada terus menular dan berleluasa di negara ini serta menyerapkan amalan cara hidup sihat.

- iii. Memastikan kedayatahanan sistem kesihatan di samping memperkukuhkan *universal health coverage*, dengan memastikan pengurusan sumber-sumber secara optima serta perancangan dan perkembangan sumber manusia yang lebih efektif. Antara lain pendekatan yang diberikan fokus ialah peningkatan efisiensi klinikal secara optima serta memperbaiki lagi pengurusan transisi penjagaan kesihatan di hospital dan fasiliti kesihatan secara menyeluruh. Kementerian Kesihatan juga berhasrat untuk merancang bagi memanfaatkan sumber profesional kesihatan secara *partnership* dengan perkhidmatan kesihatan swasta.
- iv. Kementerian ini juga secara berterusan untuk mengembang luaskan pelbagai disiplin kepakaran profesional kesihatan melalui program-program latihan dalam dan luar negeri. Dari segi tenaga profesional kesihatan dan perubatan, alhamdulillah dari



setahun ke setahun terdapat peningkatan jumlah profesional kesihatan dalam pelbagai kepakaran dan kemahiran dari kalangan anak-anak tempatan di negara ini yang menyumbang perkhidmatan penjagaan kesihatan negara. Misalnya jumlah doktor tempatan telah meningkat dari 194 orang pada tahun 2008 kepada 319 orang pada awal tahun 2015. Manakala jumlah konsultan tempatan dalam pelbagai bidang profesion perubatan, kesihatan dan pergigian telah juga alhamdulillah meningkat dari 30 orang pada tahun 2008 kepada 80 orang pada tahun 2015.

- v. Memantapkan dan mengimple-mentasi dasar dan peraturan termasuk perundangan bagi menjamin perlindungan kesihatan awam dan meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan. Melalui strategi ini, Kementerian Kesihatan memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif peningkatan kualiti. Program pencapaian akreditasi kebangsaan dan antarabangsa bagi fasiliti penjagaan kesihatan dan sasaran mengenainya telah pun dikenal pasti sehingga menjelang tahun 2035.

Ini sebagai kesinambungan pencapaian pengiktirafan dan akreditasi antarabangsa sepertimana pencapaian makmal di Kementerian Kesihatan yang telah mendapat akreditasi *ISO* dan baru-baru ini mendapat pengiktirafan pihak *WHO*

sebagai makmal kebangsaan ujian campak (*measles*) dan *rubella*.

- vi. Kementerian Kesihatan juga memberi keutamaan kepada pengukuhan serta memperkesakan lagi perundangan negara mengenai bidang kesihatan sebagai komponen penting dalam mendukung kepada matlamat untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan awam. Perkembangan terbaharu seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kesihatan Mental (*Mental Health Order*) yang telah dikuatkuasakan pada 1 November 2014 sebagai salah satu pendekatan penting yang mendukung kepada penjagaan dan perlindungan pesakit-pesakit yang menghidap kecelaruan mental di negara ini secara holistik, berkualiti dan lebih berkesan.

Manakala beberapa perundangan semata-mata untuk memantap kan dan mengukuhkan penjagaan dan perlindungan kesihatan awam adalah sedang dalam proses penelitian untuk penggubalan seperti *Public Health (Food) Act - Food Hygiene Regulations; Public Health Order (Vector)*, kawalan fasiliti penjagaan kesihatan swasta serta undang-undang bagi mengawal pengamalan *Allied Health Professionals*.

Dari aspek dasar kesihatan, kementerian ini telah menghasilkan *Brunei Darussalam National Medicines Policy* (Dasar Ubat

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam). Objektif Dasar Ubat Kebangsaan ini akan melindungi keselamatan dan kesihatan awam dengan penggunaan ubat yang berkualiti dan efektif bagi mencapai kesihatan dan kesejahteraan masyarakat yang optima.

*National Strategy For Maternal, Infant and Young Child Nutrition (MIYCN) in Brunei Darussalam 2014-2020* atau matlamat strategi Kebangsaan bagi Pemakanan Ibu, Anak-anak Damit (termasuk penyusuan susu ibu) dan kanak-kanak Negara Brunei Darussalam 2014-2020. Strategi ini dijadikan sebagai garis panduan kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam bersama-sama mendukung ke arah meningkatkan status pemakanan ibu, anak damit (termasuk pengamalan penyusuan susu ibu) dan kanak-kanak bagi penambahbaikan kesihatan dan kesejahteraan mereka serta generasi akan datang secara signifikan di negara ini.

- vii. Mendukung Urus Tadbir (*Governance*) penjagaan kesihatan yang proaktif dan telus. Kordinasi dan integrasi dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar serta pemberian perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang diberikan oleh pelbagai institusi kesihatan dari pihak Kerajaan dan swasta di negara ini memerlukan pensejajaran yang lebih mantap dan berkesan. Ini penting bagi mengoptimalkan

sumber-sumber yang ada dari aspek tenaga profesional dan kewangan.

Kementerian Kesihatan juga sangat peka akan peluang bagi meningkatkan pelaksanaan program *Public Private Partnership (PPP)* dan *outsourcing* ini akan turut mendukung kepada pembangunan inklusif serta kedayatahan fiskal. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif yang melibatkan kaedah kewangan alternatif yang dikenal pasti lebih kos efektif khususnya melalui program seperti yang berikut:

- a. *Leasing* bagi sebahagian peralatan di Jabatan Perkhidmatan Makmal; dan
- b. *Outsourcing* bagi perkhidmatan-perkhidmatan dukungan (*support services*) seperti penyediaan permakanan, pengurusan dan pemeliharaan letak kereta di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, pemuliharaan dan pemeliharaan estet dan aset, perkhidmatan pembersihan dan lain-lain lagi; dan
- c. *Public Private Partnership (PPP)* dalam pemberian perkhidmatan seperti bekerjasama dan kolaborasi bersama serta menjadi rakan kongsi khususnya dengan *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC)*, *Neuroscience* *Stroke*

*Rehabilitation Centre (NSRC) dan  
The Brunei Cancer Centre  
(TBCC).*

Kementerian Kesihatan mengenal pasti akan kepentingan hala tuju dan perancangan pengukuhan infrastruktur dan kemudahan kesihatan negara bagi memenuhi keperluan perkhidmatan-perkhidmatan dan mensejajarkan fungsi setiap fasiliti-fasiliti kesihatan masa kini dan bagi jangka masa panjang.

Oleh yang demikian, 2 strategi telah dikenal pasti yang menjadi keutamaan dalam pembangunan infrastruktur ialah seperti yang berikut:

1. Memantapkan peranan dan kapasiti serta mengubah suai serta menaik taraf dan mengembangluaskan hospital-hospital Kerajaan di setiap daerah dan fasiliti-fasiliti kesihatan yang lain.

Ini termasuklah Projek Pelan Induk Menaiktaraf Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang sudah berusia lebih 30 tahun. Alhamdulillah, pada peringkat awal Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan peruntukan sejumlah \$28,570,000.00 sebagai projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi kerja menaik taraf wad-wad dan kemudahan-kemudahan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Fasa 2).

Projek ini untuk memenuhi perkembangan perkhidmatan dalam pelbagai kepakaran perubatan, keperluan yang sangat kritikal dari segi penjaminan kualiti klinikal dan keselamatan pesakit dan kakitangan serta menyediakan prasarana yang selesa lagi kondusif di samping mengambil kira perkembangan teknologi terkini termasuk memenuhi kehendak-kehendak piawaian antarabangsa.

Manakala, \$9,950,000.00 telah juga diperuntukkan bagi kerja-kerja infrastruktur dan mengubahsuai dan menaik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan dan lain-lain di bawah Projek BAIK. Bagi projek-projek yang disediakan di bawah peruntukan tersebut sebahagiannya sedang dalam proses pelaksanaan dan akan terus dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan.

Perkembangan terbaharu seperti kita sedia maklum ialah Pusat Kesihatan Wanita dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang telah siap dibina dan telah mula beroperasi pada 12 Januari 2015 yang lalu. Pusat ini bukan sahaja dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang moden dan berkualiti tetapi juga dilengkapi dengan segala *equipment*, alat perubatan yang moden dan canggih serta terkini dalam usaha kita sama-sama untuk memperkesakan lagi penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan efektif kepada pesakit-

pesakit yang memerlukan rawatan khususnya kepada wanita dan kanak-kanak.

Ini termasuklah juga menyediakan pelbagai kemudahan khusus seperti Unit Rawatan Rapi Anak Damit (*NICU*), Unit Rawatan Khas Anak Damit (*SCBU*), Unit Rawatan Rapi Pediatrik (*PICU*), *Unit High Dependency*, Bilik Kelas Pertama, Bilik Pembedahan Obstretrik, Bilik Bersalin, Wad Pengasingan, Klinik-Klinik Pediatrik, Obstetrik dan Ginekologi, Farmasi, tempat letak kereta Perkhidmatan *Shuttle Bus* dan lain-lain.

Bangunan baharu Jabatan Perkhidmatan Farmasi bertempat di Kampung Madaras, Mukim Berakas juga telah siap dibina pada 19 Jun 2014. Dengan adanya bangunan ini, Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah dapat mempertingkatkan dan memperluaskan lagi perkhidmatannya seperti dalam mengukuhkan pelaksanaan sistem pendaftaran ubat-ubatan. Pengeluaran ubat-ubat farmaseutikal, pengawalan kualiti ubat-ubatan dengan penguatkuasa undang-undang yang berkaitan pengawalan keselamatan ubat-ubatan termasuk produk-produk kesihatan dan kosmetik di negara ini semata-mata melindungi kesihatan awam; dan

2. Mengukuhkan rangkaian pusat-pusat kesihatan di seluruh negara termasuk mengemas kini strategi *distribution* dan model perkhidmatan

yang akan diberikan. ini adalah strategi yang ketujuh. Konsep penjagaan kesihatan asasi dikemas kini dan dikembanguaskan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih komprehensif bagi meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan, di samping menambah keselesaan orang ramai dengan penggunaan sumber tenaga manusia dan kepakaran yang lebih kos efektif, efisien dan optima.

Perancangan ini melibatkan penyusunan semula lokasi dan tadahan pusat-pusat serta klinik-klinik kesihatan yang sedia ada, kepada 7 buah Pusat Kesihatan komprehensif atau *Comprehensive Health Centres (CHC)* di seluruh negara di samping mengekalkan beberapa pusat kesihatan dan klinik kesihatan yang sedia ada. Salah satu daripadanya projek yang dimaksudkan ialah Pusat Kesihatan Baharu yang komprehensif di kawasan Rancangan Skim Perumahan Negara Lambak Kanan yang sedang dalam proses pembinaan untuk memenuhi keperluan kepadatan penduduk yang berjumlah lebih daripada 50,000 di kawasan tadahan pusat kesihatan tersebut.

Alhamdulillah, dengan berkat kepimpinan, bijaksana dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berwawasan lagi berpandangan jauh ke hadapan, serta dengan

wujudnya strategi-strategi kesihatan negara yang lalu dan pada masa ini yang lebih terarah, lebih sistematik lagi holistik, negara berjaya mengekalkan pencapaian sasaran *United Nations Millennium Development Goals* (Matlamat Pembangunan Milenium) yang berkaitan dengan kesihatan.

Selanjutnya, negara insya-Allah akan mampu menambah baik dan mempertingkatkan lagi pencapaian hingga ke tahun-tahun selanjutnya ke arah Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (*Sustainable Development Goals*) mengenai kesihatan selepas tahun 2015 Masihi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) iaitu bertemakan "Memastikan Kehidupan Yang Sihat dan Mempromosi Kesejahteraan Bagi Semua Peringkat Umur" (*Ensure Healthy Lives and Promote Well-Being for All At All Ages*). Perancangan dan pelaksanaan strategi-strategi kesihatan yang mendukung Wawasan Negara 2035 dihasrat akan membawa transformasi kepada sistem penjagaan negara ke abad 21 ini agar lebih efisien, efektif serta berkualiti dengan penggunaan sumber yang optimum kos efektif dan ekonomikal.

Strategi ini juga memastikan kesiapsiagaan negara menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan mendatang bukan sahaja di peringkat nasional malahan di peringkat serantau dan global, serta berterusan memberikan perkhidmatan yang komprehensif, *accessible* kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk negara secara saksama, *sustainable*

bagi jangka panjang untuk memenuhi keperluan negara selaras dengan dasar *universal health coverage*.

Apa yang lebih penting ialah strategi-strategi kesihatan ini dihasratkan untuk bersama-sama menjana warga dan generasi yang sihat sejahtera sepanjang hayat, aktif, produktif dan sekali gus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang dinamik, mapan dan berdaya tahan.

Sekianlah, sekali lagi kaola mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan dan peluang kepada saya untuk memberikan mukadimah ini. Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun memberikan penerangannya mengenai Tajuk Belanjawan Kementeriannya. Saya berpendapat bahawa masanya sudah tiba bagi kita untuk berehat. Maka saya cadangkan Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita beralih untuk bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini

ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada esok hari iaitu pada hari Khamis, 28 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 19 Mac 2015 Masihi, pada pukul 9.30 pagi. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Khamis, 28 Jamadilawal 1436H / 19 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari kesebelas, Khamis, 28 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 19 Mac 2015 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarkatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua, maka kita dapat pada pagi ini meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kesebelas.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah sehingga hari ini kita telah banyak menyelesaikan Perkara V - Soalan-

Soalan Yang Diberi Notis, Perkara VI - Usul Yang Telah Diberi Notis serta satu Usul Yang Tidak Diberi Notis).

Walau bagaimanapun, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang ini di Peringkat Jawatankuasa untuk kita teliti satu persatunya. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya, saya suka mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu.

Pada mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan petang semalam, alhamdulillah kita telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada pagi ini kita akan terus menyambung lagi perbincangan bagi Tajuk SM - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada petang semalam telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran belanjawan bagi kementerian tersebut.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung perbincangan bagi Tajuk Kementerian Kesihatan ini dibuka untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin membuat kenyataan tambahan dan penjelasan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan semasa membincangkan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maka dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

#### **Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kelmarin mengenai *Review Convention of the Eliminating of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*. Negara Brunei Darussalam di Geneva, Switzerland pada bulan Oktober 2014 Masih bahawa komite *CEDAW* telah menyatakan penghargaan terhadap kemajuan yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam dalam usaha membangun dan memperkasa kaum

wanita dan juga dalam menangani segala bentuk diskriminasi terhadap wanita.

Dalam waktu yang sama, komite *CEDAW* telah mengemukakan beberapa pemerhatian dan saranan (*concluding observation*) yang Negara Brunei Darussalam mengambil maklum mengenainya.

Mengenai Pelan Tindakan bagi Perlindungan Wanita yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sukacita memaklumkan bahawa melalui Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita, sebanyak 8 bidang keutamaan telah pun dikenal pasti iaitu pengukuhan; institusi keluarga, keseimbangan pekerjaan dan keluarga, ekonomi, hak wanita dan perundangan, sumber maklumat mengenai keluarga, kesihatan, pendidikan dan mekanisme memperkasa wanita.

Keberhasilan Pelan Tindakan ini dipantau mengikut jangka waktu pelaksanaannya (*deliverable milestones*). Projek dan program yang mempunyai sukat-sukat Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*). Alhamdulillah, melalui program-program yang diusahakan oleh berbagai-bagai pihak yang berkepentingan, kaum wanita di negara ini telah berjaya mencapai beberapa kemajuan dalam bidang pendidikan termasuk peranan mereka dalam menggalakkan *early literacy* untuk anak-anak.

Kesedaran dalam bidang kesihatan terutama bagi diri mereka sendiri (*maternal health*) dan ahli keluarga, bidang kerjaya, hak undang-undang mereka melalui peruntukan undang-undang yang ada bagi mendapatkan perlindungan dan bantuan sosial dan dalam bidang perekonomian terutama untuk membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekiranya saya dibenarkan, saya ingin menjawab lagi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain iaitu mengenai keselamatan Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu dalam menguruskan hal-ehwal Pencen-Pencen Umur Tua. Sekiranya saya dibenarkan, saya akan memberikan penjelasan yang ringkas.

Dalam hal ini, saya dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun memberikan perlindungan Takaful Insurans Berkelompok kepada semua Penghulu dan Ketua Kampung sejak tahun 2014 Masihi yang bertujuan melindungi mereka daripada terjadinya sebarang perkara yang tidak diingini.

Oleh yang demikian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan sekali lagi menyarankan agar Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung mengambil wang-wang bantuan dan pencen secara berperingkat-peringkat ataupun kata orang Brunei kitani "beincit-incit." Ini selaras dengan

saranan Takaful Insurans Berkelompok. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya percaya penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu tadi sudah cukup jelas bagi menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan pada petang semalam oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Ahli-Ahli yang Berhormat. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi semalam, kita juga telah meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ada seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ikut serta mengemukakan beberapa soalan dan cadangan terhadap Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan. Maka pada sidang pagi ini, saya ingin sekarang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengemukakan jawapan atau penjelasan berkenaan dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada pagi semalam itu. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen. Wabihee Nastai'inu  
Alaa Umuriddunyaawaddin, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Sayyidina

Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih atas peluang Yang Berhormat Pengerusi berikan kepada kaola ini.

Antara soalan yang telah dikemukakan semalam ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai kenapa Projek Pembinaan Masjid Kampong Tanjung Bunut terbengkalai?

Bagi jawapan kaola ialah kaola mengatakan dukacita dimaklumkan bahawa projek pembinaan dan pembesaran Masjid Kampong Tanjung Bunut yang telah berjalan dengan baik dan hampir-hampir mula dilaksanakan pada tahun lepas, tetapi telah tergendala dan terhenti buat sementara.

Perkara ini tidak dapat dielakkan bagi mengelakkan perkara buruk yang mungkin berlaku pada masa ia sedang dibina atau setelah siap dibina. Mengapa? Kerana ia ada risiko. Dalam hal ini, Majlis Ugama Islam Brunei dalam mesyuaratnya telah mengambil keputusan supaya Surau Kampong Tanjung Bunut diroboh atas sebab bangunan asal surau tersebut menampakkan retak pada strukturnya dan tidak selamat untuk digunakan sebagaimana laporan dan nasihat daripada pakar. Dalam pada cadangan sebelumnya, surau itu dikekalkan dan disambung dengan bangunan masjid yang baharu. Maka disebabkan khawatir akan keselamatan para jemaah jika ia

diteruskan, maka keputusan yang berat itu telah diambil.

Bajet asalnya, \$1.2 juta adalah untuk memperbaiki dan menaik taraf masjid berkenaan dengan kapasiti kira-kira 400 orang jemaah. Walau bagaimanapun, memandangkan ia akan diroboh dan dibina di atasnya sebuah masjid yang benar-benar baharu, maka kapasitinya telah dinaikkan yang boleh menampung kira-kira 800 jemaah dengan harganya juga meningkat menjadi \$3.6 juta. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berusaha untuk mendapatkan peruntukan tersebut. Dengan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mempermudah bagi mendapatkannya. Jadi, ada hikmah di sebalik kelambatannya.

Mengenai beberapa buah masjid yang disebut Yang Berhormat seperti Masjid Kampong Masin, pembaikan seluruh bangunan sudah pun dibuat, tinggal lagi pembesarannya akan diusahakan memandangkan jemaah semakin meningkat.

Masjid Kampong Junjungan dan Masjid Kampong Lumapas ada dalam perancangan Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10). Namun Masjid Kampong Tanjung Nangka, minta maaf tidak menjadi keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10), memandangkan di persekitarannya telah ada beberapa buah masjid. Walau bagaimanapun, kita akan usahakan supaya dapat dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN11).

Masjid Kampong Kasat memang tiada dalam rancangan, hanya perlu kepada pembaikan.

Mengenai persekolahan agama yang nama-namanya disebut oleh Yang Berhormat. Sebenarnya lebih tepat digunakan istilah 'guna sama' bukannya menumpang kepada Kementerian Pendidikan. Perkara ini sudah lama dimaklumi, makanya atas kerjasama kedua-dua buah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kita telah dapat membentuk modal insan yang terbaik. Sementara aset-aset di bawah kedua-duanya adalah aset Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan kerjasama demikian, dapatlah diselamatkan wang kerajaan. Hanya jika tidak dapat dielakkan maka dibinalah sekolah agama berasingan.

Sekolah agama itu ialah Sekolah Ugama Limau Manis, Sekolah Ugama Pangkalan Batu dan Sekolah Ugama Junjungan. Adapun Sekolah Ugama Kampong Madewa akan dibina yang baharu, hanya menunggu kelulusan Lembaga Tawaran Negara. Manakala Sekolah Ugama Kampong Kasat akan dibinakan blok baharu.

Bagi soalan kedua, jawapannya ialah bantuan sara hidup dan membina rumah untuk Asnaf Fakir Miskin. Memang menggunakan sepenuhnya peruntukan dana dari Kumpulan wang Zakat Majlis Ugama Islam.

Bagi jawapan soalan ketiga, bagi setiap permohonan yang dihadapkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei perlulah diteliti dengan rapi dan memerlukan waktu dengan mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Hukum Syara' dalam pemberian zakat. Walau bagaimanapun, memang ada hasrat dan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperbaiki proses permohonan bantuan rumah ini supaya golongan tersebut akan dapat menikmati keselesaan hidup dengan rumah kediaman yang sempurna.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Jawapan mengenai soalan tentang jawatan Bilal di masjid. Jawatan Bilal adalah salah satu jawatan di luar bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Sebelum ini syarat-syarat kelayakan bagi jawatan Bilal Tingkatan II (Gred II) hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya lulus Peringkat Rendah di Sekolah Agama Dewasa. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa jumlah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara pada masa ini sudah mencapai 117 buah iaitu 65 buah di Daerah Brunei Muara termasuk 2 buah masjid negara iaitu Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame' Asr Hassanil Bolkoh. 13 buah di Daerah Belait, 28 buah di Daerah Tutong dan 11 buah Daerah Temburong.

Dari jumlah tersebut Jabatan Hal Ehwal Masjid hanya mempunyai peruntukan

sebanyak 37 jawatan bagi Bilal Tingkatan (Gred) 1, 40 jawatan bagi Bilal Tingkatan II (Gred) dan 11 jawatan bagi Bilal Tingkat II khas (jawatan ini khusus untuk saudara-saudara baharu sahaja).

Jumlah keseluruhan dari jawatan tersebut ialah sebanyak 88 jawatan sahaja. Dari jumlah tersebut hanya 70 jawatan sahaja yang telah diisikan. Manakala 10 jawatan, belum diisikan. Walau bagaimanapun, tindakan untuk mengisikan jawatan tersebut sudah dilaksanakan dan pada masa ini sedang dalam proses tertentu sama ada di peringkat Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Untuk makluman Yang Berhormat. Kementerian ini sememangnya menyedari bahawa jumlah peruntukan jawatan Bilal tersebut tidak mencukupi dan menjadi hasrat Jabatan Hal Ehwal Masjid supaya setiap sebuah masjid mempunyai seorang bilal. Namun sedemikian, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah berusaha membekalkan setiap masjid dengan 2 orang pegawai masjid, sama ada ia berjawatan Imam ataupun Bilal ataupun kedua-duanya berjawatan imam. Di samping itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid ada juga ditempatkan di masjid-masjid berkenaan. Langkah ini diambil bagi memastikan kelancaran rutin harian tugas pegawai masjid tidak terjejas.

Antara usaha lain yang sedang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi menambah jawatan Bilal ialah dengan

mengemas kini semula Skim Perkhidmatan Bilal. Skim berkenaan pada masa ini sedang dalam penelitian Jawatankuasa Tangga gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam pada itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid sedang dalam rangka menyediakan satu kertas kerja bertajuk: "Keperluan Pegawai-pegawai Masjid Di Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai Ibadat di Seluruh Negara."

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan mengenai berapa banyakkah masjid yang mempunyai bilik pengurusan jenazah? Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil perhatian untuk menyediakan fasiliti yang bersesuaian termasuklah bilik pengurusan jenazah.

Mengenai pembinaan masjid-masjid yang baharu memang dikehendaki supaya bilik pengurusan jenazah diwujudkan, begitu juga masjid-masjid yang di bawah Projek USAI. Walau bagaimanapun masjid-masjid lain dalam perancangan dan pertimbangan mengikut keutamaan dan kemampuan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ialah mengenai tentang bantuan perubatan *JPMC* melalui Majlis Ugama Islam Brunei bagi pemegang *IC* Merah, Ungu dan Hijau. Majlis Ugama Islam Brunei memberikan bantuan perubatan kepada asnaf zakat yang layak sebagaimana digariskan oleh Hukum Syara' dengan tidak tertumpu kepada *IC* Kuning sahaja.

Kementerian Hal Ehwal Ugama menyambut baik pandangan Yang Berhormat mengenai e-Kubur akan diteliti kesesuaian dan keperluan cadangan berkenaan dengan mengambil kira kemampuan dalam menyediakan sistem tersebut. Tidak dinafikan dalam era teknologi ini kita memerlukan satu alat atau satu sistem bagi memudahkan pengurusan.

Untuk makluman, buat masa ini bagi mengemas kini perkuburan orang-orang Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama melaksanakan sistem penomboran secara manual dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Insyallah Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengambil sikap proaktif dalam mengemas kini dan meningkatkan kualiti hal-ehwal yang berkaitan dengan pengurusan perkuburan orang-orang Islam.

Perkara yang ketiga, yang berkaitan mengenai isu pengeluaran zakat harta telah dibangkitkan di dalam khutbah Jumaat pada 6 Mac 2015 Masihi lalu. Sebagai menggalakkan orang Islam di negara ini supaya suka dan mahu mengeluarkan zakat harta masing-masing. Dalam mencapai hasrat ini dan dalam memberikan keyakinan kepada orang ramai, ia memerlukan maklumat yang perlu disampaikan dan mudah difahami oleh rakyat di negara ini yang beragama Islam supaya mengetahui usaha ke arah pengurusan zakat harta oleh pihak yang berwajib selama ini agar rakyat lebih yakin bahawa urusan tersebut berjalan dengan baik, lancar



serta efisien. Khutbah Jumaat adalah salah satu media yang efektif untuk menyampaikan maksud tersebut. Usaha-usaha akan lebih agresif dibuat untuk menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat harta.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengauditan bagi akaun kumpulan Wang Zakat memang menjadi amalan dan dibuat secara berterusan. Kaola difahamkan pada pagi ini, secara rasminya pengauditan secara rasmi telah selesai untuk tahun 2009 atau 2010 Masihi, sementara 2011 Masihi masih lagi menunggu perasmianya daripada pihak audit.

Untuk makluman, sebagai misalan bahawa pada tahun 2014 Masihi jumlah kutipan zakat fitrah (yang belum diaudit) ialah \$924,402.56. Dari sejumlah 328,452 orang pengeluar zakat fitrah. Kutipan zakat harta (yang juga belum diaudit) ialah \$16,923,245.71 dari 4,386 orang pengeluar zakat harta.

Manakala dari aspek perbelanjaan / pengagihan zakat, sebagai misalan pada tahun 2014 Masihi itu ialah:

Asnaf Fakir Miskin	-	\$15,970,127.07
Asnaf Muallaf	-	\$ 1,086,580.00
Asnaf Amil	-	\$ 207,801.63
Asnaf Al-Gharimin	-	\$ 657,775.80
Asnaf Musafir	-	
JUMLAH	:	<u>\$ 17,922,284.50</u>

Perbelanjaan pengagihan zakat yang telah dikeluarkan.

Bagi soalan yang berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Soalan mengenai pensijilan halal. Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil perhatian atas saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia tersebut. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang penglibatan orang bukan Islam dalam proses pengesahan dan pensijilan halal Masjid Ugama Islam ke atas premis dan produk halal.

Mengenai pensijilan halal, alhamdulillah Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat teliti dan berhati-hati dalam pengurusan dan kualiti. Untuk menjaga kualiti dan menjaga *standard* Halal Brunei, maka perincian makanan wajiblah benar-benar memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Syara'.

Dalam perkara mengenai penyenaian bahan-bahan atau ramuan ini, sebahagian pemohon telah menggunakan khidmat konsultan dalam menyediakan senarai bahan dan ramuan ini dan mungkin di sinilah yang dimaksudkan akan keterlibatan orang bukan Islam tersebut. Mereka hanya terlibat menyediakan senarai menu dan ramuan sahaja. Senarai inilah yang dihadapkan kepada Urusetia iaitu Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Seterusnya akan diteliti pula oleh pegawai-pegawai audit; Audit Kecukupan (Dokumen) dan Audit Lapangan. Setelah itu, hasil pengauditan itu akan dibawa ke Mesyuarat

Jawatankuasa Pemeriksaan dan hasil sokongan jawatankuasa Pemeriksaan itu akan di bawa ke Majlis Ugama Islam untuk proses mendapatkan pengesahan bagi Pensijilan Halal tersebut.

Mengenai soalan ikat janji pelajar dermasiswa. Setakat ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama belum ada melepaskan ikat janji berkhidmat dengan kerajaan kepada pelajar-pelajar biasiswa. Walau bagaimanapun, jika ada permohonan daripada pelajar-pelajar berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama boleh mencontohi apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan kerana segala dasar dan peraturan yang berkaitan dengan biasiswa kerajaan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah juga selaras dengan apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan meneliti dengan lebih lanjut mengenai perkara ini dengan mengambil kira impak yang positif dan negatifnya kepada kementerian dan negara.

Soalan mengenai Pelajar Berkeperluan Khas. Pada dasarnya Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari bahawa perkhidmatan pendidikan agama bagi Pelajar Berkeperluan Khas adalah penting dan merupakan antara *core business* kementerian ini yang disalurkan melalui Unit Pendidikan Khas Agama, Bahagian Sekolah Agama, Jabatan Pengajian Islam, yang pembelajarannya secara inklusif

dilaksanakan di sekolah-sekolah agama yang mempunyai Pelajar-Pelajar Berkeperluan khas.

Ini selaras dengan matlamat dan objektif penubuhan Unit Pendidikan Khas Agama, iaitu membantu dan membimbing Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas berkeperluan dalam aspek kerohanian berdasarkan Al-Quran dan As Sunnah dengan memberikan tumpuan utama kepada mengembangkan potensi fardu 'ain dan kemahiran pelajar-pelajar berkenaan tentang pelaksanaan tuntutan fardu 'ain seperti menunaikan ibadah sembahyang lima waktu, melakukan taharah (bersuci) dan membaca Al-Quran.

Sistem pembelajaran agama yang dilaksanakan bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas adalah *pull out system*. Sistem ini membolehkan Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas bersosialisasi dengan murid-murid lain. Setakat ini tidak menimbulkan *Culture Shock* dalam kalangan pelajar-pelajar berkenaan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam sentiasa berusaha semaksimumnya dengan kapasiti sumber tenaga pengajar yang ada untuk memberikan bimbingan dan perkhidmatan khusus kepada Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas ini. Setakat ini, dengan persetujuan ibu bapa mereka, setiap hari semua Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas mengikuti pembelajaran bersama pelajar-pelajar lain di dalam bilik darjah yang sama.

Walaupun bagaimanapun, bagi perkhidmatan bimbingan khusus setiap minggu pelajar-pelajar diberikan bimbingan mengikut keperluan dan tahap *severity* pelajar, yang dilaksanakan melalui *Pull Out System* atau *Team Teaching*.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam juga sedang berusaha mengemas kini dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan pendidikan agama bagi semua pelajar termasuklah juga perkhidmatan yang diberikan kepada Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas iaitu melalui strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga-tenaga pengajarnya dengan memberikan latihan kemahiran, sama ada latihan jangka panjang (LDP) atau latihan-latihan jangka pendek seperti menghadiri seminar, bengkel, lawatan kerja ke institusi-institusi pengajian yang bersesuaian sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Selain itu, Yang Berhormat Pengerusi. Antara strategi yang akan dan sedang diumumkan bagi meningkatkan perkhidmatan dan pengurusan Pendidikan Khas Agama ini, ialah menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan mengikut keperluan pelajar-pelajar berkenaan. Selain itu, JPI melalui Unit Pendidikan Khas Agama pada masa ini sedang giat meneliti dan seterusnya mengemas kini kurikulum

serta penilaian bagi pelajar-pelajar berkenaan.

Matlamat kita bagi pelajar-pelajar ini bukanlah memiliki sijil peperiksaan akan tetapi supaya pelajar-pelajar berkenaan dapat memahami dan menguasai kemahiran membaca Al-Qur'an dan tuntutan fardu 'ain seperti sembahyang lima waktu, kaifiyat berwudu', puasa dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan Pengajian Islam menempatkan tenaga pengajar pendidikan khas ke pusat-pusat yang mengendalikan kanak-kanak Berkeperluan Khas seperti Pusat Ihsan Al-Ameerah Hajjah Mariam, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC), Pusat Bahagia *Eric Goh* dan Pusat Bahagia di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Memang diakui kekurangan tenaga yang berkemahiran dalam Pendidikan Khas Agama ini. Namun untuk memenuhi tuntutan semasa, seperti peribahasa 'tiada rotan, akar pun berguna'. Maka tenaga yang sedikit dan kurang latihan ini dimanfaatkan dahulu, sementara kita berusaha menambah kuantiti dan kualitinya.

Soalan yang berikutnya ialah soalan daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Saranan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang kedai/restoran ditutup pada bulan Ramadhan agar orang bukan Islam

boleh makan di dalamnya, perkara ini akan di bawa dan diteliti oleh pihak yang berkenaan yang berautoriti.

Soalan yang berikutnya, ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Masjid RPN Lumut. Pada masa ini, penelitian lukisan (*drawing*) telah selesai. Kini dalam proses tender.

Soalan ejen Pakej Haji dan Umrah. Kerajaan memang mengalu-alukan mana-mana pengendali untuk menjalankan pakej haji dan umrah. Setakat ini, hanya ada dua pengendali iaitu *Darussalam Holding* dan *SCA* yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Kita berharap yang lain juga akan tampil dengan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Soalan yang berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai Masjid Kampong Mumong. Pada masa ini ia bukan merupakan keutamaan dan keperluan. Kita berharap pembinaan masjid berkenaan dapat dicadangkan dalam RKN ke-11 nanti. Soalan-soalan lain yang ditimbulkan telah ditolongjawabkan oleh Yang Berhormat rakan sejawatan semalam.

Mengenai soalan yang berikutnya iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pembinaan beberapa buah masjid seperti Kampong Lamunin, Rambai dan Danau. Pada masa ini nampaknya tidak menjadi keutamaan kerana tiada kemampuan kita. Bagaimanapun kita

akan usahakan lagi bagi RKN Ke-11 akan datang. Insya-Allah.

Soalan berhubung pengajaran Al-Qur'an dan tafsirannya. Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Agama menyambut baik saranan Yang Berhormat itu. Untuk makluman, Kementerian Hal Ehwal Uagama sememangnya berhasrat untuk mendatangkan tenaga pakar dan pada masa ini berusaha meoptimumkan tenaga tempatan dalam mengendalikan pengajaran-pengajaran Tafsir Al-Qur'an di masjid-masjid melalui program takmirnya.

Alhamdulillah, penerbitan Tafsir Brunei Darussalam dan terjemahannya telah selesai dilancarkan dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan. Selain itu juga, ia disalurkan melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum agama seperti peraduan Syarahan Tafsir Al-Qur'an, Program di RTB iaitu Pengajaran dari Al-Qur'an dan sebagainya.

Soalan berhubung dengan pembelajaran sekolah agama di sambung selepas Darjah 6 agama. Perancangan ini memerlukan ketelitian dari segi keperluan dan kesesuaiannya dan dari segi kemampuan dan tenaga manusianya.

Pada dasarnya selepas Darjah 6 agama itu, pembelajaran agama kita tidak terhenti setakat itu sahaja malah diteruskan melalui pembelajaran mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah menengah dan di peringkat prauniversiti.

Pembelajaran fardu 'ain, alhamdulillah telah dapat dilaksanakan melalui sistem persekolahan agama sebagaimana matlamat penubuhannya. Manakala kesinambungan pembelajaran agama di peringkat menengah adalah bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi penghayatan beragama dalam kalangan pelajar. Alhamdulillah, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dalam sama-sama mendukung pendidikan agama, maka mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam juga telah dijadikan sebagai mata pelajaran yang teras di peringkat sekolah rendah dan menengah. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana menambah *periodh*nya daripada 4 kepada 6.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, bila hendak dibina Sekolah Agama Keriam, sedangkan Sekolah Agama Kupang sudah pun siap dibina dan digunakan pada awal tahun 2015 Masihi.

Yang Berhormat, insya-Allah jika tiada aral 'gundala', Sekolah Agama Keriam akan dibina, yang pada masa ini sudah dalam peringkat tawaran. Sementara itu, Masjid Kampung Ukong, sedang dalam reka bentuk. Soalan mengenai mengapakah hanya di Kampong Sibut, Temburong sahaja dibina rumah tempat tinggal saudara-saudara baharu, tidak ditempat lain?

Kaola rasa ini bukan soalan, sebab kenyataan saya ialah bantuan yang diberikan itu dalam berbagai-bagai

bentuk dan cara, juga dengan kerjasama berbagai-bagai agensi dalam kerajaan yang dikendalikan oleh berbagai-bagai jawatankuasa. Yang penting ialah tempat kediaman diusahakan. Kita wajar bersyukur alhamdulillah.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, Yang Berhormat menyoal bagaimana hendak menangani fenomena media sosial bagi memastikan maklumat-maklumat yang disebar tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang kita anuti.

Soalan Yang Berhormat seterusnya ialah apakah langkah-langkah kerajaan yang sudah diusahakan bagi persediaan kita untuk menangani dan menangkis segala kemungkinannya jika berlakunya penyeludupan masuk secara sembunyi-sembunyi ke negara ini iaitu penyebaran fahaman songsang seperti fahaman Wahabi dan Syi'ah yang kini begitu hangat diperkatakan tentang kejayaan ajaran-ajaran tersebut yang bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tersebar di negara jiran.

Mengenai soalan pertama tadi yang terus dikaitkan dengan soalan kedua, untuk mengawal media sosial, kaola kira kita mempunyai mekanisme keselamatan yang cekap yang sentiasa mengawal negara ini daripada anasir yang membahayakan. Dari usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui

Pusat Da'wah Islamiah akan berkerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan yang lain untuk mengenalkan apa yang di panggil Media Baharu yang perisiannya ialah hal-hal keagamaan berkait dengan syariah dan akidah, soal jawab ugama, hukum-hakam, ceramah dan sebagainya.

Ini sebagai alternatif untuk menjadi rujukan yang sah bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis, dan pendapat para ulama yang muktabar. Saya benar-benar berharap dan berdoa agar Pusat Da'wah Islamiah akan dapat merealisasikan perkara ini seberapa segeranya dan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk menangkis fahaman yang tidak betul, menyeleweng dan bercanggah dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kita sangat-sangat bersyukur kerana perlembagaan kita telah membentengi negara ini dari ajaran yang tidak betul dan sesat dari saat mula digariskan bahawa agama rasmi negara ini ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Mazhab Shafiee.

Inilah antara faktor yang menyelamatkan, berbanding dengan sesetengah negara lain. Kita juga telah mempunyai peraturan dan undang-undang Jenayah Syariah, mempunyai pusat-pusat pengajian tinggi yang di dalamnya ada Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan Pusat Penyelidikan Mazhab Imam Shafiee. Tidak kurang pentingnya jua ialah kerjasama dan perpaduan kukuh umat Islam di negara ini di semua peringkat

dengan taat setia di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah dengan pertolongan Allah jua kita akan selamat, aman dan sejahtera.

Mengenai menambah kuota haji, apa yang dapat kaola katakan, kaola dalam setiap perundingan dan persuratan dengan pihak yang berautoriti Kerajaan Arab Saudi sentiasa menghadapkan permohonan bagi penambahan kuota tersebut dari hanya 400 kuota. Marilah sama-sama kita berdoa bagi kejayaan usaha tersebut, agar lebih ramai jemaah haji kita dapat menunaikan rukun Islam yang kelima itu setiap tahun.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, mengenai cara melupuskan Al-Quran. Kita ada satu alat yang dipanggil *Incinerator* (alat pembakar khas) bagi kitab Al-Quran yang telah lusuh yang tidak dapat lagi dimanfaatkan. Al-Quran itu setelah dibakar kemudian ditanam di tempat yang sesuai dan selamat ataupun dibuang ke laut. Cara yang demikian pernah dibuat pada zaman sahabat dahulu.

Mengenai minuman keras, perkara ini telah pun diharamkan kemasukannya ke negara kita sejak lama, kecuali bagi kegunaan *non-muslim* dengan had-had yang tertentu, di tempat mereka sendiri. Mengambil iktibar pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat juga ada *non-muslim* atau jelasnya dipanggil "kafir zimmi". Mereka dibolehkan

menggunakannya di tempat mereka sendiri sahaja, dengan kadar yang terhad.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu adakah dalam perancangan atau pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Negara Brunei Darussalam menubuhkan Tabung Haji?

Pemikiran itu memang ada sejak lama sudah, malahan lawatan ke Tabung Haji juga pernah dilakukan. Tabung Haji itu berskala besar untuk berkhidmat kepada golongan yang besar jumlahnya. Namun apa kurangnya, kita sudah ada TAIB, sesuai dengan saiz kita, yang tugas awal-awal TAIB ditubuhkan ialah untuk memberi kemudahan kepada bakal-bakal haji dan umrah. Saya kira amanah itu masih dipegang. Di bawahnya ada anak syarikat *Darussalam Holdings* yang tugasnya untuk mengaturkan perjalanan haji dan umrah. Jika ada kekurangannya, kita tingkatkan dan perbaiki apa-apa yang kurang.

Demikianlah tadi jawapan kaola kepada 12 soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Dalam pada ini, kaola ingin mengambil kesempatan dalam menjawab soalan daripada Awang Haji A. Ahmad bin Husain, yang kita sering diserang dengan pantun beliau. Maka kaola pada kali ini juga ingin membalas sedikit. Mudah-mudahan ada juga bermanfaat kepada beliau dan hadirin. Begini pantun kaola:

Buah Pidada Buah Keranji,  
Buah Durian santapan Puteri,  
Belum berjaya bukan ertinya mungkir janji,  
Awal akhir pasti ditepati.

Terbang tinggi burung Merpati,  
Burung Punai turun di lembah,  
Awal akhir pasti ditepati,  
Orang yang sabar disukai Allah.

Dari Brunei pergi ke Mekah,  
Pergi kerana membuat umrah,  
Sudah umrah pergi ke Jeddah,  
Orang yang sabar disukai Allah,  
Niat suci jangan berubah,  
Takdir Allah menentukan segala masalah.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Amin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang telah saya nyatakan kita telah pun mula membincangkan semalam Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun memberikan ucapan mukadimah mengenai Rang Belanjawan kementeriannya. Maka di sini saya mempunyai senarai seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan kali ini.

Dan dengan itu saya mempersilakan dahulu Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya  
Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli  
Yang Berhormat. Dalam Tajuk SM –  
Kementerian Kesihatan. Kaola akan  
menimbulkan 4 perkara di Dewan yang  
mulia ini seperti berikut:

1. Alhamdulillah, langkah Kementerian Kesihatan memperkenalkan Sistem *Bru-HIMS* adalah merupakan satu langkah usaha yang bijak dan menjadikan para pegawai perubatan melaksanakan tugas-tugas dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, dalam aduan yang dibuat terutamanya oleh pesakit-pesakit yang kadang kalanya ramai untuk berjumpa doktor di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong, sama ada perjumpaan untuk melaporkan sakit atau perjumpaan perjanjian dengan doktor, menunggu dalam masa yang agak lama.

Seorang pesakit kadangkala mengambil masa menunggu yang agak lama iaitu lebih daripada setengah jam, malah ada yang sampai satu jam baru dapat berjumpa dengan doktor. Masalah di atas yang selalu dihadapi oleh

pesakit-pesakit di Hospital Temburong, apabila doktor *On-Call*.

Soalan kaola apakah usaha Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah ini iaitu keperluan tambahan doktor di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan mengurangkan rungutan orang ramai khususnya kepada pesakit-pesakit?;

2. Untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada orang ramai di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, yang ada pada masa ini hanyalah doktor gigi lelaki. Dicadangkan dan dipohonkan supaya dapat ditambah perkhidmatan doktor gigi wanita di hospital tersebut. Ini setentunya memerlukan penambahan bilik bagi wanita.
3. Kaola difahamkan masalah yang dihadapi oleh perahu ambulans Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong. Nampaknya kurang berfungsi pada masa ini dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai khususnya bagi pesakit-pesakit. Sejak ia dirasmikan kaola difahamkan cuma ada beberapa kali sahaja digunakan untuk membawa pesakit ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan. Kaola ingin tahu apa masalahnya perkara tersebut?;



4. Mengenai *incinerator* (pembakaran *clinical waste*) seperti jarum, perkakas kotor dan dos-dos yang ada darah. Tempat pembakaran di dalam kawasan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, selalu sahaja dihidu oleh pesakit dan orang ramai yang berurusan apabila selepas pembakaran dilakukan. Dicadangkan supaya tapak *incinerator* dapat dibuat atau dipindah ke tempat yang bersesuaian.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Kaola mencadangkan supaya kaola mengumpulkan soalan-soalan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola lebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang begitu komprehensif yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat

Menteri Kesihatan kelmarin. Kita optimistik terhadap usaha-usaha gigih Kementerian Kesihatan, mengenai program-program dan strategi-strateginya dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini terjamin. Rasanya kaola tidak banyak soalan yang dapat diajukan, walau bagaimanapun kaola mempunyai beberapa pertanyaan sahaja.

Dalam memastikan segala program dan strategi yang dirancang oleh Kementerian Kesihatan itu berkesan dan berjaya menepati sasarannya dengan peruntukan wang sebanyak \$385,115,340.00 yang akan diluluskan sebentar nanti lagi, pada pandangan kaola kecukupan kakitangan yang mahir dalam menangani sebarang situasi pada bila-bila masa adalah *vital*. Pertanyaan kaola ialah:

- i. Masalah penjagaan kesihatan dari setahun ke setahun bertambah rumit, mahal dan kompleks. Setentunya memerlukan kepakaran yang mahir dan dinamik. Apakah strategi Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan lagi kepakaran yang ada?;
- ii. Bagaimanakah usaha Kementerian Kesihatan dalam menambah kekurangan kakitangan paramedik *front-line staff* ini di hospital dan pusat kesihatan di seluruh negara dan adakah sudah berhasil?; dan

iii. Walaupun, Kementerian Kesihatan telah banyak berusaha gigih dengan program-program dan promosi-promosi amalan cara hidup sihat, namun kadar penyakit yang tidak berjangkit *non-communicable diseases* semakin meningkat. Adakah perancangan untuk mengkaji penyebabnya dan mencari resolusinya?.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Mengikut mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam pada 18 Mac, 2015 mengikut catatan saya, penyakit buah pinggang merupakan satu gejala bagi penduduk Negara Brunei Darussalam, yang nampaknya telah bertambah dari semasa ke semasa akan datang.

Sebagai contoh, pada masa ini bilangan penghidapnya adalah sebanyak 690 orang, atau 1 bagi tiap-tiap 600 orang penduduk. Bilangan ini dijangka akan bertambah pada 10 tahun akan datang, iaitu kira-kira 1/400 bertambah setiap 400 orang 1 orang penduduk. Yang Berhormat Pengerusi, ini bermaksud jika

telahan ataupun kira-kira saya ini tidak silap, tolong betulkan jika tersilap.

Pada tahun 2025 Masihi iaitu 10 tahun yang akan datang penghidap penyakit buah pinggang mencapai ke angka 1,000 orang, berdasarkan penduduk Negara Brunei Darussalam pada masa ini kira-kira lebih kurang 400,000 orang atau dijangka bertambah sehingga 30 peratus. Yang Berhormat Pengerusi, memandangkan perangkaan ini, Kementerian Kesihatan terpaksa menanggung beban peruntukan 10 kali ganda untuk rawatan dan mengubati masa 10 tahun dari sekarang.

Yang Berhormat Pengerusi, Majlis amat bimbang dengan keadaan kesihatan yang telah dan akan dihadapi oleh penduduk negara ini, jika sekiranya langkah-langkah atau tindakan pencegahan yang ada sekarang kurang berkesan walaupun usaha-usaha telah dibuat oleh pihak berkenaan. Yang Berhormat Pengerusi, majlis menjunjung tinggi dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kerana telah mengambil langkah-langkah dan bertindak dengan bijaksana bagi mencegah penyakit buah pinggang yang terus bertambah walaupun ia dikategori bukan penyakit berjangkit. Tepat seperti kata pepatah, "mencegah itu lebih baik daripada mengubatinya." Ucapan tahniah sekali lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, soalnya. Majlis ingin tahu, apakah punca utama penyakit buah pinggang ini berlaku? Kalau puncanya dapat dikenal pasti atau

dapat dikesan, maka pihak berkenaan disarankan memberi penerangan melalui jerayawara dari semua sudut media, radio, televisyen dan sekolah-sekolah dan cara-cara lain yang mudah difahami oleh semua lapisan rakyat Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Baiklah kumpulkan semua sekali Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Insyallah, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kesihatan atas berapa kejayaan dalam melaksanakan beberapa keperluan dan kemudahan demi meningkatkan tahap kesihatan penduduk dan rakyat negara ini. Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa 4 perkara dalam persidangan ini:

1. Pada tahun 2014 Masihi, program gedung-gedung perniagaan bersih telah dilaksanakan. Satu usaha Kementerian Kesihatan yang disambut baik oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir gedung perniagaan yang masih kotor kawasannya disebabkan burung-

burung merpati yang bertenggek di kasau-kasau atau kalang atap menyebabkan najis burung berjatuhan di lantai yang dilalui oleh orang ramai dan kawasan jualan.

Soalan kaola adakah cadangan supaya pihak berkenaan mempersyaratkan gedung-gedung berkenaan, menutup kasau-kasau atau kalang dengan siling untuk mengelakkan tempat burung bertenggek dan tidak terkecuali dari syarat menjaga kebersihan?;

2. Pusat Kesihatan Mukim Lamunin kedudukannya di tengah-tengah perjalanan antara Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong dengan jalan Mukim Rambai dan boleh dilalui menerusi jalan Mukim Tanjung Maya dan jalan Mukim Kiudang. Jika berlaku kecemasan, masa bertindak perjalanan dari Mukim Rambai ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah dalam masa 30 hingga 45 minit, pergi balik 1 jam hingga ke-2 jam dan mungkin lebih.

Soalan kaola menerusi peruntukan \$4,500,000.00 bagi pembelian peralatan dan perkakas, adakah cadangan untuk menyediakan untuk sebuah ambulans di Pusat Kesihatan Lamunin, mengambil kira sebab-sebab yang berikut:

- i. Memendekkan masa perjalanan dari Pusat Kesihatan Lamunin ke kampung-kampung

- di Mukim Rambai dan sekitarnya iaitu kira-kira 15 ke-30 minit. Kemudian membawa pesakit ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong dari Pusat Kesihatan Lamunin hanya 20 minit atau ke Bandar Seri Begawan 45 minit. Jadi keseluruhan masa dari kampung-kampung di Mukim Rambai ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong hanya 50 minit atau 1 jam sahaja. Jika ambulans didatangkan dari Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah Pekan Tutong adalah 2 jam pergi balik;
3. Seterusnya ialah memperluaskan dasar dalam mendukung pengurusan kesihatan dan amalan cara hidup sehat:
- i. Apakah program secara praktikal bagi mencegah peningkatan atau pencegahan awal penyakit buah pinggang yang sangat membimbangkan?; dan
  - ii. Apakah program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan menerusi strategi promosi kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi menggalakkan orang ramai supaya melakukan pemeriksaan saringan kesihatan

awal sebelum terjadinya suatu penyakit itu lebih kronik?; dan

4. Mengenai tenaga profesional kesihatan dan perubatan memang diakui masih memerlukan tenaga luar terutamanya doktor pakar. Soalan kaola bagaimanakah pula tenaga sokongan yang lain, misalnya bahagian x-ray, jururawat dan bahagian farmasi, adakah masih memerlukan tenaga luar?

Sekian sahaja soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan Pehin.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah berjaya menerbitkan dua buah buku yang masing-masing bertajuk, '*National Strategy For Maternal Infant And Young Child Nutrition*' dan '*Brunei Darussalam Journey Towards Comprehensive Maternal Infant And Young Child Nutrition*' khusus untuk rujukan para ibu dan orang ramai dalam

meningkatkan kesihatan ibu dan anak damit ke arah memperbaiki perkembangan dan pertumbuhan intelektual ke satu tahap yang lebih optimum dalam mencapai kualiti kehidupan yang lebih sempurna.

Kaola menerangkan, kalau tidak menjadi keberatan supaya buku ini dapat disebarluaskan lagi dalam 3 bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Cina supaya ia dapat dibaca secara menyeluruh oleh ibu-ibu di negara ini sebagai satu lagi usaha dalam memantapkan lagi tahap kesihatan para ibu dan anak damit di negara ini sebagaimana yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) dalam '*Global Strategy of Infant and Young Child Feeding*' yang dikeluarkan pada tahun 2003 Masihi.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kesihatan adalah antara kementerian yang aktif merealisasikan visi dan misinya dengan inisiatif-inisiatif dan program-program yang menjurus kepada matlamat warga sihat. Kita mengucapkan sekali lagi penghargaan atas usaha yang berterusan Kementerian berkenaan yang kaola yakin akan menjadi motivasi kepada kita semua dalam sama-sama memberikan perkhidmatan awam yang terbaik. Izinkan kaola mengetengahkan beberapa isu daripada orang ramai di Dewan yang mulia in.

Kaola ingin bangkitkan ialah tenaga pakar seperti doktor pakar dan tenaga pakar kesihatan yang lain serta peralatan khusus di hospital-hospital

kerajaan di daerah-daerah lain. Dari apa yang kita telah fahami bahawa kebanyakan tenaga pakar dan peralatan khusus seperti mesin *MRI* hanya terdapat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, kaola berpendapat ada baiknya doktor-doktor pakar dan mesin-mesin *MRI* ini dapat dihantar dan dibekalkan ke Daerah Belait bagi mengurangkan penumpuan orang ramai ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan.

Negara kita memang terkenal dengan tahap perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi. Kita juga tahu bahawa setiap tahun perbelanjaan bagi membiayai perkhidmatan kesihatan di negara ini semakin meningkat. Sesetengah negara jiran telah berjaya memperluaskan perkhidmatan kesihatan mereka sehingga mampu menjadikan sebagai satu industri pelancongan kesihatan yang berjaya dalam menarik pelanggan luar negara untuk membuat lawatan di negara mereka. Industri ini sememangnya diakui dapat menjana pendapatan negara.

Dalam perkara ini, kaola ingin bertanya, adakah pihak yang berkenaan mempunyai perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatan di negara ini ke pasaran luar memandangkan potensi yang cerah dapat dilihat untuk menaikkan lagi pendapatan negara kita? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang

Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾ وَبَيِّرْ لِي اَمْرِي ﴿٢٦﴾  
وَاَحْلِلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي ﴿٢٧﴾ يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٢٨﴾

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam bercakap mengenai Kementerian Kesihatan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyatakan keaktifan Kementerian Kesihatan amat ketara. Lebih-lebih lagi dengan bangunan baharu dan pengurusan di dalamnya. Kalau kita melihat suraunya pun indah, hampir-hampir sama macam masjid. Tidak dapat dinafikan pihak Kementerian Kesihatan memang berjiwa besar. Apa yang kaola katakan ini, semua penduduk Daerah Brunei dan Muara mengetahui dan melihat sendiri.

Bas pengangkutan menjalar dari terminal ke destinasi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Tempat letak kereta telah diperbaharui dan cantik. Kini dipasang lagi lampu merah dan hijau untuk menentukan keselesaan di tempat letak kereta tersebut. Taklimat dan perjumpaan selalu

diadakan untuk makluman sesuatu perkara kepada orang ramai.

Latihan-latihan dan tunjuk ajar tentang kebersihan dan pencegahan sesuatu penyakit disuarakan seperti membasuh tangan, gigi dan sebagainya. Mungkin akan ada nanti pencucian 'tabuni' kanak-kanak kecil yang baru lahir dan mungkin nanti pengkhatanan kanak-kanak perempuan yang baru lahir. Ini semua gerakan drastik daripada Kementerian Kesihatan ini. Tentang perkara tersebut, kaola *salute* kepada menterinya, doktornya, pegawai-pegawai dan kakitangannya.

Yang Berhormat Pengerusi. Pusat Kesihatan Mukim Berakas 'B' dalam pembinaan terlalu rancak demi keperluan penduduk Mukim Berakas 'B'. Bagaimana pula dengan Pusat Kesihatan Mukim Berakas 'A' yang belum kedengaran beritanya. Kasihan penduduk Mukim Berakas 'A' yang belum mempunyai hospital, hanya sebuah klinik yang dibuat daripada flat kerajaan yang diubah suai.

Mengenai flat yang diubah suai ini Yang Berhormat Pengerusi, kalau diizinkan kaola bercakap sedikit, kaola terlibat mengenainya. Mula-mula akan membuat klinik ini masih di diami oleh penghuni yang tidak mahu berpindah daripada flat tersebut. Akhirnya pegawai perubatan dan pegawai hospital menemui kaola bagaimana caranya untuk mengeluarkan orang dalam flat ini supaya berpindah.

Jadi, kaola bertanya kenapa tidak ditanya kepada polis. Jawapan mereka kalau ditanya kepada polis, timbul lagi masalah. Lebih baik penghulu saja yang menguruskan. Kaola pun bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, berjumpa dengan penghuni yang tidak mahu berpindah itu. Rupanya kalau diketuk pintunya, ia membuka dengan membawa pamarang. Jadi ketakutan. Bertawakal kepada Allah bagaimana caranya untuk menyelesaikan. Perlahan-lahan, ia pun membuka pintu dan bercerita. Akhirnya ia akan berpindah bila ada tempat yang baharu untuk kediamannya sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola masih lagi menyebutkan tentang terserlahnya nama panggilan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, kerana masih ramai lagi yang menyebutkan nama RIPAS. Berulang-ulang kali, kaola tidak suka mendengar perkataan hospital RIPAS melainkan disebutkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, supaya lebih sedap didengar kerana kita mengangkat nama raja di dalam hospital itu dan menyokong Melayu Islam Beraja. Dengan membesar-besarkan raja dengan nama hospital.

Kaola masih terjumpa dengan pembayaran \$1 kepada pesakit yang hendak berjumpa doktor. Rupanya selama ini masih ada lagi bayaran \$1. Kaola fikir tidak lagi ada kerana telah disuarakan kita tidak ada caj mana-mana dalam perubatan. Makanya mudah-mudahan tidak lagi akan terjumpa mengenai hal tersebut. Kaola akhirnya dengan pantun saja:

Mengail di hujung taman,  
Berumpankan siar bangkita,  
Sakit mati tidak beriman,  
Sakit hidup tidak berharta.

Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil nota mengenai pantun yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ada 2 soalan sahaja.

Kaola ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan semua warga Kementerian Kesihatan kerana banyak membuat perubahan dan membina infrastruktur serta mengubah landskap Kementerian Kesihatan. Keprihatinan dan kerja kuat Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai dalam pengurusan amat disanjung tinggi dalam menggerakkan aset yang ada dan sumber tenaga manusia, semata-mata bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan.

Apa yang ingin diketahui melalui pencapaian yang disebutkan di atas, ada beberapa perkara yang ingin ditimbulkan. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam, 690 orang menghidap penyakit buah pinggang yang dibentangkan dalam mukadimah berkenaan. Soalan kaola:

1. Apakah pendekatan yang dapat dibuat untuk mengurangkan penyakit kronik yang sangat merbahaya ini untuk jangka masa yang panjang?;
2. Apakah program jangka panjang Kementerian Kesihatan untuk melahirkan para doktor dan jururawat yang mempunyai integriti, berdisiplin, berdedikasi serta lebih komited kepada tugas dan tanggungjawab?;
3. Adakah cadangan memberikan tangga gaji yang lebih baik sesuai dengan ganjaran yang diberikan menurut pakar (*international standard doctor*) jururawat yang bertaraf dunia. Ini bagi mengelakkan penghijrahan pegawai-pegawai ataupun pakar-pakar institusi yang lain yang menawarkan gaji dan kemudahan yang lebih baik. Ia khusus kepada pegawai-pegawai atau pakar atau jururawat tempatan kerana tenaga pakar doktor dan kepakaran yang tinggi menjamin keselamatan dan kualiti kehidupan bangsa yang maju.

Perkara ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian

Kesihatan malahan semua agensi kerajaan perlu memikirkan bersama mekanisme untuk menjamin tenaga yang sangat diperlukan ini kekal bertahan dan memberikan servis yang cemerlang;

4. Perkhidmatan ambulans ataupun kereta kecemasan. Perkara sedemikian selalu dibangkitkan. Walau bagaimanapun mudah-mudahan ada peruntukan. Dicadangkan supaya Klinik Sengkurong Kilanas dan Klinik Puteri Hajah Rashidah Sungai Asam akan menempatkan kereta ambulans bagi kemudahan pergerakan yang lebih cepat serta berkesan; dan
5. Yang Berhormat Pengerusi dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin mencadangkan supaya surau di Kementerian Kesihatan yang begitu indah dan cantik akan dapat menempatkan seorang yang bertaraf Imam bagi mengimamkan solat Maghrib, Asar dan Zohor kerana didapati bahawa banyak jemaah yang menunaikan sembahyang di surau tersebut tanpa ada Imam yang khas ataupun Guru Agama khas.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima



kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mengenai Nyamuk Aedes yang semakin membimbangkan di negara jiran.

Di negara kita kawalan patut dibuat dengan membuat semburan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Pada masa ini semburan nyamuk dibuat dengan cara memohon ke jabatan berkenaan dengan memakan masa lebih satu bulan baru dilaksanakan. Itu pun untuk satu buah atau tiga buah rumah sahaja. Dibandingkan beberapa tahun dahulu, satu kampung diberi semburan. Di kampung-kampung pada masa ini, nyamuk semakin membimbangkan kalau keluar rumah atau ke belakang rumah terpaksa membawa penyembur nyamuk seperti *Ridsect* atau *Sheltox*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Khusus bagi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana telah menyiapkan Blok Kesihatan Perempuan dan Kanak-

Kanak di Hospital RIPAS yang sudah setentunya untuk meningkatkan lagi taraf penjagaan kesihatan bagi kanak-kanak dan wanita dalam keadaan yang canggih dan berteknologi serta selesa.

Saya juga turut mengucapkan tahniah atas pelancaran *National Strategy for Infant Child Nutrition in Brunei Darussalam 2014/2020* iaitu sebagai satu usaha untuk memantapkan dan meningkatkan lagi kesihatan pemakanan serta kesejahteraan anak-anak damit, kanak-kanak serta ibu di Negara Brunei Darussalam. Dalam meningkatkan perkembangan modal insan dan demi kesejahteraan kanak-kanak hendaklah dilindungi mereka ini dari gejala-gejala negatif agar tidak berlaku keciciran sejak awal lagi.

Satu trend yang agak membimbangkan pada masa ini ialah meningkatnya bilangan kanak-kanak yang tergendala perkembangan dan kemahiran sosial. Terdapat sokongan santifik dan pendapat para pakar mengaitkan pendedahan awal serta berpanjangan akan *gadget* elektronik seperti *tablet* dan televisyen mungkin antara penyebabnya kes-kes tersebut.

Saya ingin menarik perhatian majlis iaitu pada bulan Januari 2015 Masihi Negara Taiwan telah memperkenalkan perundangan mengenai para ibu bapa di negara tersebut. Itu bapa boleh dihukum denda jika didapati membiarkan anak mereka berumur di bawah 2 tahun menggunakan *gadget* elektronik. Para ibu bapa di negeri berkenaan juga diwajibkan

untuk memastikan yang anak-anak mereka yang di bawah 18 tahun tidak menggunakan *gadget* elektronik dalam masa yang berlebihan. Saya bukanlah mencadangkan perundangan sebagai satu cara menangani perkara ini, akan tetapi jika didapati ia ada keperluan ada baiknya Kementerian Kesihatan mengambil tindakan awal secara proaktif. Soalan saya:

1. Adakah statistik bagi Negara Brunei Darussalam mengenai kanak-kanak yang menghadapi tergendala perkembangan dan kemahiran sosial seperti lambat bertutur dan *ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder)* serta status mengenainya?

Dalam satu kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat terdapat 11 peratus kanak-kanak berumur di antara 4 hingga 17 tahun didapati mempunyai simptom *ADHD* ;

2. Adakah kementerian bercadang untuk membuat kajian mengenai perkara ini bersama institusi-institusi tinggi di negara ini?; dan
3. Dicadangkan sebagai langkah awal kementerian untuk memberi garis panduan kepada ibu bapa mengenai risiko pendedahan berpanjangan elektronik bagi kanak-kanak.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Sekarang

saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Lebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana berjayanya memperkenalkan program-program dan strategi-strategi seperti yang berikut:

1. Mendukung pengurusan kesihatan dan amalan cara hidup sihat dengan memperluaskan dasar-dasar yang menyokong promosi kesihatan dan *health in all policies*; dan
2. *Brunei Darussalam National Multi-Sectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases, (BruMAP-NCD)*. Memastikan kedaya tahanan kesihatan dan memperkukuhkan *universal health coverage*. Pengurusan sumber secara optimum.

Perancangan dan perkembangan sumber manusia yang lebih efektif. Misalannya jumlah doktor tempatan telah meningkat dari 194 orang pada tahun 2008 Masihi kepada 319 orang pada awal tahun 2015 Masihi iaitu

dengan 30 peratus kepada 40 peratus dibandingkan dengan jumlah doktor seramai 664 orang pada tahun 2015 Masihi. Manakala jumlah konsultan tempatan dalam berbagai-bagai bidang profesion perubatan kesihatan dan pergigian telah meningkat dari 30 orang pada tahun 2008 Masihi kepada 80 orang pada tahun 2015 Masihi.

Pada pukul 7.50 pagi, pada bulan Oktober 2014 Masihi terjadi satu kebakaran di bangunan pesakit luar Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Kebakaran yang meranapkan bahagian *Cardiology Centre* yang dikatakan berpunca dari alat elektrik yang terlalu panas dekat pintu kecemasan bangunan itu.

Selepas itu satu kebakaran terjadi lagi pada pukul 8.15 pagi pada 30 Disember 2014 Masihi, di bangunan yang sama di bilik mesin untuk peralatan lif-lif. Kebakaran itu bermula dari bilik pesakit luar.

Pesakit pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan bagi kesakitan yang mereka hadapi dan mereka menganggap hospital adalah tempat mengadu masalah penyakit-penyakit mereka. Sekali gus mendapatkan rawatan yang boleh menyembuhkan penyakit-penyakit mereka itu. Tidak ragu-ragu lagi hospital tentu sekali tempat yang selamat.

Kebakaran ini berkaitan dengan elektrik atau pendawaian elektrik. Jadinya soalan koala, sudahkah Kementerian Kesihatan membuat rancangan untuk menukar semua pendawaian elektrik yang sudah lama, mungkin selama bangunan itu mula dibangun lebih 30 tahun yang lalu, bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor**

**@ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ada tiga soalan:

1. Apakah keberhasilan langkah-langkah Kementerian Kesihatan dalam mengesan doktor-doktor yang tidak mahu balik bertugas sebagaimana Yang Berhormat Menteri Kesihatan timbulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara beberapa tahun yang lalu mereka ini seperti "kacang lupakan kulit"?;
2. Apakah status Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam telah pun diperkenankan penyediaannya oleh konsultan pada 2012 Masihi?; dan

3. Adakah Kementerian Kesihatan membuat rancangan untuk menambah doktor dan jururawat klinik Pekan Muara memandangkan perkembangan keramaian penduduk pada masa ini amat banyak?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola juga turut sama-sama merakamkan mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang diberikan dengan begitu komprehensif dan juga turut mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah melaksanakan pelan-pelan tindakan yang begitu luas dan teratur mengikut strategi-strategi yang telah digubal.

Nampaknya kedua-dua isu yang kaola akan timbulkan ini telah disentuh oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Bagaimanapun kaola akan menimbulkan soalan-soalan dari sudut yang lain. Dan kaola akan memendekkan mukadimah kaola mengenai soalan-soalan tersebut:

1. Kadar penyakit tidak berjangkit atau (*NCD*). Berhubung dengan

perkara ini kaola sangat menyokong Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan kaedah *Health Screening* di pusat-pusat kesihatan. Dalam masa yang sama juga kaola mengetahui yang Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan promosi kesihatan di sepanjang tahun. Promosi sedemikian selalunya disiarkan melalui Radio Television Brunei (RTB) dan media cetak-cetak yang mana hanya akhbar *Pelita Brunei* yang percuma yang lainnya perlu dilanggan:

- i. Kaola ingin tahu adakah sudah dijalankan kajian untuk mengetahui sejauh mana orang ramai di negara ini mengetahui atau sedar mengenai promosi-promosi kesihatan yang dijalankan sejauh ini? Kaola menimbulkan perkara ini memandangkan di negara ini orang ramai, terutama di kalangan golongan muda, lebih muda menonton siaran *ASTRO* dan *TVRO*; dan
- ii. Banyak yang masih belum lagi mengetahui sebab-sebab penyakit buah pinggang berlaku. Walaupun setahu kaola telah dijalankan promosi mengenainya. Mengenai meningkatnya penyakit buah pinggang ini, apakah perancangan jangka panjang Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan kepakaran dalam membuat pemindahan buah pinggang atau *kidney transplant*

di dalam negeri. Pindahan buah pinggang yang dilakukan diluar negeri melibatkan kos yang lebih tinggi; dan

2. Berhubung dengan tenaga profesional kesihatan dan perubatan. Alhamdulillah, dari penerangan mukadimah Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesihatan semalam, nampaknya masalah kekurangan tenaga profesional kesihatan perubatan semakin bertambah baik. Kaola kurang pasti berapa orangkah dari jumlah ini yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang ditempatkan di pusat-pusat klinik kesihatan. Mungkin tidak salah kalau kaola katakan kalau jumlah ini masih belum mencukupi seperti yang telah disuarakan tadi oleh rakan Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha memperbaiki hal ehwal kebajikan doktor-doktor tempatan, juga telah difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan juga sedang mengkaji semula Skim Perkhidmatan Pendoktoran baharu yang telah mula dilaksanakan tahun 2010 Masihi. Ini tujuan agar Skim Perkhidmatan Doktor itu nanti akan lebih adil dan saksama bagi semua peringkat jawatan dan tangga gaji dalam semua bidang.

Koala ucapkan syabas dan terima kasih dan diharap Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberikan tumpuan yang segera

ke atas permohonan Kementerian Kesihatan tersebut. Sebelum ini juga kaola pernah terbaca pada setiap tahun terdapat doktor tempatan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan Kementerian Kesihatan.

Berhubung perkara ini, kaola ingin bertanya adakah sudah diteliti sebab-sebab kenapa doktor-doktor tersebut menamatkan perkhidmatan mereka dan seterusnya diambil tindakan yang bersesuaian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang terakhir saya persilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan mempunyai visi untuk memastikan tahap kesihatan rakyat Brunei terjamin, iaitu *together to work a healthy nation*.

Kita juga mempunyai infrastruktur dan kemudahan hospital yang canggih, setanding dengan Singapura dan negara lain. Sewaktu membahaskan bajet 2015/2016 Masihi, bagi Kementerian Kesihatan, peruntukan bajet tersebut lebih berfokuskan kepada infrastruktur dan pemeliharaan dan lain-lain.

Namun dukacitanya peruntukan bajet untuk membuat promosi kesihatan yang bertaraf *international standard* tidak dinyatakan. Ini sangat penting untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai akan pentingnya mengamalkan cara hidup sihat.

Pada masa ini iklan di negara Brunei kebanyakan mengenai promosi kereta dan makanan sahaja. Namun promosi kesihatan belum lagi ada. Pada pendapat kaola penting untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang amalan cara hidup sihat.

Kita lihat contoh di Malaysia apabila mereka menerangkan tentang *GST* kepada orang ramai, iklan dan promosi tersebut sangat berkesan dan memberikan impak yang positif kepada orang ramai. Kaola berharap Kementerian Kesihatan berikanlah lebih perhatian kepada promosi dan iklan kesihatan di televisyen. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Demikianlah soalan-soalan dan *intervention* yang dibuat oleh Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Dilantik. Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk meneruskan jawapan ataupun macam mana.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. kaola akan menjawab beberapa soalan.

Insya-Allah barangkali petang akan di sambung jawapannya. Mula-mula

yang berhubung kait dengan perkara-perkara yang ditimbulkan terutama sekali yang berhubung kait dengan penyakit buah pinggang. Ini telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking dan juga dibangkitkan oleh salah seorang Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ada juga menimbulkan perkara ini berhubung dengan kebimbangan tentang penyakit buah pinggang di negara ini.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa Kementerian Kesihatan memanglah mengambil perhatian berat dan serius terhadap perkara-perkara ini dan itulah saya menimbulkan supaya Kementerian Kesihatan lebih transparan terhadap penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang menjadi kebimbangan di negara ini, antara punca-punca yang sering kita abaikan ialah kebanyakan kita di negara ini tidak mengamalkan cara hidup sihat, ertinya antaranya 2 *basic* iaitu:

1. Pemakanan ini adalah mustahak untuk memakan makanan yang sihat dan juga seimbang iaitu kita hendaklah mengurangkan karbohidrat, gula hendaklah kita kurangkan, garam hendaklah kita kurangkan dan banyakkkanlah makan sayur-sayuran dan buah-buahan yang mengandungi fiber;

Manakala dari aspek fizikal aktiviti adalah juga mustahak yang sering disarankan oleh Kementerian Kesihatan sekurang-kurangnya kita

mengadakan aktiviti fizikal ini 150 minit dalam seminggu tidak semestinya kita berlari dalam mengikut keupayaan masing-masing. Lebih banyak lagi kitani mengadakan aktiviti-aktiviti ini adalah lebih baik; dan

2. *Fundamental* adalah mustahak yang masih lagi disarankan oleh Kementerian Kesihatan supaya kita walaupun sekiranya kerajaan memberikan kemudahan-kemudahan tetapi yang mustahak sekali ialah kesedaran kita sendiri untuk menjiwai dan menyedarkan diri sendiri supaya menjaga kesihatan kerana kesihatan ini yang paling utama.

Sebelum seorang itu menghidap penyakit buah pinggang mereka kebanyakannya didapati ialah penghidap-penghidap penyakit darah tinggi dan juga kencing manis. Ini antaranya 50 peratus penghidap kencing manis dan darah tinggi. Kalau mereka ini tidak *control* atau mengawal, lambat laun mereka ini akan menghidap penyakit buah pinggang.

Pernah disarankan berulang kali supaya ubat juga hendaklah dimakan. Kebanyakan kita yang saya perhatikan sendiri yang ditanyakan setahun tidak makan ubat kencing manis. Setahun tidak makan ubat darah tinggi. Inilah masalah kitani hendaklah kitani disarankan untuk berjumpa doktor dan juga untuk mengadakan *health screening*

di pusat-pusat kesihatan yang disediakan adalah semata-mata untuk mengenal pasti simptom-simptom lebih awal dicegah sebelum ia menjadi satu masalah-masalah penyakit kronik tidak berjangkit seperti kencing manis (*diabetes*), masalah sakit jantung dan masalah pernafasan yang kronik.

Dalam pada itu, ingin saya menyarankan di sini bahawa Kementerian Kesihatan bukan saja memberigakan untuk mempromosi cara hidup sihat tetapi saya lebih fokus lagi seperti yang ditimbulkan oleh 2 orang Ahli Yang Berhormat tadi berhubung dengan masalah penyakit buah pinggang.

Sebenarnya di dalam Perkhidmatan Renal sahaja telah menubuhkan satu unit khusus unit promosi kesihatan dengan kerjasama unit promosi Kementerian Kesihatan yang mana mereka ini menjalankan program-program berkaitan kesedaran mengenai penyakit buah pinggang. Dan cara pencegahan kepada orang ramai melalui media massa seperti televisyen, surat khabar serta aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti atau mukim dan sekolah. Ini termasuk juga sebagaimana sedia maklum tiap-tiap tahun Kementerian Kesihatan mengadakan Hari Buah Pinggang Sedunia.

Dalam pada itu, Jabatan Renal juga telah menerbitkan poster-poster, artikel, buku panduan, risalah, video untuk menyampaikan maklumat mengenai penyakit ini kepada orang awam dan

kumpulan-kumpulan yang tertentu. Di samping itu menjalankan aktiviti promosi kesihatan renal dan pemeriksaan kesihatan untuk orang ramai bersama-sama Pusat Promosi Kesihatan melalui Program Mukim Sihat dan juga Hari Buah Pinggang Sedunia seperti yang saya nyatakan tadi. Dan juga diadakan Mukim Sihat iaitu diadakan *screening* termasuklah mengenal pasti kesan-kesan jika ada simptom-simptom penyakit buah pinggang.

Ini adalah untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan cara hidup sihat seperti yang saya nyatakan tadi untuk beriadah, mengambil makanan seimbang bagi menghindari penyakit-penyakit *diabetes* dan darah tinggi insya-Allah.

Kalau kita dapat mengawal dua penyakit ini, penyakit buah pinggang akan dapat dihindarkan. Lebih 50 peratus seperti yang saya nyatakan menghidap dalam penyakit buah pinggang adalah pesakit *diabetes*. Semasa aktiviti ini, 268 orang awam telah menjalani peperiksaan untuk mengesan tanda-tanda awal penyakit buah pinggang. Dalam pada itu, promosi juga diadakan dalam kalangan penuntut dalam melaksanakan Program Kesihatan Buah Pinggang dalam kalangan sekolah-sekolah untuk mendapatkan maklumat mengenai bahaya dan pencegahan penyakit buah pinggang.

Pada tahun 2014 sahaja, sejumlah 2,864 penuntut telah diberikan taklimat mengenai amalan hidup sihat dan

kesihatan buah pinggang. Menjalankan program pembersihan kesihatan kepada keluarga pesakit juga diadakan khusus untuk pesakit-pesakit yang menjalani dialisis di semua pusat dialisis di negara ini kerana mereka adalah golongan berisiko tinggi untuk menghidap penyakit buah pinggang. Jika penyakit ini dikesan awal nasihat dan rawatan dapat diberikan dengan segeranya.

Program pendidikan juga terus dilaksanakan dan diungkayahkan kepada pesakit-pesakit khusus iaitu kepada pesakit-pesakit kencing manis yang menerima rawatan di klinik pesakit luar, klinik-klinik kesihatan dan juga di pusat-pusat kesihatan. Yang penyebab utama seperti yang saya nyatakan tadi penyakit buah pinggang adalah penyakit kencing manis dan penyakit tekanan darah tinggi yang tidak terkawal.

Melalui program ini jururawat kemasyarakatan juga telah diberikan latihan untuk menyampaikan maklumat mengenai penyakit buah pinggang kepada pesakit-pesakit yang berkenaan bagi mengawal dan mengambil langkah-langkah pencegahan supaya mereka ini tidak akan menghidap penyakit buah pinggang.

Dalam pada itu, pihak kementerian juga mengungkayahkan bengkel khusus kepada doktor-doktor di seluruh negara mengenai tatacara mengesan dan merawat penyakit buah pinggang dalam kalangan pesakit-pesakit yang menerima rawatan di klinik pesakit luar dan klinik-klinik kesihatan serta cara



merujuk kepada Pakar *Nephrology* dan Doktor Renal supaya pesakit dapat menerima rawatan yang awal bagi mencegah atau melambatkan penyakit buah pinggang mereka dari menjadi bertambah teruk. Buku panduan juga disediakan untuk rujukan para doktor dan untuk rujukan bagi kegunaan mereka.

Memulakan klinik yang melibatkan *allied health professionals* memberi penerangan kepada pesakit buah pinggang kronik yang datang ke klinik supaya mengamalkan cara hidup sihat seperti permakanan sihat, mengurangkan berat badan, mengelak ubat-ubatan yang tidak diberikan oleh doktor serta mengikut segala nasihat yang diberikan oleh doktor. Pesakit juga dilatih untuk lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri.

Pada kesimpulannya, masalah-masalah yang sebenarnya penyakit-penyakit ini boleh kita hindari. Yang mustahak sekali ialah kesedaran kita sendiri mendisiplinkan diri untuk mengamalkan cara hidup sihat. Kalau kita sudah tahu ada kencing manis, ada darah tinggi hendaklah dikawal dan diikuti nasihat doktor, kalau tidak mengikut nasihat doktor lambat-laun kita akan menghidap penyakit buah pinggang. Mungkin ini yang dapat kaola sarankan dalam masalah sakit buah pinggang.

Soalan seterusnya, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, iaitu berhubung kait dengan Nyamuk Aedes. Kadang-

kadang baharu lebih sebulan ada orang menyebut. Kita tahu bahawa penyakit Nyamuk Aedes ini ataupun pembiakan yang dinamakan *vector* ini adalah salah satu penyakit yang boleh menghidap penyakit denggi dan penyakit-penyakit yang berjangkit yang lain.

Mengenai penyakit-penyakit bawaan nyamuk ini pihak Kementerian Kesihatan memanglah mengambil langkah-langkah yang tertentu, demi bersama-sama mengelakkan *vector* ataupun nyamuk ini membiak. Yang mustahak sekali ialah pihak Kementerian Kesihatan akan lebih memfokus kepada cara-cara untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai.

Untuk jangka panjang yang lebih berkesan, penjagaan persekitaran yang bersih dan bebas adalah mustahak yang menjadi punca pembiakan nyamuk. Saya ingin menyarankan adalah tanggungjawab kita bersama bagi mengelakkan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Kita haruslah bertanggungjawab untuk sentiasa membersihkan kawasan rumah sama ada dalam rumah ataupun di sekeliling rumah kita, kerana tempat-tempat pembiakan nyamuk mungkin ada di tempat kotak-kotak, longkang-longkang yang kotor, pasu-pasu bunga yang berisi air yang bertakung, baldi yang berisi air, tandas-tandas dan kawasan-kawasan yang kotor.

Inilah yang mustahak untuk kita sama-sama bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menjaga kebersihan bagi kita menghindarkan pembiakan

nyamuk di kawasan kita dan kawasan-kawasan persekitarannya.

Tentang penyemburan racun serangga ini, ia hanya berbentuk sementara. Yang mustahak sekali ialah kita menjaga kebersihan dan mengelakkan daripada pembiakan nyamuk. Memanglah Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan kerja-kerja rutin dari semasa ke semasa, terutama sekali, bagi memfokuskan tempat-tempat yang dikenal pasti ada nyamuk yang membiak di sana.

Melalui *contact tracing* iaitu pemeriksaan orang-orang yang terdekat kepada kes, untuk memastikan tidak orang lain mempunyai tanda atau penyakit dengan ujian ke atas orang yang terdekat didapati mempunyai tanda-tanda penyakit. Ertinya, jika ada sudah tanda-tanda orang mempunyai penyakit berjangkit itu, maka pihak Kementerian Kesihatan akan bertindak dengan segera.

Dalam waktu yang sama, penggunaan bahan-bahan racun serangga bagi memusnahkan nyamuk dewasa dan jentik-jentik dilakukan. Di samping itu, pendidikan kesihatan bagi kes-kes orang yang mungkin dijangkiti penyakit-penyakit, saya menyarankan bukanlah dikhususkan sahaja tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk menjaga kebersihan, penyemburan racun-racun itu, tetapi juga kita yang bertanggungjawab.

Ada juga pihak swasta yang melakukan penyemburan itu dan kita juga

bekerjasama dan minta nasihat daripada syarikat-syarikat yang diiktiraf yang boleh melakukan aktiviti-aktiviti bahagian penyemburan racun-racun bagi mengelakkan pembiakan nyamuk.

Sekali lagi saya ingin terangkan, yang mustahak ialah kita bersama-sama bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan kita bagi mengelakkan pembiakan nyamuk di kawasan rumah masing-masing ataupun di bangunan yang kita perlu bersihkan.

Di samping itu, ingin saya nyatakan tentang perkhidmatan ambulans. Ada yang akan minta ambulans di kawasan masing-masing seperti yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim untuk Kampung Sungai Asam dan Kampong Sengkurong dan seumpamanya. Begitu juga, telah ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tentang keperluan untuk mengadakan ambulans di Pusat Kesihatan Lamunin.

Ingin saya menerangkan bahawa setakat ini Kementerian Kesihatan mempunyai 28 buah ambulans iaitu 10 buah ambulans dipusatkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di Daerah Belait, Hospital Seri Suri Begawan disediakan 6 buah ambulans, manakala di Hospital Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah 4 buah ambulans dan di Daerah Temburong, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam 3 buah ambulans. Begitu juga di Kampong Sungai Liang kita menyediakan 4 buah

ambulans dan di Pusat Kesihatan Labi 1 buah ambulans.

Pada masa ini, kita mempunyai kapasiti *manpower* iaitu 103 orang, 68 orang yang berkemahiran dalam bidang paramedik, 35 jururawat, iaitu jururawat yang bertugas di Hospital Seri Suri Begawan dan juga di Daerah Temburong. Kita sedia maklum, bahawa tujuan kita mengadakan ambulans ini ialah secepat mungkin akan membawa pesakit-pesakit yang membuat panggilan No. 991.

Mengikut rekod ia bertambah dari semasa ke semasa. Kes-kes panggilan no. 991 sahaja pada tahun 2013 Masihi ialah 7,773 panggilan. Manakala ia meningkat kepada 7,884 panggilan pada tahun 2014 Masihi. Ini tidaklah termasuk, mereka ini juga bertugas *medical cover* di majlis-majlis. Seperti di Dewan ini juga pihak paramedik ada bertugas untuk *medical cover* jika ada kecemasan dan keperluan-keperluan untuk mereka bertindak.

Dalam pada itu, tujuan ini untuk kita menggunakan dengan sebaik-baiknya. Kita optimumkan dan efisienkan penggunaan-penggunaan ini. Sering saya timbulkan di Dewan ini pada di tahun-tahun yang lalu bahawa kementerian ini mengambil kira untuk menggunakan secara optimum *resources* yang ada, yang *limited* pada masa ini.

Di samping itu, kita telah mengenal pasti mana-mana tempat yang sesuai dan 1 ambulans juga telah disediakan

di Pusat Kesihatan Muara, iaitu antara pukul 9.00 pagi hinggalah waktu bekerja dan begitu juga di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu. Ini memandangkan lokasi yang difikirkan bersesuaian dan strategik walaupun kita mempunyai had *manpower* yang tidak mencukupi.

Ingin saya menyatakan, bahawa di mana-mana juga pusat kesihatan memanglah ada keperluannya, tetapi memandangkan kepada keperluan dan panggilan-panggilan tersebut, ambulans-ambulans hanya dapat diaturkan di tempat-tempat yang strategik pada masa ini. Untuk makluman kita bersama juga, bahawa dalam waktu yang sama faktor-faktor yang kita alami pada masa ini ialah beberapa orang paramedik juga telah menamatkan perkhidmatan mereka iaitu sebanyak 14 orang antara 2013 / 2014 Masihi kerana mereka ditawarkan gaji yang lebih lumayan di sektor swasta.

Walau macamanapun, pihak kementerian ini juga telah berusaha untuk menambah bilangan paramedik ini dan mengadakan kursus-kursus di Pusat Latihan dan Perkembangan Kejururawatan iaitu dalam Sijil Kejururawatan khususnya dalam bidang paramedik. Untuk menambahnya lagi mereka yang berkursus diploma dalam bidang paramedik ialah di Institut Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah yang dimaklumkan bahawa kursus paramedik kejururawatan ini akan diambil alih oleh Politeknik Brunei.

Dalam waktu yang sama, insya-Allah Kementerian Kesihatan akan mengadakan perundingan dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha menambah lagi bilangan peserta kursus yang berkemahiran dalam bidang paramedik.

Apa yang saya ingin sampaikan ialah memberi perhatian kepada orang ramai bahawa seharusnya janganlah sampai keadaan pesakit itu makin teruk ataupun ditahan sehinggalah 2, 3 hari atau 4 hari. Sepatutnya kita mengambil perhatian yang berat. Kalau sudah berlakunya saudara kita atau keluarga kita ada simptom-simptom seperti itu, janganlah ditunggu ia teruk 4 ke-5 hari. Ada baiknya kalau ia sudah ada simptom-simptom itu maka dibawa ia ke pusat-pusat kesihatan ataupun di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital-hospital.

Apa yang saya perhatikan sendiri, kebanyakan kes ini keadaan pesakit adalah teruk. Padahal jika disiasat sebahagian daripada penyakit itu sampai 3 ke-5 hari ditahan di rumah. Jadinya, untuk kitani memastikan bahawa pesakit-pesakit itu berkeadaan stabil dan dapat dirawat dengan seberapa segeranya, janganlah ditunggu ahli keluarga atau saudara kita itu semakin teruk, bawalah seawal-awalnya kalau ada simptom-simptom itu ke hospital-hospital bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Jadinya saya ingin memberikan penjelasan, bahawa memanglah ada rancangan-rancangan pihak

Kementerian Kesihatan tetapi kita hendaklah mengambil kira dari aspek kos efektif dan juga mengoptimumkan *resources* bukan sahaja dari aspek bilangan ambulans tetapi juga bilangan *manpower* untuk dapat kita agih-agihkan ke pusat-pusat kesihatan.

Buat sementara ini belumlah dapat dijanjikan kerana kita lebih memfokuskan di tempat-tempat yang strategik, yang difikirkan bersesuaian selain baru-baru ini kita ada memberikan satu ambulans dalam waktu yang tertentu di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dan Pusat Kesihatan Muara.

Begitulah barangkali yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mendengar soalan-soalan yang dikemukakan oleh 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan soalan-soalan tersebut telah pun dijawab dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Maka sebagaimana biasa saya sekarang berfikir, berpendapat bahawa adalah sesuai Tajuk SM - Kementerian Kesihatan ini kita undi. Saya sekarang suka untuk bertanya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan supaya diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan  
bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SM - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa yang ada sekarang ini eloklah kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat setelah kita bersidang dalam Jawatankuasa maka adalah berpatutan sekarang bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita ini kita tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang ini nanti pukul 2.30 petang.

Sekian, Wabilllahit Taufik Walhidayah,  
Wassalaamualaikum Warahmatullahi  
Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan sebagaimana yang kita maklum, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 sebentar tadi di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita meneruskan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu. Pada Mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah meluluskan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah ikut serta dalam perbincangan bagi Tajuk SM - Kementerian Kesihatan berkenaan.

Sebelum kita menyambung kepada Tajuk Jadual seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin meminta kebenaran untuk berucap sekali lagi untuk menjelaskan beberapa perkara terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai kementeriannya, yang nampaknya belum sempat dijawab pada sidang Jawatankuasa yang telah diadakan tadi itu.

Dengan tidak menghiraukan bahawa kita telah pun meluluskan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan, saya persilakan dan memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk meneruskan penjelasannya. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kerana telah memberikan peluang kepada kaola untuk memberikan penjelasan yang tidak dapat saya jawab pada pagi tadi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan. Ini juga menunjukkan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang hal ehwal kesihatan, bukan sahaja di kawasan masing-masing malahan juga di seluruh negara. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih atas penghargaan terhadap

perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan cuba sedaya upaya yang boleh untuk memperbaiki mana-mana juga kelemahan yang perlu dikemas kini dan dimantapkan semata-mata untuk kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola ingin bermula daripada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berhubung dengan sistem *Bru-HIMS* yang dikatakan masih lagi lambat dan pesakit-pesakit lama menunggu.

Untuk makluman, bahawa klinik di Bahagian Pesakit Luar (*Out Patient*) di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong telah pun disediakan 2 orang doktor. Jika sekiranya 2 orang doktor itu tidak mencukupi, doktor *on call* akan dapat membantu mereka.

Adalah tidak dinafikan, pada peringkat awal bila sistem *Bru-HIMS* dilaksanakan di Daerah Temburong pada bulan Disember 2013, memanglah ada kelambatan sedikit kerana ia memerlukan penyesuaian dan pembelajaran bagi pengguna-pengguna dan ia juga memerlukan sistem itu akan stabil dari semasa ke semasa. Ini tidak dinafikan pada ketika itu, ada pesakit yang menunggu lebih satu jam.

Akan tetapi pada awal tahun 2015, dengan kebiasaan para pengguna sistem *Bru-HIMS* yang sudah stabil dan juga disebabkan oleh keberkesanan sistem itu sendiri, setelah diperbaiki,

purata waktu menunggu telah berjaya dikurangkan kepada 48 minit pada ketika ini. Insya-Allah, pihak pengurusan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan lagi tempoh waktu menunggu para pesakit.

Mengenai penambahan jumlah doktor yang bertugas di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong tersebut, pada masa ini untuk makluman terdapat 5 orang doktor yang bertugas secara tetap. Akan tetapi jumlah ini sebenarnya lebih tinggi, kadangkala ada pakar-pakar daripada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, juga membuat pelbagai klinik kepakaran secara berkala dari semasa ke semasa di hospital tersebut.

Kementerian Kesihatan mengambil maklum akan isu kekurangan doktor pada keseluruhannya. Dengan ini, Kementerian akan menggunakan tenaga kerja profesion kesihatan ini secara optima mengikut keperluan penduduk dan rakyat di negara ini.

Berhubung dengan Pegawai Pergigian perempuan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong. Untuk makluman, Perkhidmatan Pergigian disediakan di hospital tersebut adalah Perkhidmatan Penjagaan Mulut Asasi bagi pesakit dewasa dan kanak-kanak yang diberikan oleh seorang Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian dan Jururawat Pergigian. Jumlah doktor pergigian yang memberikan Perkhidmatan Penjagaan Mulut Asasi di

seluruh negara ialah 33 orang, iaitu 15 lelaki dan 18 perempuan.

Untuk makluman bersama, jumlah Doktor Pergigian yang memberikan Perkhidmatan Pakar Pergigian di seluruh negara adalah 37 orang, iaitu 13 lelaki dan 24 perempuan. Manakala, 12 Pegawai Pergigian sedang mengikuti Program Latihan Kepakaran Pergigian Asasi dan Lanjutan. Jumlah keseluruhan Doktor Pergigian pada masa ini ialah 82 orang iaitu 54 anak tempatan dan 28 bukan tempatan.

Bagi Klinik Pergigian yang mempunyai satu bilik pembedahan pergigian bagi pesakit dewasa seperti di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong ini, Doktor Pergigian yang berpengalaman telah ditempatkan di klinik tersebut pada masa ini. Insya-Allah, dalam proses penambahbaikan dan menaik taraf hospital di Daerah Temburong ini, adalah dalam rancangan yang akan dikembangmajukan dan menambah 2 bilik pembedahan pergigian menjadikannya empat buah bilik pembedahan pergigian. Ini tertakluk juga kepada jumlah Doktor Pergigian perempuan pada masa ini kerana Jabatan Perkhidmatan Pergigian akan berusaha menempatkan Doktor Pergigian lelaki dan perempuan di Klinik Pergigian di hospital tersebut di masa akan datang, insya-Allah.

Berhubung dengan masalah ambulans laut yang juga telah disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong ini

disediakan sebuah ambulans laut dan juga beberapa buah ambulans. Dalam tahun 2014, 93 orang pesakit dihantar melalui ambulans laut, 45 orang pesakit menggunakan ambulans darat melalui Limbang, Malaysia dan 47 pesakit melalui udara menggunakan helikopter Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Adalah dimaklumi bahawa pada bulan Oktober, ambulans laut di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah mengalami kerosakan enjin. Walau bagaimanapun, pembaikan ambulans tersebut telah pun diselesaikan dan dilaksanakan pada bulan Januari 2015. Dalam mengatasi isu ini dan memastikan perkhidmatan tidak terjejas, pihak hospital telah juga menggunakan kaedah-kaedah yang lain selain penghantaran ambulans darat atau penggunaan perahu tambang bagi penghantaran pesakit jika diperlukan. Pihak kementerian akan mengambil perhatian mengenai dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi insya-Allah ia akan dipantau dari semasa ke semasa.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu bagi memastikan adakah langkah-langkah untuk menambah lagi kepakaran doktor-doktor di Kementerian Kesihatan. Alhamdulillah, memang Kementerian Kesihatan berterusan menggiatkan pelbagai usaha bagi meningkatkan jumlah profesional kesihatan dalam pelbagai bidang dalam usaha memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dilengkapi dengan pelbagai



kepakaran dari semasa ke semasa di samping mengatur pelaksanaan kursus pogram latihan secara dalaman. Kementerian Kesihatan melaksanakan *strategy partnership* iaitu program kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan dalam negara atau luar negara. Misalannya, memang ada kursus-kursus ataupun *upgrade* ijazah telah dilakukan Institut Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkia, Universiti Brunei Darussalam bukan sahaja kursus dalam ijazah tetapi juga kursus di peringkat *Advance Diploma* dan juga peringkat Ijazah Sarjana *Masters* dalam bidang kesihatan.

Begitu juga dengan Sekolah Vokasional Wasan dalam bidang *National Diploma in Science* iaitu bagi kursus *dispensary* dan insya-Allah seperti yang saya maklumkan tadi Politeknik Brunei akan mengambil alih kursus *Diploma Health Science* dalam bidang *Diploma in Health Science Nursing and Paramedic*.

Dalam waktu yang sama juga, Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan *partnership* dengan institusi luar negeri iaitu bersama dengan *Royal College of General Practitioners, United Kingdom* bagi *program Highest Specialist Training for General Practitioner. Partnership* dengan *King's College London* bagi melaksanakan *Diploma Programme and Dental Hygiene and Therapy, Program For Dental Care Professional* dan juga *partnership* dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melaksanakan *Diploma Programme and Dental*

*Technology*. Kursus-kursus juga telah dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Pergigian iaitu Kursus Sijil Pembantu Pergigian Kementerian ini telah mengadakan *Memorandum of Understanding* dengan akademik perubatan Singapura pada tahun 2014.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan dan melatih doktor-doktor melalui peranan *Post Graduate Adversary and Training Board* seperti latihan *Post Graduate* Tahun 1 dan 2 secara *housemanship*, Latihan Asas Kepakaran *Basic Training* dalam pelbagai bidang dan juga dalam bidang kedokteran.

Adalah menjadi rancangan kementerian ini untuk meningkatkan lebih ramai lagi terutama sekali anak-anak tempatan dalam bidang profesional kesihatan pada masa-masa akan datang dan insya-Allah ia juga akan bekerjasama bukan saja dengan Kementerian Pendidikan di negara ini malah institusi-institusi perubatan di luar negeri.

Manakala tadi ada ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkenaan dengan menangani kekurangan bidang paramedik. Telah saya maklumkan tadi memanglah usaha-usaha juga akan dikendalikan seperti untuk menambahkan lagi kursus diploma dalam bidang paramedik ini dengan kerjasama Politeknik Brunei nanti insya-Allah.

Dalam waktu yang sama seperti yang saya maklumkan pagi tadi Kursus Sijil Pembantu Kejururawatan dalam bidang paramedik juga telah pun dikendalikan oleh Pusat Latihan dan Pembangunan Kejururawatan dan pada hujung bulan Mac 2015. Insya-Allah 7 orang pelatih dalam bidang paramedik akan tamat latihan dan insya-Allah akan bekerja dengan pihak Kementerian Kesihatan.

Persoalan juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan penyebab *insidious* dan resolusi penyebab-penyakit berjangkit. Secara amnya penyakit-penyakit tidak berjangkit ini disebabkan oleh beberapa faktor risiko, terutama sekali tingkah laku yang kurang ataupun tingkah laku yang tidak sihat seperti merokok, pemakanan tidak sihat dan seimbang dan tidak melakukan kegiatan fizikal yang disarankan secara kerap dan salah satu lagi disebabkan berat badan yang berlebihan ataupun obesiti.

Pada tahun ini insya-Allah pihak kementerian akan mengendalikan sebuah kaji selidik di peringkat negara iaitu *Insides Steps Survey* iaitu sebuah kaji selidik yang disarankan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk memantau *Trend Insides* atau penyakit-penyakit yang tidak berjangkit di setiap negara. Insya-Allah kaji selidik tersebut akan menampilkan secara khusus keadaan dan faktor-faktor risiko bagi penyakit-penyakit berjangkit di negara ini dan juga tingkah laku serta isu-isu berkaitan dengan faktor-faktor risiko

yang disebutkan tadi. Dari segi resolusi beberapa strategi dan langkah telah digariskan dalam *Brumap Insidious 2013/2018* bagi menangani punca-punca faktor-faktor risiko tersebut dengan kerjasama pelbagai faktor.

Dalam hal ini diharap setiap agensi yang berkepentingan akan dapat memberi kerjasama dan sokongan terhadap inisiatif-inisiatif tersebut selaras dengan pendekatan *Health and Policy* bagi memastikan keadaan dan pencapaian 5 objektif utama dalam Pelan Tindakan iaitu dalam usaha kita mengurangkan penggunaan tembakau, mempromosi pemakanan sihat dan seimbang, menggalakkan kegiatan fizikal lebih kerap dan bersesuaian, mengenal pasti dan mengurus mereka yang mempunyai risiko yang mempunyai penyakit-penyakit tidak berjangkit dan meningkatkan kualiti penjagaan dan pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola tadi terlupa menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman berhubung dengan *incinerator*. Dimaklumi bahawa *incinerator* itu masih lagi di kawasan hospital. Walau macam manapun, Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang isu yang ditimbulkan dan memang disedari perkara ini. Maka ke arah itu, Kementerian Kesihatan sentiasa peka dalam memastikan mana-mana aktiviti yang menghasilkan kategori sisa berbahaya.

Bahagian Kesihatan tempat kerja di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan bertanggungjawab bagi memastikan kerja-kerja penghapusan ini diurus dengan betul dan teratur agar kesihatan pekerja kesihatan pengendali orang awam serta alam sekitar terjaga dengan selamat. Kementerian Kesihatan memang mempunyai dan mengguna pakai garis panduan bagi mengurus sisa-sisa bahawa aktiviti-aktiviti kesihatan yang dikeluarkan pada Tahun 2014 yang berpandukan kepada garis panduan antarabangsa daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Ke arah ini, Kementerian Kesihatan telah membuat perancangan untuk mewujudkan satu pusat khusus *Public Private Partnership* bagi mengendali sisa-sisa berbahaya aktiviti kesihatan dalam menangani kesemua sisa berbahaya aktiviti kesihatan yang dihasilkan oleh institusi kesihatan seluruh negara.

Pada peringkat ini, tawaran bagi mengundang syarikat atau pelabur berminat telah dikeluarkan pada bulan September 2014 dan pengiklannya telah pun ditutup pada bulan Disember 2014. Pada masa ini, tawaran itu sedang giat dinilai oleh gabungan beberapa agensi kerajaan yang relevan melalui fasa-fasa penilaian bagi memastikan penilaian tawaran yang komprehensif.

Sehubungan dengan itu, insya-Allah kalau isu-isu ini telah selesai, maka akan kitani rancang seperti yang telah saya maklumkan pemusatan *incinerator* yang

khusus di tempat yang bersesuaian bagi menyelesaikan apa jua isu berbahaya berhubung dengan perkara yang dinyatakan iaitu sisa-sisa berbahaya aktiviti kesihatan tersebut.

Seterusnya kaola beralih kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu cadangan mengenai kasau-kasau siling dan seumpamanya. Berhubung dengan perkara ini, struktur bangunan ini bukanlah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Walau macam manapun perkara ini akan dibawa kepada pihak kementerian yang berkenaan termasuk dalam bidang kuasa mereka.

Soalan seterusnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Adakah masih memerlukan tenaga luar bagi tenaga sokongan seperti X-ray, farmasi dan seumpamanya. Pihak Kementerian Kesihatan memanglah memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan apatah lagi yang mempunyai kelulusan dan berkelayakan untuk mengisikan jawatan-jawatan tertentu bukan sahaja dalam bidang *health professional* seperti juru x-ray, farmasi dan sebagainya malahan termasuk doktor dan jururawat.

Menurut statistik jumlah tenaga sokongan alat *health professional* Bahagian II ke atas sehingga bulan Februari, 2015 berjumlah 394 orang pegawai. Hanya 14 orang sahaja dari tenaga luar. Walau bagaimanapun, tenaga sokongan masih lagi tidak

mencukupi disebabkan oleh perkembangan perkhidmatan keperluan dan jika tidak terdapat calon-calon anak tempatan berkelulusan dan berkelayakan. Maka, kalau tidak ada pilihan Kementerian Kesihatan akan terus memproses untuk pengambilan warganegara asing seperti lazimnya dilakukan sama ada secara *locum* atau berkontrak.

Seterusnya soalan tadi, bukan sahaja ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tetapi juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Antara lain, apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam menangani penyakit tidak berjangkit termasuk pencegahan awal penyakit buah pinggang?.

Yang sebenarnya, program pemeriksaan kesihatan di pusat-pusat kesihatan telah mula dilancarkan pada bulan Mei 2013 di Pusat Kesihatan Sungai Liang. Fungsi klinik ini ialah sebagai klinik penyaringan untuk mengesan dan mencegah penyakit kronik seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan tinggi kolestrol pada peringkat awal kepada individu yang tidak mempunyai simptom atau tanda penyakit kronik, ia dikendalikan oleh profesional kesihatan.

Pada awalnya kumpulan sasaran ialah Warganegara Brunei dan penduduk tetap di kawasan tadahan pusat kesihatan yang berdekatan yang berumur 40 tahun ke atas dan yang

tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan. Khidmat pemeriksaan yang diberikan adalah pemeriksaan berat badan, tekanan darah, gula dalam darah dan tahap kolesterol. Status terkini, program ini telah dilartakan di semua pusat kesihatan seluruh negara secara berperingkat-peringkat mulai Februari 2014. Apa yang mendukacitakan mengikut perangkaan yang diterima daripada pusat-pusat kesihatan sambutan orang ramai kurang menggalakkan iaitu hanya 0.20 peratus daripada sasaran telah hadir mengikuti program ini.

Dari itu, dalam kesempatan ini saya ingin menyeru kepada orang ramai dan minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya orang ramai akan dapat datang ke pusat-pusat kesihatan bagi mengikuti program *screening* tersebut khususnya kepada mereka yang berumur 40 tahun ke atas.

Seterusnya, kaola ingin meneruskan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Adakah cadangan bagi buku *National Strategy for Maternal, Infant and Young Child Nutrition 2014-2020* dan *Brunei Darussalam Journey Towards Comprehensive Maternal, Infant and Young Child Nutrition* untuk disebarluaskan dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin.

Yang sebenarnya, buku *National Strategy for Maternal, Infant and Young Child Nutrition 2014-2020* merupakan sebuah buku teknikal yang mengandungi rangka kerja khusus bagi *Task Force* Pemakanan ibu, anak-anak damit dan kanak-kanak kecil, Kementerian Kesihatan. Adapun buku strategi ini telah pun diagihkan kepada kementerian-kementerian yang relevan dan *stakeholders* yang berkenaan yang memainkan peranan penting dalam turut sama-sama menjayakan strategi pemakanan kebangsaan ini.

Memandangkan buku ini mengandungi maklumat teknikal, maka ia bukanlah bermaksud untuk diagihkan kepada orang ramai. Oleh itu, Kementerian Kesihatan berpendapat buku ini tidaklah perlu buat masa ini untuk diterjemahkan kepada bahasa-bahasa yang lain.

Manakala, buku yang berhubung dengan *Brunei Darussalam Journey Towards Maternal, Infant and Young Child Nutrition* itu ia akan diteliti sama ada perlu untuk diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin jika ia bersesuaian dan adakah ia perlu benar-benar untuk diagihkan kepada orang ramai.

Adakah rancangan Kementerian Kesihatan untuk menghantar pakar dan mesin perubatan seperti *MRI* di hospital-hospital lain yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Berhubung dengan soalan tersebut, di hospital-hospital daerah lain seperti Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Hospital Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, memang ada terdapat beberapa orang pakar tertentu mengikut keperluan. Di samping itu, pakar-pakar yang bertugas secara khusus di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga memberikan perkhidmatan secara berjadual mengikut kepakaran dan keperluan serta keramaian pesakit di hospital-hospital tersebut.

Mengenai peralatan perubatan khusus seperti *CT Scan*, *Ultrasound*, *Echo* dan lain-lain peralatan yang sesuai memang ada juga terdapat dibekalkan di hospital-hospital tersebut mengikut keperluan dan kesesuaiannya. Berhubung dengan mesin *MRI* yang berharga \$4.7 juta, ini memerlukan tenaga kepakaran yang mempunyai pengalaman khusus untuk mengendalikan mesin ini, Kementerian Kesihatan memikirkan adalah lebih kos efektif jika mesin ini hanya dipusatkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sahaja. Ini adalah juga adalah mengambil kira bahawa Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha adalah hospital *tertiary* iaitu hospital rujukan umum bagi negara ini.

Mana-mana keperluan peralatan, perkakas perubatan akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa. Ianya akan dinilai dari segi kos efektifnya, keperluan perkembangan perkhidmatan dan teknologi perubatan serta keberkesanannya termasuk juga keperluan tenaga kepakaran dalam

mengendalikan mesin-mesin perubatan yang berkenaan.

Yang Berhormat juga tadi menimbulkan adakah perancangan untuk mempromosi industri pelancongan kesihatan di negara ini? Seperti sama-sama kita sedia maklum, bahawa kita juga mempunyai sesi perubatan swasta seperti *JPMC, Gleneagles JPMC*, Panaga dan klinik swasta dimana Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan untuk mempromosi industri kesihatan di negara ini.

Walau bagaimanapun, seperti kita sedia maklum, hospital-hospital di Kementerian Kesihatan ada juga menerima pesakit-pesakit dari luar negeri dalam perkhidmatan kepakaran yang tertentu.

Seterusnya, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain berhubung dengan bangunan baharu di Mukim Berakas 'B'. Apakah perancangan bagi Pusat Kesihatan Berakas ini akan digantikan dan seumpamanya.

Yang sebenarnya, bangunan yang sedang dibina di tapak Rancangan Skim Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan itu bukanlah hospital. Ianya adalah Pusat Kesihatan yang komprehensif dan bukan ada wad di sana itu, bukan ada *in-patient*. Ia hanya memberikan perkhidmatan *outpatient* kepada penduduk di persekitaran pusat kesihatan itu nanti. Ia memberikan perkhidmatan kesihatan asasi, Perkhidmatan Kesihatan Ibu-ibu dan

Kanak-kanak, Perkhidmatan Kesihatan Pergigian, Perkhidmatan Farmasi, Perkhidmatan Pengambilan Darah, Pemeriksaan Kesihatan, *Nurse-led Clinic*, Klinik Berhenti Merokok, Perkhidmatan Pemakanan Masyarakat, Perkhidmatan Psikologi Masyarakat, Perkhidmatan Kesihatan Mental, Perkhidmatan Rehabilitasi Komuniti dan seumpamanya.

Manakala cadangan untuk pembinaan Pusat Kesihatan Berakas "A" sedang dalam penelitian mengikut keutamaan dan keperluan selaras dengan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Berhubung dengan kemudahan dan gaji yang lebih kepada doktor, jururawat dan ahli yang profesional yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa alhamdulillah seperti kita sedia maklum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan Skim Perkhidmatan Kedokteran baharu dan Skim Perkhidmatan Kejururawatan baharu.

Walau bagaimanapun, setelah diteliti semula, kementerian ini telah mencadangkan penambahbaikan kepada Skim Perkhidmatan Kedokteran baharu itu untuk disemak semula dan disamaratakan dalam bidang kedokteran bahagian perubatan, penjagaan kesihatan asasi, perkhidmatan kesihatan awam dan pergigian supaya ia akan

lebih adil, saksama dan setara bagi semua bidang kedokteran memandangkan tiap-tiap bidang mempunyai peranan yang sama penting dalam menyumbangkan skop kepakaran masing-masing yang merangkumi aspek-aspek promosi kesihatan, pencegahan penyakit, rawatan dan pemulihan dari peringkat awal bagi memastikan adanya sistem perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, kukuh dan mapan.

Ini adalah juga berasaskan kepada rasional dan justifikasi yang berasaskan bukti termasuk penelitian melalui perbandingan Skim Perkhidmatan Kedokteran dan situasi masa kini di negara-negara luar. Cadangan ini telah pun dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada akhir bulan 2014.

Manakala Skim Perkhidmatan bagi Ahli Profesional, Ahli Kesihatan Bersekutu telah pun juga dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penelitian dan pertimbangan. Skim-skim bagi profesional kesihatan ini semata-mata untuk kita memberikan insentif kepada anak-anak tempatan dan bagi menggalakkan anak-anak tempatan untuk mengambil jurusan dalam bidang kesihatan di samping dalam usaha kita untuk menggalakkan mereka yang berkemahiran akan kekal bekerja di negara ini dalam kepakaran masing-masing.

Juga ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, adanya keperluan untuk Imam *full-time*

di Surau Nuurul 'Inayah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Pada masa ini, untuk makluman, memang ada 7 orang tenaga kerja daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu 4 orang guru agama lelaki dan 3 orang guru agama perempuan. Mereka ini mempunyai tugas-tugas masing-masing dalam:

- i. Membimbing para pesakit yang sedang nazak dengan bacaan-bacaan yang tertentu;
- ii. Membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada para pesakit yang berkaitan dengan ibadat seperti cara-cara bersuci, berwudu dan sebagainya;
- iii. Memberi nasihat, bimbingan dan motivasi kepada para pesakit dengan zikir, doa, selawat dan seumpamanya;
- iv. Mengazan dan mengiqamatkan anak-anak yang baru lahir; dan
- v. Membimbing apa jua para pesakit perlukan.

Berkaitan dengan imam ini, insya-Allah perkara ini akan dirundingkan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama sama ada perlu mengadakan Imam sepenuh masa di Surau Nuurul 'Inayah tersebut. Kita akan mengalu-alukan jika ada benar-benar diperlukan. Walau macam manapun guru-guru agama lelaki ini sekali sekala menjadi imam, kalau ada masa yang terluang bagi mereka atau tidak ada kerja-kerja yang

berkaitan, mereka juga menjadi imam dalam waktu-waktu sembahyang yang tertentu.

Manakala soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid. Perkara ini memang sukar sedikit. Walau bagaimanapun, kaola sedaya upaya akan menjawabnya.

Adakah kementerian ini mengadakan satu kajian mengenai hubungkait ketagihan penggunaan *gadget* dengan kelambatan perkembangan kanak-kanak? Statistik mengenai perkembangan kanak-kanak berhubung kait dengan penggunaan *gadget* seperti *tablet* dan *ipad* dan sebagainya.

Menurut Pakar Pediatrik Komuniti di Kementerian Kesihatan yang saya perolehi, beberapa kajian antarabangsa dijalankan mengenai penggunaan *gadget* dengan perkembangan kanak-kanak. Sejauh ini keputusan kajian tersebut tidak *conclusive*. Bagi menjalankan kajian di Brunei mengenai perkara ini adalah tidak signifikan memandangkan bilangan kes yang terdapat di Brunei sangat kecil. Juga menurut Pakar Psikiatri Belia dan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan, pada Tahun 2014 hanya terdapat kurang daripada 10 kes menunjukkan tanda-tanda ketagihan *gadget*. Tetapi ini bukanlah penyebab utama, ia sebenarnya berpunca daripada *complex behavioural and psychological issue*.

Sehingga kini tidak ada sebarang bukti menunjukkan penggunaan *gadget* yang berlebihan boleh mengakibatkan

*Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)*. Walau bagaimanapun penggunaan *gadget* yang berlebihan mengakibatkan kurangnya interaksi sosial dan peluang pembelajaran bagi kanak-kanak yang terlibat. Kementerian Kesihatan menasihatkan para ibu bapa untuk memantau dan mengawal penggunaannya dan jika perlu adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di hospital atau di pusat-pusat kesihatan. Walau macam manapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau dan mengikuti perkembangannya dari semasa ke semasa dan juga mengikut saranan dan nasihat Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Manakala, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman iaitu mengenai penggantian pendawaian elektrik hospital iaitu setelah terjadi insiden kebakaran di Pusat Kardiologi dan lif di Blok Pesakit Luar.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian berat mengenai insiden-insiden yang mendukacitakan seperti yang dilaporkan tadi oleh Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu untuk menjaga keselamatan dalam isu-isu pendawaian elektrik secara keseluruhan. Bukan sahaja di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha tetapi fasiliti-fasiliti yang lain dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Mekanikal, Elektrikal



Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Alhamdulillah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah pun diberikan peruntukan \$28,000,570.00 untuk melaksanakan projek menaik taraf dan kemudahan. Projek ini sedang dalam proses pelaksanaan dan termasuklah bagi projek pendawaian Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha secara berperingkat-peringkat. Projek ini melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf kemudahan yang ada termasuklah kerja-kerja penggantian pendawaian dan elektrik yang baharu yang dilaratkan dengan *single insulation test* ke atas pendawaian elektrik dan juga penggantian-penggantian *convention light fitting* kepada jenis lampu *led* dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan malah juga penjimatan penggunaan elektrik.

Pada ketika ini Kementerian Kesihatan juga telah membukakan tawaran bagi melantik konsultan pakar untuk membuat *electrical integrity check* dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri. Konsultan tersebut akan membuat kerja-kerja yang dihasratkan tersebut. Pada masa ini konsultan tersebut akan membuat penilaian, pemeriksaan dan menyediakan laporan komprehensif dan memberikan cadangan-cadangan pembaikan khusus bagi memperbaiki keadaan pendawaian

di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Untuk makluman berhubung dengan lif di blok yang mengalami kebakaran itu. Tawaran telah pun dibukakan dan pada masa ini dalam proses penelitian dan pertimbangan bagi kerja-kerja penggantian lif baharu termasuk peralatan dan pendawaian baharu dilaksanakan.

Seterusnya soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim terhadap status Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Pada menjawabnya mengenai Pelan Induk tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa projek Pelan Induk dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam telah dimulakan pada bulan Ogos 2012. Alhamdulillah telah dapat disiapkan dengan penyerahan dokumen pelan induk oleh konsultan pada bulan November 2014, iaitu daripada konsultan yang dilantik *The Innoval Group* dari *United State of America*. Projek ini melibatkan penelitian dan kajian terperinci secara *evidence base* telah menghasilkan pelan induk yang komprehensif dengan mengenal pasti 7 strategi utama Projek Utama Sistem dan Infrastruktur Kesihatan seperti yang telah saya huraikan dalam mukadimah awal pada petang semalam.

Ini termasuklah, telah mengenal pasti lebih daripada 80 inisiatif yang memberi

perhatian kepada semua komponen sistem penjagaan kesihatan seperti:

- i. Penyampaian perkhidmatan;
- ii. Urus tadbir;
- iii. Sumber tenaga manusia;
- iv. Sumber kewangan bagi kesihatan;
- v. Teknologi maklumat bagi penyelidikan; dan
- vi. Produk *vaccine* dan teknologi perubatan.

Perkara ini dilaksanakan mengikut keutamaan dalam rangka kerja jangka pendek, sederhana dan panjang. Inisiatif-inisiatif ini sebahagiannya sedang dalam pelaksanaan dan akan terus dilaksanakan mengikut keutamaan.

Pelan Induk Sistem Infrastruktur Negara Brunei Darussalam yang komprehensif ini, dihasratkan sebagai hala tuju mengukuhkan sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan pada abad 21 dengan meliputi perancangan bagi tempoh lebih 20 tahun sejajar dan bagi mendukung Wawasan Negara 2035.

Satu lagi yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, ialah tentang keperluan untuk menambah doktor dan jururawat di Pusat Kesihatan Muara. Mengikut perangkaan jumlah tahunan kedatangan pesakit di Pusat Kesihatan Muara, menunjukkan peningkatan dari tahun 2008 hingga 2011. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut telah menunjukkan penurunan sejak 2012. Misalannya sahaja pada tahun 2010 sebanyak 36,306 orang pesakit.

Manakala pada tahun 2012 ia telah menurun kepada 32,706 orang pesakit. dan seterusnya pada tahun lepas 2014 menurun kepada 29,564 orang pesakit. Oleh itu, perancangan untuk penambahan tenaga doktor dan jururawat di Pusat Kesihatan Muara pada masa ini belumlah bersesuaian. Ini memandangkan jumlah tenaga kerja doktor ditempatkan di Pusat Kesihatan Muara seramai 5 orang dan jururawat 16 orang. Ini adalah difikirkan memadai setakat ini untuk memberikan perkhidmatan penjagaan asasi kepada rakyat dan penduduk di persekitaran Pusat Kesihatan Muara tersebut.

Walaupun manapun, perkara ini akan diteliti semula dari semasa ke semasa. Jika keramaian pesakit dan keperluan bertambah, insya-Allah jumlah doktor dan kakitangan yang lain akan dipertimbangkan mengikut kesesuaian dan keperluan.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu mengenai kajian mengenai tahap pengetahuan orang ramai tentang aktiviti promosi kesihatan yang telah dijalankan setakat ini. Seperti yang telah saya nyatakan yang berhubung kait dengan pencegahan dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, pihak Kementerian Kesihatan telah banyak mengadakan program dan aktiviti promosi kesihatan bagi orang ramai dan menggalakkan pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa.

Seperti yang dimaklumi pada bulan 9 September tahun lepas, Kementerian Kesihatan telah melancarkan kempen besar-besaran iaitu Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014. Bagi menumpukan perhatian untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai penyakit-penyakit tidak berjangkit serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil dengan membawa 4 mesej utama yang telah dikenal pasti semasa kempen tersebut iaitu:

- i. Khusus mengenai persekitaran bebas tembakau;
- ii. Membaca label dan memilih makanan sihat;
- iii. Melakukan kegiatan fizikal; dan
- iv. Mengenali ubat dan mengawal penyakit.

Alhamdulillah, kaji selidik bagi menilai keberkesanan kempen tersebut khususnya dari segi tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku orang ramai berkaitan penyakit-penyakit tidak berjangkit di peringkat kebangsaan, telah pun dikendalikan pada bulan Disember 2014 hingga Januari 2015 dan telah melibatkan lebih 1,100 orang.

Untuk makluman, hasil kaji selidik tersebut dalam proses penganalisan dan sebuah bengkel bagi membincangkan penganalisan data dapatan dan laporan kaji selidik tersebut akan dikendalikan pada 25 hingga 26 Mac ini, dengan bantuan kepakaran dari Institut Kesihatan Umum Malaysia. Insya-Allah laporan kaji selidik dan

dapatan kajian akan dikongsikan nanti dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Juga Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman juga menimbulkan terhadap program pembedahan bagi pemindahan buah pinggang di Negara Brunei Darussalam. Seperti kita sedia maklum, bahawa perkembangan perkhidmatan kepada pesakit buah pinggang dalam program buah pinggang di negara ini telah pun dilaksanakan yang mana program pembedahan pemindahan buah pinggang yang pertama di negara ini, telah pun alhamdulillah berjaya dilaksanakan pada 21 November 2013 di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pembedahan yang kedua, juga telah berjaya dilaksanakan pada 16 Oktober 2014. Insya-Allah, dari semasa ke semasa jika difikirkan pesakit-pesakit itu bersesuaian dan juga memenuhi kehendak kriteria-kriteria, pembedahan bagi pemindahan buah pinggang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, bagi kes-kes yang banyak *complication* masih lagi perlu dihantar ke luar negeri iaitu seperti Singapura dan Malaysia untuk menjalani pembedahan buah pinggang tersebut bagi memastikan bahawa ia ada *multi discipline* kepakaran jika sekiranya ia difikirkan perlu dan bersesuaian memandangkan kepada keadaan pesakit.

Soalan seterusnya ialah soalan terakhir Yang Berhormat Pengerusi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tadi iaitu berhubung dengan peruntukan bagi program promosi kesihatan dan mengadakan iklan promosi kesihatan dalam TV seperti mana di Malaysia.

Yang sebenarnya peruntukan telah pun juga diluluskan pada bajet 2014/2015 yang lalu, iaitu sebanyak \$700,000.00 dan peruntukan-peruntukan tersebut telah pun digunakan sepenuhnya untuk membiayai pelbagai keperluan bagi program-program, aktiviti-aktiviti dan kempen promosi kesihatan di seluruh negara termasuk mengadakan latihan-latihan khusus dan yang tertentu.

Dari segi penyaluran atau penyebaran mesej-mesej kesihatan ini, pihak Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti pendekatan dan media-media termasuk strategik melalui TV untuk digunakan. Beberapa buah iklan promosi kesihatan telah pun dihasilkan dan dikeluarkan melalui saluran RTB. Insya-Allah Kementerian Kesihatan akan mempergiatkan lagi usaha dalam mempromosi kesihatan dengan kerjasama RTB dan juga agensi-agensi yang berkaitan dengan media massa.

Selain itu, pendekatan lain juga digunakan untuk menyebarkan maklumat kesihatan melalui:

- i. Penghasilan dan pengagihan risalah-  
risalah kesihatan.

- ii. Pameran dan jerayawara yang diadakan mengenai tajuk-tajuk tertentu dari semasa ke semasa;
- iii. Iklan dan artikel kesihatan dalam akhbar-akhbar tempatan;
- iv. Iklan-iklan pada *shuttle bus* di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha;
- v. Saluran mesej atau iklan melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* Pusat Kesihatan dan laman *web* Kementerian Kesihatan;
- vi. Ceramah, taklimat, aktiviti keramaian semasa kempen-kempen yang diadakan dari semasa ke semasa.

Insya-Allah, dari semasa ke semasa Kementerian Kesihatan akan berusaha menyebarkan dan memberkesankan lagi tatacara penyebaran maklumat kesihatan terutama sekali untuk pengajaran masyarakat mengenai amalan cara hidup sihat.

Sekali lagi saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih, mudah-mudahan segala penjelasan itu akan dapat menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sudahi dengan ucapan terutama sekali pada Yang Berhormat Pengerusi terima kasih. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Setelah kita mendengar ulasan-ulasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Maka sekarang kita akan beralih kepada Tajuk Jadual seterusnya.

**Yang Berhormat Jurutulis I:** Tajuk SN01A hingga SN08A - Kementerian Perhubungan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sidang Jawatankuasa sepenuhnya sekarang membincangkan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A. Sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahas untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan ingin untuk menyampaikan mukadimahnyanya berkenaan dengan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah lebih dahulu kaola bagi pihak seluruh warga Kementerian Perhubungan

dengan penuh hormat dan takzim menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kewangan kerana memperkenankan peruntukan sebanyak \$75,325,600.00 kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ini berbanding dengan peruntukan yang lebih kurang \$84 juta pada tahun lepas. Dengan peruntukan yang diluluskan ini, Kementerian Perhubungan akan terus cuba melaksanakan projek-projek strategiknya sebagai usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memajukan sektor perhubungan dan pengangkutan di negara ini.

Izinkan kaola untuk mengongsikan kesinambungan kepada beberapa perkembangan projek dan inisiatif yang telah kaola sampaikan dalam majlis permesyuaratan yang kesepuluh tahun lepas berpandukan kepada 6 strategi teras Kementerian Perhubungan iaitu:

1. Pengkorporatan dan penswastaaan. Ada beberapa perkembangan dalam usaha-usaha yang sedang dijalankan dalam teras ini. Usaha-usaha itu ialah:

- i. Penubuhan Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (AMPBD). Usaha dalam bidang ini adalah meneliti dan sekarang mengemaskan sejumlah 44 undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Usaha ini ialah bagi menyelaraskan bidang kawal seliaan dan pemberian perkhidmatan.
  - ii. Penyediaan rangka kerja dan *modality* bagi pengkorporatan pos dan juga mengkormesialkan pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTRB).
2. Memudahkan cara dan menggalakkan penyertaan sektor swasta. Ada beberapa perkembangan baharu dalam teras ini:
- i. Penubuhan *Syarikat Progress Cellular Sendirian Berhad (PCSB)*. Sebuah syarikat milik penuh *Darussalam Asset Sendirian Berhad* telah mula mengambil alih operasi *Syarikat B.Mobile Communication Sendirian Berhad* mulai 1 Julai 2014. Syarikat *PCSB* menawarkan produk dan perkhidmatan info-komunikasi yang inovatif kepada pelanggan-pelagannya melalui rangkaian *3G*.
  - ii. Penyelarasan kadar baharu *DST Sendirian Berhad* dan *Progressive Cellular Sendirian Berhad*. Atas inisiatif *AITI* pada 25 Februari 2015 yang lepas, kedua-dua syarikat telah bersetuju untuk meniadakan caj panggilan masuk (*incoming call chargers*) bagi setiap panggilan dari *mobile* ke *mobile* antara kedua syarikat ini.
- Kedua-dua inisiatif yang kaola terangkan di atas adalah bukti bahawa penyertaan dan persaingan *Progressive Cellular Sendirian Berhad* ini telah mewujudkan iklim industri yang lebih menarik dan *vibrant* di samping pengenalan beberapa produk yang inovatif untuk menarik pelanggan yang bertambah; dan
- iii. Pelan baharu perkhidmatan jalur lebar Telekom Brunei Berhad. Pelan perkhidmatan jalur lebar atau *broadband*. Mulai 1 Mac 2015 ini dengan kadar sewa 40 peratus lebih murah kini membolehkan apa yang dipanggil *fair usage*. Di samping menggalakkan pemakaian dan pengurusan penggunaan pakej jalur lebar yang berkelajuan tinggi. Dalam masa yang sama tarif baharu ini akan membolehkan pengguna memilih pelan yang sesuai dengan tahap penggunaan mereka.
3. Pembangunan infrastruktur. Di bawah teras ketiga ini, beberapa projek utama adalah seperti yang berikut dan projek-projek ini ialah kesinambungan juga daripada apa

yang kaola terangkan dalam mukadimah kaola tahun lepas:

1. Projek modenisasi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang dijalankan oleh *Brunei Economic Development Board*. Insya-Allah projek ini akan siap keseluruhannya pada bulan Jun tahun ini. Setakat ini beberapa kemudahan penumpang telah pun siap sepenuhnya dan digunakan. Antaranya:
  - i. *Departure Link Bridge* dan *Centralised Screening* telah pun mula beroperasi pada 8 Januari 2015;
  - ii. *Arrival Baggage Reclaim Hall* dan peralatan pengendalian bagasi yang baharu telah dibuka dan telah mula digunakan pada 9 Februari 2015 yang lepas; dan
  - iii. Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dijangka akan siap sepenuhnya bagi kegunaan orang ramai pada penghujung bulan Mac ini.
2. Projek *Ports Birth Extension*. Tender pembinaan projek ini telah diiklankan dan insya-Allah dijangka akan siap pada penghujung tahun 2016;
3. Dalam bidang *national broadband policy*. Dasar Jalur Lebar Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang telah dilancarkan

pada 11 November tahun lepas, telah menetapkan dasar dan matlamat kerajaan bagi membangun sektor jalur lebar untuk tempoh 4 tahun yang akan datang iaitu daripada 2014 hingga 2017. Usaha ini adalah langkah untuk memastikan penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang mampu milik, berkualiti dan berkelajuan tinggi kepada majoriti penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dua perkembangan baharu dalam infrastruktur jalur lebar ini ialah:

- i. Pelaksanaan *fibre to the home (FTTH)*. Projek yang dijalankan oleh Telekom Brunei Berhad. *FTTH* fasa kedua yang telah bermula sejak bulan Jun 2014 meliputi kawasan Sengkurong, Jerudong, Rimba, Madewa, Salar, Kuala Belait, Mumong, Sungai Taring, Sungai Liang dan Seria dijangka akan siap pada bulan Januari 2017. Jumlah premis yang telah disambung dengan perkhidmatan *FTTH* untuk fasa satu dan insya-Allah untuk fasa dua ialah sebanyak 25,500 buah;
- ii. Perkhidmatan telefon bimbit berkemampuan *broadband* menggunakan teknologi *LTE (Long Term Evolution) 4G*. Kementerian Perhubungan dan *AITI* telah mengeluarkan lesen (*frequency*) 1,800 megahertz kepada *Syarikat DST Sendirian*

- Berhad* bagi perkhidmatan *4G / LTE* sejak bulan April 2014. Pada masa ini jumlah keseluruhan pelanggan *4G* yang berkemampuan perkhidmatan jalur lebar *broadband* sudah mencapai 64,2D orang pelanggan;
- iii. Pembinaan menara telekomunikasi. Seperti yang telah kaola maklumkan dalam Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2014, terdapat 29 tapak yang telah dirancang untuk dibina pada tahun lepas. Status pelaksanaan bagi menara-menara tersebut adalah bagi tahun 2014/2015 sebanyak 18 tapak baharu telah dikenal pasti bagi pembinaan menara-menara baharu dan setakat ini 311 menara telah pun siap dibina di seluruh negara. Iaitu *DST* sebanyak 231 dan *Progresif Cellular Sendirian Berhad* sebanyak 80;
- iv. Pelan induk Pengangkutan Darat (*Land Transport Master Plan*). Projek penyediaan pelan induk ini telah siap dan diberigakan kepada orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengambil kesempatan ini sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih atas kecenderungan Ahli-ahli Yang Berhormat. *Land Transport Master Plan* ini mengandungi banyak *policy recommendation*. Hasil daripada *Land Transport Master Plan* ini ialah Kertas Putih Pengangkutan Darat yang telah pun dilancarkan pada 15 Disember 2014 dan pemberigaannya diteruskan bagi mengumpul maklum balas daripada orang ramai serta pihak-pihak berkepentingan untuk menambah baik dasar dan strategi yang terkandung di dalamnya;
- v. Kertas Putih *Information and Telecommunication* iaitu Kertas Putih *ICT*. Kementerian Perhubungan melalui *AITI* telah memulakan satu kajian menyeluruh dalam bentuk Kertas Putih *ICT* bagi Negara Brunei Darussalam. Usaha ini bagi mengenal pasti program-program *ICT* yang sedia ada dan memahami dan seterusnya mencadangkan strategi-strategi memenuhi Wawasan Negara 2035;
- vi. Kemudahan infrastruktur pengangkutan awam. Antara perkembangan dalam meningkatkan perkhidmatan dalam kebolehesanan dan kesalinghubungan sistem bas awam di Negara Brunei Darussalam. Perkembangan-perkembangannya adalah seperti berikut:
- Pembinaan terminal bas Muara insya-Allah dijangka akan siap pada bulan April 2015 dan rancangan



pembinaan *Bus Central* di Kampong Rimba dan penelitian terhadap terminal-terminal bas yang lain sedang dijalankan; dan

- *Taxi franchise*. Kaola dalam kesempatan ini memohon maaf kerana langkah-langkah untuk memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan - perkhidmatan teksi belum dapat dibuat dengan secara berkesan. *LTMP* telah pun mengenal pasti beberapa langkah untuk memperbaikinya termasuk kaedah memperkenalkan sistem *taxi franchise*. Langkah ini akan sentiasa diteliti untuk perlaksanaan.

4. Peningkatan operasi. Dalam peningkatan operasi ini kaola ingin mengongsikan beberapa perkembangan baharu semata-mata bagi kemudahan orang ramai secara *customer friendly*:

- i. Usaha penyediaan terminal *online* di semua premis Jabatan Pengangkutan Darat seluruh negara pada bulan April 2015 Masihi ini dihasratkan untuk menggalakkan orang ramai membaharui lesen kenderaan dan lesen memandu secara *online* tanpa keperluan untuk beratur.

Sehingga awal bulan Mac ini seramai 1,800 orang pemohon

*online* telah pun dicatatkan dan Kementerian Perhubungan menyasarkan permohonan *online* menjelang hujung tahun 2015, Sistem *online* merupakan dalam menyediakan perkhidmatan yang dapat diakses *anytime, anywhere* di samping itu mana-mana urusan lain yang perlu dilaksanakan di Jabatan Pengangkutan Darat seperti mengambil lesen dan membayar akan diadakan *queue system* di kaunter-kaunter khas dan dokumen dan bagi pengkhususan perkhidmatan *online* ini;

- ii. Perkhidmatan pesanan ringkas JPD telah pun dilancarkan pada 24 Februari 2015 yang lepas bagi memudahkan peringatan membaharui lesen memandu dan lesen kenderaan sebulan sebelum mansuh demi memudahkan orang ramai membaharui lesen mereka lebih awal lagi;
- iii. Bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui telefon bimbit beberapa aplikasi mudah alih juga telah dilancarkan antara lain seperti *mobile weather cloud, airport web services (I fly Brunei)* yang dilancarkan baru-baru ini dan aplikasi mudah alih SIKAP;

iv. Pejabat Pos Mumong dan *Ware housing*. Alhamdulillah Pejabat Pos Mumong akan siap sepenuhnya pada Bulan April 2015 Masihi dan akan berperanan sebagai Pusat Urus Niaga Komuniti dan juga memproses barang-barang pos tambahan bagi yang kedua bagi perkhidmatan yang lebih inklusif; dan

v. Pembangunan Sumber Manusia di bawah ini ada beberapa projek baharu:

- *Centre for traffic research (CFTR)*. Kementerian ini sentiasa bekerja sama dengan *Centre for traffic research* yang ditubuhkan di Universiti ITB dalam projek-projek berkaitan dengan pengangkutan darat, laut dan udara melalui kerja-kerja penyelidikan dan perkembangan kapasiti tenaga manusia; dan
- *National ICT Master Plan for Brunei Darussalam*. Projek ini telah pun dilaksanakan oleh *AITI* pada bulan Jun 2014 dan telah siap pada penghujung bulan Februari 2015. Pelan Induk ini bertujuan mengatasi beberapa cabaran tenaga kerja serta menjadikan *ICT* sebagai tunggak utama bagi pertumbuhan ekonomi. Antara *Key Performance*

*Indicator Plan* ini ialah untuk mencapai 6,000 profesional *ICT* yang berkemahiran dan mewujudkan 1,800 pekerjaan dalam bidang *ICT* menjelang tahun 2020.

5. *Safety security* dan *clean environment (HSE)* di bawah ini terdapat beberapa projek baru yang ingin kaola kongsi seperti yang berikut:

- i. Usaha dan inisiatif keselamatan jalan raya, sebagai tambahan kepada inisiatif-inisiatif sebelum ini, buku *Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam* telah dilancarkan pada 7 Januari, 2015 yang lepas. Kementerian ini berharap buku akan dimanfaatkan dan akan ditambah baik dalam edisi yang akan datang;
- ii. Penguatkuasaan SIKAP dan keberkesannya. SIKAP atau lebih tani kenali kadang-kadang nama *demerit* telah melihatkan impak *significant* kepada budaya memandu dan penurunan sebanyak 25 peratus bagi kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan *fatality*. 35 peratus yang melibatkan kecederaan berat dan 12 peratus bagi kecederaan ringan pada tahun 2014 dibanding dengan tahun 2013.

Penurunan kadar ini merupakan bukan sahaja kesan

- penguatkuasaan SIKAP tetapi inspirasi dan kesedaran kita sendiri yang memperlihatkan *mindset* yang sudah berubah menjadi lebih baik ke arah menyedari peri mustahaknya budaya semasa memandu. Mengambil kesempatan ini izinkan kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih pada seluruh *stakeholder* atau pengguna jalan-jalan raya yang sudah nampaknya menunjukkan sikap yang lebih berhemah dan lebih mementingkan keselamatan ini;
6. Sistem pengawasan komunikasi atau pengurusan trafik udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei *CNS/ATM*. Projek ini telah pun kaola sentuh dalam mukadimah kaola pada Permesyuaratan Kesepuluh tahun lepas. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Februari tahun 2016:
- i. *Low Level Win Shere*, alat sistem atau dipanggil *LLWS System* ini meningkatkan tahap keselamatan penerbangan yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan cara mengesan fenomena perubahan angin dan udara secara mengejut yang memberikan risiko kepada pergerakan pesawat-pesawat semasa mendarat dan berlepas dari ketinggian 2,000 kaki ke bawah. Projek ini mula beroperasi pada 26 Januari, 2015 memenuhi keperluan dan *recommendation* dari Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) dan Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa iaitu *ICAO*;
  - ii. *UK Civil Aviation Authority International Advice Service* selaras dengan keadaan dan *procedure ICAO* Jabatan Penerbangan Awam bekerjasama dengan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan iaitu *Civil Aviation of International United Kingdom* melaksanakan langkah-langkah meningkatkan tahap keselamatan penerbangan awam Kementerian ini berharap hasil daripada projek ini akan menaikkan keyakinan dalam penerbangan awam dan secara langsung juga menyumbang kepada pertubuhan udara di negara ini. Projek ini dijangka siap pada bulan Mei 2017; dan
  - iii. *Spill Over* pancaran daripada penyediaan telekomunikasi di negara jiran bagi menangani isu *spill over* dari negara jiran. Satu kumpulan kerja yang terdiri daripada para *operator* di Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah ditubuhkan. Alhamdulillah beberapa kawasan yang sudah ditangani adalah Panchor Murai, Bandar Seri Begawan dan Katimahar dan Pihak *DST dan Progressif Cellular Sendirian Berhad* akan sentiasa berusaha bagi meningkatkan perkhidmatan

mereka supaya isu *spill over* ini akan dapat dikurangkan.

Akhir sekali kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat pihak-pihak agensi kerajaan dan swasta dan khususnya orang ramai atas sokongan serta kerjasama yang diberikan dalam sektor perhubungan dan pengangkutan di Negara Brunei Darussalam supaya menjadi sektor yang cepat berkembang dan *vibrant*. Dengan berkat daulat dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei jua insya-Allah Kementerian Perhubungan akan sedaya upaya menjalankan tugas dan amanah sebaik-baiknya bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah menjelaskan mengenai anggaran belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya sesuai dengan prioriti nya dan sasaran-sasaran yang akan dituju oleh mereka.

Maka dengan demikian saya berpendapat bahawa Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bolehlah saya bukakan untuk dibahas. Saya mempunyai senarai sebanyak 10 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk turut serta dalam

Tajuk ini. Maka saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat kaola akan mengusulkan tiga perkara dalam Tajuk SN02A - Jabatan Laut.

1. Penggunaan orang ramai bagi perkhidmatan bot laju penumpang dari Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong adalah semakin meningkat dan memerlukan penambahan bot laju penumpang;

Masalah kekurangan penggunaan perkhidmatan bot laju ini, telah menimbulkan masalah kepada pengguna (orang ramai) dan juga kepada warga perkhidmatan awam yang bertugas di Daerah Temburong. Kadang-kadang ini menjejaskan kerja mereka bertugas dan terpaksa balik awal ke Bandar Seri Begawan.

Bagi menangani perkara yang kaola nyatakan. Apakah langkah-langkah terdekat yang diambil oleh Kementerian Perhubungan melalui pihak Jabatan Laut dalam mengatasi perkara ini? Agar masalah bot

penumpang bot laju orang ramai tidak akan berterusan.

Beberapa kejadian kemalangan perkhidmatan bot laju penumpang dari Temburong ke Bandar Seri Begawan, Bandar Seri Begawan ke Temburong pernah berlaku. Kaola amat menghargai atas keprihatinan Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Laut, syarat-syarat atau peraturan-peraturan dipatuhi oleh syarikat-syarikat bot laju penumpang dalam menyediakan jaket keselamatan (*life jacket*) mesti dipakai bagi keselamatan penumpang-penumpang.

2. Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin bertanya apakah ada dipersyaratkan atau peraturan-peraturan tertentu oleh pihak Jabatan Laut mengenai reka bentuk perahu bot laju penumpang ketika ini? Apa yang kaola maksudkan dan pandangan daripada orang ramai untuk diambil perhatian saiz atau luas jendelanya, kiri dan kanan agak kecil. Dan sukar bagi pengguna, penumpang atau penumpang yang berbadan besar untuk keluar melalui jendela tersebut, jika pintu hadapan pemandu berebut-rebut untuk keluar sekiranya perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku; dan
3. Yang Berhormat Pengerusi, dicadangkan supaya pulau-pulau yang ada terdapat di perairan Negara Brunei Darussalam dan di kawasan-kawasan Sungai Brunei

akan dapat diletakkan papan tanda nama pulau tersebut seperti Pulau Sibungur, Pulau Berambang, Pulau Cermin dan lainnya. Ia bertujuan sebagai panduan kepada nelayan-nelayan yang hilang arah panduan, sekiranya mereka menghubungi kepada mereka yang berkenaan dan juga untuk pengetahuan kepada orang ramai bahawa nama-nama pulau tersebut akan dapat dikenali. Kerana apa yang kaola maklum, ada juga orang tidak tahu pulau-pulau yang terdapat di negara kita ini terutama sekali belia.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Mula-mula sekali kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Tiga cadangan itu paling bagus dan dapat kaola jadikan satu bahan untuk memperbaiki perkhidmatan terutama sekali mengenai bot laju.

1. Mengenai bot laju iaitu sama ada Kementerian berusaha untuk menambah lagi jumlah bot laju yang masa ini mengadakan perkhidmatan bot ke Temburong. Sebenarnya dalam penelitian kementerian, memang ada *gap* antara jumlah penumpang dan jumlah perahu yang ada. Jadi kementerian berharap

untuk membukakan lagi *tender* bagi mengendalikan perahu ini. Sebolehnya dengan mempelawa syarikat-syarikat pelancongan untuk ikut serta;

2. Mengenai sama ada, adakah spesifikasi untuk perahu itu? Sebenarnya secara formal belum ada Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kaola menghargai cadangan daripada Yang Berhormat itu dan ini akan diambil sebagai satu usaha juga; dan
3. Kalau kaola tidak silap dalam permesyuaratan yang lalu, seorang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya pulau ini dinamai. Jadi apabila timbul jawapan pulau tersebut sudah bernama, Yang Berhormat itu mencadangkan supaya ia diberi label. Perkara ini setakat ini belum diusahakan lagi tetapi akan ditinjau keperluannya dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Walau bagaimanapun sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih atas ketiga-tiga cadangan itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji**

**Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Wahamatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang komprehensif yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Kaola juga mengucapkan syabas dan tahniah atas inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan pada tahun lepas. Seperti yang telah dikongsikan dalam mukadimah itu tadi.

Kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas sikap kesediaan Kementerian Perhubungan untuk melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik dan juga orang awam apabila memperkenalkan projek-projek baharu yang melibatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Dalam kesempatan ini kaola hendak menimbulkan dua perkara di bawah Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam.

1. Mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa. Seperti yang dimaklumkan dalam mukadimah tadi, pengubahsuaian dan penaikan taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan siap sepenuhnya pada akhir tahun ini. Apabila meneliti anggaran perbelanjaan bahagian pengurusan lapangan terbang, nampaknya tidak terdapat sebarang penambahan pegawai dan kakitangan 2015/2016.

Dari itu kaola ingin bertanya, apakah langkah-langkah persediaan awal yang telah diambil untuk menyelaraskan pembangunan dan organisasi lapangan terbang tersebut dari aspek sumber tenaga manusia dari peringkat tertinggi seperti pakar-pakar hinggalah ke peringkat bawahan yang mengendalikan *daily maintenance* yang termasuk peningkatan kawalan keselamatan di dalam dan luar bangunan atau *ground security* dan keselamatan penerbangan atau *air space management*; dan

2. Mengenai jawatan *air traffic controller*. Semasa Majlis Mesyuarat Negara Kesepuluh, kaola telah menimbulkan perkara berhubung kekosongan dalam beberapa jawatan yang mengawasi lalulintas udara atau *air traffic controller*.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin menimbulkan terdapatnya makluman yang mengatakan terdapat pemikiran untuk mengambil *specialist* luar negeri bagi menangani masalah kekurangan jumlah pertugas di Bahagian *Air Traffic Controller*. Yang boleh dikatakan begitu teruk keadaannya. Kaola harap perkara ini tidaklah betul. Bagaimanapun dalam rancangan mengambil *specialist* dari luar negeri, kita mesti mengambil sikap sensitif memandangkan negara mengalami kes-kes pencerobohan ruang udara.

Mengenai masalah untuk mengisi kekurangan pertugas *air traffic controller*, yang kaola difahamkan telah berlaku sejak sekian lama. Maka kaola ingin bertanya, adakah perundingan telah dibuat dengan pihak-pihak seperti:

- i. Membuat perundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memberikan keutamaan mengemaskinikan skim perkhidmatan yang boleh melahirkan kemahiran bagi tugas-tugas *air traffic controller* yang dianggap *specialist* dalam bidang mereka; dan
- ii. Adakah perundingan juga telah dibuat dengan Kementerian Pendidikan, untuk memberikan keutamaan kepada bidang ini dalam pemberian biasiswa kerajaan kepada penuntut-penuntut yang mahu melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi di luar negara. Kaola berulang kali menimbulkan perkara ini, kerana bidang tugas *air traffic controller* merupakan kunci kepada menjamin keselamatan ruang udara negara dan keselamatan pesawat-pesawat dan orang ramai yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

dan kaola dengan ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kerana bukan sahaja dalam Majlis ini malah dalam majlis-majlis perjumpaan, Yang Berhormat menunjukkan prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh Lapangan Terbang Antarabangsa, Jabatan Penerbangan Awam secara keseluruhannya.

Mula-mula mengenai kekurangan kakitangan bagi pengendalian lapangan terbang. Sebenarnya satu inisiatif yang ada pada masa ini seperti kaola terangkan iaitu perundingan dengan *UK Central Civil Aviation Intervention (UKCCAI)*. Nasihat daripada *UKCCAI* ini ialah sebenarnya satu usaha untuk mengenal pasti *gap* yang ada dalam pengurusan penerbangan ini. Seperti yang kita ketahui dalam bidang penerbangan awam ini ada 2 tugas yang berlainan. Satu tugas ialah *regulatory*. Tugas *regulatory* ini ialah seperti *aerodome* iaitu pengawalan trafik udara, perlesenan, *airworthiness* dan kecekapan para-para pengendali kapal terbang seperti *pilot, engineering* dan sebagainya.

Di samping itu beberapa perkhidmatan dan *ancillary* yang mesti diberikan oleh kerajaan seperti perkhidmatan bomba dan perkhidmatan keselamatan ini ditinjau oleh *UKCCAI* ini. Adalah harapan dari kementerian ini dan Jabatan Penerbangan Awam apabila *study* ini nanti siap ia akan menjadi satu *bases* yang *compelling* atau yang dapat diterima oleh kerajaan bagi

memenuhi kadar minima keperluan dalam bidang *regulatory* ini.

Di samping itu jabatan ini bertanggungjawab atas pengurusan lapangan terbang.

Seperti yang kaola terangkan tadi tidak ada penambahan yang banyak dipohonkan dalam bidang ini kerana adalah menjadi hasrat kementerian supaya pengurusan lapangan terbang ini akan dikomersialkan melalui sistem *PPP* iaitu *Private Public Partnership*. Segala kerja pengurusan lapangan terbang ini akan diberikan secara komersial dan kita akan menentukan apa yang dipanggil *economic regulations*. *Economic regulations* ertinya beberapa komponen-komponen yang menentukan kalau sekiranya di *franchise*.

Jadi itu sahajalah yang kaola berikan kepada soalan yang pertama. Kepada yang kedua, kaola mengucapkan sekali lagi terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat ini. Sebenarnya kekosongan memang disedari. Tetapi satu yang menjadi *disadvantage* kepada *air traffic controller* ini *scheme of work service* dan sekarang dirundingkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai perundingan dengan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan keutamaan ini, sebenarnya skim atau pengkhususan atau profesionalisme dalam air trafik ini tidak mempunyai sistem yang khusus dalam akademik. Apa yang ada ialah



kepakaran atau pengetahuan yang diperoleh dalam *specialist training* ini.

Memang betul seperti Yang Berhormat terangkan tadi bahawa kitani sedang meneliti untuk mengadakan *specialist* luar negeri. Tetapi *specialist* luar negeri ini bidang *trainers* untuk memantapkan lagi kepakaran dan pengetahuan pegawai-pegawai yang ikut atau berkhidmat dalam bidang ini.

Dalam kesempatan ini, *Air Traffic Academy* ditubuhkan di rantau ini, iaitu di Singapura. Beberapa usaha telah pun dibuat untuk menghantar *Air Traffic Academy* ini tetapi dalam penilaian kementerian ini adalah lebih efektif kalau kitani mendatangkan *specialist* luar negeri itu bertugas di sini seperti apa yang dibuat dalam bidang *regulatory* bagi menilai *airworthiness* dan *crew worthiness* yang diadakan itu. Inilah yang menjadi fokus utama kementerian ini tetapi insya-Allah kita tidak akan menunggu *UKCAI* ini habis dalam *studynya*; perkara ini akan dijadikan sebagai satu fokus yang *urgent* bagi menilai keperluannya.

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas keprihatinan beliau dalam perkara ini.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mempunyai tiga perkara untuk diajukan. Sebelum itu, kaola ingin juga mengucapkan terima kasih atas mukadimah awal yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebentar tadi juga terima kasih di atas beberapa taklimat yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini.

1. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebentar tadi bahawa pihak kedua *Operator Prograssive Cellular Sendirian Berhad (PCSB)* dan *DST* telah memansuhkan caj panggilan masuk perkhidmatan masing-masing kalau kaola tidak silap bermula pada 1 Mac 2015 yang lalu.

Alhamdulillah ini adalah satu keprihatinan dari kedua-dua pihak operator terhadap pengguna-pengguna telefon bimbit di Negara Brunei Darussalam. Ini juga mencerminkan *PCSB* dan *DST* tidak hanya memikirkan keuntungan bahkan juga kesejahteraan dan keselamatan pengguna-pengguna telefon bimbit di seluruh negara.

Kaola mencadangkan supaya perkhidmatan yang memang diperlukan ini akan dapat dilaratkan ke kawasan-kawasan pedalaman seperti mukim dan kampung di Daerah Belait di mana ada sesetengah kawasan susah atau langsung tidak dapat menerima masuk dan membuat panggilan luar

kerana tidak ada perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut.

2. Tajuk yang kedua ialah SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pengangkutan Darat kerana berjaya dalam *pilot* skimnya memaklumkan tarikh mansuh lesen memandu dan cukai jalan kenderaan (*road tax*) kepada pemandu-pemandu di Negara Brunei Darussalam melalui SMS. Kaola berharap makluman lain pun harus diusahakan dari semasa ke semasa bagi faedah orang ramai.

Merujuk kepada sesi muzakarah bersama Kementerian Perhubungan pada awal tahun ini, kaola berharap rancangan kementerian bagi menilai cadangan sistem untuk *franchise* teksi dan bas di negara ini akan dapat dilaksanakan termasuk perkhidmatan bas dan teksi di Daerah Belait khususnya di Mukim Liang, Bukit Sawat dan Labi.

3. Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos. Pejabat Pos yang baharu dan indah yang letaknya di Jalan Singa Menteri, Kampong Mumong akan siap dibina pada bulan April 2015 seperti mana yang diterangkan dan dimaklumkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Kita berharap ianya akan berfungsi dan lebih berperanan sebagai sebuah pusat yang semua aktiviti komersial juga dapat disediakan untuk orang ramai. Manakala Pejabat Pos yang

terdapat di Lumut dalam pemantauan kaola tidak begitu sibuk dan berkeadaan lengang dan sepi. Selain menjual setem, menerima *parcel* dan menghantar surat ke rumah-rumah dan juga tempat orang kampung mengambil surat khabar *Pelita Brunei*.

Di samping itu terdapat juga perkhidmatan membarui lesen memandu dan cukai jalan kenderaan 7 tahun ke bawah. Tetapi di akhir-akhir ini perkhidmatan tersebut kadang-kadang tidak ada.

Pada pandangan kaola Perkhidmatan Pejabat Pos di Lumut ini kurang dimanfaatkan oleh orang ramai. Maafkan kaola, jika kenyataan kaola ini tidak betul. Bagi memanfaatkan di bangunan Pejabat Pos tersebut sepenuhnya, kaola ingin mencadangkan supaya perkhidmatan-perkhidmatan dari sektor awam dan swasta yang berkenaan dapat juga ditempatkan bangunan tersebut. Seperti yang pernah kaola cadangkan sebelum ini, iaitu *library* awam, tempat pembayaran bil telefon *DST* dan *TelBru* kerana terdapat beberapa ruang yang masih kosong di bangunan tersebut.

Kita juga harus memikirkan bahawa tidak semua orang boleh menggunakan sistem pembayaran *online*. Terutama sekali generasi warga emas yang sesetengah mereka tidak berkemampuan. Dengan adanya kemudahan yang kaola sebutkan di atas tadi, sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan kesusahan orang ramai berurusan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih lagi Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola kesempatan. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai 3 cadangan yang beliau ajukan.

Mula-mula sekali, izinkan kaola menyentuh mengenai perkhidmatan *Progressive Cellular* dan *DST* dan mengongsikan beberapa kawasan yang memang dalam perancangan kedua-dua syarikat ini untuk membangun *tower* atau menara. Kaola bacakan setengah-setengahnya bukan di pedalaman Yang Berhormat Pengerusi, Panaga 2, Kampong Mumong 3, Kampong Dipa Negara, Kampong Sungai Lalit, Kampong Sungai Bakong, Lumut, Kampong Labi Baru. Kemudian ada satu Kampong Batang Tuau tetapi ini usulnya *typographical error*, kerana Kampong Batang Tuau ini kalau tidak silap di Daerah Temburong.

Kemudian Kampong Mumong 'B' yang masih dalam proses pembinaan Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perbincangan kebanyakannya di Daerah Belait yang kaola senaraikan iaitu, Kampong Merangking, Kampong Mendaram Kecil, Kampong Malayan Batu, *BEDB 2000 Housing* (Fasa 1), *BEDB 2,000 Housing* (Fasa 2), Perpindahan Kampong Sungai Taring 1, Perpindahan Kampong Sungai Taring 2,

Perpindahan Kampong Seria 1 dan Perpindahan Kampong Seria 2.

Memanglah kaola menyedari bahawa rancangan dan pembinaan ini masih ada *gap*. Kaola akan menyarankan kepada *AITI* dan kedua-dua syarikat ini supaya akan lebih peka dan akan turun padang untuk mengetahui keperluan penduduk seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Mengenai cadangan kedua, Yang Berhormat supaya *franchise bus* dan teksi ini akan dilaksanakan. Kaola memberi jaminan kedua-dua sistem ini telah pun kaola akui yang teksi belum dapat kaola teliti secara mendalam, tetapi ia akan dilaksanakan seperti yang dipohonkan oleh Yang Berhormat iaitu di Kampong Labi, Kampong Bukit Sawat dan Kampong Sungai Liang.

Mengenai Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos ini, kaola menyambut baik cadangan yang Berhormat itu tadi, supaya Bangunan Pos baharu di Kampong Mumong akan menjadikan satu pusat komersial. Kalau boleh ia dipanggilkan satu kaunter semua perkhidmatan. Apa yang mungkin terjadi inilah yang kaola sedang teliti. Pejabat Pos mempunyai satu sistem yang dipanggil (*PCS*) *Postal Counters System*. Pada masa ini terdapat beberapa kelemahan dalam sistem ini yang akan cuba diatasi. Insya-Allah apabila *PCS* ini dapat *diintegrate* dengan beberapa sistem kastam atau sistem pembayaran *online*.

Perkara-perkara yang diharap dan dicadangkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat diteliti, terutama sekali dalam pembayaran bil telefon dan kaedah-kaedah penggunaan oleh warga emas. Insya-Allah kaola akan mengambil cadangan-cadangan ini sebagai satu *input* dan perancangan kementerian. Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga respons daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Maka saya kira, adalah berpatutan sekarang bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kira masanya sudah tiba bagi kita untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 21 Mac 2015 Masihi, pada pukul 9.30 pagi. Sekian, Wabillahit

Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Sabtu, 30 Jamadilawal 1436H / 21 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

#### **AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

#### **Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kedua belas, hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan dengan 21 Mac 2015 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua, maka kita dapat pada pagi ini meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kedua belas.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang



masih lagi membincangkan Perkara VII Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Rang Undang-undang ini juga telah pun kita bincangkan bagi kali pertama dan keduanya. Kita sekarang masih lagi membincangkan Rang Undang-undang ini di Peringkat Jawatankuasa untuk diteliti satu per satu.

Alhamdulillah sehingga sidang hari kesebelas ini, kita telah meluluskan sebanyak 11 buah kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya berharap kita akan dapat seterusnya menyelesaikan lebih banyak lagi perkara yang di hadapan kita pada hari ini. Bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa, saya mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya dan kita akan meneruskan bagi menimbang dan membincangkan Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu per satu seperti lazimnya.

Pada mesyuarat Jawatankuasa yang telah bersidang pada petang hari Khamis lalu, kita telah membincangkan Tajuk Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A dan Tajuk ini masih lagi kita bahaskan. Bersama saya di sini, masih ada lagi dalam senarai ini Ahli Yang Berhormat Yang Telah Dilantik yang ingin untuk menyertai perbincangan ini.

Maka sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin membawa Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada bulan Julai 2014, terjadi insiden pesawat Air Asia tergelincir dari landasan ketika mendarat dan menyebabkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ditutup lebih kurang 30 jam. Ini menyebabkan beberapa penerbangan yang akan mendarat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei terpaksa dialih ke Kota Kinabalu dan ada beberapa penerbangan menuju ke Brunei terpaksa

ditangguhkan. Selain itu beberapa penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei juga dibatalkan dan banyak penumpang yang terkandas disebabkan insiden ini.

Ini mengakibatkan kerugian kepada beberapa pihak seperti penumpang-penumpang yang terlibat tidak dapat menghadiri pertemuan dan temu janji yang sepatutnya dihadiri mereka. Peniaga-peniaga tidak dapat berurusan dengan rakan perniagaan mereka dan pihak Jabatan Penerbangan Awam juga tentunya mengalami kerugian.

Dalam hal ini, kaola sukacita mengajukan soalan:

1. Apakah pengajaran yang dapat diambil untuk mengatasi insiden-insiden pada masa depan; dan
2. Bilakah pihak kerajaan membina landasan pendaratan kedua atau membangunkan lapangan yang baharu yang mempunyai 2 landasan pendaratan untuk menghadapi kejadian yang serupa?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang

Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Kaola mula-mula menyentuh mengenai pengajaran yang diambil dalam pengalaman itu. Kaola boleh mengongsikannya, secara bertulis kemudian, tetapi apa yang kaola dapat beritahu dalam masa yang singkat ini ialah pengalaman yang kaola ingat daripada laporan yang telah dibuat mengenai insiden itu.

Pengajaran yang pertama diambil ialah:

1. Menangani kejadian yang serupa, (na'uzubillah mudahan-mudahan saja tidak akan terjadi) dengan mengaktifkan apa yang diperakukan oleh *Annex ICAO* yang berkenaan, kalau kaola tidak silap *Annex 39*;
2. Yang mustahak sekali yang kaola rasa ialah pengurusan penumpang-penumpang. Pengurusan penumpang-penumpang ini adalah untuk memberikan orang ramai *assurance* terhadap keselamatan dan keamanan penerbangan;
3. Mengadakan latihan-latihan yang berkala bagi menangani kejadian-kejadian serupa;
4. Mengadakan latihan *table talk* secara berkala bagi menangani keadaan yang serupa; dan
5. Mempertingkatkan kemahiran atau kecekapan kita dalam menghadapi keadaan tersebut.

Dalam kejadian yang terjadi itu, apa yang didapati bahawa peralatan untuk memindah pesawat dalam keadaan yang sebegitu memang ada, tetapi walaupun diadakan latihan yang berkala atau latihan sentiasa oleh syarikat yang kitani amanahkan untuk membuat itu, namun lainlah pengalaman daripada latihan dan apabila ia betul-betul terjadi.

Dalam kejadian yang serupa itu, kita telah pun melihat pengarahannya tenaga yang begitu banyak terutama sekali daripada yang (ini kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan kepada mereka) pihak-pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memberikan *expertise*, Penerbangan Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan mana-mana pihak yang telah menyumbangkan buah fikiran dan tenaga. Apa yang terjadi dalam insiden itu, ditambah lagi dengan keadaan tanah lumpur dan cuaca yang kurang baik, banyaklah pengajaran yang dapat diambil daripada kejadian tersebut.

Kedua, mengenai landasan pendaratan lkedua. Sebenarnya, dalam membincangkan keperluan kita, landasan kedua ini belumlah diperlukan. Kerana kaola pernah kembali dari Thailand pada 2-3 bulan yang lepas, dengan keadaan cuaca yang berkabus. Tetapi dalam keadaan itu pun, penerbangan kaola terpaksa dialihkan (*divert*) ke Kota Kinabalu. Ertinya kalau

kitani ada landasan kedua pun, dalam keadaan cuaca berkabus terpaksa juga memohon kerjasama daripada landasan kapal terbang di Kota Kinabalu.

Dalam keseluruhan lapangan terbang yang kecil ini, kalau keadaan cuaca buruk dan sebagainya, walaupun kitani ada dua landasan, terpaksa juga kita memohon kerjasama daripada negara jiran yang berhampiran untuk kitani mendarat. Ini bukan bermakna landasan kedua itu tidak mustahak, tetapi landasan kedua ini pada perkiraan abiskaola beberapa tahun yang lepas, akan mengambil belanja lebih kurang \$1 bilion. Jadi, sama ada kita akan betul-betul *cost effective* untuk mengadakan landasan kedua atau kita menilai kaedah-kaedah yang lain untuk membuatnya.

Dalam pada itu, 'terkeduhung' Ahli Yang Berhormat itu menyentuh mengenai lapangan terbang yang baharu. Kaola ingin mengongosikan bahawa terminal lapangan terbang yang ada dengan pembesarannya ini, boleh menampung sejumlah 3 juta penumpang. Dalam unjuran abis kaola beberapa tahun yang lepas, kita akan menghadapi kesesakan dari segi bangunan terminal sahaja pada lebih kurang pada tahun 2026, tetapi kesesakan dari segi landasan masih belum diperlukan melainkan untuk tujuan-tujuan keselamatan atau *assurance*.

Jadi, *assurance* ini terpaksa kita tinjau dengan *cost effective* dan perbelanjaan yang akan kita buat. Dalam pada itu juga menyentuh perkara ini, kaola

memberi jaminan bahawa isu mengenai landasan lapangan terbang yang kedua ini masih lagi dalam penelitian secara panjang kementerian ini dan termasuklah dalam isu itu untuk mengadakan lapangan terbang yang mempunyai dua landasan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan kerana telah mengambil perhatian yang serius mengenai perkhidmatan *mobile phone* yang menjadi keperluan asas semua orang di negara ini.

Pada 16 Disember 2014, Pengarah *Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI)* dan beberapa orang pegawai bersama pegawai *Datastream Technology Sdn. Bhd. (DST)* dan *Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB)*, membuat pemantauan di kawasan Kampong Putat, Kasat, Lumapas dan sekitarnya serta Jalan Junjungan. Hasil pemantauan tersebut, telah mendapati perkhidmatan di kawasan tersebut kurang berfungsi dan ada yang tidak berfungsi langsung. Oleh

yang demikian, *Datastream Technology Sdn. Bhd. (DST)* dan *Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB)* berhajat akan membuat penambahan kapasiti perkhidmatan di kawasan berkenaan.

Bilakah *Plan Extension* ini akan dilaksanakan? Dan Apakah sebabnya apabila terputusnya bekalan elektrik, perkhidmatan perhubungan *mobile* tidak berfungsi di kawasan berkenaan?;

2. *Fibre Optics* merupakan satu keperluan kepada masyarakat terutamanya kepada belia, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, ahli-ahli korporat dan pengurus-pengurus di Negara Brunei Darussalam, terutama di kawasan yang terpencil. Bilakah jangkaan Kementerian Perhubungan dapat memberikan akses secara yang menyeluruh termasuk kawasan luar bandar seperti Mukim Lumapas dan Mukim Pengkalan Batu?;

3. Seterusnya, tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat atas pelancaran Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) yang sangat efektif dan berkesan dalam usaha membina sistem perhubungan dan memudahkan orang ramai membuat beberapa urusan seperti penyambungan lesen, membaharui cukai jalan raya (*road tax*) dan mengetahui *Demerit Points System*

bagi kesalahan salah laku lalu lintas di jalan raya.

Dalam perkara ini, kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat memberikan taklimat atau jerayawara kepada orang ramai supaya lebih berkesan;

4. Pembesaran Sungai Terusan Kupang. Perkara ini telah dua kali ditimbulkan. Kaola ingin tahu apakah ada rancangan bagi pembesaran sungai ini? Kerana ia menjadi laluan para nelayan dan perahu-perahu yang datang dari Daerah Temburong dan juga negara jiran yang menggunakan *motorboat* atau motor sangkut;
5. Pengangkutan bas awam. Tahniah atas usaha Kementerian Perhubungan bagi menjadikan sistem pengangkutan di negara ini mempunyai imej serta memberikan perkhidmatan yang terbaik. Beberapa pengusaha bas di negara ini dikehendaki menjadi ahli *Consortium Berhad* yang akan menjadi payung kepada kelima-lima pengusaha yang telah bersatu menjadi ahli dengan saham dimodali sama rata.

Tetapi apa yang menjadi kurang disenangi oleh pengusaha ialah konsortium ini *joint venture* dengan syarikat ternama daripada luar negeri dengan alasan *infrastructure* belum lagi lengkap, banyak perkara yang perlu diperbaiki seperti *bus stop*, *bus*

*lane* tidak ada dan pelanggan mungkin berkurangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri Pembangunan, banyak laluan bas mengalami kerugian contohnya di *Southern Line* umpamanya laluan Bas 48, 42, 56 dan 58 yang pelanggannya terdiri daripada orang-orang asing sahaja.

Soalannya, adakah pengusaha luar negeri akan berminat? Adakah pihak berwajib mempunyai dana untuk memberikan bantuan bagi membantu laluan yang mengalami kerugian? Adalah menjadi tanggungjawab pihak berwajib memberi kemudahan kepada orang ramai. Contohnya, di Malaysia ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang banyak memberikan bantuan kepada pengusaha. Sebagai misalan, Panorama Melaka dapat bantuan dan subsidi dan Pengusaha Perak juga dapat bantuan dan subsidi, supaya perkara ini akan dapat kita fikirkan bersama.

Adakah *joint venture* ini tidak memberikan impak kepada konsortium yang disepakati? Apakah orang-orang kitani Brunei atau pengusaha-pengusaha bas ini belum berupaya untuk mengendalikan konsortium itu sendiri?

6. Perkhidmatan Stor *Inland Cargo Depots (ICD)* dan perkhidmatan *tugboat*. Kaola ingin mengetahui apakah perkembangan terkini

perkhidmatan Stor *Inland Cargo Depots (ICD)* yang ditempatkan di kedua-dua buah sempadan Kuala Lurah dan Sungai Tujuh? Saya difahamkan ia telah lama kosong sejak 5 tahun yang lalu. Apakah perancangan pihak berkenaan bagi memastikan perkhidmatan ini benar-benar memberi faedah seterusnya kepada negara serta perjalanan merentas sempadan?; dan

7. Perkhidmatan kemudahan *tugboat* Pelabuhan Muara, yang saya difahamkan berada pada tahap yang kurang menggalakkan kerana pada tahun 2014 dilaporkan, jumlah kemalangan kapal di Pelabuhan Muara adalah 5 kemalangan dan satu daripadanya melibatkan pelanggaran kapal laut termasuk kapal Angkatan Tentera Laut Brunei yang telah dilanggar oleh kapal dagang.

Apakah langkah-langkah kementerian berkenaan bagi memastikan perkhidmatan penyediaan *tug boat* ini dan memastikan kemalangan ini tidak akan berulang demi memastikan bahawa Pelabuhan Muara tetap jadi pilihan penghantaran barangan yang cekap dan efisien.

8. Yang terakhir Yang Berhormat, perkara yang ingin ditimbulkan mengenai ialah cukai jalan (*road tax*) yang baharu pada masa ini. Setengah-setengah pihak beranggapan bahawa kualitinya kurang memuaskan dibandingkan dengan cukai jalan yang lama (berbentuk

bulat). Ianya nampak mudah kabur dan tidak dapat dibaca.

9. Yang terakhir dalam perkara ini dipohonkan agar pihak yang berkuasa ataupun pihak yang berwajib akan dapat mengurangkan kadar sewa bulanan pemakaian *e-speed* kerana pada masa ini kebanyakan kerja menggunakan *internet* untuk berurusan.

Barangkali itu sahaja Yang Berhormat. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### Yang Berhormat Menteri

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memberikan soalan. Kaola cepat jua sudah menulis tapi kaola fikir penghabisan sudah, rupanya ada lagi. Jadi kaola minta maaf dahulu kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Boleh jadi jawapan kaola ini tidak merangkumi semua soalan yang diajukan. Jadi, kaola akan jawab dahulu mana-mana soalan yang dapat dijawab, Yang Berhormat Pengerusi.

Mula-mula sekali mengenai perkhidmatan di Kampong Putat, Kasat dan Junjungan. Memang betul kedua-dua syarikat *AITI* dan *PCSB* telah membuat siasatan itu. Mengenai bila dan apa yang akan dibuat itu nanti, pihak *AITI* dan abis kaola akan sentiasa memberikan tekanan kepada kedua-dua

syarikat ini untuk memperbaikinya dan insya-Allah kalau kaola tidak dapat menjawab di dalam dewan ini, kaola akan menjawab secara bersurat kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim nanti.

Mengenai soalan, mengapakah ia terhenti apabila elektrik tidak ada? Kaola difahamkan bahawa *base station* atau stesen menggunakan tenaga elektrik dan juga bateri dalam rangkaian yang begitu *complicated* beberapa komponennya yang masih bergantung pada elektrik. Jadi tenaga elektrik ini akan abis kaola rundingkan juga dengan pihak *DST* dan pihak *PCSB* macam mana memberikan *assurance* apabila tenaga elektrik itu terhenti.

Mengenai *fibre optics access* sementara, adalah dalam perancangan *National Broadband Brunei*. Kaola ingin berkongsi Yang Berhormat Pengerusi, dalam sistem yang serupa di Australia 98 peratus akan dipenuhi oleh perkhidmatan *fibre optics* sementara 2 peratus iaitu di pinggirannya hanya dipenuhi oleh beberapa perkhidmatan yang menggunakan *non-wire* atau *wireless*.

Dalam keadaan kita di Brunei Darussalam ini dengan keadaan hutan dan sebagainya, adalah disedari bahawa dalam perkiraan abiskaola yang awal hanya setakat 70 peratus sahaja keperluan itu akan dipenuhi secara *fibre optics* dan yang lainnya itu akan dipenuhi secara *wireless* melalui *LTE* dan sebagainya. Tetapi 70 peratus ini bukanlah satu *target* yang *static*.

Insya-Allah apabila kitani sudah mencapai dengan keadaannya, misalnya sudah ada jambatan menyeberangi Sungai Brunei nanti pemberian secara *fibre optics* kepada kawasan-kawasan yang dahulu difikirkan terpencil akan dapat diusahakan. Insya-Allah perkara ini akan dilihat dari semasa ke semasa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan SiKAP *online* dengan memberikan taklimat supaya lebih berkesan, insya-Allah perkara ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Mengenai Sungai Terusan Kupang ini dijangka ia akan menelan belanja sebanyak \$90 ribu dan peruntukannya sedang pun diteliti untuk perluasannya.

Mengenai bas awam, kaola dalam menjawab soalan bertulis daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit telah memberikan beberapa *incumberance*, kepayahan kita mengenai bas awam ini.

Satu daripadanya ialah keperluan pengembaraan atau keperluan perjalanan kita di Brunei ini dipenuhi dengan keadaan subsidi minyak, keadaan kewangan yang begitu senang diperolehi, hampir 90 peratus keperluan jalan kita dipenuhi oleh kenderaan persendirian. Hanya sejumlah 10 peratus apa yang abis kaola sifatkan bahawa hingga 10 peratus sahaja yang diperlukan oleh perkhidmatan awam.

Apabila abiskaola melihat pengalaman hampir 15 tahun abis kaola mengendalikan bas awam (kaola rasa pernah kaola berikan dalam ucapan kaola) dengan 5 bas yang hanya memenuhi kehendak \$3 juta *ridership* setahun tidak akan memberikan satu insentif untuk mana-mana kelima-lima pihak ini untuk membuat *investment* (Pelaburan) dan keuntungan. Apa yang abis kaola perlukan ialah supaya kelima-lima ini menubuhkan satu konsortium dan dalam konsortium ini memikirkan sebagai satu *composite system*.

Apa yang abis kaola takuti, secara persendirian, apabila *joint venture* ini dibuat, masih lagi dalam fikiran kaola bahawa *joint venture* ini adalah dari segi nama sahaja. Tetapi yang kaola takut masih lagi dalam pemikiran bahawa tiap-tiap *concession area* itu dikendalikan oleh satu *part of the consortium*. Kalau sekiranya kitani melihat misalnya di Geneva Yang Berhormat Pengerusi, satu kota raya yang mempunyai lebih 2 juta penduduk dan lebih kurang 1.5 juta penduduknya ini, iaitu:

Lebih kurang 95 peratus keperluannya dipenuhi oleh pengangkutan awam dan di Bandar Hobare (Tasmania) yang pernah dihadiri oleh *CSPS* semasa membuat pendekatan kajian Pengangkutan Awam dan malah kalau di Singapura sendiri dengan penduduk sebanyak 4 juta, 90 peratus menggunakan pengangkutan awam, hanya terdapat satu syarikat bas sahaja iaitu Syarikat S-MRT.

Dengan satu syarikat bas ini ia akan dapat memberikan banyak pembaikan dalam *innovation, routing, pembayaran*. Apa yang akan abis kaola lihat dalam memberikan *franchise bus* ini sama ada ia mengenai konsortium atau *joint venture* seperti apa kaola sentuh dalam ucapan kaola iaitu *economic regulation* ini.

*Economic regulation* ini mempunyai 4 komponen.

1. *Service level*;
2. *Price level*;
3. *Master plan* atau cara mereka membuat *master plan*; dan
4. *Competition* dalam sistem tersebut.

Jadi perkara ini belumlah putus dan akan dibincangkan atau dibuatkan dalam penilaian bas ini nanti.

Kaola menyedari dalam laluan-laluan bas yang mempunyai banyak perkhidmatan bas (misalnya dari kilometer 1 hingga ke kilometer 8, Jalan Tutong) semua bas ini akan berebut-rebut mengambil penumpang.

Memanglah dalam perkara Pengangkutan Awam itu, 10 peratus di bawah keperluan pengembaraan itu memanglah orang asing saja. Yang lain itu orang-orang kita menggunakan kereta persendirian. Inilah yang akan dibetulkan dalam sistem bas awam malah sistem pengangkutan darat di negara kita.



Mengenai soalan Stor *ICD* dan *tugboat* ada 2 isu yang berlainan, kaola akan menjawab dalam 2 kategori iaitu:

Mengenai Stor *ICD* - Terdapat 2 stor iaitu 1 di Kuala Lurah dan 1 di Sungai Tujoh. Apabila ia dibuat *modality* pengangkutan darat melalui sempadan sudah berubah, maka kitani terpaksa mencari kaedah baharu untuk menggunakan kedua-dua *ICD* ini supaya ia akan dapat dimanfaatkan dan digunakan untuk *competition* sebagai satu usaha untuk membuat laluan sempadan yang betul; dan

Mengenai *tugboat* - Terdapat 5 kemalangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Kemalangan yang paling ketara atau yang diketahui ialah kemalangan kapal syarikat yang membawa kereta melanggar 2 buah kapal Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei.

Yang sebenarnya ia bukan berpunca dari kelemahan *tugboat* itu. *Tugboat* itu sedang menunggu syarikat berkenaan untuk menggunakannya. Tetapi dengan penilaian oleh kapitan kapal, ia tidak memerlukannya. Apa yang ada ialah *pilot* (pegawai Jabatan Pelabuhan) masuk ke kapal berkenaan untuk membantu kapten kapal berkenaan.

Walau bagaimanapun *tugboat* berkenaan tetap menungguinya. Tetapi apabila pegawai naik ke kapal tersebut didapati ada kerosakan dalam sistem pemanduan. Sebaik sahaja memusing kemudinya untuk masuk ke dalam pelabuhan itu tiba-tiba kemudi *stuck*

iaitu 10 *degree* ke kanan dan kemudinya tidak dapat dibalikkan semula. Walau macam manapun, pihak kapal ini telah membuat beberapa langkah untuk mengurangkan kesannya, malangnya terjadi jua kemalangan tersebut. Tetapi *accident* ini bukannya mengenai *tugboat*.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mengenai cukai jalan. Kementerian ini dan Jabatan Pengangkutan Darat menyedari bahawa *road tax* yang mula-mula, yang pada masa itu, cepat kabur tetapi telah diketahui bahawa kelemahan itu ialah dakwat printer yang digunakan. Perkara ini telah pun disedari dan sekarang dicuba satu sistem yang baharu untuk membuatnya dan setelah dicuba disimpan di cahaya matahari, nampaknya sistem yang baharu ini lebih sesuai dan lebih tahan.

Berhubung kadar *e-speed*, seperti yang telah kaola sarankan, pihak pembekal *e-speed* iaitu *TelBru* telah pun membuat penilaian semula iaitu dengan menurunkan kadar harga *e-speed* itu mengikut kadar yang tertentu, tetapi mengenakan *capping* untuk mereka yang memuat turun (*download*) itu, kerana kita tidak mahu mereka memuat turun (*download*) dengan leka dari yang diperlukannya.

Dalam memberikan *speed* yang lebih laju, dengan kadar yang lebih murah, pengguna dikenakan *capping* atau penghadan jumlah data yang dikeluarkannya. Seperti yang diterangkan dalam mukadimah kaola

supaya pelanggan-pelanggan akan dapat memilih kadar dan *capping* yang sesuai bagi kegunaan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menghargai soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas perkara yang ditimbulkannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Kedudukan atau lokasi Pekan Muara amat strategik kerana berhampiran dengan laut untuk pembangunan infrastruktur yang berprestij, berteknologi tinggi dan moden. Misalannya, dengan tertubuhnya beberapa buah industri dan mempunyai pelabuhan air dalam untuk semua jenis perkapalan. Dengan adanya pelabuhan yang bertaraf dunia serta mempunyai pengurusan yang efisien dan teratur, seperti dalam

pengurusan perkapalan, pengedaran kontena, pengendalian kontena, agensi pengangkutan dan agensi pemunggaan.

Untuk mencapai impian dan harapan ini, kaola ingin bertanya sudahkah Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan merancang program besar-besaran ke arah mempromosi Pelabuhan Muara untuk meningkatkan dan menjadikan sebagai destinasi perdagangan yang murah, selamat, selesa dan menguntungkan?;

2. Pos-pos kawalan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, seperti Pos Kawalan Sungai Tujoh di Daerah Beliat, Pos Kawalan Kuala Lurah di Daerah Brunei dan Muara, Pos Kawalan Labu dan Pos Kawalan Hujung Jalan di Daerah Temburong terletak berdekatan dengan perkampungan, yang laluan jalan kampung ini digunakan oleh kenderaan berat seperti lori dan trak besar dari awal pagi kira-kira pukul 5 pagi lagi untuk menuju ke sempadan negara jiran.

Penggunaan jalan raya oleh kenderaan ini seringkali berlarutan sehingga hampir waktu tutup Pos Kawalan. Malah kadangkala kenderaan berat ini seringkali dipandu dengan laju bagi maksud untuk sampai ke pemeriksaan sebelum pos-pos kawalan itu ditutup.

Penggunaan jalan raya oleh kenderaan berat ini yang menuju ke

pos kawalan sangat membimbangkan, apatah lagi jika kita mengambil kira akan keselamatan pengguna jalan raya yang lain seperti kanak-kanak yang berjalan kaki awal pagi ke sekolah atau berbasikal atau kanak-kanak yang menunggu bas di tepi-tepi jalan. Sudah setentunya akan terdedah kepada risiko bahaya yang tinggi daripada laluan-laluan kenderaan berat tersebut.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk hanya memberikan kebenaran mengikut tempoh waktu yang tertentu sahaja kepada kenderaan berat ini melalui kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan kampung menuju ke pos-pos kawalan. Sebagai misalannya menetapkan masa penggunaan jalan raya oleh kenderaan berat pada waktu sekitar 08.00 pagi hingga 11.30 pagi dan sekali lagi sebelah petang pada pukul 11.00 hingga 02.00 petang bagi mengutamakan keselamatan penduduk kampung dan pengguna jalan raya yang lain terutamanya kepada kanak-kanak, orang-orang tua, penduduk kampung semasa pergi dan balik dari sekolah dan masjid semasa menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang senantiasa terdedah kepada risiko bahaya yang tinggi. Lebih-lebih lagi jika kenderaan itu dipandu dengan laju.

Pada waktu malam pula, disarankan supaya kenderaan berat tidak dibenarkan langsung memasuki atau keluar daripada pos-pos kawalan. Apatah lagi keadaan jalan raya yang gelap sudah setentunya mempunyai risiko bahaya yang tinggi kepada pengguna-pengguna jalan raya. Perkara ini juga untuk membendung perkara-perkara lain yang tidak diingini seperti penyeludupan barang-barang yang ditegah dan lain-lain lagi. Jadi diharaplah jabatan-jabatan atau kementerian yang berkenaan untuk memikirkan perkara yang kaola sebutkan tadi.

3. Akhirnya, kaola ingin menyatakan di sini iaitu dalam usaha berterusan Kementerian Perhubungan mendukung perkembangan dan pembangunan prasarana pengangkutan awam di negara ini. Baru-baru ini kementerian berkenaan telah mengadakan Majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Terminal Bas Muara yang merupakan salah satu projek Jabatan Pengangkutan Darat di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang dibina di atas sebidang tanah.

Antara objektif pembinaan Terminal Bas Muara ialah untuk menyediakan fasiliti perhentian bas yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas selain khusus di Pekan Muara dan sekitarnya. Antara usaha menggunakan pengangkutan awam di negara ini, kaola mengucapkan syabas dan tahniah

kepada Kementerian Perhubungan di atas segala usaha-usaha itu.

Izinkan kaola menetengahkan beberapa persoalan sahaja untuk difikirkan bersama iaitu:

- i. Mengenai peletakan perhentian-perhentian bas yang kurang sesuai seperti berdekatan dengan simpang perjalanan yang sibuk dan di selekoh-selekoh jalan raya. Bas-bas yang berhenti berdekatan dengan simpang-simpang yang sibuk akan menghalang penglihatan pemandu kenderaan yang keluar masuk di simpang-simpang tersebut. Ini akan meningkatkan keberangkalan kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Adalah disyorkan pihak yang berkenaan akan dapat menyesuaikan tempat peletakan perhentian bas agar ia lebih selamat bagi para penumpang dan pengguna jalan raya yang lain. Pemandu bas yang kurang berhemah memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan kadang-kadang berhenti di tempat-tempat yang bukan dikhaskan.

- ii. Selain itu terdapat juga pemandu-pemandu yang berhenti di tempat-tempat yang bukan dikhaskan seperti berdekatan dengan lampu-lampu isyarat dan berhenti dengan serta-merta di tepi-tepi jalan,

kerana mengambil atau menurunkan penumpang.

Pihak yang berkenaan dan agensi-agensi yang berkuat kuasa yang lain disarankan mengambil tindakan yang tegas terhadap pemandu-pemandu bas yang cuai kerana ini akan berkemungkinan melibatkan kemalangan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Seri Awang Haji Zainal. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola kesempatan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kerana membangkitkan perkara yang diberikan oleh beliau. Mengenai sama ada kita merancang program besar-besaran untuk mempromosi Pelabuhan Muara.

Sebenarnya program ini memang ada dan sekarang bukan sahaja oleh

Kementerian Perhubungan malah oleh *Brunei Economic Development Board (BEDB)* dalam rangka yang dinamakan menjadikan Brunei Muara sebagai pusat logistik dengan menjadikan Pelabuhan Muara itu sebagai komponen yang mustahak dalam logistik ini. Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat membangkitkannya dan insya-Allah usaha-usaha ke arah ini akan sentiasa dipertingkatkan.

Apa yang termasuk juga dalam usaha ini ialah mengenai menubuhkan atau menswastakan pengendalian Jabatan Pelabuhan untuk menjadi autoriti dan pemberian perkhidmatan. Ini satu usaha yang luas dalam usaha untuk merancang projek besar-besaran untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai pelabuhan yang menjadi pilihan atau *choice* dalam perkapalan ini.

Kaola mengambil kesempatan ini juga menyentuh mengenai satu inisiatif daripada Republik Rakyat China untuk menubuhkan semula yang dipanggil *Maritime Silk Road*. *Maritime Silk Road* ini seolah-olah (*Silk Road* dalam kurun ke-15 yang menghubungkan Timur Jauh dengan Timur Tengah). Tetapi *Maritime Silk Road* ini menghubungkan Amerika dan Asia melalui laluan laut. Yang kita semua berharap laluan Muara ini menjadi satu *stop point* dalam *Maritime Silk Road* ini.

Mengenai soalan trak-trak yang melalui kampung-kampung. Sebenarnya laluan yang dilalui mereka adalah *designated road*. Tetapi tidak dapat dielakkan,

sebahagian daripada *designated road* ini akan melalui kampung-kampung. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kerana memberikan cadangan bagi masa-masa bas-bas ini atau trak-trak ini lalu dan akan ditinjau kesesuaiannya dalam rancangan kita untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah laluan dan pusat logistik.

Mengenai persoalan atau isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, iaitu mengenai pemanduan bas yang tidak mengikut cara berhenti dengan serta-merta dan juga mengenai kedudukan *bus stop* yang kurang sesuai ini, kaola memberi jaminan bahawa memang isu ini dalam perhatian Majlis Keselamatan Jalan Raya melalui *core-group* yang kaola sebutkan itu (iaitu Kementerian Perhubungan, Jabatan Jalan Raya, Kementerian Pembangunan, Pasukan Polis Diraja Brunei) dalam meninjau atau dalam memastikan yang keselamatan jalan raya ini akan sentiasa dipenuhi, bukan sahaja tahap pemanduan bas tetapi yang termasuk juga ialah meneliti kawasan-kawasan yang kaola panggilkan *accident prone* dan termasuklah menilai kesesuaian kedudukan terminal bas ini.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka

Awang Haji Zainal kerana menimbulkan perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan warga Kementerian Perhubungan kerana telah berjaya merancang dan melaksanakan beberapa projek dalam meningkatkan kemudahan pengangkutan awam sama ada pengangkutan laut, udara atau darat.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dalam membincangkan kementerian ini memulakan pada Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Berdasarkan pembentangan mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan, sekarang ini terdapat sebanyak 311 menara telah siap dibina di seluruh negara, iaitu 231 menara *Datastream Technology (DST)* dan 80 bagi *Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB)*. Pada Majlis Mesyuarat Negara 2012, dinyatakan ada 29 tapak menara yang dirancang daripadanya 18 tapak telah dikenal pasti pembinaannya pada 2014/2015.

1. Soalan kaola adakah pembinaan menara-menara ini boleh menyelesaikan masalah pancaran telefon bimbit yang tidak dapat diterima di kawasan Mukim Rambai dan sebahagian kawasan di Daerah Tutong. Kaola ingin tahu kenapa ada sebahagian kawasan di Daerah Tutong tidak menerima pancaran siaran televisyen dalam sebahagian *channel* dan kalau pun ada gambarnya masih kabur sejak sistem digital diperkenalkan. Jika boleh ingin mendapatkan penjelasan apakah rancangan untuk mengatasinya, kerana mereka yang berkenaan telah menghadapinya sejak sekian lama?;
2. Seterusnya pelaksanaan *fibre to the home (FTTH)* telah memberikan perkhidmatan kepada 25,500 buah premis bagi fasa 1 dan 2 di Daerah Brunei Muara dan Daerah Belait antaranya, kawasan Jerudong, Rimba, Sungai Taring, Sungai Liang dan Seria. Soalan kaola adakah pelaksanaan (*FTTH*) ini melibatkan kawasan-kawasan Daerah Tutong?;
3. Mengenai Tajuk SNO2A - Jabatan Laut. Kita sering melihat penarikan perahu di jalan-jalan utama dan lebuhraya yang kadangkala berlaku kemalangan, misalnya terlepas dari penarikan, tanggal tayar, penarik terbalik, dan peralatan perahu terjatuh. Soalan kaola:
  - i. Adakah cadangan jabatan ini untuk mengadakan penambahan peraturan atau *mereviu* semula

- syarat dan peraturan keselamatan penggunaan penarikan perahu di jalan-jalan raya atau lebuh raya demi menjaga keselamatan semua pengguna jalan raya?; dan
- ii. Adakah cadangan jabatan ini untuk mengadakan tempat penaruhan perahu terkawal secara berpusat di satu kawasan berhampiran sungai atau laut di beberapa buah tempat yang bersesuaian bagi mengurangkan bilangan penarikan perahu di jalan raya?
4. Mengenai Tajuk SNO5A - Jabatan Pengangkutan Darat. Apabila berlaku kemalangan kereta ada kalanya semua pintu atau cermin pintu kereta tidak dapat dibuka kerana terputus arus elektrik, dan ada juga tali pinggang keledar sukar dibuka, maka menyebabkan pemandu atau penumpang di dalamnya terperangkap. Soalan kaola, adakah satu perancangan kementerian ini untuk memastikan bahawa setiap kenderaan dipersyaratkan menyediakan satu cara yang bersesuaian bagi membuka atau memecah cermin atau memutuskan tali pinggang keledar untuk mengelakkan satu perkara yang tidak diingini berlaku?;
5. Bagi memudahkan pengguna mendapat maklumat pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui telefon bimbit beberapa aplikasi mudah alih telah dilancarkan seperti

*Mobile Weather Cron, Ipod Web Services*, aplikasi mudah alih SiKAP dan Sistem Pengawasan Navigasi. Soalan kaola adakah perancangan Jabatan Pengangkutan Darat melaksanakan aplikasi pengesan menggunakan telefon bimbit bagi mengesan kereta untuk mengetahui kedudukannya jika berlaku kecurian?; dan

6. Terdapat satu *u-turn* untuk pusingan kenderaan dari Bukit Udal ke Tutong berada di cerun jambatan Sungai Urok. Pusingan ini menghalang pandangan pemandu yang hendak keluar ke Tutong untuk melihat kenderaan di bawah bukit, begitu juga menghalang pandangan pemandu dari bawah bukit Sungai Urok untuk perjalanan terus ke Tutong. Jadi dicadangkan supaya *u-turn* tersebut diganjakkan lagi dalam 200 atau 300 meter ke kawasan Bukit Udal. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi kaola kesempatan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai soalan yang dicadangkannya:

1. Mengenai menara telefon, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita mengongsikan beberapa kawasan yang masih dalam perancangan untuk menara di Daerah Tutong iaitu Bukit Panggal, Sekolah Menengah Tanjong Maya,

Panchor Papan, Pantai Tutong, Perpindahan Bukit Beruang, Tutong. Nampaknya, kaola menyedari bahawa Kampong Rambai tidak termasuk dalam senarai itu. Perkara ini akan kaola bawa ke pihak *PCSB* dan *DST*;

2. Mengenai *FTTH* sama ada termasuk di Daerah Tutong, kaola dukacita memberi tahu bahawa belum termasuk dalam fasa 1 dan 2, tetapi kaola akan mengarahkan dan meminta *AITI* untuk bekerjasama dengan *TelBru* berjumpa Yang Berhormat untuk macam mana penyelesaian atau *interim solution* yang paling baik dalam jangka waktu pendek ini;
3. Mengenai Jabatan Laut iaitu penarikan perahu, perkara ini memang menjadi kerisauan abis kaola kerana belum ada *guidelines* atau perundangan yang khusus bagi penarikan perahu ini. Ada cadangan dahulu untuk memakai satu standard penarikan perahu, tetapi perkara ini akan diteliti semula. Apa yang kaola selalu melihat penarikan ini ialah keretanya kecil tetapi yang di tarik itu besar dan mereka ini berjalan kadang-kadang waktu sadau.

Kaola mahu sejak dahulu kalau mereka memasang lampu sahaja di bahagian belakang perahu, tetapi mereka memasang lampu yang berkelip-kelip di keretanya, tetapi kita yang di belakang tidak begitu nampak. Alhamdulillah perkara ini

sudah disedari oleh Yang Berhormat dan insya-Allah isu dan segala inisiatif ke arah ini akan dipertingkatkan lagi. Mengenai penempatan perahu secara terkawal, perkara ini belum masuk dalam radar abiskaola tetapi akan diaktifkan semula;

4. Mengenai keadaan kitani apabila kereta itu *accident*, pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi tidak ada keperluan undang-undang untuk membuatkan sedemikian, tetapi apabila Yang Berhormat ini membangkitkan dalam persidangan kita 2 atau 3 tahun yang lepas, supaya apabila *accident*, diadakan perkhidmatan polis untuk menjaga, kaola ada menimbulkan bahawa pada masa ini terdapat beberapa sistem atau beberapa alat yang dijual oleh pengedar-pengedar dengan harga yang boleh dikatakan *affordable* dapat kita beli dengan harga yang kaola difahamkan dalam \$3 atau \$5 sahaja.

Alat ini mengandungi beberapa keperluan. Satu ialah *hammer* yang kecil atau *hammer* yang luncit yang dapat kitani pakai untuk memecah cermin. Dalam alat ini juga terdapat lampu yang dapat dilekatkan kepada kereta dengan besi berani atau *magnet* supaya ia memberikan *signal* atau *flashing signal*. Apa yang penting benar dalam alat ini, terdapat pisau yang dalam jenis selamat, ertinya pisau itu di dalam satu *handle* tidak akan melakukan



tetapi kalau kita perlukan, kita boleh memakai untuk memotong *seat belt*.

Kaola dalam pameran-pameran keselamatan atau majlis-majlis yang seperti ini kaola memohon ataupun kaola telah mengarahkan penjual-penjual ini untuk meluaskan lagi keperluannya pemasarannya supaya akan dibeli oleh orang ramai. Sebenarnya harganya Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan hanya dalam \$5.00 ke \$8.00, *affordable*. Tapi mengenai keperluan untuk undang-undang itu, sebenarnya kalau dalam *International Law Regulation*, yang pernah kaola lihat pun belum ada tetapi insya-Allah akan kita pertingkatkan. Mengenai aplikasi mudah alih sama ada Jabatan Pengangkutan Darat akan menyediakan aplikasi dalam telefon bimbit apabila berlaku kecurian.

Sebenarnya beberapa telefon bimbit sudah ada aplikasi seperti ini, dan setengah-setengah kereta pun sudah mengadakan aplikasi seperti ini tetapi cukuplah usaha ini dijalankan oleh pihak-pihak tertentu bukan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Mengenai *u-turn* yang dirista oleh Yang Berhormat itu, insya-Allah Majlis Keselamatan Jalan Raya dalam waktu yang terdekat ini akan melihat *u-turn* ini dan melihat cadangan-cadangan yang diajukan oleh Yang Berhormat itu untuk membuatkan ia lebih bermakna,

selamat dan lebih efektif. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3/2012, Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah betitah dengan memperkenankan penggunaan mel elektronik (e-mel). E-mel kerajaan dalam membuat sebarang urusan rasmi kerajaan sama ada sebagai prosedur perhubungan sesama agensi kerajaan dan pihak swasta serta orang ramai. Perhubungan secara elektronik ini disarankan untuk memudahkan perhubungan dan meluaskan lagi tatacara perhubungan sesama kerajaan, swasta dan orang ramai. Sebarang urusan rasmi yang dibuat melalui mel elektronik (e-mel kerajaan) diterima pakai selain komunikasi penggunaan surat, memorandum dan pengiriman faksimile (*fax*).

1. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan e-mel di jabatan-

jabatan kerajaan dalam membuat urusan-urusan rasmi kerajaan dan apakah pengendalian perkhidmatan dijalankan secara penuh pada masa ini?

2. Kira-kira 30 tahun dahulu, saya melawat negara jiran, saya mendapati pencemaran udara dari kenderaan begitu teruk sehingga apabila kita berjalan di bandar itu selama sejam, pakaian kita akan menjadi kotor. Begitu juga dengan *traffic jam*, keadaan bandar itu kurang selesa. Tahun lepas saya melawat lagi ke bandar tersebut, saya nampak perubahan yang begitu drastik, bandarnya bersih tidak ada lagi asap kenderaan kerana mereka menggunakan gas dari kenderaan kecil hinggalah kepada kenderaan besar seperti trak dan bas. Mereka tidak lagi menggunakan diesel bagi kenderaan, bunyi bising *exhaust* kereta tidak mengganggu kerana bunyinya senyap sahaja.

Kita sebagai negara pengeluaran gas, patut memanfaatkan perkara ini demi kebersihan alam sekitar dan demi kesihatan kita. Negara yang mempunyai penduduk bandar dalam lingkungan 15 juta orang termasuk pelancong dan pekerja asing, dapat mengatasi *traffic jam* dan memberi keselesaan kepada pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang kenderaan. Pertanyaan saya, bilakah kita akan mengurangkan kenderaan yang menggunakan diesel?

3. Beberapa tahun dahulu, kerja-kerja *maintenance* bagi pesawat *RB* dan ada juga pesawat asing dibuat di Brunei dan kebanyakannya dibuat oleh anak-anak Brunei. Tetapi sekarang, pesawat *RB* untuk *maintenance* dibuat di luar negeri. Bukankah ini memerlukan kos yang lebih banyak dan sebagai penghalang kepada anak-anak tempatan mempraktikkan kebolehan mereka?
4. Menyentuh mengenai pekerja-pekerja asing yang akan memandu di Negara Brunei Darussalam untuk memastikan keselamatan di jalan raya di Negara Brunei Darussalam, pekerja-pekerja ini seharusnya memiliki lesen memandu yang sah yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Darat. Selain digesa untuk mematuhi undang-undang jalan raya yang sedia ada di negara ini melalui pengambilan ujian memandu dan kelas undang-undang di jalan raya di Brunei, misalnya mereka yang hendak meng*endorse* lesen mereka di Jabatan Pengangkutan Darat. Dicadangkan supaya mereka ini diberi ujian memandu kerana ada didapati mereka yang berlesen ini seperti orang yang baru belajar memandu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mula-mula sekali ingin kaola menjawab satu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang

Haji Ramli bin Haji Lahit tadi yang kaola terlupa Yang Berhormat Pengerusi, mengenai penerimaan *Digital Broadcasting* RTB. Perkara ini baru sampai ke pengetahuan kaola, dan akan kaola bawakan ke Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, insya-Allah.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai soalan yang diberikannya. Mengenai penggunaan e-mel untuk orang ramai. Sejauh ini, perkara-perkara yang selalu kita gunakan e-mel ini seperti yang kaola tahu ialah hanya yang berupa *information* sahaja ertinya satu hala, dan kadang-kadang dua hala ertinya *interactive*. Tetapi e-mel ini atau apa sahaja yang diberikan oleh e-kerajaan atau *EGNC* ini akan lebih berkesan jika ia membolehkan transaksi di dalamnya.

Ada beberapa sistem juga Yang Berhormat Pengerusi yang membolehkan transaksi ini misalnya GEMS atau cuti pegawai misalannya sekarang ini semakin meluas ia diuruskan dalam e-mel ini atau transaksi e-kerajaan. Saya difahamkan bahawa tidak lagi banyak macam dahulu, cuti itu ditandatangani oleh seorang pegawai. Mulai sekarang GEMS ini sudah pun mulai digunakan. Tetapi kalau ditanya adakah saya berpuas hati, saya rasa belum kaola berpuas hati, masih jua ada lagi yang memakai borang itu.

Tetapi kaola akan meminta *input* daripada *EGNC* Kerajaan mengenai keberkesanan sistem e-mel atau sistem

*EGNC* Kerajaan ini, tetapi kaola difahamkan daripada perundingan kaola dengan mereka bahawa adalah menjadi hasrat mereka untuk menjadikan *culture* atau budaya *transaction* kerajaan dengan menggunakan e-mel ini sebagai satu kebiasaan kita.

Mengenai kenderaan dan penggunaan diesel ini, kaola membanding keadaan di Brunei dan di Singapura. Di Singapura kereta-kereta yang menggunakan diesel ini hanya dihadkan kepada kereta-kereta pengangkutan awam dan kereta-kereta industri dan kaola difahamkan dieselnnya pun adalah diesel yang dipanggil *European Standard 5* sudah, kalau tidak 5 pun 4. Tetapi kaola difahamkan bahawa di Brunei dieselnnya masih lagi diesel yang rendah dan *unfortunately* inilah yang paling banyak digunakan oleh orang kita kerana ia murah.

Perkara ini akan abis kaola bincangkan dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri untuk melihat macam mana cara kita menilai atau memerlukan atau memastikan negeri kita ini akan sentiasa dalam keadaan yang *sustainable*. Tetapi seperti yang kaola terangkan apabila kaola menyentuh *Land Transport Master Plan Studies. Sustainable* Brunei atau *sustainable transport* ini menjadi satu teras ketiga kepada *study* ini. Apa yang kaola takut saja sebagai seorang *policy formulator* ialah mana-mana dasar kita yang akan menjaga generasi akan datang, kita sentiasa alpa. Kita mestilah menanamkan kesedaran bahawa negeri kita ini, kita hanya tinggal untuk

beberapa tahun tapi akan kita wariskan kepada penduduk akan datang dan mudah-mudahan kita akan sedar dalam penggunaan ini supaya jangan kita mencemarkan apa yang kita berikan kepada mereka.

Dalam hal ini juga kita mengharap generasi baharu ini akan lebih peka dan kalau boleh mereka yang menyedarkan kita, Yang Berhormat Pengerusi, bahawa negara ini nanti kami yang punya maka jagalah dengan sebaik-baiknya oleh abis kita. Ini termasuk dalam teras ketiga Yang Berhormat Pengerusi, kalau kaola tidak silap dalam *Land Transport Masterplan Studies*.

Mengenai pemeliharaan pesawat *Royal Brunei Airlines*. Kaola akan berunding dengan pihak *Royal Brunei Airlines*, tetapi kaola difahamkan ada beberapa kerja yang masih dikerjakan di sini malah kaola difahamkan beberapa buah pesawat dari negara jiran pun membuat pemeliharaannya di sini.

Mengenai pekerja asing, kaola difahamkan beberapa pekerja asing yang memandu di sini dikehendaki menjalani ujian sekurang-kurangnya pengetahuan mengenai apa yang berlainan di sini dengan negara jiran. Kita mempunyai yang dipanggil *ASEAN Mutual Recognition Agreement* atau mengiktiraf lesen-lesen negara lain tetapi dalam pada itu kita akan memperketatkan supaya mereka ini akan memenuhi kehendak kita di sini.

Itu saja yang dapat kaola berikan dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin mengenai persoalan yang dibangkitkannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan membangkitkan Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan warga-warganya kerana beberapa kejayaan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan semasa mukadimah Yang Berhormat pada hari Khamis, 19 Mac 2015.

Penubuhan Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.* telah pun diambil alih miliknya oleh *Darussalam Asset Sendirian Berhad* dari dioperasi oleh Syarikat *B-Mobile Communication Sendirian Berhad* bermula 1 Julai 2014. Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.* mengambil dan menggaji tenaga manusia dari kalangan orang asing. Apakah anak-anak tempatan tidak ada yang berkelulusan

dan berkebolehan untuk memenuhi jawatan-jawatan di syarikat itu?

Perniagaan *cellular* biasanya paling laris, banyak pengguna, banyak pendapatan, banyak jenis cabang niaga dan berdaya tahan maka pendapatannya tentulah banyak. Tidak patut kita biarkan bukan orang Brunei yang memonopoli jawatan-jawatan di syarikat itu. Negeri-negeri serantau ini menitikberatkan mengawal keselamatan sekuriti negara mereka apabila mereka memikirkan bentuk perniagaan yang sensitif.

Adakah perniagaan *cellular* dikategorikan sebagai sensitif? Jika negara beranggapan yang sama, kenapa jawatan-jawatan di Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.* dibanyakkan pengambilan dan menggaji terdiri daripada orang bukan tempatan. Sekian Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai tenaga kerja di Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.*

Mengenainya, melihat komponen mata kerja atau tenaga kerja dalam syarikat ini, kaola serahkan perkara ini kepada kebijaksanaan pemegang saham Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.* ini. Tetapi dalam pada itu kaola menyedari bahawa walaupun di negara

yang maju seperti Singapura atau Malaysia, beberapa tenaga kerja yang kaola harap *specialist* dipenuhi oleh orang-orang asing. Beberapa jenis tenaga kerja ini ialah:

1. *Accountancy*;
2. Pemasaran; dan
3. *Human Resources*.

Kaola fikir ketiga-tiga perkara ini sama dalam syarikat-syarikat, bukan saja *cellular*, penerbangan malah dalam syarikat-syarikat yang kita ketahui. Abis kaola akan berunding dengan bukan saja Syarikat *Progresif Cellular Sdn. Bhd.* ini tetapi juga pegawai-pegawai pemegang sahamnya untuk mendengar atau peka terhadap isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman ini.

Dalam pada itu juga, syarikat *cellular* ini, kaola rasa ialah satu syarikat yang sudah matang, begitu meluas. Kita tidak lagi melihat ia sebagai satu perniagaan yang sensitif kerana di mana-mana perkhidmatan *cellular* ini adalah perkhidmatan yang menjadi pemangkin, peneraju yang memajukan atau satu daripada komponen yang penting dalam ekonomi itu. Kalau semua sekali kita lihat sebagai satu perkhidmatan yang sensitif, kita akan takut bahawa kita akan menjadi negeri yang dipanggil *xenophobic*, semua sekali hendak ditutup. Kita akan terlepas beberapa peluang untuk mendapatkan segala *economic advantage* itu.

Dalam menghargai ucapan atau pertanyaan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, kaola akan membangkitkan perkara ini dengan bukan syarikat ini, kalau dengan syarikat ini nanti orang luar yang sama juga dengannya. Kalau boleh pemegang saham syarikat ini supaya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman akan dapat ditangani dengan satu cara yang lebih kebruneian dan menyedari akan sensitiviti kita. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah saja. Apa yang kaola hendak cakapkan ini telah pun disebut oleh rakan-rakan kaola tadi iaitu mengenai keselamatan para nelayan yang menarik perahu menggunakan treler. Seperti mana yang dicakapkan oleh rakan sejawatan tadi dari Daerah Tutong yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Walaupun mungkin belum ada satu undang-undang khusus yang akan dikenakan kepada para nelayan yang menjalankan aktiviti untuk menarik

perahu mereka di tengah-tengah jalan pada waktu malam dan siang. Haruslah juga pihak Jabatan Pengangkutan Darat akan dapat memberi nasihat ataupun mengarahkan kepada mereka supaya akan dapat memasang bendera merah pada waktu siang dan juga memasang lampu merah pada malam.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini bukan sahaja untuk keselamatan pemandu yang menariknya juga keselamatan pemandu-pemandu kereta yang mengekori kenderaan mereka semasa menjalankan aktiviti tersebut.

Begitu juga dengan halnya kenderaan-kenderaan yang mengalami masalah kerosakan yang diletakkan di tepi-tepi jalan ataupun di bahu jalan perlu juga diambil kira supaya mereka ini akan dapat memasang tanda keselamatan kon warna merah pada waktu siang yang diletakkan dengan jarak yang bersesuaian dan bukanlah seperti mana yang kita ketahui dan lihat pada masa ini kenderaan tersebut diletakkan di tepi-tepi atau pun di bahu jalan dengan menggantungkan ranting-ranting kayu dan daun-daun kayu sahaja.

Menyebut mengenai terminal bas di Pekan Kuala Belait, alhamdulillah nampaknya terminal tersebut telah diubah suai dengan begitu cantik dan telah pun digunakan dalam sebulan yang lepas. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan dan akhirnya kaola ingin bertanya mengenai pembinaan Pos Ofis Kampong Mumong yang akan dijangka siap dan akan dibukakan tidak berapa lama lagi.

Satu perkara lagi ialah mengenai projek pembinaan Kompleks Pangangkutan Darat yang juga terletak di Kampong Mumong. Jadi kaola ingin bertanya bilakah projek tersebut akan dibina? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Kedua-dua isu yang dibangkitkan itu kaola tidak akan menyentuh secara panjang lebar. Tetapi apa yang kaola nasihatkan kadang-kadang yang mempunyai perahu ini, dangsanak kitani, apa yang lebih berkesan kalau dapat sama-sama beringat-ingatan walaupun belum ada keperluan undang-undang itu.

Mengenai Terminal Bas Kuala Belait, kaola ini macam lembu punya susu, sapi punya mama. Yang sebenarnya usaha itu ialah usaha daripada Lembaga Bandaran Kuala Belait. Mudah-mudahan saja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mendengar. Abis kaola hanya menentukan standardnya sahaja.

Kemudian mengenai projek baharu Jabatan Pengangkutan Darat. Pada masa ini, kaola difahamkan tahan larat lakat. Keperluan untuk membanggunya masih dalam penelitian. Apa yang mustahak abiskaola rasa bukannya bangunan itu mesti dibaharui tetapi kaedah pengurusannya iaitu mengenai *onlinenya*.

Pemeriksaan kenderaan masa ini, dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan. Abis kaola sedang meneliti macam mana keperluan ini dapat ditangani oleh pihak swasta, bukannya kerajaan lagi kalau ia dapat dibuat oleh pihak swasta dan insya-Allah keperluan ini akan tidak payah dibangunkan oleh kerajaan. Kerajaan atau Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat membuat pembaikan terhadap transaksi *online* dan membayar *online* dan beberapa isu yang memudahkan orang ramai berurusan itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyentuh mengenai Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam. Lebih dahulu kaola mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas usaha-usaha kementerian berkenaan mengubah suai bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan keadaannya amat selesa dan menarik yang memberi keselesaan kepada semua penumpang dan pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi saya ingin mengetengahkan perkara yang dialami

pada 7 Disember 2014 yang lalu. Dalam penerbangan balik ke Brunei duduk berhampiran kebanyakannya pihak wanita. Saya sempat bertanya kepada salah seorang wanita tersebut. Bekerja di Brunei? jawabnya tidak Pak, saya hanya *transfer* di Brunei dan bekerja di Dubai. Saya faham maksudnya, ia transit ataupun bertukar pesawat di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, sebaik mendarat dan turun wanita yang tadi dan kawannya turut mengekori dan setiba di papan tanda tukar pesawat atau transit saya arahkan mereka supaya masuk ke bilik tersebut kerana tidak ada siapa yang berada di situ yang mungkin juga secara kebetulan.

Yang Berhormat Pengerusi, semasa dia berada di tempat mengecap pasport terdapat dua barisan khas. Untuk orang tempatan dan sebaris lagi untuk orang luar ke Brunei. Bila giliran menunggu tiba-tiba 4 orang wanita masuk antara barisan dan nampaknya mereka terpinga-pinga mungkin tidak tahu hendak ke mana.

Yang Berhormat Pengerusi mereka menghampiri saya dan saya tanya hendak ke mana. "Hendak ke Dubai Pak", jawabannya. Lalu saya mengarahkan supaya berjumpa seorang lelaki yang sedang berdiri di belakang barisan khas orang luar kira-kira 10 meter jaraknya. sebaiknya sahaja menghampiri lelaki yang berada di situ kedengaran suara yang jelas. "Sana tadi!" sambil mengangkat tangan

menunjukkan ke jalan yang dilalui semua penumpang.

Yang Berhormat Pengerusi soalan yang ingin kaola kongsi kerana mengapa tidak ada papan tanda arah transit, kalau ada pengawal di situ tentu kejadian seperti ini tidak berlaku.

Bahasa yang digunakan oleh seseorang yang mereka jumpa di sana tadi keras dan tidak sesuai bagi mereka yang tidak faham akan situasi di negara ini. Seelok-eloknya gunakan bahasa yang lembut, gerak-geri yang tidak menyalahkan mereka, kerana mereka ini pelancong-pelancong Brunei walaupun mereka hanya transit.

Contohnya dalam perkara seperti ini gunakanlah bahasa "mari saya bantu" atau "ikut saya" untuk menunjukkan ke tempat berkenaan. Yang Berhormat Pengerusi dengan adanya bangunan lapangan terbang yang begitu indah dan menarik, perlulah ditingkatkan supaya lebih ramai pelancong datang ke negara Brunei Darussalam yang terkenal aman dan damai ini. Diharap kejadian yang demikian tidak akan berulang demi menjaga imej rakyat dan Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking atas teguran dan saranan beliau itu.



Kaola akan membawa isu ini ke Jabatan Penerbangan Awam dan membawanya kepada apa yang dipanggil *facilitation group* yang terdiri daripada semua *stakeholder* termasuk syarikat *RB* supaya dapat meningkatkan *facilitation passengers* ini. Keselesaan penumpang-penumpang ini akan sentiasa menjadi perhatian kita untuk menjadikan Lapangan Terbang Brunei sebagai satu lapangan terbang yang menjadi *first choice* kepada *travelers* di sini.

Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking kerana mengungkit perkara ini. Insya-Allah perkara ini akan menjadi perhatian Jabatan Penerbangan Awam dan semua *stakeholders* itu, semua *facilitations committee* di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar soalan-soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Soalan-soalan tersebut telah pun dijawab, cadangan-cadangan yang dikemukakan telah pun diberikan respons oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dengan jelasnya.

Maka saya berpendapat adalah sesuai sekarang bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk kita undi. Saya

ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Alhamdulillah semua Ahli Yang Berhormat bersetuju kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya ialah Tajuk SP01A - Kemajuan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sidang sekarang membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan. Walau bagaimanapun sebelum saya membukakan Tajuk SP01A - Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat hadir pada hari ini kerana mempunyai urusan rasmi di luar negara. Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan membentangkan mukadimahya mengenai Anggaran Belanjawan bagi Tajuk SP01A - Kemajuan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih  
Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, telah dapat berjalan dengan lancar bagi mendukung aspirasi negara sebagaimana objektif yang telah ditetapkan di dalam Wawasan Negara 2035. Walau bagaimanapun usaha kita untuk membangun dan membina sektor swasta yang kukuh masih lagi perlu lagi dipertingkatkan bagi mencapai matlamat dasar untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara ini.

Sebagaimana huraian dan penjelasan semasa pembentangan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2015/2016 beberapa hari yang lalu. Ekonomi negara berdepan cabaran ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal. Manakala pendapatan negara dan kerajaan juga terjejas disebabkan oleh penurunan secara drastik harga minyak di pasaran global.

Oleh itu, perancangan perbelanjaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara juga perlu berasaskan kepada keupayaan perbelanjaan kerajaan, dan mendukung dasar fiskal *sustainability* dan fiskal *consolidation* yang menjadi teras dalam pengurusan dan perancangan perbelanjaan kerajaan.

Bagi Tahun Kewangan 2015/2016 perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara juga dirangka bagi mendukung fokus dan keutamaan belanjawan berdasarkan tema belanjawan iaitu **“Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif”**.

Insya-Allah melalui perancangan dan pemantauan yang rapi, serta panduan yang diberikan oleh Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang diPengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Usaha-usaha akan dipergiatkan lagi bagi mencapai sasaran-sasaran seperti yang dimuatkan dalam rangka strategi dan dasar bagi pembangunan (*outline of strategies and policies for development - OSPD*). Bagi Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2015/2016 ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak \$1,000,000,000.00.

Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai 553 projek dengan harga rancangan sejumlah \$8,225,907,753.00. Ini termasuk 424 projek yang diteruskan dari Rancangan Kemajuan Negara Ke-9. Iaitu Rancangan Kemajuan Negara 2007/2012 yang lepas.

Pengagihan peruntukan tersebut berdasarkan kepada fokus dan keutamaan perbelanjaan yang telah ditetapkan. Selain itu, pengagihan peruntukan tersebut juga berdasarkan komitmen projek. Ia lebih ditumpukan kepada komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan. Projek dalam pelaksanaan, projek yang menunggu *award* dan projek yang ditawarkan seperti yang berikut:

1. Projek-projek siap disediakan peruntukan sebanyak \$71.2 juta iaitu 7.1 peratus;
2. Projek dalam pelaksanaan disediakan sebanyak \$822.8 juta iaitu 82.3 peratus;
3. Manakala projek dalam peringkat tawaran diperuntukkan sejumlah \$15.8 juta iaitu 1.6 peratus;
4. Projek dalam peringkat reka bentuk \$14.0 juta iaitu 1.4 peratus;
5. Sementara bagi projek yang memerlukan kos tambahan bagi yuran perkhidmatan konsultan, pembelian perabot serta kerja-kerja tanah dan infrastruktur, kerajaan akan menyediakan sebanyak \$2.0 juta iaitu 0.2 peratus di bawah Tajuk Rampaian;
6. \$6.3 juta iaitu 0.6 peratus di bawah Tajuk Kemajuan Tapak; dan
7. Bagi keperluan - keperluan perbelanjaan yang tidak dijangkakan

yang berkeperluan dan keutamaan tinggi, sejumlah \$68.0 juta iaitu 6.8 peratus disediakan di bawah Simpanan Gagasan.

Secara keseluruhannya pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama adalah seperti berikut:

1. Sektor Penggunaan Awam disediakan peruntukan sebanyak \$233.7 juta atau 23.4 peratus. Tumpuan sektor ini antara lain termasuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pembedahan, pembaikan sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;
2. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak \$225.9 juta ataupun 22.6 peratus dari keseluruhan peruntukan kemajuan. Sektor ini merupakan sektor yang menumpukan pada pelaksanaan projek-projek yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan negara dan sumber tenaga manusia;
3. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan, disediakan peruntukan sebanyak \$156.2 juta atau 18.6 peratus. Sektor ini menumpukan kepada pelaksanaan projek-projek seperti jalan raya, telekomunikasi, penerbangan awam dan lain-lain;
4. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak \$100.5 juta iaitu

- 10.5 peratus dari keseluruhan peruntukan. Ia adalah bagi melaksanakan beberapa projek perekonomian yang telah dikenal pasti untuk dikendalikan dan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.
5. Di Sektor Rampaian disediakan sebanyak \$76.3 juta iaitu 7.6 peratus dari jumlah keseluruhan peruntukan. Peruntukan ini termasuk bagi membiayai projek-projek yang memerlukan kos tambahan;
  6. Sektor Bangunan Awam pula diperuntukkan sejumlah \$59.1 juta iaitu 5.9 peratus iaitu untuk menaik taraf dan penyediaan bangunan-bangunan kerajaan;
  7. Sektor Keselamatan yang meliputi Sub-Sektor ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei disediakan sebanyak \$53.7 juta atau 5.4 peratus daripada jumlah keseluruhan; dan
  8. Sektor Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi diperuntukkan sebanyak \$43.6 iaitu 4.3 peratus; dan
  9. Sektor Sains dan Teknologi Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi diperuntukkan sebanyak \$16.6 juta iaitu 1.7 peratus ia merangkumi peruntukan *research and development* di bawah kawalan Majlis Penyelidikan Brunei iaitu *Brunei Research Council*.

Kriteria-kriteria yang digunakan dalam menilai RKN 2015/2016 adalah memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang berikut:

1. Projek yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi;
2. Projek yang dapat meningkatkan produktiviti sektor awam atau swasta;
3. Projek yang menjurus kepada pengetahuan, penyelidikan, peningkatan inovasi;
4. Projek yang telah siap dilaksanakan bagi membayar *final payment* dan wang tahanan;
5. Projek yang sedang dilaksanakan bagi membayar kemajuan projek; dan
6. Projek dalam tawaran dalam reka bentuk bagi membayar kerja-kerja awal dan yuran perunding.

Sehingga 12 Mac 2015, masalah perbelanjaan sebenar RKN 2014/2015 berjumlah \$937.1 iaitu 81.5 peratus peruntukan sebanyak \$150,000,000.00 telah disediakan.

Jumlah ini menjadikan perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang setakat ini ialah sebanyak \$3,798.7 juta. Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2014/2015 ini dijangka meningkat kepada \$1,100,000,000.00.

Bagi memastikan pelaksanaan dan perbelanjaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan peruntukan yang telah diluluskan pihak-pihak yang terlibat akan membuat pemantauan rapi serta melaksanakan langkah-langkah yang berikut:

1. Mengeluarkan projek-projek yang belum dilaksanakan selaras dengan garis panduan penggunaan RKN Ke-10;
2. Menekankan bahawa Projek Ke-9 yang ditunda mestilah disiapkan dalam RKN Ke-10 bagi mengelakkan permohonan tambahan peruntukan projek;
3. Kerap membuat lawatan ke tapak-tapak projek di samping membuat lawatan mengejut;
4. Memastikan pembayaran dilaksanakan mengikut perjanjian kontrak;
5. Memastikan setiap kementerian membuat perancangan rapi dan mengikut skop asal dan jadual;
6. Memastikan skop kerja adalah berasaskan kepada tujuan *functionality* dan tidak berlebihan; dan
7. Menyediakan sistem pemantauan projek dan pembayaran yang lebih berkesan.

Bagi mendukung usaha pembangunan negara, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara *sustainable* dan berkesan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara di samping mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian seperti berikut:

1. Memastikan setiap projek atau setiap pembelian yang dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang disediakan bagi memastikan perbelanjaan RKN secara keseluruhannya terkawal mengikut peruntukan yang diluluskan;
2. Memastikan keperluan projek-projek yang dilaksanakan dinilai dari segi keperluan yang sebenar. Keutamaan dan hasil (*outcome*) yang akan diperolehi terutama menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang tetap dan berkualiti kepada anak-anak tempatan dan hasil kerajaan yang akan diperolehi;
3. Memberi tumpuan dan keutamaan kepada perancangan perbelanjaan yang benar-benar dijangka dapat membantu mendukung dasar mempelbagaikan ekonomi negara;
4. Memastikan cadangan perbelanjaan bagi setiap projek, skop dan signifikasi kerja diteliti dengan memberi tekanan kepada dasar keutamaan dan *value for money* dan konsep guna sama serta tidak *over*

*satisfied* dan berlebihan daripada fungsi keperluan sebenar;

5. Memastikan mana-mana projek yang tidak ada peruntukan, tidak ada ditawarkan ataupun tidak ada ditender kecuali kebenaran telah diperolehi atau telah mendapat pengesahan peruntukan yang mencukupi;
6. Mana-mana projek yang telah siap dilaksanakan dan masih mempunyai baki peruntukan hendaklah tidak digunakan sewenang-wenangnya baki wang tersebut kerana ialah sebagai penjimatan kepada kerajaan;
7. Memastikan kontrak-kontrak di bawah sesuatu projek dikenal pasti bagi mengelakkan mana-mana peruntukan dan harga rancangan yang telah disediakan tidak digunakan untuk membiayai kontrak yang baharu yang kurang keutamaan; dan
8. Berterusan meneliti keperluan projek yang dirancang agar mana-mana projek yang tidak diperlukan dan keutamaan ditiadakan bagi memberikan laluan pada projek-projek baharu yang lebih utama dan berkualiti bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

Bagi memastikan penyelarasan projek di RKN Ke-10 tercapai, selaras dengan matlamat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10 telah berangkat dari semasa ke semasa mengadakan lawatan ke tapak-tapak projek RKN bagi meninjau secara dekat dan memastikan projek RKN Ke-10 berjalan dengan lancar menurut perancangan waktu dan peruntukan yang telah ditetapkan bagi mencapai keberhasilan dan meraih impak yang menyeluruh selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekianlah sahaja yang kaola sampaikan, insya-Allah apa-apa jua persoalan yang spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang nanti ia sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawatan kaola selaku agensi-agensi yang bertanggung-jawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita difahamkan bahawa tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan mengenai projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun disentuh semasa perbincangan Rang Perbelanjaan bagi Tahun 2015/2016 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri pada awal persidangan. Begitu juga

perbincangan di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa sebilangan besar daripada projek yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara ini, sudah pun dibahaskan secara terperinci dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bagi mengelakkan perkara yang sama berkaitan dengan tajuk ini berulang-ulang ditimbulkan, maka saya meminta kerjasama semua Ahli yang Berhormat jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan itu, biarlah soalan-soalan itu merupakan perkara-perkara yang baharu dan belum kita sentuh lagi.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya ada 9 orang Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk turut serta membahaskan bagi tajuk ini, dibincangkan dan dibahaskan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas penerangan mengenai Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ke-10.

Kaola mempunyai beberapa pertanyaan untuk memohon penjelasan sedikit kerana dalam Tajuk Kemajuan kaola kurang faham akan *detailnya*. Ini semata-mata untuk makluman orang ramai yang berkenaan:

1. Sektor 1004 - Kemajuan Perusahaan. Bilangan 011 - Kemudahan Infrastruktur dan Perkhidmatan Tapak Perindustrian, Pekan Kuala Belait. Alhamdulillah, fasa 1 dan yang 2 telah pun selesai, hanya tinggal fasa 3. Kaola ingin mengetahui sedikit penjelasan mengenai dengan tapak perindustrian tersebut yang ada di Pekan Kuala Belait?;
2. Sektor 1010 - Elektrik. Bilangan: 006 - Pemasangan Lampu Awam Baharu, Di Daerah Belait, yang tercatat ada 5 projek. Bagi Peruntukan 2015/2016 baki peruntukan adalah \$400,000.00. Kaola ingin penjelasan juga tentang projek tersebut?; dan
3. Sektor 1016 - Kebersihan. Adakah maksudnya kebersihan ini *Sewage Project?* Bilangan 011 - Kampong Mumong dan Bilangan 014 - Kampong Lumut. Kaola mohon penjelasan jua. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat mahu menunggu semua soalan ditanyakan dahulu baru menjawab?

**Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola pernah juga menjawab, apa yang mustahak dalam soalan itu adalah tajuknya. Mengenai tajuk Kebersihan nanti kaola teliti dan kaola jelaskan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kalau begitu kita persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bertanya dahulu dan dikumpulkan soalan itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat, menteri berkenaan akan menjawab soalan-soalan yang berkenaan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara ini, kaola membawa beberapa soalan dari sektor dan gelaran yang berikut:

1. Sektor 1001 - Gelaran Pertanian. Bilangan: 001 - Rancangan Industri Ayam Pedaging fasa 2, iaitu Peruntukan 2015/2016 sebanyak \$1 juta dicampur dengan baki RKN10, \$3,367,502.00 menjadi kumpulannya \$4,365,502.00.

Kaola ingin tahu apakah projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan di sektor ini, sedangkan Industri Ayam Pedaging

kebanyakannya dipunyai oleh pengusaha bukan kerajaan?;

2. Sektor 1001 - Gelaran Pertanian. Bilangan: 004 - Rancangan Dukungan Pertanian Skim Pembelian Semula Hasil Padi Keluaran Tempatan yang tidak ada Peruntukan 2015/2016. Sedangkan baki juga tidak ada dari RKN10.

Adakah tidak ada lagi pembelian semula hasil padi tempatan oleh Jabatan Pertanian?;

3. Sektor 1003 - Gelaran Perikanan. Bilangan: 006 - Pengurusan Persekitaran dan Ekosistem Marin iaitu meningkatkan perhasilan nelayan tradisional. Peruntukan RKN10 ialah \$746,081.00 telah habis dalam Anggaran Perbelanjaan 2013/2014 tanpa baki dan tidak ada peruntukan bagi tahun 2015/2016.

Soalan kaola, tidak adakah lagi perancangan untuk meningkatkan penghasilan nelayan tradisional?;

4. Sektor 1005 - Gelaran Kemajuan Perusahaan. Bilangan: 108 - Menyediakan Infrastruktur Asas Tambahan di Tapak Industri Akuakultur, Telisai yang mempunyai peruntukan RKN10 sebanyak \$1,400,000.00 dan masih lagi berbaki dengan jumlah yang sama kerana tidak ada Anggaran Perbelanjaan 2013/2014.



Kaola ingin tahu apakah perkembangan projek ini?; dan

5. Sektor 1007 - Gelaran Jalan Raya 013 - pembinaan bahu jalan di sepanjang Jalan Seria/Tutong daripada Telisai hingga ke Jalan Lumut *bypass* 16 kilometer, yang peruntukan RKN10 sebanyak \$1,121,194.00 dan perbelanjaan sebenar pada 2013 jumlah yang sama, maka tidak ada baki. Malah tidak ada peruntukan untuk 2015/2016.

Kaola ingin tahu, adakah pelaksanaan kerja pembinaan bahu jalan ini diberhentikan?

Terakhir, Sektor 1021 - Gelaran Hal Ehwal Ugama - 005 - Masjid Baharu Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai yang mempunyai peruntukan RKN10 sebanyak \$12 juta dan anggaran perbelanjaan pada 2014/2015 \$8,600.00 telah digunakan.

Soalan kaola, apakah kerja yang telah dilaksanakan dengan anggaran perbelanjaan 2014/2015 sebanyak \$8,600.00 tersebut?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola tidak membuat pertanyaan dan sudah disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Nampaknya Yang Berhormat sudah berpesan kepada rakannya yang berdekatan. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik dengan perbelanjaan di bawah 1022 - 012 yang bertajuk Pelan Induk bagi Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (*Knowledge Base Economy*) dengan peruntukan yang nominal iaitu \$23,000 sahaja, saya menjangka *Master Plan* ini sudah pun disiapkan. Soalan saya:

1. Sejauh manakah dibuat pelaksanaan *Master Plan* berkenaan dalam penumpuan aktiviti ekonomi negara, ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge base economy*);
2. Apakah sukat-sukat yang dibuat untuk menilai sama ada usaha ini

membuahkan hasil seperti yang dirancang; dan

3. Adakah keperluan untuk *re-visit* atau dinilai semula *Master Plan* berkenaan dalam memberikan penekanan lebih demi untuk memantapkan lagi usaha perekonomian berasaskan pengetahuan ini? Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

Terima kasih Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Dalam peruntukan Kemajuan Negara, Sektor 1006 - Bidang Pendidikan dan 027 - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan soalan saya tidak berkait secara langsung dengan jadual dalam Kemajuan tetapi ia tetap berkaitan.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Konvokesyen Ke-4 Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan pada 27 Muharam 1436 Hijrah bersamaan 20 November 2014 Masihi mengenai pembinaan kampus kekal KUPUSB akan dilaksanakan di bawah RKN11 dan nampak-nampaknya tidak ada lagi Jadual Peruntukan untuk keperluan

KUPUSB dalam peruntukan Kemajuan 2015/2016.

Sebagaimana dalam peruntukan Kemajuan RKN10 2013/2014 masih ada Jadual Peruntukan untuk KUPUSB yang tertera di dalam jadual berkenaan dan ini mungkin mengambil kira ia akan dilaksanakan di bawah RKN11, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang menjadi pemerhatian kaola dengan meningkatnya peratus kemasukan pelajar setiap tahun untuk belajar di KUPUSB dan untuk mencapai matlamat wawasan, melahirkan sumber manusia berkualiti ditambah lagi dengan menepati tema rang perbelanjaan pada tahun ini KUPUSB perlu menaikkan taraf kemudahan dan prasarana yang sedia ada, sesuai ia sebagai sebuah pusat pengajian perguruan agama, satu-satunya dan unggul di negara ini.

Soalan kaola, bagaimanakah perancangan jangka pendek kampus yang sedia ada dapat menampung keperluan seperti mengadakan bilik-bilik kuliah dan kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan pengajaran dan pembelajaran sementara menunggu pembinaan kampus kekal yang hanya akan dilaksanakan di bawah RKN11 nanti yang mungkin akan mengambil masa beberapa tahun ke hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya

Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk ialah mengenai Gelaran 1019 - Balai Bomba Kampong Petani, Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi, kedudukan balai bomba yang ada sekarang haruslah difikirkan, sebab ia terletak di kawasan Pekan Tutong yang benar-benar sibuk dan secara tidak langsung membangun dari semasa ke semasa. Peruntukan di sini bagi RKN10 ada baki \$3,189,429.00. Kaola ingin tahu:

1. Dimanakah bangunan ini akan didirikan?; dan
2. Projek ini bila akan bermula?

Yang Berhormat Pengerusi, kedudukan balai bomba yang ada pada masa ini kurang sesuai memandangkan perkembangan pembangunan Pekan Tutong yang bertambah, menyebabkan kedudukan lalu lintas kadang kala sesak dan ini akan menyukarkan pergerakan bomba dalam keadaan tertentu apabila sesuatu berlaku.

Jadi, adalah diharapkan bangunan yang baharu nanti akan dibangunkan di tempat-tempat yang sesuai, boleh digunakan dalam jangka panjang, dan tidak menghadapi masalah-masalah kesesakan lalu lintas dalam menghadapi sesuatu yang berlaku

sesuai dengan keadaan ataupun peranannya sebagai penyelamat. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola ada 4, iaitu Rancangan Kemajuan Ladang Pertanian Berkelompok.

1. Dicadangkan supaya tanah Ladang Pertanian Berkelompok Kelapa di Kampong Junjungan yang telah diberikan geran lebih kurang 2, 3 - 4 hektar setiap peserta dengan jumlah peserta seramai lebih 100 orang. Geran mereka hampir mansuh ataupun sudah mansuh dan untuk membaharuinya menelan kos \$20,000.00 atau mungkin lebih. Jadi, penduduk berkenaan memohon agar kos pembayaran tersebut dapat dikurangkan atau ditiadakan kerana ladang ini merupakan sumber pendapatan penduduk dan juga menyumbang kepada ekonomi negara;
2. Jalan Raya - 005 Melebarkan Jalan Kuala Lurah dengan peruntukan \$1,592,853.00. Kaola ingin bertanya, bilakah projek ini akan bermula?; dan
3. E-kerajaan - 001. Bila kita melihat peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10) mengenai E-Kerajaan, daripada 001 hingga 012, nampaknya diberikan

peruntukan pada setiap kementerian.

Kaola ingin bertanya, adakah E-Kerajaan ini sudah diamalkan sepenuhnya di semua kementerian?; dan

4. Kaola juga sama dengan rakan kaola, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu waham mengenai kebersihan. Kebersihan, ada peruntukan \$2,950,000.00.

Jadi, ada disebut kebersihan Kampong Telanai, Madewa, Bunut dan Bengkurong.

- i. Kaola ingin tahu, apakah maksud kebersihan itu?; dan
- ii. Adakah ia pembersihan longkang, pembersihan debu-debu di jalan raya dan seumpamanya?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Kaola ingin membawakan Tajuk 1001 - Pertanian-010. Musuh-musuh tanaman

dari dahulu sentiasa ada, pelbagai musuh dan penyakit tanaman. Kalau dahulu, orang-orang tua tidak ada menggunakan racun-racun musuh tanaman. Sememangnya, pada masa itu tidak ada racun-racun. Mereka hanya ada pengetahuan alam semula jadi.

Kalau mereka bertanam padi, mereka mengikut pairamanya. Pada masa bertanam itu, hujan turun secukupnya, musuh seperti burung pipit, kesisang dan lain-lain kurang kerana pada masa itu musuh-musuh padi kebanyakannya sedang bertelur. Racun musuh tanaman pada masa ini, yang ada di pasaran hanyalah Kelas 4. Ini cukup untuk menghalau musuh-musuh tanaman sahaja.

Binatang-binatang yang jadi musuh tanaman nampaknya tidak terkawal, contohnya, monyet dan babi sudah berani ke halaman rumah di beberapa kawasan perumahan. Ini mengganggu keselesaan orang ramai pada masa ini, seperti tidak ada jabatan yang menangani masalah ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor**

**@ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

1. Kaola menunjukan kepada Pendidikan - 1006 Bilangan 032 - Pembinaan Sekolah Rendah Perpindahan Kampong Mengkubau sejumlah \$13.7 juta. Kaola ingin mengetahui, bilakah rancangan ini akan dapat dilaksanakan?; dan
2. Kemudahan Awam dan Alam Sekitar - 1018 Bilangan 0114 - Dewan Serbaguna Kampong Menunggol yang diperuntukkan \$1.4 juta. Apa yang kaola maklum, bahawa bangunan dewan bagi Kampong Menunggol ini telah pun lama sudah ditimbulkan. Bilakah ia akan dapat dilaksanakan? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola akan menyuarkan mengenai perbelanjaan Kemajuan Negara 2015/2016, Muka Surat 56 Dalam Sektor 1021 - Gelaran Hal Ehwal Ugama. Dalam Bilangan 002 - Pembinaan Masjid-Masjid, Bilangan 010 - Pembinaan Masjid Kampong Senukoh, Mukim Labu di Daerah Temburong dengan peruntukan berjumlah \$5 juta diperuntukkan bagi projek Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10).

Kaola ingin bertanya status mengenai projek tersebut itu nanti, bila ia akan dilaksanakan?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik terhadap Tajuk SP01A - Kemajuan.

Saya berpendapat adalah berpatutan sekarang bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Setelah kita bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya, maka saya kira adalah berpatutan sekarang bagi kita untuk berehat sebentar dan dengan itu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sehingga pada pukul 2.30 petang nanti dan kita akan bersidang semula, insya-Allah pada waktu yang ditentukan itu. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita sambung. Kita telah dan masih membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 di Peringkat Jawatankuasa bagi Tajuk SP01A - Kemajuan. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan dan menimbang Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 satu persatu. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada pagi tadi kita telah membahaskan Tajuk SP01A - Kemajuan. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah ikut serta dalam mengemukakan beberapa pertanyaan berkenaan dengan tajuk-tajuk yang berkenaan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekarang ingin memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang

Berhormat Menteri-Menteri, jika ada yang mahu memberikan respons atau reaksi terhadap soalan-soalan atau pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan pada pagi tadi. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mahu didahulukan sebab Yang Berhormat Menteri ada urusan selanjutnya. Maka saya berikan podium ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Silakan.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah Rabbil'alamin, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Mengenai beberapa soalan yang ditimbulkan pada sebelah pagi tadi, antaranya ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin iaitu mengenai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Untuk jangka pendek Kolej Universiti akan menaik taraf beberapa blok bangunan yang sedia ada seperti untuk tambahan dewan (*mini theater*), bilik-bilik kuliah dan bilik bagi tenaga akademik. Termasuk yang akan dicadangkan untuk dibangunkan ialah bangunan Perpustakaan dan bilik Kolej Kediaman di dalam kawasan Kolej Universiti sendiri.

Di samping itu untuk memberi kemudahan kepada warga Kolej Universiti, jalan keluar masuk yang kedua bagi KUPUSB juga sedang dikenal pasti dan akan dibina. Dengan ada jalan itu, insya-Allah keselesaan akan dapat dinikmati oleh para pelajarinya.

Usaha penambahan prasarana ini selaras dengan kemasukan pelajar-pelajar setiap tahun yang setakat ini dilihat tidaklah begitu ramai. Untuk makluman setakat ini pelajar-pelajar yang memohon dan layak setelah diuji, tidaklah ada yang ditolak untuk memasuki Kolej Universiti. Di samping itu, usaha juga sedang dijalankan bagi menyewa bangunan yang berdekatan jika ada yang bersesuaian dan jika diperlukan.

Mengenai soalan yang kedua, iaitu daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Masjid Telisai. Berikutan keadaan ekonomi kita sekarang ini, ada kemungkinan tidak akan dapat dilaksanakan dalam RKN10 ini. Tetapi insya-Allah akan diusahakan untuk dimasukkan dalam RKN11. Walau bagaimanapun, kaola difahamkan peruntukan sejumlah \$8,600.00 seperti yang telah disebutkan tadi telah dibelanjakan untuk topo masjid tersebut.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai satu projek Senukoh di Daerah Temburong bagi membina masjid dan pusat kegiatan keagamaan, insya-Allah akan cuba diusahakan dalam RKN10 ini. Walau bagaimanapun,

peruntukkannya juga dijangka terjejas akibat daripada suasana ekonomi pada masa ini. Tetapi kita akan berusaha insya-Allah untuk ditopo nanti dalam RKN11. Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi, jawapan kaola mengenai yang melibatkan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih atas izin Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola menjawab ataupun memberi penjelasan kepada beberapa isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi tadi.

Yang pertama soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan tapak kemajuan perusahaan dan kemudahan infrastruktur dan tapak pelesenan Kuala Belait, Fasa ke-3. Apakah status projek ini?.

Projek ini sebenarnya memerlukan tambahan peruntukan dan telah pun dihadapkan ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bagi penelitian dan sokongan. Walau bagaimanapun, pihak JPKE memerlukan maklumat lanjut daripada pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama sebelum pihak JPKE memberikan peruntukan yang diperlukan itu.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu mengenai pemasangan lampu awam bagi Daerah Belait. Ada 5 projek dan beliau memohon penjelasan mengenai status projek ini. Sebenarnya memang terdapat 5 projek pemasangan lampu bagi Daerah Belait, 4 projek telah siap sepenuhnya iaitu pemasangan lampu bagi Jalan Tengah Seria dan sekitarnya, pemasangan lampu bagi Rasau ke Sungai 1 dan sekitarnya. Pemasangan lampu Jalan Kampong Lumut ke Jalan Anduki dan sekitarnya. Pemasangan lampu jalan bagi Lumut *Bypass* Mukim Sungai Liang. Manakala 1 projek pemasangan lampu bagi Jalan Mumong ke Seria *Bypass* dan sekitarnya masih dalam pelaksanaannya dengan kemajuan fizikal 62 peratus. Peruntukan 2015/2016 adalah bagi membayar kemajuan projek berkenaan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi mengenai kebersihan. Apakah yang dimaksudkan dengan kebersihan ini, termasuk pembedungan. Sebagai menjawab, kebersihan bermaksud kerja-kerja pembedungan yang melibatkan kerja-kerja loji rawatan kumbahan, paip pembedungan bagi memastikan mengurangkan pencemaran alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam.

Skim pembedungan Kampong Mumong, projek ini bernilai \$7,826,807.85 dan

pelaksanaannya bermula pada bulan September 2012 dan disasarkan siap pada penghujung Mac 2015. Projek ini bagi menambah pembedungan terutama di kawasan Perumahan Kampong Mumong. Pada masa ini dalam peringkat pelaksanaan dan baru mencapai 67 peratus siap.

Projek kedua ialah di Skim Pembedungan Kampong Lumut. Projek ini bernilai \$8,217,760.12 dan ia bermula pada bulan September 2012 dan disasarkan siap pada penghujung Julai 2015. Pada masa ini dalam peringkat pelaksanaan dan baru mencapai 68 peratus siap.

Soalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Pertanian Ayam Pedaging Fasa 2 lebih \$4 juta iaitu di bawah Tajuk 1001 - 001. Apakah projek ini akan dilaksanakan, sedangkan sektor ini kebanyakannya dilaksanakan oleh bukan sektor kerajaan. Penjelasan ialah peruntukan yang disediakan ialah bagi membiayai penyediaan infrastruktur asas di kawasan kemajuan pertanian seperti bekalan air, elektrik dan jalan akses.

Soalan kedua, 1001-004 - Skim Pemberian Semula Padi. Memandangkan projek telah siap, tiada peruntukan diberi kepada projek ini. Walau bagaimanapun, penyambungan projek 1001-1023 - Skim Kemajuan Pengeluaran Padi yang mempunyai peruntukan tahun 2015/2016 sebanyak \$3.5 juta digunakan untuk membuat



pembelian padi-padi dan penamaan padi tempatan.

Pengurusan persekitaran *eco-system marine* nelayan tradisional, peruntukan tidak mempunyai baki dan tidak ada peruntukan bagi tahun 2015/2016. Penjelasannya ialah harga rancangan projek berkenaan sudah pun habis digunakan. Oleh itu, tiada peruntukan disediakan bagi tahun 2015/2016.

Mengenai perancangan untuk meningkatkan hasil nelayan, mungkin soalan ini dapat dijawab oleh pihak Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama.

Projek seterusnya yang disoal ialah mengenai menyediakan infrastruktur asas tambahan di tapak Industri Pertanian. Apakah perkembangan projek ini. Projek ini telah siap dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kesinambungan kepada projek ini telah pun diluluskan iaitu 104 - 020 Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Tambahan di tapak industri *agriculture* Telisai. Projek ini sedang dalam peringkat perancangan.

Soalan No. 5, menaik taraf dan melebarkan jalan utama pembinaan bahu jalan di sepanjang Jalan Seria Tutong daripada Telisai hingga ke Jalan Lumut *by pass* sepanjang 16 kilometer. Adakah pelaksanaan diberhentikan memandangkan tiada baki bagi tahun 2015/2016 Masihi. Peruntukan bagi Tahun 2015/2016 tidak disediakan memandangkan projek ini telah pun siap

dilaksanakan pada bulan November 2011.

Sementara soalan mengenai Masjid baharu Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai dengan harga rancangan sebanyak \$12 juta. Apakah kerja yang telah dilaksanakan sebanyak \$8,600.00 tersebut. Perbelanjaan sebanyak \$8,600.00 adalah bagi melaksanakan kerja-kerja untuk grafik dan *survey work* yang telah dilaksanakan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai Projek *Master Plan Knowledge Basic Economy* iaitu soalnya sejauh mana pelaksanaannya? Apakah sukat-sukat untuk menilai hasilnya? Adakah penilaian semula akan menekankan usaha perekonomian? Sebagai penjelasan projek *Master Plan Knowledge Basic Economy* telah diluluskan pada RKN 9, 2007/2012 selaras dengan teras pembangunan untuk meluaskan asas ekonomi dan mengukuhkan asas bagi ekonomi yang berteraskan pengetahuan *KBE*. Antara objektif projek ini ialah bagi mengkaji sama ada *KBE* boleh menjadi jentera untuk menggerakkan agenda kepelbagaian ekonomi melalui peningkatan pengetahuan, kreativiti dan inovasi.

Satu *pilot study* telah dilaksanakan pada tahun 2009 dalam menilai kesesuaian *KBE* untuk dilaksanakan dalam negara ini. Dari *pilot study* ini hasil dapatan ialah untuk memfokuskan kepada penyelidikan dan perkembangan (*R&D*).

Oleh itu, pada RKN 10 selaras dengan temanya iaitu pengetahuan dan inovasi, mempertingkatkan produktiviti dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Program dan projek yang berkaitan *KBE* telah difokuskan di bawah Majlis Penyelidikan Brunei yang menitikberatkan hasil penyelidikan dan perkembangan yang dapat dikomersialkan.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Walau macam manapun sebagai jawapan tambahan mengenai kesesakan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di kawasan KUPUSB dan sebagainya, kita telah pun menerima peruntukan sebanyak \$200,000.00 untuk membina jalan 2 *link single carriage ways* dan 2 lorong dan insya-Allah akan dilaksanakan seberapa segera yang boleh.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai Ladang Berkelompok. Perkara ini berkaitan dengan pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin menjawabnya nanti.

Sementara Projek 1007-010-005 - Menaik taraf dan Melebar Jalan Utama, Melebar Jalan Kuala Lurah. Bilakah projek ini akan bermula? Projek ini telah pun siap dilaksanakan pada bulan September 2011.

Sementara projek 1023 - E - Kerajaan. Adakah sudah diamalkan sepenuhnya di semua kementerian? Penggunaan E - Kerajaan di semua kementerian telah bermula sejak RKN ke-8 lagi. Dalam RKN ke-10, peruntukan sejumlah \$321,752,163,000.00 telah pun diluluskan bagi melaksanakan 39 projek yang Peruntukan Tahunan 2015/2016 disediakan sebanyak \$43,450,000.00.

Mengenai soalan keempat, kebersihan di Kampong Telanai, Madewa, Bunut dan Bengkurong. Apakah yang dimaksudkan dengan kebersihan?. Kaola telah memberi penjelasan mengenai maksud kebersihan tersebut tadi. Skim pembedaan Kampong Telanai, Madewa, Bunut dan Bengkurong pada masa ini dalam peringkat pelaksanaan dengan harga kontrak berjumlah \$4,870,098.42. Projek ini bermula pada September 2012 dan sepatutnya siap pada Januari 2015. Projek mengalami kelewatan sebanyak 11 peratus. Walau macam manapun, projek ini masih memerlukan lanjutan masa menyiapkan kerja-kerja tersebut.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai pengurusan bersepadu musuh perosak tanaman. Perkara ini juga kaola difahami dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, pembinaan Sekolah Rendah di Rancangan Perumahan

Negara, Kampong Mengkubau? Projek peruntukan sejumlah \$13 juta sama ada perancangan tersebut sudah bermula. Pada masa ini, projek tersebut masih dalam peringkat perancangan dan menunggu untuk menghadapkan sokongan bagi lantikan konsultan. Insyaa-Allah, setelah ada lantikan konsultan kerja-kerja seterusnya adalah penyediaan reka bentuk projek.

Soalan mengenai Dewan Serbaguna Kampong Menunggol yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Dewan Serbaguna ini peruntukannya di RKN ke-10 yang disediakan bagi tahun 2015/2016. Keutamaan diberikan kepada projek-projek yang memberi impak besar kepada pertumbuhan ekonomi dan yang lebih berkeutamaan untuk dilaksanakan dalam RKN10. Keperluan projek ini dimaklumi dan disarankan projek ini untuk diteliti pelaksanaannya menggunakan kaedah lain. Walaupun peruntukan ada, tetapi tidaklah kita gunakan untuk projek ini dan akan difikirkan cara lain untuk melaksanakan projek ini kerana ada keutamaan lain.

Akhir sekali, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai status projek masjid berkenaan dan bilakah projek ini akan dilaksanakan? Pada masa ini, kerja-kerja awal telah siap dilaksanakan seperti topografik, *survey works* berjumlah \$10,996.00. Kerja-kerja pembinaan bangunan masjid akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi penerangan dan penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ada 3 perkara yang akan saya sentuh bagi tambahan daripada yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit. Mengenai peruntukan Sektor 109 - Perikanan Bilangan 106 - Pengurusan Persekitaran dan *Eco-System Marine* yang telah habis peruntukan. Yang sebenarnya peruntukannya itu masa dipohonkan khas untuk membuat dipanggilkan "*fish aggregation devices*" seperti lawa-lawa dan takat-takat. Apabila lawa-lawa dan takat-takat telah selesai maka tidak lagi dipohonkan bagi penambahan baharu.

Walau macam manapun, dalam menangani untuk meningkatkan penghasilan nelayan tradisional, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan mengambil pendekatan strategik seperti yang kaola semasa menerangkan peningkatan hasil laut

ialah menambahkan jarak jauh zon 1 daripada sampai kepada tiga (3) batu nautika kepada tujuh (7) batu nautika dan juga mengharamkan ataupun mengehadkan penggunaan pukuk-pukuk tunda untuk meningkatkan hasil nelayan-nelayan tempatan tradisional.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai tanah di Kampong Junjungan. Sebenarnya rancangan ini ditimbulkan dalam Rancangan RKN 2, mansuh pada tahun 2002 dan diperbaharui dari tahun ke tahun. Masa ini dinilai balik sama ada ia menepati kehendak-kehendak semasa. Ianya dibukakan untuk pengusaha-pengusaha kelapa pada waktu itu. Ia akan dinilai melalui pendekatan yang lain seperti secara komersial ataupun secara pemberian tanah Kawasan Kemajuan Pertanian ataupun KPLB. Yang sebenarnya bukan tanah KPLB tetapi adalah tanah khas yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha di Junjungan pada tahun 1977.

Mengenai musuh-musuh ladang seperti monyet dan babi hutan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Permohonan yang dipohonkan bagi *Integrated Pest Management (IPM)* adalah berjumlah \$4,000.00 sahaja. Tujuannya ialah untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian khususnya daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi mereka sama-sama menolong petani-petani untuk menangani masalah-masalah serangan musuh tanaman secara integrasi. Tujuannya ialah bagi mengurangkan

penggunaan racun-racun serangga di ladang-ladang.

Walau macam manapun, serangan seperti monyet dan babi hutan, kalau di ladang-ladang ditangani oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Peladang-peladang melalui prosedur tertentu dan kalau di kawasan-kawasan bandar dan sebagainya ditangani oleh pihak-pihak yang tertentu di bandar ataupun dalam kawasan bandar. Memang ada pengawalan oleh kerajaan. Itu sahaja yang dapat kaola sebutkan dalam 3 perkara yang ingin kaola tambah mengenai soalan yang disebutkan pagi tadi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sahaja laporan Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai Program Kemajuan e-Kerajaan. Laporan ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri berikan tadi adalah dari segi infrastrukturnya tetapi kaola ingin memberi *update* mengenai perkembangannya dalam bidang yang lain.

Program e-Kerajaan telah berjalan sejak tahun 2001 Masihi sehingga tahun 2010 Masihi dan sebanyak \$355 juta telah dibelanjakan. Tetapi pelaksanaannya kurang berkesan dan terdapat duplikasi

disebabkan oleh urus tadbir yang kurang mantap. Mulai tahun 2011 fokus tertumpu kepada projek-projek peningkatan infrastruktur dan pengurusan rangka kerja untuk memastikan bahawa keperluan asas dilaksanakan dengan teratur. Antaranya ialah:

1. Peningkatan Infrastruktur *ICT* dan Perkhidmatan Guna Sama. Memastikan *standardization* dan *consideration* bagi memberikan penjimatan kos dan memudahkan pemantauan, peningkatan kecekapan, mengukuhkan keselamatan dan memendekkan masa peraksanaan sistem;
2. Beberapa rangka kerja bagi memantapkan urus tadbir telah diperkenankan bagi bidang *Business Processing Engineering (BPR)*, Pengurusan Projek *Enterprise Architecture*; dan
3. Pengukuhan tenaga kerja selaras dengan trend industri dan latihan kursus dan pelaksanaan *Competency Development Framework* dan *Digital Literacy Programme*.

Dengan pengukuhan infrastruktur dan guna sama fokus seterusnya tertumpu kepada perkhidmatan orang ramai dan kerajaan. Antaranya ialah Portal e-Darussalam, Talian Darussalam 123, *Portal Open Data* Kerajaan atau *data.gov.com*, Program e-Hijrah dan pelancaran beberapa sistem yang berimpak besar seperti memudahkan perubahan lesen perniagaan *One-Biz*,

Sistem Maklumat Perkhidmatan dan *Online Registry License Brunei Names, (ORLBN)* bagi mempercepatkan pendaftaran perniagaan termasuk dalam rangka ini juga ialah sistem *SPD* yang membolehkan *online transaction* di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan. Beberapa aplikasi *mobile* juga telah dilancarkan bagi memudahkan lagi orang ramai.

Inisiatif Program Pembangunan Belia *ICT (YDP)* ialah satu platform pendidikan alternatif untuk mencari peluang kepada belia untuk menjalani latihan profesional dalam bidang *ICT*. Pengambilan pertama bermula pada Julai 2012. Seramai 90 belia telah diterima dan pengambilan kedua telah dilaksanakan pada bulan Febuari tahun 2014 dan seramai 155 peserta telah menyertai program tersebut.

Penubuhan *Brunei Solution Development Centre (BSDC)* bertujuan untuk membantu membangun industri *ICT* dan membina kepakaran kemahiran anak-anak tempatan dalam penyediaan aplikasi perisian *Made in Brunei*. *BSDC* juga adalah kapabiliti dan *mentority program camp* yang telah mengambil 10 graduan dan 2 daripadanya telah mendapatkan *Persijilan Microsoft Certified Solution Developer* yang pertama di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu juga, perbelanjaan dalam bidang Peruntukan e-Kerajaan ini juga untuk membayar penyewaan litar-litar daripada syarikat *TelBru* bagi memudahkan rangkaian e-Kerajaan ini

berfungsi dengan efektif. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Ada Ahli-ahli yang ingin untuk menambah. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telahpun mendengar penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan terhadap beberapa persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Berhormat Yang Dilantik.

Maka dengan penjelasan-penjelasan tersebut saya sekarang suka untuk mengundi Tajuk SP01A - Kemajuan bagi kita untuk meluluskannya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan tajuk ini sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih Alhamdulillah, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SP01A – Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual, Bab 1, - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sedang membincangkan berkenaan dengan Tajuk Bab 1, - Gelaran Pendek dan Permulaan, Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2015/2016 dan akan berkuat kuasa mulai daripada **1hb. April 2015.**

Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju Gelaran Pendek dan tarikh permulaan berkuat kuasa Akta ini diluluskan, yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Alhamdulillah, Bab 1, - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bab 1, - Gelaran Pendek dan Permulaan, Kuat kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Jadual Bagi Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan Rang Undang-Undang ini. Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi membincangkan perkara-perkara seterusnya. Pada perbincangan yang telah dibincangkan di Peringkat Jawatankuasa, kita telah meneliti dan meluluskan semua Tajuk dalam Jadual Rang Undang-undang (2015) Perbekalan, 2015/2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri ini akan dibaca bagi kali ketiganya seterusnya untuk diluluskan di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya telah difahamkan memandangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat hadir atas urusan-urusan rasmi di luar negara, maka bacaan kali ketiga ini akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta**

**Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah dipertimbangkan dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, saya memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk dibaca bagi kali ketiganya. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat ingin untuk menyokong cadangan ini.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Alhamdulillah, Rang Undang-Undang Perbekalan (2015) Perbekalan, 2015/2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya sekarang bertanya adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong akan cadangan ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)****Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Oleh sebab semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016 diluluskan mulai **hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 21 Mac 2015 Masihi.**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2015/2016, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun menyelesaikan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015/2016. Ahli-ahli Yang Berhormat

sekarang kita boleh beralih kepada Perkara VIII daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

Perkara yang ke-VIII, Ketetapan. Ketetapan No. 1 - Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 32 Perintah yang telah disenaraikan dan perintah-perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada perintah-perintah ini sudah pun berjalan pada tahun 2014 yang lalu, dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini. Kesemua perintah telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.



Ahli-ahli Yang Berhormat, perintah-perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab perintah-perintah ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka saya berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang saya sebutkan seperti terdapat dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No.1 Tahun 2015 Masihi.

Oleh yang demikian, izinkan saya sekarang untuk mencadangkan ketetapan yang berbunyi, **"Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal 7, Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2015 Masihi adalah masing-masing melalui dari tarikh perintah-perintah itu diluluskan."** Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mencadangkan sebuah ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei

Darussalam 1959, adakah antara Ahli-ahli Yang Berhormat ingin menyokong mengenai cadangan ini?

**Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun mengemukakan satu ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, dan Usul ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi, bahawa kebanyakan ataupun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam kertas No.1 Tahun 2015 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagiannya telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa perkara ini tidak perlu dibahaskan lagi, maka ada baiknya ketetapan ini sekarang kita undi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, alhamdulillah semua Ahli-ahli bersetuju, maka Ketetapan ini diluluskan pada **hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Masihi bersamaan 21 Mac 2015 Masihi.**

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:**

Ketetapan yang kedua, ialah Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan wang Kemajuan (Penggala 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebagai mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri memohon izin dalam dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa "Majlis ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136), bahawa perbelanjaan sejumlah \$1,000,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan wang Kemajuan untuk maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini dan

disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2015/2016 yang dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2015.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, butir-butir perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2015.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang jawatankuasa dan telah pun diluluskan, tiada pindaan.

Maka saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Dari itu saya sukacita mencadangkan supaya Majlis ini menetapkan menurut Bab 4(2) dari Akta Kumpulan wang Kemajuan (Penggala 136) supaya perbelanjaan sejumlah \$1,000,000,000.00 itu dibenarkan untuk diperuntukkan dari Kumpulan wang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan dalam anggaran-anggaran perbelanjaan pada Tahun Kewangan 2015/2016 yang terbentang sebagai Kertas No. 2 Tahun 2015 Masihi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri baru sahaja mencadangkan sebuah ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan wang Kemajuan (Penggagal 136). Adakah antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong cadangan ini?

**Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah mengemukakan sebuah ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggagal 136 Negara Brunei Darussalam dan Usul ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa semua peruntukan wang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta.

Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu lagi untuk dibahaskan maka sekarang saya membukakan ketetapan ini untuk diundi. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)****Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Alhamdulillah semua Ahli Yang Berhormat bersetuju maka ketetapan ini diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:**

Perkara yang Ke-IX. Ucapan-Ucapan Penangguhan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sidang sekarang beralih kepada perkara yang terakhir, Perkara IX, Ucapan Penangguhan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semua bahawa mengikut Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi Mesyuarat Negara Bilangan 36 (4) bahawa ahli hanya dibenarkan untuk berucap dalam penangguhan ini tidak melebihi daripada 10 minit.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan mematuhi peraturan ini. Bersama saya di sini ada terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta dalam Sesi Ucapan-ucapan Penangguhan ini. Saya ingin untuk mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alamin, Wabihee Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Sayyidina Muhamadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Aj'maeen.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 12 hari dalam Musim Permesyuaratan Pertama dari Majlis Mesyuarat Negara Kesebelas 2015. Sepanjang permesyuaratan ini, kita telah dapat meneliti dan membincangkan beberapa rang undang-undang yang telah diluluskan khasnya Akta Perbekalan 2015/2016 yang menyediakan Peruntukan Tahunan Kewangan 2015/2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan, cekap serta bijaksana dalam memandu Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini yang dengannya telah berjalan dengan penuh lancar dan terarah dalam suasana yang penuh kesepakatan sehingga berjaya mencapai tujuannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita telah sampai ke penghujung Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kali ini. Kita semua sewajarnya bersyukur atas kepimpinan bijaksana dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kerajaan Baginda telah dapat memperuntukkan anggaran belanjawan yang sangat munasabah bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Pihak kerajaan insya-Allah akan dapat melaksana dan meneruskan rancangan-rancangan bagi pembangunan dan kemajuan negara.

Pada tahun ini kita patut sekali lagi bersyukur kerana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih tinggi sungguh pun pendapatan kerajaan berkurangan akibat daripada kejatuhan minyak di samping terus berhadapan dengan ekonomi global yang sukar diramal. Keputusan kerajaan ini semata-mata untuk memastikan bahawa jentera kerajaan dapat bergerak dan pembangunan negara dapat berjalan lancar demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi yang mapan.

Sehubungan itu, kita seharusnya mengambil iktibar dari dua krisis kewangan serantau dan global yang kita alami pada tahun 1998 dan 2008 Masihi dan mengambil langkah bijaksana dan berhemah dalam mengatur

perbelanjaan. Pada masa itu krisis kewangan tersebut telah memberi kesan besar kepada beberapa pihak khususnya mereka yang bergantung pada kerajaan. Tetapi ada pula yang melihat keadaan gawat tersebut sebagai satu oportuniti untuk meneroka peluang di luar negara.

Pada hemat kaola, mentaliti dan sikap keusahawanan sebeginilah yang perlu dipupuk agar berakar umbi di setiap rakyat, sama ada dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu atau semasa yang menggalakkan. Nilai-nilai berkarih, berjariah, berbasah, berkaring dan cakah sebegini yang menunjukkan jati diri dan identiti sebenar kita sebagai orang Brunei yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja yang tidak ringkih atau getas berhadapan dengan apa jua bentuk cabaran yang melanda.

Kita juga bersyukur kerana seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, sektor bukan minyak dan gas negara telah mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 3.4 peratus pada tahun 2014. Namun kita perlu meningkatkannya lagi. Masih banyak yang perlu diusahakan dalam mempelbagaikan ekonomi negara yang benar-benar akan memenuhi matlamat Wawasan Negara 2035. Kita perlu memikirkan strategi-strategi bersepadu bagi menangani seandainya situasi ekonomi global yang mencabar ini berterusan.

Sehubungan itu, tema belanjawan Tahun Kewangan 2015/2016 iaitu

### **'Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif'**

sungguh bertepatan untuk menyatukan semua pihak dalam menuju destinasi 2035. Pendidikan adalah salah satu tunggak utama dalam mendukung semua keutamaan tersebut. Pendidikan memainkan peranan penting dalam membangun modal insan. Mengambil kira sumber tenaga manusia adalah aset penting, aset paling berharga dan *sustainable* bagi negara.

Sehubungan dengan itu, alhamdulillah bilangan pelajar yang mengikuti bidang *STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics)* telah meningkat dengan signifikan dari setahun ke setahun, baik di dalam mahupun di luar negara. Ini penting dalam menyediakan sumber tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi yang akan memacu pembangunan ekonomi negara yang berlandaskan pengetahuan serta *research and innovation*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Dalam kita bergerak pantas dan bijak ke hadapan menuju ke destinasi Wawasan Negara 2035, kerjasama yang padu antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Di sinilah kefahaman secara kolektif (*collective understanding*) akan visi negara adalah kritikal. Ini memastikan apa jua yang kita laksanakan akan menghasilkan impak yang tinggi dan menjurus ke matlamat sebenar dengan penuh sinergi.

Sehubungan itu, kita di dalam dewan yang mulia ini sama-sama memikul peranan yang penting dalam memahami masalah rakyat dan penduduk di negara ini. Berkaitan dengan ini, kita menghargai peranan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebagai penghubung masyarakat kepada pihak kerajaan dan pada masa yang sama berperanan dalam membantu memberi jalan penyelesaian dan nasihat kepada masyarakat.

Mendengarkan perbahasan yang telah disampaikan di sepanjang Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2015 ini pelbagai isu dan usul telah dikemukakan. Kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan bernas serta cadangan membina yang dikemukakan, ada di antara usul dan cadangan berkenaan memerlukan pihak kerajaan untuk membuat penilaian dan penelitian yang terperinci yang sehalus-halusnya dengan mengambil kira faktor-faktor seperti sosioekonomi, alam sekitar dan yang paling penting keupayaan kewangan kerajaan.

Sepanjang permesyuaratan kita, melalui pengamatan kaola, ada di antara isu dan persoalan yang dikemukakan adalah perkara-perkara yang kaola rasa dapat diselesaikan melalui institusi-institusi tertentu seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Malah kaola yakin Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mampu membuat penyelesaian bagi sebahagian

perkara-perkara yang ditimbulkan sama ada di peringkat masyarakat mahu pun melalui kerjasama dengan pihak kerajaan.

Kaola juga ingin mengajak rakan-rakan di sebelah sini untuk sama-sama mengelinga dan menangani permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dengan sebaik-baiknya agar di peringkat dewan ini kita akan dapat memfokus kepada isu-isu besar dan strategik. Dalam erti kata kita sehendaknya melihat gambaran besar atau *big picture* yang memberi impak tinggi di negara ini dan mengemukakan cadangan-cadangan, soalan-soalan yang besar demi menjamin kesejahteraan dan masa depan negara.

Dengan ini insya-Allah barulah akan dapat menepati hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2015, bagi ahli-ahli yang Baginda anggap sebagai tokoh-tokoh yang berkaliber dan berpandangan jauh akan dapat menghidangkan idea-idea besar serta mengetengahkan pendekatan-pendekatan yang terbaik untuk pembangunan.

Akhirnya kaola mengambil kesempatan ini untuk menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang mewakili kerajaan atau rakyat yang

telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan penuh iltizam. Kita berdoa mudah-mudahan segala apa yang kita bahaskan di dewan yang mulia ini akan membuahkan hasil demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita dan supaya negara kita akan terus mendapat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala dan berada "sebagai sebuah negara yang aman makmur."

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُوفٌ

Oleh itu dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala maka kaola mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2015 dengan ini ditangguhkan.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan, kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mengongsikan petikan syair. Nukilan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

Bersatu hati sama fikiran,  
Untuk kebajikan adakan teguran,  
Menghindarkan daripada kekeliruan,  
Bersamalah kita bertegur-teguran.

Bersama nasihat-menasihati,  
Barang kerja dapat dipasti,  
Jangan sekali berat-memberati,  
Bantu membantu yang dihajati.  
Bermaksud dengan izin Allah,  
Perkara yang benar bukannya salah,  
Sekiranya bersama kita sejumlah,  
Haruslah susah untuk dikalah.

Hak dan kewajipan hendak disebayakan,  
Kewajipan dibuat hak dibetulkan,  
Bangsa negara kita jayakan,  
Semoga dapat dilaksanakan.

Sekian Wabillahir Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih Yang  
Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Maka sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

#### **Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullah Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ , Alhamdulillah

Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Khairi Khalqihii Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Waba'du.

Pada mulanya kaola tidak akan mengucapkan penangguhan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, kerana ada isu yang kaola rasakan perlu kaola cakapkan maka kaola rasa terpanggil untuk memberi ucapan. Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan syukur alhamdulillah kerana Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini telah meluluskan rang undang-

undang yang digelar” Suatu Akta untuk Membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2015/2016 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”. Kaola juga mengucapkan meskipun Peruntukan Kewangan bagi tahun 2015/2016 itu kurang lebih \$2 bilion tetapi pihak kerajaan masih mampu meneruskan rancangan kemajuan kita untuk menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana menyediakan peruntukan.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada beberapa hari yang lalu di dalam dewan ini ada ditimbulkan mengenai dengan pembinaan masjid di mana dikatakan bahawa beberapa buah masjid tidak menjadi keutamaan untuk dibina dalam rancangan Kemajuan Negara ke-10 dan kemungkinan itu akan dimasukkan dalam rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dan ada juga masjid tiada ada keperluan untuk dibina dan ada juga masjid yang kerajaan belum mampu membinanya.

Menurut hukum syarak Islam yang diterangkan di dalam kitab-kitab fiqih bahawa di mana-mana jua kampung atau karyah yang ada penduduk Islam yang ramai lagi mukallaf, wajib mendirikan sembahyang fardhu 5 waktu secara berjemaah di kampung atau di karyah berkenaan.

Dalam mendirikan sembahyang berjemaah itu afdal dilakukan di dalam masjid. Sembahyang fardhu 5 waktu berjemaah mengikut hukum syarak adalah merupakan syiar Islam yang wajib didirikan di mana-mana kampung atau karyah yang berpenduduk sedemikian. Hukum wajib itu adalah fardhu kifayah. Maka jika penduduk-penduduk berkenaan tidak mendirikan sembahyang fardhu 5 waktu secara berjemaah di kampung atau di karyah itu, mereka berdosa.

Memang boleh penduduk-penduduk kampung atau karyah yang berkenaan bersembahyang Jumaat di mana-mana jua masjid berdekatan dengan kampung mereka. Tetapi mengenai sembahyang Jumaat, mendirikan sembahyang Jumaat secara berjemaah hukum fardhu kifayahnya tidak gugur. Dengan menunaikan sembahyang Jumaat di masjid-masjid yang bukan kampung atau karyah. Hukum fardhu kifayah ini masih kekal selagi ia tidak didirikan di kampung atau di karyah yang berkenaan.

Jadi jika dikatakan bahawa masjid di satu kampung itu tidak ada keperluan untuk dibina, di situ kaola berpendapat ianya adalah tidak selari dengan hukum syarak. Membina masjid di satu-satu kampung atau karyah yang ada penduduk Islam yang ramai lagi mukallaf itu adalah satu fardhu kifayah dan wajib dilaksanakan. Kerana menurut kaedah fiqih ertinya jika perkara wajib itu tidak dapat disempurnakan melainkan sesuatu yang



lain maka sesuatu yang lain itu adalah wajib dilaksanakan.

Oleh kerana sembahyang lima waktu di dalam sebuah kampung atau karyah itu adalah wajib dan dalam menunaikan sembahyang fardhu lima waktu secara berjemaah itu tidak dapat disempurnakan secara lebih afdal melainkan di dalam masjid. Maka membina masjid bagi maksud tersebut adalah wajib dilaksanakan.

Kerana itu kaola dapat memberi pendapat yang mengatakan belum membina masjid di beberapa buah kampung disebabkan kerana tiada keperluan. Sebab pendapat ini kaola berpendapat adalah tidak selari dengan hukum syarak. Kaola boleh menerima kelambatan membina masjid-masjid berkenaan kerana tidak termasuk dalam keutamaan, kerana akan mudah bagi kerajaan membina masjid di mana-mana juga kampung atau karyah yang berpendudukan Islamnya ramai dan mukallaf. Tetapi keutamaan-keutamaan perlu juga dikaji semula oleh pihak kerajaan.

Kaola berpendapat penggunaan masjid-masjid di kampung-kampung yang belum ada masjid di kampung-kampung berkenaan patut diberi keutamaan paling atas disebanding dengan mengusai atau menambah besarkan masjid yang sedia ada. Ini juga ada berdasarkan pada hukum syarak yang telah kaola bentangkan di atas tadi. Bahawa kampung-kampung yang sudah ada masjid, syiar Islam sudah berdiri. Kewajipan fardhu kifayah mendirikan

sembahyang berjemaah sudah terlepas daripada penduduk berkenaan.

Manakala di kampung-kampung yang belum ada masjid, maka kewajipan fardhu kifayah iaitu mendirikan sembahyang berjemaah itu tetap terus ditanggung ke atas mereka. Selagi mereka belum dapat beribadat sembahyang berjemaah di kampung mereka, maka selama itulah mereka masih menanggung kewajipan fardhu kifayah itu.

Kaola berpendapat, adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk membina lebih banyak masjid di seluruh negara. Selain keutamaan membina masjid di tempat-tempat yang belum ada masjid, satu keutamaan perlu lagi diambil perhatian oleh pihak kerajaan ialah di kampung-kampung atau tempat-tempat yang sudah disediakan tapak tanah bagi membina masjid patutlah juga diberi keutamaan berbanding mengusai atau membesarkan masjid-masjid yang ada.

Kaola cadangkan supaya peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi membina masjid-masjid hendaklah memberi keutamaan yang kaola bentangkan tadi. Berbanding dasar mengusai dan menambah besarkan masjid-masjid yang sedia ada.

Dengan demikian peruntukan kewangan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) lebih wajar ditumpukan kepada membina masjid-masjid yang baharu, berbanding dengan mengusai atau

menambah besarkan masjid-masjid yang sudah ada. Wallahua'lam.

Sebelum kaola menutup ucapan kaola ini, kaola tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang telah berhasil memimpin mesyuarat dengan baik sehingga mesyuarat berjalan dengan lancar dan teratur meskipun Yang Berhormat Pengerusi kali pertama memimpin mesyuarat.

Tahniah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian Walbillaahit Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warakmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Walaikumsalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola Ahli Yang Dilantik Kalangan Orang-Orang Bergelar hanya akan mengadakan 2 perkara. Oleh sebab masa hanya dihadkan sepuluh minit.

Mengenai titah memperkenankan penubuhan Majlis Wawasan Negara 2035. Kaola juga mempunyai beberapa cadangan dan pandangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penubuhan Wawasan Negara 2035 bagi memantapkan agenda pembangunan negara. Peranan utama majlis ini, titah Baginda ialah untuk membantu secara intensif dan sistematik. Perlaksanaan usaha-usaha agensi-agensi kerajaan dalam merealisasikan hasil pencapaian objektif-objektif Wawasan Negara 2035.

Baginda juga ada bertitah semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda ke-68 Tahun yang berlangsung Di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 14 Ogos 2014. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sememangnya seorang pemimpin yang sentiasa menjadikan agenda yang bakal diungkayahkan sebagai agenda utama bagi memantapkan lagi ekonomi Brunei Darussalam ini sebagai negara yang digalati lagi dihormati.

Izinkan kaola menyentuh 2 perkara dalam kandungan titah Baginda itu:

- i. Dalam bidang pendidikan. Untuk memenuhi keperluan sosioekonomi dan kesejahteraan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu skim iaitu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik bagi Institusi Perkhidmatan Awam bagi menarik minat sumber tenaga manusia dari kalangan tenaga akademik berkualiti bertaraf dunia.

Baginda telah memperkenankan peruntukan tambahan berjumlah \$270,000,000.00 bagi menampung kos mendatangkan tenaga pengajar mahir dari luar negara untuk mengajar mata-mata pelajaran bahasa Inggeris dan Matematik. Kita sesungguhnya amat menjunjung kasih atas keprihatinan yang berterusan terhadap pendidikan penduduk negara ini. Khususnya pendidikan para belia di Negara Brunei Darussalam.

Baginda juga memperkenankan penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei bagi menerajui kemajuan pendidikan teknikal dan vokasional bertujuan untuk melahirkan golongan berpendidikan mahir lagi mampu berdaya saing, sanggup menghadapi apa jua cabaran pada

masa hadapan. Pada masa ini, insya-Allah mampu menggantikan tenaga pengajar dari luar negara. Kita jangan lupa atau terlepas pandang dengan saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda agar pengambilan tenaga pekerja asing dapat diseimbangkan.

Jika negara kita mampu mengeluarkan tenaga pengajar yang berkemahiran dan berkualiti ini akan mengurangkan pengambilan tenaga mahir luar. Pada waktu yang sama memberikan satu pengiktirafan kepada graduan-graduan institusi-institusi tinggi tempatan; dan

- ii. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Usaha Baginda ke arah memperkenankan struktur organisasi di atas, mencerminkan sokongan baginda terhadap golongan belia hari ini. Untuk menjadikan mereka sebagai tonggak penting dalam memenuhi modal insan yang berdisiplin dan cemerlang serta memiliki semangat kepimpinan bagi memenuhi hasrat negara pada masa hadapan. Justeru, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) merupakan satu kaedah yang amat sesuai untuk melahirkan warganegara yang cintakan tanah air.

Kesimpulannya dengan pelaksanaan program ini, kita berharap golongan belia masa kini akan dapat memenuhi keperluan modal insan yang cukup berilmu dalam segala bidang duniawi dan ukhrawi, berketerampilan cemerlang dan dinamik. Itulah di antara intipati titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,  
Ucapan Penangguhan kaola akhiri dengan 3 perkara iaitu:

- i. Kampong Ayer merupakan kampung yang tertua di Negara Brunei Darussalam. Kampong Ayer, salah satu warisan negara yang melambangkan kemegahan tradisi orang-orang Brunei sejak lebih ratusan tahun dahulu.

Kampong Ayer pernah dijadikan sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran kerajaan bagi hal-ehwal dalam negeri pada ketika itu. Kampong Ayer di Brunei adalah sinonim dengan gelaran *Venice* timur atau *Venice of the east* yang merupakan perkampungan di atas air yang terbesar di dunia. Apabila kita *google* sahaja Brunei, Kampong Ayer akan terpapar sebagai salah satu destinasi untuk dikunjungi.

Pemindahan ke darat sebilangan besar penduduk Kampong Ayer yang memohon Skim Perumahan Negara, menyebabkan kurangnya keramaian

penduduk yang tinggal di Kampong Ayer pada masa ini. Yang menyedihkan juga beberapa buah Kampong Ayer pada masa dulunya mempunyai ramai penduduk seperti Kampong Sultan Lama, Kampong Sungai Kedayan dan Kampong Sumbiling Baru, pada masa ini hanya tinggal nama sahaja.

Ke mana pergi penduduknya? Kita sama-sama maklum mengenainya. Kaola mengambil kesempatan untuk mencadangkan di dewan yang mulia ini supaya Skim Rancangan Perumahan Negara yang dilaksanakan di darat semenjak tahun 1980-an dilaratkan ke Kampong Ayer dengan dinamakan Skim Pembinaan dan Pengubahsuaian Rumah-Rumah di Kampong Ayer.

Di bawah skim ini, kaola bercadang struktur, reka bentuk luaran atau *external design* rumah-rumah ini mestilah menggambarkan ciri-ciri ala kebruneian iaitu bentuk rumah-rumah dalam tahun-tahun 50-an dan 60-an seperti namanya jenis Rumah Tungkup, Rumah Balah Bubung, Rumah Potong, Limas, Rumah Loteng, Rumah Belanggar dan lain-lain lagi dengan tujuan sebagai aras identiti kita orang Brunei.

Perkara yang kaola cadangkan ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam Pelan Induk Pembangunan di Bandar Seri Begawan dikenali sebagai BSB *Development*

*Masterplan* iaitu pembangunan semula Kampong Ayer dalam menghidupkan infrastuktur industri pelancongan dan untuk mewujudkan bandar yang selesa sekali gus mengekalkan identiti kebruneian berteraskan Melayu Islam Beraja.

Skim ini juga bertujuan bagi menampung ketidakcukupan kawasan tanah untuk membina rumah-rumah perpindahan di darat pada masa kini. Perkara ini pernah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan melalui temu bual beliau dengan pemberita televisyen pada bulan November tahun lepas;

- ii. Runtuhnya sebahagian daripada Bangunan Maktab Sains yang sedang dalam proses pembinaan pada bulan Oktober tahun lepas yang mengakibatkan beberapa orang pekerja bangunan mengalami kecederaan. Ini menimbulkan berbagai-bagai tanda tanya daripada rakyat tentang apakah yang berlaku di sebalik pengurusan dan kontrak penyelenggaraannya sama ada dari aspek pembinaan dan pemantauan projek atau pengurusan bangunan.

Adakah pelan bangunan ini mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan yang mempunyai Jawatankuasa Khas dilantik oleh kerajaan bagi memeriksa, meneliti dan seterusnya meluluskan mengikut piawaian yang telah

ditentukan oleh pihak yang berwajib?

Saya dengan ikhlas mengingatkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan agar dapat memberikan perhatian yang secukupnya terhadap apa juga projek pembangunan kerajaan yang dikendalikan oleh pihak swasta untuk memastikan tidak berlaku unsur-unsur penipuan, kecuaiian atau rasuah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku; dan

- iii. Mengenai Pelan Induk Pengangkutan Darat Brunei Darussalam. Menurut laporan yang dinyatakan melalui akhbar tempatan *Borneo Bulletin* bertarikh 29 Oktober 2014, Pusat Strategik dan Pengajian Dasar (*CSC*) melaporkan hasil kajian yang telah dibuat mengenai perkara di atas bahawa sistem *Bus Rapid Transit (BRT)* masih bersesuaian digunakan di negara ini dengan memberikan tambahan bilangan kenderaan sehingga menjelang tahun 2035.

Kaola ingin mengemukakan pandangan dan cadangan di dewan yang mulia ini bagi kita sama-sama berkongsi pemikiran dan pendapat iaitu kita perlu berpandangan jauh ke hadapan untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035, walaupun kajian awal melaporkan perkhidmatan sistem pengangkutan yang dipanggil *bus rapid transit (BRT)* masih bersesuaian digunakan sehingga tahun 2035, namun kaola

rasa cadangan penggunaan sistem pengangkutan *BRT* ini amat penting dilakukan pemerhatian, kajian dan kaji selidik secara berterusan dari semasa ke semasa bagi benar-benar menentukan keberkesanannya dalam jangka panjang.

Sesungguhnya di negara-negara maju penggunaan sistem pengangkutan moden seperti *MRT*, sistem pengangkutan pentas, *monorail*, *underground trains* mengambil peranan penting dalam memastikan pergerakan trafik berjalan lancar. Bagi negara kita, kaola benar-benar dan penuh berharap perkara yang kaola sebutkan mengenai sistem yang pengangkutan moden ini tidak akan dilupakan dan diketepikan begitu sahaja bisaitah jua perkara ini diambil ingatan dan pemerhatian, serta kaji selidik diteruskan dari semasa ke semasa.

Ucapan penanguhan kaola ini diakhiri dengan pantun kalau dibenarkan oleh Yang Berhormat Pengerusi sebab baru pernah berpantun:

Dewan Majlis indah bergaya,  
Tempat mesyuarat ahli-ahli yang ada,  
Yang Berhormat Speaker arif lagi  
bijaksana,  
Memimpin persidangan dengan  
sempurna.

Berhimpun kita di dewan yang mulia,  
Untuk membahas peruntukan yang ada,  
Jika Yang Berhormat Speaker arif  
bijaksana,

Tak kurang juga pula jurutulis-  
jurutulisnya.

Singgah di Tanjung Maya membeli nasi,  
Nasi dibeli berlaukkan kari,  
Tahniah diucapkan juga semua menteri  
di sebelah sana,  
Kerana menjawab semua usul dan soal  
dengan baik dan bijaksana.

Dari Kota Batu ke Kampong Bebatik,  
Singgah di Bunut membeli wani,  
Kepada semua Ahli Yang Dilantik,  
Teruskan bersatu hati mencurahkan  
bakti.

Pantun yang terakhir ditujukan kepada  
hadirin dalam dewan yang mulia ini.  
Dari kami berdua rakan kaola di sebelah  
kiri ini iaitu orang tua yang dalam  
dilantik kalangan Orang-orang Yang  
Bergelar maaf Yang Berhormat  
Pengerusi bukan orang tua tapi orang  
lama.

Memakai baju segak dan lawa,  
Untuk bertandang ke rumah Pak Tua  
dan Pak Uda,  
Walaupun kami ini sudah mendapat  
pencen tua,  
Tetapi hati, perasaan dan semangat  
masih muda.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima  
kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Maharaja Kerna Dato Paduka Seri  
Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang

Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Saya bercadang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat kita ini tetapi saya menghadapi satu dilema. Saya pun difahamkan bahawa ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat pada hari Isnin mempunyai komitmen yang lain. Saya ingin tahu sama ada mesyuarat boleh diadakan di sebelah pagi ataupun sebelah tengah hari? Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan komitmen yang akan dihadapi pada hari Isnin, 23 Mac 2015 iaitu Perasmian Muzium Maritim yang akan melibatkan keberangkatan Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, maka kaola mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan sehingga ke tengah hari pada hari Isnin. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah ini dipersetujui oleh semua Ahli? Ahli yang sebelah sini ok? Dengan itu, kita akan bermesyuarat lagi insya-Allah menyambung Ucapan-Ucapan Penangguhan yang nampaknya barangkali kita belum sampai ke hujung jalan bagi mesyuarat musim ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sehingga hari

Isnin, 2 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 23 Mac 2015 Masihi pada pukul 2.30 petang. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****ISNIN, 2 Jamadilakhir 1436H / 23 Mac 2015M****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA  
JAWATAN (PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampong Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampong Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampong Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampong Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.  
**(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampong Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR SAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang**

#### **Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang ketiga belas, Isnin, 2 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 23 Mac 2015 Masihi didahului dengan bacaan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, maka kita dapat pada petang ini meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang ketiga belas. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan pada sidang petang ini kita akan menyambung Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah kita tangguhkan pada petang Sabtu yang

lalu. Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara, khususnya pada Bilangan 36 (4). Saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memberi kerjasama dalam mengikuti Peraturan ini. Bersama saya terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin ikut serta dalam sesi Ucapan-ucapan Penagguhan ini.

Sekarang saya sukacita mempersilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Silakan.

### **Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin**

**Uking:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah Rabbil'alameen  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Terima kasih Yang Berhormat Yang  
Di-Pertua.

Melalui Majlis Mesyuarat ini sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 5 Mac 2015 Masihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah:

"Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara tokoh-tokoh yang berkaliber yang bertanggungjawab dalam

mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan negara melalui penyerapan mindset kepada rakyat selaras dengan tuntutan zaman."

Ini satu anugerah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mesti digalas oleh kedua-dua pihak. Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya hasrat Baginda terlaksana, segala projek dan perancangan untuk kesejahteraan rakyat dan masalah rakyat tidak terlepas pandang termasuklah rakyat Baginda yang berada di kampung-kampung dan pedalaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memperkenankan pengecualian pembayaran pancang bagi pembina-pembina rumah mula 2 Februari 2015, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Alhamdulillah, mereka yang berada dalam golongan kurang mampu amat gembira dengan langkah kerajaan bagi pengecualian bayaran pancang yang menunjukkan pemedulian kerajaan serta kepentingan akan nasib rakyat yang berpendapatan rendah. Diucapkan sekali lagi berbilang-banyak terima kasih.

Yang kedua, Yang Berhormat Yang Di-Pertua ialah mengenai jawatan penghulu dan ketua kampung yang masih kosong. Masalah ini telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara pada masa yang lalu tetapi ianya belum mencapai penyelesaiannya bagi mengisi atau mengganti jawatan-jawatan penghulu dan ketua kampung yang kosong. Malah bilangan ketua kampung yang kosong semakin bertambah disebabkan ada ketua kampung yang telah mencapai usia persaraan.

Saya sering ditemui dan dihubungi oleh anak-anak kampung melahirkan rasa kurang selesa mereka dengan ketiadaan ketua kampung di kawasan mereka. Mereka merasakan seolah-olah anak-anak ayam kehilangan indung atau ibu. Kalau pun ada, hanya bagi mengganti sementara secara bersilih ganti di kampung-kampung lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk pengetahuan juga, sebelum menggunakan ataupun memakai sistem memilih calon dengan undian, jawatan ini diisi dan dilantik terus daripada pihak-pihak yang berkenaan. Mereka yang dilantik ini biasanya terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara, termasuklah pesara polis dan askar. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya berpendapat bahawa sistem ini masih boleh diguna pakai kerana ianya merupakan salah satu cara untuk keluar daripada kemelut yang berpanjangan dan berlanjutan.

Setakat yang kita ketahui, ada di antara kampung-kampung yang sudah bertahun-tahun tidak mempunyai ketua kampung. Ini seolah-olah menunjukkan tiada seorang pun daripada penduduk setempat itu yang layak menjawat jawatan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kalau mengikut keadaan sekarang ini adalah mustahil jika dikatakan tidak ada penduduk setempat yang berwibawa, jika ia dilantik oleh pihak tertentu bagi menjalankan tugas-tugas penghulu ataupun ketua kampung. Sebagai contoh, Mukim Lamunin, Mukim Tanjung Maya, Mukim Pekan Tutong dan Mukim Keriam sekarang kosong. Penghulu-penghulu di mukim ini telah dilantik oleh Pegawai Daerah. Sepanjang pengetahuan kaola tidak timbul sebarang masalah dan kerumitan bagi mereka dalam menjalankan tugas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan akan berusaha dan gunakanlah pepatah atau pesan orang tua-tua "*Tidak ada rotan, akar pun berguna*". Insya-Allah, masalah akan selesai dan tidak ada lagi anak-anak kampung merungut mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengetahui bahawa setiap kampung itu mungkin ada Jawatankuasa Mukim yang telah dilantik dan dipilih oleh penduduk kampung. Jawatankuasa ini berfungsi bagi membantu penghulu ataupun ketua kampung bagi menyelesaikan masalah masing-masing.

Antara mereka ini, tentu ada yang berwibawa atau memiliki sifat-sifat kepimpinan dan bertanggungjawab. Kalau tidak masakan mereka dipilih atau dilantik seperti Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Penolong Setiausaha. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kebanyakan mereka ini Jawatankuasa Kampung atau Mukim adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Oleh itu, apabila penghulu ataupun ketua kampung bercuti salah seorang daripada Jawatankuasa Kampung atau Mukim hendaklah dilantik bagi menjalankan tugas atau memangku sementara dalam masa percutian penghulu ataupun ketua kampung itu. Ini kerana jawatan ketua kampung, penghulu dikategorikan sebagai salah seorang pegawai kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan cara ini, secara tidak langsung Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melatih bakal-bakal ketua kampung ataupun bakal penghulu dan secara automatik mereka yang dilantik ini akan menjadi ketua kampung ataupun penghulu apabila tiba masanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam mengatasi masalah jawatan ketua kampung dan penghulu ini, majlis mencadangkan supaya kedua-dua sistem boleh dipakai iaitu sistem beralon dan berundi jika sesuai dan perlu dan sistem melantik terus dalam kalangan mereka yang memangku dan telah pernah dilatih dan difikirkan oleh pihak yang berkenaan. Bahawa bakal

calon mampu menjalankan tugas yang disandang nanti iaitu penghulu ataupun ketua kampung.

Yang ketiga Yang Berhormat Di-Pertua. Tajuk Tasek Merimbun. Tasek Merimbun adalah satu anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai sebuah khazanah yang tidak ternilai kepada Negara Brunei Darussalam, ia mempunyai legendanya tersendiri dengan alam semula jadi yang masih asli, kekal menghijau dan menarik pemandangannya serta memiliki flora dan fauna yang masih terpelihara dan secara kebetulan yang lebih menarik kelmarin 22 Mac 2015 pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) telah menayangkan kemudahan Tasek Merimbun untuk tatapan dan pengetahuan orang ramai. Dalam paparan berkenaan, mereka menjemput dan mempelawa sesiapa sahaja yang ingin menikmati keindahan dan kedamaian Tasek Merimbun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Tasek Merimbun akan lebih menarik atau dikunjungi oleh para pelancong luar Negara, jika sekiranya disediakan kemudahan-kemudahan seperti *chalet* ataupun inap desa. Terutama mereka yang mencintai panorama alam semula jadi dengan suasana yang tenang, aman damai dan menghirup udara yang bersih yang belum tercemar oleh sebarang gejala yang tidak sihat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagai khazanah negara, Tasek Merimbun adalah milik semua rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam. Menjadi tanggungjawab penduduk dalam menjaga, memelihara dan memajukannya sepanjang masa untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Oleh itu mencadangkan supaya pihak-pihak berkenaan iaitu Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pegawai Pengawas Warisan Merimbun, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan berusaha mempelawa atau menjemput syarikat-syarikat seperti *BSP*, *LNG*, bank-bank tempatan, institusi-institusi kewangan, ejen-ejen pelancongan, syarikat-syarikat insurans dan badan-badan perniagaan dan orang-orang perseorangan untuk membina bangunan bagi keperluan para pelancong di kawasan Tasek Merimbun seperti *chalet* dan inap desa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan cara menawarkan dan mempelawa pihak-pihak tertentu untuk diberi peluang sama-sama membangun Kemajuan Pelancongan Negara Brunei Darussalam dan sebagai derma bakti daripada para penderma yang prihatin terhadap keperluan pelancong dan kemajuan Tasek Merimbun sendiri. Insya-Allah sumbangan mereka tetap tercatat dalam lipatan kenangan dan sejarah Tasek Merimbun sepanjang zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Oleh sebab berpantun merupakan satu budaya kepada masyarakat kita, bagi menyampaikan perasaan yang tersirat

dan tersurat, maka saya juga ingin menyampaikan beberapa rangkap pantun untuk tatapan bersama:

5 Mac mulai bersidang,  
Membaca minit disemak ulang,  
13 hari milih berbincang,  
Semua rumusan sudah terbilang.

Sidang mesyuarat ada agenda,  
Telah dibincang semua peserta,  
Hasil sidang sudah ternyata,  
Ia menanti untuk dilaksana.

Orang ramai menaruh harapan,  
Hasil mesyuarat sudah kedengaran,  
Semua kemudahan menjadi idaman,  
Tiada tertangguh perlu kenyataan.

Dalam mesyuarat kita bersuara,  
Menyampai agenda untuk dibicara,  
Ada tersentuh ada terasa,  
Menjadi adat tanda mesra.

Tamat sudah Mesyuarat Negara,  
Soal jawab perkara biasa,  
Ampun maaf juga dipinta,  
Jika ada terlanjur kata.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah mengendalikan Mesyuarat Negara dengan jaya dan teratur, syabas. Dan tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet kerana telah memberi penjelasan dan penerangan untuk diikuti oleh orang ramai atau rakyat jelata dengan jayanya.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempamerkan dalam memimpin dan menguruskan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir. Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana bersifat sabar dalam mendengar dan memberikan jawapan kepada soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan sepanjang permesyuaratan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Alhamdulillah, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Anggaran Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Dari perbincangan yang telah dijalankan, nampaknya walaupun tahun ini negara

menghadapi *budget deficit* dan kerajaan mengamalkan sikap berjimat cermat, kerajaan masih berupaya meneruskan trend perbelanjaan yang dijalankan selama ini terutama untuk meneruskan perbelanjaan dalam pembangunan infrastruktur dan membantu sektor swasta untuk berkembang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perbelanjaan sedemikian mustahak, kerana selain industri gas dan minyak, ekonomi negara kita merupakan *government driven economy*. Kalau kerajaan tidak berupaya untuk meneruskan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan maka negara tidak akan dapat memberangsang sektor swasta yang lain. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, apa yang penting ialah bagi agensi-agensi kerajaan untuk lebih produktif dan membuat perubahan minda, mengamalkan sikap seperti peribahasa inggeris '*business as usual*' atau '*if it is not broken don't fix it*' kesemuanya akan merugikan kewangan negara.

Dari itu, kaola bersetuju dan menyokong seruan yang disuarakan oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri-menteri tentang terdapatnya keperluan supaya mereviu mana-mana strategi, pelan tindakan, prosedur dan juga perundangan yang selama ini kurang berkesan dalam menangani masalah-masalah yang hendak diselesaikan sebelum negara menghadapi keadaan yang lebih mendesak.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mengambil kesempatan



untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri yang telah menggerak beberapa buah kementerian untuk sama-sama menjalankan pembaharuan minda dalam melihat dan memikirkan isu-isu yang *central* kepada pembangunan negara dan kesejahteraan awam yang telah berulang kali ditimbulkan di dalam Dewan ini ataupun oleh orang ramai di luar sana. Sekali lagi kaola ucapkan syabas dan terima kasih kepada pasukan Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara Sebagai penutup kaola mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengahaja atau tidak disengahajakan, semoga apa yang kaola suarakan di dalam dewan ini menerima keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam menunaikan amanah yang diberikan kepada kaola.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Ta'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya serta izin-Nya jua, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah berjalan dengan lancar dan sempurna.

Semua ini adalah dengan kepimpinan bijaksana Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ucapkan tahniah. Kaola juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah mengongsikan maklumat-maklumat secara terperinci mengenai kemajuan-kemajuan yang telah dilaksanakan dan perancangan-perancangan yang dirancang dan akan dilaksanakan mengikut keupayaan peruntukan yang telah diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan adanya penjelasan terperinci dari rancangan-rancangan yang disusun dengan objektif yang jelas, orang ramai dan masyarakat seluruhnya yang mengikuti setiap sesi persidangan, menaruh harapan supaya apa yang telah dirancang untuk kesejahteraan dan keamanan negara ini. Kaola percaya kejayaannya juga bergantung

pada sistem *Good Governance*, berteraskan kepada kebijaksanaan pucuk kepimpinan setiap kementerian dan komitmen padu daripada setiap pegawai dan kakitangannya dengan penuh bertanggungjawab dan amanah.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah rahmat-Nya jua, natijah daripada perbincangan dalam Dewan ini, akan dapat meraih hasil yang cemerlang untuk dikongsi dan dinikmati serta diwarisi oleh generasi akan datang dalam membentuk negara yang makmur dan rakyat yang sejahtera dalam memelihara dan mendukung dasar Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperuntukkan sebanyak \$6.4 bilion bagi memenuhi keperluan rakyat meskipun negara mengalami kekurangan hasil pendapatan sebanyak \$2.28 bilion berikutan dengan penurunan harga minyak di pasaran antarabangsa. Kita penuh yakin, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih berupaya dan mampu melaksanakan program-program pembangunan negara dengan kesejahteraan rakyat.

Kita merasa lega dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa Negara Brunei Darussalam masih mempunyai

simpanan (*reserve*) kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan generasi akan datang. Sebab itu langkah berhemat dan berjimat sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dapat dipenuhi bukan sahaja oleh rakyat bahkan juga keseluruhan jentera kerajaan dan swasta termasuk pengawalan harga barang-barang keperluan harian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga sukacita menyentuh kenyataan Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 18 November 2014, mengenai *Structuring for More Efficiency Public Services*. Kaola berpendapat adalah perlu dan mustahak bagi memperkecilkan *hierarchy bureaucracy* bagi mempercepatkan sesuatu keperluan rakyat. Kaola berpendapat kelambatan kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan mungkin disebabkan kekurangan pemahaman, komitmen dan dedikasi serta kecuaiian daripada pegawai-pegawai dan pemimpin khususnya ketua bahagian dan juga kakitangan yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga sangat prihatin terhadap kelicinan pengurusan pentadbiran, pemantauan dan perhubungan di peringkat daerah. Maka disarankan supaya kedudukan Pegawai Daerah itu diiktiraf sebagai Ketua Daerah dan jabatan-jabatan dari kementerian lain di daerah tersebut di bawah pemantauan Pegawai Daerah. Ini untuk memastikan rancangan-

rancangan pembangunan di peringkat daerah dapat dikongsi bersama bagi mengelakkan kerja-kerja *overlapping* dan konsep efisiensi dan keseragaman dapat berjalan dengan baik dan teratur.

Di bawah kuasa Pegawai Daerah, perlu diadakan permuakarahannya sekerap mungkin dalam kalangan ketua jabatan di daerah tersebut. Di samping itu jua, permuakarahannya pemimpin-pemimpin akar umbi selain dari penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung perlu juga diadakan dan secara langsung penglibatan rakyat dalam proses pembangunan dapat dicapai secara bersama. Ini serupa dengan konsep Majlis Mesyuarat Daerah yang pernah ditubuhkan pada tahun 1960-an.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkenalkan dasar baharu pengambilan pekerja asing dan memperkenalkan pendekatan baharu proses mempercepatkan urusan perniagaan termasuk mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga tempatan. Dasar ini secara langsung akan dapat melahirkan ramai usahawan Melayu bumiputera yang memiliki perusahaan dan perniagaan sendiri, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Wawasan Negara 2035, salah satu keutamaan ialah memajukan sektor swasta bagi meningkatkan dan memartabatkan ekonomi memerlukan penglibatan rakyat dalam menggerakkan peluang-peluang yang ada di sektor

berkeajaan. Mempelbagaikan ekonomi adalah salah satu mekanisme yang boleh meningkatkan ekonomi dari terus bergantung pada hasil minyak dan gas. Kaola berpendapat industri pelancongan adalah salah satu sektor dan usaha yang boleh dikembanguaskan dan boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat seperti yang pernah dijanjikan. Untuk menjayakan industri pelancongan ini, kerjasama yang padu antara pihak kerajaan dan swasta hendaklah diwujudkan. Dalam beberapa buah negara industri pelancongan, menyumbangkan sebahagian besar kepada ekonomi negara mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola tidak lupa mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Jabatan Majlis Mesyuarat Negara kerana memberi bantuan dan kemudahan-kemudahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola ini, kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, jika terdapat perbuatan yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disenghajakan. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato

Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul**

**Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah bersidang selama 13 hari, berjalan dengan teratur dan lancar bagi meluluskan beberapa Akta penting terutama sekali Akta Perbekalan 2015/2016. Dengan berkat Allah Subhanahu Wata'ala juga akan membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melaksanakan rancangan pembangunan negara untuk meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola dengan penuh hormat sukacita menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan jayanya memandu Persidangan Majlis

Mesyuarat ini berjalan lancar dengan suasana yang penuh harmoni.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri kerana bersikap terbuka bagi mendengar dan menjawab soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak abis kaola.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola ingin melihat lebih mantap lagi program-program pembasmian kemiskinan dengan perancangan-perancangan yang dapat terkawal hala tujunya dengan mempunyai *scorecard* yang dapat secara mudah untuk memantau (*monitor*) perkembangan yang dapat dibanggakan bagi *role model* untuk menunjukkan jalan keluar dari kemiskinan itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ungkapkan pepatah Melayu yang tidak pernah luput dari zaman iaitu "sediakan payung sebelum hujan". Selama Negara Brunei Darussalam menghasilkan minyak beberapa puluh tahun yang lalu, negara kalau tidak silap 3 atau 4 kali telah mengalami krisis penurunan harga minyak dan akhir sekali penurunan harga minyak pada tahun lepas 2014 Masihi. Ini sepatutnya sebagai petanda minyak itu akan menghadapi kekurangan pengeluarannya entah bila masa akan terjadinya. Memandangkan kekurangan sudah nyata memang akan

terjadi, maka negara mestilah menerima akan hakikatnya.

Dari itu, kita mestilah membuat perancangan dengan lebih bijaksana dengan menyemak semua sumber-sumber utama yang terdapat dalam negara yang dapat dijadikan hasil negara yang boleh diusahakan dan akan ada permintaan yang berdaya tahan dari luar negeri. Supaya kita tidak terperangkap apabila minyak dan gas sudah habis di negara ini. Dengan pendapatan yang begitu besar jumlahnya hingga 95 peratus pendapatan negara adalah dari minyak dan gas. Dengan adanya persediaan yang awal-awal lagi itu tidak begitu ketara dirasai akan kekurangan pendapatan dari minyak dan gas itu nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Demi menyokong syarikat swasta memperbanyakkan mengambil dan menggaji anak-anak tempatan supaya mereka itu jangan tercidir dari pengambilan kerja-kerja yang terdapat dalam negara ini. Sikap dan kecenderungan untuk bekerja di swasta hendaklah dihapuskan dari minda mereka. Bukan itu sahaja mengadakan sistem pengangkutan yang mantap dan sangatlah dialu-alukan dan disegerakan *Land Transport Master Plan* seperti Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebutkan semasa beliau Yang Berhormat menyampaikan mukadimah Yang Berhormat pada hari Khamis, 19 Mac 2015 Masihi.

Kaola fikir dengan adanya sistem ini, ia akan dapat menggerakkan dengan senangnya belia yang berpotensi untuk mengisikan kerja-kerja yang diperlukan oleh negara dan juga boleh menyokong sektor perindustrian iaitu industri perdagangan, pemborongan, peruncitan, perhotelan, restoran, kedai kopi, pengangkutan, penyimpanan, perhubungan, perkhidmatan sosial, perkhidmatan masyarakat, persendirian dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perundangan yang memerlukan banyak pergerakan dan mudah bagi sampai ke tempat-tempat kerja pada masa yang tepat dengan waktu-waktu bekerja.

Dengan bebasnya pergerakan mereka itu dapatlah memenuhi hasrat industri-industri itu untuk mengisikan jawatan-jawatan yang penting dari segi pengendalian kerja-kerja yang memerlukan *complete work floor* yang berkesan untuk menguruskan pengurusan perjalanan perniagaan harian mereka.

Di sinilah perlu peralihan *mindset* orang-orang tempatan yang bakal mengisikan kerja-kerja di sektor swasta. Saya berdoa perubahan *mindset* orang-orang kitani terhadap bekerja di sektor-sektor swasta akan tercapai. Amin Ya Rabbal'alameen.

Cadangan untuk memperkembangan kegiatan sukan terutama sekali bola sepak bagi pemuda Brunei yang tidak bekerja atau dikatakan tercidir dari hal-hwal kelayakan belajar akademik. Kepandaian bola sepak boleh dilatih dari

*youth academy* dan selepas itu jika mereka telah mempunyai pekerjaan bolehlah mengambil sebagai pemain bola semi profesional sepenuhnya. Jika negara kita dapat membuat satu Liga Profesional Bola Sepak yang dijangka mengandungi 20 pasukan yang dibantu penubuhannya, kewangannya, organisasinya. Ini tentu akan dapat memberikan hasil mata pencarian ini kepada kira-kira 600 pemain bola sepak dan 200 pegawai kelab bola sepak. Ini belum lagi termasuk bagi mengadakan perlawanan mingguan. Kerja personal dan mengadakan tempat orang awam berhibur, lagipun ia akan dapat menaikkan perekonomian Perusahaan Kecil dan Sederhana dengan kawalan bersistem serta berhemah.

Jangkaan ini baharu dari peringkat permulaan. Jika kita dapat menjalankan liga yang lebih teratur, berstrategik tinggi, jangkaan harian, apabila persatuan-persatuan bola sepak di Brunei akan dapat bertanding ke peringkat yang lebih tinggi di luar negara bagi mewakili negara kita, besar kemungkinan pemain-pemain yang menyerlah dalam pasukan Brunei itu mungkin akan terpilih dalam pasukan profesional yang bertaraf dunia.

Sejarah bola sepak bermula dari kampung secara sambilan sahaja, selepas rakyat British penat bekerja pada waktu hari-hari kerja dan ia kemudian ditubuhkan menjadi persatuan dan pada masa ini, ianya telah menjadi sukan dunia dan membolehkan mendapat hasil

pendapatan dari media antarabangsa bagi *English Premier League*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sudah dengan serangkap pantun:

Orang dulu suka berdudun,  
Menjalin silaturahmi jiran terdekat,  
Ekonomi kita kian menurun,  
Amalkan sifat berjimat-cermat.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Mursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah berjalan dengan lancar dalam suasana harmoni atas kepimpinan efektif serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita telah dikurniakan hasil minyak yang membolehkan negara membangun dan menikmati kesejahteraan selama ini. Namun demikian, ekonomi negara pada masa ini menghadapi cabaran dengan harga minyak dunia di bawah kadar 50 peratus dari tahun lepas, dan sedangkan minyak merupakan lebih 90 peratus pendapatan eksport negara. Akan tetapi kita janganlah beranggapan bahawa minyak itu hanyalah penentu bagi masa depan. Kita hendaklah mengambil iktibar bahawa antara negara terkaya dan maju tidak mempunyai atau hanya mempunyai sedikit hasil bumi. Kita hendaklah mengambil pendekatan positif dan menganggap cabaran yang dihadapi pada masa ini sebagai peluang. Peluang untuk mengubah keadaan ke arah yang lebih baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada menghadapi iklim perekonomian masa ini bukan sahaja defisit kewangan kerajaan sebagai satu cabaran akan tetapi *knowledge deficit* juga lebih memerlukan perhatian dan tindakan. Negara perlu mempunyai keupayaan untuk memperoleh serta menjana ilmu pengetahuan bagi meningkatkan, menuju ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan ataupun *knowledge base economy*.

Ke arah itu negara memerlukan modal insan yang berkualiti, berilmu dan berkemahiran. Modal insan negaralah yang akan menjadi penentu

kesejahteraan masa depan kita yang membolehkan negara berupaya menyumbang nilai tambah yang tinggi dalam *global value change* dan perekonomian dunia yang akan membawa negara ke hadapan dan menyumbang kepada pembangunan kemanusiaan.

Alhamdulillah, kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan kapasiti modal insan ini ditekankan dengan tema Belanjawan 2015/2016 iaitu **“Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif”** dengan tumpuan pertama memperkasa dan pendidikan latihan. Selaras dengan wawasan kita untuk dikenali sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Kita hendaklah meneruskan usaha untuk memberi motivasi dan harapan khususnya kepada golongan muda dan membekalkan mereka dengan kemahiran dan keperluan yang mencukupi untuk mencapainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kali ini, alhamdulillah kaola telah diberi peluang untuk menyumbangkan fikiran bagi mendukung pembangunan insan jati diri. Tumpuan kaola ialah:

1. Mengenai Pembangunan Insan. Kaola menyentuh mengenai pendidikan awal bagi kanak-kanak. Dari dewan ini, kaola masih berharap supaya akan diteruskan usaha bagi menjadikan negara kita pusat kecemerlangan dalam

pembelajaran dan pengajaran di peringkat prasekolah. Kaola juga telah menekankan supaya kesejahteraan anak-anak sentiasa diberi perhatian untuk melindungi mereka daripada aktiviti-aktiviti yang berkemungkinan memberi kesan negatif. Di samping itu, kaola juga menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif untuk menjadikan celik kewangan sebagai kemahiran hayat;

2. Mengenai Produktiviti. Kaola telah menekankan akan pentingnya menginstitusikan usaha untuk meningkatkan produktiviti serta pembelajaran sepanjang hayat; dan
3. Mengenai Pembangunan Keusahawanan Tempatan dengan menyarankan akan meningkatkan kemahiran dan profesionalisme supaya dapat bersaing dalam negara dan serantau.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Negara sentiasa mengalu-alukan *global talents* dan kepakaran bertaraf dunia dalam membangun serta memajukan negara. Strategi ini terbukti berkesan berdasarkan pengalaman kita dan negara lain. Akan tetapi ia hendaklah dibuat dengan pendekatan yang seimbang kerana pembangunan sebenarnya ialah pembangunan orang kitani iaitu rakyat Brunei sendiri.

Ini adalah seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara iaitu:

“Anak-anak tempatan tidak harus tercicir dan sudah patut diberi kesempatan untuk memenuhi peluang yang banyak dan jawatan yang penting di sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara. Perkara ini tidak patut dipandang sebelah mata sahaja tetapi perlu dipantau dan dimuhasabah”.

Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan dan pembangunan anak tempatan di sektor industri negara, ia wajar bermula dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, *government link companies* dan anak-anak syarikat di bawahnya.

Oleh itu, kaola mengalu-alukan usaha kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan modal insan bagi syarikat-syarikat *GLC*. Ini tentunya hanya akan dapat dicapai dengan adanya perancangan penggantian *succession planning* dan program pembangunan kapasiti anak-anak tempatan yang mantap. Sehubungan itu juga dengan usaha meningkatkan kemahiran anak-anak tempatan ini peluang hendaklah juga diambil dalam pelaksanaan *Major Government Procurement* memerlukan kepakaran luar termasuk perkhidmatan-perkhidmatan perunding dengan mensyaratkan yang berikut:



1. Mengenal pasti jumlah pekerjaan anak tempatan yang akan diwujudkan;
2. Menjadikan pemindahan pengetahuan dan kepakaran yang akan diperolehi anak tempatan sebagai kriteria penting; dan
3. Mengutamakan usaha sama dengan pengusaha atau perundingan tempatan.

Dalam pemberian projek nanti hendaklah diambil kira akan faedah dan nilai tambah pada negara dengan persyaratan-persyaratan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan mengambil pendekatan yang positif, kesimpulannya ialah:

- i. Kita hendaklah jadikan cabaran-cabaran sebagai peluang untuk membaiki keadaan dan maju ke hadapan.
- ii. Kita hendaklah meningkatkan kapasiti modal insan negara secara teratur, terarah dan berterusan. Inilah aset negara yang paling berharga yang akan dapat mencorak masa depan untuk lebih cerah dan berdaya tahan.
- iii. Kita hendaklah memberi lebih kepercayaan kepada orang-orang kitani untuk menyumbang dalam pembangunan dan kemajuan negara. Kalau bukan orang kitani siapa lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akhiri dengan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Negara Brunei Darussalam menjadi **بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ** iaitu, negara yang baik, aman dan makmur dengan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang maha pengampun. Amin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Yang Berhormat.

#### **Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Assalamu 'Ala Manittaba'el Huda. Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Mursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Alhamdulillah, kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin berkah-Nya jua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Yang Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat sempurna dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengambil peluang di dewan ini,

walaupun agak terlewat untuk turut serta merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan setinggi-tinggi tahniah jua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat dengan lancar dan efisien serta dalam suasana yang harmoni dan penuh rasa ukhuwah dan hikmah.

Kaola juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah memberikan penjelasan-penjelasan akan program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek kerajaan di kementerian masing-masing. Bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan tetapi juga untuk sama-sama dapat dikongsi pengetahuan dan maklumat dengan orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini kaola ingin menyentuh petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara, mengenai pendekatan penyerapan *positive mindset* kepada rakyat:

“Pengahijrahan mindset daripada semata-mata bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha”.

Titah tersebut adalah satu pandangan jauh dan bernas yang semestinya dijunjung tinggi.

Apabila kita menyurut kembali senario isu bantuan yang dihulurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan. Kita patut bersyukur atas pemedulian dan keprihatinan yang diberikan oleh kerajaan semata-mata untuk meringankan bebanan golongan yang kurang bernasib baik. Apatah lagi bagi golongan yang kurang berupaya, golongan orang tua dan anak-anak istimewa yang sudah menjadi tanggungjawab pihak-pihak berkenaan untuk membantu mereka.

Dalam masa yang sama, kita juga berharap supaya golongan yang mendapat bantuan ini dapat mengubah sikap yang lebih positif daripada hanya mengharapkan bantuan kepada hidup berusaha dan cuba berdikari terutama bagi golongan yang masih mempunyai keupayaan dari sudut sihat tubuh badan, sihat mental dan fizikalnya dan masih mampu melakukan pekerjaan.

Dalam hal ini, harapan tersebut bukan sahaja diletakkan atas kemampuan mereka semata-mata tetapi memerlukan pemikiran, penelitian dan strategi-strategi yang berkesan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Alhamdulillah, kita juga mendengar penjelasan terperinci bagaimana pelaksanaan bantuan yang diberikan oleh pihak JAPEM, Majlis Ugama Islam dan agensi-agensi dalam kerajaan. Beberapa strategi juga telah dilakar oleh

Jawatankuasa Khusus Menangani Isu Kemiskinan semata-mata dengan harapan golongan yang berkaitan akan terlepas daripada lingkaran kesempitan hidup dan kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Isu kemiskinan di negara ini dikatakan sebagai kemiskinan relatif tidak seperti keadaan kemiskinan di sesetengah negara lain. Kalau ini sudah menjadi dapatan dalam setiap kajian kemiskinan, maka memang perlu dicari jalan supaya ada perubahan sikap yang positif, bersemangat dan seterusnya berusaha dan berdikari.

Apakah perlu ada skim khusus untuk menyediakan sebarang bentuk pekerjaan yang bersesuaian kepada mereka? Manakala bantuan yang diberikan akan dikira sebagai upah atau ganjaran yang berpatutan. Bolehkah pemimpin-pemimpin akar umbi, ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu dibawa duduk berunding bersama-sama dalam merangka apa bentuk pekerjaan yang boleh dan mampu dilakukan sebagai langkah awal untuk seterusnya menuju ke arah mengharap mereka itu boleh berusaha dan berdikari? Atau kita juga boleh melihat dan mencontohi kiranya sudah ada negara-negara yang telah berjaya membawa golongan ini ke tahap yang lebih baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kesimpulan yang dapat kaola katakan pada menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk

menyerapkan *positive mindset* kepada rakyat supaya lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman.

Perkara ini menjadi tanggungjawab semua pihak yang diberikan amanah sebagai pemimpin, pengurus, pentadbir dan seterusnya di semua peringkat dan tidak terkecuali Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam dewan ini, kerana kita semua juga diberi amanah untuk berkhidmat kepada rakyat dan penduduk dalam kategori dan peranan yang berbeza-beza. Apa-apa yang disuarakan semata-mata bertujuan untuk negara ini maju jaya dengan keadaan rakyat dan penduduknya yang hidup dalam aman dan sejahtera di bawah pimpinan seorang raja yang berdaulat dan bijaksana.

Fiman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 30:

وإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Tafsirnya: "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, sesungguhnya Aku (Allah) hendak menjadikan manusia itu khalifah di muka bumi".

Dan Sabda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang ertinya: "Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan diminta pertanggungjawapan atas yang dipimpinya. Imam atau ketua adalah pemimpin yang akan diminta pertanggungjawapan atas rakyatnya. Seorang suami adalah pemimpin yang akan diminta pertanggungjawapan atas keluarganya. Seorang isteri adalah

pemimpin dalam urusan rumah tangga suaminya dan akan diminta pertanggungjawapan atas urusan rumah tangga suaminya. Dan seorang pembantu adalah pemimpin dalam urusan harta tuannya dan akan diminta pertanggungjawaban atas urusannya.”

Dari nas Al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam tadi adalah dalil bahawa semua kita mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memacu kehidupan, termasuk memacu kemajuan dan pembangunan ummah di negara ini.

Tiga rangkap pantun buat pengakhir ucapan kaola:

Negara Zikir wawasan kita,  
Ampunan Allah matlamat utama,  
Pemimpin dan rakyat serta masyarakat semua,  
Bersama menjaga kedaulatan negara.

Negara kaya di mata dunia,  
Isu kemiskinan masih jua melanda,  
Tangani masalah dan keluhan mereka,  
Insya-Allah bumi Brunei bertambah berkatnya.

Tangani masalah dan keluhan mereka,  
Umpama beri kail bukan ikannya,  
Berusaha dan berdikari ikhtiar kita,  
Akan terbudaya asal lurus pantaunya.

Kaola juga mengambil kesempatan memohon ampun dan maaf, yang baik dan lurus itu daripada Allah dan yang silap dan salah itu daripada kelemahan kaola juga. Sekian, Wabillahit Taufik

Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

### **Yang Berhormat Awang Haji A.**

**Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (٢٥) وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي (٢٦)  
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي (٢٧) يَفْقَهُوا قَوْلِي (٢٨)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan ucapan tahniah atas kebijaksanaan dalam menguruskan dan memimpin Majlis Mesyuarat Negara dari awal Permesyuaratan hinggalah ke petang ini. Begitu juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah sudi mendengar dan menerima hujah-hujah daripada Ahli-ahli Berhormat Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak akan banyak bercakap panjang-panjang. Cukuplah 2 perkara.

Kaola menyentuh 2 kumpulan.

- 1 Ahli-ahli bahasa sastera yang menyokong semangat dan menyuntik semangat dalam pentadbiran negara iaitu kumpulan Asterawani yang telah ditubuhkan sejak dulu. Kumpulan ini banyak melahirkan sokongan-sokongan kuat dalam kepimpinan; dan
- 2 Kumpulan akar umbi terdiri daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Mereka ini juga menyokong perdamaian, keamanan dalam negara dari dulu hingga sekarang lagi.

Makanya, mudah-mudahanlah kedua-dua kumpulan ini akan dapat diambil perhatian untuk diberikan apa yang patut, kerana sokongan yang kuat daripada mereka ini berterusan setiap kali, setiap hari, setiap bulan dan sepanjang tahun.

Untuk itu Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola tidak akan panjang merangka ucapan ini maka kaola akan menyampaikan pantun-pantun sahaja bagi menyokong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kalau diizinkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sama ada kaola ringkaskan atau dengan lagu syair satu rangkap sahaja.

Sultan bernama Hassanal Bolkiah, Putera gahara Al-Marhum Begawan, Seluruh rakyat merasa megah, Aman dan damai dalam pentadbiran.

Yang Kedua Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Nurul Iman istana indah,  
Istana raja bijak laksana,  
Negara aman mengukir sejarah,  
Seluruh dunia terkenal nama.

Panjang karang Yang Berhormat Yang Di-Pertua, itulah sahaja yang dapat kaola sampaikan, mudah-mudahan akan mendapat kemaafan bersama-sama kerana sepanjang Permesyuaratan yang baik itu datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala, yang tidak baik itu datang daripada kaola sendiri. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Walaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

#### **Yang Berhormat Awang Haji**

**Jumat bin Akim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Alhamdulillah  
Rabbil'alameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya'  
Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Lebih dahulu kaola bersama-

sama dengan rakan-rakan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin Persidangan ini dengan penuh tanggungjawab, dedikasi, komited dan kesabaran serta menepati masa yang telah ditetapkan. Abis kaola merasa persidangan yang berlangsung selama 13 hari ini sangat memberi makna kerana peluang yang diberikan kepada abiskaola untuk berhujah menghadapi cadangan diberikan sepenuhnya mengikut giliran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi mewakili rakan-rakan daripada Zon 2 dan Zon 3 Daerah Brunei dan Muara, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah mengurniakan peruntukan berjumlah \$6,400 juta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita bersyukur kerana negara telah dapat mengekalkan momentumnya dengan meneruskan aktiviti pembangunan negara dengan amalan perbelanjaan secara berhemah dengan tema "Modal Insan Berkualiti Mendukung Pembangunan Inklusif". 4 fokus utama yang telah digariskan iaitu:

1. Memperkasa pendidikan;
2. Meningkatkan produktiviti;
3. Merangsang kegiatan pelaburan; dan
4. Meningkatkan kesejahteraan awam.

Keempat-empat perkara ini diberikan tumpuan dan merupakan pilihan yang tepat, kita berdoa mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta berjaya. Adalah diharapkan dengan transformasi pendidikan teknik dan vokasional, kesejahteraan penuntut-penuntut akan dapat ditingkatkan seperti pembinaan asrama penuntut Sekolah Vokasional Seria, Kuala Belait, menaikkan taraf infrastruktur bangunan sekolah-sekolah termasuk padang permainan.

Melalui kecekapan industri tenaga, energi industri, kompetensi *framework*, kita mengharapkan akan lebih ramai belia akan mengambil peluang ini bagi memberikan sumbangan kepada pembangunan industri minyak dan gas yang menjadi nadi utama ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi sektor swasta tentu akan merasa lega dengan pengurniaan pengurangan kadar cukai pendapatan dengan tujuan untuk menggalakkan PKS negara ini berkembang maju. Maka kerana itu, dalam Dewan yang mulia ini dicadangkan sekali lagi supaya kemudahan pinjaman kewangan akan dipermudahkan dengan kadar keuntungan akan dapat dikurangkan menjadi 2 peratus daripada 4 peratus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, diharapkan Peruntukan \$70 juta Jabatan Kerja Raya akan dapat membaik pulih beberapa

batang jalan raya di Daerah Brunei dan Muara yang memerlukan pembaikan. Kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan kerana membuka ruang kepada ketua-ketua kampung bagi mengenal pasti penduduk yang ingin menetap dan tinggal di kampung masing-masing, melalui pendaftaran untuk dipertimbangkan mendapatkan Skim Perumahan Negara di kampung masing-masing.

Dengan yang demikian penduduk tidak akan berkurangan serta pembangunan kampung akan dapat ditingkatkan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara ini sering disuarakan oleh sebahagian penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, subsidi minyak dan gas perlu dikaji dan diberikan perhatian yang serius, kerana matlamat subsidi diberikan adalah kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khusus untuk rakyat dan penduduk negara ini. Kita tidak mahu kegiatan penyeludupan barangan subsidi ini masih berterusan, maka kerana itu semua agensi penguat kuasa hendaklah meningkatkan usaha pencegahan dan rondaan terutama sekali di kawasan yang dianggap berisiko tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sistem perhubungan negara yang mantap lagi efisien perlu ditingkatkan dalam semua aspek. Jalur lebar yang sedang dilaksanakan akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik seperti

yang kita harapkan. Perkhidmatan *DST* dan *Progresif Cellular* perlu ditingkatkan di semua pelosok negara, agar semua penduduk sama ada di bandar dan di luar bandar menggunakan perkhidmatan ini sepenuhnya.

Dalam Persidangan Dewan yang mulia ini, banyak perkara yang disebut dan diulang-ulang terutama sekali permohonan dan permintaan seperti:

1. Infrastruktur;
2. Kemudahan awam;
3. Jalan raya; dan
4. Pembinaan bangunan masjid, sekolah, jambatan dan seupamanya.

Kerana perkara ini sama ada belum mendapat peruntukan atau belum dilaksanakan. Sebagai contoh bencana alam tanah susur, telah dihadapkan kepada beberapa agensi dan belum mengetahui hasilnya sama ada dibantu ataupun tidak.

Untuk perhatian kita semua, tanah susur yang menimpa ke atas rumah mangsa lebih rumit ditangani daripada mangsa banjir. Mangsa terpaksa membuat pembersihan dan membuang tanah tersebut yang berada di belakang rumah mereka ataupun di hadapan rumah dengan mengambil masa berbulan-bulan, malah juga mengambil masa bertahun-tahun.

Apa yang diharapkan di Dewan yang mulia ini, apa jua perkara yang belum dibuat atau dilaksanakan akan dapat diberikan bantuan selayaknya, dan sekali lagi dipohonkan supaya

peruntukan bagi tanah susur akan dapat dihulurkan. Perkara rutin dan sangat mudah dibuat akan menjadi rumit dan kompleks, jika kurang mendapat perhatian. Maka, kerana itu akan terpaksa di bawa ke Dewan yang mulia ini demi kepentingan masyarakat yang abis kaola wakili.

Dalam kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada semua Menteri Kabinet yang telah berjaya melaksanakan banyak projek di bawah kementerian masing-masing. Dan kita berdoa semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dan Menteri-Menteri Kabinet akan sentiasa sihat walafiat dan mudah-mudahan kita akan bertemu dalam kesempatan lain. Mohon maaf kiranya jua jika berlaku keterlanjuran dan kelakuan yang tidak selayaknya di sepanjang persidangan ini berlangsung.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sambil berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita sama-sama mendoakan kesihatan dan keselamatan kepada semua Menteri-Menteri Kabinet yang telah berjuang, yang telah berusaha, dan yang telah banyak memberikan sumbangan kepada negara sepanjang Yang Berhormat itu menjadi menteri di kementerian masing-masing.

Untuk akhirnya di Dewan yang mulia ini, kita semua mengharapkan agar 4 strategi utama akan menjadi kenyataan demi bangsa dan negara. Kalau diizinkan kaola jua akan membawa 2 rangkap pantun sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Membuat perabot daripada papan;  
Tempat dibuat Kampong Serasa;  
Mendapat lesen perniagaan  
diperudahkan;  
Agar bangsa ku menjadi pengusaha.

Besar Kapal Seri Brunei,  
Tiangnya tinggi memulut awan,  
Sudah menjadi rakyat Brunei,  
Tiada boleh berpaling haluan.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih Yang  
Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat.  
Sekarang saya persilakan Yang  
Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin  
Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.  
Yusof bin Haji Dulamin:** Terima  
kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,  
Yang Berhormat Menteri-menteri  
Kabinet dan rakan-rakan sejawatan Ahli  
Yang Berhormat Yang Dilantik. Kaola  
serta rakan sejawatan dari Daerah Belait  
mengucapkan terima kasih atas peluang  
yang telah diberikan kepada abiskaola  
berucap dalam kesempatan ini.

Alhamdulillah, setelah Istiadat  
Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama  
Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas  
Majlis Mesyuarat Negara yang telah  
berlangsung pada hari yang ke-13 di  
Dewan yang mulia ini, seperti biasa kita  
telah mendengar berbagai-bagai soalan,  
pandangan, cadangan telah diajukan.  
Manakala ulasan serta penjelasan



daripada Menteri-menteri Kabinet yang berkenaan telah pun diperjelaskan. Abis kaola sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Dalam kesempatan keemasan ini, abis kaola ingin menyuarakan beberapa perkara untuk dilihat. Dilihat secara dekat tentang keperluannya dengan membuat kajian yang lebih halus dan terperinci seawal-awal ke atasnya. Sebagai contoh, keperluan sebuah masjid di sesebuah kampung yang berpenduduk ramai yang beragama Islam sudah setentunya sangat memerlukannya. Sebagai negara yang menjadikan agama Islam sebagai Agama Rasmi, tambahan lagi sebuah Negara Zikir, sebuah negara rakyatnya teguh imannya sudah tentu negara mengutamakan ciri-ciri keislaman yang begitu mantap dan berkonsepkan keislaman di seluruh negara ini bukan sahaja di kampung di dalam bandar, bahkan kampung-kampung pedalaman pun hendaklah didirikan seperti balai ibadat, surau dan masjid.

Itulah amalan yang telah diamalkan di negara ini dengan membina masjid sebagai tempat beribadah dan menjadi lambang dan mercu tanda keislaman yang unggul di sebuah negara Islam itulah Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai keperluan prasarana yang lain, seperti jalan raya yang menghubungkan Pekan Kuala Belait dengan Mukim Kuala Balai, tembok penghadang ombak di pantai Kuala Belait, Seria hingga ke Lumut dan Sungai Liang perlulah dilihat secara

lebih dekat, lihat dahulu macam mana kesannya atau hakisannya. Di samping kita melihat keadaan muka buminya di kawasan tersebut semakin menurun setahun ke setahun tanpa kita sedari dan menjadikan kerisauan bagi sesetengah penduduk yang diam demi keselamatan generasi kita yang akan datang yang tinggal di sepanjang pantai yang saya sebutkan di atas tadi.

Ke arah memperindahkan lagi suasana tebing Sungai Belait untuk jangka masa yang akan datang, perancangan awal patut dibuat dan kaola faham sudah ada pelan induknya. Sekarang kita pula perlu memikirkan bagaimana dan bila ia akan dilaksanakan termasuklah juga pembinaan tempat penurunan perahu nelayan yang telah sekian lama dinanti-nantikan yang pada masa ini dilihat tidak teratur mencemarkan kawasan yang kaola sebutkan tadi.

Sebagai menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 5 Mac 2015 Masihi yang lalu, baginda telah menitahkan supaya kita selaku rakyat menukar *mindset* supaya berusaha dan jangan mengharapkan semata-mata terhadap bantuan.

Titah tersebut wajib disambut baik oleh segenap rakyat jelata di negara ini untuk berusaha dengan berbagai-bagai bentuk usaha seperti mengusahakan

pertanian untuk sara diri, berniaga dan lain-lain yang sesuai dengan kemampuan kita. Semua ini selaku ahli pemikir, perlu melihat secara teliti bagaimana kita merealisasikan perkara ini secara berkesan dan terlaksana dengan menanganinya sebaik mungkin. Jangan sampai terlepas pandang ataupun hanya melepaskan "batuk di tangga" sedangkan hasilnya belum ada.

Ketua negara menaruh harapan kepada kita dan rakyat penuh berharap kepada kita sedangkan di bahu kita terpikul tanggungjawab yang wajib kita tunaikan. Di negara ini kita ditanya oleh rakyat dan di akhirat kelak kita akan ditanyakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, abis kaola menyusun jari sepuluh memohon maaf, sekiranya ada terdapat tersilap kata, terkasar bahasa, tingkah laku yang kurang manis sewaktu menyampaikan hujah sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan diiringi dengan doa semoga kita sentiasa sihat walafiat dan dipertemukan pada masa-masa akan datang, amin amin ya rabbal alameen. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli**

**bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Alhamdulillah Peruntukan Belanjawan 2015/2016 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara. Semoga Peruntukan yang telah diluluskan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk projek yang telah dirancang dengan teliti dan siap pada masa yang ditetapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini maka majlis berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh mesra dan harmoni.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet kerana sedaya upaya telah memberikan jawapan dan penjelasan terhadap soalan dan cadangan kaola. Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis I (Pertama), Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-

Majlis Mesyuarat di atas sokongan dan panduan yang diberikan kepada abis kaola di sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong khususnya Zon 2 dan selaku pemimpin akar umbi yang banyak memedulikan hal kesejahteraan anak buah, setentunya dalam mesyuarat ini membawa juga sedikit isu-isu yang dianggap tidak bersesuaian dibawa dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya abiskaola telah pun menghadapkan surat mengenai isu-isu ini malah juga telah bersemuka dengan pihak-pihak berkenaan, tetapi oleh sebab ia belum terlaksana maka isu-isu yang dianggap kecil ini terpaksa juga dibawa dalam mesyuarat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola bersedia memberikan kerjasama kepada Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan jika diperlukan dalam menghidangkan idea-idea besar untuk menunaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seperti mana yang terkandung dalam titah baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelasan Majlis Mesyuarat Negara yang menyentuh agar Ahli-ahli Mesyuarat Negara berpandangan jauh. Antaranya ialah memfokuskan ke arah memperkukuhkan asas ekonomi negara.

Dalam membantu perkembangan pembangunan ekonomi negara, selain sektor minyak dan gas, sektor pertanian dan agrimakanan serta industri pelancongan adalah juga antara penyumbang utama. Di Daerah Tutong mempunyai berbagai-bagai perusahaan besar yang telah dilaksanakan seperti ternakan udang, ternakan ikan dalam kolam, ternakan ikan air tawar, ternakan ayam, ternakan burung puyuh, ternakan kerbau dan kambing malah mempunyai kilang memproses makanan dan minuman juga perusahaan kebun buah-buahan, padi dan sayur-sayuran.

Oleh itu jika semua produk yang disebutkan di atas tadi disatukan secara terancang dan sistematik maka Daerah Tutong mampu menjadi pusat permakanan halal (*halal hub*). Memang kita mengetahui bahawa pembinaan pusat-pusat terbaharu tertumpu di kawasan Bandar Seri Begawan dan di Daerah Brunei Muara sahaja kerana adanya kemudahan perhubungan dengan pusat pentadbiran. Jadi kaola harap pusat halal ini juga boleh dibina di kawasan pedalaman yang luas di Daerah Tutong kerana secara tidak langsung memajukan kawasan dan penambahan penduduk serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk Daerah Tutong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sektor pelancongan boleh membantu mempelbagaikan ekonomi negara kerana boleh berperanan sebagai pemasaran meningkatkan sumber-sumber hasil pertukaran asing dan

mempromosi produk negara ini ke luar negara dan berusaha untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian yang boleh menjana peluang-peluang pekerjaan.

Oleh itu, jika beberapa perkara atau produk penting dibantu dan dimajukan serta diperbisaikan, insya-Allah bidang pelancongan akan dapat memberikan penghasilan lumayan di negara ini. Misalannya, penambahbaikan unsur-unsur kesenian dan kebudayaan dalam perkampungan puak-puak di Kampong Air, di rumah-rumah panjang dan di perkhidmatan *home stay*.

Juga mengangkat dan menambah unsur-unsur warisan seperti muzium dan galeri, menambah artifak antarabangsa, memperkenalkan sejarah atau legenda setempat, mengadakan Tahun Melawat Brunei dengan mempromosi hari-hari perayaan negara, sukan-sukan negara dan pertandingan antarabangsa.

Yang paling menarik ialah membangunkan dan menambah *ecotourism*, menambah dan mempromosi *nature* yang terbaharu seperti Luagan Lalang, Air Terjun Wang Kadir, Air Terjun Teraja, *White Sand* (pasir putih di Telisai), Tasik Biru di Bukit Panggal, Wasai Bedanu dan Batu Mapan, membina *resort* Tanjung Danau dan membina Zoo Negara dan *nature* lain yang sangat diminati oleh pelancong Eropah.

Selain itu, memperkenalkan makanan tradisional dan produk pembuatan

kraftangan yang berbentuk *souvenir* mukim-mukim dan kampung-kampung. Maka ke arah ini pembinaan pusat aktiviti produk dan penyediaan pakar kepelbagaian produk adalah satu keperluan yang wajar difikirkan. Semua yang disebutkan di atas tadi adalah destinasi yang boleh menarik kehadiran pelancong jika diusahakan secara kerjasama (*stakeholders*) dengan agensi- agensi berkenaan. Di samping ejen-ejen pelancongan mengambil peranan utama untuk mempromosikannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Membina modal insan di negara ini sebagai satu pelaburan yang utama untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran, berpengalaman dan berakhlak mulia. Bagi maksud tersebut peruntukan bagi dana sumber tenaga manusia di bawah Rancangan Kemajuan Negara disediakan \$30 juta.

Oleh itu, kaola berharap dapat digunakan juga untuk membantu melanjutkan pelajar-pelajar yang telah mengikuti *Programme Development of Geomatics* yang telah lulus dan belum mendapat pekerjaan agar menyambung ke peringkat *HND* atau selanjutnya atau diberikan pekerjaan yang bersesuaian. Kursus ini dikenali sebagai kejuruteraan geomatika, yang disiplinnya mengumpul, menyimpan memproses dan penyampaian maklumat geografi, diharap dapat difikirkan.

Selain itu, keperluan juga bagi mendatangkan tenaga pakar yang

bersesuaian dengan kepelbagaian industri iaitu sebagai usaha lanjutan untuk mengisi keperluan negara menjelang Wawasan Negara 2035 yang agensi-agensi kerajaan telah dipertanggungjawabkan membangun sumber tenaga manusia dengan memperlengkapkan berbagai-bagai kemahiran. Maka ke arah ini, berbagai-bagai skim patut disediakan bagi meningkatkan dan memperbaiki taraf akademik dalam bidang masing-masing.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya Pusat Pembangunan Kemahiran yang berkaitan dengan industri dibangunkan di Daerah Tutong. Pusat ini nanti berfungsi meningkatkan kemahiran pelajar tentang industri berkenaan untuk mewujudkan perubahan tatacara kerja yang lebih efisien. Sebagai persiapan menyediakan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir anak tempatan menjelang tahun 2035, terutama untuk memegang jawatan-jawatan yang penting yang masih dimonopoli oleh pekerja asing.

Menurut Yang Berhormat Menteri Tenaga pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan telah menyatakan seramai 50,000 orang diperlukan. Kaola yakin tentunya sudah ada garis panduan bagi mereka yang akan dilatih yang mempunyai kecenderungan masing-masing bersesuaian dengan sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyentuh

tentang individu yang meminta-minta. Janganlah kita sepenuhnya menuding jari kepada mereka ini. Kita perlu kaji sebab-sebabnya. Kalau kita kembali kepada tahun 1980-an, 1970-an dan seterusnya ke bawah, tidak ada yang meminta-minta walau pun yang mempunyai ramai anak berbelas-belas orang dan pendapatannya hanya \$60 sebulan. Jadi apa yang perlu dilihat ialah:

1. Perbezaan harga barang tahun 1980-an hingga sekarang;
2. Peluang-peluang kerja. Namun dahulu tidak ada yang diswastakan, sanggup orang dahulu menyangkul longkang dan menebas rumput; dan
3. Perlu dilihat syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang menyukarkan individu untuk mencari rezeki di sungai, hutan, dan di jalan-jalan.

Akhirnya kaola mohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, kepada Jurutulis 1 dan Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan andainya terdapat kesilapan dan kecacatan kaola di sepanjang musim Permesyuaratan. Semoga apa juga hasil daripada Permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian Wabillahir

Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

**Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

### **Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen  
Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Atas kebijaksanaan dan kesempurnaan, Yang Berhormat selaku Yang Di-Pertua memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia lagi indah ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan inayah-Nya serta dengan izin-Nya

jua maka kaola dapat memberi Ucapan Penanggungan selaku wakil rakyat dan penduduk di Daerah Temburong.

Alhamdulillah, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas telah pun sampai ke penghujungnya. Pada mengambil sukut baik di dewan yang mulia lagi indah ini marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja kita yang dikasihi. Dengan harapan agar apa juga bentuk usaha pembangunan yang telah sedang akan dilaksanakan akan berjalan dengan baik lancar dan sempurna sebagaimana yang dirancang mengikut jadual sesuai seperti yang digariskan dalam 4 fokus utama Peruntukan Belanjawan Negara 2015/2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam konteks pembangunan prasarana dan kemudahan awam dan infrastruktur asas, kaola sukacita menyambut baik perkhabaran mengenai beberapa perancangan pembangunan yang nantinya mengubah landskap Daerah Temburong. Antaranya ialah menaik taraf Pos Kawalan Labu dengan peruntukan \$6 juta dan pembinaan Terminal Bas di Pekan Bangar.

Dalam kesempatan ini kaola sukacita menzahirkan merasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bila mana dengan penghubungan di antara Daerah Temburong dengan ibu negara insya-Allah akan terwujud iaitu dijangka siap pada tahun 2018 yang sudah setentunya nanti akan merancakkan lagi pembangunan di daerah ini. Serta sangat mengembirakan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong khasnya dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amnya. Kewujudan jalan penghubung ini akan memacu serta mempercepatkan kemajuan dan perkembangan Daerah Temburong dalam semua aspek.

Di peringkat akar umbi perkara yang sangat menarik perhatian ialah peruntukan berjumlah \$700 ribu bagi aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan \$630 ribu bagi aktiviti Mukim dan Majlis Perundingan Kampung yang membawa jumlah \$1.3 juta.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di bidang Pendidikan antara projek yang menarik perhatian dan sangat dinanti-nantikan ialah binaan bangunan baharu bagi Sekolah Menengah Hasan Pekan Bangar yang merupakannya satu-satunya Sekolah Menengah di Daerah Temburong dijangka siap awal tahun 2018.

Seterusnya usaha Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran teknikal pada pelajar-pelajar lepasan 'O' Level yang tidak dapat melanjutkan pengajian di institusi

pengajian tinggi merupakan berita yang mengembirakan pelajar-pelajar berkenaan.

Dalam aspek pembangunan warga insan, skim-skim latihan kemahiran kepada belia yang sentiasa ditambah nilai seharusnya mendapat respons yang positif dan sangat menggalakkan dari semua pihak. Begitu juga halnya dengan kebajikan dan kesejahteraan guru-guru dan tenaga pengajar yang datangnya dari luar Daerah Temburong iaitu mereka yang bertugas di Daerah Temburong akan sentiasa diberi perhatian bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik anak bangsa.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Usaha-usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memajukan perindustrian dan memberi keutamaan kepada bidang keusahawanan yang dilihat sangat berpotensi relevan dan penting sangatlah disambut baik. Bidang pelancongan turut diberi perhatian dengan menambah nilai kemudahan dan prasarana serta persekitaran yang selesa dan selamat.

Begitu juga halnya dengan keperluan-keperluan dalam mengembangmajukan pertanian luar bandar dan seterusnya menggalakkan ladang-ladang tanaman berkelompok, ke semua usaha ini akan membantu perkembangan aktiviti perekonomian dan menyumbang kepada pendapatan negara insya-Allah.

Aspek kesihatan warga juga diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Kesihatan dengan berbagai-bagai perancangan yang telah sedang dan akan dilaksanakan.

Begitu juga halnya dalam bidang yang lain termasuklah aspek keselamatan. Diharap semua yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dijadualkan.

Yang Berhormat Di-Pertua. Meskipun demikian kaola selaku mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong mengharapkan apa jua isu usul-usul yang dicadangkan yang telah disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini akan berjaya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan. Jika belum tiba waktunya yang benar-benar sesuai sekurang-kurangnya menjadi rintis laluan menuju musim hadapan.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola dalam Dewan yang mulia ini kaola dengan hati yang penuh tulus ikhlas, dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan Baginda terhadap pembinaan bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong dan yang akan menyusul nanti ialah projek Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISA) dan apa-apa jua perancangan-

perancangan yang melibatkan Daerah Temburong.

Kaola di Dewan yang mulia ini, bersama-sama seluruh rakyat dan penduduk di Daerah Temburong berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Baginda dan keluarga Baginda sentiasa dalam perlindungan dan peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda akan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam. Amin Ya Rabbal Alameen.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Buat penutup kaola ingin dengan 4 rangkap pantun iaitu:

Pergi ke hutan memasang jerat,  
Dapat seekor burung Keruai,  
Berakhir sudah Majlis Mesyuarat,  
Masalah rakyat sudah dihurai.

Tatap apung tatap sedaman,  
Saga-saga pancung sekali,  
Brunei Darussalam makmur dan aman,  
Kurnia rahmat dari Illahi.

Buah maritam buah rambutan,  
Untuk dijual bawa ke pekan,  
Di Dewan Majlis kaola suarakan,  
Perkara silap dan salah mohon maafkan.

Dari sulap bawa rambutan,  
Ambil galah di sawah padi,  
Kaola berdoa kepada Tuhan,  
Tahun hadapan insya-Allah berjumpa lagi.

Sekian Yang Berhormat Di-Pertua.  
Wabillahit Taufik Walhidayah,



Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Waalaiikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Kesihatan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana berpeluang menyertai Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Persidangan Dewan yang mulia ini.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana atas kebijaksanaan serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah telah dapat memimpin sepanjang Majlis mesyuarat ini dengan lancar, fokus dan berkesan dalam suasana yang penuh harmoni dan setia kawan.

Alhamdulillah, kita sama-sama telah berjaya mencapai keputusan yang konkrit dengan kesepakatan dari hasil Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini dalam kita bersama-sama menjunjung hasrat murni titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya untuk menyerapkan *mindset* yang positif kepada rakyat supaya lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman, lebih berdikari dan berusaha memperkasa sektor awam, mengekalkan dasar kestabilan fizikal, dan menitikberatkan perbelanjaan yang berhemah *dan value for money*. Ini adalah juga semata-mata bagi memperkasakan lagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini serta meneruskan perkembangan sosioekonomi negara yang lebih mapan dan mantap.

Kaola juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah mengemukakan soalan-soalan dan pandangan-pandangan positif serta maklum balas yang boleh dijadikan nilai tambah yang sangat berguna bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti perkhidmatan atau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun cadangan-cadangan yang ada kaitannya dengan Kementerian Kesihatan, insya-Allah ia akan diambil perhatian dan dibuat penelitian secara terperinci dengan berasaskan kepada bukti (*evidence-*

*based*) untuk dipertimbangkan dengan menggunakan *cost effective analysis* dan *assessment* mengikut keutamaan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga bersama-sama mencerminkan, keprihatinan dan kesedaran mengenai senario kesihatan yang membimbangkan dan membebankan negara khususnya trend penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit diabetes dan penyakit buah pinggang. Ini termasuklah juga cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan seperti kekurangan dan mengekalkan tenaga profesional kesihatan yang berkepakaran dan berkemahiran. Dalam kesempatan ini Kementerian Kesihatan sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas keprihatinan dan kebimbangan yang diutarakan.

Dalam pada itu ingin kaola mengongsikan hasil kajian Projek Pelan Induk Sistem Dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang telah menunjukkan bahawa unjuran peruntukan kewangan bagi penjagaan kesihatan yang diperlukan yang mana dianggarkan akan meningkat daripada lingkungan \$380 juta setahun kepada lebih \$940 juta setahun dalam tempoh 20 tahun akan datang iaitu jika perubahan serta pengukuhan sistem penjagaan kesihatan negara secara lebih efektif tidak diambil perhatian dan tindakan yang serius. Ini termasuklah

juga strategi pengurusan penjagaan kesihatan dan sikap lebih bertanggungjawab individu dan masyarakat terhadap penjagaan kesihatan masing-masing. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, bahawa Kementerian Kesihatan telah pun menggariskan strategi-strategi sistem penjagaan kesihatan seperti yang telah kaola perjelaskan semasa mukadimah yang membentangkan peruntukan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2015/2016 dalam menangani isu dan cabaran-cabaran kesihatan serta menyediakan hala tuju dan rangka kerja yang lebih teratur dan bersistematik dalam usaha memastikan keberkesanan dan kedayatahan dalam penjagaan kesihatan bagi kita bersama-sama merealisasikan bukan saja visi Kementerian Kesihatan "Bersama Ke Arah Warga Sihat", tetapi sekali gus mendukung mencapai Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan itu, kaola ingin menjelaskan dan mengongsikan hasil dapatan mengenai trend peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti kanser, jantung, kencing manis atau diabetes dan serebrovaskular atau strok. Penyakit-penyakit ini juga adalah penyebab kematian utama di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2013, jumlah mereka yang meninggal dunia akibat penyakit kronik, penyakit-penyakit tidak berjangkit ialah seramai 762 orang iaitu 54.4 peratus kematian daripada jumlah

keseluruhan kematian 1,400 orang di negara ini. Ini termasuklah juga penyakit buah pinggang yang merupakan komplikasi akibat penyakit-penyakit tidak berjangkit tersebut yang tidak terkawal seperti mana yang pernah kaola jelaskan sebelum ini.

Faktor risiko yang menyebabkan penyakit tidak berjangkit termasuk penyakit buah pinggang telah terbukti dan tidak dapat dipertikaikan lagi di peringkat global adalah seperti obesiti, pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang, kurang kegiatan fizikal dan merokok. Salah satu faktor risiko yang paling membimbangkan ialah kadar obesiti yang telah meningkat kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Ingin saya menarik perhatian dan mengongsikan di Dewan yang mulia ini, mengenai hasil Kaji Selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan yang telah menunjukkan bahawa kadar berat yang berlebihan dan obesiti dalam kalangan orang dewasa telah meningkat daripada 44.4 peratus pada tahun 1997 Masihi kepada 60.6 peratus pada tahun 2011.

Manakala mengikut kaji selidik *Global School Health Survey* 2014 baru-baru ini di negara kita. Kadar berat badan berlebihan dan obesiti di kalangan penuntut-penuntut atau remaja yang berumur antara 13 hingga 15 tahun ialah 36.1 peratus. Kadar berat badan yang berlebihan dan obesiti yang saya maksudkan ini adalah yang tertinggi di rantau ASEAN. Ia bukanlah sesuatu

yang dapat dibanggakan. Malahan ia amatlah merisaukan, malah ia lebih kita membuka mata semua untuk mengambil tindakan segera dengan tegas dan serius dalam menangani cabaran-cabaran ini.

Sememangnya ialah isu kesihatan ini mesti kita tangani bersama dengan penuh keazaman dan komitmen oleh semua *stakeholders* sama ada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (*NGO's*), pemimpin-pemimpin peringkat akar umbi, tidak terkecuali Ahli-ahli Yang Berhormat, malahan semua lapisan masyarakat dan bukan sahaja dipertanggungjawabkan semata-mata kepada Kementerian Kesihatan.

Apa yang paling mustahak ialah kesedaran setiap individu itu sendiri untuk mengubah *mindset* dan sikap kepada mengamalkan cara hidup sihat. Obesiti atau kegemukan atau penyakit-penyakit tidak berjangkit sebenarnya dan telah terbukti boleh dicegah dan dikawal. Walau bagaimanapun, bagi menjayakannya memerlukan kita semua, lapisan masyarakat di negara ini benar-benar komited dengan bersungguh-sungguh mendisiplinkan budaya cara hidup sihat setiap hari di samping menyedari akan risiko-risikonya terhadap kesihatan dan impaknya kepada aktiviti kehidupan seharian yang boleh menjejaskan pekerjaan, produktiviti, pendapatan, kesejahteraan dan kualiti kehidupan.

Oleh yang demikian, kita dan setiap individu mestilah bertindak sekarang jika tidak risiko dan akibat penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini akan terus menjadi bebanan yang bukan saja lebih dirasai oleh pesakit itu sendiri malahan kepada keluarga serta melibatkan kos penjagaan dan rawatan kesihatan dan sekali gus mendatangkan impak negatif terhadap perkembangan sosioekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap isu di mana antara lainnya telah dan akan terus mempergiatkan pelbagai aktiviti dan program promosi kesihatan serta menyediakan fasiliti-fasiliti kesihatan di komuniti bagi kemudahan orang ramai.

Dalam kesempatan ini, orang ramai disarankan untuk memanfaatkan dengan sebaik-baiknya dengan melibatkan diri dalam apa juga aktiviti dan program promosi kesihatan di samping menggunakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk Klinik Pemeriksaan Kesihatan (*Health Screening Clinic*) di kesemua pusat-pusat kesihatan di negara ini terutama sekali mereka yang berusia 40 tahun ke atas.

Ini adalah semata-mata bagi memastikan keadaan kesihatan sentiasa terjamin dan bagi pengesanan

awal faktor-faktor risiko penyakit-penyakit yang tidak berjangkit dan untuk mendapatkan rawatan awal jika diperlukan sebelum ia menjadi semakin kronik dan kompleks.

Seperti juga kaola memaklumkan bahawa didapati sambutan bagi perkhidmatan ini kurang menggalakkan dan dari itu, kaola ingin menyeru sekali lagi kepada orang ramai dan kalangan pemimpin akar umbi bagi menggalakkan masyarakat setempat untuk datang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan (*health screening*) bagi bersama-sama mendukung usaha dan memperkesakan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Seterusnya kaola juga mengingatkan dalam keadaan pesakit-pesakit telah dikesan menghidap penyakit tidak berjangkit mereka hendaklah sentiasa mematuhi nasihat dan arahan profesional kesihatan di samping mengamalkan cara hidup yang sihat secara berterusan, ini termasuklah juga memakan ubat yang secara teratur mengikut preskripsi yang diberikan oleh doktor kerana didapati sebahagian pesakit tidak mematuhi arahan dan mengambil ubat mengikut preskripsi. Ini sangat mustahak bagi memastikan rawatan ini diteruskan dan insya-Allah akan dapat dikawal penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Pada kesimpulannya, kesihatan adalah satu nikmat yang sangat tinggi nilainya yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu

Wata'ala yang seharusnya kita sewajarnya sentiasa prihatin dan penuh bertanggungjawab sepenuhnya tentang betapa pentingnya hal ehwal kesihatan kita dengan mendisiplinkan diri kita sendiri, keluarga serta semua lapisan masyarakat di negara ini supaya membudayakan amalan cara hidup sihat untuk dijadikan sebagai cara hidup seharian kita.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola juga ingin merespons dan mengongsikan beberapa rangkap pantun yang beberapa pantun telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana:

Limau purut limau kasturi,  
Dibuat jus jadi minuman,  
Yang Di-Pertua Dewan bijak bestari,  
Memimpin Persidangan dengan  
senyuman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bijak laksana,  
Bersoal bicara secara aktif,  
Menjaga kesihatan tanggungjawab  
bersama,  
Ubahlah *mindset* ke arah positif

Kampung bernama Kuala Balai,  
Sagu rumbia dibuat ambuyat,  
Nikmat kesihatan tiada ternilai,  
Jadikan budaya cara hidup sihat.

Tinggi gula dalam darah,  
Inda dijaga mungkin menjadi parah,  
Nikmat kesihatan kurnia Allah,  
Jagalah ia sebagai amanah.

Sekian. Wabillahir Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah  
Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalaamu  
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een.

Alhamdulillah, persidangan dan permesyuaratan kita ini sudah pun sampai ke penghujungnya dengan selamat dan sempurna. Kaola sebenarnya ingin memohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menyampaikan Ucapan Penggulungan ini yang akan berkisar mengenai 2 perkara, kalau sempat kalau tidak kaola utamakan saja yang merespons apa yang kaola dengar sebentar tadi dan juga 2 hari yang lalu atau semalam ada perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian.

Sebelum itu, kaola ingin menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kejayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin persidangan selama 13 hari dalam suasana

yang muhibah dan kaola juga ingin menyatakan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis I dan kepada Yang Timbalan Jurutulis serta juga kepada segenap jejaran petugas Majlis Mesyuarat Negara, selama kaola berada di Dewan ini telah memudah cara dan urusan penyertaan kaola.

Ada perkara-perkara yang dibangkitkan sebentar tadi:

1. Mengenai penghulu dan ketua kampung;
2. Mengenai Pegawai Daerah;
3. Perubahan *mindset* untuk berkhidmat di sektor swasta tidak lagi memilih mengutamakan sektor kerajaan; dan
4. Bantuan pada mangsa tanah susur.

Seingat kaola, perkara-perkara ini telah pun ditimbulkan terutama sekali mengenai perkara penghulu dan ketua kampung oleh 2 orang Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan juga Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain yang kaola telah merespons dalam waktu di Permesyuaratan Peringkat Jawatankuasa.

Cuma kaola ingin menyatakan kaola menghargai lagi apa yang disuarakan sebentar tadi sekurang-kurangnya ada beberapa cadangan yang baik untuk dipertimbangkan. Walau bagaimanapun,

sebahagian daripada cadangan umpamanya ialah untuk memilih dari kalangan akar umbi bagi menggantikan penghulu dan ketua kampung disebabkan tidak ada calon-calon, sukar untuk mendapatkan calon sebahagiannya yang dimaklumkan kepada kaola perkara itu sudah pun dicubakan tapi masih juga kita menghadapi kesulitan orang yang mahu tampil ke hadapan. Bagaimanapun, perkara itu boleh di *systemize* untuk dijadikan sebagai sebahagian cara bagi mengatasi lantikan penghulu dan ketua kampung yang sekian lama menunggu dan sebagainya.

Yang kedua mengenai Pegawai Daerah sudah pun kaola jelaskan bahawa semenjak kita menggunakan sistem berkerajaan secara berkementerian, Pegawai Daerah sudah tidak lagi menjadi ketua bagi pegawai-pegawai kerajaan di daerahnya berbanding dengan sebelum merdeka dahulu. Semasa Pentadbiran kita secara Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan semua pegawai-pegawai adalah responsif dan akauntabiliti mereka kepada Setiausaha Kerajaan dan Menteri Besar termasuk pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai yang ada bertugas di daerah-daerah. Semuanya yang di daerah bertugas di bawah Jabatan Pegawai Daerah responsif dan akauntabilitinya kepada Pegawai Daerahnya dan Pegawai Daerah responsif dan akauntabilitinya kepada Setiausaha Kerajaan dan Menteri Besar.

Setelah kita menukar dan mengamalkan sistem kepada sistem berkementerian,

setiap pegawai di peringkat daerah adalah responsif kepada kementerian masing-masing. Bagaimanapun, suara untuk menjadikan Pegawai Daerah itu sebagai ketua, sekurang-kurangnya dilihat sebagai ketua dan benar-benar memperlihatkan dirinya sebagai ketua di daerah itu adalah penting. Suara dan saranan sedemikian itu bukan sahaja didengar oleh kaola sebagai menteri bahkan juga oleh orang-orang yang berkenaan di pejabat-pejabat daerah.

Yang penting diketahui bukan tidak ada penyelarasan. Penyelarasan urusan-urusan kerajaan terutama sekali pembangunan dan menjaga kesejahteraan serta kebajikan rakyat di daerah-daerah diadakan mesyuarat-mesyuarat penyelarasan yang diketuai oleh pegawai-pegawai daerah dengan pegawai-pegawai lain dari kementerian-kementerian lain. Begitu juga mesyuarat-mesyuarat di peringkat akar umbi, tinggal lagi *degreenya* Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Masing-masing berbeza antara sebuah daerah dengan sebuah daerah. Mudah-mudahan dengan suara yang didengarkan tadi perkara ini akan dapat dibaiki.

Mengenai *mindset* bekerja di sektor swasta. Kaola sudah menjelaskan perkara ini ada hubungan dengan budaya kita. Malah kaola pernah meminta supaya tidak lagi diungkit-ungkit mengenai sikap dan cara anak-anak tempatan untuk bekerja dalam sektor swasta. Sekarang ialah masanya untuk kita mencuba sedaya upaya

menarik mereka ke dalam sektor swasta dengan cara-cara antaranya menyediakan kemahiran-kemahiran tertentu dan yang kedua, memperbaiki keadaan pekerjaan dalam sektor swasta dengan mengadakan *fair packages* sebagaimana yang diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berhubung dengan bantuan kepada mangsa tanah susur. Kaola sudah pun menyatakan bahawa jawatankuasa mengenainya telah pun mengadakan cadangan-cadangan tertentu dan cadangan itu sedang dalam pertimbangan. Satu perkara yang ingin kaola tegaskan, bahawa mangsa-mangsa ini telah pun juga mendapat bantuan awal sekurang-kurangnya, misalnya bantuan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mengatasi tanah-tanah yang susur dan yang sampai ke kawasan rumah dengan memasang kanvas-kanvas di lereng-lereng bukit yang menjejaskan tanah susur itu sehingga ke kawasan rumah mereka atau masuk ke dalam kawasan rumah mereka. Maknanya ada usaha-usaha Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam perkara ini. Tinggal lagi sebahagiannya dipindahkan dan sebahagiannya tetap kekal di rumahnya. Memanglah diketahui sulit bagi mereka selama berbulan-bulan dan tidak sama keadaannya yang mereka hadapi dengan kesulitan yang dihadapi oleh keadaan mangsa-mangsa banjir ataupun dengan keadaan mangsa-mangsa angin kencang yang atap rumah mereka rosak.

Perkara seterusnya yang akan kaola respons Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ialah yang disuarakan dengan baik oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal dari kriteria Ahli Yang Dilantik mewakili Orang-Orang Bergelar berhubung dengan pembinaan rumah-rumah baharu di Kampong Air.

Sebagaimana disuarakan insya-Allah sebahagian daripada *Master Plan* ataupun Pelan Induk Bandar Seri Begawan. Memang itu betul Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kaola di kementerian termasuk jua di Kementerian Pembangunan yang sama-sama melaksanakan *Master Plan* menyebutnya Revitalisasi Kampong Air fasa 2, ringkasnya, kaola dapat menyatakan dalam Fasa 2 ini, sudah pun disediakan.

Peruntukannya \$26.33 juta yang akan melibatkan seramai 548 orang penduduk yang terdiri daripada 135 keluarga, iaitu 129 dari Mukim Saba dan 6 keluarga dari Mukim Peramu. Ciri-ciri perumahan itu sudah pun pernah dibentangkan dalam majlis ini. Revitalisasi Kampong Air yang akan mengekalkan corak tradisi rumah Melayu Brunei dengan kemudahan moden seperti:

1. Sistem pembedungan, bekalan air, elektrik dan pencegahan kebakaran yang teratur;

2. Menggunakan *modulator construction* dengan binaan yang ringan;

3. Pembinaan kawasan aktiviti yang dapat menjana perkembangan industri yang kraftangan Kampong Air; dan

4. Manaik taraf Surau Mukim Saba.

Status projek pada masa ini ialah menunggu untuk ditawarkan sambil menunggu langkah-langkah pemindahan penduduk-penduduk yang terlibat.

Adapun mengenai saranan Yang Berhormat itu, supaya kerajaan mengadakan Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampong Air, seeloknya perkara itu dapat direspons dengan sepenuhnya oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Bagaimanapun, ada satu perkara yang kaola ingin kongsikan dalam Dewan ini, iaitu hasil banci atau *survey* yang abis kaola buat ke atas penduduk yang terlibat dalam Fasa 2 Revitalisasi Kampong Air menunjukkan sebegini Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dari sejumlah 135 keluarga, setakat ini baru ada 60 keluarga sahaja yang bersedia menyertainya, iaitu kurang 50 peratus. Ada lagi 75 keluarga yang tidak memilih untuk menyertai projek ini. Hanya 60 keluarga itu sahaja yang sudah mengaku untuk tinggal di Kampong Air selebihnya itu tidak mahu menyertainya ataupun menunggu



untuk memikirkannya pada masa yang sesuai.

Maka berdasarkan yang sedemikian itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ragu-ragu untuk pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan bagi melarutkan RPN atau Rancangan Perumahan Negara ke Kampong Air buat masa ini. Sehingga nanti jelas kedudukan yang tujuan kita untuk meramaikan penduduk Kampong Air dengan menjadikannya perumahan yang selesa untuk didiami dan benar-benar menepati kehendak kita sebagai Revitalisasi Kampong Air. Maka pada masa itu, kita akan dapat melihatnya.

'Terkeduhung' menyebut mengenai perkara *Master Plan* ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin melarutkan penerangan kaola berhubung dengan perkara yang dinamakan Projek Pembangunan Semula Pusat Bandar yang melibatkan 12 unit kedai di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin dengan penglibatan daripada *BEDB* secara menggunakan kaedah *Public Private Partnership* iaitu konsep kemajuannya ialah menggunakan *mixed development approach* iaitu *commercial office space* iaitu tempat rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain.

Kedudukannya pada masa ini setelah pihak *BEDB* membuat simulasi komersial didapati projek secara *PPP* bagi 12 unit kedai berkenaan kurang menarik dari segi pulangannya. Untuk mencari cara yang menarik itu yang lebih *attractive* dan seterusnya bagi membolehkan lebih ramai bakal pelabur yang berminat

ialah dengan membangun semula 12 buah unit kedai yang termasuk juga 2 buah bangunan letak kereta supaya diserahkan kepada pihak *private developer* untuk pengurusan operasi. Status projek itu pada masa ini *RAP* telah dikeluarkan dan akan ditutup pada penghujung bulan ini iaitu 31 Mac 2015 ini.

Seterusnya ialah Projek e-Koridor Sungai Kedayan yang terbahagi kepada 4 zon iaitu:

- Zon 'A' - bermula dari Kuala Sungai Kedayan hingga ke Jambatan Edinburgh;
- Zon 'B' - bermula dari Jambatan Edinburgh hingga ke Jambatan Gadong;
- Zon 'C' - bermula dari Jambatan Gadong hingga ke Jambatan Sungai Berakas; dan
- Zon 'D' - bermula dari Jambatan Sungai Berakas hingga ke Jambatan *Airport*.

Peruntukannya pun juga telah disediakan sebanyak \$40 juta dan telah disediakan dengan skop kerja yang termasuk *AIE and River Modelling* yang statusnya pada masa ini dalam pelaksanaan.

Re-generasi Kampong Sungai Kedayan statusnya ialah *dredging works*.

*Rehabilitation work* Kampong Air Zon 'A' yang sekarang ini sudah pun dalam erti

kata pembersihan kawasan dan untuk menimbuknya.

Jadi, itu bab pertama Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola kan melihat dahulu sampai pukul berapa. Oh! 16 minit sudah, minta maaf kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Jadi bab kedua tidaklah jadi kaola menyambung, waktu kitani pun sudah panjang. Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga mengucapkan berbanyak-banyak maaf serta terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang telah memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selama mana kaola berada di sini.

Buat akhirnya kaola berpantun jua walaupun 16 minit 18 saat sudah, masuk ke-17 minit Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi pantun kaola ringkas sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Burung Pingai kampung di air,  
Namanya juga menjelma di darat,  
Meskipun permesyuaratan kita sudah berakhir,  
Namun banyak perkara perlu diambil berat.

Dermaga Diraja nama baharu,  
Nama projeknya si *Water Front*,  
Biasalah setelah berpisah hati kitani pun terharu,  
Bagaimanapun harap-haraplah ikhlas maaf memaafkan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Walaikumsalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Akhirnya saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillah  
Rabbil'alameen, Wabihee nastain'ua la umuruddunya waddin, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya' Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Terima kasih kaola mengucapkan atas peluang yang diberikan kepada kaola memberi sedikit pandangan dan ulasan di Majlis ini.

Terlebih dahulu dalam kesempatan ini, kaola merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya atas kecemerlangan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan mesyuarat ini dari awal hingga akhirnya.

Dalam kesempatan ini juga kaola ingin sedikit mengulas ataupun memberikan pencerahan dua perkara yang disentuh oleh dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai peri pentingnya membina masjid sejajar

dengan tuntutan hukum syarak dan kepentingan syiar Islam, dan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin mengenai Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama.

Dalam hal pembinaan masjid. Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam sidanganya baru-baru ini yang kaola sendiri dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal adalah antara ahli-ahlinya. Setelah berbincang dengan mendalam dan panjang lebar telah meluluskan sebuah garis panduan pembinaan masjid yang dinamakan "Garis Panduan Pembinaan Masjid Pindaan Tahun 2014". Garis panduan ini adalah pindaan Garis Panduan Pembinaan Masjid sebelumnya yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Ogos 1991 Masihi.

Garis panduan pembinaan masjid pindaan yang baharu ini. Kaola kira adalah lebih halus lagi dari segi syarak dan lain-lain keperluan dan kesempurnaan bagi pembinaan sesebuah masjid. Garis panduan inilah yang akan diguna pakai bagi pembinaan masjid-masjid baharu yang akan datang di negara kita. Garis panduan ini juga telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah mendapat perkenan Baginda pada 26 Januari 2015 Masihi.

Jadi kekhuatiran Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal kalau-kalau pembinaan masjid baharu akan datang tidak sejajar dengan tuntutan hukum syarak dan tidak mengambil kira kepentingan syiar Islam, kaola kira tidaklah timbul sama sekali. Adalah terpikul di bahu Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk sentiasa membuat pemantauan dan penelitian dari semasa ke semasa bagi mana-mana pembinaan masjid-masjid baharu akan datang.

Garis panduan pindaan yang baharu ini telah menyenaraikan segala keperluan yang mesti diikuti dan dipatuhi dalam merancang dan membina sebuah masjid yang baharu sesuai dengan kedudukan tempat di mana sesebuah masjid itu dibina misalnya di bandar atau di pedalaman. Keperluannya tentulah ada yang sama dan ada yang berbeza.

Secara umumnya, dengan perkembangan dan peredaran masa keperluan yang disenaraikan antaranya ialah mengadakan bilik kuliah, dewan perhimpunan, bilik pengurusan jenazah, letak kereta dan sebagainya. Reka bentuknya pula, hendaklah menepati seni bina Islam dan mempunyai unsur-unsur kebruneian dan mampu menambat hati umat Islam serta menjadi syiar dan mercu tanda utama negara.

Kapasiti bangunan masjid, mestilah dianggarkan mampu menampung penduduknya yang beragama Islam dalam jangka masa panjang dengan

turut disediakan keluasan yang berpatutan bagi para jemaah dan memberi kemudahan bagi 'future expansion' jika diperlukan di kemudian hari. Mengambil kira hal-hal yang telah disebutkan tadi, insya-Allah masjid akan turut menyerlahkan lagi syiar Islam di negara kita sebagai sebuah Negara Zikir.

Sudah tentu dengan adanya garis panduan tersebut, anggaran kos peruntukan bagi pembinaan sesebuah masjid secara kasarnya akan meningkat. Ini memerlukan perundingan dengan pihak-pihak yang lebih berautoriti yang melihat masalah umum negara. Namun kaola kira pembinaan masjid termasuk dalam masalah utama umum negara sebagaimana juga pandangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kita sebagai sebuah negara Islam, berharap agar perancangan pembinaan masjid bukan hanya umpama sekadar melepaskan batuk di tangga, tetapi pembinaannya betul-betul dapat melahirkan rasa kecintaan dan keimanan kepada setiap jemaah yang melihat dan menunaikan sembahyang di dalamnya.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita mempunyai sebanyak 38 buah mukim dan setiap mukim sudah mempunyai masjid mukimnya sendiri. Kaola difahamkan hanya 3 buah mukim yang dikenal pasti belum mempunyai masjid mukimnya iaitu Mukim Sungai Kedayan, di Daerah

Brunei Muara, Mukim Rambai, di Daerah Tutong dan Mukim Kuala Balai, di Daerah Belait. Sesetengah mukim tersebut, penduduknya semakin berkurangan dari semasa ke semasa akibat penghijrahan dan perpindahan ke tempat lain.

Sememangnya hasrat untuk membina sebuah masjid bagi satu kampung telah pun ada sejak dulu-dulu lagi, iaitu kita menginginkan setiap kariah (kampung) dapat menunaikan tuntutan fardhu kifayah sembahyang berjemaah lima waktu. Namun kita kurang berkemampuan dan keupayaan kita terhad. Akan tetapi usaha murni tersebut akan tetap diteruskan bagi kita menyediakan keperluan mengadakan bagi setiap kampung sebuah masjid.

Mengenai fardhu kifayah, kaola mengaku memang kurang berilmu, namun dengan ilmu yang ada pada kaola dan perbincangan dengan beberapa teman yang berilmu, sebagaimana firman Allah Subhnanu Wata'ala dalam Surah Al-Nahl ayat 43:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud: "Bertanyalah kepada orang-orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui."

Maka dapatlah kaola simpulkan bahawa jika sekiranya dalam sesebuah kampung itu, keseluruhan penduduk Islamnya tidak mendirikan sembahyang jemaah fardhu sembahyang lima waktu, maka satu

kampung itu akan menanggung dosa. Namun jika ada satu sahaja di dalam kampung itu mendirikan sembahyang berjemaah lima waktu, maka gugurlah dosa kampung itu.

Dalam hal ini, dalam keadaan negara kita yang semakin meningkat kesedaran beragama, kaola percaya insya-Allah, lebih dari satu keluarga yang berjemaah di setiap kampung. Walau bagaimanapun, adanya sembahyang berjemaah lima waktu di setiap masjid adalah menjadi satu jaminan bahawa kampung tersebut gugur fardhu kifayahnya. Inilah yang dapat kaola fahami dari pendapat Al-Imam Al-Shafi'i. Wallahuaklam Wabissawab.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Pehin, supaya diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan untuk membina masjid di kampung-kampung atau tempat-tempat yang sudah disediakan tapak tanah bagi membina masjid berbanding mengusai atau membesarkan masjid-masjid yang sudah ada. Kaola bersetuju dengan pandangan ini.

Walaupun bagaimanapun eloklah diserahkan kepada jabatan dan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan untuk membuat penyelidikan dan kajian lanjut dari segala aspeknya, malah juga dari segi hukum syaraknya.

Adapun mengenai pandangan untuk mendahulukan masjid yang baharu untuk dibina berbanding dengan memperbaiki dan memperbesarkan masjid yang sudah ada, perkara ini

kaola kira sama-sama menjadi keutamaan. Cuma yang mana lebih utama, ini tentulah bergantung juga pada kajian dan penyelidikan. Sebenarnya peruntukan untuk memperbaiki, memelihara dan memperbesarkan masjid jauh lebih kecil disediakan berbanding dengan membina masjid baharu. Tetapi memperbaiki yang dalam bahasa Inggerisnya *maintenance*, itu kadang-kadang perlu disegerakan bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar kepada orang ramai.

Demikian juga pembesaran, perlu dilakukan segera kerana penghijrahan dan perpindahan penduduk yang ramai yang di luar jangkaan akibat kemajuan dan kesedaran beragama yang drastik berlaku di negara kita pada masa ini. Alhamdulillah kita bersyukur, tetapi dalam masa yang sama kita juga terpaksa bersabar dan menimbang dengan saksama.

Berhubung mengenai harapan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, agar Skim Perkhidmatan Perguruan yang telah diperkenalkan di Kementerian Pendidikan dilaratkan pula kepada para guru dan pendidik yang ada di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas pandangan tersebut. Pada dasarnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kita semua menyedari dan mengakui bahawa di samping guru umum, maka guru ugama juga turut memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik dan

membentuk generasi bangsa serta mencorak kemajuan negara pada masa hadapan.

Atas dasar itulah, apabila Skim Perkhidmatan Perguruan, Kementerian Pendidikan diluluskan pada tahun 2008 Masihi, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil langkah proaktif merangka Kertas Cadangan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama dan menghadapkannya kepada pihak berkenaan pada tahun 2009 Masihi untuk penelitian dan ketetapan mengenainya. Walau bagaimanapun, setelah penelitian pihak berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dikehendaki meneliti dan mengemas kini semula kertas cadangan tersebut.

Oleh itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah meneliti dan mengemas kini semula Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama berkenaan dengan berpandukan kepada Skim Perkhidmatan Perguruan, Kementerian Pendidikan dengan beberapa pindaan telah dibuat mengikut kesesuaian dasar dan keperluan Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri. Skim itu telah dihadapkan semula kepada pihak yang berkenaan pada tahun 2012 Masihi. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dimaklumkan bahawa sehingga kini skim itu masih dalam proses penelitian lanjut oleh pihak-pihak yang berkenaan sebelum sebarang ketetapan dibuat mengenainya.

Kaola percaya, dengan adanya suara di Dewan yang mulia, ini pihak-pihak

yang berkenaan akan membuat pertimbangan mengenainya memandangkan sumbangan tenaga pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak kurang pentingnya dalam memperkasa generasi bangsa. Dengan demikian perkhidmatan perguruan secara menyeluruh, baik umum mahupun agama di institusi-institusi pendidikan di negara ini dapat diselaraskan.

Jika Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG), Kementerian Pendidikan telah diluluskan dan telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008 Masihi yang lalu, maka kaola penuh berharap Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU) juga akan dapat diluluskan dalam kadar masa yang tidak lama lagi, insya-Allah.

Skim ini dihasratkan untuk menjana dan mendapatkan kepakaran serta kemahiran daripada tenaga-tenaga pengajar yang berkualiti tinggi dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu (ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi). Di samping menggalakkan mereka meningkatkan tahap akademik, memberikan peluang kenaikan pangkat, mengurangkan pergantungan pada tenaga-tenaga pengajar dari luar negara dan menyelaraskan ketidakseimbangan tangga gaji perkhidmatan guru yang ada sekarang.

Untuk makluman bersama, guru-guru agama pada masa ini sudah ramai yang berijazah yang diperolehi dari dalam dan luar negara, termasuk dari Universiti Al-Azhar, Mesir, terutamanya dengan

tertubuhnya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, ramai guru yang sebelumnya hanya memegang sijil-sijil dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kini telah berijazah dan malah ada yang meneruskan hingga ke peringkat Sarjana (*MA*) dan Doktor Falsafah. Ini satu kemajuan yang kita tidak terbayang sebelumnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada akhirnya kaola memohon berbanyak-banyak kemaafan jika ada apa jua kekurangan dalam perbahasan, yang mungkin dapat kita sambung secara informal bila-bila masa sahaja di luar Dewan serta silaturrahim yang berpanjangan dan mesra tetap terjalin antara kita, bila-bila masa dengan doa, semoga kita dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala, kesihatan yang baik, panjang usia, murah rezeki, kuat ibadah dan sentiasa dalam ceria. Amin Yarabba Alameen.

Sebagaimana rakan-rakan yang lain, kaola juga ingin berpantun:

Dari Miri pergi ke Mukah,  
Dalam perjalanan membeli buah,  
Berbincang sudah, berbahas sudah,  
Semoga kerja-kerja kita diterima Allah.

Dalam perjalanan membeli buah,  
Buah kelapa, buah mangga,  
Semoga kerja-kerja kita diterima Allah,  
Kita penyambung lidah bangsa, agama  
dan negara.

Tahniah kepada semuanya. Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Wa'alaikumsalam. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu tadi. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, maka Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara ini sekarang sudah sampai ke penghujungnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk melantik saya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas penghargaan yang diucapkan kepada Yang Di-Pertua majlis ini dan juga kepada Dewan ini secara amnya.

Sehubungan dengan itu, saya turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat

sendiri. Setiap Ahli Yang Berhormat sama ada yang dilantik mahupun daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri-Menteri telah memberikan kerjasama sepenuhnya yang menyebabkan Mesyuarat kita telah dapat berjalan dengan baik, lancar dan penuh harmoni.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkanlah saya mengambil kesempatan sedikit untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai saya, Jurutulis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis, Bentara-Bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan di semua peringkat sama ada daripada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen mereka dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan di sepanjang permesyuaratan kita ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat ini juga adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik. Ini termasuklah liputan media massa dari pihak kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak di dalam negeri yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan di Dewan yang mulia ini. Saya dengan tulus ikhlas mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada kesempatan ini juga saya ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan dengan 5 Mac 2015 Masihi dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Selangkah demi selangkah Majlis Mesyuarat Negara menuju ke arah kematangannya. Proses ini sememangnya mengambil masa. Di sepanjang permesyuaratan, saya dapat memerhatikan bahawa di Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara ini dan begitu juga di sepanjang persidangan permesyuaratan-permesyuaratan yang telah lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin-pemimpin akar umbi sering membuat laungan-laungan atau pertanyaan-pertanyaan seperti bilakah?, kenapakah?

Maka saya terpanggil untuk mengingatkan semula titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2014 Masihi yang antara lain petikan titah tersebut ada menyentuh mengenai Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya memertabatkan Majlis ini selaku institusi yang dihormati dan menjadi forum perbincangan yang diharapkan yang mampu menghindari perkara remeh-temeh dan sebaliknya mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada saya mesej ini memberikan makna yang amat mendalam dan sewajarnya bagi semua kita mendukung sepenuhnya titah ini iaitu tentang sikap mengubah. Sikap kita sendiri dan *mindset* kita ke arah kebaikan.

Maka bertolak maksud tafsiran ini, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat membudayakan selaku Ahli-ahli Mesyuarat Negara untuk menangani tanggungjawab dan penggalak kepada pembangunan negara. Maka kita ubah *mindset* kita. Bertransformasilah kita, kalau boleh kita, siapa lagi kalau bukan sekarang, bila lagi?

Maka dengan ini saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian nanti.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat Negara  
ditangguhkan)**